PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
(416087-U)

MANTAP & KOMITED

LAPORAN TAHUNAN 2013

RASIONAL MUKA DEPAN

MANTAP & KOMITED

Sejak bertahun lamanya, Puncak Niaga telah memperlihatkan komitmen yang mantap dalam memberikan perkhidmatan berkualiti biarpun berhadapan dengan begitu banyak cabaran. Komitmen kami untuk menetapkan piawaian kecemerlangan pada tahap yang lebih tinggi dalam semua aspek operasi kami menjadi teras kepada prestasi Kumpulan yang terus-menerus memperlihatkan keteguhan. Dengan melaksanakan perkhidmatan yang cekap secara berterusan, di samping menerima pakai pembangunan modal insan yang berkesan serta teknologi, proses dan sistem operasi yang inovatif, kami menjamin kemampanan pertumbuhan Kumpulan untuk hari ini dan esok.

Mengakui tanggungjawab kami untuk memberi khidmat kepada pelbagai pihak berkepentingan dan masyarakat di mana Kumpulan beroperasi, di samping menyedari akan kesan usaha kami terhadap mereka, kami terus memberi tumpuan bagi mewujudkan perniagaan yang mampan serta memberi impak positif terhadap para pemegang kepentingan. Penerokaan kami ke dalam sektor Minyak dan Gas serta sektor pembinaan yang begitu dinamik memberi penekanan kepada strategi kami untuk mencipta aliran hasil baharu serta pertumbuhan yang mampan untuk Kumpulan. Bersatu sebagai sebuah pasukan dan didorong oleh kesungguhan kami agar cemerlang dalam setiap perkara yang dilaksanakan, kami kekal fokus untuk membuktikan kecekalan kami sebagai sebuah syarikat yang mantap dan komited.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ke-17

Tarikh : 26 Jun 2014 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Concorde 1
Concorde Hotel Shah Alam
Aras 2, No. 3
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

VISI & MISI

VISI KAMI

Untuk Menjadi Penyedia Penyelesaian Bersepadu Bagi Air, Air Sisa Dan Persekitaran Yang Terunggul Di Rantau Dan Untuk Menjadi Pemain Sektor Minyak Dan Gas Yang Penting.

MISI KAMI

Untuk menghadapi cabaran yang semakin meningkat dalam permintaan untuk bekalan air berkualiti tinggi, air sisa dan sistem persekitaran melalui pelaksanaan piawaian berkualiti tinggi, perkhidmatan yang cekap, pembangunan modal insan, teknologi inovatif dan sistem pengendalian yang berterusan.

Untuk berkongsi pengalaman kami dan menawarkan kepakaran kami melalui Perkongsian Perniagaan Bijak, Perkongsian Swasta Awam atau lain-lain model perniagaan yang inovatif.

Untuk menyertai secara aktif dalam peluang-peluang perniagaan tempatan, rantau dan global yang berhubung kait dengan kegiatan teras Syarikat, air sisa & pengurusan sisa pepejal, pengurusan alam sekitar dan sektor minyak & gas.

Untuk menyokong dan mengambil bahagian secara aktif dalam program dan aktiviti yang bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat dan nilai kehidupan selaras dengan aspirasi Wawasan 2020 negara.

Untuk menyelesaikan isu-isu tempatan dan antarabangsa yang berkaitan dengan pemuliharaan, penjagaan dan peningkatan kualiti alam sekitar.

ISI KANDUNGAN

1 Visi & Misi
4 Nilai-nilai Puncak

MENGENAI KAMI

5 Tentang Laporan Ini
6 Perutusan Pengerusi Eksekutif
16 Profil Korporat
18 Maklumat Korporat
21 Lampiran Fakta Kumpulan PNHB
24 Peranan Kami Dalam Sistem Pembekalan Air
25 Peranan Kami Dalam Sistem Rawatan Air Sisa
26 Pencapaian Penting
30 Berita Puncak
32 Pencapaian Korporat
34 Sorotan Penting 2013

STRUKTUR KAMI

35 Struktur Korporat
36 Struktur Organisasi - PNSB
38 Struktur Organisasi - SYABAS
40 Struktur Organisasi - POG
41 Struktur Organisasi - GOM Resources

KEPIMPINAN KAMI

42 Profil Lembaga Pengarah
52 Lembaga Pengarah
54 Profil Kakitangan Utama - PNSB
60 Profil Kakitangan Utama - SYABAS
70 Profil Kakitangan Utama - Sino Water
71 Profil Kakitangan Utama - POG & GOM Resources

TINJAUAN PRESTASI

76 Sorotan Penting Kewangan Bagi Tempoh Lima Tahun
77 Prestasi Kumpulan Bagi Tempoh Lima Tahun
78 Harga Saham & Jumlah Didagangkan
80 Kalendar Kewangan

ISI KANDUNGAN

TINJAUAN OPERASI

82 Tinjauan Operasi - Puncak Niaga (M) Sdn Bhd
87 Tinjauan Operasi - Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd
93 Tinjauan Operasi - Puncak Oil & Gas Sdn Bhd, GOM Resources Sdn Bhd Dan KGL Ltd.
96 Pengembangan Perniagaan
100 Menyampaikan Perkhidmatan Cemerlang
104 Menyampaikan Kualiti

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

112 Menghargai Kakitangan Kami
128 Memelihara Alam Sekitar Kita
139 Bersama Komuniti Kami
144 Acara Korporat

KEBERTANGGUNGJAWABAN

148 Penyata Tadbir Urus Korporat
172 Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
174 Laporan Jawatankuasa Audit
180 Dasar & Laporan Pengurusan Risiko
184 Dasar Pendedahan Korporat
185 Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat
186 Dasar Kesihatan, Keselamatan Dan Alam Sekitar
187 Dasar & Laporan Perhubungan Pelabur
190 Dasar & Laporan Kualiti
191 Penyata Tanggungjawab Pengarah Bagi Penyediaan Penyata Kewangan

PENYATA KEWANGAN

194 Penyata Kewangan

INFORMASI LAIN

368 Analisis Sekuriti Syarikat
374 Senarai Hartanah
376 Indeks GRI

NOTIS MESYUARAT

384 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
388 Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

- Borang Proksi
- Direktori Korporat

NILAI-NILAI PUNCAK

NILAI-NILAI SYARIKAT KAMI, NILAI-NILAI PUNCAK MEMBENTUK BUDAYA ORGANISASI DAN MEMACU CARA KAMI MENJALANKAN PERNIAGAAN. IA DISEPADUKAN DALAM PROSES-PROSES PERNIAGAAN DAN NILAI-NILAI TERAS KAMI.

Di **PUNCAK**, kami sentiasa berusaha untuk menjadi:

PASSIONATE Bersemangat dalam perniagaan kami untuk mengekalkan prestasi mampan.

UNITED Bersatu padu dalam strategi tanggungjawab korporat kami selaras dengan Visi kami untuk menjadi Penyedia Penyelesaian Bersepadu Bagi Air, Air Sisa Dan Persekitaran Yang Terunggul Di Rantau Dan Untuk Menjadi Pemain Sektor Minyak Dan Gas Yang Penting.

NURTURE Memupuk modal insan kami ke arah pembentukan tenaga kerja yang diteladani.

CORPORATE GOVERNANCE Tadbir Urus Korporat memacu cara kami menjalankan perniagaan di dalam persekitaran dunia perniagaan sejagat yang sentiasa berubah.

ACCOUNTABLE Bertanggungjawab dalam semua tindakan dan proses rundingan kami dengan semua pihak berkepentingan.

KNOWLEDGEABLE Berpengetahuan dalam semua aspek operasi perniagaan kami dan terus menjadi pembekal air bersih yang boleh dipercayai dan diharapkan.

TENTANG LAPORAN INI

Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") beriltizam terhadap tahap kewibawaan dan ketelusan tertinggi dalam perniagaan kami. Laporan Bersepadu 2013 ini mencakupi kedua-dua aspek kewangan dan operasi perniagaan kami dan ia menyediakan pembentangan yang jelas serta menyeluruh tentang prestasi kami kepada para pemegang kepentingan.

Di serata laporan ini, kami menyediakan pemusatan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana kami mengendali kemampanan di serata perniagaan, cabaran yang dihadapi serta kemajuan yang telah ditempa. Setiap tahun kami berusaha untuk mengguna pakai secara berterusan penyelesaian baharu dan inovatif dan berbangga untuk menunjukkan bagaimana kini kemampanan telah terpahat kukuh dalam lingkungan pengurusan kami. Pendekatan terhadap kemampanan mengukuhkan iltizam kami untuk bertindak secara bertanggungjawab dan beretika. Laporan ini memperlihatkan aktiviti kami sepanjang 2013 dan kemajuan ke arah mencapai matlamat kami.

Kami beroperasi dalam perniagaan dengan sumber terbatas dan justeru itu bagi kami, kemampanan bukan satu pilihan. Ia bersepadu dalam setiap aspek perniagaan kami. Kami prihatin terhadap pelanggan, warga kerja, komuniti serta alam sekitar kami kerana ia membentuk suatu hubungan yang saling berkait dalam perniagaan kami. Laporan kami yang bersepadu mencerminkan iltizam kami terhadap nilai jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Asas kepada amalan kemampanan yang baik adalah matlamat kami yang mantap dan tidak pernah berubah untuk memastikan kami mendukung standard tertinggi dalam pengurusan dan kawalan tanggungjawab. Ini jelas tergambar dalam pelbagai sistem dan proses yang telah tersedia untuk mengurus isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus kami. Laporan bersepadu ini turut membincangkan kepentingan pihak berkepentingan dan bagaimana kami sentiasa berusaha memenuhi kewajipan kami.

Rangka kerja utama yang digunakan ialah Inisiatif Pelaporan Global ("GRI"), Garis Panduan GRI G3.1. Laporan ini telah disediakan untuk mematuhi tahap guna pakai A. Garis panduan lain termasuklah Garis Panduan CSR Bursa Malaysia Securities Berhad serta Panduan ISO 26000 mengenai Tanggungjawab Sosial. Di mana mungkin, kami telah menyediakan data kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan petunjuk yang diperlukan. Tumpuan kami adalah terhadap isu yang penting kepada perniagaan kami yang digambarkan sebaiknya oleh impak dan cabaran kami.

Indeks Kandungan GRI G3.1 yang boleh didapati pada muka surat 376 hingga 383 di dalam Laporan Tahunan ini bertindak sebagai alat pandu arah dan merupakan cerminan pendedahan bagi setiap petunjuk. Kami akan terus menambahbaik tahap pendedahan dalam Laporan kami di masa hadapan.

Agar dapat mengkuantitikan tahap perkembangan peristiwa penting kelestarian CSR kami, pencapaian pada tahun 2013 telah dibandingkan dengan tahun terdahulu. Data prestasi kawal selia tertentu yang terkandung dalam Laporan Tahunan PNHB 2013 adalah tertakluk kepada audit kawal selia. Laporan ini tersedia untuk semua pemegang kepentingan dalam bentuk salinan keras berdasarkan permintaan dan boleh dimuat turun dari laman sesawang korporat kami.

Tempoh Pelaporan:

1 Januari hingga 31 Disember 2013

Batas

Laporan ini merujuk kepada tempoh 1/1/2013-31/12/2013 (melainkan dinyatakan sebaliknya pada mana-mana bahagian), dan:

- merujuk kepada semua aktiviti Kumpulan PNHB (termasuk subsidiari utama)
- menyentuh semua operasi Kumpulan PNHB (pejabat, produk dan jualan)
- mengandungi keputusan kuantitatif dan kualitatif untuk semua penunjuk yang dikemukakan selama tiga tahun lepas (melainkan jika dinyatakan sebaliknya)

Maklum Balas

Semua komen, pandangan dan kata-kata boleh ditujukan kepada:

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13, 40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Telefon: 03 5522 8589
Faks: 03 5522 8598
Emel: pr@puncakniaga.com.my

YBhg Tan Sri Rozali Ismail
Pengerusi Eksekutif Kumpulan PNHB

PERUTUSAN PENGERUSI EKSEKUTIF

Para Pemegang Saham dan Pemegang Kepentingan yang dihargai sekalian,

Sungguhpun tahun 2013 diwarnai pelbagai cabaran buat Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB" atau "Syarikat"), namun kami kekal berdaya tahan dan berkomited membina nilai mampan buat para pemegang kepentingan jauh melangkaui mandat kami dalam memastikan perkhidmatan pengagihan air yang cekap serta bekalan air yang berkualiti, demi memenuhi jangkaan para pengguna yang sentiasa berubah.

Tahun kewangan ini menyaksikan kami terus melaksanakan langkah proaktif bagi memastikan keberkesanan perjalanan sebuah utiliti awam yang penting di samping menangani sekian banyak cabaran yang hadir bersama dengannya. Meskipun wujud beraneka macam kekangan yang mengganggu kemajuan kami, termasuk cabaran yang berpunca daripada cadangan penstrukturan semula sektor perkhidmatan air di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya ("Cadangan Penstrukturan Semula") yang berlarutan sekian lama, di samping isu yang menyelubungi pelarasan tarif air dan pampasan sebagai ganti ruginya, namun kami berjaya melunaskan kewajipan dan memenuhi sasaran utama yang telah ditetapkan.

Pada tahun kedua kami beroperasi penuh dalam industri Minyak & Gas ("O&G"), kami berhadapan dengan rintangan peringkat awal yang tidak dijangka, di mana skop kerja yang terkandung dalam kontrak sedia ada telah dikurangkan memandangkan pihak majikan, iaitu PETRONAS telah menangguh beberapa kerja. Rentetan dari itu, Bahagian O&G kami telah menanggung kerugian yang agak besar pada 2013 berbanding dengan keuntungan teguh yang diperolehi pada 2012. Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun, kami lebih dari sekadar mengimbangi, malah melangkaui prestasi yang lemah dengan meraih beberapa kontrak O&G yang diharap dapat membawa Bahagian O&G kami menempa kemajuan yang mantap bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2014.

Tahun 2013 telah memperlihatkan kejayaan kami dalam bidang pembinaan, di mana kami berjaya menyempurnakan kesemua 15 arahan kerja untuk Projek Bekalan Air Luar Bandar di Sarawak 2010-2012 ("Projek BALB Sarawak"). Berikutan itu, pada awal 2014, kami telah dianugerahkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah lebih projek pembinaan di Sarawak.

Tahun 2013 menyaksikan Loji Pembersihan Air ("LPA") 30 JLH bagi Fasa 1 Projek Bekalan Air Lushan dilancarkan secara rasmi di China; dan kami juga telah menyempurnakan pemulihan rangkaian pengedaran air sedia-ada di Daerah Perbandaran Lushan.

Saya gembira untuk melaporkan bahawa berlatarkan suasana yang serba mencabar pada 2013, kami terus berkeyakinan menetapkan matlamat mencapai Visi kami untuk menjadi "Penyedia Penyelesaian Bersepadu Bagi Air, Air Sisa Dan Persekitaran Yang Terunggul Di Rantau Dan Untuk Menjadi Pemain Sektor Minyak Dan Gas Yang Penting".

Secara keseluruhannya, 2013 merupakan tahun di mana Kumpulan terus mempamerkan daya tahan dan komitmen untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti biarpun berhadapan dengan pelbagai rintangan. Dalam menetapkan standard kecemerlangan yang lebih tinggi, berteraskan pelaksanaan perkhidmatan yang berkesan, memanfaatkan pembangunan modal insan yang teguh serta mengguna pakai sistem teknologi, proses serta operasi yang inovatif, kami telah memastikan kesinambungan perniagaan kami yang mampan dan menghasilkan nilai buat para pemegang kepentingan dan pemegang saham kami. Usaha yang telah kami ketengahkan untuk tahun di bawah kajian terangkum jitu dalam tema "Mantap & Komited" yang ditampilkan dalam laporan tahunan ini.

Bagi pihak Lembaga Pengarah PNHB, ia merupakan suatu kegembiraan dan penghormatan buat saya untuk mengemukakan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit PNHB dan Kumpulan ("Kumpulan PNHB" atau "Kumpulan") bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

PERSEKITARAN EKONOMI

Tahun 2013 menyaksikan ekonomi global berkembang pada kadar sederhana berlatarkan suasana pertumbuhan yang tidak sekata di serata ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang negara maju, dilihat berlaku secara beransur-ansur berpaksikan ketidakpastian dalam dasar serta kekangan struktur. Dalam ekonomi yang baru muncul, pertumbuhan menyederhana memandangkan permintaan dalam negara menerima impak daripada kelembapan yang berpanjangan dalam permintaan luar. Malah di beberapa ekonomi yang baru muncul, pertumbuhan turut terjejas oleh pelaksanaan dasar yang bermaksud untuk menguruskan kerentanan dalam ekonomi domestik. Selain itu, anjakan dalam jangkaan pasaran terhadap pengurangan bantuan monetari di Amerika Syarikat pada setengah tahun kedua 2013 telah membawa kepada pembalikan aliran modal yang besar dari ekonomi yang baru muncul.

Meskipun persekitaran luar tampil lebih lemah, namun ekonomi Malaysia mampu berkembang 4.7% pada 2013 (2012: 5.6%), dipacu oleh pertumbuhan yang kekal kukuh dalam pemintaan domestik dengan diterajui kekuatan aktiviti dalam sektor swasta. Sebahagian besar penggunaan swasta adalah berpaksikan guna tenaga yang memuaskan dan kenaikan gaji. Pelaburan swasta pula disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan, perkhidmatan dan perkilangan. Prestasi pertumbuhan yang lebih sederhana pada tahun kewangan ini banyak berpunca daripada perkembangan dalam sektor luar. Permintaan yang lembap daripada negara maju dan ekonomi serantau pada setengah tahun pertama 2013 telah menyumbang kepada kemerosotan eksport nyata secara keseluruhan pada tahun ini. Keadaan diperburukkan lagi oleh pengembangan yang berterusan dalam import nyata sepanjang 2013 yang timbul daripada pertumbuhan tertahan dalam pelaburan dan penggunaan domestik, lantas menyumbang kepada pengecutan dalam eksport bersih.

(Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2013)

PERUTUSAN PENGERUSI EKSEKUTIF

PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Kumpulan mencatatkan hasil yang lebih rendah berjumlah RM1.15 bilion berbanding perolehan hasil sebanyak RM1.56 bilion (dinyatakan semula) yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, yakni penurunan sebanyak 26.3% atau RM0.41 bilion dari hasil yang diperoleh pada 2012. Punca utama kejatuhan dalam perolehan hasil adalah disebabkan sumbangan hasil yang lebih rendah daripada segmen O&G.

Sehubungan itu Kumpulan melaporkan keuntungan sebelum cukai ("PBT") yang lebih rendah sebanyak RM236.4 juta pada 2013 berbanding RM325.4 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, yakni berkurangan 27.4% atau RM89.0 juta dari PBT 2012. Keadaan ini adalah bersandarkan sumbangan hasil yang lebih rendah dari segmen O&G serta Pembinaan, kos operasi dan kerugian kejejasan yang lebih tinggi dari bil belum-terima jangka panjang.

Segmen air memperlihatkan keuntungan sebelum faedah dan cukai ("PBIT") yang lebih tinggi berjumlah RM428.6 juta bagi tahun di bawah kajian berbanding dengan catatan RM380.4 juta PBIT pada tahun terdahulu, yang mewakili kenaikan 12.7% atau RM48.2 juta. Sebahagian besar peningkatan PBIT ini adalah disebabkan sumbangan hasil yang lebih tinggi serta perbelanjaan operasi yang lebih rendah.

Sebaliknya, segmen Minyak dan Gas pula melaporkan kerugian sebelum faedah dan cukai ("LBIT") sebanyak RM30.4 juta pada 2013 berbanding PBIT berjumlah RM84.0 juta yang terhasil pada tahun sebelumnya, untuk menterjemahkan kejatuhan sebanyak 136.2% atau RM114.4 juta. Penyebab utama LBIT adalah sumbangan keuntungan yang lebih rendah daripada GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources") kerana penangguhan kerja, serta kos operasi yang lebih tinggi.

Segmen Pembinaan mencatatkan LBIT pada kadar RM13.3 juta pada 2013 berbanding dengan PBIT berjumlah RM25.5 juta pada 2012, yakni berkurangan 152.2% atau RM38.8 juta. LBIT ini adalah disebabkan berakhirnya sebahagian besar projek dalam segmen ini sepanjang tahun 2013.

Dividen
Bersandarkan hakikat bahawa Kumpulan perlu memelihara sumber kewangannnya berlatarkan keadaan semasa yang diketengahkan di atas, Lembaga Pengarah tidak menyarankan sebarang dividen terakhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

CABARAN

Sepanjang tempoh 2013, Kumpulan terus menerus berhadapan dengan cabaran berkenaan isu air yang masih belum menemui penyelesaian. Ini termasuklah isu yang berkaitan dengan Cadangan Penstrukturan Semula yang bermula sejak awal tahun 2008 serta isu yang berkaitan dengan pelarasan tarif air bagi tempoh operasi ketiga dan keempat yang mana masing-masing bermula pada 1 Januari 2009 dan berakhir pada 31 Disember 2011, serta bermula dari 1 Januari 2012 dan berakhir pada 31 Disember 2014 ("Pelarasan Tarif Air") ataupun pampasan sebagai ganti ruginya seperti yang disyaratkan di bawah Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004 yang telah ditandatangani antara Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"), Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor ("Perjanjian Konsesi SYABAS").

Pada 2013, Syarikat telah menerima dua Tawaran daripada Kumpulan Darul Ehsan Berhad ("KDEB") bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan tawaran Cadangan Penstrukturan Semula yang memberikan terma dan syarat indikatif bagi cadangan pembelian 100% ekuiti dalam PNSB ("Cadangan Pembelian PNSB") serta terma dan syarat indikatif untuk cadangan pembelian 70% ekuiti dalam SYABAS selain daripada ekuiti yang telahpun dimiliki oleh KDEB ("Cadangan Pembelian SYABAS").

Pada 20 Februari 2013, Syarikat telah menerima dua pucuk surat daripada KDEB yang mewakili Kerajaan Negeri Selangor berkaitan dengan Cadangan Pembelian PNSB serta Cadangan Pembelian SYABAS ("Tawaran KDEB 20 Februari 2013").

Pada 6 Mac 2013, setelah melakukan perbincangan yang sepenuhnya berkenaan terma dan syarat indikatif Tawaran KDEB 20 Februari 2013 dan setelah mempertimbangkan nasihat yang diberi oleh Penasihat yang dilantik oleh Syarikat untuk membantu menilai Tawaran KDEB 20 Februari 2013, Syarikat telah mengumumkan bahawa Lembaga Pengarah tidak dapat mencapai keputusan muktamad walaupun untuk menimbang memberi kelulusan pada dasarnya atau menyatakan persetujuan pada dasarnya kepada KDEB disebabkan sifat Tawaran KDEB yang tidak lengkap dan tidak muktamad, di samping pendirian yang diambil oleh Pengurusan Aset Air Berhad ("PAAB"). Lembaga Pengarah juga tidak bersedia untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat bagi tujuan membentangkan Tawaran KDEB 20 Februari 2013 kepada para pemegang saham Syarikat untuk dipertimbangkan.

Selanjutnya, Lembaga Pengarah membuat keputusan bahawa Syarikat masih bersedia berbincang dengan KDEB mengenai Tawaran KDEB 20 Februari 2013, tertakluk kepada kesediaan KDEB untuk memberi jawapan muktamad terhadap semua isu yang dibangkitkan oleh Syarikat.

Pada 21 November 2013, Syarikat sekali lagi menerima dua pucuk surat dari KDEB bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan Cadangan Pembelian PNSB dan Cadangan Pembelian SYABAS ("Tawaran KDEB 21 November 2013 ").

Pada 3 Disember 2013, setelah menimbangkan sepenuhnya terma dan syarat indikatif Tawaran KDEB 21 November 2013 dan setelah memikirkan nasihat pihak Pengurusan Syarikat dan Penasihat yang dilantik oleh Syarikat bagi membantu menilai Tawaran KDEB 21 November 2013, Syarikat mengumumkan bahawa Lembaga Pengaruh telah memutuskan untuk menerima pada dasarnya Tawaran daripada KDEB bagi Cadangan Pembelian PNSB dan Cadangan Pembelian SYABAS dengan

tertakluk kepada persetujuan KDEB untuk menerima beberapa dasar yang berkaitan dengan pulangan terkompaun, bil belum-terima yang perlu dibayar dan yang belum dijelaskan daripada SYABAS kepada PNSB, baki tunai dalam PNSB dan SYABAS, Tawaran KDEB selepas-penerimaan dan pengambilalihan aset air oleh PAAB.

Di atas permintaan KDEB, Syarikat kemudiannya telah memberi KDEB lanjutan masa untuk memberi maklum balas yang sewajarnya kepada surat Syarikat bertarikh 4 Disember 2013.

Pada 9 Januari 2014, KDEB telah memaklumkan Syarikat bahawa tidak akan ada perbincangan lanjut mengenai cadangan untuk membeli ekuiti PNSB dan SYABAS sejauh yang boleh dilihat di masa depan.

Pada 26 Februari 2014, pihak media telah melaporkan penandatanganan Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Persekutan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014 berhubung dengan Cadangan Penstrukturan Semula, bantuan kewangan dan penyempurnaan Projek Langat 2 di kemuncak krisis air 2014 apabila Kerajaan Negeri Selangor perlu mengenakan catuan air di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Seterusnya, pada 26 Februari 2014, Syarikat sekali lagi menerima tawaran baharu menerusi dua pucuk surat daripada KDEB sebagai wakil Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan Cadangan Pembelian PNSB dan Cadangan Pembelian SYABAS ("Tawaran KDEB 26 Februari 2014").

Syarat tawaran adalah serupa dengan Tawaran KDEB 21 November 2013 kecuali bagi fasal tambahan yang mensyaratkan penentuan menerusi timbang tara sekiranya para pemegang saham tidak bersetuju dengan Tawaran KDEB 26 Februari 2014.

Pada 10 Mac 2014, Lembaga Pengarah, setelah membincangkan sepenuhnya terma dan syarat indikatif Tawaran KDEB 26 Februari 2014 dan setelah memikirkan nasihat pihak Pengurusan Syarikat dan Penasihat yang dilantik oleh Syarikat bagi membantu menilai Tawaran KDEB 26 Februari 2014, Syarikat telah membuat keputusan bahawa manakala Syarikat sanggup menimbangkan Tawaran KDEB 26 Februari 2014, beberapa penjelasan perlu diperjelaskan/disahkan termasuklah penyingkiran fasal timbang tara.

Pada masa yang sama, pada 10 Mac 2014, Lembaga Urus Air Selangor ("LUAS") telah memaklumkan subsidiari milik penuh Syarikat, PNSB bahawa sejajar dengan keputusan Kerajaan Negeri Selangor, syarikat-syarikat konsesi pembersihan air di Selangor dibenarkan mengendali kegiatan pengabstrakan air mentah sehingga tamatnya tempoh lesen pengabstrakan air mentah sedia ada pada 31 Mei 2014; yang mana berikutan itu tiada pembaharuan lesen melainkan terdapat arahan lanjut yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ini telah mencetuskan tindakan undang-undang baharu yang dimulakan oleh PNSB terhadap LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor, yang mana prosiding mahkamah sedang berjalan berserta tindakan undang-undang yang lain berkaitan isu air yang melibatkan Konsortium ABASS Sdn Bhd ("Konsortium ABASS"), SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor seperti yang didedahkan pada bahagian litigasi penting Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Cadangan Penstrukturan Semula mula menunjukkan tanda perubahan apabila pada 21 Mac 2014, Kerajaan Persekutuan mengumumkan dalam media bahawa memandangkan syarikat konsesi pembersihan air di Selangor telah menolak tawaran terbaru dari Kerajaan Negeri Selangor yang dibuat pada Februari 2014, Kerajaan Persekutuan mempunyai sedikit pilihan kecuali untuk menggunakan Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air ("WASIA") 2006 yang membenarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ("SPAN") mengambilalih kawalan perniagaan air untuk kepentingan negara, dalam masa dua minggu dari masa pengumuman tersebut. Walau bagaimanapun, sehingga masa laporan ini ditulis, perkara tersebut belum menjadi kenyataan.

Amaun pampasan sebagai ganti rugi tuntutan Pelarasan Tarif Air dalam tindakan undang-undang oleh SYABAS terhadap Kerajaan Negeri Selangor di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS adalah sebanyak RM1,054.20 juta bagi tempoh bermula dari 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2011. Jumlah Pampasan Tarif Air bagi tempoh bermula dari 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM3,556.4 juta.

Sehingga kini, SYABAS masih belum dapat membuat pembayaran penuh pembelian air daripada empat operator pembersih air, iaitu PNSB, Konsortium ABASS, Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd ("SPLASH") serta Konsortium Air Selangor Sdn Bhd. Masalah aliran tunai turut mencantas keupayaan kewangan SYABAS dalam melaksanakan program Perbelanjaan Modal ("CAPEX") bagi mengurangkan Air Bukan Hasil ("NRW") serta memulihkan aset pengagihan yang lama.

Keputusan Kerajaan Negeri Selangor pada 2008 untuk membekukan program CAPEX SYABAS (yang merangkumi penggantian paip lama dan berusia serta lain-lain lagi) kecuali bagi kerja-kerja yang sangat kritikal, sehinggalah Cadangan Penstrukturan Semula diterima dan dilaksanakan, masih tetap tidak berubah dan berterusan pada tahun 2013 sehingga kini. Dengan sebahagian besar dari program yang telah dirancang ditahan untuk sebegitu banyak tahun, usaha SYABAS dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada para pengguna telah entah bagaimana terjejas. Banyak serta kerap berlakunya kejadian paip pecah dan gangguan bekalan air yang menjejaskan usaha SYABAS untuk meningkatkan perkhidmatan pengagihan air kepada pengguna. Buat masa ini, hanya inisiatif ad hoc yang dikelaskan sebagai kerja yang amat kritikal diluluskan oleh SPAN. SYABAS juga tidak dapat mengurangkan lagi paras NRW.

PERUTUSAN PENGERUSI EKSEKUTIF

Krisis Air semasa 2014 yang mengakibatkan catuan air (dua hari ada bekalan air dan dua hari tanpa bekalan air) dan yang mana setakat 1 Mei 2014, telah menjejaskan 6.7 juta penduduk di Lembah Klang, telah bermula secara berperingkat sejak 27 Februari 2014. Krisis Air 2014 ini berpunca daripada ketidakcukupan bekalan air bersih bagi memenuhi peningkatan permintaan air; pencemaran air mentah yang disebabkan oleh kandungan amonia yang tinggi yang ditemui di Sungai ("Sg") Langat; serta kemerosotan yang drastik dalam paras simpanan air empangan di beberapa empangan utama di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang berpunca daripada cuaca panas dan kering selama berbulan-bulan serta berkurangnya air hujan di kawasan takungan air dan empangan pada akhir tahun 2013 dan pada awal tahun 2014.

Catuan air seperti yang diluluskan oleh SPAN telah dijalankan berikutan keputusan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan bekalan air mentah. SYABAS telah diarah untuk melaksanakan rancangan catuan air tersebut.

PNSB dan SYABAS terus mengharungi keadaan ini dengan memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai dengan menggerakkan sumber tenaga kerja, tangki air serta tangki statik. SYABAS juga bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri, pihak berkuasa kawal selia dan juga kementerian seperti SPAN, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ("KeTTHA") serta Kementerian Pertahanan Malaysia ("MOD") semasa berlakunya Krisis Air 2014.

Pada 2013, Bahagian O&G Kumpulan menyaksikan skop kerja untuk kontrak Pengangkutan & Pemasangan ("T&I") bagi kemudahan luar pesisir dikurangkan kerana penangguhan kerja oleh PETRONAS yang menjangkakan Kontrak Pan Malaysia yang baharu. Akibatnya, perolehan hasil Bahagian O&G merudum kira-kira 41.5% dengan mencatatkan kerugian sebelum faedah dan cukai sebanyak RM30.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Bahagian O&G sedang menumpukan semula usaha ke arah memantapkan kedudukannya.

PENCAPAIAN

Meskipun diselubungi begitu banyak kesulitan, warga kerja Kumpulan PNHB tetap berpegang teguh pada matlamatnya, terus mempamerkan daya tahan serta memenuhi komitmen kepada pelbagai pemegang kepentingan dan pengguna kami. Saya gembira untuk melaporkan bahawa Kumpulan telah berjaya mengharungi persekitaran yang sukar dioperasi pada 2013 dengan melangkaui semua penunjuk prestasi utama ("KPI") bagi tahun tersebut. Kumpulan turut melunaskan kewajipannya pada 2013 dalam menyediakan sebaiknya bekalan air bersih yang baik selain terus menguruskan pemintaan terhadap air yang kian meningkat bagi kawasan yang terletak di bawah operasinya.

Pada tahun di bawah kajian, 29 LPA dan empangan PNSB terus beroperasi secara cekap dan lasak menghasilkan volum air bersih yang tinggi dengan kualiti cemerlang melangkaui spesifikasi reka bentuk sesebuah LPA itu sendiri. Biarpun berhadapan dengan kekangan kewangan, beberapa kerja penambahbaikan loji telah disiapkan manakala kerja-kerja baharu telah dimulakan di mana ia membantu mengukuhkan keandalan dan kecekapan operasi. PNSB turut memanfaatkan teknologi maklumat dengan memperkenalkan inisiatif baharu demi menguatkan lagi operasi teras perniagaannya.

Tanpa mengendahkan kekangan ketat yang hadir dari pelbagai sudut sepanjang tahun di bawah kajian, SYABAS tetap mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi seperti yang dikehendaki menurut Perjanjian Konsesi SYABAS dan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan (2004) oleh Kementerian Kesihatan. Menjelang akhir tahun, SYABAS buat sekian kalinya berjaya mengatasi sasaran prestasi yang telah ditetapkannya untuk 2013, yang mana melebihi keperluan Perjanjian Konsesi SYABAS. Tahun ini turut melihat SYABAS terus menyediakan air bersih berkualiti biarpun berlatarkan pendanaan CAPEX yang terbatas.

Beralih kepada segmen O&G pula, sungguhpun tahun di bawah kajian dilanda masalah dalam pencapaian perolehan hasil yang disasarkan, GOM Resources telah berjaya meraih kontrak perkhidmatan baharu menjelang akhir tahun 2013. GOM Resources dianugerahkan Pakej B (meletakkan paip) Pengangkutan dan Pemasangan Kemudahan Luar Pesisir Untuk Tahun 2014-2016 Kontrak ("T&I" Pakej B Kontrak") oleh sebelas (11) Petronas Perkongsian Pengeluaran Kontrak. Di bawah T&I Pakej B Kontrak, GOM Resources pada 23 Disember 2013 telah dianugerahkan 2014 Skop Kerja untuk Projek EVA-NMB Sistem Gas Penghantaran (ENGDS) ("2014 Skop Kerja") daripada PETRONAS Carigali Sdn Bhd. Pada bulan Mac 2013, GOM Resources juga telah dianugerahkan kontrak oleh HESS Exploration and Production Malaysia BV untuk kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang Alam Melayu Utara yang disiapkan pada Oktober 2013.

Bagi bidang pembinaan, tahun di bawah kajian menyaksikan Syarikat bersama dengan Quality Concrete Holdings Bhd, menerusi sebuah konsortium, menyiapkan 15 arahan kerja di bawah Projek BALB Sarawak. Persiapan arahan kerja projek ini akan menyediakan air paip bersih disalurkan ke 23,647 buah rumah, menyumbang sebahagiannya kepada usaha Kerajaan Sarawak untuk meningkatkan liputan bekalan air daripada sekadar 59% kepada 90% pada akhir tahun 2013.

Pada 2013, pejabat serta LPA PNSB terus mematuhi piawaian antarabangsa yang ketat. Tiga Pejabat Wilayah dan 26 LPA PNSB telah berjaya mengekalkan ISO 9001:2008 (Sistem Pengurusan Kualiti) pentauliahan. Tiga Pejabat Wilayah dan 27 LPA PNSB berjaya mengekalkan pensijilan OHSAS 18001:2007 (Sistem Pengurusan Keselamatan). Pada masa yang sama, LPA Sg Selangor Fasa 2 ("SSP2") terus mempertahankan ISO 14001 (Sistem Pengurusan Alam Sekitar) pentauliahan yang seterusnya telah membolehkan ia mengekalkan perakuan piawaian Sistem Pengurusan Bersepadu yang merangkumi ISO 9001:2008 (Kualiti), ISO 14001 (Alam Sekitar) dan OHSAS 18001:2007 (Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan). Malah, Makmal Pusat PNSB turut berjaya mempertahankan pensijilan ISO 17025:2005 yang memperakui kecekapan makmal dalam menjalankan pengujian dan penentukuran.

Pada 2013, LPA PNSB, iaitu LPA Sg Langat, LPA Wangsa Maju dan LPA SSP2 telah mendapat pentauliahan ISO 22000:2005 (Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan) di samping sijil perakuan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal ("HACCP") serta Amalan

Pengilangan Yang Baik ("GMP"). Sungguhpun piawaian ini merupakan piawaian yang lazim diterima pakai dalam industri makanan dan minuman, terima pakai PNSB terhadap piawaian ini dalam proses pembersihan air sebagai pendekatan pencegahan secara sistematik terhadap keselamatan air, menegaskan komitmen PNSB untuk sentiasa mengutamakan kesejahteraan pengguna. Berbekalkan pencapaian ini, maka PNSB secara rasminya merupakan salah satu perintis yang menerima pakai perakuan seumpama ini dalam sektor bekalan air Malaysia.

Sementara itu, tiga wilayah SYABAS, yakni Klang/Shah Alam, Gombak dan Kuala Selangor telah menerima pentaulihan OHSAS 18001:2007 (Kesihatan dan Keselamatan) manakala Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran SYABAS telah ditauliahkan dengan pensijilan ISO 9001:2008 (Sistem Pengurusan Kualiti).

GOM Resources terus komited mempertahankan langkah yang ketat berhubung dengan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("HSE") di seluruh operasi minyak dan gasnya. Pada 2013, GOM Resources berjaya mencapai 3.5 juta jam bekerja tanpa Kehilangan Masa Akibat Kecederaan ("LTI") yang menegaskan iltizamnya terhadap amalan HSE dan tempat kerja yang bebas dari kecederaan. Lebih membanggakan, PETRONAS Carigali Sdn Bhd telah mengiktiraf kejayaan GOM Resources mencapai 1.5 juta jam bekerja tanpa LTI, manakala di pangkalan projek HESS, GOM Resources telah meraih pencapaian penting dengan mengumpulkan 250,000 jam bekerja tanpa LTI semasa Program Pemasangan 2013. GOM Resources juga telah menerima akreditasi untuk di Sistem Pengurusan Bersepadu ("IMS") yang meliputi ISO 9001-2008 (Kualiti), ISO14001-2004 (Alam Sekitar), ISO/TS 29001-2010 (Industri Petroleum, Petrokimia dan Gas Semula Jadi - Kualiti Khusus Bahagian) dan juga piawaian OHSAS 18001-2007 (Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan).

PEMBANGUNAN KORPORAT MENGIKUT SEGMEN

Peluang dalam Minyak dan Gas

Kumpulan kekal optimistik terhadap sektor O&G biarpun berhadapan halangan pada 2013. Kami dapat melihat potensi yang besar yang dimiliki oleh sektor ini sejak mula melangkah masuk ke dalam perniagaan ini pada 2012. Banyak yang telah kami pelajari sepanjang dua tahun lepas dan kami kini lebih bersedia untuk menguruskan sumber dan risiko kami.

Buat masa ini, keupayaan kami dalam bidang O&G melibatkan perkhidmatan pembinaan dan sublaut di samping perkhidmatan sokongan marin untuk industri luar pesisir di Malaysia. Perancangan kami tidak lama lagi adalah untuk memasarkan perkhidmatan kapal barj secara lebih agresif dan memperluaskan keupayaan ini menerusi usaha sama. Hari ini, Bahagian O&G terus meneroka kedua-dua peluang pertengahan dan huluan, baik di dalam negara, mahupun di serata ASEAN.

Dalam melangkah ke hadapan, kami menjangkakan bahawa dengan pengembangan operasi Bahagian O&G secara organik dan/atau menerusi penggabungan dan pengambilalihan ("M&A"), ia akan sekali lagi berupaya mengetengahkan perolehan hasil yang teguh dan melonjakkan Kumpulan lebih hampir ke arah mencapai Visinya untuk menjadi pemain penting dalam sektor ini.

Prospek

Memandangkan isu berkenaan keselamatan air dan permintaan terhadap air tampil lebih menonjol di peringkat global, peluang baharu semakin terbuka luas untuk Kumpulan PNHB memperoleh kuasa tarikan dalam sektor air, air sisa serta sektor berkaitan alam sekitar, baik di dalam negara, mahupun di peringkat luar negara.

Pembinaan

Penglibatan kami dalam menaik taraf kepasiti LPA Sarikei untuk meningkatkan taraf bekalan air luar bandar projek di Sarawak dan projek Bunus di Kuala Lumpur untuk menambah baik infrastruktur air kumbahan sedia-ada sehingga Februari 2018 akan memenuhi agenda segmen Pembinaan kami.

Pengembangan di Luar Negara

Di China, Kumpulan bergiat aktif dalam usaha niaga pembekalan air dan rawatan air sisa menerusi subsidiari Singapura kami dengan 98.65% pemilikan, iaitu Sino Water Pte Ltd ("Sino Water"). Projek kami di China seperti Projek Bekalan Air Lushan mula beroperasi pada 2013, manakala Projek Rawatan Air Sisa Binzhou telahpun beroperasi sejak 2012.

Di India, subsidiari milik penuh kami, Puncak Niaga Infrastructures & Projects Private Limited ("PNIP Pte Ltd") terus menerokai peluang dalam arena penyelesaian bersepadu air, air sisa dan alam sekitar. Di Vietnam, Pejabat Perwakilan kami di Bandar Ho Chi Minh terus menilai potensi projek berkaitan air; manakala Cawangan PNHB di Myanmar telah ditubuhkan baru-baru ini; entiti Bahagian O&G kami di Myanmar, iaitu GOM Resources Limited sedang mencari perniagaan berpotensi berkaitan air dan air sisa, di samping perniagaan berpotensi dalam O&G.

Sambil Kumpulan PNHB meneropong jauh melangkaui pasaran tradisionalnya dengan menjelajah sempadan baharu di China, India dan negara ASEAN yang berjiranan, kami sedar bahawa usaha niaga kami harus bertindak sebagai landasan pertumbuhan mampan untuk rancangan jangka sederhana hingga jangka panjang. Dalam mengatur langkah ke hadapan, kami terus beriltizam untuk melaksanakan usaha wajar yang perlu dan berkembang secara berhemat dalam semua pasaran baharu.

Tindakan Korporat

Cadangan penerbitan sehingga 40,910,609 Waran percuma dalam PNHB ("Waran") atas dasar satu Waran bagi setiap sepuluh saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 sesaham yang dipegang dalam PNHB ("Cadangan Penerbitan Waran Percuma") dan penerbitan

Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus lima tahun ("Sukuk Ijarah Boleh Tukar") sehingga RM165.0 juta dalam nilai nominal ("Cadangan Penerbitan Sukuk Ijarah Boleh Tukar") ("Cadangan") telah dibentangkan dan diluluskan oleh para pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat yang diadakan pada 28 Mei 2013.

Cadangan ini telah disempurnakan pada 2013.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT & ALAM SEKITAR

Sebagai peneraju yang memudahkan urusan bekalan air dan sebagai warga korporat yang prihatin, Kumpulan kekal komited untuk mewujudkan keseimbangan antara prestasi kewangan dengan perlakuan sosial dan alam sekitar yang bertanggungjawab. Sehubungan itu, kami terus memupuk amalan bertanggungjawab dan kelestarian dalam segala aspek operasi harian kami agar dapat meningkatkan nilai pemegang saham di samping memenuhi kewajipan terhadap masyarakat dan alam sekitar. Dasar Tanggungjawab Korporat ("CR") Kumpulan menggariskan iltizam kami terhadap alam sekitar, warga kerja, komuniti di mana kami beroperasi serta para pemegang kepentingan kami.

Sebagai sebahagian daripada langkah CR kami untuk memelihara alam sekitar, kami terus mengukuhkan prestasi alam sekitar dan memastikan penyediaan air minuman yang bersih serta selamat dengan impak yang minimal terhadap alam sekitar. Matlamat kami adalah untuk mengamalkan penggunaan air tawar secara bertanggungjawab yang menzahirkan kelestarian alam sekitar di samping memastikan para pengguna kami mendapat akses kepada air minum yang bersih dengan kualiti yang cemerlang, secara andal dan pada harga yang termampu. Untuk mencapai matlamat ini, pasukan Penyelidikan & Pembangunan ("R&D") kami terus-menerus menilai proses rawatan air dan operasi pengagihan air yang sebaik mungkin agar dapat memberikan kepada masyarakat umum air yang berkualiti tinggi pada harga yang efektif.

Kami menggalas tanggungjawab untuk menyediakan air bersih se-langkah lebih jauh dengan membangunkan (menerusi kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia) suatu sistem penulenan air mudah alih yang inovatif, dikenali sebagai JERNIH [akronim bagi "Jointly developed Efficient Robust Novel Innovative and Handy water purification system] (Dibangunkan scara bersama sistem penulenan air yang Cekap Teguh Baharu Inovatif dan Mudah). Peranti ringan penapisan air bio-pasir berkuasa suria ini merawat air mentah dengan efektif di kawasan yang mempunyai akses terbatas kepada air minum yang selamat. Mudah diangkut dan dipasang, JERNIH boleh merawat sehingga 3,000 liter air sehari bagi memenuhi keperluan kira-kira 500 individu.

Pada 2013, JERNIH telah diuji apabila Taufan Haiyan melanda Filipina dan bekalan air di beberapa kawasan telah terputus terus. Kami telah menggerakkan unit JERNIH ke wilayah Leyte, di Tacloban, di mana lima kakitangan PNHB ditemani 11 anggota Angkatan Tentera Malaysia telah menggunakan JERNIH untuk mengagihkan air bersih kepada mangsa taufan. Unit JERNIH sekali lagi digerakkan apabila banjir melanda Pantai Timur Malaysia pada Disember 2013. Secara keseluruhannya, JERNIH telah terbukti sebagai suatu langkah berkesan dalam penyaluran air bersih ke kawasan yang dilanda bencana. Inovasi ini terus meraih minat daripada agensi kerajaan serta agensi bantuan dari seluruh dunia.

Sebagai sebahagian penting strategi kami untuk mencipta nilai kemampanan jangka panjang, kami menyedari perlunya menyemai dan memupuk perhubungan yang bermakna dengan para pemegang kepentingan. Menerusi penglibatan yang aktif dengan para pemegang kepentingan, kami dapat memahami pandangan dan kemusykilan mereka dengan lebih mendalam di samping memupuk rasa muhibah. Sepanjang tahun 2013, kami terus melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan para pemegang kepentingan yang meliputi lawatan, kegiatan bersifat dermawan, program pendidikan, sesi kesedaran dan penyertaan - yang mana kesemuanya membantu mengukuhkan ikatan dengan sekian ramai pemegang kepentingan serta memastikan kelangsungan perniagaan kami. Kami juga terus membantu Kerajaan menangani isu yang berkisar tentang krisis kekurangan air dengan mengadakan sesi bersama orang ramai bagi menyebarkan maklumat terkini tentang status bekalan air di samping mendidik masyarakat mengenai keperluan untuk menjimatkan air.

Kumpulan komited untuk menjaga kesejahteraan kakitangannya dan memastikan mereka mempunyai keseimbangan yang secukupnya dalam kerja dan kehidupan. Bersandarkan matlamat ini, kami telah menubuhkan Persatuan Kakitangan Bekalan Air Selangor, Wilayah Persekutan Kuala Lumpur dan Putrajaya ("PEKA") yang berperanan menyediakan bantuan kebajikan dan memupuk keakraban dari segi sosial dan budaya antara kakitangan Kumpulan dan masyarakat. PEKA terbuka kepada semua kakitangan PNSB, SYABAS, POG dan GOM Resources.

Pada 2013, PEKA menganjurkan pelbagai acara yang termasuk aktiviti-aktiviti rekreasi, acara sukan dan program-program kebudayaan dan agama dengan sokongan penuh serta galakan daripada para Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan.

Pada 2010, PEKA telah melancarkan "Program Bantuan Bekalan Air Tabung Budi" iaitu sebuah tabung kebajikan untuk membantu golongan miskin, gelandangan, ibu atau bapa tunggal, golongan kurang upaya serta mereka yang memerlukan. Program ini terus berkembang maju dengan sumbangan daripada ahli PEKA, kakitangan PNSB/SYABAS/POG/GOM Resources, individu dan badan korporat yang banyak memberi manfaat dalam meringankan beban para penerima tabung. Sehingga kini, kira-kira 2,937 individu, termasuk ahli PEKA, kakitangan SYABAS dan PNSB serta orang ramai telah memberi sokongan terhadap Tabung Budi. Dana daripada Tabung Budi digunakan untuk membayar tunggakan bil air, caj sambungan air serta pembaikan paip air dan kaki meter. Dana Tabung Budi turut meliputi pemasangan bekalan air untuk akaun air baharu, caj pemasangan dan penyambungan semula bekalan air ke rumah penerima tabung, di samping pembayaran bil bulanan.

Sebanyak 42 acara telah diadakan sepanjang 2013 oleh Tabung Budi di mana majlis penyampaian sumbangan telah dilakukan di rumah para penerima tabung di sepuluh wilayah. Sejak program ini dimulakan, kira-kira 552 keluarga telah meraih manfaat daripada Program Tabung Budi manakala sejumlah RM431,332.56 telah dibiayai.

Kami amat menyedari kepentingan melindungi alam semula jadi dan mengurangkan impak operasi kami terhadapnya. Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk memelihara alam sekitar, terutamanya sungai, yang merupakan sumber air mentah utama, bahagian Pengawasan Alam Sekitar kami terus-menerus memantau keadaan alam sekitar di kawasan tadahan yang memberikan kami air mentah.

Untuk menyemai rasa tanggungjawab di kalangan orang ramai, kami menganjurkan beraneka program awam, dan yang paling menyerlah ialah Briged Penyelamat Sungai ("BPS"). Program ini mendidik para pelajar dari sekolah rendah/sekolah menengah/ pengajian tinggi di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya tentang peri pentingnya melindungi alam sekitar. Pada 2013, BPS kami telah melaksanakan pelbagai acara yang meliputi aktiviti pendidikan, hiburan, gotong-royong serta pameran, yang bertujuan mendidik orang ramai serta para pelajar mengenai kepentingan memelihara dan melindungi sumber air kita. Setakat akhir tahun 2013, terdapat lebih kurang 7,440 ahli BPS yang merangkumi para pelajar dari 331 sekolah yang terletak di sekitar kawasan di bawah penjagaan kami.

Sambil PNHB menetapkan matlamatnya untuk menjadi pakar dalam bidang air dan yang berkaitan dengan air serta pemain penting dalam sektor O&G, kami akan berusaha memastikan bahawa agenda kelestarian akan kekal sebagai suatu kemestian yang membentuk iltizam korporat kami. Hanya dengan menyeimbangkan cita-cita kami dari segi ekonomi dengan kewajipan dari sudut kemasyarakatan dan alam sekitar, barulah kami boleh benar-benar berharap untuk berkembang maju secara holistik.

TADBIR URUS KORPORAT

PNHB komited mendukung prinsip ketelusan, kewibawaan dan kebertanggungjawaban dengan melaksanakan rejim tadbir urus korporat yang ketat bagi memastikan layanan yang saksama buat semua pemegang kepentingan. Matlamat utama kami bukan sekadar mempertahankan standard etika tertinggi malah untuk membina sebuah perniagaan yang mampan dan mampu menampilkan perbezaan yang hakiki dari segi perlindungan alam sekitar, penciptaan kekayaan dan pembangunan negara.

Prinsip yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG 2012") terus diterima pakai oleh Lembaga Pengarah pada 2013. Dengan sentiasa mendukung dan melaksanakan standard tadbir urus korporat yang mantap, kami memastikan bahawa kami berada pada kedudukan yang boleh dipercayai untuk meningkatkan nilai pemegang kepentingan, merangsang keyakinan pelabur dan pelanggan serta melindungi reputasi Kumpulan. Ikhtiar tadbir urus korporat kami dibentangkan dalam Penyata Tadbir Urus Koporat pada muka surat 148 hingga 171 di dalam Laporan Tahunan ini.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Serangkaian anugerah dan pengiktirafan yang telah diraih oleh Kumpulan PNHB sepanjang tahun 2013 menegaskan komitmen kami secara kolektif dalam mendukung standard yang tinggi merentasi segenap sudut operasi.

Pada 23 Januari 2014, Majalah Alpha Southeast Asia menganugerahi PNHB dengan Anugerah Peminjam untuk RM165.0 juta Sukuk Ijarah Boleh Tukar PNHB, dan juga telah menganugerahi Penasihat Utama, Pengatur Utama, Pengurus Utama & Bookrunner bagi RM165.0 juta Sukuk Ijarah Boleh Tukar PNHB, Hong Leong Investment Bank dengan anugerah "Best Equity-Linked Deal of The Year In Southeast Asia".

Pada 31 Mac 2014, PNHB telah diberikan anugerah antarabangsa iaitu 'The Diamond Eye Award' untuk Komitment Kualiti & Kecermerlangan oleh Otherways Association Management & Consulting (France).

Untuk terus membuktikan prestasi operasi PNSB yang mantap, LPA Wangsa Maju telah memperolehi Anugerah Trofi Emas di bawah kategori sektor utiliti air daripada Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ("NCOSH"), manakala ia turut merangkul Anugerah Merit Emas daripada Persatuan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia ("MSOSH"). Seterusnya, lima lagi LPA PNSB iaitu LPA SSP2, Bernam River Headworks, Sg Langai, Salak Tinggi dan Sg Rangkap turut diiktiraf oleh MSOSH dengan Anugerah Emas (Kelas 1) yang mengamalkan standard OSH yang tinggi.

Di International Convention on Quality Control Circle ("ICQCC") 2013 yang diadakan di Taipei, Taiwan pada 22 hingga 25 Oktober 2013, PNSB menjulang Anugerah Kecemerlangan untuk projeknya yang berjaya merungkai permasalahan penggunaan polimer yang tinggi dalam proses pembersihan air di LPA SSP2. Pada 24 Oktober 2013, PNSB telah meraih Anugerah Perak bagi Anugerah HR Malaysia 2013 (Majikan Pilihan).

Pada 6 Disember 2013, Makmal Pusat kami juga tidak ketinggalan apabila terpilih menerima Anugerah Kecemerlangan Makmal Institut Kimia Malaysia ("IKM") daripada Institut Kimia Malaysia, selain berupaya mempertahankan pensijilan ISO 17025:2005 kerana mencapai standard antarabangsa yang tinggi dalam latihan, kesihatan dan keselamatan.

SYABAS juga mendapat pengiktirafan di atas usaha cemerlangnya. Kesemua sepuluh wilayah SYABAS memperolehi anugerah MSOSH pada 2013. Tujuh wilayah SYABAS iaitu Kuala Lumpur, Hulu Langat, Klang, Sepang, Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor merangkul Anugerah Emas (Kelas 1); manakala baki tiga wilayah lagi, iaitu Kuala Langat, Petaling dan Gombak memperolehi Anugerah Emas (Kelas II).

Di samping itu SYABAS telah ditempatkan di tangga kedua bagi kategori Pusat Perhubungan Video (Terbuka) sewaktu majlis ke-14 Anugerah Industri CRM & Pusat Panggilan Malaysia 2013 yang diadakan oleh Contact Centre Association Malaysia.

Encik Muhammad Za'im Zaki Che Nasir (Pemangku)

STRUKTUR ORGANISASI - SYABAS

Nota:

- dan BHG singkatan bagi Bahagian
- dan JAB singkatan bagi Jabatan
- singkatan bagi Ketua Wilayah
- singkatan bagi Setiausaha Kerja
- singkatan bagi Region
- singkatan bagi Wilayah

KETUA PEGAWAI OPERASI
YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi

BHG PEMBANGUNAN TEKNIKAL
Pengarah Eksekutif
Ir V. Subramaniam a/l Venkatachalam

- **JAB PEMBANGUNAN TEKNIKAL**
  Penolong Pengurus Besar
  Kosong

BHG KUALITI AIR
Pengarah Eksekutif
Puan Roowina Merican A. Rahim Merican

- **JAB OPERASI KUALITI AIR & PENGAWASAN**
  Pengurus Besar
  Tuan Haji Ariff Ibrahim

BHG OPERASI
Pengarah Eksekutif
Tuan Haji Yusof Saroji

- **JAB OPERASI & PENYELENGGARAAN**
  Penolong Pengurus Besar
  Tuan Haji Mohd Yunus Othman
- **JAB VALVE & METER**
  Penolong Pengurus Besar
  Encik Mohd Yusri Abu Samah
- **JAB RUMAH PAM & KOLAM AIR**
  Penolong Pengurus Besar
  Encik Azhani Sukimi

BHG PERANCANGAN
Pengarah Eksekutif
Tuan Haji Sanusi Sulieman

- **JAB RANGKAIAN & INSTRUMENTASI**
  Pengurus Besar Kanan
  Tuan Haji Mohd Suhaimi Rafie
- **JAB PERANCANGAN DAN REKA BENTUK**
  Pengurus Kanan (Pemangku Ketua)
  Tuan Haji Shahrom Hashim
- **JAB TEKNOLOGI KOMUNIKASI & MAKLUMAT**
  Pengurus Kanan
  Puan Hayati Abd. Rahman
- **JAB PEMBANGUNAN**
  Pengurus Besar
  Puan Rosmizah Ahmad
- **JAB PERKHIDMATAN PELANGGAN**
  Pengurus Kanan (Pemangku Ketua)
  Encik Abdul Raof Ahmad

BHG PROJEK & NRW
Pengarah Eksekutif
Encik Yusof Badawi

- **JAB PENGURUSAN PROJEK**
  Pengurus Besar
  Ir Ahmad Marzuki Hashim
- **JAB PENGUATKUASAAN**
  Pengurus Kanan
  Encik Idros Said
- **JAB PENTADBIRAN KONTRAK**
  Pengurus Kanan
  Puan Ramnah Mohd Ramli
- **JAB AIR TIDAK BERHASIL (NRW)**
  Pengurus Besar
  Ir Khor Tse Tong

STRUKTUR ORGANISASI - POG

PUNCAK OIL & GAS SDN BHD
(727671-P)

PUNCAK OIL & GAS SDN BHD

LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi Eksekutif
YBhg Tan Sri Rozali Ismail

Pemangku President
Dato' Hashim Bin Mahfar

BHG CARIGALI & PENGELUARAN
Naib Presiden
Tuan Haji Abu Samad Nordin

BHG KEWANGAN & AKAUN
Pengurus
Encik Huzaimi Idoris

JAB OPERASI
Penolong Naib Presiden
Puan Halizah Kamarudin

JAB CARIGALI
Ketua Geosains
Encik Rosly Nor

JAB PENGELUARAN
Ketua Kejuruteraan
Encik Hamzah A. Aziz

JAB KESIHATAN, KESELAMATAN & ALAM SEKITAR KORPORAT
Pengurus Kanan
Encik Engku Hassan Wardi

Nota:

dan BHG singkatan bagi Bahagian

dan JAB singkatan bagi Jabatan

STRUKTUR ORGANISASI – GOM RESOURCES

GOM RESOURCES SDN BHD (205375-V)

GOM RESOURCES SDN BHD

LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi
YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah

Naib Pengerusi Eksekutif
YBhg Tan Sri Rozali Ismail

Pemangku Presiden
Dato' Hashim Bin Mahfar

JAB AUDIT DALAMAN & JAMINAN RISIKO
Pengurus Kanan
Encik Rosman Nordin

JAB KUALITI, KESIHATAN, KESELAMATAN & ALAM SEKITAR KORPORAT
Pengurus Kanan
Encik Itan Anak Panyin

BHG PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & FUNGSI KHAS
Penolong Naib Presiden
Encik Zohrab Zolkipli

BHG KEWANGAN & AKAUN
Naib Presiden
Puan Yan Siew Ching

BHG KOMERSIAL
Naib Presiden
Encik Azman Shabudin

BHG TENDER & KONTRAK
Ketua Jabatan/ Penolong Naib Presiden
Encik Wan Abdul Aziz Wan Muda

BHG HRAD/IT
Naib Presiden
Dato' Mat Hairi Ismail

Penolong Naib Presiden
Puan Rasidah Yaacob

BHG OPERASI
Naib Presiden Kanan
Encik Angat Anum Lingoh

JAB TEKNIKAL
Naib Presiden
Encik Anuwar Abd Wahab

JAB EPCIC
Penolong Naib Presiden
Encik Johan Mohamad

JAB PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
Naib Presiden
Tuan Haji Jamel Salleh

JAB PEMATUHAN
Penolong Naib Presiden
Puan Halizah Kamaruddin

JAB PERUNDANGAN
Kosong

JAB KESETIAUSAHAAN
Penolong Naib Presiden
Puan Chang Siew Khim

Nota:

dan BHG singkatan bagi Bahagian

dan JAB singkatan bagi Jabatan

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

YBhg Tan Sri Rozali Ismail
57 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengerusi Eksekutif Kumpulan PNHB

YBhg Tan Sri Rozali Ismail adalah pengasas Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB"), Pengerusi Eksekutif Kumpulan Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB"), dan pemegang saham utama PNHB. Beliau dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNHB pada 24 April 1997.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya pada tahun 1981, YBhg Tan Sri Rozali memulakan kerjaya beliau sebagai Penasihat Undang-undang dengan Perbadanan Pembangunan Bandar [Urban Development Authority ("UDA")] sebelum menyertai Bank Islam (M) Berhad pada tahun 1983. Beliau telah merangka konsep institusi perbankan Islam pertama di Malaysia bersama beberapa orang kakitangan perintis bank tersebut. Kemudian, pada tahun 1987, beliau memulakan firma guaman sendiri sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara selama tujuh tahun, mengkhusus kepada kerja-kerja berkaitan korporat, hartanah dan perbankan.

Pada tahun 1989, YBhg Tan Sri Rozali telah menubuhkan sebuah syarikat milik keluarga yang menerokai sektor pembangunan hartanah dan terlibat dalam beberapa projek pembangunan di Lembah Klang, Kuantan dan Johor. Di bawah naungan syarikat Puncak Alam Housing Sdn Bhd, beliau telah membangunkan sebuah perbandaran baharu yang dikenali sebagai Bandar Baru Puncak Alam. Syarikat milik keluarga ini juga telah menceburi bidang perniagaan utiliti pada tahun 1989 melalui penubuhan PNSB. Pengalaman beliau yang luas dalam pelbagai bidang telah mendorong Kerajaan Negeri Selangor, menerusi PNSB, meletakkan kepercayaan kepada beliau untuk mengurus loji pembersihan air di seluruh Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Rentetan itu, PNHB telah ditubuhkan pada bulan Januari 1997 sebagai syarikat induk PNSB dan telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (mulai 3 Ogos 2009, dikenali sebagai Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad) pada 8 Julai 1997.

YBhg Tan Sri Rozali telah diberikan Anugerah *Fellowship* oleh Institut Pemasaran Malaysia [Institute of Marketing Malaysia ("IMM")] pada 6 November 2001 atas sumbangan tidak ternilai yang beliau curahkan bagi menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan pasaran hartanah Malaysia. Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan terpuji beliau dalam memperjuangkan kecemerlangan pengurusan dan amalan terbaik dalam industri air dan air sisa Malaysia, YBhg Tan Sri Rozali telah dikurniakan

anugerah berprestij, Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Air Asia 2002 – Kategori Individu, peringkat Asia, oleh Institut Teknologi Alam Sekitar Serantau pada 26 Mac 2002. YBhg Tan Sri Rozali juga merupakan antara 10 Calon Terbaik bagi Anugerah Usahawan Tahunan Ernst & Young – Malaysia 2002 dan Malaysia 2003 (Kategori Usahawan Pakar) sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan kemahiran keusahawanan dan kepimpinan yang beliau tampilkan. Beliau turut dianugerah Ijazah Doktor Falsafah Kehormat dalam bidang Perubatan Pelengkap (Perkhidmatan Kemanusiaan) oleh Open International University for Complementary Medicines, Colombo, Sri Lanka pada 24 September 2004. YBhg Tan Sri Rozali telah menerima anugerah Jaksa Pendamai ("JP") sempena ulang tahun kelahiran ke-72 Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 9 Oktober 2010.

Pada 30 November 2007, YBhg Tan Sri Rozali telah dikurniakan Anugerah SME Platinum 2007 oleh Persatuan SMI Malaysia atas ciri-ciri keusahawanan, kepimpinan dan pencapaian cemerlang yang beliau tampilkan dalam industri air. Anugerah ini mencerminkan pengiktirafan Persatuan SMI Malaysia terhadap YBhg Tan Sri Rozali sebagai model kepada para usahawan yang sedang meningkat, terutamanya kejayaan beliau memajukan diri dengan pesat daripada seorang usahawan perniagaan kecil dan sederhana sehingga menjadi Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat senarai awam yang besar. YBhg Tan Sri Rozali juga dianugerahkan pangkat Kolonel Kehormat Rejimen Pakar Pengendalian Air ke-60 (AW) pada 16 Januari 2009. Bagi mengiktiraf kecemerlangan beliau yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi demi kesejahteraan masyarakat pula, YBhg Tan Sri Rozali telah meraih "Anugerah Perkhidmatan Kecemerlangan Vokasional 2009" dari Paul Harris Fellow Award dan dilantik sebagai Ahli Rotary Kehormat oleh Kelab Rotary Kuala Lumpur Barat pada 6 November 2009. Pada 16 Jun 2010, YBhg Tan Sri Rozali menerima "Anugerah Perdana (Kepimpinan)" iaitu Anugerah Kepimpinan bertaraf Perdana di majlis penyampaian Anugerah Usahawan Bumiputera 2010 anjuran Gagasan Badan Ekonomi Melayu ("GABEM"). Pada 20 Jun 2010, YBhg Tan Sri Rozali telah merangkul anugerah "Top Achiever Of The Year 2009 Award" di majlis penyampaian Fourth Business of The Year Award anjuran SMI & SME Worldwide Network. Pada 28 Jun 2011, YBhg Tan Sri Rozali telah diberi penghormatan dengan penerimaan gelaran "Technology CEO of the Year-Global Award" oleh World Finance Magazine di bawah World Finance Technology Awards 2011 sebagai mengiktirafkan sumbangan beliau kepada sektor air di Malaysia dan di rantau ini sepanjang 15 tahun yang lalu dan iltizam beliau untuk terus menginovasi, di samping meninggikan taraf hidup masyarakat. YBhg Tan Sri Rozali dianugerahkan pangkat "Brigedier Jeneral (Kehormat) Pakar Pengendalian Air-Ke-60 RAJD (AW)" pada 4 Julai 2011. Pada 20 Julai 2011, YBhg Tan Sri Rozali telah menerima anugerah berprestij "Entrepreneur of the Year 2011" di majlis Asia Pacific Entrepreneurship Awards 2011. Pada 28 Julai 2011 pula, YBhg Tan Sri Rozali telah dikurniakan "Masterclass Leader Award" di majlis International Standard Quality ("ISQ") Award 2011. Pada 9 Januari 2012, beliau telah diberi pengiktirafan menerusi anugerah "International Distinguished Entrepreneur of the Year" bagi Asia Pacific International Brands Summit (Malaysia) 2011 oleh Asia Entrepreneur Alliance. Pada 23 Februari 2012, YBhg Tan Sri Rozali menerima anugerah "Special Individual Achievement Category" di majlis Anugerah Pencapaian Malaysia yang Pertama 2012.

YBhg Tan Sri Rozali menganggotai beberapa persatuan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang berpengaruh seperti Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi ("MIGHT"), Institut Pengarah-pengarah Malaysia [Malaysian Institute of Directors ("MID")], Majlis Perniagaan Malaysia-British, Majlis Perniagaan Malaysia-Indonesia, Persidangan Meja Bulat Korporat Malaysia, Majlis Perniagaan Malaysia-Rusia, Majlis Perniagaan Malaysia-India ("MIBC"), Pengurusan Technologi Perkongsian Komanwel, Jawatankuasa Pembangunan Sosial Masyarakat FELDA, Yayasan Budi Penyayang Malaysia, Institut Pengurusan Malaysia ("MIM") dan Pemegang Amanah Yayasan Kepimpinan Perdana serta Sekretariat Malaysia Prihatin. Beliau adalah Penasihat kepada IMM, Presiden Dewan Perniagaan Melayu Negeri Selangor, Pro-Canselor Universiti Putra Malaysia (Julai 2007 - Jun 2015), Pengelola Malaysia bagi Yayasan Persekutuan Pemasaran Asia Pasifik [Asia Pacific Marketing Federation Foundation ("APMF")], Penasihat Gabungan Persatuan Usahawan Melayu Selangor/Wilayah Persekutuan ("GAPUMS") dan Penasihat Persatuan Bola Sepak Melayu Malaysia ("PBSMM"). Beliau juga merupakan Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda Berhad dan Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Melayu ("MAPEM").

YBhg Tan Sri Rozali merupakan bekas Timbalan Presiden Persatuan Air Malaysia [Malaysian Water Association ("MWA")] (Sesi 2003/2005), bekas Ahli Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia (2004-2006), bekas Penasihat Majlis Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya (21 Mei 2004 hingga 20 April 2007), bekas Pemegang Amanah Yayasan WAQAF Malaysia ("YWM") (Januari 2008 – Disember 2009) dan bekas Presiden Persatuan Air Selangor Kuala Lumpur dan Putrajaya ("SWAn") (2006-2013), sebuah badan bukan berasaskan keuntungan yang mewakili kepentingan bersama seluruh industri bekalan air dan air sisa di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang bertujuan menggalakkan interaksi dengan orang ramai serta mempertingkatkan pemahaman mereka tentang sumber air.

YBhg Tan Sri Rozali ialah pemegang saham utama sebuah syarikat tersenarai awam, iaitu TRIplc Berhad yang terlibat dalam bidang hartanah.

YBhg Tan Sri Rozali menghadiri 8 daripada 13 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

YBhg Dato' Ruslan Bin Hassan
58 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif PNHB
dan Ketua Pengawai Eksekutif SYABAS

YBhg Dato' Ruslan Hassan menyertai Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") pada 1 November 1995 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Perundangan.

Apabila Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") ditubuhkan dan disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad, YBhg Dato' Ruslan telah dilantik menyertai Lembaga Pengarahnya pada 24 April 1997. Pada 6 April 1999, beliau dilantik sebagai Naib Pengerusi Eksekutif PNHB. Bersama Pengerusi Eksekutif, YBhg Tan Sri Rozali Ismail, YBhg Dato' Ruslan memainkan peranan utama dalam menjayakan hak penswastaan bagi pengagihan air bersih di Selangor. Selepas PNHB mendapat konsesi pengagihan bekalan air bagi Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 1 Januari 2005, YBhg Dato' Ruslan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (Chief Executive Officer) ("CEO") pertama Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") dan menganggotai Lembaga Pengarah SYABAS serta Perbadanan Urus Air Selangor Berhad. Dengan perlantikan beliau sebagai CEO dan Pengarah SYABAS, jawatan YBhg Dato' Ruslan kemudiannya diubah daripada Naib Pengerusi Eksekutif PNHB kepada Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB mulai 1 Oktober 2005.

YBhg Dato' Ruslan adalah seorang ahli Panel Majikan Mahkamah Perindustrian mulai 1 Januari 2004 hingga sekarang. Beliau juga adalah seorang ahli Institut Pengarah-pengarah Malaysia [Malaysian Institute of Directors ("MID")], Persatuan Air Malaysia [Malaysian Water Association ("MWA")], Institut Pemasaran Malaysia [Institute of Marketing Malaysia ("IMM")] dan Persatuan Air Antarabangsa [International Water Association ("IWA")].

Selepas memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada Universiti Malaya pada tahun 1981, YBhg Dato' Ruslan memulakan kerjayanya sebagai Penasihat Undang-Undang kepada syarikat petroleum multinasional, Esso Malaysia Bhd dan kemudiannya sebagai Kounsel Undang-Undang Kanan ESSO Production Malaysia Inc. Beliau menyertai Kumpulan Sime Darby pada tahun 1985 dan dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Kumpulan dan Setiausaha Syarikat Pernas Sime Darby Holdings Sdn Bhd yang mempunyai kepentingan perniagaan dalam bidang automotif, perladangan dan jentera berat. YBhg Dato' Ruslan mempunyai 4 tahun pengalaman bekerja sebagai Peguamcara dan Peguambela dalam kapasiti sebagai rakan kongsi di sebuah firma guaman bersaiz sederhana. Pada tahun 1993, beliau menyertai kumpulan syarikat sekuriti dan perbankan Rashid Hussain Berhad sebagai Pengurus Besar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Korporat dan kemudian dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan RHB. Beliau turut dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Rashid Hussain Berhad, Rashid Hussain Securities Sdn Bhd dan pelbagai syarikat subsidiari RHB serta berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit kedua-dua syarikat tersebut.

YBhg Dato' Ruslan menghadiri 13 daripada 13 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi
60 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif PNHB
dan Ketua Pengawai Operasi SYABAS

YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi menyertai Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") pada tahun 1995 sebagai Pengurus Besar, Pembangunan Perniagaan.

YBhg Dato' Ir Lee kemudian dilantik sebagai Pengarah PNSB dan Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") pada 2 Februari 1999 dan 1 September 1999, masing-masing. Pada 1 Januari 2005, beliau dilantik pula sebagai Ketua Pegawai Operasi Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"). YBhg Dato' Ir Lee meletakkan jawatan sebagai Pengarah PNSB pada 30 September 2005 dan jawatannya ditukar daripada Pengarah Eksekutif, Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan PNHB kepada Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB mulai 1 Oktober 2005. Beliau adalah ahli Persatuan Air Malaysia [Malaysia Water Association ("MWA")], Institut Pengarah-pengarah Malaysia [Malaysian Institute of Directors ("MID")] dan Institut Pemasaran Malaysia [Institute of Marketing Malaysia ("IMM")].

Beliau menamatkan pengajian sebagai jurutera awam daripada Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1978 dan pada tahun 1989, beliau memperolehi Ijazah Sarjana Kejuruteraan Alam Sekitar dengan pengkhususan dalam bidang pembekalan air dan kejuruteraan air sisa daripada Asian Institute of Technology di Bangkok. YBhg Dato' Ir Lee mempunyai 36 tahun pengalaman bekerja dalam sektor bekalan air dan pernah menyandang pelbagai jawatan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau dengan Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kerja Air di Malaysia, dengan pengkhususan dalam perkhidmatan bekalan air. Beliau juga pernah menyandang jawatan Pengarah Jabatan Kerja Air Negeri Sembilan. Beliau meninggalkan Jabatan Kerja Raya pada tahun 1991 dan menyertai Ranhill Bersekutu Sdn Bhd dengan memegang pelbagai jawatan daripada Jurutera Kanan sehinggalah sebagai Naib Presiden di Bahagian Bekalan Air.

YBhg Dato' Ir Lee menghadiri 12 daripada 13 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

YBhg Dato' Syed Danial Bin Syed Ariffin
56 Tahun, Warganegara Malaysia
Ketua Pengawai Operasi PNHB
dan Pengarah Urusan PNSB

YBhg Dato' Syed Danial Syed Ariffin menamatkan pengajian pada tahun 1981 dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kejuruteraan Awam daripada University of Aston, Birmingham, United Kingdom.

YBhg Dato' Syed Danial adalah seorang jurutera awam profesional dan telah mula berkhidmat dengan Kumpulan Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") sejak Disember 1995. Beliau memulakan kerjayanya dengan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") sebagai Pengurus Operasi dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Kanan, Penolong Pengurus Besar dan Pengurus Besar Operasi. Sebelum dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNSB dan PNHB pada 1 Mac 2004, beliau merupakan Pemangku Pengarah Eksekutif Bahagian Operasi dari bulan Julai 2003 hingga Februari 2004 dan selepas itu ditukar ke jawatan Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi 1 pada 1 April 2005. Pada 16 November 2007, YBhg Dato' Syed Danial telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi PNHB dan PNSB. Pada 15 Februari 2012, YBhg Dato' Syed Danial dilantik pula sebagai Pengarah Urusan PNSB dan tidak lagi menjadi Ketua Pegawai Operasi PNSB. Beliau juga merupakan Pengarah Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") sejak 3 September 2007. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Sino Water Pte Ltd, syarikat subsidiari 98.65% milik PNHB di Singapura pada 1 Januari 2010.

YBhg Dato' Syed Danial pernah berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya Pahang selama 10 tahun dengan memegang pelbagai jawatan daripada Jurutera Projek (1981-1983) hingga Jurutera Daerah bagi JKR Cameron Highlands (1983-1991) dan Jabatan Kerja Air Selangor mulai tahun 1991 hingga 1995, di mana beliau merupakan Jurutera Projek Kanan yang menyelia pembinaan Projek Bekalan Air Sg Selangor Fasa 1. YBhg Dato' Syed Danial adalah ahli Persatuan Pemasaran Malaysia [Institute of Marketing Malaysia ("IMM")], Persatuan Air Malaysia [Malaysian Water Association ("MWA")], Jurutera Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia [Board of Engineers Malaysia ("BEM")], ahli Lembaga Akademik, Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA (tempoh Oktober 2009 – Mac 2014), Penasihat Institut Kejuruteraan Infrastruktur & Pengurusan Kemampanan, di samping turut menganggotai Lembaga Pengarah beberapa syarikat swasta. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya ("SWAn"), sebuah persatuan bukan berasaskan keuntungan yang mewakili kepentingan bersama seluruh industri bekalan air dan air sisa di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang bertujuan menggalakkan interaksi dengan orang ramai dan mempertingkatkan pemahaman mereka tentang sumber air. Pada 2 Mei 2012, YBhg Dato' Syed Danial telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Program Pendidikan, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia.

YBhg Dato' Syed Danial menghadiri 13 daripada 13 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy
64 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PNHB

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy, seorang ahli perniagaan yang dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") pada 1 Julai 1999 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan menganggotai Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik daripada University of Northumbria, England.

Beliau merupakan seorang ahli Institut Pengarah-pengarah Malaysia [Malaysian Institute of Directors ("MID")] dan Jurutera Profesional Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia [Board of Engineers Malaysia ("BEM")]. Beliau berpengalaman luas dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik dan pernah menyandang pelbagai jawatan penting di beberapa buah syarikat ternama sebagai seorang jurutera dan usahawan.

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan turut menganggotai Lembaga Pengarah SP Setia Berhad, sebuah syarikat tersenarai awam dan beliau adalah Pengerusi IEV Holdings Limited, Singapura. Beliau turut memegang jawatan pengarah di beberapa buah syarikat swasta lain.

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan menghadiri 9 daripada 13 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh
71 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PNHB

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") pada 15 Julai 2000 sebagai seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB pada 27 Jun 2001 dan beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko PNHB.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya pada tahun 1970 dan memperolehi Ijazah Sarjana Sains daripada University of London pada 1972. Beliau juga memiliki Ijazah Doktor Falsafah, yang diperolehi daripada University of Warwick pada tahun 1976. YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting adalah ahli Institut Pengarah-Pengarah Malaysia [Malaysian Institute of Directors ("MID")].

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting memulakan kerjaya beliau sebagai pensyarah di Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 1974 hingga 1980 dan selepas itu sebagai Profesor Madya di Fakulti yang sama sehingga tahun 1987. Dari tahun 1979 hingga 1986, YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting telah menerbitkan dua buah buku yang bertajuk "Konsep Asas Sosiologi" dan "Hubungan Ras dan Etnik".

Pada tahun 1987, YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting menceburi arena politik apabila beliau dipilih sebagai Ahli Parlimen Kawasan Gopeng, jawatan yang beliau pegang hingga pilihan raya umum tahun 2008. Sebelum ini beliau pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (1988-1989), Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1989-1990), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1990-1999) dan Setiausaha Agung, Malaysian Chinese Association ("MCA") (1990-2005). Beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah Hua Yang Berhad, Johan Holdings Berhad, Huaren Education Foundation, UTAR Education Foundation dan berkhidmat sebagai pengarah di beberapa buah syarikat swasta.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting menghadiri 13 daripada 13 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

YAM Tengku Dato' Rahimah Binti Almarhum Sultan Mahmud
48 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB

YAM Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") pada 1 Ogos 2006 sebagai seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Pada 1 Januari 2007, jawatan YAM Tengku Dato' Rahimah telah ditukar kepada Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB berikutan pelantikan beliau sebagai Pengarah Eksekutif, Puncak Research Centre Sdn Bhd. YAM Tengku Dato' Rahimah pernah menjadi ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB untuk tempoh bermula 1 Ogos 2006 hingga 31 Disember 2006. Pada 26 Februari 2008, YAM Tengku Dato' Rahimah telah dijemput semula untuk menganggotai Jawatankuasa Audit PNHB.

YAM Tengku Dato' Rahimah memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi dan Perakaunan daripada City of London University, England. Beliau merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia [Malaysian Institute of Accountants ("MIA")].

Selepas menamatkan pengajian, YAM Tengku Dato' Rahimah memulakan kerjaya beliau bersama Hongkong Bank di London, England, dan sekembalinya ke Malaysia, beliau menyertai Esso Malaysia Berhad dan berkhidmat di syarikat tersebut selama 5 tahun.

Kini, YAM Tengku Dato' Rahimah merupakan Pengerusi Loh & Loh Corporation Bhd. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah untuk beberapa syarikat swasta lain.

YAM Tengku Dato' Rahimah menghadiri 12 daripada 13 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak
65 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PNHB

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") pada 6 Oktober 2008 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi merupakan ahli Jawatankuasa Audit PNHB dan Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti Malaya (1972) dan Sijil Diplomasi (Kursus Perkhidmatan Luar Negara) daripada University of Oxford (1974). Sebagai pengiktirafan terhadap perkhidmatan beliau kepada negara, beliau telah dianugerahkan dengan AMN (1979), JSM (1999), DSPN (1999), DMPN (2002) dan PSM (2003).

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi merupakan bekas Setiausaha Agong Kementerian Luar Negeri Malaysia. Beliau menyertai Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia pada tahun 1972 dan telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti di Kementerian Luar Negeri, terutamanya dalam Bahagian Politik dan di Kedutaan Malaysia di luar negara seperti di Moscow, Hague, Canberra, Washington dan Dhaka. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi kini merupakan Setiausaha Agong, Yayasan Forum Ekonomi Islam Sedunia [World Islamic Economic Forum Foundation ("WIEF")]; Ahli, Lembaga Pemegang Amanah, MERCY, Malaysia dan Yayasan Keamanan Global Perdana [Perdana Global Peace Foundation ("PGPF")].

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi juga merupakan Pengerusi Amanahraya-REIT Managers Sdn Bhd, Seremban Engineering Berhad, Theatre Management Associates Sdn Bhd, Optima Capital Sdn Bhd, Ranhill Energy and Resources Berhad (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) dan ACE Holdings Sdn Bhd. Beliau adalah Pengerusi Bukan Eksekutif Sofgen (Malaysia) Sdn Bhd dan beliau adalah juga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Maybank Islamic Berhad. Selain daripada di atas, YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi adalah juga Pengarah Bukan Eksekutif F3 Strategies Berhad; Penasihat kepada Leisure Guide Publishing Sdn Bhd dan Pengarah untuk Weros Technology Sdn Bhd, Alstar Solutions Sdn Bhd dan Management Development Institute Singapore.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi juga merupakan Felow Kehormat, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa ("ISIS"); Felow Kehormat Institut Diplomasi dan Hubungan Asing; Naib Pengerusi, Ahli Jawatankuasa Malaysia bagi Majlis Kerjasama Keselamatan Asia Pasifik ("CSCAP Malaysia"); Ahli, Institut Pengajian Islamic Lanjutan ("IAIS"); Ahli, Lembaga Penasihat, Anugerah Keusahawanan Asia Pasifik ("APEA"); Penasihat, Alumni Malaysia High School Bukit Mertajam; dan Penasihat Kehormat, Dewan Perniagaan Malaysia-Myanmar.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi menghadiri 13 daripada 13 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Encik Ng Wah Tar
50 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif Bahagian Kewangan Korporat PNHB dan PNSB

Encik Ng Wah Tar dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") pada 1 Januari 2010 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan dan dilantik semula sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat pada 1 Januari 2011.

Encik Ng dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko PNHB ("CICR"), serta Jawatankuasa Audit Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") pada 1 Januari 2010 masing-masing. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit SYABAS pada 1 January 2013. Beliau merupakan ahli Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya ("SWAn"), sebuah badan bukan berasaskan keuntungan yang mewakili kepentingan bersama semua industri bekalan air dan air sisa di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang bertujuan menggalakkan interaksi dengan orang ramai dan mempertingkatkan pemahaman mereka tentang sumber air. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Air Malaysia [Malaysian Water Association ("MWA")].

Encik Ng memiliki pengalaman bekerja melebihi 30 tahun dalam pelbagai bidang meliputi pengauditan, perakaunan, kewangan dan kewangan korporat. Beliau memulakan latihan dengan sebuah firma perakaunan pada tahun 1984 dan merupakan ahli MIA, MICPA dan CPA Australia. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat di United Engineers (M) Berhad ("UEM") dari tahun 1994 hingga 2000, bertanggungjawab mengawasi fungsi kewangan dan perakaunan UEM.

Pada bulan Februari 2000, Encik Ng menyertai PNSB sebagai Pengurus Besar, Kewangan & Akaun dan dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar Kanan, Kewangan & Akaun pada 1 April 2006 dan seterusnya ke jawatan Pengarah Eksekutif, Kewangan Korporat di Pejabat Pengerusi Eksekutif pada 1 April 2007. Beliau meninggalkan PNSB pada 1 September 2007 untuk menyandang jawatan Naib Pengerusi Eksekutif WWE Holdings Bhd sehingga 30 Jun 2009. Encik Ng meletakkan jawatan sebagai Naib Pengerusi Eksekutif WWE Holdings Bhd dan menyertai semula Kumpulan PNHB pada 1 Julai 2009.

Encik Ng menghadiri 12 daripada 13 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

LEMBAGA PENGARAH

YBhg Tan Sri Rozali Ismail
Pengerusi Eksekutif Kumpulan PNHB

YBhg Dato' Ruslan Hassan
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB dan Ketua Pengawai Eksekutif SYABAS

YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB dan Ketua Pengawai Operasi SYABAS

YBhg Dato' Syed Danial Syed Ariffin
Ketua Pengawai Operasi PNHB dan Pengarah Urusan PNSB

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PNHB

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PNHB

YAM Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PNHB

Encik Ng Wah Tar
Pengarah Eksekutif Bahagian Kewangan Korporat PNHB dan PNSB

Kami memastikan kualiti terhadap piawaian

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - PNSB

IR TAN HUI KUAN

60 Tahun, Warganegara Malaysia
Ketua Pengawai Operasi

Ir Tan Hui Kuan menyertai PNSB pada bulan Ogos 2003 sebagai Pengurus Besar Jabatan Pembangunan Projek dan Perniagaan. Beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi & Penyelenggaraan pada 1 Januari 2010. Kemudian, pada 1 Ogos 2011, beliau telah ditukar jawatan sebagai Pengarah Eksekutif Bahagian Kejuruteraan/ Pembangunan Projek. Pada 15 Februari 2012, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Operasi Syarikat. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1979. Beliau mempunyai pengalaman bekerja selama 25 tahun dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Lembaga Air Perak dalam bidang pengeluaran, pengagihan, penyelenggaraan dan perkhidmatan pelanggan di Jabatan Bekalan Air Daerah, penyiasatan geoteknikal, penyelenggaraan untuk kem-kem tentera, pengurusan projek untuk bangunan serta infrastruktur tentera. Sebelum menyertai PNSB, Ir Tan bertugas sebagai Penolong Pengarah bagi Kerja Air Tentera di Jabatan Kerja Raya Malaysia. Setelah menyertai PNSB, beliau telah menguruskan operasi dan penyelenggaraan loji pembersihan air dan empangan di bawah pelbagai konsesi Syarikat, selain daripada melaksanakan dan menyiapkan beberapa projek di India, Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

YBHG DATO' NASIR KHAN ILLADAD KHAN

61 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Pembangunan Perniagaan

YBhg Dato' Nasir Khan Illadad Khan menyertai PNSB pada 21 Februari 2006 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat sebelum dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Pembangunan Perniagaan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial, Sains Politik (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat. Beliau juga memiliki Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan pernah mengikuti Program Pengurusan Eksekutif di School of Government, Harvard University, Amerika Syarikat. YBhg Dato' Nasir Khan mempunyai lebih 34 tahun pengalaman dalam bidary pengurusan dengan Kerajaan, memegang pelbagai jawatan yang meliputi bidang sumber manusia, keselamatan, pembangunan tanah dan kewangan. Sebelum menyertai PNSB, beliau berkhidmat dengan Kementerian Kewangan, Malaysia. Beliau juga telah dilantik sebagai ahli Majlis Perniagaan Kemboja Malaysia.

YBHG PROF DATO' DR MOHD ZAINUL FITHRI OTHMAN

49 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Strategik dan Perhubungan Awam

Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri Dato' Othman telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Bahagian Sumber Strategik dan Perhubungan Awam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd pada 4 Mac 2014.

Minat beliau yang mendalam dalam bidang pendidikan sememangnya jelas terbukti sejak di awal kerjayanya. Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri Dato' Othman memulakan profesionnya sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1994 dan enam tahun kemudian, beliau menyertai Kolej Unitek Malaysia sebagai Presiden/ CEO. Seterusnya beliau berkhidmat sebagai Pengarah Pengajian Pengurusan World Enterprise Institute di Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) pada tahun 2000. Pada tahun yang sama, beliau bertugas pula di Institut Kajian Pembangunan Bangsa sebagai CEO dan Prosefor Madya bagi Fakulti Kemanusiaa dan Sains Sosial, Universiti Tun Abdul Razak. Beliau merupakan Pengerusi Pertubuhan Antarabangsa Pusat Pentadbiran Perniagaan Malaysia, dan juga sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dari tahun 2008 hingga 2009.

Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri Dato' Othman memegang pelbagai jawatan penting semasa di Management & Science University ("MSU") dan telah berkhidmat di institusi tersebut untuk tempoh yang agak lama. Sewaktu perkhidmatannya, beliau telah dilantik sebagai Naib Presiden/Timbalan Naib

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - PNSB

Canselor Hubungan Perindustrian & Pembangunan Kerjaya Pelajar pada 2003, jawatan yang disandang oleh beliau sebelum beralih ke Puncak Niaga (M) Sdn Bhd. Beliau turut dilantik sebagai Dekan Pusat Pembelajaran Fleksibel, dan pada yang sama, sebagai Pengarah Akademi Kaunseling Komuniti Malaysia (AKKMA) pada 2006. Beliau kemudiannya telah dipinjamkan ke Jabatan Perdana Menteri selama setahun sewaktu memegang jawatan sebagai Profesor Pengajian Polisi pada 2003 sehingga 2008.

Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri Dato' Othman memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa, BSc. dari Oregon State University, Corvallis, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Sastera (MA) dalam Hubungan Antarabangsa (Ekonomi Politik Antarabangsa dan Keselamatan) daripada University of Hull, United Kingdom. Beliau juga adalah pemegang PhD. dalam pengajian Ekonomi Politik Global daripada University of Sheffield, United Kingdom.

PUAN TAN BEE LIAN

48 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat

Puan Tan Bee Lian menyertai PNSB sebagai Setiausaha Syarikat pada 7 November 1994 dan dinaikkan pangkat sebanyak tiga kali sebelum menyandang jawatan sekarang sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat pada 1 Januari 2010. Dalam jawatannya sekarang, beliau menyelia Jabatan Undang-undang, Jabatan Kesetiausahaan dan Jabatan Audit Dalaman. Sebagai Setiausaha Syarikat Kumpulan, Puan Tan bertanggungjawab terhadap kesetiausahaan syarikat dan pematuhan kawal selia Kumpulan PNHB. Beliau dilantik sebagai Pengarah Sino Water Pte Ltd pada 27 Jun 2008 dan Pengarah Puncak Niaga Overseas Capital Pte Ltd pada 2 Januari 2013 yang mana kedua-duanya adalah syarikat subsidiari Singapura milik Puncak Niaga Holdings Berhad. Puan Tan merupakan Fellow Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia (Malaysian Association of the Institute of Chartered Secretaries and Administrators atau "MAICSA") dan mempunyai lebih 26 tahun pengalaman bekerja dalam bidang kesetiausahaan syarikat dan urusan korporat. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat di Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad ("PLUS") dan Metramac Corporation Sdn Bhd/Metacorp Berhad. Beliau juga merupakan pemenang Anugerah Setiausaha Syarikat ROC-MAICSA 2001 bagi Kategori Syarikat Tersenarai.

PUAN WONG LEY CHAN

54 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan

Puan Wong Ley Chan adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari National University of Singapore yang berprestij.

Puan Wong adalah ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (Malaysian Institute of Certified Public Accountants atau "MICPA") dan Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants atau "MIA"). Beliau mempunyai pengalaman kerja selama lebih 30 tahun dan berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang meliputi audit, perbankan korporat dan penyusunan semula hutang korporat, kewangan korporat, perakaunan, percukaian dan pengurusan kewangan strategik.

Puan Wong memulakan kerjaya sebagai seorang juruaudit muda di sebuah firma perakaunan terkemuka pada tahun 1984. Sejak itu, beliau telah berkhidmat dengan beberapa syarikat di peringkat pengurusan kanan, termasuk 6 tahun bersama Kumpulan Syarikat UEM Land, 5 tahun di TRIplc Berhad dan 3 tahun di Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd. Sebelum menyertai Puncak Niaga Holdings Berhad, beliau merupakan Naib Presiden, Kewangan Scomi Engineering Bhd.

Pada 25 November 2010, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan di Puncak Niaga (M) Sdn Bhd. Beliau bertanggungjawab terhadap keseluruhan fungsi kewangan dan perakaunan Kumpulan Syarikat Puncak Niaga. Puan Wong juga merupakan Pengarah bagi Puncak Oil & Gas Sdn Bhd dan GOM Resources Sdn Bhd, di mana kedua-duanya merupakan anak-anak syarikat Puncak Niaga Holdings Berhad dalam Bahagian Minyak & Gas.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - PNSB

TUAN HAJI ABD RASHID ABD SATAR

54 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi & Penyelenggaraan

Tuan Haji Abd Rashid Abd Satar menyertai PNSB pada 15 Februari 2012 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi & Penyelenggaraan.

Tuan Haji Abd Rashid Abd Satar adalah lulusan Diploma Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari University of Glasgow, Scotland. Beliau memiliki pengalaman kerja selama 30 tahun dalam sektor bekalan air. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1981 sebagai Penolong Teknikal dan Jurutera Daerah bagi Wilayah-Wilayah Kuala Selangor/Sabak Bernam dengan JBAS dan meneruskan perkhidmatan beliau dengan PUAS dari tahun 2002 hingga 2005 sebagai Pengurus Kanan di Wilayah-Wilayah Kuala Langat/Sepang. Beliau merupakan Pengurus Besar Pejabat Wilayah Klang/Shah Alam SYABAS sebelum menyandang jawatan Pengurus Besar Pejabat Wilayah Petaling dari Mac 2007 hingga Mac 2009. Beliau kemudian dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar Kanan Pejabat Wilayah Petaling berkuat kuasa mulai 1 April 2009. Pada 1 Februari 2011, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi SYABAS.

Beliau telah dianugerahkan Pingat Pekerti Terpilih (PPT) pada tahun 1998 dan Darjah Ahli Mahkota (A.M.S) pada tahun 2002 oleh DYMM Sultan Selangor atas dedikasi dan perkhidmatan beliau kepada Kerajaan Negeri Selangor.

IR AUSAMAH DARWISH MOHD DAUD

54 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Kejuruteraan Projek/Pembangunan

Ir Ausamah Darwish menyertai PNSB pada 9 Januari 2013 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Kejuruteraan Projek/Pembangunan. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan) dari Southern Illinois University, Amerika Syarikat pada tahun 1984.

Beliau merupakan Jurutera Profesional Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (Mekanikal). Ir Ausamah Darwish memiliki pengalaman bekerja selama lebih 29 tahun. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pelatih Jurutera Mekanikal dan pernah menyandang pelbagai jawatan termasuk Jurutera Mekanikal, Jurutera Mekanikal Bersekutu, Pereka Bentuk Sistem, Jurutera Residen kepada Pengurus Loji dan Pengarah Eksekutif. Sebelum menyertai PNSB, Ir Ausamah Darwish memegang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif, Operasi di WWE Holdings Bhd.

Berbekalkan pengalaman bekerja yang luas dalam bidang berkaitan kejuruteraan mekanikal, air dan air sisa, Ir Ausamah Darwish telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif untuk mengetuai Bahagian Kejuruteraan/ Pembangunan Projek di PNSB.

PUAN FARIDATULZAKIAH MOHD BAKHRY

38 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran

Puan Faridatulzakiah adalah lulusan ijazah Undang-undang (LLB, Kepujian) dari Hertfordshire University, United Kingdom.

Beliau memulakan kerja dalam bidang perundangan di Tetuan Malek & Associate pada tahun 2003, mengendalikan kes-kes sivil dan jenayah. Pada tahun 2006, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Undang-undang di Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad di mana beliau mula terdedah kepada hal ehwal Sumber Manusia dan Hubungan Perindustrian.

Beliau seterusnya menyertai SYABAS pada tahun 2008 sebagai Penolong Pengurus, Jabatan Undang-undang dan setahun kemudian sebagai Pengurus, Hubungan Perindustrian sebelum dinaikkan pangkat ke Pengurus Kanan pada tahun 2010. Beliau terus menerajui jabatan tersebut sehingga beliau menyertai PNSB pada tahun 2012 sebagai Penolong Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran di mana beliau bertanggungjawab mengawalselia keseluruhan aspek Pengurusan Sumber Manusia.

Pada 1 Februari 2013, Puan Faridatulzakiah kini menyandang jawatan Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran PNSB.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - PNSB

TUAN HAJI SONARI SOLOR

58 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman

Tuan Haji Sonari Solor menyertai PNSB pada 10 September 1998 dan dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman SYABAS untuk tempoh dari 1 September 2006 sehingga 15 Februari 2012. Beliau menyertai PNSB semula pada 16 Februari 2012 sebagai Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman.

Tuan Haji Sonari Solor adalah seorang Akauntan Berkanun dengan Malaysian Institute Accountants ("MIA") dan ahli Fellow dengan Association of Chartered Certified Accountants (U.K). Beliau turut memiliki kelayakan profesional daripada Chartered Institute of Management Accountants (U.K.). Tuan Haji Sonari Solor mempunyai pengalaman selama lebih 25 tahun bekerja di peringkat pengurusan dalam bidang perakaunan dan pengauditan dengan beberapa syarikat senarai awam. Sebelum menyertai PNSB, Tuan Haji Sonari Solor menyandang jawatan Ketua Bahagian Kumpulan, Audit Dalaman dengan Land & General Berhad.

PUAN HAFIZAH AHMAT

45 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar Kanan, Jabatan Kontrak & Perolehan

Beliau memulakan kerjaya di sebuah Syarikat Perunding QS pada bulan Julai 1992 sebagai Jurukur Bahan selama tiga tahun. Beliau berkelulusan Diploma Lanjutan Ukur Bahan dan menerima Anugerah Pelajar Terbaik dari Universiti Teknologi MARA pada tahun 1992. Sebelum menyertai PNSB pada Januari 2010 sebagai Pengurus Besar Jabatan Kontrak & Perolehan ("CPD"), beliau pernah berkhidmat dengan sebuah syarikat pembinaan mulai Oktober 1996. Secara keseluruhannya, Puan Hafizah memiliki pengalaman selama lebih 22 tahun dalam bidang ukur bahan dalam industri pembinaan. Beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar Kanan CPD, PNSB pada 1 Januari 2013.

PUAN JENNY LIM YEW HEANG

47 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar, Jabatan Kesetiausahaan

Puan Lim Yew Heang (Jenny) menyertai PNSB pada 1 April 2008 sebagai Pengurus Besar, Jabatan Kesetiausahaan, Bahagian Perkhidmatan Korporat. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Syarikat Bersama bagi PNSB dan PNHB pada 2 Mei 2008. Beliau adalah seorang Setiausaha Berkanun, pemegang persijilan Institut Setiausaha & Pentadbir Bertauliah (Institute of Chartered Secretaries & Administrators atau "ICSA") dan Ahli Bersekutu, The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators ("MAICSA"). Beliau memiliki pengalaman kerja selama 25 tahun dalam bidang kesetiausahaan syarikat. Sebelum menyertai PNSB pada 1 April 2008, beliau menyandang jawatan Pengurus Kanan di sebuah syarikat perunding kesetiausahaan utama selama 14 tahun.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - PNSB

ENCIK AZLAN SHAH TAN SRI ROZALI

28 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar, Jabatan Teknologi Maklumat

Encik Azlan Shah Tan Sri Rozali berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Perniagaan dan Pemasaran dari Middlesex University, Hendon Business Campus, London, United Kingdom. Beliau menyertai PNSB pada 1 November 2011 dan menyandang jawatan Pengurus Besar, Jabatan Teknologi Maklumat PNSB yang bertanggungjawab mengawalselia seluruh Jabatan Teknologi Maklumat PNSB.

Encik Azlan Shah memulakan kerjaya beliau pada tahun 2009 melalui satu program latihan amali di sebuah syarikat dagangan pakaian. Berikutan prestasi cemerlang dan komitmen beliau yang tinggi, Encik Azlan Shah telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus, yang bertanggungjawab ke atas tugas-tugas jualan dan pemasaran syarikat, pembangunan perniagaan, pengurusan inventori dan pentadbiran. Beliau menyertai SYABAS pada tahun 2010 sebagai Eksekutif dan telah mendapat pendedahan dan pengalaman dalam bidang sumber manusia & pentadbiran, kewangan & akaun serta pengurusan pejabat-pejabat wilayah SYABAS.

Encik Azlan Shah adalah Ahli EXCO Dewan Pemuda di Dewan Perniagaan Melayu bagi Negeri Selangor, Pengasas dan Naib Presiden Kelab Usahawan Belia 1Malaysia. Pada tahun 2011, beliau menerima pangkat Leftenen Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD (Askar Wataniah).

PUAN CHRISTINA LEE CHIN KEE

53 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar, Jabatan Perundangan

Puan Christina Lee Chin Kee menyertai PNSB pada 27 April 2012 sebagai Pengurus Besar, Jabatan Undang-Undang, Bahagian Perkhidmatan Korporat. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) dari University of Buckingham, United Kingdom pada tahun 1982 dan Sijil Amalan Perundangan (CLP) dari Universiti Malaya pada tahun 1985. Beliau telah diterima ke Mahkamah Tinggi Malaya dan sebagai Ahli Mahkamah Tinggi Borneo serta mendaftar sebagai ahli Persatuan Peguam Sarawak. Beliau memulakan pengalaman kerja dengan Perkhidmatan Kehakiman dan Guaman Malaysia selama sepuluh tahun sebagai Majistret dan kemudian dengan Pejabat Peguam Negara sebelum menyertai sektor swasta, pada mulanya berkhidmat di firma guaman Tetuan Abu Talib Shahrom dan kemudian di Tetuan Zul Rafique & Rakan-Rakan.

Sebelum menyertai PNSB, beliau bersama dengan UEM Builders Berhad selama lima (5) tahun sebagai Pengurus Besar, Jabatan Undang-Undang. Beliau memiliki kepakaran khususnya dalam selok-belok mendraf dan rundingan hal-hal dokumen kontrak dan beliau terlibat secara aktif di dalam bidang kontrak, isu-isu perundingan pembinaan dan perjanjian konsesi serta mengawalselia isu-isu perundangan dalam projek antarabangsa dan usaha sama lain.

IR YONG OON FATT

42 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar, Jabatan Projek Antarabangsa

Ir Yong Oon Fatt (Dacius) adalah Pengurus Besar, Jabatan Projek Antarabangsa, Bahagian Kejuruteraan & Pembangunan Projek PNSB. Ir Yong Oon Fatt menyertai PNSB pada 1 Julai 2010 dan telah ditugaskan di PRC China bagi menjaga perniagaan air dan air sisa Kumpulan di China yang dikendalikan oleh Sino Water Pte Ltd, syarikat subsidiari 98.65% milik PNHB di Singapura. Ir Yong Oon Fatt memiliki ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Sains Malaysia. Beliau adalah Jurutera Profesional berkelayakan yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera, Malaysia. Beliau juga merupakan ahli Institut Jurutera Malaysia. Ir Yong Oon Fatt memiliki pengalaman selama lebih 18 tahun dalam kerja reka bentuk dan pembinaan sistem pembersihan air dan air sisa perbandaran. Di samping berpengalaman dalam kejuruteraan binaan, Ir Yong Oon Fatt juga mempunyai pengalaman dalam bidang pemasaran dan pembangunan perniagaan.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - PNSB

ENCIK AIYOB SHAHARUDDIN

56 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar, Jabatan Perkhidmatan Perlindungan

Encik Aiyob Shaharuddin menyertai PNSB pada 3 Jun 2013 sebagai Pengurus Besar Jabatan Perkhidmatan Perlindungan, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran. Encik Aiyob memiliki 35 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan menerusi perkhidmatannya dengan kerajaan dan menyandang pelbagai jawatan yang meliputi bidang keselamatan, operasi & perisikan, penyelidikan & pembangunan dan kewangan & pembangunan sewaktu bertugas dengan Polis Diraja Malaysia. Beliau adalah pemegang Diploma Siswazah Sains Kepolisian dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum menyertai PNSB, beliau pernah meyandang jawatan Ketua Unit Bantuan, Jabatan Pengurusan, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman dengan memegang pangkat Superintenden.

ENCIK KHALID ABDULLAH

46 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran

Encik Khalid Abdullah menyertai PNSB pada 1 November 2013 sebagai Pengurus Besar, Sumber Manusia dan Pentadbiran. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia pada tahun 1999, dan memperoleh Ijazah Sarjana Esekutif Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Teknolog MARA (UiTM) pada tahun 2004. Encik Khalid mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam Pengurusan Sumber Manusia. Sebelum menyertai PNSB, Encik Khalid pernah memegang pelbagai jawatan Pengurusan Kanan dalam bidang Sumber Manusia yang meliputi beberapa industri sewaktu bersama Kumpulan Sapura seperti Telekomunikasi, Teknologi Maklumat, Minyak dan Gas, Komunikasi Pertahanan dan Terjamin.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - SYABAS

IR V SUBRAMANIAM

64 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif,
Bahagian Pembangunan Teknikal

Ir. V Subramaniam kini merupakan Pengarah Eksekutif, Bahagian Pembangunan Teknikal Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"). Beliau telah berkhidmat dengan Jabatan Bekalan Air Selangor ("JBAS") sejak tahun 1991 dan meneruskan perkhidmatan dengan Perbadanan Urus Air Selangor Berhad ("PUAS") apabila Jabatan Kerja Air diperbadankan pada bulan Mac 2002 dan kemudiannya dengan SYABAS sebagai Pengarah Eksekutif, Operasi apabila pembekalan air di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya diswastakan pada 1 Januari 2005. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) (Kepujian) dari Universiti Malaya.

Ir. V Subramaniam telah berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya/Jabatan Bekalan Air/PUAS/SYABAS dalam pelbagai jawatan sepanjang 40 tahun lalu sejak menamatkan pengajian pada tahun 1974. Beliau berpengalaman luas dalam pengurusan pembekalan air dan penswastaan bekalan air. Ir. V Subramaniam berjaya mengendalikan Krisis Air yang tidak pernah berlaku sebelum itu, yang melanda Selangor dan Kuala Lumpur pada tahun 1998, di mana beliau kemudiannya, sewaktu menjadi Timbalan Pengarah Jabatan Kerja Air Selangor telah menerbitkan dokumentasi lengkap mengenai pengurusan krisis air tersebut. Beliau juga telah menulis dan membentangkan lebih 25 kertas mengenai Penswastaan/Pemerbadanan bekalan air dan mengenai aspek teknikal lain dalam bekalan air sewaktu berlangsungnya seminar, persidangan dan dalam penerbitan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, termasuk Persatuan Air Antarabangsa ("IWA"); Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik ("APEC"); Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial untuk Asia dan Pasifik ("ESCAP") – Bangsa-bangsa Bersatu serta Bank Pembangunan Asia ("ADB"). Sebagai perunding domestik yang dilantik oleh ADB, beliau juga telah membantu ADB menjalankan beberapa kajian mengenai bekalan air di bandar raya Asia.

Sebagai pengiktirafan terhadap dedikasi dan perkhidmatan beliau kepada negeri dan negara, Ir. V Subramaniam telah dianugerahkan pingat Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor ("SMS"), Darjah Kebesaran Setia - Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ("SSA"), Ahli Mangku Negara ("AMN") dan Pingat Jasa Kebaktian ("PJK") (Terengganu). Beliau merupakan Timbalan Presiden Persatuan Air Malaysia ("MWA") dan juga Timbalan Presiden SWAn, Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Industri air sememangnya dekat di hati Ir. V Subramaniam, berbekalkan pengalamannya yang luas dalam bekalan air minum, yakni dari sumber sehingga ke pengguna. Beliau juga memainkan peranan besar dalam memastikan kualiti air paip kita sentiasa bersih dan selamat dan percaya air boleh diminum terus dari paip.

TUAN HAJI SANUSI SULIEMAN

53 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif,
Bahagian Perancangan

Tuan Haji Sanusi Sulieman memiliki kelulusan Ijazah Kelas Kedua Tinggi dalam bidang Kejuruteraan Awam dari Universiti Malaya pada tahun 1984, dan memulakan kerjaya beliau bersama Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang pada tahun 1984, dengan menyandang pelbagai jawatan seperti Jurutera Projek, Jurutera Rawatan dan Jurutera Pengagihan sehingga tahun 1993.

Pada tahun 1993, beliau menyertai firma perunding kejuruteraan, Ranhill Bersekutu Sdn Bhd sebagai Jurutera Kanan, di mana beliau terlibat dalam Skim Penswastaan Bekalan Air Johor Baharu. Beliau menyertai Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") pada tahun 1994 sebagai Pengurus Projek bagi Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 2 bernilai RM1.3 bilion yang melibatkan pembinaan Loji Pembersihan Air Sungai Selangor Fasa 2 dan sistem pengagihannya.

Pada tahun 2000, beliau menyertai Ranhill Engineers and Contractors Sdn Bhd sebagai Pengarah Projek yang bertanggungjawab terhadap semua aktiviti pembinaan bekalan air. Selepas itu, beliau dinaikkan pangkat menjadi Ketua Pegawai Operasi Ranhill Civil Sdn Bhd sehingga tahun 2004. Pada tahun 2004, beliau menyertai WWE Holdings Bhd sebagai Pengarah Eksekutif, sebelum menyertai PNSB pada tahun yang sama, di mana beliau terlibat dalam pasukan petugas bagi penswastaan PUAS kepada Syarikat Bekalan Air Selangor ("SYABAS").

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - SYABAS

Tuan Haji Sanusi mendapat pendedahan dalam kerja pembinaan peringkat antarabangsa apabila beliau ditugaskan di Arab Saudi bagi Projek Rangkaian Kumbahan Cawangan Jeddah Utara bernilai SR408 juta pada tahun 2006 sebelum dilantik ke jawatan sebagai Pengarah Eksekutif Projek di SYABAS pada tahun 2007. Selepas itu, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Rangkaian & Perancangan SYABAS dan dilantik ke jawatan semasa sebagi Pengarah Eksekutif, Bahagian Perancangan pada tahun 2011.

TUAN HAJI ZAINUDDIN OTHMAN

54 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif,
Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran

Tuan Haji Zainuddin Othman menyertai SYABAS pada 1 April 2005. Pada masa ini beliau memegang jawatan Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains dalam Pengurusan Sumber Manusia dari University of Lincolnshire and Humberside, United Kingdom. Sebelum menyertai SYABAS, Tuan Haji Zainuddin berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran di Proton Edar Sdn Bhd (subsidiari Proton Berhad) (1998-2003) dan menjadi Ketua Sumber Manusia dan Pentadbiran di PATI Sdn Bhd (subsidiari United Engineering (Malaysia) Berhad) (1993-1997). Beliau mempunyai pengalaman kerja melebihi 24 tahun dalam bidang pengurusan sumber manusia dan pentadbiran am pejabat.

Berbekalkan pengalamannya yang luas dalam mengendali isu keselamatan & kesihatan pekerjaan, beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara ("NIOSH") berkuatkuasa mulai 27 Jun 2013.

ENCIK ABDUL HALEM MAT SOM

48 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif,
Bahagian Hal Ehwal Awam

Encik Abdul Halem Mat Som menyertai PNSB pada tahun 2004 sebagai Pembantu Peribadi kepada Pengerusi Eksekutif sebelum beliau ditugaskan ke SYABAS sebagai Pengurus Kanan, Bahagian Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awam ("CCPA"). Encik Abdul Halem kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar, CCPA pada 1 Januari 2007. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat pada 1 Januari 2010. Beliau adalah pemegang Diploma Pentadbiran Awam (1987) dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat (1998), kedua-duanya dari Universiti Teknologi MARA ("UiTM") serta Sijil Pengurusan Perkilangan dari Sanno Institute of Business Administration ("SIBA"), Tokyo (1990).

Encik Abdul Halem memulakan kerjaya sebagai Timbalan Penolong Pengarah Imigresen sebelum menyertai sebuah syarikat perkilangan Jepun selama tiga tahun dan selepas itu berkhidmat dengan sebuah syarikat multinasional Arab selama dua tahun lagi dengan pengkhususan dalam Pengurusan Sumber Manusia. Pendedahan beliau dalam bidang korporat dan perhubungan awam bermula apabila beliau menyandang jawatan Pengurus Besar di Lagenda Abadi Sdn Bhd, sebuah agensi pengurusan acara dan perhubungan awam. Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Pengarah Urusan selama empat tahun di Comiteg Berhad, sebuah syarikat yang mengendalikan pembangunan dan pelaburan hartanah.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - SYABAS

Sebelum menyertai PNSB, Encik Abdul Halem adalah Pengarah Urusan, Kumpulan Syarikat Eeman, yang terlibat dalam bidang perkilangan, perdagangan, perundingan acara, pengiklanan dan produksi. Encik Abdul Halem mempunyai pengalaman selama lebih 21 tahun dalam bidang pengurusan acara, penerbitan filem, pengiklanan, perkilangan, perundingan dan latihan sumber manusia, pentadbiran serta pelaburan modal. Beliau kini merupakan Presiden Persatuan Alumni UiTM Pahang dan ahli jawatankuasa Yayasan Siswazah Malaysia.

PUAN ROOWINA MERICAN A. RAHIM MERICAN

52 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif,
Bahagian Kualiti Air

Puan Roowina Merican A. Rahim Merican menyertai Kumpulan Puncak pada 22 Mac 1997 sebagai Pengurus di Bahagian Operasi yang bertanggungjawab terhadap Unit Alam Sekitar di Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB"). Beliau kemudiannya telah mendapat beberapa kenaikan pangkat menjadi Pengurus Kanan, Penolong Pengurus Besar dan Pengurus Besar Jabatan Sumber Air dan Pengawasan Alam Sekitar di PNSB sebelum menyandang jawatan sebagai Pengurus Besar Kanan di Jabatan Kualiti Air di bawah Bahagian Sumber Strategik di Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"). Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2011, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Kualiti Air, Aset & Sumber Strategik di SYABAS dan Bahagian ini kemudiannya ditukar nama sebagai Bahagian Kualiti Air pada tahun 2014.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari University of Surrey pada tahun 1984 dan selepas itu memperolehi Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Kepujian) dalam Pembangunan Sumber Air pada tahun 1991. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1985 sebagai seorang Jurutera Awam di Jabatan Kerja Raya, Malaysia ("JKR") dan memegang pelbagai jawatan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau dengan JKR sehingga tahun 1997.

ENCIK MOHAMAD ISA MOHD YASSIN, AMS, AMK

55 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif
Jabatan Tugas Khas

Encik Mohamad Isa Mohd Yassin menyertai SYABAS pada 8 Februari 2007 sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif/Pengurus Besar Jabatan Penyertaan & Pembangunan Usahawan Bumiputera. Selepas itu, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif/Pengurus Besar Kanan pada bulan Mei 2008, diikuti dengan jawatan sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif/ Pengarah Eksekutif pada bulan Januari 2011 dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif Jabatan Tugas Khas pada 2014.

Sebelum menyertai SYABAS, beliau pernah berkhidmat dengan Matsushita Electric Co (M) Bhd sebagai Eksekutif di Jabatan Penyelidikan & Pembangunan dan Jabatan Perancangan Pengeluaran (1977-1994), Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif (1994-2000) sebagai Pengurus Besar Puncak Alam Housing Sdn Bhd (2000-2004) dan sebagai Pengarah Urusan Haluan Prisma Sdn Bhd (2004 - Januari 2007).

TUAN HAJI YUSOF SAROJI

48 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif,
Bahagian Operasi

Di SYABAS beliau telah bertanggungjawab merangka pendaftaran kontraktor SYABAS di bawah Seksyen Penyertaan dan Pembangunan Usahawan Bumiputera (2007-2013). Buat masa ini beliau membantu Pengerusi Eksekutif dalam mengendali tugas khas yang mencakupi pelbagai bidang. Beliau turut memainkan peranan aktif sebagai Pembantu Khas kepada Komander Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60, Rejimen Askar Jurutera DiRaja ("RAJD") (Askar Wataniah) sejak tahun 2007 sehingga kini.

Encik Mohamad Isa dilatih dalam bidang Kemahiran Latihan Perindustrian & Pengurusan di Matsushita Electric Co di Osaka, di bawah Skim Dasar Pandang Ke Timur di Jepun (1986 - 1988). Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pembangunan bandar dan bangunan, pemantauan projek, perhubungan awam, industri perkilangan dan air. Encik Mohd Isa telah dianugerahkan Darjah Ahli Mahkota Selangor ("AMS") oleh DYMM Sultan Selangor pada tahun 2000, diikuti dengan Darjah Ahli Mahkota Kedah ("AMK") oleh DYMM Sultan Kedah pada tahun 2011.

Tuan Haji Yusof Saroji mempunyai pengalaman kerja menjangkau 24 tahun, dengan 16 tahun pengalaman amali dalam sektor bekalan dan pengagihan air yang meliputi operasi air Wilayah sehingga kepada pengurusan hasil dan kutipan. Sebelum pelantikan beliau sebagai Pengarah Eksekutif (Operasi), beliau merupakan Pengurus Besar Kanan, Jabatan Wilayah, di mana beliau bertanggungjawab menyelia operasi dan pengurusan 10 pejabat wilayah SYABAS.

Berdasarkan kelayakannya, Tuan Haji Yusof Saroji adalah seorang Jurutera dengan memiliki Diploma dan Diploma Lanjutan Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi MARA ("UiTM"). Beliau juga merupakan seorang Ahli Institusi Jurutera Malaysia ("IEM"). Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1988 sebagai seorang Pembantu Teknik dengan Jabatan Bekalan Air Selangor ("JBAS"). Bila JBAS diswastakan sebagai Perbadanan Urus Air Selangor ("PUAS") pada tahun 2002 beliau selaku Pengurus Kanan/Ketua Wilayah bagi Pejabat Wilayah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Beliau terus berkhidmat dengan memegang jawatan yang sama sewaktu PUAS diswastakan menjadi SYABAS pada tahun 2005 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar/Ketua Pejabat Wilayah Gombak, dan seterusnya ditugaskan mengetuai Jabatan Operasi dan Penyelenggaraan SYABAS pada bulan Januari 2010. Selepas dari itu beliau menyertai Jabatan Wilayah sebagai Pengurus Besar dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Kanan berkuatkuasa mulai Ogos 2010. Seterusnya, berkuatkuasa 15 Februari 2012, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Ekesekutif Bahagian Operasi.

Tuan Haji Yusof Saroji juga bergiat aktif dalam beberapa organisasi bukan berasaskan keuntungan yang berkaitan dengan air dan pernah menyandang jawatan Setiausaha sebelum memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Jurutera Air Daerah Se Malaysia ("JTJAD") bagi penggal 2011/2013. Beliau juga merupakan Komandan Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60, Rejimen Askar Jurutera DiRaja ("RAJD") (Askar Wataniah) bagi Negeri Selangor berpangkat Mejar sejak tahun 2011 dan merupakan Pegawai Integriti SYABAS sejak tahun 2013.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - SYABAS

ENCIK YUSOF BADAWI

52 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif,
Bahagian Projek & NRW

Encik Yusof Badawi menyertai SYABAS pada 1 Mei 2011 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Projek dan Pembangunan yang meliputi Jabatan Pengurusan Projek, Jabatan Air Tidak Berhasil ("NRW"), Jabatan Pembangunan dan Jabatan Pentadbiran Kontrak. Bahagian ini kemudiannya dinamakan sebagai Bahagian Projek & NRW dengan mengasingkan Jabatan Pembangunan. Pada 2013, Jabatan Penguatkuasaan ditambahkan kepada Bahagian ini.

Encik Yusof Badawi berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan dengan pengkhususan dalam jurusan Kejuruteraan Awam dan pengajian sampingan dalam bidang Pembinaan dan Matematik dari Southern Illinois University, Amerika Syarikat. Beliau mempunyai pengalaman selama 27 tahun dalam industri pembinaan dengan menyandang pelbagai jawatan termasuk di peringkat pegawai kanan dan lembaga pengarah. Beliau giat terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan pelbagai projek pembinaan, infrastruktur, pembangunan perumahan, kerja air dan penyelenggaraan.

Encik Yusof Badawi terlibat dalam pembinaan, pengujian dan pentauliahan Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa I dan Fasa II mulai tahun 1990 hingga 1998. Beliau juga berjaya mengurus pelaksanaan kontrak bernilai RM500 juta bagi menyelenggara dan menaik taraf beberapa buah sekolah di Semenanjung Malaysia di bawah konsep naungan bagi Kementerian Pelajaran.

Pada bulan Mei 2003, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat senarai awam (PLC). Bersama-sama dengan pasukan pengurusan dan kakitangannya, beliau telah berjaya membina dan menyiapkan beberapa buah projek dan memulihkan PLC tersebut daripada sebuah syarikat yang menanggung kerugian menjadi sebuah kumpulan yang mencatat keuntungan.

Encik Yusof Badawi adalah seorang ahli Lembaga Jurutera Malaysia, Institut Pengurusan Malaysia ("MIM"), Persatuan Air Malaysia dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Selangor (profesional).

PUAN KAREN CHAN YIT HWA

50 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif,
Bahagian Kewangan

Puan Karen Chan memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia.

Puan Karen Chan mempunyai pengalaman kerja yang luas selama lebih 26 tahun dalam pelbagai bidang yang meliputi Pengauditan, Perakaunan, Kewangan dan Kewangan Korporat.

Sebelum menyertai SYABAS, Puan Karen Chan berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan dalam Kumpulan Syarikat Scomi selama 6.5 tahun, di mana untuk 2 tahun beliau bertugas di luar negara di Dubai menyelia Operasi Timur Tengah.

Beliau berkhidmat dengan Price Waterhouse Coopers dari tahun 1987 hingga 1991. Selepas itu, beliau berkhidmat dengan beberapa syarikat lain dalam Kumpulan Syarikat Hong Leong dan beberapa Syarikat Senarai Awam di Malaysia.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - SYABAS

TUAN HAJI MOHD SUHAIMI RAFIE

58 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar Kanan,
Jabatan Rangkaian & Instrumentasi

Tuan Haji Mohd Suhaimi memiliki Diploma, Diploma Lanjutan dalam Kejuruteraan Awam serta Diploma Lepasan Ijazah dalam bidang Penganalisis Sistem dari Universiti Teknologi Mara. Beliau mempunyai pengalaman kerja selama 34 tahun dalam sektor kerja raya dan bekalan air. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1979 sebagai seorang Jurutera Awam dengan Jabatan Kerja Raya, menyandang beberapa jawatan sehingga tahun 2001. Beliau kemudiannya menyertai JBAS sebagai Penolong Pengarah Kanan dan meneruskan perkhidmatan beliau di bawah PUAS (2002 - 2004). Beliau memegang jawatan sebagai Pengurus Besar, Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Kanan Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi pada 1 Januari 2007.

Tuan Haji Mohd Suhaimi kini merupakan Pengurus Besar Kanan Jabatan Rangkaian dan Insturmentasi.

CIK HAYATI AB WAHAB

50 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar Kanan,
Jabatan Audit Dalaman

Cik Hayati Ab Wahab merupakan Pengurus Besar Kanan di Jabatan Audit Dalaman. Sebelum itu, Cik Hayati pernah menyandang jawatan sebagai Pengurus Besar Kanan Jabatan Pengebilan dan Pemulihan Kutipan dari bulan Januari 2011 hingga September 2011 dan Pengurus Besar Pejabat Wilayah Kuala Lumpur dari tahun 2007 hingga 2010. Beliau menyertai PNSB pada bulan Julai 2001 sebagai seorang Juruaudit Dalaman sebelum ditugaskan ke SYABAS pada tahun 2005 sebagai Setiausaha Kerja bagi Wilayah Kuala Lumpur.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari London Guildhall University, England dan merupakan seorang Akauntan Awam Bertauliah dengan MICPA, Akauntan Berkanun dengan Institut Akauntan Malaysia ("MIA") serta ahli Institut Juruaudit Dalaman, Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman kerja selama 26 tahun termasuk 10 tahun dalam audit luar yang meliputi pelbagai jenis industri (seperti pembinaan, perladangan, perkayuan, perkilangan dan badan kerajaan), bidang kajian usaha wajar dan unjuran keuntungan & aliran tunai. Beliau memiliki 10 tahun pengalaman dalam audit dalaman yang mencakupi bidang kewangan, operasi, IT, pengurusan risiko dan penyiasatan. Beliau turut memiliki pengalaman bekerja di England, Bangkok dan Singapura.

IR NASIR ISMAIL

51 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar Kanan,
Jabatan Kontrak, Perolehan & Pembangunan Bumiputera

Ir Nasir menyertai SYABAS pada tahun 2004 dan merupakan salah seorang anggota pasukan petugas bagi penswastaan SYABAS serta pernah berkhidmat di Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") sejak tahun 1998.

Pada 15 Februari 2012, Ir Nasir Ismail telah dipindahkan ke Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG) sebagai Naib Presiden, Bahagian Tender & Kontrak. Kemudiannya, pada 21 Februari 2012, beliau telah dilantik sebagai Pengarah POG dan GOM Resources Sdn Bhd.

Ir Nasir Ismail menyertai SYABAS sebagai Pengurus Besar Kanan, Jabatan Kontrak & Perolehan pada 1 Oktober 2013. Beliau juga pernah berkhidmat di Majlis Perbandaran Seremban, firma Jurutera Perunding, kontraktor dan Gas Malaysia Sdn Bhd sebelum menyertai PNSB.

Ir Nasir merupakan ahli Lembaga Jurutera Malaysia ("BEM"), MWA, SWAn, IWA, IACCM dan seorang Jurutera Gas Berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam dari Memphis State University, Tenessee, AS pada tahun 1985 dan Ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Alam Sekitar dari Shimane University, Japan pada tahun 1992.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - SYABAS

ENCIK AHMAD SUHAIDIN ISMAIL

53 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar,
Wilayah Kuala Lumpur

Encik Ahmad Suhaidin Ismail telah menamatkan pengajiannya pada tahun 1999 dengan memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi Malaysia.

Encik Ahmad Suhaidin memulakan kerjayanya bersama Jabatan Bekalan Air Selangor ("JBAS") pada tahun 1984 dan meneruskan perkhidmatannya dengan Perbadanan Urus Air Selangor Berhad ("PUAS") (2002-2004) dan kini, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"). Sepanjang 30 tahun lalu beliau telah memegang pelbagai jawatan selama berkhidmat dengan JBAS/PUAS/ SYABAS.

Encik Ahmad Suhaidin menyertai Jabatan Bekalan Air Selangor ("JBAS") pada 15 Januari 1984 sebagai Pembantu Teknikal di Pejabat Wilayah Gombak. Penyertaan ekstensif dan komitmen kerja beliau sepanjang tempoh beberapa tahun telah membawa kepada pelantikan beliau sebagai Pengurus Pejabat Wilayah Klang/Shah Alam pada tahun 2002. Selepas itu beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus Besar/Ketua Pejabat Wilayah Kuala Langat pada tahun 2007 dan sebagai Pengurus Besar/Ketua Pejabat Wilayah Klang pada 2009. Pada 15 Januari 2012, beliau telah dipindahkan ke Pejabat Wilayah Petaling sebagai Ketua Wilayah. Seterusnya, Encik Ahmad Suhaidin telah dilantik sebagai Ketua Wilayah Kuala Lumpur pada 1 Januari 2014.

Encik Ahmad Suhaidin merupakan seorang ahli yang aktif dalam Persatuan Air Malaysia ("MWA"), KOPEKA dan beliau adalah Setiausaha Jawatankuasa Tindakan Jurutera Air Daerah SeMalaysia ("JTJAD") untuk Negeri Selangor.

IR AHMAD MARZUKI HASHIM

52 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar,
Jabatan Pengurusan Projek

Ir Ahmad Marzuki Hashim berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari Ohio University di Athens pada tahun 1984 dan Ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Awam, Alam Sekitar dari University of Liverpool, England pada tahun 1994. Pekerjaan beliau sebagai Jurutera Awam telah menyaksikannya berkhidmat dengan PNSB sejak bulan Mac 1997. Beliau memulakan kerjaya dengan PNSB sebagai Pengurus Jabatan Operasi Empangan dan selepas itu dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Kanan, Penolong Pengurus Besar Jabatan Operasi Empangan dan Pengurus Besar Jabatan Pembangunan Perniagaan.

Beliau kemudiannya menyertai SYABAS sebagai Pengurus Besar di Pejabat Ketua Pegawai Operasi pada bulan Ogos 2009. Kini, Ir Ahmad Marzuki merupakan Pengurus Besar, Jabatan Pengurusan Projek.

Ir Ahmad Marzuki mempunyai pengalaman kerja selama lebih 29 tahun dalam industri air dan pernah menyandang pelbagai jawatan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau dengan Jabatan Kerja Raya dibawah Cawangan Kerja Air.

TUAN HAJI ARIFF IBRAHIM

53 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar,
Jabatan Operasi Kualiti Air & Pengawasan

Tuan Haji Ariff Ibrahim menyertai PNSB pada bulan Januari 2005 dan ditugaskan ke SYABAS sebagai Pengurus Besar, Operasi & Penyenggaraan pada bulan Januari 2006 dan dilantik sebagai Pengurus Besar Jabatan NRW pada tahun 2012 dan sebagai Pengurus Besar Jakatan Operasi Kualiti Air & Pengawasan pada 2014.

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1984 dan selepas itu memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2001.

Tuan Haji Ariff mempunyai pengalaman kerja selama lebih 29 tahun dalam industri air yang meliputi operasi dan penyelenggaraan loji pembersihan air, operasi dan penyelenggaraan bekalan air, penyeliaan pembinaan skim bekalan air, keselamatan dan kesihatan dan hal berkaitan sumber manusia dan pentadbiran. Sebelum menyertai PNSB, beliau berkhidmat dengan Jabatan Bekalan Air Selangor selama 10 tahun dan selama 10 tahun lagi bersama CGE Utilities (M) Sdn Bhd.

Tuan Haji Ariff merupakan ahli Institut Pengurusan Malaysia ("MIM"), Persatuan Air Selangor ("SWAn") serta Persatuan Air Antarabangsa ("IWA"). Beliau juga terlibat secara aktif dalam Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 Rejimen Askar Jurutera DiRaja ("RAJD") (Askar Wataniah) dan kini berpangkat Mejar dalam Rejimen tersebut.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - SYABAS

ENCIK SHAHRUDDIN AB RAHMAN

50 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar,
Jabatan Pengebilan dan Pemulihan Kutipan

Encik Shahruddin Ab Rahman menyertai SYABAS pada 1 Julai 2009 sebagai Pengurus Besar Jabatan Pengebilan dan Pemulihan Kutipan. Beliau kemudian dipindahkan ke Pejabat Wilayah Kuala Lumpur sebagai Pengurus Besar berkuat kuasa mulai 1 Januari 2011 hingga 15 Februari 2012 untuk membiasakan diri beliau dengan Operasi di Wilayah dan selepas itu kembali berkhidmat sebagai Pengurus Besar Jabatan Pengebilan dan Pemulihan Kutipan.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Diploma Lanjutan dalam Perakaunan) dari Universiti Teknologi MARA.

Sebelum menyertai SYABAS, beliau berkhidmat dengan Telekom Malaysia Berhad ("TM") selama 22 tahun di pelbagai Bahagian dan syarikat subsidiari TM. Beliau merupakan Ketua Pegawai Kewangan bagi dua syarikat subsidiari TM iaitu Government Integrated Telecommunication Networks ("GITN") Sdn Bhd dan TM Payphone Sdn Bhd. Beliau turut terlibat dalam pengambilalihan GITN Sdn Bhd, sebuah syarikat subsidiari Permodalan Nasional Berhad ("PNB") untuk menjadi sebuah syarikat subsidiari milik penuh TM. Projek terakhir beliau bersama TM adalah sebagai Pengawal Perniagaan bagi projek Sistem Tindak Balas Kecemasan Malaysia 999 di mana TM dilantik oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk membangun dan menyelenggara sistem tersebut yang akan menyediakan kemudahan kecemasan untuk orang ramai.

ENCIK MOHD YAMAN MOHD ZIN

58 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar,
Jabatan Pentadbiran

Encik Mohd Yaman Mohd Zin merupakan graduan University of Sussex, England pada tahun 1982 dengan memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Struktur. Encik Mohd Yaman mempunyai pengalaman kerja selama lebih 30 tahun dalam industri bangunan dan pembinaan yang melibatkan perundingan kejuruteraan, pengurusan projek/pembinaan, pembangunan hartanah dan pembinaan infrastruktur.

Encik Mohd Yaman menyertai SYABAS sebagai Pengurus Besar, Bahagian Kualiti Air pada tahun 2007 dan kemudian dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Operasi & Penyelenggaraan pada tahun 2009 dan sebagai Ketua Wilayah Gombak dari tahun 2010 hingga bulan Mac 2011. Seterusnya, beliau telah dilantik sebagai Pengurus Besar, Jabatan Perkhidmatan Pelanggan atau PUSPEL sehingga akhir bulan Disember 2013.

Berkuatkuasa mulai Januari 2014, beliau mengetuai Jabatan Pentadbiran sebagai Pengurus Besar yang bertanggungjawab terhadap pengurusan fungsi pentadbiran am Syarikat, kenderaan milik Syarikat di bawah Bahagian Pengurusan Pengangkutan, serta pentadbiran amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Syarikat.

ENCIK ABD LATIF ISMAIL

52 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar,
Jabatan Sumber Manusia

Encik Abdul Latif Ismail menyertai SYABAS pada 20 Ogos 2010 dan merupakan Pengurus Besar Jabatan Sumber Manusia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains dalam Pengurusan Sumber Manusia dari University of Lincolnshire & Humberside, United Kingdom.

Sebelum menyertai SYABAS, beliau pernah berkhidmat dengan sebuah Bursa selama lebih 14 tahun. Pengalaman beliau dalam bidang sumber manusia termasuk sebagai individu utama yang terlibat dalam merangka semula tugas, penilaian kerja, pensaizan wajar, pemprofilan budaya dan pengurusan dalaman.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - SYABAS

PUAN ROSMIZAH AHMAD

45 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar,
Jabatan Pembangunan

Puan Rosmizah Ahmad menyertai PUAS pada 2 September 2002 sebagai seorang Jurutera di Jabatan Pembangunan.

Sewaktu pengkorporatan PUAS oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") pada 1 Januari 2005, Puan Rosmizah telah meneruskan tugasnya bersama SYABAS di Jabatan Pembangunan.

Puan Rosmizah merupakan Ahli Lembaga Jurutera, Persatuan Air Malaysia ("MWA") dan Persatuan Air Antarabangsa.

Selepas mendapat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1994, Puan Rosmizah Ahmad memulakan kerjaya beliau sebagai seorang Jurutera dalam bidang reka bentuk kejuruteraan awam dan struktur. Sehingga kini, beliau telah menghimpun lebih 20 tahun pengalaman kerja dalam bidang kejuruteraan.

Sebelum menyertai PUAS/SYABAS pada tahun 2002, Puan Rosmizah pernah berkhidmat di sebuah firma perunding selama 8 tahun dengan mengkhusus kepada bidang Reka Bentuk Kejuruteraan Struktur.

PUAN HAYATI ABD RAHMAN

47 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar,
Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi

Puan Hayati Abd Rahman adalah lulusan Ijazah Sains Sosial dalam jurusan Sains Komputer dari University of Waikato, Hamilton, New Zealand pada tahun 1991. Beliau kemudiannya telah melanjutkan pengajian dan memperoleh Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Maklumat dari Universiti Teknologi MARA ("UiTM") pada tahun 2002. Beliau memiliki pengalaman kerja selama 22 tahun dalam bidang komputer dari pelbagai jenis industri (seperti perladangan, hartanah dan agensi kerajaan) yang meliputi pembangunan sistem, penghijrahan dan pelaksanaan sistem teras.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1991 sebagai Pengatur Cara di Sime Darby Plantation dan kemudiannya menyertai Institut Penyelidikan Getah ("RRI") sebagai Penganalisis Atur Cara. Pada 1992 beliau menyertai TTDI Development Sdn Bhd dan melebarkan laluan kerjayanya dari seorang Penganalisis Atur Cara kepada jawatan Pengurus yang mengetuai Seksyen Sistem Maklumat Pengurusan sehingga tahun 2003. Pada 1 April 2003, beliau menyandang jawatan Pengurus Kanan yang mengetuai Seksyen Pembangunan Aplikasi, Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi di Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM"), sebelum menyertai SYABAS sebagai Pengurus Besar, Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi pada 15 Januari 2012.

IR KHOR TSE TONG

39 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar,
Jabatan Air Tidak Berhasil (NRW)

Ir Khor Tse Tong menyertai SYABAS pada 24 Januari 2011 sebagai Penolong Pengurus Besar, Jabatan Perancangan & Reka Bentuk ("PDD") dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar PDD pada tahun 2012. Pada tahun 2014, Ir Khor telah dilantik sebagai Pengurus Besar, Jabatan Air Tidak Berhasil (NRW). Beliau adalah seorang Jurutera Profesional berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia ("BEM") dan mempunyai lebih 12 tahun pengalaman bekerja sebagai seorang Jurutera Reka Bentuk untuk beberapa syarikat pembangunan hartanah dalam aspek kejuruteraan awam dan struktur, sebagai seorang kontraktor dalam pembinaan bangunan bertingkat tinggi, sebagai seorang Jurutera dan Pengurus Projek bagi projek NRW dan Model Rangkaian Pengagihan Bekalan Air.

Ir Khor Tse Tong adalah lulusan Ijazah Kejuruteraan Awam & Struktur dari Universiti Kebangsaan Malaysia ("UKM") pada tahun 1999. Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang Jurutera Reka Bentuk bagi sebuah firma perunding awam dan struktur. Beliau kemudian menyertai PABW Sdn Bhd pada tahun 2001 dan ditugaskan dalam Projek NRW Selangor. Beliau menyertai Salcon Engineering Berhad pada tahun 2003 untuk sebuah projek NRW di Sandakan, Sabah. Sebelum menyertai SYABAS, Ir Khor Tse Tong berkhidmat dengan Halcrow Consultant di Malaysia sejak tahun 2005.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - SYABAS

CIK LEE CHIN SHIN

46 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar,
Jabatan Kewangan & Akaun

Cik Lee Chin Shin menyertai SYABAS pada 18 April 2013 sebagai Pengurus Besar, Jabatan Kewangan & Akaun. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1992 dan merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia ("MIA") dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia ("MICPA"). Sebelum menyertai SYABAS, beliau merupakan seorang Pengurus di HL Management Co Sdn Bhd.

ENCIK KELVIN SIEW WENG HOE

38 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar, Wilayah Petaling

Encik Siew Weng Hoe (Kelvin) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari Universiti Putra Malaysia pada tahun 1999. Beliau menyertai SYABAS pada tahun 2005 sebagai seorang Pengurus Teknikal, Wilayah Petaling. Beliau dinaikkan pangkat beberapa kali sebelum menyandang jawatan sekarang sebagai Pengurus Besar Wilayah Kuala Lumpur pada tahun 2013.

Berkuatkuasa Januari 2014, beliau menyandang jawatan Pengurus Besar, Wilayah Petaling. Sebelum menyertai SYABAS, beliau merupakan Jurutera NRW dengan Premier Ayer Sdn Bhd.

ENCIK IDROS SAID

52 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar,
Jabatan Penguatkuasaan

Encik Idros Said menyertai PNSB pada Julai 2008 dan ditugaskan di Pejabat Pengerusi Eksekutif. Beliau kemudiannya bertugas di SYABAS sebagai Pengurus Kanan Bahagian Penguatkuasaan di Jabatan Wilayah pada November 2009 dan dilantik sebagai Penolong Pengurus Besar Bahagian Penguatkuasaan di Jabatan Undang-undang & Penguatkuasaan pada Disember 2010. Seterusnya, beliau dilantik sebagai Pengurus Besar Jabatan Penguatkuasaan pada April 2013. Encik Idros memiliki lebih 32 tahun pengalaman kerja dengan badan penguatkuasaan, penyiasatan dan perisikan Kerajaan, industri minyak & gas serta telekomunikasi yang mencakupi projek khas, operasi penguatkuasaan dan penyiasatan berkenaan penyeliaan penguatkuasaan dalaman dan luaran, penyiasatan penipuan, hal-hal perisikan dan menghadiri perbicaraan mahkamah sebagai saksi/wakil Syarikat. Sebelum menyertai PNSB beliau berkhidmat dengan Polis DiRaja Malaysia dalam Cawangan Khas, Unit Operasi Khas selama 13 tahun, Petroliam Nasional Berhad selama 3 tahun dan 11 tahun lagi dengan Celcom (M) Bhd.

Encik Idros merupakan ahli Penerima Bintang Kepahlawanan Negara sejak tahun 1989 selepas beliau dikurniakan pingat keberanian Jasa Perkasa Persekutuan (JPP) oleh DYMM Yang DiPertuan Agong.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - SINO WATER

YBHG DATO' SYED DANIAL SYED ARIFFIN

56 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengerusi, Sino Water Pte Ltd

YBhg Dato' Syed Danial Syed Ariffin dilantik menyertai Lembaga Pengarah Sino Water Pte Ltd ("Sino Water") dan sebagai Pengerusi Sino Water, masing-masing pada 1 Januari 2010. Beliau juga merupakan Ketua Pegawai Operasi Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") dan Pengarah Urusan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB"). YBhg Dato' Syed Danial adalah seorang jurutera awam dan telah berkhidmat dengan Kumpulan PNHB sejak bulan Disember 1995. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kejuruteraan Awam dari University of Aston di Birmingham, United Kingdom.

Sebagai Pengerusi Sino Water, YBhg Dato' Syed Danial Syed Ariffin bertanggungjawab memimpin Lembaga Pengarah Sino Water dan subsidiarinya di Republik Rakyat China.

Butiran lengkap profil YBhg Dato' Syed Danial adalah seperti yang dibentangkan pada muka surat 46 di dalam Laporan Tahunan ini.

IR TAN HUI KUAN

60 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Urusan, Sino Water Pte Ltd

Ir Tan Hui Kuan dilantik sebagai Pengarah Urusan Sino Water pada 8 Jun 2011. Beliau juga merupakan Ketua Pegawai Operasi PNSB. Ir Tan Hui Kuan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1979.

Sebagai Pengarah Urusan Sino Water, Ir Tan Hui Kuan bertanggungjawab terhadap pengurusan harian, operasi dan pelaksanaan semua projek yang dijalankan di Republik Rakyat China.

Butiran lengkap profil Ir Tan Hui Kuan adalah seperti yang dibentangkan pada muka surat 54 di dalam Laporan Tahunan ini.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - POG & GOM RESOURCES

YBHG TAN SRI DATO' SRI DR WAN ABDUL AZIZ WAN ABDULLAH

62 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengerusi, GOM Resources

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources") pada 1 Mac 2013.

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Falsafah (Pengajian Pembangunan) dari Institute of Development Studies, University of Sussex, Brighton, UK, dan memperoleh Ph.D. (Ekonomi) dari School of Business and Economic Studies, University of Leeds, UK. Beliau turut mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Boston, Amerika Syarikat.

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz telah berkhidmat selama lebih 37 tahun dalam Perkhidmatan Awam dan memiliki pengalaman luas dalam sektor kewangan dan ekonomi. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1975 sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancangan Ekonomi (Economic Planning Unit) ("EPU"), Jabatan Perdana Menteri dan kemudian dinaikkan ke jawatan Penolong Pengarah Kanan pada tahun 1984, sebelum menyandang jawatan sebagai Pengarah Seksyen Tenaga di jabatan yang sama. Pada penghujung tahun 1998,YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz telah ditugaskan oleh Kerajaan Malaysia ke Kumpulan Bank Dunia, Washington D.C, Amerika Syarikat sebagai Pengarah Eksekutif Silih Ganti mewakili Kumpulan Asia Tenggara.

Sekembalinya ke Malaysia pada tahun 2001, YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz menyandang jawatan sebagai Timbalan Setiausaha Rendah (Makro), Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan ("MOF"). Pada tahun 2004, beliau berkhidmat dengan EPU di Jabatan Perdana Menteri sebagai Timbalan Ketua Pengarah di Bahagian Perancangan Mikro.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), MOF pada tahun 2005 dan kemudian dinaikkan ke jawatan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, MOF pada 28 Februari 2007. Beliau bersara daripada Perkhidmatan Awam pada 23 Mei 2008 dan kemudian kembali berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan hingga 23 Ogos 2012.

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz kini merupakan Pengerusi Malaysia Airport Holdings Berhad, Bank Pembangunan Malaysia, Samalaju Industrial Port Sdn Bhd, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad dan Pembinaan BLT Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad, Sime Darby Berhad & Kumpulan, Felda Global Ventures Holdings Berhad dan RAM Holdings Berhad.

YBHG DATO' HASHIM MAHFAR

54 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah dan Pemangku Presiden POG dan GOM Resources

YBhg Dato' Hashim Mahfar dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG") pada 3 Mei 2010. Beliau mendapat pendidikan peringkat tinggi pada tahun 1981 di Universiti Teknologi MARA ("UiTM") dan mengikuti kursus kelayakan profesional Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun (UK). Sepanjang kerjaya beliau, YBhg Dato' Hashim banyak terlibat dalam perkhidmatan korporat yang meliputi bidang undang-undang dan kesetiausahaan, pentadbiran kontrak, pemasaran dan kewangan korporat.

YBhg Dato' Hashim Mahfar bertanggungjawab terhadap Pembangunan Perniagaan & Tugas-tugas Khas GOM Resources Sdn Bhd dan Bahagian Minyak & Gas Puncak Niaga.

Pada 1 April 2014, YBng Dato' Hashim Mahfar dilantik sebagai Pemangku Presiden POG dan GOM Resources.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - POG & GOM RESOURCES

ENCIK ANGAT ANUM LINGOH

58 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah dan Naib Presiden Kanan
Bahagian Operasi GOM Resources

Encik Angat Anum Lingoh adalah Naib Presiden Kanan, Bahagian Operasi dan dilantik sebagai Pengarah GOM Resources pada 21 Februari 2012.

Encik Angat Anum Lingoh memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal dari University of Newcastle di England. Beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Kontrak di Sarawak Shell Berhad pada Ogos 1982 dan pernah memegang pelbagai jawatan teknikal dan pengurusan kanan di Shell dan dengan Kontraktor Pemasangan yang lain. Beliau mempunyai lebih 32 tahun pengalaman kerja dalam industri Minyak & Gas Luar Pesisir, yang antara lain meliputi pengurusan pejabat korporat, operasi, projek, kewangan dan sumber manusia. Beliau turut mengkhususkan dalam bidang kejuruteraan saluran paip dan pelantar luar pesisir, pengurusan projek pelantar, pemasangan, penggantian baik pulih dan pentauliahan.

Encik Angat Anum Lingoh mempunyai pengalaman bekerja di beberapa syarikat Minyak & Gas utama yang telah lama bertapak, baik di dalam mahupun di luar negara. Antaranya termasuk Sarawak Shell Berhad, Swiber Marine (Malaysia) Sdn Bhd, Brunei Shell Petroleum Co, Technip Engineering di Brunei, Shell Petroleum Development Company di Nigeria, Tengizchevroil Chevron di Kazakhstan dan Woodside Energy Limited di Australia.

YBHG DATO' MAT HAIRI ISMAIL

52 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah dan Naib Presiden,
Bahagian Sumber Manusia &
Pentadbiran/Bahagian Informasi
Teknologi GOM Resources

YBhg Dato' Mat Hairi Ismail menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1985. Beliau memulakan kerjaya sebagai Akauntan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia ("JANM") pada 1985 dan menyandang jawatan Ketua JANM di Labuan pada tahun 1989. YBhg Dato' Mat Hairi kemudian dilantik sebagai Akauntan Perwakilan Malaysia di Pejabat UK dan EIRI, London dari tahun 1990-1992 dan sekembalinya beliau ke Malaysia, YBhg Dato' Mat Hairi dilantik sebagai Akauntan Kanan dengan Lembaga Pembangunan Langkawi hingga tahun 1994.

YBhg Dato' Mat Hairi memulakan penglibatan beliau dalam dunia perniagaan pada tahun 1994 bersama-sama dengan abang beliau, YBhg Tan Sri Rozali Ismail dan YBhg Dato' Shaari Ismail untuk mengasaskan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd yang kini telah berjaya menjadi salah satu penyedia penyelesaian pembekalan air bersepadu, air sisa dan alam sekitar terkemuka di rantau ini. YBhg Dato' Mat Hairi telah memegang pelbagai jawatan dalam Kumpulan PNHB, termasuk Pengarah Eksekutif Perkhidmatan Kewangan & Korporat, Pengarah Eksekutif di Pejabat Pengerusi Eksekutif dan kini sebagai Naib Presiden Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran serta Bahagian Teknologi Maklumat bagi POG dan Kumpulannya. Beliau dilantik sebagai Pengarah GOM Resources pada 2 Januari 2013 dan Pengarah KGL pada 7 Mac 2013.

YBhg Dato' Mat Hairi membawa bersama pengalaman yang luas menjangkau 29 tahun dalam bidang perancangan strategik, kewangan korporat dan pengurusan perniagaan untuk membantu membina POG dan Kumpulannya agar muncul sebagai salah sebuah syarikat utama dalam sektor Minyak & Gas, baik di peringkat tempatan mahupun di arena antarabangsa.

TUAN HAJI JAMEL SALLEH

55 Tahun, Warganegara Malaysia
Naib Presiden, Jabatan
Pembangunan Perniagaan (Operasi)
GOM Resources

Tuan Haji Jamel Salleh memulakan kerjaya di Elf Aquitaine pada tahun 1986. Beliau memiliki lebih 25 tahun pengalaman kerja dalam Industri Minyak & Gas yang meliputi bidang pejabat korporat, operasi penggerudian, projek, logistik, pergudangan dan pembangunan perniagaan.

Tuan Haji Jamel pernah berkhidmat dengan beberapa syarikat Minyak & Gas yang terkemuka dan telah lama bertapak di dalam dan luar negara seperti Idemitsu Exploration Japan, Agip Ltd Italy, PCSB (Baram Delta Operation), Carigali-Triton Operating Co Sdn Bhd ("CTOC"), Carigali-HESS Operating Co Sdn Bhd dan PJ Energy Services Co. Ltd Thailand.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA - POG & GOM RESOURCES

TUAN HAJI ABU SAMAD NORDIN

61 Tahun, Warganegara Malaysia
Naib Presiden, Bahagian Carigali & Pengeluaran POG

Tuan Haji Abu Samad Nordin menyertai GOM Resources sebagai Naib Presiden Bahagian Carigali & Pengeluaran. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Geologi dari Universiti Malaya pada tahun 1976 hingga 2010 dan Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Bumi dari University of South Carolina, Amerika Syarikat pada tahun 1993.

Tuan Haji Abu Samad memulakan kerjaya beliau dengan Petronas pada tahun 1976 dan pernah menyandang pelbagai jawatan dari Ahli Geologi sehingga kepada Pengurus Besar. Pengalaman beliau meliputi Operasi Carigali di dalam dan di luar negara. Tuan Haji Abu Samad membawa bersamanya pengalaman teknikal selama 35 tahun dalam operasi huluan.

PUAN YAN SIEW CHING

46 Tahun, Warganegara Malaysia
Naib Presiden, Bahagian Kewangan & Perakaunan GOM Resources

Puan Yan Siew Ching menyertai GOM Resources pada tahun 2012. Puan Yan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perakaunan pada tahun 1990 daripada Royal Melbourne Institute of Technology (RMIT), Australia dan merupakan seorang Akauntan Berkanun (MIA).

Puan Yan memulakan kerjayanya pada tahun 1991 dengan Kassim Chan & Co (Deloitte Touche) sebelum berkhidmat dengan PricewaterhouseCoopers (PWC) sebagai Juruaudit Kanan pada tahun 1993. Puan Yan pernah menyertai pelbagai syarikat terkemuka di Malaysia seperti Kvaerner (Malaysia) Sdn Bhd, EON Berhad, KUB Malaysia Berhad, SYABAS dan SCOMI Engineering Bhd sepanjang 23 tahun pengalamannya bekerja.

ENCIK AZMAN SHABUDIN

54 Tahun, Warganegara Malaysia
Naib Presiden, Bahagian Perdagangan GOM Resources

Encik Azman menyertai GOM Resources pada tahun 2012. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal dari University of Glasgow pada tahun 1987 sebelum mendapatkan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2004. Beliau turut menerima Dredgemaster Certificate of Competency pada tahun 1982 dan merupakan Ahli American Society of Safety Engineers (ASSE) sejak tahun 1991.

Encik Azman memiliki lebih 26 tahun pengalaman dalam Industri Minyak & Gas, khususnya dalam bidang pemasangan saluran paip bawah laut, pemasangan pelantar dan jaket, SBM, FSO, selaman dasar laut dan pemeriksaan ROV serta membaik pulih dan menyelenggaraan kemudahan Minyak & Gas.

Encik Azman telah berkhidmat dengan pelbagai syarikat Minyak & Gas ternama seperti Sarawak Shell Berhad, Esso Production Malaysia Inc, TL Offshore Sdn Bhd, Sapura Energy Sdn Bhd dan Kumpulan Alam Maritim serta pernah menyandang pelbagai jawatan seperti Penguasa Pembinaan, Pengurus Kanan Operasi dan Pengarah Urusan.

ENCIK ANUWAR ABD WAHAB

48 Tahun, Warganegara Malaysia
Naib Presiden, Jabatan Teknikal (Komersial) GOM Resources

Encik Anuwar Abd Wahab dilantik sebagai Naib Presiden - Operasi pada 1 Julai 2013 dan beliau kemudiannya telah diberikan jawatan Naik Presiden - Teknikal (Komersial), GOM Resources.

Encik Anuwar menerima Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal dari University of Strathclyde, Glasgow, Scotland pada tahun 1990.

Beliau memulakan kerjaya dalam industri perkilangan selama tiga (3) tahun dan beliau telah beralih kepada industri Minyak & Gas dengan menyertai Subsea Pipeline Design Consultant. Seterusnya, pada tahun 2002 beliau menyertai Sarawak Shell Bhd ("SSB") dan kemudiannya bersama Petronas Carigali Sdn Bhd ("PCSB"). Jawatan terakhirnya di PCSB adalah sebagai Jurutera Utama Talian Paip, di mana beliau berkuasa terhadap aspek teknikal dalam reka bentuk dan keutuhan seluruh rangkaian talian paip PCSB di peringkat tempatan dan antarabangsa. Encik Anuwar adalah ahli Lembaga Jurutera Malaysia ("BEM"), Ahli Jawatankuasa Pasukan Teknikal bagi Standard Malaysia ("MS") yang diketuai oleh SIRIM dan merupakan Ahli Kehormat bagi Ujian Kecekapan Profesional ("PCE") yang diterajui oleh BEM sewaktu beliau berkhidmat di PETRONAS.

Encik Anuwar menghimpunkan pengalaman yang luas mencakupi pengurusan teknikal dan projek serta jaringan kerja peribadi di kalangan perindung kejuruteraan, agensi Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan ("DOSH"), Jabatan Alam Sekitar ("DOE") serta Jabatan Pengairan dan Saliran ("DID"), Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, SSB serta PETRONAS (PMU, PCSB dan GTS).

Kami mengusahakan nilai untuk pemegang saham

SOROTAN PENTING KEWANGAN BAGI TEMPOH LIMA TAHUN

	31-Dis-13	31-Dis-12 (Dinyatakan semula) #	31-Dis-11 (Dinyatakan semula) #	31-Dis-10 (Dinyatakan semula) #	31-Dis-09 (Dinyatakan semula) #
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Keputusan Penting					
Hasil	**1,146,704**	1,563,032	1,015,668	524,587	417,875
Keuntungan sebelum cukai	**236,364**	325,372	365,935	251,485	195,078
Keuntungan bersih pemilik syarikat induk	**200,551**	259,389	243,907	187,002	136,954
Penyata Kedudukan Kewangan					
Harta, loji dan peralatan	**426,219**	419,799	412,671	197,723	170,504
Aset Operasi Kewangan	**743,771**	813,812	890,959	1,049,423	1,091,832
Aset konsesi perkhidmatan	**84,562**	67,880	65,908	64,878	43,186
Aset bukan semasa lain	**1,883,573**	1,632,326	1,285,905	534,209	600,741
Aset semasa	**1,508,230**	1,313,581	1,081,715	1,397,687	1,196,651
Jumlah aset	**4,646,355**	4,247,398	3,737,158	3,243,921	3,102,913
Modal Yang Diterbitkan dan Berbayar					
Modal saham	**411,261**	411,143	411,143	411,143	411,143
Rizab	**1,365,495**	1,173,304	916,337	621,118	434,117
Ekuiti pemilik syarikat induk	**1,776,756**	1,584,447	1,327,480	1,032,261	845,260
Aset bersih sesaham pemilik syarikat induk (RM)	**4.34**	3.87	3.24	2.52	2.07
Nisbah Dan Statistik					
Margin keuntungan bersih pemilik syarikat induk (%)	**17.49**	16.60	24.01	35.65	32.77
Pendapatan asas sesaham pemilik syarikat induk (sen)	**49.02**	63.40	59.62	45.71	33.48
Pendapatan cair sesaham diagihkan kepada pemilik syarikat induk (sen)	**46.28**	TT	TT	TT	TT
Pinjaman dan Peminjaman (RM'000)	**2,053,751**	1,935,717	1,837,840	1,609,746	1,825,826
Nisbah penggearan (%)	**49**	54	56	53	59
Nisbah semasa (kali ganda)	**3.31**	1.21	1.40	1.53	2.30

Perbandingan ini telah dinyatakan semula dengan mengambil kira kesan penggunaan MFRS 10 & 11 pada akaun ekuiti SYABAS

PRESTASI KUMPULAN BAGI TEMPOH LIMA TAHUN

HASIL
RM'000



EKUITI PEMILIK SYARIKAT INDUK
RM'000



KEUNTUNGAN BERSIH PEMILIK SYARIKAT INDUK
RM'000



JUMLAH ASET
RM'000



PENDAPATAN ASAS SESAHAM PEMILIK SYARIKAT INDUK
Sen



ASET BERSIH SESAHAM PEMILIK SYARIKAT INDUK
RM



HARGA SAHAM & JUMLAH DIDAGANGKAN

Pergerakan Harga Saham

	2013												2014			
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr
Jumlah Saham Didagangkan ('000)	12,891	33,955	65,056	111,330	72,612	65,866	218,799	74,052	95,117	55,173	36,139	34,909	37,888	45,711	53,044	22,430
Purata Bulanan Harga Penutupan PNHB (RM)	1.21	1.29	1.47	1.76	1.79	1.89	2.48	2.66	3.00	3.24	3.37	3.33	3.13	3.22	3.06	2.93
Purata Bulanan Harga Penutupan Indeks Komposit Kuala Lumpur ("KLCI") FTSE Bursa Malaysia	1,628	1,638	1,672	1,668	1,769	1,774	1,773	1,728	1,769	1,807	1,813	1,867	1,804	1,836	1,849	1,872



HARGA SAHAM & JUMLAH DIDAGANGKAN

KALENDAR KEWANGAN

2013

29 MEI 2013
RABU
Keputusan Suku Pertama
berakhir 31 Mac 2013

29 OGOS 2013
KHAMIS
Keputusan Suku Kedua
berakhir 30 Jun 2013

28 NOVEMBER 2013
KHAMIS
Keputusan Suku Ketiga
berakhir 30 September 2013

2014

27 FEBRUARI 2014
KHAMIS
Keputusan Suku Keempat
berakhir 31 Disember 2013

28 APRIL 2014
ISNIN
Penyata Kewangan yang telah
Diaudit bagi tahun kewangan
berakhir 31 Disember 2013

4 JUN 2014
RABU
Penerbitan
Laporan Tahunan 2013

26 JUN 2014
KHAMIS
Mesyuarat Agung Tahunan
Ketujuh Belas

Kami tumpu kepada perniagaan

TINJAUAN OPERASI
PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD

Tinjauan terhadap tahun 2013 menyaksikan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") menangani cabaran dalam operasi persekitaran yang sukar untuk menghasilkan suatu prestasi yang teguh.

Tinjauan terhadap tahun 2013 menyaksikan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") menangani cabaran dalam operasi persekitaran yang sukar untuk menghasilkan suatu prestasi yang teguh. Operasi loji pembersihan air ("LPA") dan empangan Syarikat semakin berkembang kukuh, di mana LPA terus menghasilkan air bersih dengan kualiti yang hebat pada volum yang tinggi, melangkaui spesifikasi reka bentuknya. Beberapa kerja penambahbaikan terhadap loji telah disiapkan pada 2013, manakala kerja-kerja baharu bermula. Penambahbaikan yang dilakukan pada loji PNSB sepanjang tahun lalu jelas telah memperkukuhkan lagi keandalan serta kecekapan operasi, lantas membolehkan PNSB memenuhi, malah ada kalanya melangkaui petunjuk prestasi utamanya dari segi kualiti dan pengeluaran air.

PNSB terus komited mempertahankan amalan kelestarian alam sekitar di segenap pelusuk operasinya pada tahun 2013, di mana PNSB telah mengorak langkah kemajuan dalam beberapa bidang berkaitan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang usaha PNSB dalam kelestarian alam sekitar, sila rujuk bahagian "Memelihara Alam Sekitar Kita" pada muka surat 128 hingga 138 di dalam Laporan Tahunan ini.

OPERASI LOJI PEMBERSIHAN AIR

PNSB mengendali, mengurus dan menyelenggara 29 LPA dengan kapasiti tergabung mencecah 1,930 juta liter sehari ("JLH"). Pada tahun dalam tinjauan, PNSB telah membekalkan sejumlah 727.05 juta meter padu air bersih, meningkat 2.26% dari 711.0 juta m^3 air bersih pada 2012. Pertambahan paras pengeluaran air bersih ini adalah bersandarkan permintaan yang lebih tinggi untuk air bersih daripada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS").

TINJAUAN OPERASI
PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD

Lebih mengagumkan lagi, pada 2013, LPA berjaya mencapai 99.9% tahap pematuhan piawaian air bersih yang ditetapkan, berdasarkan ujian terhadap 30,873 sampel air yang telah diuji oleh kedua-dua Makmal Bebas serta Makmal Pusat. Pencapaian ini memperlihatkan dedikasi PNSB dalam mengekalkan standard kualiti tertinggi di seluruh operasinya.

PNSB turut komited memastikan pembekalan air yang boleh dipercayai. Demi memastikan para pengguna boleh bergantung harap kepada bekalan air bersih secara berterusan, pasukan PNSB gigih berusaha untuk meminimumkan penutupan LPA yang tidak berjadual . Biarpun pada tahun 2013, LPA PNSB berhadapan dengan 351.85 jam penutupan disebabkan oleh perkara yang berada di luar kawalan kami, namun ia tidak mengakibatkan sebarang gangguan bekalan air kepada pengguna. Walaupun terdapat penutupan, kesemua LPA PNSB berjaya memenuhi permintaan pengeluaran secara konsisten.

Jadual A: Punca dan jumlah jam penutupan LPA

Punca Penutupan	Tempoh Penutupan
Pelanggaran air mentah	177.12
Gangguan bekalan tenaga TNB	30.81
Paip bocor/pecah	143.92
Jumlah Jam	**351.85**

Prestasi LPA PNSB sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

- LPA Sungai ("Sg") Selangor Fasa 2 ("SSP2") menghasilkan 348.37 juta m^3 air bersih, meningkat 0.28% berbanding dengan 347.40 juta m^3 air yang dicatatkan pada 2012. Purata pengeluaran air harian LPA SSP2 meningkat kepada 961.33 juta liter dari 951.79 juta liter pada 2012, justeru, melangkaui kapasiti rekaannya sebanyak 950 juta liter sehari.

- LPA Wangsa Maju mengeluarkan 16.48 juta m^3 air bersih, meningkat 4.90% berbanding dengan 15.71 juta m^3 yang tercatat pada tahun sebelumnya. Purata pengeluaran harian bertambah kepada 45.73 juta liter berbanding dengan 43.04 juta liter yang direkodkan pada 2012. Kapasiti harian yang direka untuk loji adalah pada 45 juta liter, manakala jumlah harian yang telah ditetapkan menurut Perjanjian Konsesi ialah 31.50 juta liter.

- LPA Sg Sireh menghasilkan 7.72 juta m^3 air bersih, peningkatan pengeluaran sebanyak 2.12% dari 7.56 juta m^3 yang terhasil pada 2012. Purata pengeluaran harian untuk 2013 pula adalah pada 21.33 juta liter berbanding dengan 20.70 juta liter pada 2012. LPA ini telah direka dengan kapasiti rekaan harian sebanyak 27.28 juta liter.

- Sebanyak 26 LPA yang terletak di bawah Perjanjian Penswastaan dan Konsesi ("PCCA") bertarikh 22 September 1994 telah menghasilkan sebanyak 354.48 juta m^3 air bersih, yakni penambahan sebanyak 4.46% dari 339.34 juta m^3 yang dikeluarkan pada 2012. Purata pengeluaran bulanan air bersih pada 2013 berada pada paras 29.54 juta liter, berbanding dengan 28.28 juta liter yang terhasil pada 2012. Malah, LPA-LPA ini melangkaui kuantiti bulanan yang ditetapkan pada 26.28 juta liter seperti yang termaktub di bawah PCCA.

Pengawasan kualiti air di Makmal Pusat

- LPA Sg Lolo yang baru telah mencatatkan pengeluaran berjumlah 998,097 m^3 air bersih, susutan sebanyak 0.19% berbanding dengan 999,974 m^3 yang terhasil pada 2012. Purata pengeluaran harian loji ini ialah 2.70 juta liter berbanding dengan 2.74 juta liter pada 2012. Kapasiti rekaan LPA Sg Lolo yang baharu ini telah direka untuk menampung pengeluaran harian sebanyak 2.5 juta liter.

Kesemua 29 LPA kami telah menunjukkan prestasi yang baik pada 2013 dan berjaya memenuhi keperluan SYABAS dari segi pembekalan air bersih serta Piawaian Kualiti Air Minum, seperti yang disyaratkan oleh Kementerian Kesihatan ("MOH").

Sepanjang tahun 2013, 15 LPA, khususnya LPA SSP2, LPA Sg Langat, LPA Sg Batu, LPA Wangsa Maju, LPA Rantau Panjang, LPA Bukit Tampoi, LPA Gombak, LPA Muka Sauk Ampang, LPA Sg Pangsoon, LPA Sg Dusun, LPA Sg Selisek, LPA Sg Tengi, LPA Sg Serai, LPA Baharu Sg Lolo serta LPA Lama Sg Lolo telah beroperasi dengan kapasiti yang melebihi rekaannya, bersandarkan kelulusan/arahan dari pihak berkuasa bagi memenuhi peningkatan permintaan untuk air bersih.

PNSB telah dipertanggungjawabkan untuk mengendali operasi LPA Baharu Bernam River Headworks sejak Ogos 2013. LPA ini telah direka dengan kapasiti rekaan untuk menampung 25 JLH.

KERJA-KERJA PENAMBAHBAIKAN LOJI

Seiring dengan iltizamnya untuk menyediakan bekalan air yang mantap serta cekap, termasuk memenuhi syarat kualiti air bersih, PNSB telah berjaya menjalankan beberapa kerja penambahbaikan loji pada 2013.

LPA SSP2

Projek penambahbaikan LPA SSP2 merangkumi kerja pemulihan panel kawalan Panel Kawalan Tempatan ("LCP") untuk loji penapisan aliran D, iaitu naik taraf dari sistem Siemens S5 Kawalan Logik Boleh Program ("PLC") kepada sistem S7-300 PLC yang telah dipertingkatkan serta menaik taraf pemantauan keadaan dalam-talian di muka sauk dan rumah pam air bersih.

TINJAUAN OPERASI
PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD

LPA SSP2

Kerja-kerja lain yang sedang dijalankan di LPA SSP2 termasuk pemulihan pam edaran semula Actiflo, di samping pembersihan pam air mentah.

LPA Sg Langat
Kerja penambahbaikan yang utama di LPA Sg Langat adalah kejayaan memasang sistem pemadam kebakaran Karbon Dioksida ("CO_2") di bilik substesen dan rumah pam air bersih, sejajar dengan agenda keselamatan Syarikat. LPA Sg. Langat turut menjalani kerja baik pulih tebing sungai di kawasan talian paip dan kerja baik pulih pam untuk pam air mentah 16 Juta Galon Sehari ("MDG"), serta penggantian 20 unit penggerak untuk injap keruk air. LPA Sg Langat telah memulakan kerja penggantian meter aliran elektromagnet dan kerja masih terus dijalankan.

LPA Muka Sauk Ampang
Kerja penambahbaikan di LPA Muka Sauk Ampang melibatkan penggantian dan baik pulih turas tekanan, lengkap dengan sistem perpaipan, pam, penghembus dan basuh balik auto.

LPA Batang Kali
Tahun ini menyaksikan PNSB berjaya menambah baik dan mengoptimumkan sistem pendosan tawas dengan menggunakan sistem PLC di LPA Batang Kali dan menyepadukannya dengan pengesan aliran arus.

LPA Sg Rangkap
Kerja penambahbaikan untuk LPA Sg Rangkap mencakupi kerja baik pulih penapis untuk sistem penapisan loji dan pemasangan sistem pemadam kebakaran CO_2.

LPA Bukit Nanas
Di LPA Bukit Nanas pula, kerja penambahbaikan melibatkan usaha menaik taraf loji 'scrubber' klorin (termasuk bilik penyimpanan klorin).

LPA Wangsa Maju
LPA Wangsa Maju menyaksikan kerja penambahbaikan dari segi pemasangan sistem pemadam kebakaran CO_2, CCTV, 'online analyser' serta pemulihan dan menaik taraf alat-alat sistem automasi.

LPA Wangsa Maju telah dikenal pasti dan diwartakan oleh Jawatankuasa Sasaran Penting Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan diketuai oleh Majlis Keselamatan Negara ("MKN") sebagai salah satu sasaran utama yang memerlukan tahap keselamatan tertinggi bagi memastikan sistem bekalan air kepada Kuala Lumpur terlindung dari bencana semula jadi dan bencana hasilan manusia.

Pada 2013, PNSB juga telah memasang sistem CCTV baharu yang merangkumi kamera IP menggunakan topologi rangkaian tanpa wayar serta rakaman video rangkaian. 16 kamera telah ditempatkan di kawasan loji dan lapan lagi kamera di muka sauk LPA bagi mengukuhkan aktiviti pengawasan yang sedang dijalankan di samping mengurangkan sebarang pencerobohan atau melanggar kawalan keselamatan di sekitar bangunan dan perkarangan LPA. Pemasangan sistem pemadam kebakaran CO_2 di LPA menegaskan hakikat bahawa PNSB gigih berusaha untuk memastikan operasi dijalankan secara selamat.

PROJEK PENAMBAHBAIKAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN

Pada 2013, PNSB juga telah memulakan kerja penambahbaikan loji yang berikut:-

- Membaik pulih empangan limpah Muka Sauk Gerachi di LPA Kuala Kubu Baru;
- Membaik pulih kawasan cerun di LPA Sg Dusun dan LPA Muka Sauk Ampang;
- Pemasangan sistem penutupan auto klorin di lapan LPAnya, iaitu LPA Batang Kali, North Hommock, Sg Buaya, Sg Pangsoon, Salak Tinggi, Kepong, Sg Batu dan Sg Rumput;
- Pemasangan sistem 'syphon' untuk LPA Sg Pangsoon dari Sumber Empangan Sg Langat;
- Membaik pulih media penuras untuk LPA Sg Batu;
- Menggantikan Actuator yang rosak dan lama di LPA Sg. Langat;
- Menggantikan pam penyingkir enap cemar boleh tenggelam di tiga accelerator di LPA Bukit Nanas; dan
- Menaik taraf transformer di LPA Cheras dari 750 kVA kepada 1250 kVA.

Air Mentah Diambil Untuk Rawatan
Jadual di bawah adalah ringkasan jumlah air mentah yang diambil dari pelbagai sungai dan empangan untuk rawatan di LPA PNSB pada 2013:-

Sumber	Volum Dikeluarkan (m^3)
Sg Selangor	395,417,305
Sg Bernam	19,000,305
Sg Dusun	505,152
Sg Tengi	713,787
Sg Batang Kali	4,118,162
Sg Darah	195,967
Sg Gerachi	2,657,414
Sg Inki	2,353,514
Sg Ampang	6,929,449
Sg Gombak	14,478,421
Sg Rumput	461,760

TINJAUAN OPERASI
PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD

Sumber	Volum Dikeluarkan (m^3)
Sg Rangkap	3,642,292
Sg Kepong	907,430
Sg Langat	186,639,915
Sg Labu	1,942,402
Sg Pangsoon	1,630,767
Sg Lolo	1,660,278
Sg Serai	456,639
Sg Sireh	8,794,333
Empangan Klang Gates	62,335,213
Empangan Tasik Subang	5,410,257
Empangan Batu	49,727,570
Jumlah	**769,978,332**

OPERASI EMPANGAN

PNSB mengendali dan menyelenggara Empangan Sg Langat, Klang Gates dan Tasik Subang mengikut Garis Panduan Keselamatan Empangan Operasi, Penyelenggaraan dan Pengawasan Empangan Oktober 1989 yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Antara-Jabatan Empangan Malaysia.

Operasi empangan ini dipandu oleh Keluk Kawalan Operasi Empangan ("ORC") yang memenuhi permintaan pelepasan air mentah sementara menyimpan sebanyak mungkin air empangan. Setakat penghujung tahun 2013, paras takungan Empangan Sungai Langat dan Tasik Subang telah dikekalkan melebihi ORC No. 1 meskipun terdapat sedikit penurunan di bawah ORC No. 2 dan 3 antara Ogos dan November 2013. Walau bagaimanapun, paras air di Empangan Klang Gates jatuh di bawah ORC No. 4 menjelang akhir tahun. Kesemua empangan telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan pada 2013 dan tiada surutan simpanan yang kritikal berlaku di mana-mana empangan.

Jumlah taburan hujan tahunan di tiga kawasan tadahan pada tahun 2013 adalah lebih rendah daripada purata min taburan hujan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual B:

Jadual B: Taburan Hujan Tahunan 2013

Empangan	Taburan hujan tahunan 2013 (mm)	Purata min taburan hujan (mm) (1998 – 2012)	Perbezaan berbanding purata (%)
Sungai Langat	2,002.30	2,392.23	-16.3
Klang Gates	1,603.70	2,823.12	-43.2
Tasik Subang	2,307.24	2,505.64	-7.9
Jumlah	**5,913.24**	**7,720.99**	

Demi menjamin keselamatan dan kestabilan empangan, PNSB menjalankan pemeriksaan bulanan keselamatan empangan secara visual yang meliputi pemeriksaan di tapak bagi semua struktur empangan utama, pemasangan mekanik dan elektrik, serta instrumentasi. Tindakan ini turut mencakupi pemeriksaan empangan secara bulanan oleh jurutera elektrik yang kompeten. Pemeriksaan paras tinjauan dan kerja-kerja pemantauan untuk empangan telah disempurnakan oleh juruukur berlesen pada bulan Jun dan Disember 2013.

Kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan

PNSB turut menjalankan kerja-kerja pencegahan dan penyelenggaraan empangan secara berjadual , termasuk kerja awam, mekanik serta elektrik dan kerja kelengkapan elektrik serta instrumentasi sepanjang 2013. Di samping itu, kerja-kerja pemulihan bagi menggantikan enam injap di menara aliran keluar Empangan Sg. Langat sedang dijalankan buat masa ini oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pada tahun ini, PNSB berkerja bersama-sama dengan agensi-agensi berkaitan untuk melindungi alam sekitar di sekeliling empangan melalui "Operasi Tindakan Bersepadu" bagi mencegah pencerobohan haram. Kerja-kerja pemantauan kualiti air mentah juga telah dijalankan pada setiap suku tahun oleh makmal bebas yang dilantik. Pada 2013, Pejabat Kesihatan Klang telah menjalankan kerja kajian kebersihan di Empangan Tasik Subang.

Sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan diperkukuh dan diamalkan di empangan. PNSB telah melaksanakan pemeriksaan keselamatan tapak ("SSI"), Permit Harian untuk Kerja ("PTW"), Program 5S, Program U-See U-Act (Anda Lihat Anda Bertindak), serta empat latihan olokan. Tiada kemalangan atau kecederaan dilaporkan berlaku di empangan sepanjang tahun 2013.

Sejajar dengan iltizamnya untuk mendukung amalan tanggungjawab sosial korporat yang baik, PNSB dengan kerjasama MKN dan Lembaga Urus Air Selangor ("LUAS") telah membenarkan para pemegang kepentingan membuat lawatan ke empangan. Untuk maklumat lanjut berkenaan lawatan tersebut, sila rujuk bahagian "Bersama Komuniti Kami" pada muka surat 139 hingga 143 di dalam Laporan Tahunan ini.

Pada 2013, kualiti air mentah empangan mematuhi Kriteria Kualiti Air Mentah Disyorkan yang telah ditetapkan oleh MOH.

PENSIJILAN

ISO 9001:2008 (Sistem Pengurusan Kualiti)

Pada 2013, tiga Pejabat Wilayah dan 26 LPA PNSB berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2008 mereka, lantas mengesahkan iltizam Syarikat dalam mempertahankan piawaian pengurusan kualiti yang ketat dalam operasinya.

OHSAS 18001:2007 (Sistem Pengurusan Keselamatan)

Pada 2013, tiga Pejabat Wilayah dan 27 LPA PNSB berjaya mengekalkan pensijilan OHSAS 18001:2007 mereka.

TINJAUAN OPERASI
PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD

ISO 14001 (Sistem Pengurusan Alam Sekitar)

Pada 2013, pensijilan ISO 14001 terus dipertahankan oleh LPA SSP2, lantas membolehkan loji tersebut mengekalkan pensijilan Sistem Pengurusan Bersepadu yang meliputi piawaian ISO 9001:2008 (Kualiti), ISO 14001 (Alam Sekitar) dan OHSAS 18001:2007 (Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan).

ISO 17025:2005 (Kecekapan Makmal Ujian dan Kalibrasi)

Pensijilan ISO 17025:2005 bagi kecekapan makmal ujian dan kalibrasi berjaya dipertahankan oleh Makmal Pusat PNSB pada tahun 2013.

ISO 22000:2005 (Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan), Analisa Bahaya dan Titik Kawalan Kritikel ("HACCP") dan Amali Pengilangan Baik ("GMP")

Pada 2013, LPA Sg Langat, LPA Wangsa Maju dan LPA SSP2 telah dianugerahkan dengan ISO 22000:2005 (Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan), HACCP dan GMP pada 13 September 2013.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI ("ICT")

Jabatan Teknologi Maklumat ("ITD") PNSB telah memperkenalkan beberapa inisiatif inovatif baharu pada 2013 bagi mengukuhkan lagi operasi dan pengurusan perniagaan PNSB.

ITD terus menyumbang ke arah penambahbaikan platform aplikasi perniagaan dan telah memperkenalkan sistem baharu kepada syarikat bagi memanfaatkan kelebihan teknologi moden serta untuk masa depan.

Infrastruktur yang selamat terus disediakan oleh ITD bagi memastikan data korporat dihantar secara andal dan selamat ke serata organisasi. Oleh demikian, ITD sedang dalam proses melaksanakan teknologi Rangkaian Persendirian Maya Protokol Internet ("IPVPN") bagi mewujudkan keterkaitan yang selamat antara Ibu Pejabat PNHB dan Loji Pembersihan Air serta empangan.

Keterkaitan ini memberi kakitangan yang bekerja di loji pembersihan air dan empangan akses langsung kepada aplikasi perniagaan dan sumber rangkaian korporat PNSB.

PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN

Penyelenggaran Pencegahan di Loji

PNSB melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan yang rapi terhadap loji dan kelengkapannya sepanjang tahun bagi memastikan operasi yang lancar dan berterusan di kesemua 29 LPA. Pelan penyelenggaraan tahunan diperlengkapkan dengan penyelenggaraan pencegahan, manakala prestasi di pantau dengan teliti oleh dua sistem perisian penyelenggaraan yang dinamakan Maximo dan Maintpro. Pada 2013, LPA telah mengendalikan kira-kira 28,200 aktiviti penyelenggaraan pencegahan berbanding dengan 25,128 aktiviti yang dijalankan pada 2012.

LANGKAH INOVATIF DAN PENJIMATAN KOS

Setiap tahun, PNSB mengendalikan Program Kumpulan Inovatif & Kreatif ("ICC") bagi menggalakkan kakitangannya menghasilkan reka cipta atau langkah yang inovatif.

Perincian mengenai aktiviti dan pencapaian Program ICC Syarikat adalah dikemukakan di bawah tajuk "Pencapaian Utama" Tinjauan Operasi PNSB ini, serta pada bahagian "Dasar & Laporan Kualiti" pada muka surat 190 di dalam Laporan Tahunan ini.

PENCAPAIAN UTAMA

Sekian banyak anugerah serta penghargaan yang telah diraih oleh PNSB sehingga kini jelas memperlihatkan iltizam Syarikat dalam mendukung standard yang tinggi di serata operasi pembersihan airnya.

Pada 2013, Majlis Negara bagi Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan ("NCOSH") telah mengurniakan LPA Wangsa Maju dengan Anugerah Trofi Emas di bawah kategori sektor utiliti air. Malah, LPA Wangsa Maju turut menjadi penerima Anugerah Merit Emas daripada Persatuan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia ("MSOSH"). Lima lagi LPA, iaitu LPA SSP2, Bernam River Headworks, Sg Langat, Salak Tinggi dan Sg Rangkap semuanya telah menerima Anugerah Emas (Kelas 1) daripada MSOSH yang mana kesemuanya ini membuktikan piawaian OSH yang tinggi yang diketengahkan di LPA tersebut.

Pada September 2013, LPA Sg Langat, LPA Wangsa Maju dan LPA SSP2 telah dianugerahkan oleh SGS Malaysia Sdn Bhd dengan:-

- ISO 22000:2005 (Akreditasi SAS)
- ISO 22000:2005 (Akreditasi DSM)
- HACCP – Codex Alimentarius
- GMP – Codex Alimentarius

Selain itu, Makmal Pusat berjaya menjulang Anugerah Kecemerlangan Makmal Institut Kimia Malaysia ("IKM") yang telah diberikan oleh Institut Kimia Malaysia pada 6 Disember 2013 dan juga berjaya mengekalkan pensijilan ISO 17025:2005 kerana kemampuannya mencapai piawaian kualiti bertaraf antarabangsa dalam latihan, kesihatan dan keselamatan.

Tambah membanggakan, PNSB turut meraih Anugerah Kecemerlangan di International Convention on Quality Control Circle 2013 ("ICQCC") yang telah diadakan di Taipei, Taiwan pada 22 sehingga 25 Oktober 2013. Projek PNSB dengan tema "Kos Tinggi dalam Penggunaan Polimer", berjaya menyelesaikan masalah berkaitan penggunaan kandungan polimer yang tinggi dalam proses pembersihan air di LPA SSP2.

Pada 24 Oktober 2013, PNSB turut menerima Anugerah Perak di Anugerah HR Malaysia 2013 (Majikan Pilihan).

Pemantauan kawalan proses berkala

TINJAUAN OPERASI
SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD

Tahun ini menyaksikan pasukan SYABAS mempertahankan komitmen mereka terhadap kecemerlangan dengan usaha yang gigih demi memastikan agihan bekalan air berkualiti secara berterusan dan berkesan kepada pengguna di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya, biarpun SYABAS berhadapan dengan pelbagai rintangan sepanjang tahun.

Meskipun dengan cabaran dari kesulitan persekitaran operasi pada tahun 2013, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") berjaya mencapai sasaran utamanya untuk tahun ini dengan meraih hasil yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Tahun ini menyaksikan pasukan SYABAS mempertahankan komitmen mereka terhadap kecemerlangan dengan usaha yang gigih demi memastikan agihan bekalan air berkualiti secara berterusan dan berkesan kepada pengguna di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya, biarpun SYABAS berhadapan dengan pelbagai rintangan sepanjang tahun.

CABARAN

Pada 2013, permintaan untuk air dan penggunaan bermeter di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya telah meningkat, masing-masing dengan purata pengeluaran 6.5% dan 3.7% berbanding tahun 2012.

Kejadian gangguan bekalan air berlaku dari semasa ke semasa sepanjang 2013 berlatarkan situasi bekalan-pemintaan air bersih yang amat sulit di sekitar kawasan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya, iaitu di Hulu Langkat, Kuala Lumpur, Gombak, Petaling Jaya dan Klang. Gangguan bekalan air ini terjadi disebabkan oleh peningkatan permintaan yang melebihi kapasiti bekalan, pencemaran air mentah mempengaruhi kapasiti pengeluaran dan juga kebocoran paip utama.

Situasi bekalan air yang kritikal ini dijangka berterusan bersandarkan keterbatasan untuk menambah kapasiti pengagihan. Pada tahun 2013, margin simpanan adalah kurang daripada 2% purata permintaan bekalan air bersih dan sehingga hujung tahun, margin simpanan menurun ke bawah 0.5% dengan permintaan bekalan air bersih yang kian meningkat. Sungguhpun Program Mitigasi 1 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ("KeTTHA") dijangka siap menjelang penghujung 2014, namun keadaan ini dijangka akan berlarutan. Peningkatan kapasiti daripada Program Mitigasi 1 KeTTHA tidak akan dapat memenuhi lonjakan permintaan memandangkan kapasiti bekalan sememangnya sudah tidak mencukupi. Kecuali jika Kerajaan melaksanakan lebih banyak program untuk menambah bekalan air bersih bagi memenuhi peningkatan berterusan dalam permintaan, maka situasi bekalan air yang kritikal akan berpanjangan.

TINJAUAN OPERASI
SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD

Seperti tahun lalu, 2013 menyaksikan SYABAS sebagai agen kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ("SPAN") dan disahkan oleh SPAN, sekali lagi perlu mengalihkan sokongannya kepada projek yang berkaitan dengan permintaan air tambahan. SYABAS tidak dapat memberikan surat sokongan untuk mana-mana projek pembangunan baharu di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya kerana tidak ada kepastian tentang bekalan air tambahan yang baharu. Pada 31 Disember 2013, 722 projek telah terjejas dan keadaan ini telah dimaklumkan kepada pihak kawal selia, SPAN.

Isu berkaitan Cadangan Penstrukturan Semula oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2008 serta keengganan Kerajaan Negeri Selangor sejak 1 Januari 2009 dan sekali lagi pada 1 Januari 2012 untuk mewartakan pelarasan tarif air atau membayar pampasan sebagai ganti rugi berkaitan dengannya di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS bertarikh 15 Disember 2004 yang ditandatangani antara SYABAS, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor ("Perjanjian Konsesi SYABAS") masih berterusan walaupun tawaran terbaru diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor pada Februari 2014, yang mana buat sekian kalinya masih tidak berjaya. Justeru, kekangan kemampuan SYABAS dari segi kewangan masih berterusan tanpa nampaknya pemulihan.

SYABAS masih tidak dapat menggunakan kemudahan pinjaman yang diaturnya atau mengambil sebarang pinjaman komersial baharu, manakala pengendali loji rawatan air masih belum dibayar sepenuhnya. Hutang belum lunas terkumpul kepada pengendali loji pembersihan air telah mencetuskan tindakan undang-undang tuntutan saman oleh ketiga-tiga pengendali loji pembersihan air, iaitu Konsortium ABASS Sdn Bhd ("Konsortium ABASS"), Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd ("SPLASH") dan PNSB.

Penggantungan Program Perbelanjaan Modal ("CAPEX") SYABAS yang masih berpanjangan, yakni digantung sejak 2008 oleh Kerajaan Negeri Selangor menerusi SPAN, terus berhadapan halangan kecuali untuk projek yang amat kritikal, terutamanya program CAPEX untuk mengurangkan Air Tidak Berhasil ("NRW") dan memulihkan aset pengagihan yang lama. Keadaan ini telah menyebabkan kerap berlakunya paip pecah dan paip bocor, serta gangguan bekalan air dan tidak dapat dielak, telah menjejaskan perkhidmatan daripada SYABAS kepada pengguna. Pada 2013, SYABAS tidak banyak menjalankan kerja pemulihan dan naik taraf aset lama bagi mengelakkan peningkatan kos operasi dan penyelenggaraan serta mengurangkan NRW disebabkan penggantungan yang berpanjangan dalam program CAPEX.

Namun, walaupun operasi SYABAS dihalang oleh cabaran menggunung, bertunjangkan kepada usaha kolektif dan komitmen pihak pengurusan dan kakitangannya, syarikat telah berjaya memenuhi jangkaan serta menguruskan permintaan tinggi daripada para pengguna di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya pada tahun 2013.

PENCAPAIAN

Meskipun wujud sekian banyak cabaran sepanjang tahun, SYABAS terus mengekalkan ketinggian tahap perkhidmatan seperti yang dikehendaki di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS dan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan (2004) ("NSDWQ")

Ops Cegah SYABAS

Kementerian Kesihatan ("MOH"). Menjelang akhir tahun, SYABAS sekali lagi berjaya melangkaui sasaran prestasi yang telah ditetapkannya untuk 2013, yang mana lebih tinggi daripada keperluan dalam Perjanjian Konsesi SYABAS. SYABAS, bagi tahun kedua berturut-turut muncul sebagai pengendali utama untuk kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna dengan pencapaian 99.58% pematuhan dengan Program Jaminan Kualiti ("QAP") Kementerian Kesihatan dengan sifar pelanggaran yang dicatatkan pada parameter mikrobiologi.

Menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh SYABAS, seperti penambahbaikan terhadap Prosedur Operasi Standard ("SOP") yang sedia ada, memperkenalkan SOP baharu, mengkaji kaedah yang lebih cekap dan merangka penyelesaian inovatif bagi mewujudkan kecekapan operasi yang lebih hebat secara keseluruhan, serta mengoptimumkan kos, usaha diteruskan pada 2013 untuk menyediakan air bersih berkualiti meskipun pembiayaan untuk pelaburan CAPEX adalah terhad.

Tahun ini menyaksikan SYABAS melaksanakan program CAPEX yang amat kritikal sahaja dengan kelulusan terhad oleh SPAN untuk program kerja di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan pembiayaan dalamannya sendiri yang sedia-ada dan yang terhad. Sebahagian besar kerja berpusat kepada pemulihan dan menaik taraf rumah pam dan tangki air yang bocor, menambah baik rangkaian pengagihan bagi menyelesaikan isu zon tekanan rendah dan aktiviti untuk mengurangkan paras NRW.

Tahun ini juga menyaksikan persiapan penaikan taraf rumah pam Wangsa Maju dengan pam kapasiti yang lebih tinggi pada bulan Disember 2013, satu bulan lebih awal daripada jadual. Sejak persiapannya, rumah pam telah beroperasi dengan lancar tanpa sebarang gangguan seperti setahun yang lalu, di mana ia telah bertahan sekian lama beroperasi dalam keadaan beroperasi kelebihan dan menyaratkan.

Pada 2013, SYABAS berjaya mengendali 97.37% kadar tindak balas untuk "Setengah Jam Waktu Tindak Balas", untuk aduan berkenaan kualiti air. Angka ini adalah lebih tinggi berbanding 93.90% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Ini berikutan pelaksanaan perubahan secara besar-besaran oleh PUSPEL pada 2013, manakala kecekapan dari segi pengebilan dan kutipan juga turut menunjukkan peningkatan. Butiran mengenai aktiviti ini, masing-masing dikemukakan di bawah tajuk "Memberi Tindak Balas Segera Terhadap Aduan Pengguna" serta "Pengebilan & Kutipan" di dalam Tinjauan Operasi ini.

TINJAUAN OPERASI
SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD

Berlatarkan pembekuan CAPEX SYABAS, purata paras NRW bagi Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya telah meningkat kepada 34.52% dari 33.06% pada tahun sebelumnya. Ia adalah lebih tinggi dari sasaran 32.50% NRW untuk tahun 2013 disebabkan oleh kekangan yang dikenalkan kepada SYABAS. Maklumat tentang aktiviti berkaitan NRW diperincikan pada bahagian "Air Tidak Berhasil" di dalam Tinjauan Operasi ini.

Tahun ini turut menyaksikan SYABAS menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan untuk kerja yang memuaskan yang telah dilaksanakan dalam beberapa bidang. SYABAS berjaya meraih Anugerah Persatuan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia ("MSOSH") untuk kesemua sepuluh wilayahnya pada 2013. Tujuh daripada wilayah SYABAS, iaitu Kuala Lumpur, Hulu Langat, Klang/Shah Alam, Sepang, Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor telah memperolehi Anugerah Emas (Kelas I), manakala tiga lagi wilayah, iaitu Kuala Langat, Petaling dan Gombak pula meraih Anugerah Emas (Kelas II).

Pada masa yang sama, tiga wilayah SYABAS, yakni Klang/Shah Alam, Gombak dan Kuala Selangor telah mendapat akreditasi OHSAS 18001:2007 (Kesihatan dan Keselamatan), sementara Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran pula telah ditauliahkan dengan pensijilan ISO 9001:2008 (Sistem Pengurusan Kualiti).

Pada 2013, enam wilayah SYABAS yang meliputi Kuala Lumpur, Petaling, Hulu Langat, Gombak, Klang dan Kuala Selangor mengambil bahagian dalam Anugerah Majlis Negara bagi Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan ("NCOSH"). Selain itu SYABAS juga telah terpilih menduduki tempat kedua untuk kategori Pusat Panggilan Video (Terbuka) semasa berlangsungnya majlis Customer Relationship Management & Contact Centre Association Malaysia yang ke-14 bagi Anugerah Industri CRM & Pusat Panggilan 2013.

PERKHIDMATAN PENGAGIHAN AIR

Pada 2013, SYABAS telah mengagihkan purata harian air bersih mencecah 4,602 juta liter sehari ("JLH") kepada kira-kira 7.5 juta penduduk dan pengguna komersial di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya, yang mewakili peningkatan sebanyak 280 JLH atau 6.50% air bersih berbanding 2012.

Sumbangan Air Bersih daripada SYABAS ke Kuil Hindu Sevai Sangam sempena perayaan Thaipusam

Setakat 31 Disember 2013, SYABAS telah menyelenggara 26,958 km paip air, 1,536 takungan servis, air bertingkat dan 619 stesen pam penggalak. Bilangan aset ini, masing-masing telah bertambah sebanyak 2.0%, 0.5% dan 5.0% jika dibandingkan dengan tahun 2012. Dalam tempoh yang sama, liputan bekalan air telah menjangkau 100% di kawasan bandar dan 99% di kawasan luar bandar.

AIR TIDAK BERHASIL ("NRW")

Usaha untuk mengurangkan paras NRW telah berjalan sejak Perjanjian Konsesi SYABAS ditandatangani pada 2004. Setakat penghujung 2013, catatan paras NRW ialah 1,589 JLH, yang memperlihatkan pencapaian penurunan 8.26% sepanjang tempoh sembilan tahun (dari 42.78% pada 2005 kepada 34.52% NRW pada 2013). Kenaikan paras input air dari 3,766 JLH pada 2005 kepada 4,602 JLH pada 2013 telah diiringi dengan peningkatan yang sepadan dalam penggunaan bermeter sepanjang tempoh ini, iaitu dari 2,155 JLH pada 2005 kepada 3,014 JLH pada 2013.

Jadual A: Pencapaian Pengurangan NRW

	Input Air	Penggunaan Bermeter	NRW	
Tempoh	JLH	JLH	JLH	%
2005	3,766	2,155	1,611	42.78
2013	4,602	3,014	1,588	34.52
Perbezaan dalam angka untuk 2005 dan 2013	+836	+859	-	-8.26

Nota: Penggunaan Diluluskan Tidak Dibil (UAC) dengan purata 0.5% telah dimasukkan dan dikira sebagai NRW.

Sungguhpun paras NRW telah menyaksikan penurunan sepanjang beberapa tahun ini, namun program untuk mengurangkan paras NRW telah terjejas dengan ketara disebabkan oleh penggantungan separa CAPEX yang berlarutan sejak sekian lama. Rentetan dari itu, hanya kerja-kerja yang amat kritikal sahaja yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui SPAN yang dapat dilaksanakan. Ketiadaan kelulusan bagi kajian semula tarif yang patut dilakukan masing-masing pada 1 Januari 2009 dan 1 Januari 2012, telah menjejaskan kapasiti kewangan SYABAS untuk melaksanakan lebih program mengurangkan paras NRW dari 2008 sehingga sekarang.

CADANGAN PELAN INDUK NRW 2.0

Disebabkan oleh penangguhan dalam pelaksanaan dan penyiapan Projek Langat 2, di mana buat masa ini tarikh penyiapannya masih belum pasti, di tambah pula dengan keadaan paras NRW kini dan lebih penting lagi, situasi semasa kapasiti bekalan air bersih mempunyai margin simpanan yang sangat rendah dan menuju ke arah ketidakcukupan, SYABAS telah mencadangkan Pelan Induk NRW 2.0. Program 5 tahun ini (dari 2014 hingga 2018) merancang secara agresif untuk mengurangkan NRW secara menyeluruh dan dengan lebih ketara bagi mengatasi isu kehilangan air secara fizikal dan komersial, sebagai keutamaan untuk mengatasi program lain kecuali bagi kerja yang amat kritikal.

TINJAUAN OPERASI
SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD

Program Migrasi Meter SYABAS

Cadangan Pelan Induk NRW 2.0 ini memerlukan pelaburan berjumlah RM808.0 juta, yang mana sebahagian daripadanya untuk diselesaikan menerusi kenaikan dalam pengebilan serta penjimatan daripada kos pembelian air. Pelan induk ini mempunyai sasaran 26.2% tahap pengurangan NRW, dan penjimatan NRW berjumlah 913 JLH. Usaha perancangan SYABAS untuk mengurangkan lagi paras NRW dari 33.06% pada 2012 kepada 32.5% tidak menjadi kenyataan, dan dengan rangkaian pengagihan air yang semakin berusia, paras NRW boleh meningkat sekiranya program pengurangan NRW tidak dikekalkan atau diperhebatkan.Walaubagaimanapun, kelulusan untuk Cadangan Pelan Induk NRW 2.0 belum lagi diperolehi dari SPAN setakat hujung bulan April 2014.

SYABAS mengunjurkan bahawa Selangor akan berhadapan dengan masalah air pada 2014 dan seterusya jika tiada sumber air bersih yang baharu.

KERJA-KERJA PENGURANGAN NRW PADA 2013

Biarpun dengan belanjawan dan kelulusan CAPEX yang amat terbatas, namun SYABAS berupaya mengendali beberapa kerja pengurangan NRW dengan beberapa pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan pada 2013 seperti berikut:-

(a) Program Mitigasi 1 KeTTHA
Penyambungan program penggantian paip sejauh 210 km di 30 kawasan kritikal mencatatkan kemajuan mengikut jadual dan dijadualkan siap menjelang September 2015.

(b) Program Mitigasi 2 KeTTHA
Cadangan program Pengurangan NRW tambahan untuk dilaksanakan dari Februari 2013 hingga Februari 2015 bagi mengurangkan kehilangan fizikal sebanyak 110 JLH di zon NRW sedia-ada serta di zon luar.

Selain daripada kerja pengurangan NRW yang dilaksanakan pada 2013, SPAN telah memberi kelulusan kepada SYABAS untuk menjalankan kerja-kerja pengurangan NRW menggunakan pembiayaan dalamannya sendiri, seperti berikut:-

(a) Penyambungan Kontrak NRW Fasa 3 yang meliputi 573 Zon Meter Wilayah ("DMZ") yang telah dilanjutkan sehingga Mac 2014. Penjimatan terkumpul sebanyak 300 JLH berjaya dicapai setakat Disember 2013.

(b) Dua program penggantian meter pada 2013 bagi mengawal dan mengurangkan kerugian komersial:-

- Di bawah program pertama yang bermula pada Jun 2013 dan disasarkan siap menjelang penghujung Disember 2013, di mana 193,000 meter lama telah diganti dengan memberikan anggaran penjimatan sebanyak 1.9 JLH atau 0.01/m^3/hari/meter.
- Di bawah program kedua, penggantian meter lama aliran elektromagnet untuk akaun pengguna besar telah bermula pada Julai 2013 dan disasarkan siap menjelang penghujung Disember 2013. Sejumlah 113 meter telah diganti dengan aliran elektromagnet dengan anggaran penjimatan mencecah 6.6 JLH atau 58.9 m^3/hari/meter.

Aktiviti lain berkaitan NRW yang telah dilaksanakan pada 2013 termasuklah pemantauan limpahan takungan, penyelenggaraan dan pemantauan 80 DMZ KTAK dan 112 PMZ sedia ada, penguatkuasaan terhadap sambungan tidak sah serta program mengesan kebocoran.

Penggunaan air secara tidak sah membataskan keupayaan SYABAS untuk mengawal dan mengurangkan faktor NRW. Sehingga kini, sejumlah 3,335 kes sambungan tidak sah telah dilaporkan yang mana 441 kes telah dikenal pasti sebagai kes yang betul dengan anggaran kerugian air mencecah 4,070,724 m^3. Di bawah Water Services Industry Act ("WSIA") 2006, semua kes kecurian air perlu disiasat dengan kehadiran pegawai kerajaan yang merupakan satu-satunya pihak yang boleh mendakwa pengguna tidak sah di mahkamah.

Dalam keadaan sekarang, SYABAS telah membuat permohonan untuk mengkaji semula sasaran KPI serta Sasaran Pengurangan NRW kepada Kerajaan Negeri Selangor dan SPAN. Namun, sehingga kini tidak ada kata putus untuk permohonan SYABAS. Penting untuk dimaklumi bahawa faktor seperti pembekuan CAPEX, tiada kenaikan tarif serta kelewatan dalam cadangan penstrukturan semula sektor air di Selangor serta faktor lain yang berada di luar kawalan SYABAS, telah menjejaskan program pengurangan NRW SYABAS.

Biarpun berhadapan dengan sekian banyak isu dan cabaran dalam mengurangkan tahap NRW seperti kerja-kerja CAPEX yang terbatas, kekangan aliran tunai, kelewatan kelulusan daripada pihak berkuasa, kekerapan kejadian Emergency Response Plan ("ERP"), sambungan tidak sah, margin simpanan air bersih yang amat tipis serta ketidakstabilan tahap pengeluaran dari LPA, namun SYABAS masih dapat memenuhi permintaan yang tinggi daripada para pengguna serta mengawal tahap NRW daripada menyusup naik ke tahap yang lebih tinggi pada 2013.

KERJA-KERJA CAPEX

Di bawah penswastaan perkhidmatan bekalan air di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya, SYABAS telah merangka sebuah program CAPEX untuk memulih dan menaik taraf aset pengagihan air yang dikendalikannya.

Sebahagian besar daripada program CAPEX untuk 2013 telah dibiayai dari Program Migrasi KeTTHA dan pembiayaan dalaman SYABAS sebanyak RM136.0 juta, manakala CAPEX terkumpul dari 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2013 berjumlah RM2,800.87 juta.

Jumlah perbelanjaan pada 2013 yang mencecah RM258.25 juta telah dilaburkan untuk menaik taraf dan memulihkan infrastruktur pengagihan, termasuk penggantian dan/atau membaiki tangki air yang bocor dan cerunan, kerja penambahbaikan di kawasan tekanan rendah, kerja penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti air, kerja menaik taraf dan memulihkan rumah pam, kerja menaik taraf ICT dan kerja penggantian paip lama.

Seperti yang dinyatakan di bawah tajuk "Pencapaian" di dalam Tinjauan Operasi ini, SYABAS juga telah melaksanakan program CAPEX yang amat kritikal dengan kelulusan SPAN, di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya. Pada 2013, SYABAS berjaya menyempurnakan 39 projek.

Pusat Kawalan Operasi Dan Sistem Maklumat Geografi
Pusat Kawalan Operasi ("OCC") yang telah ditubuhkan pada 2010, terus membuat pelaburan untuk menambah baik kemudahan serta aplikasinya demi menyokong keperluan operasi yang pantas berkembang. Secara ringkasnya, OCC ini menjadi hos kepada tiga aplikasi teras, iaitu Sistem Kawalan Seliaan dan Pemerolehan Data ("SCADA"), Pemodelan Hidraulik ("HM") serta Sistem Makumat Geografi/Geospatial ("GIS").

Dari 2012 hingga 2013, SYABAS telah membangunkan aplikasi baharu dari SCADA, HM dan GIS untuk menyokong ERP SYABAS dan penutupan yang dirancang bagi kerja pembaikan atau naik taraf dan ia telah membantu menambah baik kecekapan operasi, menguruskan NRW serta mengendali krisis. Malah, SYABAS telah membangunkan OCC ini selanjutnya sehingga menghasilkan keupayaan yang membolehkan kakitangan dari wilayah dan jabatan lain memantau tahap takungan tanpa kekangan dari segi pemasangan dan lesen perisian. SYABAS juga telah menggunakan permodelan hidraulik untuk menghasilkan model aliran dan tekanan saluran paip supaya dapat mengurangkan kejadian paip pecah dan membolehkan SYABAS menganggarkan tempoh masa yang diambil untuk menyelenggara bekalan air serta tempoh pemulihan untuk kerja-kerja pembaikan.

MENINGKATKAN KUALITI AIR

Kualiti air minuman sentiasa menjadi keutamaan tertinggi untuk SYABAS. Pada 2013, keputusan kualiti air menunjukkan bahawa SYABAS terus menepati piawaian yang tinggi yang telah ditetapkan dalam NSDWQ MOH serta QAPnya. Keputusan itu turut mematuhi keperluan Tahap Perkhidmatan Mandatori yang ditentukan di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS.

Sejak 2008, SYABAS telah melaksanakan secara agresif Pelan Induk Penambahbaikan Kualiti Air ("Pelan WQIM") berserta pemantauan kualiti air secara berterusan di 1,112 stesen pensampelan air yang terletak di saluran loji pembersihan air, saluran takungan pengimbangan, saluran takungan servis serta sesalur agihan. Kesemuanya telah menunjukkan pengurangan yang besar dalam pencemaran kualiti air dan sehubungan dengan itu telah menyaksikan penurunan dari segi aduan tentang kualiti air daripada para pengguna berbanding tahun sebelumnya.

OCC SYABAS

Pada 2013, kira-kira 99.75% dari sejumlah analisis kualiti air yang dilakukan oleh SYABAS dan MOH telah mematuhi NSDWQ dengan pencemaran sifar dalam parameter mikrobiologi.

Maklumat berkenaan program di bawah Pelan WQIM, iaitu Program Pengerukan Udara dan Program Pembersihan dan Pemeriksaan Takungan dikemukakan di bahagaian "Menyampaikan Kualiti" pada muka surat 104 hingga 110 di dalam Laporan Tahunan ini.

Tindakan Segera Terhadap Aduan Pengguna
Pada 2013, SYABAS telah mencapai peningkatan dalam kadar pematuhan dengan catatan 97.37% berbanding 93.90% pada 2012 untuk tindak balas terhadap aduan pengguna dalam tempoh setengah jam. Bagi PUSPEL pula 2013 menyaksikannya melaksanakan perubahan besar dengan pelbagai inisiatif untuk menampung peningkatan kapasiti dan tenaga kerja. Jumlah bilangan aduan pelanggan yang diterima sepanjang 2013 adalah sebanyak 2,127 aduan.

Butiran berkaitan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh PUSPEL dikemukakan pada bahagian "Menyampaikan Perkhidmatan Cemerlang" pada muka surat 100 hingga 103 di dalam Laporan Tahunan ini.

Program Kesedaran & Pendidikan Pengguna
Pada 2012, SYABAS telah mewujudkan SOP untuk Program Kesedaran & Pendidikan Pengguna ("Program CAE"), di samping kaji selidik maklum balas pengguna yang telah dipertingkatkan bagi menilai keberkesanan program. Syarikat telah mempromosi program ini secara aktif di ibu pejabat dan di peringkat wilayah sepanjang 2013. Program CAE bermatlamat mewujudkan kesedaran yang lebih mendalam di kalangan pengguna tentang kualiti air serta menyemai rasa tanggungjawab pengguna yang lebih hebat berhubung dengan penyelenggaraan sistem paip dan tangki simpanan dalaman.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program CAE, sila rujuk bahagian "Memelihara Alam Sekitar Kita" pada muka surat 128 hingga 138 di dalam Laporan Tahunan ini.

TINJAUAN OPERASI
SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD

PENGEBILAN & KUTIPAN

Satu aspek utama dalam operasi SYABAS ialah bahagian pengebilan dan kutipan yang terus memperlihatkan penambahbaikan pada 2013. Jumlah pengebilan pada 2013 telah mencapai RM1.666 bilion, meningkat 4.3% berbanding RM1.598 bilion jumlah pengebilan pada 2012. Sementara itu, jumlah kutipan untuk 2013 pula meningkat sebanyak 4.3% kepada RM1.658 bilion, berbanding RM1.590 bilion pada 2012.

Setakat 31 Disember 2013, jumlah bilangan akaun bekalan air aktif ialah sebanyak RM1.94 juta.

Jadual di bawah menunjukkan pengebilan kumulatif sepanjang lima tahun lalu.

Jadual B: Pengebilan Sepanjang Lima Tahun Lalu

Tahun	2009	2010	2011	2012	2013
Pengebilan (RM juta)	1,435.1	1,487.2	1,531.6	1,597.8	1,666.6

Jumlah kecekapan kutipan secara keseluruhan pada 2013 berada pada kadar 99.5% dengan jumlah belum terima setakat 31 Disember 2013 mencecah RM181.4 juta. Ini merupakan suatu peningkatan berbanding RM158.9 juta yang dicatatkan setakat 31 Disember 2012 dan peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan dalam bilangan akaun pengguna baharu serta peningkatan dalam amaun rebat air yang terhutang daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Kadar pusing ganti penghutang tidak termasuk Kerajaan Negeri Selangor, kekal pada purata 36 hari. Pihak Pengurusan SYABAS terus melaksanakan pemantauan serta kawalan yang agresif demi memastikan kecekapan dalam kutipan hutang.

Tindakan penguatkuasaan pemotongan bekalan oleh SYABAS pada 2013 meningkat sebanyak 12.8% kepada 207,264 pemotongan, berbanding 183,740 pada 2012. Sementara itu, nisbah tindakan penyambungan semula meningkat kepada 87.8% pada 2013 daripada 85.7% pada 2012, di mana sebahagian besarnya adalah hasil daripada penambahbaikan dalam prosedur komunikasi yang mewujudkan hubungan lebih baik dengan pelanggan.

Misi Bantuan Air RAJD ke Kemaman, Terengganu dan Kuantan, Pahang

MIGRASI

Didapati bahawa Migrasi daripada akaun bekalan air meter pukal kepada akaun bekalan air meter individu ("Migrasi") untuk bangunan kediaman tinggi sejak Mei 2007 berjalan dengan aktif.

Setakat 31 Disember 2013, SYABAS telah menerima sejumlah 1,406 permohonan meter pukal yang melibatkan 285,111 akaun meter individu untuk proses Migrasi. Angka ini hanya mencakupi 54% daripada jumlah akaun meter pukal yang dikenalpasti untuk Migrasi.

Jadual C: Kemajuan Migrasi dari Akaun Bekalan Air Meter Pukal kepada Akaun Bekalan Air Meter Individu sehingga 31 Disember 2013

Butiran	2007-2012	
	Akaun Meter Pukal	Akaun Meter Individu
Bil. permohonan diterima	1,406	285,111
Bil. permohonan diluluskan	601	124,748
Bil. permohonan diluluskan dan migrasi dilaksanakan	389	85,615

Migrasi ini akan membolehkan unit kediaman individu sesebuah pangsapuri atau kondominium menikmati kadar tarif domestik untuk premis bertanah. Meter individu ini seterusnya akan membolehkan SYABAS melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap akaun tidak berbayar secara individu.

Dengan pewartaan Peraturan Bekalan Air Baharu di bawah WSIA 2006, Migrasi kini telah menjadi mandatori dan dikuatkuasakan oleh undang-undang pada 1 Februari 2014.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI ("ICT")

Syarikat telah berjaya menyelesaikan pelbagai isu berkaitan ICT secara dalaman menerusi kepakaran kakitangannya sendiri dan mengekalkan purata ketersediaan perkhidmatan bulanan pada kadar 99.98% untuk semua sistem.

Tahun 2013 menyaksikan beberapa projek yang sedang dilaksanakan dan inisiatif baharu diperkenalkan bagi meningkatkan keberkesanan operasi perniagaan SYBAS dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna akhir. Program penggantian aset jangka panjang dan pembelian kelengkapan IT serta menaik taraf perisian terus dilaksanakan. Naik Taraf Infrastruktur Kemayaan turut dilakukan dan ia telah memberi keupayaan prestasi yang lebih tinggi kepada seluruh sistem dengan ingatan dan penstoran cakera yang lebih besar. Dengan menggabungkan ketersediaan yang tinggi serta kemampuan replikasi, sistem kini berupaya menanggung kegagalan separa terhadap komponen.

Aplikasi telefon bimbit menerusi telefon pintar dan ipad turut diperkenalkan bagi mengurangkan kelewatan dalam mengemas kini maklumat, mengurangkan kertas kerja dan menghapuskan proses berulang. Perisian ini telah dibangunkan lengkap dengan penyepaduan masa nyata berserta Sistem Pengurusan Pengebilan dan Meter. Aplikasi di dalam syarikat turut dipertingkatkan bagi memudahkan proses dan kecekapan operasi manakala aplikasi baharu yang merangkumi Pengurusan Aset Secara Keseluruhan telah diperkenalkan secara berperingkat sepanjang 2013.

TINJAUAN OPERASI PUNCAK OIL & GAS SDN BHD, GOM RESOURCES SDN BHD DAN KGL LTD.

2013 menandakan genap operasi tahun kedua untuk subsidiari milik penuh Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB"), Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG"), menerusi subsidiari milik penuhnya, GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources") dan KGL Ltd. ("KGL").

2013 menandakan genap operasi tahun kedua untuk subsidiari milik penuh Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB"), Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG"), menerusi subsidiari milik penuhnya, GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources") dan KGL Ltd. ("KGL"). Biarpun Bahagian Minyak & Gas ("O&G") menaruh harapan yang tinggi pada tahun ini dengan genggaman kontrak Pengangkutan & Pemasangan ("T&I") Bersepadu Kemudahan Luar Pesisir, namun malangnya keadaan tidak berjalan seperti yang dirancang memandangkan hasil yang diperolehi oleh kontrak ini dan kontrak lain sedia ada adalah lebih rendah daripada yang dijangka.

Justeru itu, Bahagian O&G menumpukan semula usahanya dan membuat persiapan yang sewajarnya bagi mengukuhkan kedudukan untuk mara menuju ke gelanggang persaingan O&G yang amat dinamik.

LATAR BELAKANG

Menjelang 2035, penggunaan tenaga di peringkat global akan meningkat sebanyak 41% berbanding dengan parasnya pada hari ini dengan hampir kesemua (95%) pertumbuhan dari negara bukan anggota OECD, dan lebih daripada separuh datang dari India dan China.

(Sumber: Tinjauan Tenaga BP 2035)

Industri minyak, gas dan tenaga memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia, menyumbang kepada satu perlima daripada KDNK negara sepanjang sedekad yang lalu. Bidang Ekonomi Utama Negara ("NKEA") ini memberi penekanan kepada pembangunan sektor perkhidmatan dan pembuatan Malaysia manakala mengekalkan insentif bagi memastikan tahap pengeluaran yang malar, di samping bergerak ke arah tenaga alternatif, yang mencakupi tenaga suria sehinggalah kepada kenderaan elektrik. Secara keseluruhannya, Projek Permulaan untuk NKEA ini diunjur akan menjana Pendapatan Negara Kasar ("GNI") berjumlah RM131.4 bilion dan mewujudkan 52,300 pekerjaan baharu menjelang tahun 2020.

(Sumber: Lembaran Fakta NKEA Minyak, Gas dan Tenaga oleh PEMANDU)

TINJAUAN OPERASI
PUNCAK OIL & GAS SDN BHD, GOM RESOURCES SDN BHD DAN KGL LTD.

Pemasangan "Stinger"

Berlatarkan suasana ini, Bahagian O&G PNHB terus mengukuhkan asasnya bagi memanfaatkan sebaiknya peluang yang terbuka luas yang ditawarkan oleh sektor O&G.

PUNCAK OIL & GAS SDN BHD ("POG')

Penglibatan utama POG ialah dalam penyediaan perkhidmatan untuk logistik luar pesisir dan pengurusan marin.

GOM RESOURCES SDN BHD ("GOM RESOURCES")

GOM Resources menjalankan perkhidmatan kontrak kejuruteraan, perolehan, pemasangan dan pentaulihan ("EPIC") serta perkhidmatan sokongan dasar laut dan marin untuk para penggiat O&G luar pesisir di Malaysia. Syarikat memiliki rekod prestasi yang telah terbukti dalam melaksanakan kerja-kerja O&G yang mudah sehinggalah kepada yang amat kompleks di peringkat domestik dan antarabangsa.

Tahun ini menyaksikan GOM Resources menyelesaikan kerja di bawah kontrak T&I Bersepadu bagi Kemudahan Luar Pesisir 2010-2012 (Pelanjutan 2013) bagi Pakej A Barj Pemasangan Paip untuk Petronas PSCs di bawah status Kontraktor Pemasangan Luar Pesisir, seperti berikut:-

- Pemasangan talian paip bagi Kawasan Tangga Barat;
- Pemasangan Kapit Penaik untuk membaiki kebocoran talian paip di Bekok Field;
- Penyahairan dan Penyaluran Pintar di Projek Kinabalu Non Associated Gas ("KNAG");
- Pemasangan talian paip tukau;
- Pemasangan talian paip pendekatan pesisir sistem penghantaran gas EVA-NMB;
- Pemasangan paip di pesisir dari Kinabalu Processing Gas-B ("KNPG-B") ke Sabah Oil & Gas Terminal ("SOGT");
- Pemasangan tiga adang penaik di perairan Sarawak; dan
- Pemasangan paip luar persisir dari SOGT ke KBO (Kebabangan) bagi KPOC.

Pada Mac 2013, GOM Resources telah menandatangani kontrak perkhidmatan bernilai RM187.3 juta dengan HESS Exploration And Production Malaysia B.V. ("HESS") untuk kerja-kerja berkaitan T&I Bersepadu bagi Kemudahan Luar Pesisir untuk Skim Pengeluaran Awal, Projek Pembangunan Gas Bersepadu, kawasan Lembangan Melayu Utara. Kerja-kerja ini melibatkan talian paip T&I di kawasan Luar Pesisir Semenanjung Malaysia, ke selatan Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand ("MTJA") dan telah siap pada bulan Oktober 2013.

Pada Disember 2013, Petroliam Nasional Bhd ("Petronas") telah menganugerahkan kontrak T&I luar pesisir Pan Malaysia ("Kontrak Pan Malaysia") yang berjumlah kira-kira RM10 bilion kepada para penggiat industri. GOM Resources berjaya memperolehi Pakej B Kontrak Pan Malaysia bernilai kira-kira RM1.8 bilion, yang melibatkan kontrak T&I selama tiga tahun, bermula dari 2014. Kontrak ini melibatkan T&I untuk kemudahan luar pesisir termasuk semua perkhidmatan yang perlu dan yang dikehendaki untuk melaksanakan skop kerja, seperti perkhidmatan di kawasan marin, peralatan yang diperlukan, kelengkapan khusus serta khidmat tenaga kerja. Kontraktor pemasangan luar pesisir hendaklah menyediakan perkhidmatan T&I secara kolektif kepada 11 kontraktor pengeluar berkongsi ("PSC").

GOM Resources telah dianugerahkan skop kerja 2014 untuk Projek Sistem Penghantaran Gas EVA-NMB ("ENGDS") di bawah T&I Bersepadu bagi Kemudahan Luar Pesisir Untuk Tahun 2014 - 2016, Kontrak Pakej B yang memerlukan pemasangan talian paip dari kawasan darat Kerteh Terengganu menghala ke arah sempadan MTJA, pemasangan skid pengikat talian paip dan gelendong bawah laut, prapentauliahan talian paip dan pemaritan pasca pemasangan serta perkhidmatan yang berkaitan.

KGL LTD. ("KGL")

KGL terlibat dalam perniagaan penyewaan kapal luar pesisir atas dasar bot kosong. KGL memiliki Derrick Lay Barge 264 ("DLB264") yang digunakan oleh GOM Resources semasa aktiviti pemasangan luar pesisir dan pemasangan paip.

CABARAN

Pada 2013, Bahagian O&G PNHB melihat bahawa skop kerja untuk kontrak T&I bagi kemudahan luar pesisir telah berkurangan memandangkan Petronas telah menangguhkan kerja kerana menjangkakan Kontrak Pan Malaysia yang baharu.

Akibat dari itu, hasil yang diperolehi oleh Bahagian O&G menjunam 41.5% kepada RM454.9 juta daripada RM778.0 juta pada 2012. Hasil yang lebih rendah ini berpunca daripada pengurangan skop kerja dalam kontrak sedia ada dan penangguhan kerja oleh Petronas. Rentetan dari itu, Bahagian O&G mencatatkan kerugian selepas pencukaian sebanyak RM30.7 juta berbanding dengan keuntungan selepas pencukaian berjumlah RM62.9 juta yang diperolehi pada 2012.

Selain daripada hasil yang lebih rendah, Bahagian O&G turut terjejas disebabkan oleh kos operasi dan overhed yang lebih tinggi dan yang ditanggung berhubung dengan program pengembangan Kumpulan ke bidang perniagaan lain yang berdaya maju dalam lingkungan sektor O&G serta mengeksploitasi peluang pembangunan perniagaan yang berpotensi di dalam negara dan di rantau ASEAN dan di rantau yang lain.

Disebabkan oleh kos pelaburan yang tinggi serta kawasan cari gali dan pengeluaran yang berisiko tinggi, Bahagian O&G kini menumpukan kepakarannya kepada perkhidmatan kontrak EPIC di dalam negara serta di luar negara.

KEMAJUAN DALAM TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jabatan Teknologi Maklumat ("ITD") GOM Resources terus menumpukan perhatian terhadap teknologi Bahagian O&G yang pantas berkembang, dan meneroka cara-cara inovatif untuk maju ke hadapan sambil meminimumkan kos.

TINJAUAN OPERASI
PUNCAK OIL & GAS SDN BHD, GOM RESOURCES SDN BHD DAN KGL LTD.

Berikutan pelancaran Sistem SAP pada 7 Januari 2013 dan penjajarannya dengan sistem SAP Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB"), Bahagian O&G meraih manfaat daripada penyepaduan platform yang berkesan. Kini, bilangan lesen pengguna SAP telah meningkat dua kali ganda daripada 20 kepada 40 lesen pengguna dan lebih ramai pengguna mendapat manfaat daripada modul sistem Perakaunan & Kawalan Kewangan, Pengurusan Dana, Pengurusan Bahan dan Sistem Projek.

Sepanjang tahun 2013, antara lain, ITD telah mengambil langkah untuk menggabungkan sistem emel POG dan GOM Resources, di samping meningkatkan infrastruktur rangkaian dan telefon Bahagian O&G, sistem pendaftaran dan pengetagan aset serta perkhidmatan akses rangkaian dan internet. Hari ini pengguna telah dapat menikmati tahap masa hidup yang tinggi bagi semua perkhidmatan dan ia membantu memacu kecekapan dan komunikasi perniagaan.

PENCAPAIAN

Bahagian O&G terus mengekalkan langkah yang ketat dalam penjagaan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("HSE") di seluruh operasinya. Ia percaya bahawa harus wujud pengaruh HSE bagi memastikan piawaian dipatuhi dengan cara yang dapat melindungi seluruh rantaian bekalan. Cogan kata HSE GOM Resources, "Produktiviti adalah Keutamaan, Keselamatan adalah Wajib" menetapkan nada sebagaimana Bahagian patut mempertahankan amalan HSE yang baik.

Pada 10 April 2013, GOM Resources berjaya mencapai 3.5 juta jam-manusia tanpa Kehilangan Masa Akibat Kecederaan ("LTI") yang membuktikan iltizamnya yang kuat dalam memastikan amalan HSE yang mantap dan tempat kerja yang bebas dari kecederaan. Usaha berterusan untuk menguatkuasa beberapa dasar berkaitan HSE, iaitu Dasar Perlindungan HSE, Dasar Penyalahgunaan Dadah & Alkohol, Dasar Merokok dan Dasar Henti Kerja Demi Keselamatan, pastinya telah membantu memastikan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja kekal sebagai keutamaan di semua tapak kerja.

Sepanjang tempoh tahun ini, Petronas Carigali Sdn Bhd ("PCSB") mengiktiraf GOM Resources untuk prestasi HSEnya yang kukuh kerana mencapai 1.5 juta jam-manusia tanpa LTI dan telah menganugerahkan GOM Resources Anugerah dan Pengiktirafan HSE 2012. Di pangkalan projek HESS, GOM Resources telah meraih pencapaian penting dengan 250,000 jam-manusia tanpa LTI semasa Program Pemasangan 2013.

Krew Pembinaan bekerja di terowong paip

Pada 2013, Sistem Pengurusan Bersepadu ("IMS") GOM Resources telah mendapat pentauliahan DNV Business Assurance Malaysia. IMS ini merangkumi ISO 9001-2008 (Kualiti), ISO14001-2004 (Alam Sekitar), ISO/TS 29001-2010 (Industri Petroleum, Petrokimia; dan Gas Asli - Kualiti Khusus Bahagian) serta OHSAS 18001-2007 (Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan). Akreditasi ini menegaskan iltizam GOM Resources dalam melaksanakan sistem pengurusan kualiti di serata penjuru operasinya.

PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Bagi memacu pertumbuhan yang mampan, Bahagian O&G memberi tumpuan di dalam negara manakala memperluaskan jejaknya di serata ASEAN. Sementara Bahagian Cari Gali & Pengeluaran ("E&P") GOM Resources mengorak langkah kemajuan dalam menilai dan menjalankan aktiviti pembangunan perniagaan di dalam negara dan di luar negara untuk E&P, Bahagian O&G pula mengarahkan fokus kepada kepakarannya dalam perkhidmatan kontrak EPIC.

Tahun ini turut menyaksikan GOM Resources meneroka beberapa usaha niaga kerjasama yang meliputi persetujuan kerja dengan rakan konsortium untuk projek kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan, pemasangan dan pentauliahan ("EPCIC") bagi struktur luar pesisir.

Pada April 2013, GOM Resources telah menandatangani Memorandum Persetujuan ("MoA") dengan PT Medco Energi Internasional Tbk ("MedcoEnergi"), sebuah syarikat senarai awam di Indonesia bagi meneroka kerjasama teknikal tentang teknologi terkini yang boleh didapati dalam bidang cari gali. MoA ini akan membolehkan GOM Resources membida projek pembangunan tapak marginal serta projek kontrak perkhidmatan risiko di Malaysia, di samping projek cari gali dan pengeluaran di kawasan serantau. Kedua-dua MedcoEnergi dan GOM Resources telah bersetuju untuk bersama-sama melakukan penilaian dan kajian data teknikal bagi menaksir daya maju sesuatu peluang yang telah dikenal pasti.

Pada Jun 2013, GOM Resources telah memeterai MoA dengan Yiu Lian Dockyards (Shekou) Ltd dari Republik Rakyat China ("PRC") *("Yiu Lian Dockyards")* bagi menjalin kerjasama dalam projek EPCIC O&G di Malaysia. Kerjasama ini akan menyaksikan perkongsian kepakaran EPCIC untuk projek di Malaysia dan ia dijangka dapat mengukuhkan lagi perhubungan antara Malaysia dan China. Yiu Lian Dockyards merupakan pemilik limbung kapal baik pulih moden yang terbesar di PRC.

Pada 2013, Bahagian O&G telah menjelajah ke *Republic of the Union of* Myanmar melalui entiti baru, GOM Resources Limited. Entiti ini telah ditubuhkan untuk melaksanakan perniagaan pengangkutan dan pemasangan talian paip serta perkhidmatan lain untuk operasi O&G di kawasan daratan serta luar pesisir.

Bahagian O&G akan memasarkan barjnya secara lebih agresif serta memperluaskan keupayaan ini di dalam negara serta di kawasan serantau menerusi kerjasama dengan rakan niaga lain. Ia yakin bahawa dengan memanfaatkan sebuah pasukan yang berkepakaran serta berpengalaman, ia akan dapat mengetengahkan keputusan yang luar biasa untuk Kumpulan dan pelanggannya.

Bahagian O&G dijangka akan terus mengembangkan perniagaannya secara organik dan/atau menerusi penggabungan dan pengambilalihan, serta menyumbangkan perolehan yang lebih teguh kepada Kumpulan.

PENGEMBANGAN PERNIAGAAN

Semua situasi ini merupakan petanda baik bagi Kumpulan di mana ia membuka peluang baharu untuk meraih penerimaan dalam sektor air, air sisa dan sektor berkaitan alam sekitar, baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

Jaminan air di Asia dan di Pasifik berhadapan dengan ancaman daripada pelbagai punca seperti pertumbuhan penduduk, urbanisasi, meningkatnya pencemaran air, terlebih pengabstrakan air bawah tanah, bencana berkaitan air, serta perubahan iklim. Perancangan dan pengurusan yang ada pada masa ini ternyata tidak memadai untuk menangani cabaran dalam memenuhi pelbagai keperluan masyarakat terhadap air. Menambah baik pengeluaran air pertanian, mencapai objektif tenaga, memenuhi keperluan air perindustrian yang semakin meningkat, serta melindungi kualiti air dan ekosistem semula jadi yang penting merupakan cabaran yang masih kami hadapi. Kekurangan air memberi kesan yang nyata dari segi sosial, ekonomi serta politik, dan begitu juga dengan kesan bencana berkaitan air yang diperburukkan lagi oleh perubahan iklim.

(Sumber: Tinjauan Pembangunan Air Asia 2013: Mengukur Jaminan Air di Asia dan di Pasifik)

Dengan permintaan global terhadap air diunjur meningkat sebanyak 55% menjelang tahun 2050, isu mengenai jaminan air menjadi keutamaan di kebanyakan negara.

(Sumber: Forum Global OECD mengenai Alam Sekitar: Menjadikan Reformasi Air Suatu Kenyataan)

Semua situasi ini merupakan petanda baik bagi Kumpulan di mana ia membuka peluang baharu untuk meraih penerimaan dalam sektor air, air sisa dan sektor berkaitan alam sekitar, baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Perkembangan dalam sektor Minyak & Gas yang dinamik juga bakal melonjakkan kami ke hadapan dalam usaha untuk melebarkan sayap. Secara keseluruhannya, sedangkan kami meninjau melangkaui pasaran tradisional untuk meneroka pengalaman baharu di China, India serta negara ASEAN yang berjiranan, kami tetap fokus dalam mencapai pertumbuhan jangka panjang yang mampan. Dalam semua usaha niaga, kami akan menggunakan pendekatan berhemat dan melaksanakan usaha wajar yang perlu berdasarkan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dan wujudnya risiko politik dalam pasaran tertentu.

MALAYSIA

Stesen Pam Penggalak & Tangki Air Bawah Tanah Batang Kayan

Sarawak

Projek Bekalan Air Luar Bandar

Kerajaan Persekutuan telah memulakan usaha menaik taraf standard kehidupan penduduk luar bandar di Sarawak di bawah Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak ("Projek BALB Sarawak") pada tahun 2010 dengan peruntukan pelaksanaan sebanyak RM1.378 bilion. Di bawah Projek BALB Sarawak, bekalan air paip bersih telah disediakan kepada 91,356 isi rumah, lantas meningkatkan liputan bekalan air dari 59% kepada 90% menjelang akhir tahun 2013.

Suatu usaha sama tidak diperbadankan dengan perkongsian 40:60 antara Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") dan Quality Concrete Holdings Bhd, iaitu Konsortium Puncak Niaga Holdings Berhad – Quality Concrete (Konsortium KPNHB-QC) telah dianugerahkan kontrak Projek BALB Sarawak bernilai RM667.32 juta oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ("KKLW").

Di dalam Projek BALB Sarawak 2010-2012, 15 Arahan Kerja bagi Projek BALB Sarawak telah dianugerahkan kepada Konsortium KPNHB-QC oleh KKLW dengan jumlah mencecah RM422.59 juta. Ia mencakupi empat kerja utama & penghantaran kerja pemasangan paip; tiga loji pembersihan air ("LPA") di Serian, Stumbin dan Lubau; serta lapan projek khas meliputi pemasangan paip, pembinaan dan pentauliahan stesen pam penggalak dan takungan air. Projek ini dibawah arahan kerja telah memberi manfaat kepada 23,650 isi rumah di seluruh enam Bahagian di Sarawak.

Kesemua 15 arahan kerja telah disiapkan pada tahun 2013, dan pada hari ini, PNHB merupakan suatu nama yang diiktirafkan dalam industri kerja air Sarawak. Kami tampil berharap untuk mendapatkan lebih banyak projek sedemikian pada masa hadapan terdekat.

Selangor

Projek Penyambungan Laluan Kelana Jaya ("KLJ")

Projek Penyambungan Laluan KLJ merupakan kontrak Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") bernilai RM15.3 juta daripada Syarikat Prasarana Negara Bhd ("SPNB") yang melibatkan kerja pemindahan paip utama Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") serta paip pembetungan Indah Water Konsortium Sdn Bhd ("IWK"), dan ia dijangka siap pada bulan Mei 2014.

CHINA

Pertumbuhan KDNK sebenar China dijangka akan menyederhana kepada kira-kira 7.7% pada 2014-18 (berbanding 10.5% pada tahun 2000 dan 2007) sedangkan negara tersebut menyeimbangkan semula model pertumbuhannya ke arah pertumbuhan yang didorong oleh penggunaan domestik. Pelaksanaan reformasi berstruktur akan turut menjadi faktor kritikal dalam memacu ekonomi China ke arah pembangunan mampan serta berkembang melangkaui perangkap pendapatan pertengahan. Kelesuan di China khususnya, akan melemahkan momentum pertumbuhan ekonomi Asia Tenggara kerana ia akan meningkatkan kebergantungan mereka kepada China sebagai rakan dagang utama.

(Sumber: Tinjauan Ekonomi Asia Tenggara, China dan India 2014 – Sekretariat OECD dan ASEAN)

Pada 2011, Dekri Nombor Satu Republik Rakyat China (RRC), yang merupakan kertas dasar tahunan yang memperincikan keutamaan dasar kerajaan pusat, telah memberikan komitmen untuk menggandakan pelaburan tahunan dalam sektor air, mencecah CNY4 trilion ($608 bilion) menjelang tahun 2020. Pelaburan yang besar ini memberi tumpuan terhadap menangani masalah kekurangan air negara yang semakin meluas, penurunan sumber air dan kualiti air, serta meningkatnya pendedahan kepada bahaya banjir. Pada 2012, PRC menetapkan sasaran prestasi untuk industri, pengairan, serta kualiti air disokong oleh langkah-langkah institusi bagi mendorong peningkatan dalam jaminan air sebagai asas penting kepada kemampanan ekonomi.

(Sumber: Tinjauan Pembangunan Air Asia – ADB)

PENGEMBANGAN PERNIAGAAN

Menerusi pemilikan 98.65% dalam subsidiari Singapura, Sino Water Pte Ltd ("Sino Water"), Kumpulan PNHB telah memulakan usaha niaga di China sejak tahun 2008 dalam beberapa projek bekalan air dan pembersihan air sisa.

Pelaburan kami di China dijalankan melalui subsidiari Singapura kami, Sino Water Pte Ltd

Projek Bekalan Air Lushan
Terletak di Daerah Lushan, Bandar Raya Pingdingshan, Wilayah Henan

Luwei (Pingdingshan) Water Co Ltd ("Luwei Co Ltd"), subsidiari Sino Water di China dengan pemilikan 92.40% (pada 17 Mac 2014), membekalkan air kepada lebih kurang 6,600 akaun pengguna di Perbandaran Daerah Lushan. Luwei Co Ltd mengabstrak air bawah tanah dari telaga enam tiub sedia-ada secara pengepaman terus dan membekalkan air kepada para pengguna melalui rangkaian saluran paip pengagihan lama yang sedia-ada. Volum bekalan harian adalah dalam julat 1.4 juta liter sehari ("JLH") sehingga 1.8 JLH.

Fasa 1 Projek Bekalan Air Lushan, dengan kos akhir pelaburan sebanyak RMB90.0 juta (dimana sebahagiannya dibiayai oleh pinjaman Bank Dunia) dan melibatkan pembinaan sebuah Loji Pembersihan Air ("LPA") 30 JLH; pemasangan saluran paip air mentah sepanjang 14.7 km; serta pemulihan rangkaian pengagihan air sedia-ada di Perbandaran Daerah Lushan telahpun disempurnakan. LPA 30 JLH yang baharu telah beroperasi sepenuhnya sejak pelancaran rasminya pada bulan September 2013.

Dengan bekalan air terawat daripada LPA 30 JLH yang baharu, telaga persendirian yang sedia-ada di Perbandaran Daerah Lushan akan ditutup secara berperingkat dengan penguatkuasaan daripada Kerajaan Daerah Lushan. Sepanjang tempoh dua tahun akan datang, bilangan akaun pengguna dijangka akan meningkat daripada 6,600 kepada 24,000 dengan volum bekalan harian meningkat kepada lebih daripada 11 JLH. Sistem-sistem yang lebih efisien untuk mencatat penggunaan air, perkhidmatan pelanggan, pengebilan serta kutipan dan juga program pengurangan air tidak berhasil ("NRW") akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun akan datang demi memberi khidmat bekalan kepada lebih kurang 130,000 penduduk di Perbandaran Daerah Lushan.

"Clarifier Weir Overflow" - Binzhou

Projek Pembersihan Air Sisa Binzhou
Terletak di Daerah Yangxin, Bandar Raya Binzhou, Wilayah Shandong

Subsidiari China yang dimiliki sepenuhnya oleh Sino Water, Xinnuo Water (Binzhou) Co Ltd ("Xinnuo Co Ltd") bertanggungjawab terhadap pembinaan loji pembersihan air sisa ("LPAS") 30 JLH dalam dua fasa yang mana setiap satu adalah 15 JLH. LPAS tersebut telah direka untuk membersihkan sisa air, terutamanya daripada kilang penyamakan yang terletak di Taman Perindustrian & Perdagangan Chenlou. LPAS 15 JLH di bawah fasa pertama dengan kos akhir pelaburan bernilai RMB57.0 juta telahpun siap dan beroperasi sepenuhnya pada bulan Ogos 2012 dengan volum aliran masuk sisa air adalah dalam julat 2.5 JLH hingga 3.0 JLH.

Operasi LPAS Binzhou telah membantu membersihkan pelepasan air sisa oleh kilang-kilang, dan dengan demikian, menambah baik alam sekitar di Taman Perindustrian & Perdagangan Chenlou. Volum pelepasan sisa air harian dijangka akan meningkat kepada lebih daripada 10 JLH sebaik sahaja kilang mencapai tahap pengeluaran penuh dengan kerja-kerja semasa untuk menaik taraf kemudahan pembersihan bagi mengatasi masalah perubahan dalam parameter influen.

Berlatarkan pembangunan Taman Perindustrian & Perdagangan Chenlou, kerja bagi fasa kedua dijangka akan bermula pada tahun 2018.

Projek Bekalan Air Perindustrian Yuanshi
Terletak di Daerah Yuanshi, Bandar Raya Shijiazhuang, Wilayah Hebei

Subsidiari Sino Water di China dengan pemilikan 80%, Hebei Sino Panlong Industrial Water Supply Co Ltd, membekalkan air yang diabstrak daripada Takungan Air Ba-Yi terus ke loji terma di Daerah Yuanshi melalui saluran paip aliran graviti sejauh 15.5 km. Tiada kerja yang melibatkan perbelanjaan modal dijalankan pada tahun 2013.

Projek Bekalan Air Luancheng Dayu
Terletak di Daerah Luancheng, Bandar Raya Shijiazhuang, Wilayah Hebei

Subsidiari Sino Water di China dengan pemilikan 83.99%, Luancheng Dayu Water Supply Co Ltd ("Luancheng Co Ltd") membekalkan air yang diabstrak dari bawah tanah melalui sepuluh stesen pengepam kepada kira-kira 3,500 pengguna di Perbandaran Daerah Luancheng dengan bekalan harian dalam julat 1.8 JLH hingga 2.5 JLH.

Memandangkan pembangunan Perbandaran Daerah Luancheng terus ditangguhkan kerana kelembapan pembangunan taman perindustriannya, maka pada 6 September 2013, Sino Water telah menandatangani Perjanjian Pemindahan Ekuiti dengan Luancheng County Water Supply Station bagi melupuskan 83.99% kepentingan ekuitinya dalam Luancheng Co Ltd ("Cadangan Pelupusan"). Cadangan Pelupusan ini telah disempurnakan pada 20 Februari 2014.

Loji Pembersihan Air Sisa Binzhou

INDIA

Pertumbuhan di India dijangka bergerak sederhana pada kadar 5.9% (2014-2018), berbanding 7.1% antara tahun 2000-2007.

(Sumber: Tinjauan Ekonomi Asia Tenggara, China dan India 2014 – Sekretariat OECD dan ASEAN)

Dengan menambah sedikit amaran tentang unjuran pertumbuhan, Denis Medvedez, ahli ekonomi kanan negara bagi Bank Dunia, India, berkata potensi pertumbuhan di India kekal tinggi, namun kerentanan ekonomi makro, inflasi umum yang tinggi, peningkatan defisit akaun semasa, serta bertambahnya tekanan terhadap keseimbangan fiskal akibat penyusutan nilai rupee, boleh memberi kesan kepada betapa cepatnya pemulihan ekonomi di dalam negara.

(Sumber: Ramalan Bank Dunia India 2013-14, kemas kini pembangunan India oleh Economic Times of India)

Subsidiari milik penuh PNHB di India iaitu Puncak Niaga Infrastructures & Projects Private Limited ("PNIP Pte Ltd") telah ditubuhkan untuk memudahkan pelan pengembangan PNHB dalam mengejar usaha pembangunan perniagaan di India.

Visi PNIP Pte Ltd adalah untuk memantapkan kedudukannya sebagai Penyedia Penyelesaian Bersepadu bagi Air, Air Sisa dan Persekitaran yang berkesan di India dan membuat sumbangan bermakna dengan memberi nilai kepada para pemegang kepentingan PNHB.

ASEAN

Di Vietnam, sektor perbankan yang lebih memberangsangkan dengan pinjaman tidak berbayar yang lebih rendah akan menggalakkan pertumbuhan KDNK pada tahun ini. Sungguhpun pertumbuhan pelaburan dijangka teguh, namun langkah pengecilan oleh AS akan memudarkan prestasi yang sepatutnya lebih mantap. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam eksport bersih dapat membantu ekonomi Vietnam tumbuh pada kadar 5.4% pada 2014.

(Sumber: ICAEW Economic Insight South East Asia, Quarterly briefing Q1 2004 - diterbitkan oleh The Centre for Economics and Business Research or Cebr)

Tinjauan terhadap ekonomi semasa Myanmar adalah memberangsangkan. Pertumbuhan sebenar KDNK bagi tahun kewangan ("FY") 2012/13 (tahun berakhir Mac) telah mencecah 7.3%, diterajui oleh sektor perkhidmatan serta perkilangan dan ia dijangka akan terus meningkat kepada 7.5% pada FY2013/14 dan 7.75% pada FY2014/15.

(Sumber: Kenyataan yang dibuat oleh Misi IMF ke Myanmar untuk Kajian Kedua Program Pantauan-Kakitangan, Januari 2014)

Vietnam

Pejabat Perwakilan PNHB di Bandar Raya Ho Chi Minh terus meninjau peluang untuk projek berkaitan air di samping kemungkinan menjalinkan kerjasama dengan rakan kongsi tempatan di Vietnam untuk projek minyak dan gas yang berpotensi di sana.

Myanmar

Subsidiari milik penuh Syarikat iaitu Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG") telah menubuhkan sebuah syarikat berhad milik penuh di Republik Kesatuan Myanmar, iaitu GOM Resources Limited pada 9 Januari 2013. Borang Permit (Kekal) adalah sah sehingga 8 Januari 2018.

GOM Resources Limited akan memudahkan pelan pengembangan Kumpulan PNHB untuk menjalankan perniagaan pengangkutan dan pemasangan saluran paip serta perkhidmatan lain dalam industri minyak dan gas bagi operasi di darat dan luar pesisir pantai Myanmar.

Secara berasingan, Kumpulan PNHB telah menubuhkan sebuah cawangan di Myanmar pada 31 Disember 2013 untuk memudahkan Kumpulan PNHB menerokai peluang perniagaan yang berpotensi di Myanmar yang berkaitan dengan air dan air sisa. Borang Permit (Kekal) adalah sah sehingga 30 Disember 2018.

MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG

Sebagai sebuah perniagaan yang tertumpu kepada pelanggan, kami membuka sebanyak mungkin saluran komunikasi bagi menyediakan bantuan serta sokongan.

Tanggungjawab terpenting kepada pelanggan adalah bekalan air yang mantap serta bagus kualitinya. Cara bagaimana kami mengendali bekalan air ini dari sumber sehingga ke paip adalah kepentingan asas. Kami mensasar untuk menyediakan air berkualiti tinggi dengan gangguan minimum.

SALURAN KOMUNIKASI

Sebagai sebuah perniagaan yang tertumpu kepada pelanggan, kami membuka sebanyak mungkin saluran komunikasi bagi menyediakan bantuan serta sokongan. Bagi melaksanakannya, kami telah mengasaskan Program Kesedaran dan Pendidikan Pelanggan pada tahun 2007 bagi meningkatkan kesedaran tentang kualiti air dan untuk mengukur pandangan pengguna menerusi perbincangan, dialog, pameran dan demonstrasi. Kami mempunyai sebuah Jabatan Perkhidmatan Pelanggan yang berpengalaman atau PUSPEL yang terdiri daripada lima fungsi teras bersepadu.

(1) Pusat Hubungan PUSPEL

PUSPEL telah diamanahkan untuk memainkan peranan penting dalam memastikan pelanggan dan masyarakat umum menerima tahap perkhidmatan tertinggi seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi antara SYABAS, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor.

Di PUSPEL, pelanggan mendapat maklum balas serta-merta berkenaan semua pertanyaan mengenai air serta berkaitan bekalan air, laporan dan rungutan di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya. Logo PUSPEL dengan cogan kata “Mesra, Komited, dan Dipercayai” yang dilancarkan pada 10 Januari 2009 adalah simbol kepada usaha kami yang tidak terbatas serta iltizam kami yang berterusan terhadap pelanggan.

MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG

Lawatan oleh SPAN ke ibu pejabat SYABAS

PUSPEL beroperasi 24 jam sehari, 365 hari setahun. Dalam menyampaikan perkhidmatan kecemerlangan, para pelanggan boleh berhubung dengan kakitangan PUSPEL melalui nombor bebas tol 1-800-88-5252, faksimili, Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS"), e-mel dan surat serta mengikuti perkembangan PUSPEL melalui rangkaian sosial iaitu Twitter dan Facebook yang menyediakan medan interaksi serta perhubungan yang mudah dan tanpa kesukaran.

Kakitangan PUSPEL mengamalkan prinsip "CASH" dalam pekerjaan seharian mereka yang membawa maksud C - Courtesy (Budi Bahasa), A - Accuracy (Ketepatan), S - Speed (Pantas) dan H - Helpfulness (Suka Menolong).

PUSPEL berterusan memperkenalkan inisiatif serta inovasi yang bermatlamat meningkatkan kecekapan serta produktiviti di tempat kerja, sementara berupaya meminimumkan kos.

Bilangan panggilan yang diterima pada 2013 bertambah sebanyak 106.21% kepada 1,498,827 panggilan berbanding 726,837 panggilan pada 2012.

Peningkatan yang ketara dalam volum panggilan adalah berpunca daripada penghijrahan operasi pusat panggilan ke pusat panggilan baharu pada awal tahun 2013. Pusat panggilan yang baharu ditubuhkan ini dilengkapi 120 talian berbanding dengan hanya 60 talian yang terdapat di pusat panggilan terdahulu. Malah, jumlah bilangan stesen kerja turut bertambah dari sekadar 20 di pusat panggilan terdahulu kepada 40 stesen kerja di pusat panggilan baharu.

Jadual A: Statistik PUSPEL untuk Panggilan yang Diterima

	2009	2010	2011	2012	2013
Panggilan diterima	567,970	538,525	640,242	726,837	1,498,827
Kes untuk siasatan dan tindakan pembetulan	204,430	202,270	223,551	382,964	471,157
Baki panggilan *	363,540	336,255	416,691	343,873	1,027,670

* Baki panggilan adalah sama ada pertanyaan am atau panggilan yang ditinggalkan, dimana pengguna tidak mahu menunggu panggilan yang akan diambil kemudiannya terutama semasa waktu puncak.

Selain daripada penambahbaikan yang dibuat di pusat panggilan baharu, bilangan gangguan air tidak berjadual, paip pecah dan Pelan Tindakan Kecemasan ("ERP") yang diaktifkan iaitu isu berkaitan pam penggalak di Wangsa Maju dan penutupan di Loji Pembersihan Air SSP1, 2, 3 dan Rantau Panjang pada 2013 juga telah menyumbang kepada volum panggilan yang tinggi yang diterima oleh SYABAS.

Jadual B menunjukkan ringkasan kes paip bocor dan paip pecah yang dilaporkan pada 2012 dan 2013. Banyak panggilan mewakili kerjasama dan laporan yang telus daripada pengguna untuk mempertingkatkan perkhidmatan SYABAS supaya lebih baik dan lebih cepat. Kes-kes tersebut telah diuruskan dalam masa yang ditetapkan, seperti yang tertera dalam Jadual C yang menunjukkan purata tempoh masa yang diambil untuk menyempurnakan pembaikan:-

Jadual B: Ringkasan kes paip bocor dan paip pecah

	2012	2013
Paip bocor	89,137	84,979
Paip pecah	4,889	5,447

Berdasarkan Jadual B di atas, bilangan kes paip bocor yang dilaporkan telah berkurangan sebanyak 4.66%. Terdapat sejumlah 173,908 kes rungutan yang diterima kerana ketiadaan bekalan air.

Jadual C: Ringkasan kes pembaikan paip

Sasaran	Tempoh pembaikan seperti yang ditentukan dalam Perjanjian Konsesi (Sasaran)	Sasaran dalaman SYABAS untuk pembaikan (jam)	Purata masa untuk menyempurnakan pembaikan (jam)
<200 mm	<1 hari	4	1.74
201-600 mm	<2 hari	10	7.10
601-1,200 mm	<3 hari	16	10.02
>1,200 mm	<4 hari	20	**

Nota:-
** bergantung kepada keadaan tapak

Lawatan oleh delegasi dari Wilayah Binzhou, China ke ibu pejabat SYABAS

Lawatan Belajar oleh Universiti Pengurusan & Sains ke ibu pejabat SYABAS

Jadual D: Pecahan Kes Siasatan dan Tindakan Pembetulan pada tahun 2012 dan 2013

Jenis kes	2012	2013
Masalah bekalan air	311,853	392,556
Masalah pengebilan	30,402	31,355
Kerosakan meter air	24,188	21,740
Pemotongan dan aduan berkaitan	16,201	22,199

Berdasarkan Jadual D, kes masalah bekalan air meningkat daripada 311,853 pada 2012 kepada 392,556 pada 2013, iaitu peningkatan sebanyak 25.88%. Pada tempoh tersebut, kes masalah pengebilan juga meningkat sebanyak 3.13% kepada 31,355 kes pada 2013, meningkat daripada 30,402 kes pada 2012. Kes berhubung kerosakan meter air pula turun daripada 24,188 kes pada 2012 kepada 21,740 kes pada 2013. Peningkatan dalam kes bekalan air berpunca daripada pelbagai sebab, antaranya, termasuk masalah kekurangan air bersih yang menjadi lebih kritikal pada tahun 2013, serta peningkatan kesedaran pengguna dalam komunikasi dengan PUSPEL.

Pada 2013, SYABAS telah menjadi tuan rumah kepada lawatan teknikal dan taklimat untuk pelbagai agensi, bertempat di Ibu Pejabat dan Pusat Hubungan SYABAS seperti berikut:-

Tarikh	Pelawat
22 Januari 2013	Lawatan oleh Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia, Selangor
4 April 2013	Lawatan oleh para pelajar dari Universiti Pengurusan & Sains (“MSU”)
18 Julai 2013	Lawatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (“SPAN”)
12 September 2013	Lawatan oleh Delegasi dari Wilayah Binzhou, China

Tumpuan: Mendekati Pelanggan

Pusat Hubungan PUSPEL telah melalui perubahan yang besar pada 2013 bagi menampung peningkatan kapasiti dan tenaga kerja. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan pada 2013 adalah:

- Menambah talian telefon dari 60 kepada 120.
- Sistem telefon telah dipertingkatkan bagi membolehkan panggilan dijawab dengan cekap dan berkesan.
- Penambahbaikan yang dibuat pada sistem pemantauan panggilan membolehkan para penyelia pusat hubungan mengurus dan memantau prestasi pegawai pusat hubungan dengan lebih baik.
- Tenaga kerja di pusat panggilan bertambah kepada 62 ejen pusat panggilan dan jadual waktu kerja juga menyaksikan penambahbaikan berdasarkan waktu puncak dan waktu bukan-puncak.
- Latihan untuk kakitangan bukan dari pusat panggilan, iaitu daripada jabatan lain untuk membantu pusat panggilan sewaktu volum panggilan yang diterima sangat tinggi. “Kakitangan sokongan ERP” akan menyokong pusat panggilan dengan menjawab panggilan yang diterima dan membantu unit korespondens untuk mengendalikan interaksi tanpa suara semasa berlakunya gangguan bekalan air dan ERP yang besar.

PUSPEL sentiasa berusaha untuk meningkatkan hubungannya dengan pelanggan dan semua kaunter mematuhi kod etika PUSPEL yang diringkaskan sebagai “M.E.S.R.A.” yang membawa maksud, M – “Minat”, E – “Efisien”, S – “Sabar” , R – “Ramah” dan A – “Adil”.

(2) UNIT KAUNTER PERKHIDMATAN

Kaunter Perkhidmatan di SYABAS berperanan meningkatkan hubungan dengan pengguna dan menyediakan perkhidmatan kaunter yang memberi kemudahan dan yang berkesan untuk semua pengguna SYABAS di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya.

Di Kaunter Perkhidmatan SYABAS, antara kemudahan transaksi yang disediakan adalah Pertukaran Pemilik Akaun, Penutupan Akaun & Pemulangan Wang Deposit, Permohonan Bekalan Air, Pembayaran Bil, Pemeriksaan dan Mencetak Bil, Pembayaran Sebahagian Tunggakan (Ansuran), Permintaan Pengujian Meter, Pemotongan Perkhidmatan atas Permintaan, Penyambungan Semula Bekalan Air, Kehilangan Meter, Pembelian Air Menerusi Tangki Air, Peminjaman Tangki Statik, Pertanyaan Am dan Aduan.

Kaunter Perkhidmatan di SYABAS bertanggungjawab memberi khidmat kepada pengguna dalam tempoh 15 minit. Pada 2013, kami telah mencatatkan pencapaian 99.58% dari segi mengendali pengguna dalam tempoh 15 minit.

(3) UNIT KERJASAMA INFORMASI PELANGGAN (“YAKIN”)

Unit Kerjsama Informasi Pelanggan (“YAKIN”) merupakan salah satu unit Jabatan Perkhidmatan Pelanggan di SYABAS. YAKIN berperanan memenuhi keperluan pengguna domestik atau residensi di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur serta Putrajaya. Ia adalah sebuah unit berasaskan komuniti yang berinteraksi secara langsung dengan pengguna domestik dalam menyebarkan maklumat serta menyelesaikan masalah tentang isu yang berkaitan bekalan air dengan SMS dan e-mel dan melalui persatuan penduduk, Jawatankuasa Ketua Kampung atau Badan Pengurusan Bersama.

Kemudahan yang disediakan oleh YAKIN adalah seperti berikut:-

1. Mengeluarkan notis amaran awal gangguan bekalan air menerusi Sistem Maklumat Perkhidmatan Pengguna Bersepadu ("ICSIS") kepada pengguna ketua masyarakat serta pengguna domestik.

2. Mengendali pangkalan data pelanggan yang dihasilkan untuk pengguna perindustrian, persatuan perdagangan serta residensi menerusi sistem ICSIS.

   Sepanjang tahun 2013, YAKIN berjaya mengadakan 2,083 program serta aktiviti. YAKIN juga telah menghantar sejumlah 424 notis gangguan bekalan air pada 2013. Pelanggan YAKIN, masing-masing telah dimaklumi sewajarnya melalui Sistem ICSIS berkenaan gangguan bekalan dengan penghantaran sejumlah 12,477 SMS dan 889 e-mel.

   Sejak dilancarkan pada 14 Januari 2010, saluran interaksi dalam talian PUSPEL "follow@puspel" di rangkaian sosial, Twitter dan Facebook telah membolehkan para pelanggan kami berhubung dengan SYABAS dan menghantar aduan atau pertanyaan mereka dengan lebih mudah dan lancar. Setakat 31 Disember 2013, PUSPEL mempunyai seramai 11,411 pengikut di Twitter dan 14,440 rakan dan peminat di Facebook. SYABAS sentiasa berusaha untuk menjadikan saluran interaksi dalam talian ini lebih berkesan dan menarik bagi para pengguna kami.

Program Sahabat YAKIN SYABAS Wilayah Hulu Langat

Program Unit Pengguna Perindustrian di MARA

(4) UNIT PENGGUNA PERINDUSTRIAN (ICU)

Pelanggan perindustrian dan komersial merupakan salah satu sektor pelanggan yang penting kepada SYABAS. Sektor ini juga menuntut perhatian istimewa daripada SYABAS disebabkan oleh impak perkhidmatan bekalan air yang kebolehpercayaan terhadap perniagaan dan operasi mereka, yang berbeza dari segi sifatnya berbanding dengan pengguna domestik.

ICU menyediakan titik tunggal pertanyaan untuk semua pengguna perindustrian dan komersial yang mempunyai masalah dengan bekalan air mereka.

Sepanjang 2013, ICU telah berjaya menganjurkan 1,678 program dan aktiviti untuk pengguna perindustrian dan komersial, termasuk RAKAN ICU, Program Peningkatan Perhubungan (REP), lawatan tapak, kes susulan, mesyuarat dan lain-lain.

ICU telah menghantar sejumlah 427 pemakluman tentang gangguan bekalan air pada 2013. Para pengguna ICU ini, masing-masing telah dimaklumi sewajarnya menerusi Sistem ICSIS berkenaan gangguan bekalan air yang mencatatkan sejumlah 10,146 SMS dan 6,199 emel.

(5) UNIT PENGURUSAN PANGKALAN DATA PENGGUNA (CDMS)

CDMS bertanggungjawab mengendali pengumpulan data pelanggan, pemerolehan proses pangkalan data yang bersesuian bagi memastikan pengesahan dan penyusunan yang berstruktur, serta mengusahakan penyediaan data yang relevan untuk pelbagai sistem pemprosesan dan aplikasi SYABAS.

CDMS adalah merupakan sebahagian daripada platform pengurusan perhubungan pelanggan SYABAS yang akan memberikan maklumat yang terkini dan menyediakan pengguna dengan perkhidmatan yang lebih baik.

MENYAMPAIKAN KUALITI

Keadaan kini tampil semakin mencabar dalam memastikan para pengguna boleh bergantung kepada bekalan air bersih yang berkualiti tinggi secara berterusan disebabkan oleh permintaan untuk air yang semakin meningkat serta perubahan iklim.

Keadaan kini tampil semakin mencabar dalam memastikan para pengguna boleh bergantung kepada bekalan air bersih yang berkualiti tinggi secara berterusan disebabkan oleh permintaan untuk air yang semakin meningkat serta perubahan iklim. Kami berusaha mengurangkan penutupan tidak berjadual loji pembersihan air ("LPA").

Sungguhpun semua LPA kami memenuhi permintaan pengeluaran secara konsisten, namun pada 2013 LPA kami telah mengalami 351.85 jam penutupan atas sebab di luar kawalan kami seperti pencemaran/pelanggaran air mentah, gangguan bekalan kuasa Tenaga Nasional Berhad serta pembaikan kebocoran/kepecahan paip utama. Huraian berkenaan penutupan selama 351.85 jam yang dicatatkan pada 2013 adalah dikemukakan di bawah seksyen "Tinjauan Operasi PNSB" pada muka surat 83 di dalam Laporan Tahunan ini.

KEBERGANTUNGAN TERHADAP BEKALAN AIR

Sementara perancangan memastikan kecukupan bekalan air mentah dan air bersih untuk para pengguna pada 2013 adalah di luar kawalan Kumpulan, tumpuan masih dapat diberikan oleh Kumpulan terhadap tanggungjawab yang terletak di bawah bidangnya, yang mencakupi perkara berikut:-

(a) Di bawah PNSB, kami memastikan LPA kami beroperasi dan mencapai output maksimum dengan gangguan yang minimum mengikut kapasiti yang telah ditetapkan bagi setiap LPA; dan

(b) Di bawah SYABAS, kami memastikan bahawa semua air bersih yang dihasilkan oleh PNSB serta operator LPA yang lain diagihkan secara cekap dengan kerosakan minimum kepada sistem pengagihan.

Dalam melaksanakan tugas ini, kami berhadapan dengan pelbagai cabaran yang berkaitan dengan ketersediaan bekalan air mentah seperti kebergantungan kepada pihak berkuasa untuk bekalan air mentah yang mencukupi, kualiti bekalan air mentah serta perubahan iklim. Kuantiti air mentah yang semakin berkurangan dan kualiti air mentah yang kian merosot merupakan impak langsung daripada perubahan iklim, kemusnahan alam sekitar serta aktiviti manusia yang tidak bertanggungjawab seperti melepaskan bahan buangan ke dalam sungai atau pelaksanaan kerja tanah untuk pembangunan yang dilakukan tanpa rasa prihatin dan penjagaan.

Cabaran dari sudut kawal selia yang kami hadapi masih berterusan dan masih tidak wujud sebarang tanda penyelesaian. Pelarasan tarif air yang telah dijadualkan oleh pihak berkuasa tidak dilaksanakan pada 1 Januari 2009 dan sekali lagi pada 1 Januari 2012. Ini ditambah pula dengan kelewatan dalam baik pulih infrastruktur berikutan penggantungan Program Capex SYABAS sejak 2008 oleh Kerajaan Negeri Selangor menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ("SPAN"), yang telah mengakibatkan bertambahnya kekerapan kejadian paip pecah dan gangguan bekalan air. Sungguhpun kejadian kekurangan air jarang berlaku dahulu, namun kini ia berlaku dengan lebih kerap lagi dan di lebih banyak kawasan dengan margin rizab menghampiri sifar pada penghujung tahun.

Peningkatan kekerapan kejadian kekurangan air menunjukkan betapa perlunya memastikan margin kapasiti bekalan air bersih yang munasabah dengan paras minimum 10% manakala paras yang lebih elok adalah 20%, bagi mewujudkan daya tahan dalam menangani sebarang keadaan yang tidak dijangka seperti kehilangan pengeluaran secara tidak sengaja akibat pencemaran air mentah, permintaan yang memuncak disebabkan cuaca panas dan penutupan berjadual LPA dan rumah pam untuk kerja-kerja penyelenggaraan yang penting bagi mempercepatkan kerja pemulihan, insiden air atau krisis air.

Dengan lebih 7.6 juta orang buat masa ini bergantung kepada bekalan air bersih, di samping mengurus dan melaksanakan rancangan luar jangka bagi mengatasi cabaran yang dinyatakan di atas, sambil menyediakan air bersih yang mencukupi tepat pada masanya (terutamanya sewaktu keadaan permintaan-bekalan yang kritikal sepertimana yang kami hadapi kini), jelas boleh merupakan pengalaman yang sangat mencabar dan menggentarkan kepada PNSB dan SYABAS. Walau bagaimanapun, pihak Pengurusan dan kakitangan PNSB serta SYABAS terus mengharungi keadaan ini dengan tabah dan melakukan sebaik mungkin dalam tempoh yang sukar ini demi memastikan semua pengguna menerima bekalan air yang mencukupi dan bersih.

PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN BERTERUSAN

Kami sentiasa merancang dan menguruskan rantaian nilai operasi air. Bermula dari empangan ke LPA, sehinggalah sampai ke premis pengguna di kawasan konsesi, operasi kami yang dalam keadaan

'Program Penyerahan Sumbangan Air Bersih' di Buddhist Maha Vihara, Brickfields

tertekan dengan masalah air disebabkan oleh perubahan iklim, memerlukan pemantauan yang ketat dan berterusan terhadap kualiti air bagi memastikan pematuhan dengan Standard Kualiti Air Minum Kebangsaan (2004) ("NSDWQ") serta Program Jaminan Kualiti ("QAP") Kementerian Kesihatan ("MOH").

Kami mempunyai stesen pensampelan air di tapak yang mengendalikan purata 3,379 pensampelan setiap bulan bagi membekalkan purata harian 4,602 juta liter sehari ("JLH').

Sepanjang tahun, pemantauan dan penyelenggaraan yang rapi dilakukan ke atas loji dan peralatan bagi memastikan operasi berjalan lancar dan berterusan bagi kesemua 29 LPA. Terdapat penyelenggaraan ramalan dan penyelenggaraan pencegahan untuk loji diikuti oleh pelan tahunan, di mana prestasinya dipantau secara dekat oleh dua sistem perisian penyelenggaraan.

Pada tahun 2013, LPA kami telah melakukan 28,200 aktiviti penyelenggaraan pencegahan berbanding 25,128 aktiviti pada 2012. Proses pelarasan halus di LPA melibatkan kitaran penambahbaikan proses yang berterusan. Matlamatnya adalah untuk menambah baik proses pembersihan bagi meningkatkan kualiti air dan mengoptimumkan kos pengeluaran. Selain itu, penyelidikan dan inovasi turut menyediakan penyelesaian bagi pengoptimuman berterusan proses pembersihan air.

PEMANTAUAN KUALITI AIR BAGI AIR MENTAH

PNSB

Aktiviti seperti program indeks kualiti air sungai, pemantauan kualiti air takungan imbangan serta pemantauan tahap ammonia dilaksanakan di empat LPA yang kritikal di sepanjang Lembangan Sg Langat iaitu LPA Sg Langat, LPA Salak Tinggi, LPA Bukit Tampoi dan LPA Cheras Batu 11 bagi memastikan kualiti air bersih yang dibekalkan kepada pengguna adalah sentiasa mematuhi NSDWQ MOH.

1. Program Indeks Kualiti Air ("Program WQI")

Program Indeks Kualiti Air ("WQI") Sungai telah dikendali pada setiap bulan di semua LPA bagi menentukan kesesuaian air mentah untuk bekalan air minum. Butiran lanjut tentang Program WQI diperincikan di bahagian "Memelihara Alam Sekitar Kita" pada muka surat 128 hingga 138 di dalam Laporan Tahunan ini.

2. Pemantauan Kualiti Air Mentah Di Muka Sauk LPA

Air mentah di setiap muka sauk LPA dipantau berterusan untuk parameter penting di LPA, seperti, pH dan kekerohan untuk mengesan perubahan dan membolehkan pelarasan kawalan proses yang perlu dibuat. Tambahan lagi, kualiti air mentah juga dipantau untuk julat penuh parameter seperti yang disenaraikan dalam Kriteria Kualiti Air Mentah yang disarankan MOH oleh Makmal Pusat dan Makmal Bebas yang bertauliah yang dilantik oleh PNSB berikutan kekerapan pantauan yang disyorkan oleh MOH. Kriteria Kualiti Air Mentah yang disarankan oleh MOH terdiri daripada parameter mikrobiologi, fizikal, bukan organik dan kimia organik.

Pemantauan rutin kualiti air mentah di Muka Sauk LPA akan membolehkan pengesanan perubahan kualiti air mentah atau kemerosotan yang mana PNSB akan mengetengahkan dan melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk tindakan sewajarnya.

3. Pemantauan Tahap Amonia

Untuk tujuan pengesanan awal dan tindakan sewajarnya sama ada LPA perlu ditutup akibat tahap amonia yang tinggi, tahap amonia di empat LPA penting di sepanjang Lembangan Sg Langat iaitu LPA Sg Langat, Batu 11 Cheras, Bukit Tampoi dan Salak Tinggi dipantau dengan teliti setiap jam.

Butiran lanjut mengenai Pemantauan Tahap Amonia dibentangkan di bahagian “Memelihara Alam Sekitar Kita” pada muka surat 128 hingga 138 di dalam Laporan Tahunan ini.

PEMANTAUAN KUALITI AIR BAGI AIR YANG DIAGIHKAN

SYABAS

1. Program Jaminan Kualiti (“QAP”) oleh Kementerian Kesihatan (“MOH”)

Kualiti air yang dibekalkan dari LPA kepada sistem pengagihan SYABAS dipantau secara sistematik dan rambang oleh MOH melalui pensampelan dan ujian bagi mengesan sisa klorin, jumlah Koliform, E.Coli dan aluminium di bawah QAP.

Berdasarkan laporan terbaru daripada SPAN bertarikh 31 Mac 2014, SYABAS bagi tahun kedua berturut-turut telah muncul sebagai pengendali utama bagi kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna mencapai 99.58% pematuhan dengan MOH QAP dengan pelanggaran sifar, catatan pada parameter mikrobiologi.

Butiran terperinci mengenai QAP oleh MOH dikemukakan di bahagian “Memelihara Alam Sekitar Kita” pada muka surat 128 hingga 138 di dalam Laporan Tahunan ini.

2. Jaminan Kualiti Air Dalaman

SYABAS telah memulakan Program Jaminan Kualiti Air Dalaman pada 2006 berdasarkan kekerapan pensampelan dan stesen pensampelan yang berbeza dari MOH untuk memastikan spektrum pemantauan air yang lebih luas.

Butiran terperinci mengenai Jaminan Kualiti Air Dalaman dikemukakan di bahagian “Memelihara Alam Sekitar Kita” pada muka surat 128 hingga 138 di dalam Laporan Tahunan ini.

KESELAMATAN AIR

Empangan disediakan dengan Keluk Kawalan Operasi Empangan dengan pemantauan harian terhadap intensiti curahan hujan serta paras air empangan. Usaha ini membantu operator memenuhi permintaan untuk pelepasan air mentah sambil memulihara air empangan.

Butiran terperinci pengurusan empangan yang dikendalikan dan diselenggarakan oleh PNSB dibentangkan di bahagian “Tinjauan Operasi PNSB” pada muka surat 82 hingga 86 di dalam Laporan Tahunan ini.

MAKMAL PUSAT

Makmal Pusat telah berjaya mengembangkan bilangan parameter untuk diuji untuk menjadi makmal ikrar penuh. Sebenarnya, pengiktirafan ini membenarkan Makmal Pusat memberi perkhidmatan kepada pihak luar.

UNIT PENYELIDIKAN DAN PROSES, SEKSYEN KUALITI AIR DAN PENYELIDIKAN

Unit Penyelidikan & Proses (“RPU”), Seksyen Kualiti Air dan Penyelidikan (“WQRS”) telah menjalankan beberapa projek dan kajian pada tahun 2013 sebagai sebahagian daripada inisiatif PNSB untuk mempertingkatkan kecekapan pembersihan air dan memastikan kualiti bekalan air. Kategori projek yang berbeza yang dilaksanakan oleh RPU meliputi penambahbaikan proses, pemantauan kualiti air, pemantauan pretasi penapisan dan projek-projek yang memberi nilai tambah.

PENAMBAHBAIKAN PROSES

Penambahbaikan proses meliputi proses pelarasan halus di LPA dengan objektif untuk mempertingkatkan proses pembersihan bagi meninggikan kualiti air dan atau mengoptimumkan kos pengeluaran. RPU juga berperanan menyediakan penyelesaian demi mengoptimumkan proses pembersihan air secara berterusan.

Sepanjang tahun 2013, RPU telah mengendalikan penambahbaikan proses seperti berikut:-

1. Penambahbaikan Proses di LPA North Hummock

LPA North Hummock tidak henti-henti dilanda masalah gumpalan bawaan di mana pelbagai kajian telah dijalankan antaranya, kajian tentang bahan pengental dan bantuan bahan pengental serta pemasangan pemacu kelajuan boleh ubah pada pemecut agar pencampuran boleh dilakukan dengan lebih baik.

Sampel untuk ujian ‘precipitation’

Pemeriksaan kualiti air

Jabatan Operasi & Penyelenggaraan ("OMD") PNSB telah melaksanakan percubaan di loji dengan memasang pengenap tiub di salah satu daripada pemecut dengan tujuan meningkatkan keberkesanan kawasan pengenapan dan menambah baik proses penjernihan pada April 2013.

2. Penambahbaikan Proses di LPA Sg Rumput

LPA Sg Rumput mengguna pakai teknologi membran UF sejak 2007 untuk menghasilkan air bersih. Sejak dinaik taraf kepada penggunaan teknologi membran UF sepenuhnya, penutupan disebabkan oleh kekeruhan yang tinggi dalam air mentah berjaya dikurangkan. Namun, oleh kerana loji ini telah beroperasi selama 5 tahun, penilaian menyeluruh telah dijalankan bagi memastikan prestasi membran tersebut.

OMD bersama dengan Jabatan Penyelidikan & Pembangunan telah mengenal pasti beberapa pelan tindakan bagi meningkatkan kualiti air suapan ke loji membran, termasuk memasang penapis tambahan. Kerja-kerja ini dijangka dijalankan pada 2014.

3. Pemantauan Prestasi Penapis

Proses penapisan adalah langkah terakhir dalam proses pembersihan air, mengeluarkan saki baki terampai pepejal selepas proses penjernihan dan pembersihan lanjut air bersih.

Butiran terperinci Pemantauan Prestasi Penapis dibentangkan di bahagian "Memelihara Alam Sekitar Kita" pada muka surat 128 hingga 138 di dalam Laporan Tahunan ini.

KUALITI AIR

Pada tahun 2013, kami telah menerima pensijilan ISO 22000:2005 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan ("FSMS"), Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal ("HACCP") serta Amalan Pengilangan Baik ("GMP"). Piawaian ini diterima pakai oleh industri makanan dan minuman dalam memenuhi keperluan industri tersebut. Piawaian tersebut kini diterima pakai oleh PNSB dalam proses pembersihan air sebagai iltizam terhadap masyarakat umum, terutamanya buat para pengguna di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya sebagai suatu pendekatan pencegahan sistematik terhadap keselamatan air berbanding pemeriksaan produk yang telah siap, demi memberikan perlindungan maksimum kepada pengguna. Dengan pencapaian ini, PNSB merupakan salah satu perintis dalam industri bekalan air negara yang memperolehi perakuan sedemikian.

PROGRAM PEMANTAUAN PENGAWASAN KUALITI AIR

(a) Di kawasan tadahan; air mentah

SYABAS telah merangka Program Pengawasan Sumber Air menerusi Kaji Selidik Kebersihannya, Program Indeks Kualiti Air ("WQI"), Kaji Selidik Impak Alam Sekitar dan penyiasatan tentang pelanggaran kualiti air mentah. Program ini yang bermatlamat memelihara dan menambah baik kualiti air mentah, tertumpu kepada usaha mengenal pasti dan memantau sumber serta aktiviti yang berkemungkinan menimbulkan pencemaran di samping membentuk perhubungan dan membuat saranan kepada kumpulan pemegang kepentingan, termasuk para pengendali air, jabatan/pihak berkuasa kerajaan, agensi kerajaan dan masyarakat madani demi mengurangkan berlakunya kejadian pencemaran dan memastikan penjagaan alam sekitar.

(b) Di peringkat pengeluaran loji pembersihan air

Program pemantauan pengawasan kualiti air untuk kesemua 29 LPA diuruskan oleh PNSB dan dikendalikan oleh Makmal Pusat kami serta sebuah makmal bebas bertauliah yang dilantik oleh PNSB. Program ini dilaksanakan mengikut keperluan yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi dan NSDWQ MOH.

Pada tahun 2013, Makmal Pusat telah mencapai 99.8% pensampelan untuk kedua-dua air mentah dan air bersih untuk kesemua LPA yang dikendali oleh PNSB. Pensampelan 100% tidak dapat dicapai kerana adanya kes penutupan LPA yang disebabkan oleh kebocoran paip air mentah atau empangan penuh di mana pensampelan tidak dapat dilaksanakan.

Butiran terperinci mengenai kualiti dan analisis air mentah yang dikendalikan oleh Makmal Pusat dan Makmal Bebas dikemukakan di bahagian "Memelihara Alam Sekitar Kita" pada muka surat 128 hingga 138 di dalam Laporan Tahunan ini.

(c) Di sistem pengagihan

PEMBERSIHAN SALURAN PAIP RETIKULASI AIR

(1) Program Pengeruk Udara ("ASP")

ASP direka bentuk untuk membersih semua saluran paip retikulasi secara sistematik menggunakan udara termampat dalam kitaran dua belas bulan, dan 29 mesin Pengeruk Udara ('AS") digunakan khas untuk tujuan ini. Pada tahun 2013, sebanyak 8,091 km saluran paip retikulasi telah dibersihkan di zon ASP Wilayah di mana kerja boleh dijalankan. Walau bagaimanapun, 35% daripada saluran paip utama retikulasi tidak boleh dibersihkan melalui ASP (zon ASP kerja tidak boleh dijalankan) disebabkan ketiadaan lekapan dalam sistem tersebut. Lekapan ini telah dipasang secara berperingkat mulai tahun 2008, bergantung kepada kelulusan CAPEX.

ASP telah meningkatkan kualiti air dengan ketara dan justeru itu dapat mengurangkan bilangan aduan yang diterima daripada pengguna berhubung dengan kualiti air.

(2) Program Pembersihan Manual Berjadual ("SMFP")

Bagi memastikan semua diameter saluran paip retikulasi dibersihkan, zon ASP tidak boleh dikerjakan turut dibersih menggunakan kaedah konvensional menerusi SMFP.

Pada tahun 2013, sejumlah 2,246 km saluran paip retikulasi di Wilayah yang kerja tidak boleh dikerjakan, dibersihkan menggunakan kaedah pembuangan manual.

PROGRAM PEMBERSIHAN & PEMERIKSAAN TAKUNGAN ("RCP")

Di bawah RCP, semua takungan perkhidmatan dibersihkan secara manual atau menggunakan kaedah robotik dan kemudiannya diperiksa setiap enam bulan untuk menguji kualiti air menggunakan 'pensampel kedalaman'. Pembersihan takungan yang berikutnya dilakukan sekiranya dikesan berlakunya ambang pelanggaran kualiti air.

Setakat 31 Disember 2013, sistem pengagihan SYABAS mempunyai sejumlah 1,536 kolam-kolam air perkhidmatan, tangki menara dan tangki sedutan.

Pada tahun 2013, menyaksikan 45 takungan dibersihkan secara manual, satu takungan dibersihkan menggunakan Kaedah Pembersihan Robotik manakala lima takungan dibersihkan dengan mengaplikasi kaedah pancuran keruk terbuka untuk mengeluarkan enapan di dasar takungan.

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Selama ini, kami telah memupuk kemahiran teknikal yang khusus dalam pengurusan air secara holisitk. Kepakaran kami telah terbukti menerusi cara kami bertindak balas terhadap cabaran dalam perniagaan kami serta bagaimana kami berusaha meningkatkan kualiti, kemampanan dan keandalan bekalan air di Malaysia menerusi pelbagai projek bagi memoden dan memajukan teknologi air negara.

Sistem JERNIH telah terhasil daripada dialog kami yang berterusan dengan para pemegang kepentingan serta keupayaan kami untuk membina hubungan penting demi memajukan teknologi air negara.

JERNIH

Menerusi jalinan kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia, kami telah menghasilkan sistem penjernihan air lapangan yang baharu dan berinovasi, dikenali sebagai JERNIH, yang menggunakan kuasa solar dan mampu merawat serta menghasilkan air minum yang bersih.

Pemeriksaan kualiti air

Kejayaan Pertama Misi JERNIH

Pada tahun 2013, Taufan Haiyan telah melanda Filipina. Mereka yang terselamat amat memerlukan bekalan air bersih. Memandangkan bekalan air ke kawasan terjejas telah terputus sepenuhnya, JERNIH dilihat sebagai penyelesaian yang praktikal. Sehubungan itu, kami bersama-sama dengan Angkatan Tentera Malaysia telah menggerakkan beberapa unit JERNIH ke wilayah Leyte, di Tacloban di mana air bersih telah diagihkan kepada mangsa taufan di wilayah tersebut. Ia merupakan misi yang berjaya.

Kejayaan Kedua Misi JERNIH

Pada Disember 2013, banjir telah melanda Pantai Timur Malaysia. Kami, bersama dengan Angkatan Tentera Malaysia telah menlancarkan misi "Ops Murni", di mana dua unit JERNIH dihantar ke Pantai Timur bagi mengagihkan air bersih kepada mangsa banjir. Ia merupakan misi yang berjaya.

Sejak penubuhannya pada bulan Mac 2013 di LIMA 2013 di Langkawi, JERNIH terus-menerus meraih perhatian daripada pelbagai agensi kerajaan serta agensi bantuan dari seluruh dunia.

Berhubung dengan aktiviti penyelidikan dan inovasi, selain daripada kerja infrastruktur, kami berhasrat untuk memperkenalkan penambahbaikan bagi membantu kami mencapai pematuhan 100% dalam piawaian air minum. Kami beriltizam untuk menjimatkan air dan rancangan kami ini akan dilaksanakan menerusi kombinasi pendidikan mengenai kelestarian di peringkat sekolah dengan mengadakan lebih banyak kempen kesedaran di samping mengoptimumkan proses pembersihan dan menangani isu NRW.

KERJASAMA DHI-PRC

Puncak Research Centre Sdn Bhd ("PRC") telah melanjutkan kerjasamanya dengan DHI Denmark ("DHI"), peneraju global dalam bidang pembersihan air pada 26 Mac 2014 sehingga 14 Mac 2015. Menerusi kerjasama dengan DHI, pasukan R&D kami telah menyempurnakan kajian bertajuk "Pengoptimuman Proses Penggumpalan". Penemuan kajian telah membawa kepada ujian loji klorohidrat aluminium (ACH) di LPA Sg Sireh, yang dirintis pada Februari 2013. DHI dan PRC turut menjalin kerjasama dalam projek-projek baru iaitu projek penambahbaikan membran di LPA Sg Rumput/Kepong bagi mengembangkan jangka hayat membran disamping mengoptimasikan proses Actiflo di LPA SSP2.

AKTIVITI/INISIATIF PENYELIDIKAN YANG LAIN

Pada tahun 2013, PNSB telah meneruskan inisiatif kecekapan tenaga yang pernah dilaksanakan sebelum ini, di samping menjalankan aktiviti baharu penjimatan tenaga, seperti berikut:-

A. Meneruskan Inisiatif Kecekapan Tenaga dari tahun sebelumnya:-

1. Menggantikan lampu pendarfluor kepada Lampu Bay Rendah di Loji Kapur Aliran C & D di LPA SSP2 (menghasilkan penjimatan tenaga dalam anggaran RM3,286.62 pada tahun 2013).

2. Menggunakan semula air pensampelan untuk kegunaan LPA SSP2 di Loji Penapisan (menghasilkan penjimatan tenaga dalam anggaran RM127,334.00 pada tahun 2013).

3. Penyahtauliahan Pencampur Penggumpal pada Loji Actiflo Proses Penggumpalan di LPA SSP2 (menghasilkan penjimatan tenaga dalam anggaran RM80,210.00 pada 2013).

4. Memperkenalkan Program Pengkayuhan Basikal untuk memasarkan inisiatif hijau dimana enam (6) unit basikal digunakan di sekitar kawasan loji LPA SSP2 (menghasilkan anggaran 1,395 kg pelepasan CO^2 setahun).

B. Inisiatif Kecekapan Tenaga yang dilaksanakan pada tahun 2013:-

1. Pembaikanpulih Pam Air Mentah P6 di LPA SSP2 di Loji Muka Sauk (menghasilkan penjimatan tenaga dalam anggaran RM59,321.00 setahun).

2. Pembaikanpulih Pam Air Mentah P10 di LPA SSP2 di Loji Muka Sauk (menghasilkan penjimatan tenaga dalam anggaran RM110,259.00 setahun).

3. Pembaikanpulih Pam Air Bersih P1 di LPA SSP2 di TWPS (menghasilkan penjimatan tenaga dalam anggaran RM18,869.00 setahun).

KESELAMATAN AIR

PNSB meraih pencapaian cemerlang dengan penerimaan ISO 22000:2005 Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan ("FSMS") yang dikurniakan oleh Swiss Accreditation Services ("SGS"), sebuah badan pengiktirafan di Switzerland. FSMS merupakan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan menetapkan keperluan sistem pengurusan keselamatan makanan di mana pengurusan dalam rantaian makanan perlu memperlihatkan keupayaannya untuk mengawal bahaya keselamatan makanan agar dapat memastikan makanan tersebut selamat sewaktu dimakan oleh manusia. Iltizam kami untuk mempertahankan standard tertinggi berhubung dengan produk dan perkhidmatan kami kini disokong oleh FSMS.

Kejayaan PNSB memperolehi pensijilan FSMS telah diperakui oleh Jabatan Standard Malaysia. Selain itu, PNSB turut menerima pensijilan HACCP dan GMP. Malah pensijilan berikut juga telah diperolehi oleh PNSB melalui LPA SSP2, LPA Wangsa Maju dan Sungai Langat:-

Program 3P, Klang

- ISO22000:2005 (Akreditasi SAS)
- ISO22000:2005 (Akreditasi DSM)
- HACCP – Codex Alimentarius
- GMP – Codex Alimentarius

PELAN KESELAMATAN AIR

Dalam Garis Panduan Kualiti Air Minuman yang ketiga, Pertubuhan Kesihatan Sedunia ("WHO") telah menggalakkan pembangunan dan pelaksanaan strategi pengurusan risiko bagi memastikan keselamatan bekalan air minuman melalui kawalan unsur berbahaya di dalam air yang dinamakan Pelan Keselamatan Air ("WSP"). SPAN dan MOH telah menjadikan WSP suatu keperluan yang mesti dirangka oleh semua Operator Air. Sejak awal tahun 2011, PNSB telah berusaha merangka WSP sebagai teras untuk mengurus kualiti air minuman selaras dengan keperluan WHO, MOH dan SPAN.

WSP telah dirangka untuk lapan LPA, iaitu LPA SSP2, Wangsa Maju, Sg Langat, Sg Sireh, North Hummock, Sg Batu, Bukit Nanas dan Cheras. Bagi LPA yang selebihnya, WSP akan dibangunkan secara progresif untuk semua LPA dan dijangka disempurnakan pada tahun 2015.

PENGURUSAN KRISIS

Keupayaan kami mengendali krisis merupakan aspek penting dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti kepada para pelanggan dan pemegang kepentingan kami. Dalam mencapai aspirasi kami, Pusat Pengurusan Krisis ("CMC") menyelia pengaktifan Program Tindakan Kecemasan ("ERP") di setiap wilayah.

CMC telah diaktifkan sebanyak tiga kali pada 2013. Butiran mengenai kejadian tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	Kejadian
25 Jun 2013 - 28 Jun 2013	Berlakunya jerebu di Kuala Lumpur dan Selangor
30 Ogos 2013 - 31 Ogos 2013	Penutupan loji LPA SSP2 dan Rantau Panjang akibat tumpahan diesel
17 Disember 2013	Penutupan loji LPA SSP2 kerana kerja-kerja naik taraf dan penambahbaikan yang telah dijadualkan

Pelan Tindakan Kecemasan ("ERP") telah disepadukan dengan sistem telefon PUSPEL. Usaha ini menjamin tindak balas yang pantas serta sokongan rangkaian bagi memudahkan pelaksanaan ERP.

MENYAMPAIKAN KUALITI

Pelan Pengurusan Krisis ("CMP") dan ERP dikaji semula setiap tahun dan dikemaskini sekiranya perlu. Kedua-dua pelan ini memastikan tindakan paling berkesan untuk sebarang bentuk kecemasan, krisis atau bencana di premis kami dengan gangguan yang minimal terhadap operasi perniagaan Kumpulan.

PELAN TINDAKAN KECEMASAN ("ERP") SYABAS

ERP adalah pelan tindakan yang telah dirangka oleh SYABAS bagi mengendali pengagihan air kepada para pengguna ketika dalam situasi kecemasan atau berlakunya krisis air. Aktiviti ERP juga merupakan suatu keperluan dalam Perjanjian Konsesi SYABAS. ERP ini sentiasa dikemas kini bagi memastikan keberkesannya dalam semua keadaan.

Setiap satu daripada 10 wilayah SYABAS mempunyai Sekretariat ERP dan Pusat Operasi Krisis mereka masing-masing untuk menguruskan pengaktifan ERP di setiap wilayah. Pada tahun 2013, sejumlah 27 pengaktifan ERP telah dibuat mencakupi 22 ERP Kod Hijau, 4 ERP Kod Kuning dan 1 ERP Kod Merah.

JUMLAH ERP BERBANDING BULAN



Empat ERP Kod Kuning dan satu (1) ERP Kod Merah telah diaktifkan pada tahun 2013 disebabkan oleh kejadian berikut:-

Tarikh	Kod ERP	Kejadian
1 - 17 Januari 2013	Kuning	Penutupan Rumah Pam Wangsa Maju dan Pudu Ulu disebabkan permintaan bekalan air yang tinggi.
11 - 21 Januari 2013	Kuning	Pengeluaran LPA tidak dapat memenuhi permintaan air yang semakin meningkat.
11 - 16 April 2013	Kuning	Paip pecah di Kampung Melayu dan Batu Caves.
30 Ogos - 5 September 2013	Merah	LPA SSPI, II, III dan Rantau Panjang telah ditutup disebabkan oleh pencemaran air mentah.
17-19 Disember 2013	Kuning	Penutupan berjadual LPA SSP2 bagi memudahkan kerja-kerja menaik taraf dan pembaikan.

Bagi memastikan bantuan pengurusan yang lancar, SYABAS telah memperhebatkan usaha melatih kakitangan ERP, menaik taraf sistem telefon PUSPEL dan turut menaik taraf maklumat hubungan.

TINDAK BALAS SEGERA TERHADAP ADUAN PENGGUNA

Bermula Mac 2009, masa tindak balas permulaan untuk aduan kualiti air telah ditetapkan setengah jam. Setakat 31 Disember 2013, pematuhan terhadap masa tindak balas setengah jam adalah pada kadar 97.37%.

Sebab utama kadar pematuhan tidak dapat mencapai 100% tindak balas segera kepada pengguna adalah kerana sesetengah aduan diterima lewat malam. Semua aduan yang diterima telah direkodkan dan disiasat bagi membolehkan penambahbaikan dilakukan. Jenis aduan pengguna yang paling ketara adalah kewujudan pepejal terampai atau deposit besi sejak lama yang timbul dari kakisan dalam saluran air, lantas menyebabkan air menjadi keruh.

PROGRAM KESEDARAN & PENDIDIKAN PENGGUNA ("PROGRAM CAE")

Program CAE yang memanfaatkan liputan media terus berjalan dengan penekanan terhadap pemahaman para pengguna tentang kualiti air yang dibekalkan ke premis mereka serta isu-isu berkaitan, di samping tanggungjawab mereka untuk menjaga sistem perpaipan dalaman dan tangki simpanan dalaman mereka sendiri. Para pengguna telah memperolehi banyak manfaat daripada usaha SYABAS di bawah Program CAE ini.

Untuk butiran lanjut mengenai Program CAE, sila rujuk bahagian "Memelihara Alam Sekitar Kita" pada muka surat 128 hingga 138 di dalam Laporan Tahunan ini.

Kami membantu komuniti

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

Kakitangan kami adalah nadi perniagaan kami. Mereka senantiasa memberikan khidmat pelanggan yang memuaskan, mengendali dan menyelenggara aset dengan lancar serta menyelesaikan masalah perkhidmatan dengan pantas apabila ia berlaku.

Kakitangan kami adalah nadi perniagaan kami. Mereka senantiasa memberikan khidmat pelanggan yang memuaskan, mengendali dan menyelenggara aset dengan lancar serta menyelesaikan masalah perkhidmatan dengan pantas apabila ia berlaku. Justeru itu, amat penting bagi setiap kakitangan diperkasakan dengan kemahiran, tanggungjawab dan motivasi yang bertepatan untuk melaksanakan peranan mereka dengan berkesan.

Latihan dan pembangunan kakitangan serta perkongsian amalan yang baik akan membantu memastikan kami mengekal dan menarik kakitangan yang mahu menjadi sebahagian daripada organisasi dan masa depan kami. Matlamat kami adalah untuk mengekalkan serta membangunkan kemahiran, kecekapan dan kesedaran di kalangan kakitangan supaya semua kakitangan mempunyai keupayaan yang kami perlu untuk membawa perniagaan ke peringkat yang lebih jauh. Dengan membantu merealisasikan potensi individu, kami memastikan teras aktiviti perniagaan kami berterusan. Sasaran kami di tempat kerja disokong oleh suatu program pembelajaran dan pembangunan yang ekstensif, pelbagai manfaat pekerja dan rangkaian sokongan kakitangan.

Kami juga terus mengadakan aktiviti penglibatan kakitangan bagi melonjakkan semangat perpaduan serta kerjasama berpasukan di kalangan kakitangan.

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

PROFIL KAKITANGAN

Pada akhir 2013, Kumpulan PNHB mempunyai sejumlah 4,860 orang kakitangan, termasuk mereka yang bertugas di operasi luar negara, yang menghasilkan catatan jumlah 170 orang kakitangan. Ini adalah peningkatan kira-kira 3.85% berbanding 4,680 kakitangan pada tahun 2012.

Bertunjangkan sifat perniagaan kami ini, sebahagian besar dari tenaga kerja Kumpulan terdiri daripada bukan eksekutif (69.6%), dengan eksekutif berada pada kadar 23.9% dan pengurusan 6.5%. Nisbah pengambilan pekerja mengikut jantina pula adalah dalam anggaran 3:1 (3,634 Lelaki: 1,226 Perempuan).

Jadual A: Kategori Kakitangan dan Kumpulan Etnik

	Kategori			Kumpulan Etnik				
	Pengurusan	Eksekutif	Bukan Eksekutif	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
PNSB	103	291	709	1,010	49	27	17	1,103
SYABAS	149	728	2,500	3,147	37	177	16	3,377
POG	3	0	0	3	0	0	0	3
GOM Resources	45	133	29	187	7	4	9	207
PRC	14	10	146	0	170	0	0	170
Jumlah	**314**	**1,162**	**3,384**	**4,347**	**263**	**208**	**42**	**4,860**

Nota:
- PNSB adalah singkatan bagi Puncak Niaga (M) Sdn Bhd
- SYABAS adalah singkatan bagi Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd
- GOM Resources adalah singkatan bagi GOM Resources Sdn Bhd
- POG adalah singkatan bagi Puncak Oil & Gas Sdn Bhd
- PRC adalah singkatan bagi Republik Rakyat China

ETIKA DAN KEWIBAWAAN

PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD ("PNSB")

Tenaga Kerja PNSB Mengikut Kumpulan Usia



Tenaga Kerja PNSB Mengikut Kumpulan Etnik



Carta 1

Tenaga Kerja PNSB Mengikut Kategori



Carta 2

Nota: E adalah singkatan bagi kakitangan

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD ("SYABAS")

Tenaga Kerja SYABAS Mengikut Kumpulan Usia



Tenaga Kerja SYABAS Mengikut Kumpulan Etnik



Carta 3

Tenaga Kerja SYABAS Mengikut Kategori



Carta 4

Nota: E adalah singkatan bagi kakitangan

PUNCAK OIL & GAS SDN BHD ("POG")

Tenaga Kerja POG Mengikut Kumpulan Usia



Tenaga Kerja POG Mengikut Kumpulan Etnik



Carta 5

Tenaga Kerja POG Mengikut Kategori

Carta 6

Nota: E adalah singkatan bagi kakitangan

GOM RESOURCES SDN BHD ("GOM Resources")

Tenaga Kerja GOM Resources Mengikut Kumpulan Usia



Tenaga Kerja GOM Resources Mengikut Kumpulan Etnik



Carta 7

Tenaga Kerja GOM Resources Mengikut Kategori



Carta 8

Nota: E adalah singkatan bagi kakitangan

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

OPERASI REPUBLIK RAKYAT CHINA ("PRC")

Tenaga Kerja PRC Mengikut Kumpulan Usia



Tenaga Kerja PRC Megikut Kumpulan Etnik



Carta 9

Tenaga Kerja PRC Megikut Kumpulan Kategori



Carta 10

Nota: E adalah singkatan bagi kakitangan

Dalam Kod Kelakuan Pekerja kami, telah termaktub dengan jelas bahawa pinsip kejujuran, kewibawaan dan keadilan serta piawaian etika yang tinggi merupakan paksi perniagaan kami. Semua kakitangan dikehendaki mematuhi piawaian etika profesional dan tindakan peribadi yang tertinggi. Kod Kelakuan Pekerja bertindak sebagai panduan yang jelas untuk semua kakitangan dalam melaksanakan tugas harian mereka dan semasa berurusan dengan orang lain.

Kami telah mewujudkan pelbagai dasar bagi menyokong proposisi nilai kepada semua pemegang kepentingan, termasuk kakitangan, dan ini adalah sejajar dengan tadbir urus korporat yang baik. Entiti yang berlainan dalam Kumpulan mempunyai Kod dan Dasar berikut:

PNHB/PNSB
- Prosedur Operasi Piawai
- Dasar Pendedahan Korporat
- Dasar Teknologi Maklumat (Dasar Lesen Perisian, Dasar Keselamatan IT dan Penyata Perisian Salinan)
- Dasar Perhubungan Pelabur
- Dasar Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar
- Dasar Kualiti
- Dasar Pengurusan Risiko
- Dasar Gangguan Seksual
- Dasar Kualiti Air
- Dasar Kepelbagaian Jantina
- Dasar Pemberitahuan Maklumat
- Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat
- Kod Kelakuan – Lembaga Pengarah
- Kod Kelakuan – Kakitangan
- Dasar Dilarang Merokok
- Piagam Lembaga
- Dasar Pengurusan Tenaga

SYABAS
- Prosedur Operasi Piawai
- Etika Telefon Berkualiti
- Buku Panduan Amalan Insan Piawai
- Dasar Gangguan Seksual
- Dasar Tanggungjawab Korporat
- Kod Etika Perniagaan
- Kod Etika Kaunter Perkhidmatan
- Dasar Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar
- Dasar Dilarang Merokok
- Dasar Pejabat Tanpa Kertas
- Buku Panduan Kakitangan SYABAS
- Perjanjikan Kolektif antara PUAS Berhad dan Kesatuan Pekerja PUAS Berhad

POG
- Prosedur Operasi Piawai
- Dasar Kualiti
- Dasar Kesihatan, Keselamatan dan Penjagaan Alam Sekitar
- Dasar Salah Guna Dadah & Alkohol
- Dasar Dilarang Merokok
- Dasar Henti Kerja Demi Keselamatan

GOM Resources
- Prosedur Operasi Piawai
- Dasar Kualiti
- Dasar Kesihatan, Keselamatan dan Penjagaan Alam Sekitar
- Dasar Salah Guna Dadah & Alkohol
- Dasar Dilarang Merokok
- Dasar Henti Kerja Demi Keselamatan

Operasi PRC
- Dasar Pencegahan Rasuah
- Prosedur Operasi Piawai
- Dasar Kawalan Kelahiran
- Langkah-langkah Tindakan Kecemasan Insiden Keselamatan

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

HAK ASASI MANUSIA

Kami menghormati hak kakitangan untuk berkumpul dan membentuk kesatuan. Seramai 744 kakitangan Kumpulan ahli kesatuan sekerja. Kakitangan kami di PRC juga dibenarkan untuk membentuk kesatuan sekerja, menurut Undang-undang Buruh PRC. Walau bagaimanapun, setakat 31 Disember 2013, tidak ada kesatuan sekerja yang dibentuk oleh kakitangan kami di PRC.

Kami mempunyai pasukan khidmat keselamatan persendirian. Pasukan Polis Bantuan kami telah dilatih sepenuhnya oleh Polis Diraja Malaysia ("PDRM") yang memberi kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan.

Pasukan Polis Bantuan PNHB ditubuhkan pada 9 Jun 2006 dengan tujuan untuk meningkatkan tahap servis keselamatan PNHB, mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat untuk kakitangan, pelanggan; serta melindungi aset Kumpulan. Pasukan Polis Bantuan PNHB menampilkaan imej yang baik dengan mengawasi setiap aspek keselamatan operasi kami. Dengan kekuatan tenaga seramai 322 kakitangan, Polis Bantuan telah ditempatkan di pejabat Kumpulan PNHB, stor, kediaman, kaunter pengebilan, loji pembersihan air ("LPA"), rumah pam, takungan pengimbang dan semua tapak lain yang dimiliki oleh Kumpulan PNHB. Selain daripada tugas keselamatan yang standard, Polis Bantuan turut melaksanakan tugas memupuk keyakinan PNHB, Kerajaan dan masyarakat awam apabila perlu.

Polis Bantuan melaksanakan tugas berikut:-

- Pencegahan jenayah
- Rondaan berjalan kaki, rondaan menggunakan kenderaan dan tugas setempat
- Kawalan orang ramai serta menjalankan pemeriksaan terhad terhadap orang dan kenderaan
- Melindungi serta mengiringi harta majikan
- Mengesan dan menangkap pesalah
- Membantu PDRM dalam menjalankan rondaan bersama di kawasan tertentu di bawah Kawasan Keberhasilan Utama Negara (NKRA)
- Mengambil bahagian dalam aktiviti rasmi PDRM atas jemputan

Pada 2013, Pasukan Polis Bantuan kami terus mempamerkan komitmen yang teguh serta memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada PNHB dan Kumpulan. Polis Bantuan ini turut bekerja seiring dengan PDRM dan pihak berkuasa tempatan dalam mengendalikan sebarang isu keselamatan. Kami sentiasa memantau latihan yang diberikan kepada pasukan bagi mengukuhkan kesedaran hak asasi manusia dan sebarang kesan potensi yang berkemungkinan.

KEPELBAGAIAN DI TEMPAT KERJA

Keupayaan kami untuk menghayati kepelbagaian akan mempengaruhi kejayaan kami. Pendirian kami adalah untuk mendukung aspirasi negara dalam menyediakan peluang yang setara kepada kedua-dua kakitangan lelaki dan perempuan dan memastikan bahawa Kumpulan bebas dari sebarang diskriminasi jantina. Kami percaya dalam mewujudkan persekitaran kerja di mana terdapat peluang yang saksama dalam pengambilan pekerja, latihan dan kemajuan kerjaya. Sebagai sebuah syarikat Malaysia, kami berhasrat menyediakan pekerjaan untuk warga Malaysia dan, dengan bangganya dimaklumkan bahawa tenaga kerja kami untuk operasi di Malaysia adalah 100% rakyat Malaysia.

Kami telah merangka suatu dasar Kepelbagaian Jantina yang merupakan sebahagian daripada agenda kami yang lebih luas dalam menghayati kepelbagaian di tempat kerja. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memupuk suatu persekitaran di mana setiap individu dihormati dan peluang yang sama rata diberi kepada semua kakitangan berhubung dengan pembangunan kerjaya, dengan tumpuan yang khusus terhadap penyertaan kakitangan wanita dalam Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Kumpulan, seperti yang digalakkan oleh Kerajaan bagi menambah perwakilan kaum wanita pada 2016.

Jadual B: Kumpulan Jantina dan Umur mengikut peringkat Pengurusan

	Jantina		Umur					Jumlah
Peringkat	Lelaki	Perempuan	20-29	30-39	40-49	50-59	60 ke atas	Kakitangan
PENGURUSAN								
PNSB	65	38	1	26	46	26	4	
SYABAS	108	41	-	40	66	42	1	
POG	2	1	-	1	2	-	-	
GOM Resources	35	10	-	9	18	15	3	
PRC	11	3	-	3	8	3	-	
Jumlah	**221**	**93**	**1**	**79**	**140**	**86**	**8**	**314**
	(70.4%)	**(29.6%)**	**(0.3%)**	**(25.2%)**	**(44.6%)**	**(27.4%)**	**(2.5%)**	**(100%)**

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

Peringkat	Jantina		Umur					Jumlah Kakitangan
	Lelaki	Perempuan	20-29	30-39	40-49	50-59	60 ke atas	
EKSEKUTIF								
PNSB	151	140	79	108	77	27	0	
SYABAS	400	328	235	392	69	31	1	
POG	-	-	-	-	-	-	-	
GOM Resources	76	56	60	51	19	2	-	
PRC	6	4	4	2	3	-	1	
Jumlah	**633 (54.5%)**	**528 (45.5%)**	**378 (32.6%)**	**553 (47.6%)**	**168 (14.5%)**	**60 (5.2%)**	**2 (0.1%)**	**1,161 (100%)**
BUKAN EKSEKUTIF								
PNSB	648	61	270	207	158	72	2	
SYABAS	2,026	474	910	1,060	229	301	-	
POG	-	-	-	-	-	-	-	
GOM Resources	21	9	10	12	3	4	1	
PRC	85	61	34	50	46	16	-	
Jumlah	**2,780 (82.1%)**	**605 (17.9%)**	**1,224 (36.2%)**	**1,329 (39.3%)**	**436 (12.9%)**	**393 (11.6%)**	**3 (0%)**	**3,385 (100%)**

Nota:
- PNSB adalah singkatan bagi Puncak Niaga (M) Sdn Bhd
- SYABAS adalah singkatan bagi Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd
- GOM Resources adalah singkatan bagi GOM Resources Sdn Bhd
- POG adalah singkatan bagi Puncak Oil & Gas Sdn Bhd
- PRC adalah singkatan bagi Republik Rakyat China

Jadual C: Kewarganegaraan dan Kumpulan Etnik mengikut peringkat Pengurusan

Peringkat	Kewarganegaraan		Kumpulan Etnik				Jumlah kakitangan
	Warga Malaysia	Bukan Warga Malaysia	Bumiputra	Cina	India	Lain-lain	
PENGURUSAN							
PNSB	103	-	75	22	4	2	
SYABAS	149	-	127	14	6	2	
POG	3	-	3	-	-	-	
GOM Resources	44	1	36	4	1	4	
PRC	3	11	-	14	-	-	
Jumlah	**302 (96.2%)**	**12 (3.8%)**	**241 (76.8%)**	**54 (17.2%)**	**11 (3.5%)**	**8 (2.5%)**	**314 (100%)**

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

Peringkat	Kewarganegaraan		Kumpulan Etnik				
	Warga Malaysia	Bukan Warga Malaysia	Bumiputra	Cina	India	Lain-lain	Jumlah kakitangan
EKSEKUTIF							
PNSB	291	-	258	27	4	2	
SYABAS	728	-	674	18	31	5	
POG	-	-	-	-	-	-	
GOM Resources	131	1	123	3	1	5	
PRC	1	9	-	10	-	-	
Jumlah	**1,151 (99.1%)**	**10 (0.9%)**	**1,055 (90.9%)**	**58 (5%)**	**36 (3.1%)**	**12 (1.0%)**	**1,161 (100%)**
BUKAN EKSEKUTIF							
PNSB	709	-	690	-	19	-	
SYABAS	2,500	-	2,346	5	140	9	
POG	-	-	-	-	-	-	
GOM Resources	30	-	28	-	2	-	
PRC	-	146	-	146	-	-	
Jumlah	**3,239 (95.7%)**	**146 (4.3%)**	**3,064 (90.5%)**	**151 (4.5%)**	**161 (4.8%)**	**9 (0.2%)**	**3,385 (100%)**

Nota:
- PNSB adalah singkatan bagi Puncak Niaga (M) Sdn Bhd
- SYABAS adalah singkatan bagi Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd
- GOM Resources adalah singkatan bagi GOM Resources Sdn Bhd
- POG adalah singkatan bagi Puncak Oil & Gas Sdn Bhd
- PRC adalah singkatan bagi Republik Rakyat China

Untuk menjadi sebuah tempat kerja yang sensitif kepada jantina, perlu ada pelbagai peluang dan manfaat yang bersifat mesra keluarga untuk semua kakitangan, serta tempat kerja yang holistik. Antara peluang yang bersifat mesra keluarga yang kami tawarkan termasuk faedah perubatan yang meliputi rawatan pesakit luar, kemasukan ke hospital, pembedahan, pergigian dan faedah ibu bersalin setakat lima orang anak.

Tenaga pekerja yang pelbagai bagi kami bermaksud kakitangan yang datang dari pelbagai latar belakang akademik, pengalaman, kemahiran, bahasa dan persefahaman budaya. Berbagai sudut pandangan serta pengalaman dapat menghidangkan beraneka bentuk penyelesaian yang lebih hebat kepada masalah di tempat kerja dan memberi ruang kepada kami untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih bagus kepada para pelanggan.

Kami juga percaya bahawa percampuran antara generasi di kalangan kakitangan kami melahirkan suatu dimensi positif dalam persekitaran kerja. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat lebih ramai golongan muda menyertai tenaga kerja kami. Percampuran yang baik antara generasi muda dan yang lebih matang mencipta kelancaran idea di tempat kerja. Seiringi dengan manfaat yang ekstensif serta pakej pampasan, kami mempunyai beraneka macam program dan aktiviti yang memberi ruang kepada kakitangan kami untuk berkumpul bersama memupuk kesatuan sesama semua kakitangan dan menzahirkan nilai-nilai murni.

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

Jadual di bawah menunjukkan kadar pusing ganti pada tahun 2012 dan 2013:

Syarikat	2012 Kadar Pusing Ganti (%)	2013 Kadar Pusing Ganti (%)
PNSB	9.5	9.6
SYABAS	9.6	6.6
POG	91.67	28.57
GOM Resources	15.59	23.83

Kadar pusing ganti bagi POG pada tahun 2013 dikurangkan dengan ketara kerana kadar pusing ganti POG pada tahun 2012 adalah tinggi disebabkan oleh pemindahan 44 kakitangan kepada GOM Resources pada tahun 2012, unit Minyak & Gas yang baharu dalam Kumpulan pada masa itu.

MENDENGAR KAKITANGAN KAMI

Sedang kami berkembang dan terlibat dalam pelbagai bentuk perniagaan, kami menyedari kepentingan komunikasi yang efektif di tempat kerja. Ada kalanya kakitangan boleh berasa terputus hubungan apabila organisasi membangun dan operasi kian meluas.

Adalah amat penting untuk mewujudkan saluran komunikasi dua hala antara Kumpulan PNHB dengan kakitangannya dan sentiasa prihatin terhadap kebimbangan serta pencapaian mereka. Kami terus membina beraneka wadah dan rangkaian komunikasi untuk mendekati kakitangan kami, seperti mengaturkan Program Transformasi Motivasi, iaitu pengiktirafan terhadap komitmen kakitangan dengan memberi ganjaran kepada mereka dalam bentuk kewangan atau sijil ataupun kata-kata perangsang, berkongsi maklumat serta pengetahuan, sesi Bertemu CEO dan mesyuarat kakitangan town-hall dan mengadakan program "Satu Hari Bersama Pengurusan PNSB" di LPA untuk menjalin ikatan antara pihak Pengurusan dan kakitangan. Beberapa langkah digunakan oleh Kumpulan untuk berhubung dan berinteraksi dengan semua kakitangan kami termasuklah mengadakan Perhimpunan Kakitangan Bulanan dan mesyuarat kakitangan di peringkat bahagian serta jabatan. Pihak Pengurusan Kanan kami menggunakan pendekatan secara langsung dan kerap bergaul dengan kakitangan untuk menyampaikan pesanan penting serta pengiktirafan.

PERKONGSIAN BUDAYA

Menyemai dan memupuk budaya kekitaan merupakan keutamaan terpenting untuk mara ke hadapan. Kami merasakan bahawa sekiranya kakitangan hidup bersatu dan berkongsi budaya yang sama, maka nilai-nilai kami akan terpahat lebih kukuh dalam DNA organisasi. Ini akan menjadi aspek utama yang memacu daya saing dan keberkesanan kami di pasaran. Keutamaan kami ini amat penting diterapkan, terutamanya bila kami mengorak langkah ke dalam bidang perniagaan baharu.

Dalam usaha membina sebuah identiti, Kumpulan PNHB terus mengadakan latihan membina pasukan pada tahun 2013 dengan memberi tumpuan terhadap perpaduan kakitangan bagi membentuk sebuah pasukan yang kuat untuk mencapai visi, misi Syarikat serta matlamat Kumpulan.

Pasukan 'Cyclist' Puncak 02 (Tar & Grime) menyertai OCBC Cycle Malaysia 2013

MANFAAT DAN PAMPASAN

Disebabkan oleh kerumitan yang wujud dalam perniagaan air serta minyak & gas, titik sentuh pelanggan yang teramat luas serta sifat operasi yang mempunyai tahap kawal selia yang amat tinggi, maka ramai di antara kakitangan kami, terutamanya mereka yang bekerja di tapak, mempunyai waktu kerja yang sangat panjang. Sesetengah operasi kami dikendali sepanjang masa dan intensiti waktu kerja yang panjang memberi cabaran yang hebat.

Kami mempunyai manfaat dan pakej pampasan yang menyeluruh bagi memastikan kakitangan kami diberi ganjaran yang sewajarnya dan dapat merasa diberi sokongan di tempat kerja menerusi sumber, kemudahan serta pelbagai bentuk bantuan. Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013, seluruh Kumpulan, kecuali kakitangan bahagian operasi, bekerja lima hari seminggu. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Kumpulan untuk meningkatkan hubungan dengan kakitangan bersandarkan keseimbangan yang sihat antara kerja dan kehidupan, memperbaiki hubungan kakitangan-majikan, dan menyerlahkan lagi manfaat kakitangan agar Kumpulan dapat diiktiraf sebagai organisasi pilihan utama. Pada 2013, PNSB telah meraih Anugerah Perak pada majlis Anugerah HR Malaysia 2013 (Majikan Pilihan).

Kami memastikan kakitangan kami diberi ganjaran sepanjang masa dan mengikut keadaan pasaran yang lazim serta berdasarkan indeks kos sara hidup. Pakej manfaat pekerja kami yang komprehensif mencakupi:

- Pakej gaji yang kompetitif dengan liputan insurans untuk kakitangan dan anggota keluarga terdekat mereka
- Subsidi faedah pinjaman perumahan dan kereta
- Skim pinjaman bantuan pendidikan tanpa faedah
- Tabung Kebajikan
- Pinjaman Komputer Peribadi
- Pinjaman peribadi
- Faedah perubatan yang meliputi rawatan pesakit luar, kemasukan ke hospital dan pembedahan, pergigian dan faedah ibu bersalin setakat lima orang anak
- Kadar caruman berkanun yang tinggi bagi majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") untuk kakitangan yang telah berkhidmat lebih dari dua tahun

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

Bagi unit Minyak & Gas ("O&G") POG dan GOM Resources, keutamaan yang amat tinggi telah diberikan untuk menarik mereka yang terbaik dalam pasaran dan manfaat yang kami tawarkan mencerminkannya, sebagai suatu strategi untuk meningkatkan keupayaan mengekalkan pekerja dan mengambil pekerja baru.

Bagi operasi kami di PRC, bagi memastikan kakitangan kami diberi pampasan yang secukupnya untuk pekerjaan mereka, kami mematuhi upah minimum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan PRC. Sungguhpun semua kakitangan PRC diambil bekerja atas dasar kontraktual, mereka turut mendapat manfaat seperti bayaran lebih masa, cuti sebagai ganti, elaun kebajikan, caruman dana persaraan, caruman dana pengangguran, insurans perubatan, insurans kecederaan kerja dan insurans kehamilan seperti yang disyaratkan oleh Undang-undang Buruh PRC dan Akta Caruman Sosial. Perlindungan kos perubatan semua pekerja tempatan PRC diliputi oleh pelan Caruman Insurans Perubatan PRC. Kami tidak mengambil bekerja mereka yang berusia di bawah 18 tahun, yang merupakan usia minimum untuk mula bekerja di bawah Undang-undang Buruh PRC.

Pekerja ekspatriat dilindungi di bawah pelan insurans kemasukan ke hospital, perubatan dan peribadi. Elaun saraan hidup turut diberi kepada kakitangan PRC kami bagi sebarang tugas di luar daerah.

Tidak ada di antara operasi kami dikenal pasti sebagai mempunyai risiko yang besar dari segi kejadian buruh paksa, buruh kanak-kanak atau menjejaskan pekerja pribumi.

Menerusi Persekutuan Majikan-majikan Malaysia ("MEF") serta sumber luar yang lain, kami sentiasa mengkaji dan menanda aras manfaat dan pakej yang kami tawarkan. Pakej ganjaran kami yang berdaya saing telah membantu mengambil bekerja antara bakat terbaik yang terdapat dalam pasaran. Satu kelompok bakat dalaman yang bagus adalah kunci kepada pembangunan pasukan yang kuat dan dapat menyokong rancangan penggantian.

PRESTASI DAN PENILAIAN

Dasar pengekalan modal insan Kumpulan bermaksud untuk mengekalkan kakitangan syarikat yang terbaik dan menyediakan ruang untuk pembangunan serta kemajuan kakitangan di samping memperlengkapkan mereka dengan kemahiran yang perlu sambil mereka berkembang bersama Kumpulan. Dengan tersedianya rangka kerja penilaian prestasi yang berstruktur serta penekanan terhadap pembangunan kendiri, perkembangan dan kemajuan kerjaya, kami berjaya membentuk dan mengekalkan kakitangan terbaik, di mana kami memberi mereka peluang yang perlu serta laluan kerjaya dalam Kumpulan.

Kecuali bagi Operasi PRC yang mengendali penilaian prestasi setahun sekali, Kumpulan melakukan penilaian prestasi untuk semua kakitangan yang telah disahkan jawatannya dua kali setahun.

Di PNSB, Jawatankuasa Kajian Prestasi Kakitangan Bebas ("IEPRC") bertanggungjawab mengkaji, menilai dan melaraskan penilaian serta pemarkahan mengikut kadar yang diberikan oleh Ketua Jabatan/Bahagian. Saranan akhir IEPRC dikemukakan kepada Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") untuk kelulusan dan keputusan mengenai ganjaran yang bersesuaian adalah berdasarkan prestasi kakitangan tersebut secara individu dan juga prestasi Syarikat.

Ia turut mencadangkan tindakan yang sewajarnya yang perlu diambil terhadap kakitangan yang prestasinya tidak mencapai keperluan Syarikat. Kakitangan yang tidak menunjukkan prestasi akan menjalani Program Penambahbaikan Prestasi ("PIP") berserta kaunseling oleh Ketua Bahagian dan Jawatankuasa Kaunseling untuk memperbaiki prestasi mereka. Tinjauan terhadap prestasi mereka dilakukan setiap bulan selama enam bulan.

Di SYABAS, penilaian prestasi semua kakitangan juga diadakan dua kali setahun. Setiap bahagian, jabatan dan daerah juga diperlukan untuk mencapai satu set KPI ditetapkan untuk bahagian, jabatan serta daerah yang berkenaan yang akan diambil kira dalam penilaian prestasi mereka. Selain itu, penilaian prestasi melibatkan sesi perbincangan mengenai prestasi yang dinamakan sebagai Sesi Cabaran. Menerusi Sesi Cabaran, bahagian, jabatan dan daerah masing-masing diberi peluang untuk membentangkan pencapaian dan prestasi mereka untuk penilaian yang objektif serta lebih adil.

Di POG/GOM Resources, penilaian prestasi semua pekerja diadakan dua kali setahun dengan sesi cabaran untuk penilaian skor oleh Penyelia/Ketua-ketua Jabatan, dan cadangan akhir akan diserahkan kepada EXCO untuk diluluskan berserta dengan keputusan mengenai ganjaran yang sesuai berdasarkan prestasi individu kakitangan serta Syarikat. Tindakan susulan seperti PIP dengan kaunseling akan diambil terhadap kakitangan tidak berprestasi.

KOMITMEN TERHADAP LATIHAN

Latihan serta pembangunan berterusan adalah penting bukan sahaja untuk memantapkan kemahiran teknikal dan pengurusan, bahkan untuk memastikan bahawa kakitangan kami sentiasa dicabar untuk mencapai potensi mereka.

Kumpulan PNHB komited untuk menyediakan kakitangan kami dengan peralatan serta pengetahuan yang perlu bagi membangunkan potensi mereka di tempat kerja. Kumpulan meraih manfaat dengan memiliki kakitangan yang berkeupayaan dan bermotivasi. Selain daripada latihan dalaman, kami turut menghantar kakitangan untuk latihan luar, baik di dalam mahupun di luar negara.

XPDC Everest 2013 oleh pasukan SYABAS diketuai oleh YBhg Dato' Ruslan Hassan, Ketua Pengawai Eksekutif SYABAS

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

Kakitangan baharu dikehendaki menghadiri Program Induksi ("IP") yang menyeluruh. Di PNSB, IP dijalankan selama dua hari manakala di SYABAS, IP diadakan untuk tempoh tiga hari dan di POG/GOM Resources, IP adalah untuk satu hari sahaja.

Pendekatan yang diambil oleh Kumpulan PNHB terhadap pembelajaran dan pembangunan adalah untuk menjangkau seramai mungkin kakitangan pada satu-satu tahun bagi membangunkan kemahiran mereka.

SYABAS mempunyai KPI mengikut latihan bagi memastikan semua pekerja menjalani latihan yang diluluskan oleh pihak pengurusan.

KPI PNSB menyediakan purata tiga (3) hari berkerja latihan untuk setiap kakitangannya dalam setahun.

POG/GOM Resources mempunyai KPI untuk menyediakan sekurang-kurangnya satu latihan bagi setiap kakitangan dalam setahun.

Pada 2013, SYABAS telah melatih seramai 3,078 kakitangan (mewakili 91% dari jumlah kakitangan SYABAS) dengan jumlah kos mencecah RM766,944.42.

Bagi PNSB pula, tahun 2013 menyaksikan mereka melatih sejumlah 950 kakitangan (merupakan 86% daripada jumlah kakitangan PNSB) dengan kos keseluruhan menjangkau RM908,637.66.

	PNSB	SYABAS	GOM Resources	POG
	RM	RM	RM	RM
Dalaman	720,159.99	641,006.70	322,094.20	-
Luaran (Program Awam)	188,477.67	125,937.72	666,020.72	29,572.15
Jumlah	**908,637.66**	**766,944.42**	**988,114.92**	**29,572.15**

Latihan membolehkan kakitangan membangunkan kemahiran antara perorangan, kepimpinan dan bahasa, selain kemahiran/pengetahuan tentang fungsi tugas dan pengetahuan kesihatan dan keselamatan. Jabatan latihan Kumpulan turut mengadakan ceramah motivasi buat kakitangan.

Kami terus menyokong warga kerja kami menerusi latihan dan pembangunan agar mereka dapat menangani cabaran industri dengan jayanya. Program Latihan 2013 Kumpulan PNHB menjangkau jauh meliputi pelbagai kategori kakitangan bagi memastikan peluang dan latihan diberikan di semua peringkat.

Jadual D : Latihan yang Dijalankan Pada 2013 Bagi Kumpulan PNHB

	Kategori			
	Pengurusan (termasuk pengarah)	Eksekutif	Bukan Eksekutif	Jumlah
PNSB	95	269	586	950
SYABAS	149	728	2,500	3,377
POG	4	-	-	4
GOM Resources	37	89	19	145
PRC	2	2	2	6

Nota:
- PNSB adalah singkatan bagi Puncak Niaga (M) Sdn Bhd
- SYABAS adalah singkatan bagi Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd
- GOM Resources adalah singkatan bagi GOM Resources Sdn Bhd
- POG adalah singkatan bagi Puncak Oil & Gas Sdn Bhd
- PRC adalah singkatan bagi Republik Rakyat China

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

Kakitangan menyertai Hari Belia 2013 yang diadakan di Putrajaya

PRESTASI PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

Isu kesihatan dan keselamatan mendapat keutamaan dalam agenda kami. Komitmen ini tergambar dalam proses dan sistem kami. Kami mempunyai sistem pengurusan risiko yang sistematik, bermatlamat mewujudkan landasan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan ("OHS") yang cukup luas agar dapat menyingkir atau meminimumkan risiko terhadap kakitangan, pelawat, kontraktor dan pihak lain yang terdedah kepada risiko OHS dalam operasinya. Berlatarkan perkembangan pesat selama beberapa tahun ini, Kumpulan telah melakukan pelaburan yang ekstensif bagi membentuk, mengekal dan menambah baik amalan baik OHS.

Pada tahun 2013, kami mencapai pensijilan berikut:

Pensijilan Siri Penilaian Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan ("OHSAS')

Untuk PNSB: 18001:2007 pensijilan bagi 27 Loji Pembersihan Air ("LPA") serta tiga Pejabat Wilayah.

Untuk SYABAS: 18001:2007 pensijilan bagi 6 daerah.

Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti

Untuk PNSB: ISO 9001:2008 pensijilan bagi 26 LPA dan 3 Pejabat Wilayah.

Untuk SYABAS: ISO 9001:2008 pensijilan bagi Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran.

Untuk Sistem Pengurusan Bersepadu ("IMS") GOM Resources:-

- ISO 9001:2008 (Kualiti)
- ISO 14001:2004 (Alam Sekitar)
- ISO/TS 29001:2010 (Industri Petroleum, Petrokimia dan Gas Asli – Kualiti Khusus Bahagian)
- OHSAS 18001:2007 (Pekerjaan Kesihatan dan Keselamatan)

Anugerah Kecemerlangan Makmal 2013 Institut Kimia Malaysia ("IKM")

Untuk PNSB: ISO 17025:2005 pensijilan bagi Makmal Pusat

Pensijilan IMS - ISO 9001:2008, ISO 14001:2004 dan OHSAS 18001:2007

Untuk PNSB (LPA SSP2):-

- ISO 9001:2008 - Sistem Pengurusan Kualiti
- ISO 14001:2004 - Sistem Pengurusan Alam Sekitar
- ISO 18001:2007 - Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan

Pensijilan industri OHSAS 18001:2007 memperlihatkan komitmen kami terhadap amalan baik OHS dan merupakan bukti jelas tentang piawaian kami yang tinggi dalam kesedaran keselamatan. Piawaian yang telah kami terima pakai boleh dijejaki kembali kepada hari pertama kami beroperasi. Penerimaan Anugerah OHSAS 18001:2007 baru-baru ini memperakui pematuhan PNSB terhadap spesifikasi sistem pengurusan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan Antarabangsa serta keakuran kepada piawaian yang menjadi contoh dalam menyediakan bekalan air berkualiti tinggi yang boleh diminum, dan juga amalan kesihatan serta keselamatan yang cemerlang di tempat kerja.

Kami telah mewujudkan sistem pengurusan OHS sebelum memperolehi akreditasi berprestij tersebut. Pensijilan yang diterima turut membakar semangat kami untuk mengukuhkan lagi inisiatif ke arah memenuhi obligasi kesihatan dan keselamatan secara cekap dan ia merupakan suatu pengiktirafan yang mendatangkan kepuasan terhadap usaha yang penuh berdedikasi bagi mencapai keputusan yang membanggakan kepada semua pemegang kepentingan, pemegang saham, kakitangan dan pelanggan kami.

Latihan OHS

Bagi melaksanakan prosedur OHS dengan betul, kakitangan PNSB serta kontraktor tetap telah dilatih dalam tiga kategori, iaitu:-

(1) Keperluan Berkanun;
(2) Latihan Kecekapan; dan
(3) Latihan Kesedaran.

Kesemua kakitangan LPA dan Empangan perlu menjalani latihan minimum dua hari bekerja setiap tahun manakala kontraktor tetap perlu menjalani sekurang-kurangnya satu hari bekerja latihan setahun.

Pada 2013, latihan induksi Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("HSE"), latihan olok-olok serta latihan Pelan Tindak Balas Kecemasan ("ERP") telah dijalankan di semua 28 LPA dan tiga empangan bagi memastikan kakitangan bersikap responsif dan bersedia sekiranya berlaku kecemasan atau krisis. Latihan ERP telah dilaksanakan bagi membiasakan dan mengukur tahap kesediaan di kalangan kakitangan kami dalam bertindak balas terhadap situasi krisis yang tidak dijangka. Di samping itu, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan kami telah mengendalikan 31 Pemeriksaan Keselamatan Tapak di LPA dan empangan.

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

Program ini bermatlamat memastikan bahawa semua LPA dan empangan kami mematuhi peraturan keselamatan dan menepati sistem pengurusan keselamatan yang telah diwujudkan di PNSB. Dalam proses berkenaan, pelbagai perkara keselamatan seperti papan tanda yang secukupnya serta cara sewajarnya menyimpan kimia dan penggunaan peralatan perlindungan diri di tempat kerja juga dikaji setiap tahun.

Pada 27 November 2013, Hari HSE telah dianjurkan oleh GOM Resources untuk membolehkan semua kakitangan mempunyai pemeriksaan kesihatan cepat dan menghadiri ceramah kesihatan oleh pakar kordiologi.

Pada tahun 2013, latihan serta taklimat kesihatan dan keselamatan yang berikut telah dikendali oleh Kumpulan:-

- Latihan Pengendalian Klorin
- Latihan Orang Dibenarkan Masuk dan Bersiap Sedia
- Penyelia Penguji Gas dan Kemasukan Bertauliah
- Latihan Pertolongan Cemas dan CPR
- Latihan Kesedaran OHSAS
- Latihan ERP
- Latihan Persatuan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia (“MSOSH”)
- Taklimat Audit-HSE
- Taklimat Induksi Keselamatan
- Latihan Mencegah Kebakaran
- Bengkel Taklimat HSE-SOP
- Latihan Pemanduan Defensif Forklif
- Latihan HSE untuk Operasi Pam
- Undang-undang, peraturan dan kod amalan untuk keselamatan, kesihatan dan alam sekitar
- Induksi HSE untuk semua kakitangan baharu diambil bekerja
- Induksi Pramobilisasi Projek
- Forum/Persidangan Keselamatan/Kontraktor Marin Suku Tahunan
- Latihan dan penggunaan sistem Tripod Beta untuk melaporkan siasatan kejadian
- Latihan Pertolongan Cemas untuk Floor Warden

Anugerah OSH Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (“MSOSH”) 2012

Pada 2013, tujuh wilayah SYABAS, iaitu Kuala Lumpur, Hulu Langat, Klang, Sepang, Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor telah berjaya meraih Emas Kelas I, manakala tiga lagi wilayah, iaitu Kuala Langat, Petaling dan Gombak mendapat Emas Kelas II.

Persembahan Seni Silat Sukmo Rogo oleh kakitangan SYABAS

Pada 2013, salah satu LPA PNSB, iaitu LPA Wangsa Maju telah memperolehi Anugerah Merit Emas dan lima LPA, iaitu LPA SSP2, LPA Bernam River Headwork, LPA Sg Langat, LPA Salak Tinggi dan LPA Sg Rangkap mendapat Emas Kelas I.

Anugerah Majlis Negara bagi Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (“NCOSH”) 2013

Pada 2013, LPA Wangsa Maju PNSB telah meraih Anugerah Trofi Emas di bawah sektor utiliti air.

Latihan Keselamatan Kebakaran untuk Pasukan ERP

PNSB telah mengadakan empat sesi Latihan Keselamatan Kebakaran dari bulan September hingga Disember 2013 bertempat di Akademi Bomba & Penyelamat Kuala Kubu Baru, dihadiri oleh 120 orang kakitangan dari beberapa buah LPA, empangan dan Ibu Pejabat. Latihan ini bermatlamat untuk mendedahkan kakitangan kepada peralatan keselamatan kebakaran, mempertingkatkan pengetahuan mereka mengenai keselamatan kebakaran dan mendidik kakitangan tentang cara mengendali kebakaran semasa berlaku kecemasan.

SYABAS mengendali latihan kebakaran dan pengosongan di peringkat Wilayah. Latihan ini merupakan salah satu KPI yang perlu dicapai oleh sepuluh wilayah SYABAS. Pada 2013, terdapat sepuluh program latihan kebakaran dan pengosongan yang dikendali di peringkat wilayah dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat. Program ini bertujuan memastikan kakitangan bersiap sedia mengendali sebarang kejadian kebakaran dan untuk menguji keberkesanan prosedur kecemasan yang telah dirangka oleh SYABAS. Program ini perlu dilaksanakan setiap tahun kerana ia merupakan salah satu keperluan yang tersenarai dalam piawaian OHSAS 18001:2007 yang berjaya dicapai dan dikekalkan oleh SYABAS.

Mengenal Pasti Bahaya dan Penilaian Risiko

Kami telah menyediakan suatu kaedah pengenalpastian bahaya dan penilaian risiko untuk mengenal bahaya yang dikaitkan dengan kemudahan di tempat kerja dan aktiviti semua kakitangan (termasuk subkontraktor dan pelawat), serta menilai dan mengelaskan sebarang risiko yang dikenal pasti. Menerusi sistem ini, kami berupaya mengesan objektif dan sasaran program pengurusan, dengan matlamat untuk mencegah dan mengawal risiko. Kami juga boleh memeriksa, memantau dan mengkaji sistem di peringkat pengurusan bagi memastikan keberkesanan sistem pengurusan.

Pelan Kesediaan dan Tindak Balas Kecemasan

Pelan Kesediaan dan Tindak Balas Kecemasan PNSB terus-menerus dikuatkuasakan dan ditingkatkan, dan pada 2013 aktiviti berikut dilaksanakan:-

- Pengubahsuaian sistem isyarat siren bagi membezakan jenis isyarat amaran yang dikeluarkan dengan lebih baik.
- Penyusunan dan penyediaan latihan semula pasukan pemadam kebakaran dan penyelamat serta pasukan sokongan loji bagi mempertingkatkan tahap kecekapan.
- Satu latihan olok-olok utama dan tiga latihan olok-olok kecil telah dikendalikan di setiap LPA dan empangan.

- Latihan dikendalikan secara kerap baik secara dalaman mahupun dengan kerjasama pihak luar seperti pembekal kimia.

Audit Pengawasan/Pemeriksaan

Suatu audit korporat terhadap sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan telah dijalankan pada tahun 2012 oleh Juruaudit Dalaman OHSAS 18001 untuk beberapa Kawasan dan Ibu Pejabat untuk memastikan pematuhan kepada keperluan OHS dan menambahbaik sistem pengurusan kesihatan.

Kajian Semula pihak Pengurusan

Pihak Pengurusan telah mengkaji semula dan menilai peluang untuk penambahbaikan status dasar dan objektif OHS, sumber dan keperluan OHS serta unsur lain dalam sistem pengurusan OHS.

Latihan Ruang Terhad

Latihan Kebenaran Masuk dan Orang Bersiap Sedia ("AESP") dalam Ruang Terhad telah diadakan di NIOSH untuk mereka yang bekerja dalam ruang terhad. Latihan ini pada asasnya adalah untuk memaklumkan dan mendidik kakitangan tentang tanggungjawab mereka sebagai AESP dan berkenaan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil sewaktu bekerja dalam ruang terhad dan tentang peralatan yang berkaitan dengannya.

Latihan Pemberi Pertolongan Kecemasan

SYABAS telah memulakan latihan ulang kaji di Akademi Penjagaan Keselamatan & Kecemasan untuk 32 kakitangannya dari Ibu Pejabat dan pejabat Wilayah yang terpilih.

PNSB telah menjalankan lapan sesi latihan CPR dan Pekerjaan Pertolongan Cemas Asas dari bulan Februari 2013 sehingga Mei 2013 oleh Akademi Penjagaan Keselamatan & Kecemasn ("ASEC"), yang dihadiri oleh 205 kakitangan dari pelbagai LPA, Pejabat Wilayah, empangan dan Ibu Pejabat.

Audit Tahunan HSE

Audit Tahunan HSE telah dijalankan untuk menilai tahap pelaksanaan keperluan HSE di peringkat wilayah. Ia dilaksanakan dua kali setahun. Audit dikendalikan oleh HSE bertauliah dan juruaudit dalaman terlatih yang dipilih dari kalangan Ketua Bahagian peringkat wilayah.

Pada 2013, kami turut mematuhi sepenuhnya keperluan berkanun yang dikawal selia oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ("DOSH").

Pada 2013, aktiviti berikut telah dilaksanakan oleh Bahagian Minyak & Gas:-

- Lawatan Pengurusan Bulanan ke Tapak Projek iaitu, DLB264, EVA, DPDSV (Pre-comm) serta Pemasangan Penaik.
- Kempen keselamatan bulanan di tapak projek, iaitu Pencegahan Kecederaan Tangan & Jari, Perkemasan, Tergelincir Tersandung & Terjatuh, Perlindungan Mata dan Mengangkat dengan Selamat.
- Melaksanakan latihan bulanan DLB iaitu Muster Drill, Latihan Kebakaran, Latihan Nahas Helikopter, CPR dan Pertolongan Cemas & Penumpang Gelap.
- Melaksanakan Penilaian Risiko Pembinaan untuk semua kempen pemasangan/projek.
- Aktiviti Sistem Pengurusan Bersepadu termasuk Audit Dalaman, Kesedaran IMS, Pelaksanaan & Penyelenggaraan, Kajian Semula pihak Pengurusan IMS, Latihan Juruaudit Utama dan Audit Pengawasan DNV.

RANTAIAN BEKALAN KAMI

Penambahbaikan Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan untuk Kontraktor

Kumpulan PNSB telah melaksanakan dasar pengurusan kesihatan dan keselamatan yang jelas untuk kontraktor kami.

Di PNSB, dasar dan sistem telahpun tersedia untuk meningkatkan prestasi kesihatan dan keselamatan para kontraktor yang bekerja untuk PNSB. Setakat 31 Disember 2013, PNSB telah mengambil 220 kontraktor sebagai panel kontraktor, pembekal atau perunding. Demi memastikan kualiti perkhidmatan kontraktor, pembekal atau perunding, kami telah memasukkan fasal ke dalam kontrak kami yang menyatakan bahawa apa-apa kerja yang dilakukan perlulah berkualiti tinggi dan mematuhi amalan piawaian yang kami kehendaki. Jika kontraktor, pembekal atau perunding gagal memenuhi piawaian yang dikehendaki, PNSB berhak menolak barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh mereka.

Di SYABAS, satu siri garis panduan, iaitu (1) Garis Panduan Kontraktor, Pembekal dan Penyedia Perkhidmatan serta (2) Garis Panduan Bagi Kerja-Kerja Penyenggaraan Paip SYABAS, telah dibentuk bagi memastikan kualiti pembekal dan perkhidmatan. Kerja mereka dipantau oleh Pegawai Penguasa ("SO") atau wakil SO. Mana-mana kontraktor boleh digantung berdasarkan mana-mana sebab berikut:

Latihan kebakaran di Wisma Rozali

- Kegagalan menyiapkan kerja tepat pada masanya.
- Kegagalan untuk menjalankan kerja-kerja seperti yang dinyatakan.
- Kegagalan membekalkan barangan mengikut jadual yang dipersetujui.
- Kegagalan membekalkan barangan menurut spesifikasi SYABAS.
- Kegagalan mematuhi aspek keselamatan di tapak binaan.
- Kegagalan memperbaharui pendaftaran SPAN.
- Kegagalan memperbaharui permit atau lesen yang relevan dengan pihak berkanun.
- Kegagalan memakai kemeja-T SYABAS atau tanda nama sewaktu kerja.

Terdapat sejumlah 431 kontraktor, pembekal dan penyedia perkhidmatan yang berdaftar dengan SYABAS. Di samping itu, SYABAS telah mendaftarkan 216 kontraktor panel bagi paip dan meter untuk menjalankan kerja kecemasan bagi sepuluh pejabat Wilayah SYABAS.

Kami tidak menyokong kontraktor yang tidak mampu memberi perkhidmatan sewajarnya dan justeru itu mendedahkan kami dan para pengguna kepada risiko dengan menyebabkan gangguan bekalan air serta kesulitan yang lain. Kontraktor yang tidak bertanggungjawab boleh membahayakan pelanggan kami memandangkan mereka boleh terdedah kepada air tercemar. Kami tidak teragak-agak untuk menghukum atau menamatkan perkhidmatan kontraktor yang tidak mengamalkan keselamatan di tapak kerja atau yang tidak memenuhi keperluan kami atas alasan-alasan berikut:-

- Menggunakan perkakas/peralatan yang tidak sesuai di tapak kerja
- Menyebabkan timbulnya isu keselamatan jalan raya
- Kelewatan penghantaran
- Kurang mengambil langkah keselamatan di tapak kerja
- Kualiti kerja yang rendah
- Kekurangan peralatan perlindungan untuk kakitangan di tapak kerja

Kehilangan Masa Akibat Kecederaan ("LTI")

Tidak ada LTI sepanjang tahun 2013 untuk semua LPA PNSB.

Bagi PNSB, LTI yang dicatatkan pada 2013 adalah seperti berikut:-

Jadual E: Pecahan LTI

	Kemalangan/Kejadian yang Berlaku pada 2013					
Jenis Kejadian	**LPA SSP 2**	**LPA Wangsa Maju**	**Wilayah Tengah**	**Wilayah Selatan**	**Wilayah Utara**	**Ibu Pejabat PNSB**
LTI	0	0	0	0	0	0
Rawatan Perubatan	0	0	0	0	0	0
Bantuan Kecemasan	0	0	0	0	0	0
Hampir Berlaku	0	0	0	0	0	0
Kerosakan Harta	0	0	0	0	0	0
Tumpahan	0	0	0	0	0	0
Kebakaran	0	0	0	0	0	0
Kejadian yang Membahayakan	0	0	0	0	0	0
Pelepasan Kimia	0	0	0	0	0	0
Letupan	0	0	0	0	0	0
Jumlah	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**

Jumlah jam bekerja dengan LTI sifar adalah seperti berikut:

LPA	Juta Jam bekerja dengan LTI Sifar
LPA SSP 2	4,915,403.80 (LPA SSP2 mempunyai LTI sifar sejak pentauliahannya pada 17 Julai 1998)
LPA Wangsa Maju	1,220,833.74 (LPA Wangsa Maju mempunyai LTI sifar sejak pentauliahannya pada 18 Julai 1998)
Wilayah Tengah	4,109,456.27
Wilayah Selatan	3,465,727.72
Wilayah Utara	4,170,020.84
Ibu Pejabat PNSB	5,504,055.00

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

Di PNSB, sejak ditauliahkan pada bulan Julai 1998, LPA SSP2 tidak mempunyai kemalangan industri dan LPA ini telah menunjukkan tahap komitmen yang tinggi terhadap piawaian kesihatan dan keselamatan di tempat kerja dan amalan serta prosedurnya sentiasa mengikut Sistem Pengurusan Bersepadu yang meliputi Sistem Pengurusan ISO 9001:2008 (Kualiti), ISO 14001 (Alam Sekitar) dan OHSAS 18001:2007 (Keselamatan).

LPA SSP2 menjadi LPA yang pertama di Malaysia di mana akreditasi dan pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar berjaya dipertahankan sehingga ke hari ini dan tidak ada sebarang ketidakpatuhan yang ketara.

LPA Wangsa Maju juga tidak mempunyai sebarang kemalangan industri sejak ditauliahkan pada Julai 1998.

Dimaklumkan juga bahawa sejak bulan September 2002, LTI telah memasukkan definisi jam bekerja kontraktor dan pembekal selepas mereka menjalani latihan dan pembiasaan kesihatan dan keselamatan yang ekstensif di LPA SSP2.

Di SYABAS, sepanjang 2013 terdapat 29 kes kemalangan. Kesemua kes yang dilaporkan dikelaskan di bawah kemalangan ulang-alik, kemalangan melibatkan motosikal merupakan yang tertinggi dengan catatan 27 kes, diikuti oleh 2 kes kemalangan kereta. Tetapi memandangkan hanya kemalangan pekerjaan perlu diambil kira untuk Kehilangan Masa Akibat Kecederaan ("LTI") maka perlu dimaklumi bahawa tiada kes LTI dicatatkan di SYABAS pada tahun 2013.

Juga tiada penyakit pekerjaan direkodkan pada 2013.

Di SYABAS, LTI yang dicatatkan pada 2013 adalah seperti berikut:-

	2013	
Jenis Kecederaan	**Kakitangan**	**Kontraktor**
Kematian	3	0
LTI	0	0
Kes Kerja Terhad	0	0
Kes Rawatan Perubatan	0	0
Bantuan Kecemasan	0	0
Kerosakan Peralatan	0	0
Hampir Berlaku	0	0
Kebakaran	1	0
Tumpahan	0	0
Pelepasan Hidrokarbon	0	0
Kemalangan Kenderaan	26	0
Lain-lain	0	0
Laporan Bahaya	0	0
Jam Bekerja	35,751,389	-

Acara PEKA: Kejohanan GOLF Amal PEKA 2013

MENGHARGAI KAKITANGAN KAMI

GOM Resources telah mencapai 3.5 juta jam bekerja dengan operasi bebas LTI pada April 2013.

Bagi GOM Resources, LTI yang dicatatkan pada 2013 adalah seperti berikut:-

	2013	
Jenis Kecederaan	**Kakitangan**	**Kontraktor**
Kematian	0	0
LTI	0	0
Kes Kerja Terhad	0	0
Kes Rawatan Perubatan	0	1
Bantuan Kecemasan	0	1
Kerosakan Peralatan	1	-
Hampir Berlaku	9	-
Kebakaran	0	-
Tumpahan	0	-
Pelepasan Hidrokarbon	0	-
Kemalangan Kenderaan	0	-
Penyakit Pekerjaan	1	-
SOR	2,891	-
Jam Bekerja	1,658,699	-

Untuk meningkatkan kesedaran mengenai kemalangan ulang-alik terutamanya yang melibatkan motosikal, Seksyen HSE telah memulakan program mendidik para penunggang motosikal di kalangan kakitangan. Program yang dinamakan 'Kursus Kemahiran Menunggang Motosikal Secara Berhemah' telah diwujudkan bagi menggalakkan kesedaran di kalangan penunggang motosikal tentang kepentingan keselamatan jalan raya, tindakan yang diambil sewaktu kecemasan dan kaedah memandu dengan selamat.

Jadual F : Bilangan Kemalangan yang Dicatatkan Bagi Lima Tahun yang Lalu

Tahun	Bilangan Kemalangan
2009	34
2010	35
2011	45
2012	27
2013	29

Mengundang Penglibatan Pekerja Kami

PEKA

Kumpulan mengiktiraf kepentingan menyediakan kakitangan dengan keseimbangan yang secukupnya antara kerja dan kehidupan. Persatuan Kakitangan Bekalan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya ("PEKA") ditubuhkan pada 15 September 2006. Ia merupakan sebuah persatuan kakitangan yang ditubuh untuk menyediakan bantuan kebajikan dan menjalin hubungan sosial dan budaya antara kakitangan Kumpulan dengan komuniti. PEKA terbuka kepada semua kakitangan PNSB, SYABAS, POG dan GOM Resources.

Pada tahun 2013, PEKA telah menganjurkan pelbagai acara yang meliputi aktiviti rekreasi, acara sukan dan program budaya serta keagamaan dengan sokongan dan galakan penuh daripada Pengarah Eksekutif dan pihak Pengurusan Kanan. Matlamat PEKA untuk menggalakan aktiviti rekreasi, kebajikan, kesenian, kebudayaan, sosial, keagamaan serta sukan aktiviti di kalangan semua ahlinya pada 2013 telah berjaya dan ahlinya telah dapat menikmati program seperti OCBC Cycle Malaysia 2013, Kejohanan Golf Amal PEKA 2013, Walkathon "Berjalan Untuk Alam Semula Jadi", Kejohanan Boling PEKA 2013, Program "Jasamu Dikenang" Percutian ke Krabi, Thailand, Program Bubur Lambuk PEKA 2013, Majlis Berbuka Puasa, Program Gotong-Royong, Jamboree Fotografi PEKA 2013, Kejohanan Futsal Peka 2013 Piala Tan Sri Rozali, Pertandingan Badminton PEKA 2013 and Karnival Sukan PEKA 2013.

MEMELIHARA ALAM SEKITAR KITA

Impak kami terhadap alam sekitar merupakan sebahagian penting tanggungjawab korporat, dan Kumpulan akan memantapkan lagi prestasi dalam bidang ini.

Impak kami terhadap alam sekitar merupakan sebahagian penting tanggungjawab korporat, dan Kumpulan akan memantapkan lagi prestasi dalam bidang ini. Bagi menyediakan air boleh minum yang berkualiti, kami berhasrat untuk mengamalkan penggunaan air mentah secara bertanggungjawab demi menzahirkan kelestarian alam sekitar.

Kami berdepan dengan pelbagai cabaran dalam menyediakan air boleh minum yang berkualiti tinggi mengikut permintaan dan semua ini boleh mengambil bentuk dari paip pecah, pencemaran air mentah di salur masuk air serta bekalan air mentah yang tidak mencukupi disebabkan musim panas dan kemarau. Pencemaran air telah menjadi satu masalah serius di Malaysia dan ia mula memberi kesan negatif terhadap kelestarian sumber air kita. Keutamaan kami adalah untuk memastikan kebersihan dan keselamatan air minum dengan impak yang minimal terhadap alam sekitar.

MEMASTIKAN AIR MINUM YANG BERSIH DAN SELAMAT

Kualiti Air Mentah

Bagi mengekalkan piawaian yang tinggi untuk air minum, kami menjalankan ujian secara rutin terhadap sampel air. Pada 2013, pencemaran air mentah merupakan salah satu punca utama penutupan Loji Pembersihan Air ("LPA") serta gangguan operasi. Bagi menentukan tahap pencemaran sumber air mentah, kami memantau pelanggaran kualiti air mentah di 27 muka sauk air yang terletak di enam kawasan tadahan air yang dikendalikan oleh Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB").

MEMELIHARA ALAM SEKITAR KITA

Data kualiti air mentah disusun berdasarkan laporan kualiti air bulanan. Kualiti air mentah dipantau mengikut parameter yang telah ditetapkan di bawah Had Kualiti Air Mentah Disyorkan menurut Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan (2004) ("NSDWQ") yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan ("MOH") dan dikategorikan kepada kategori Mikrobiologi, Kumpulan 1 (Fizikal), Kumpulan II (Bahan bukan organik), Kumpulan III (Logam berat), Kumpulan IV (Racun Perosak) dan Kumpulan V (Keradioaktifan).

Terdapat sejumlah 1,121 pelanggaran kualiti air mentah yang dikesan pada 2013. Pecahan pelanggaran adalah seperti di bawah:-

Jadual A: Pecahan Pelanggaran Parameter PNSB pada tahun 2012 dan 2013

Kumpulan parameter	Jumlah Pelanggaran Kualiti Air Mentah yang Direkodkan	
	2012	2013
Mikrobiologi	465	509
Kumpulan I - Fizikal	464	407
Kumpulan II - Bahan bukan organik	184	204
Kumpulan III – Logam berat	1	1
Kumpulan IV - Racun Perosak	0	0
Kumpulan V - Keradioaktifan	0	0
Jumlah	**1,114**	**1,121**

Didapati bahawa pelanggaran kualiti air mentah telah meningkat. Berdasarkan kaji selidik yang kami lakukan, beberapa aktiviti manusia yang boleh memberi impak terhadap pencemaran air mentah telah dikenalpasti. Ini termasuklah pembersihan tanah, perlombongan pasir secara haram, kuari batu kapur, kawasan pembuangan sampah terbuka serta tapak pembuangan sampah haram tanpa kemudahan rawatan bahan larut lesap.

Kadang-kala, kejadian di luar jangkaan boleh menjejaskan kualiti air yang kami bekalkan, yang biasanya berkualiti tinggi, akibat penutupan LPA. Pada 2013, daripada 30,873 contoh analisis yang dilakukan terhadap air bersih, sejumlah 31 contoh telah dikesan tidak mematuhi piawaian pada 0.1%, terutamanya berkaitan dengan isu-isu fluorin dan aluminium, seperti yang dikesan di LPA Bernam River Headworks ("BRH") Baru dan LPA Muka Sauk Ampang.

Disebabkan kejadian tanah runtuh yang berulang di sekitar kawasan tadahan air sejak Mac 2012, kualiti air mentah terutamanya kekeruhan di LPA Muka Sauk Ampang belum kembali seperti biasa tetapi merosot walaupun usaha oleh pihak berkuasa untuk menjalankan pembaikan cerun dan kerja-kerja merumput di sepanjang tebing sungai di 2 km hulu Sungai ("Sg") Ampang. Keadaan di LPA Muka Sauk Ampang semakin terbatas disebabkan oleh infrastruktur serta reka bentuk proses pembersihan. Proses pembersihan yang diguna pakai di LPA Muka Sauk Ampang adalah kaedah konvensional dengan penapisan pasir perlahan, dan tidak memiliki kelengkapan untuk mengendali air mentah yang rendah kualitinya di loji terutamanya selepas hujan lebat.

Carta A: Pelanggaran Kualiti Air Mentah & Penutupan Loji Tahunan (1995 – 2013)



Persampelan Air Mentah di Empangan Tasik Subang

Data kualiti air mentah PNSB dalam Carta A menunjukkan bahawa bilangan pelanggaran telah meningkat sebanyak 0.63% daripada 1,114 pelanggaran pada 2012 kepada 1,121 pelanggaran pada 2013.

PNSB menjalinkan kerjasama erat dengan Lembaga Urus Air Selangor ("LUAS") dan Jabatan Perhutanan dalam menjalankan pemantauan bersama di kawasan tadahan bagi mencegah kemerosotan lanjut terhadap kualiti air mentah.

Berdasarkan analisis yang dilaksanakan, kebanyakan pelanggaran kualiti air mentah berlaku di lembangan-lembangan Sg Langat, Sg Selangor dan Sg Bernam River seperti yang ditunjukkan di bawah:

Jadual B: Pecahan Pelanggaran PNSB mengikut Kawasan Tadahan pada 2012 dan 2013

Kawasan Tadahan	Jumlah LPA	Jumlah Pelanggaran Kualiti Air Mentah yang Direkodkan	
		2012	2013
Sg Langat	8	437	451
Sg Selangor	7	272	276
Sg Bernam	4	198	201
Sg Kelang	6	42	41
Sg Buluh	2	24	15
Sg Tengi	2	141	137
Jumlah	**29**	**1,114**	**1,121**

Kualiti Air Bersih

Berdasarkan program ujian kualiti air bersih yang dijalankan dari Januari hingga Disember 2013, pematuhan air bersih terhadap NSDWQ MOH mencapai tahap 99.9% seperti berikut:-

Tempoh	Bilangan analisis	Bilangan pematuhan	% Pematuhan
Januari – Disember 2013	30,873	30,842	99.9

Nota: Maklumat di atas adalah berdasarkan analisis oleh Makmal Pusat dan Makmal Bebas

Pada 2013, kapasiti pengeluaran dan kualiti air bersih di beberapa LPA telah terjejas akibat pencemaran air mentah, seperti berikut:

Jadual C: Kejadian Pencemaran Air Mentah pada 2013 yang menjejaskan operasi loji

Bil.	LPA	Jenis pencemaran	Kemungkinan sumber pencemaran	Gangguan operasi LPA
1	Sg Langat (I)	Kekeruhan air mentah dan warna yang tinggi	Pelepasan dari kawasan lombong pasir berhampiran Sg Sub, anak Sg Langat	Pengeluaran berkurangan daripada 10% - 50% semasa pencemaran
2	Salak Tinggi (II)	Tahap amonia yang tinggi dalam air mentah	Enap cemar disyaki dari kawasan perindustrian dan domestik	Boleh menyebabkan pelanggaran kualiti air bersih
3	Bukit Tampoi (II)	Tahap amonia yang tinggi dalam air mentah	Enap cemar disyaki dari kawasan perindustrian dan domestik	Boleh menyebabkan pelanggaran kualiti air bersih
4	Cheras (II)	Tahap amonia yang tinggi dalam air mentah	Enap cemar disyaki dari kawasan perindustrian dan domestik	Boleh menyebabkan pelanggaran kualiti air bersih

Nota: (I) Kejadian bulanan
(II) Semasa tahap air sungai rendah

Pada 2013, sejumlah 36 kes penutupan loji telah rekodkan akibat pencemaran air mentah yang berpunca daripada kandungan kelodak yang tinggi kerana hujan lebat, tumpahan diesel/minyak, pelepasan dari bengkel dan pembuangan sampah secara haram di mana kebanyakan kes melibatkan LPA Muka Sauk Ampang (31 kes). Loji-loji lain yang terjejas ialah LPA Sg Gombak, Batu 11 Cheras, Rantau Panjang dan SSP2.

Kami tidak membiarkan keadaan ini begitu sahaja. Tatkala berhadapan dengan kegagalan, kami melakukan penyiasatan yang teliti bagi memastikan air yang dibekalkan selamat untuk diminum dan mengikut kesesuaian keadaan, kami akan melaksanakan langkah-langkah pemulihan bagi mencegah kejadian daripada berulang.

Analisis Kualiti Air Mentah dan Air Bersih

Pecahan butiran analisis kualiti air pada 2013 berkenaan air mentah dan air bersih yang dikendalikan oleh Makmal Pusat serta Makmal Bebas yang dilantik adalah seperti berikut:-

Jadual D: Pecahan analisis kualiti air bagi 2013 yang dikendalikan oleh Makmal Pusat dan Makmal Bebas

	Bilangan Analisis yang dikendalikan untuk LPA PNSB		
	Oleh Makmal Pusat	Oleh Makmal Bebas yang Dilantik	Jumlah
Air mentah	6,823	7,491	14,314
Air bersih	18,663	12,210	30,873
Jumlah	**25,486**	**19,701**	**45,187**

Penyelidikan, Pengawasan dan Pemantauan Kualiti Air Secara Berterusan

PNSB

Program Pemantauan Pengawasan

Program Jaminan Kualiti Air Bersih

Prestasi kualiti air bersih turut diukur menggunakan petunjuk bagi Program Jaminan Kualiti ("QAP") oleh MOH. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan dari Januari hingga Disember 2013 oleh Makmal Pusat serta Makmal Bebas yang dilantik oleh PNSB, kualiti air bersih yang dihasilkan oleh kesemua 29 LPA yang dikendali oleh PNSB telah mematuhi keperluan MOH seperti yang ditunjukkan di bawah:-

Jadual E: Pematuhan Kualiti Air Bersih terhadap QAP

Parameter	QAP (% pelanggaran)	2012	2013
E. Coli	<0.4	0	0
Baki Klorin Bebas ("FRC")	<2.3	0.005	0.003
E. Coli & FRC	<0.2	0	0
Kekeruhan	<2.0	0.015	0
Aluminium	<10.2	0.351	0.077

Nota: Jadual di atas adalah berdasarkan analisis oleh Makmal Pusat, Makmal Bebas dan LPA

Jadual E memperlihatkan bahawa air bersih yang dihasilkan oleh PNSB mempunyai peratusan pematuhan yang tinggi serta memenuhi keperluan MOH.

Hari Air Sedunia 2013, Morib

Pemantauan Kualiti Air Mentah

Satu Program Indeks Kualiti Air ("WQI") dijalankan pada setiap bulan atas air mentah bagi semua LPA untuk menentukan kebersihan dan kesesuaian air mentah untuk diminum.

Penilaian WQI yang dijalankan di 27 muka sauk di Selangor dan Lembah Klang berperanan sebagai asas bagi penilaian alam sekitar. WQI dikira berdasarkan enam parameter, iaitu Oksigen Terlarut, BOD5, COD, Ammoniacal Nitrogen, Jumlah Pepejal Terampai ("TSS") dan pH.

Berdasarkan nilai WQI, sungai-sungai boleh diklasifikasikan di bawah kualiti Kelas I, II, III, IV atau V, di mana nilai Kelas I menunjukkan kualiti air sungai yang terbaik.

Jadual F: Klasifikasi Indeks Kualiti Air Mengikut Jabatan Alam Sekitar Malaysia

Kelas WQI	Julat	Deskripsi Penggunaan/ Pembersihan Air
I	>92.7	Secara praktikal, tiada pembersihan diperlukan
II	76.5 – 92.7	Memerlukan pembersihan konvensional
III	51.9 – 76.5	Memerlukan pembersihan ekstensif
IV	31.0 – 51.9	Pengairan sahaja
V	<31.0	Air tidak sesuai untuk sebarang kegunaan di atas

(Sumber: Jabatan Alam Sekitar Malaysia)

Jadual G: Rekod Indeks Kualiti Air ("WQI") di LPA bagi Tahun 2013

Kelas WQI	Bil. LPA	LPA
I	8	LPA Kuala Kubu Bharu, Sg Lolo, Sg Serai, Sg Gombak, Sg Kepong, Sg Rangkap, Ampang Intake dan Sg Rumput
II	13	LPA Sg Sireh, Rantau Panjang, Kalumpang, Bernam River Headworks, Batang Kali, Sg Selisek, Sg Dusun, Sg Tengi, Sg Buaya, Sg Langat, Sg Pangsoon, Sg Batu dan North Hummock
III	6	LPA Sg Selangor Fasa 2 (SSP2), Bukit Tampoi, Batu 11 Cheras, Salak Tinggi, Bukit Nanas dan Wangsa Maju
IV	0	Tiada
V	0	Tiada
Jumlah	**27**	

Nota: LPA Sg Keroh telah ditutup

Jadual H: Purata Bacaan WQI bulanan bagi Tahun 2012 dan 2013

	Bil. LPA	
Kelas WQI	**2012**	**2013**
I	8	4
II	12	18
III	7	5
IV	0	0
V	0	0
Jumlah	**27**	**27**

Purata bacaan WQI bulanan bagi 2013 menunjukkan bahawa terdapat sedikit peningkatan dalam kualiti air mentah berbanding tahun 2012.

Hari Pemantauan Sungai BPS 2013

Pemantauan Paras Amonia

Pemantauan paras Amonia dilakukan setiap jam di empat LPA yang kritikal di sepanjang Lembangan Sg Langat iaitu di LPA Sg Langat, Batu 11 Cheras, Bukit Tampoi dan Salak Tinggi untuk memastikan persediaan awal dan tindakan sewajarnya diambil jika LPA tersebut ditutup akibat paras amonia yang tinggi. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan pada tahun 2013, paras amonia bagi kedua-dua air mentah dan air bersih di empat LPA tersebut adalah seperti yang diringkaskan di bawah:-

Jadual I: Ringkasan Paras Amonia Harian 2013 di Empat (4) LPA Sepanjang Lembangan Sg Langat

		Paras Amonia (mg/L)	
Bil.	**LPA**	**Air Mentah Min – Maks (Purata)**	**Air Bersih Min – Maks (Purata)**
1.	Sg Langat	0.00 – 0.40 (0.08)	0.00 – 0.40 (0.01)
2	Batu 11 Cheras	0.00 – 3.18 (0.54)	0.00 – 1.30 (0.01)
3.	Salak Tinggi	0.03 – 1.08 (0.51)	0.00 – 0.32 (0.01)
4.	Bukit Tampoi	0.00 – 2.04 (0.77)	Lama: 0.00 – 0.80 (0.07) Baru : 0.00 – 0.98 (0.07)

Nota: Piawaian MOH ialah 1.50 mg/L bagi kedua-dua air mentah dan air bersih

PNSB telah mengetengahkan bacaaan paras amonia yang tinggi dalam air mentah kepada LUAS untuk LUAS mengambil tindakan sewajarnya bagi mengurangkan pencemaran dan mencegah kemerosotan lanjut terhadap kualiti air mentah.

Pemantauan Kualiti Air Takungan Pengimbangan

Air yang sudah dibersihkan dari LPA akan disimpan dalam takungan pengimbangan sebelum diagih kepada para pengguna oleh SYABAS. Bagi memastikan kualiti air yang tinggi dibekalkan berterusan kepada pengguna, pemantauan rutin terhadap kualiti air bersih dan air takungan dilakukan pada kedalaman yang berbeza setiap suku tahun.

Status kualiti air dalam takungan akan dipantau melalui analisis parameter kualiti air seperti pH, kekeruhan, warna, aluminium, besi dan mangan. Keputusan pemantauan akan digunakan bagi menentukan sama ada takungan tersebut perlu dipancur keluar atau dicuci.

Berdasarkan pemantauan yang dijalankan pada tahun 2013, sejumlah empat takungan telah dibersihkan sama ada secara manual atau menggunakan kaedah robotik iaitu di LPA Rantau Panjang, Sg Selisek, Sg Rangkap dan Sg Lolo (Lama).

Pemantauan Prestasi Penapis

Proses penapisan merupakan peringkat terakhir dalam proses pembersihan air bagi membuang pepejal terampai yang halus dan tidak dapat dibuang semasa proses penjernihan. Kebanyakan proses penapisan di PNSB menggunapakai proses penapis graviti pasir deras.

Proses Penapisan

Dalam memantau prestasi penapis, pengawasan terhadap tempoh jam penggunaan dan kehilangan turus jam kegunaan adalah amat penting bagi memastikan penapis kekal beroperasi dalam keadaan yang baik. Bilamana penapis telah beroperasi mengikut tempoh jam penggunaan yang ditetapkan atau telah mencapai tahap kehilangan turusnya, bergantung kepada yang mana berlaku lebih awal, maka kerja pembersihan akan dilakukan.

Unit Penyelidikan & Proses ("R&P") Seksyen Kualiti Air & Penyelidikan ("WQRS") sentiasa memantau prestasi penapis dengan menjejak tempoh jam kegunaan setiap penapis bagi memastikan, ia beroperasi dengan berkesan.

Pada tahun 2013, keseluruhan prestasi penapis yang dipantau telah menurun dari segi pertambahan bilangan penapis kepada 47 unit yang diguna pada 2013 berbanding hanya 43 unit yang digunakan pada 2012, dengan tempoh jam kegunaan kurang daripada 30 jam. Ini mungkin disebabkan oleh kemerosotan kualiti air mentah dan masalah yang dihadapi oleh sistem penapisan yang sudah berusia yang sama ada memerlukan penggantian atau pembaikan.

Sebagai langkah untuk menambah baik prestasi dan operasi penapis, sebuah Pasukan Penapis telah dibentuk pada Ogos 2013. Pasukan ini terdiri daripada wakil Pejabat Wilayah, Makmal Pusat dan WQRS. Pada 2013, Jabatan Operasi dan Penyelenggaraan PNSB telah menjalankan kerja-kerja pembaikan di penapis terpilih bertempat di LPA Gombak, Sg Batu, North Hummock, Sg Rangkap, Batang Kali dan Rantau Panjang.

PNSB telah membentuk sebuah pasukan untuk menjalankan penilaian mendalam terhadap penapis yang bermasalah serta mencadangkan tindakan yang perlu diambil untuk meningkatkan prestasi penapis.

SYABAS

Pemantauan Kualiti Air

Program Jaminan Kualiti oleh Kementerian Kesihatan ("MOH")

Kualiti air yang dibekalkan dari LPA ke sistem pengagihan SYABAS dipantau secara sistematik dan secara rawak oleh

Hari Pemantauan Sungai BPS 2013

MOH menerusi pengambilan sampel dan menguji untuk baki klorin, jumlah bakteria bentuk koli, E.Coli dan aluminium, di samping menjejak QAP. Peratus pelanggaran untuk setiap parameter hendaklah kurang daripada had yang ditetapkan oleh QAP. Sehingga Disember 2013, purata 2,768 sampel air bulanan telah diambil dan 103,006 ujian atau analisis dijalankan oleh MOH dan dari kesemua ini, 99.58% telah mematuhi Piawaian Kebangsaan dengan pelanggaran kualiti sifar direkodkan bagi parameter mikrobiologi.

Jaminan Kualiti Air Dalaman

Berdasarkan bilangan stesen pensampelan yang sedia ada dan kekerapan pensampelan menurut NSDWQ MOH, purata 1,831 sampel bulanan diambil dan 78,336 analisis dijalankan sepanjang 2013. Hasil keputusan menunjukkan 99.97% dari sejumlah 78,336 analisis telah mematuhi NSDWQ MOH.

Kaji Selidik Sanitari

Kaji selidik sanitari merupakan program yang dijalankan untuk menilai impak umum aktiviti manusia terhadap sumber air mentah dan kualitinya yang sepadan. Ia turut menilai tahap kecekapan proses pembersihan LPA berhubung dengan komponen air mentah serta kualiti air bersih di saluran agihan.

Pada 2013, sebanyak sembilan kaji selidik sanitari telah dijalankan secara bersama oleh pasukan SYABAS bersama MOH dan para pengendali LPA di kawasan-kawasan kaji selidik berikut yang meliputi kawasan tadahan air, proses-proses LPA dan kawasan pengagihan:-

1. LPA Rantau Panjang
2. LPA Sg Langat & LPA Batu 11 Cheras
3. LPA Batang Kali
4. LPA Sg Batu
5. Empangan Tasik Subang & LPA North Hummock
6. LPA Sg Labu
7. Sistem Pengagihan LPA Sg Selangor (Petaling)
8. Sistem Pengagihan LPA Sg Labu (Kuala Langat)
9. Sistem Pengagihan LPA Sg Sireh (Sabak Bernam)

Berdasarkan kaji selidik ini, beberapa aktiviti yang mungkin mendatangkan impak pencemaran air telah dikenal pasti dan dikemukakan kepada pihak berkuasa. Ini termasuklah perindustrian, pembersihan tanah, perlombongan pasir secara haram, kuari batu, kawasan pembuangan sampah terbuka, cerobohan, penternakan serta tapak pembuangan sisa haram. Ini menghasilkan pengesanan awal dan juga memberi gambaran umum tentang potensi punca pencemaran untuk dijadikan rujukan semasa berlakunya kejadian pencemaran sungai yang membawa kepada penutupan LPA.

MEMELIHARA ALAM SEKITAR KITA

Kajian Impak Alam Sekitar ("EIS")

Pada 2013, aktiviti penilaian penggunaan tanah bagi Kajian Impak Alam Sekitar ("EIS") telah dijalankan di kawasan tadahan Sg Selangor, Sg Langat, Sg Bernam, Sg Klang, Sg Tengi dan Sg Buluh. Penggunaan tanah di sekitar kawasan tadahan air merujuk kepada pelbagai aktiviti alam semula jadi dan manusia yang mungkin mengakibatkan pencemaran air mentah dan menyebabkan kemerosotan kualitinya. Pencemaran ini mungkin boleh menjejaskan kualiti air mentah sehingga ke tahap di mana proses pembersihan air tidak mampu menampung, dan seterusnya mengakibatkan gangguan bekalan air minum.

Di samping penilaian penggunaan tanah, dalam tahun 2013 pemantauan kualiti air mentah dan penilaian WQI turut dijalankan setiap bulan bagi muka sauk air dalam untuk menentukan kualiti air mentah semasa.

Program EIS ini menyediakan maklumat mengenai keadaan semasa kualiti air mentah dan isu atau risiko pencemaran yang dihadapi di sekitar kawasan tadahan air. Penemuan berserta saranan dikemukakan kepada agensi dan pihak berkuasa berkaitan untuk mengurangkan risiko alam sekitar sebelum ia menjejaskan mana-mana operasi LPA dan bekalan air.

Pendekatan Pelbagai Pihak Pemegang Kepentingan bagi Memastikan Air yang Bersih dan Selamat

Menjalin Kerjasama

Apabila berlakunya kejadian pencemaran air mentah, suatu penyiasatan terhadap alam sekitar dilaksanakan bagi mengenal pasti punca pencemarannya. Penyiasatan ini akan melibatkan penyelarasan dan maklum balas dengan pelbagai agensi kawal selia. Sebaik sahaja punca tersebut dikenal pasti, pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ("SPAN"), Jabatan Alam Sekitar Selangor ("JAS") serta Lembaga Urus Air Selangor ("LUAS") akan dimaklumkan untuk mengambil tindakan selanjutnya. Rentetan dari ini, laporan penyiasatan yang lengkap akan dikemukakan kepada pihak berkuasa tersebut serta agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ("KeTTHA"), Kerajaan Negeri Selangor serta majlis perbandaran masing-masing.

Kerjasama daripada pihak berkuasa ini perlu bagi mengambil tindakan terhadap para pelaku pencemaran tersebut. Pendekatan pelbagai pihak pemegang kepentingan membolehkan kami membuat saranan dan memberi penyelesaian dengan pantas agar dapat menyelesaikan isu yang dihadapi dan melaksanakan langkah bagi memastikan kejadian pencemaran yang sedemikian tidak berulang.

Dalam menjalin kerjasama dengan para pemegang kepentingan, SYABAS telah mengetengahkan kemusykilan tersebut kepada pihak berkuasa, dan bekerja rapat dengan Jabatan Alam Sekitar ("JAS"), LUAS serta pihak berkuasa lain yang berkaitan di peringkat negeri dan persekutuan bagi mencegah pencemaran. Menerusi hubungan ini, SYABAS menyokong usaha agensi penguatkuasaan untuk mengurangkan kejadian pencemaran.

Citra Aidilfitri BPS

Biodiversiti

Pada masa ini wujud suatu kesepakatan umum bahawa perubahan iklim akan membawa kepada kekerapan berlakunya cuaca melampau. Ia seterusnya berkait dengan meningkatnya kemungkinan berlaku banjir yang dahsyat atau tempoh kemarau yang ekstrem, yang menambah tekanan terhadap infrastruktur air dan pembentungan kami, memberikan kami pelbagai cabaran. Ini mengambarkan bentuk cuaca yang mungkin kami alami pada masa depan akibat perubahan iklim dan kami sedang merangka rancangan untuk mengurangkan risiko.

Memulihara biodiversiti adalah amat penting kerana ia sering menghasilkan faedah yang lebih luas dalam ekosistem seperti penambahbaikan air dan kualiti landskap. PNSB menjalin kerjasama erat dengan LUAS dan Jabatan Perhutanan dalam mengendali pemantauan bersama di kawasan tadahan air agar dapat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mencegah kemerosotan air mentah daripada berlanjutan.

PNSB telah berjaya memulihkan kawasan cerun di LPA Sg Dusun dan LPA Muka Sauk Ampang. Kerja pembaikan di LPA Muka Sauk Ampang adalah perlindungan tebing sungai dan kerja-kerja pembetulan pembetung pada kerosakan cerun akibat banjir kilat yang berlaku pada tahun sebelum ini. Tindakan telah diambil untuk membetulkan cerun dan tebing sungai. Kaedah yang digunakan di lereng adalah mengisi batu, dan cerun di tebing sungai telah dilindungi dengan menggunakan kaedah jadual pasir.

Kerja-kerja lain adalah perlindungan cerun di LPA Rantau Panjang, bertindak sebagai langkah-langkah keselamatan untuk melindungi takungan dan lain-lain struktur yang menetap di atas cerun.

Satu lagi perkara yang menjadi kebimbangan buat kami adalah masalah ketidaktentuan cuaca yang menyaksikan tempoh kemarau yang panjang ataupun kejadian banjir. Pada tahun 2013, tiada sebarang kesan serius banjir atau cuaca kering. Walaubagaimanapun bermula 2014, lembangan Sg Selangor telah serius terjejas oleh cuaca kering yang melampau yang telah membawa kepada catuan air di sembilan (9) daerah.

Memanfaatkan Sumber

Inisiatif kami terhadap alam sekitar termasuk turut mencakupi prestasi tenaga serta pengurusan sisa dan enap cemar. Agar dapat mengurangkan tekanan terhadap alam sekitar, SYABAS turut memantau dan memberi pertimbangan terhadap jejak karbon dalam program yang dilaksanakan, di mana ia adalah sejajar dengan visi untuk memelihara alam sekitar.

Penggunaan Air Bagi Operasi

Air digunakan untuk kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan seperti pembersihan penapis LPA, pembersihan tempat takungan dan tangki simpanan, pencucian saluran paip, serta pancuran. Kami sentiasa berusaha mencari cara baharu untuk mengurangkan lagi penggunaan air. Hingga kini, kehilangan air loji telahpun dapat dikurangkan dengan mengamalkan pemulihan air basuhan dan meningkatkan kitaran pembersihan penapis kepada 72 jam. Di samping itu, sejak tahun 2007, SYABAS telah menggunakan teknologi mengeruk udara untuk membersihkan saluran paip bukan curahan konvensional, yang telah menghasilkan penggunaan air yang kurang.

Tenaga dan Elektrik

Industri air menggunakan kuasa elektrik secara intensif. Di PNSB, sistem pengepam LPA melibatkan penggunaan elektrik paling tinggi, sementara SYABAS memerlukan elektrik untuk menggerakkan 613 stesen pengepamnya. Penggunaan elektrik PNSB dan SYABAS pada tahun 2013 dibentangkan seperti di bawah:-

- Walaupun program pengoptimuman elektrik kita adalah berterusan di LPA, hanya pengurangan kecil dalam penggunaan elektrik adalah mungkin kerana LPA beroperasi pada kecekapan yang optimum dari segi penggunaan elektrik.
- Di SYABAS, jumlah penggunaan elektrik adalah sebanyak 176,755,392 kWj. Langkah SYABAS untuk menggantikan peralatan pam lama dan ketidakcekapan alat pam untuk mengurangkan penggunaan elektrik di stesen pam penggalak dan pejabat telah terjejas disebabkan pembekuan CAPEX yang berterusan.
- Di ibu pejabat kami di Wisma Rozali, penggunaan elektrik telah berkurangan kepada 1,817,009 kWj pada 2013 dari 1,842,228 kWj pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan oleh penggunaan sumber dan penerapan budaya penjimatan tenaga yang lebih cekap di kalangan pekerja kami.
- Di Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG")/GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources"), jumlah penggunaan elektrik pada 2013 adalah sebanyak 184,247 kWj.

Agar dapat melakukan penjimatan bilamana mungkin, maka pada 2013, PNSB telah melaksanakan inisiatif kecekapan tenaga seperti berikut:-

(1) Kerja-kerja naik taraf di LPA SSP2

- Kerja-kerja pemulihan Panel Kawalan untuk Loji Penapisan.

Program BPS, Shah Alam

- Menaik taraf Siemens S5 PLC kepada S7-300 PLC.
- Lengkapan pemantauan keadaan dalam-talian di Muka Sauk dan LPA telah dinaik taraf.
- Penghidup motor kepada pemacu kelajuan boleh ubah ("VSD') untuk pam air bagi mengurangkan arus rempuh masuk semasa motor dihidupkan telah dinaik taraf.

(2) Memasang sistem pam dan perpaipan dari empangan ke LPA Sg Pangsoon

- Pemasangan sistem pam dan perpaipan dari empangan ke LPA Sg Pangsoon melalui metodologi sifon dengan rekaan unik menggunakan tenaga yang sangat rendah untuk memindahkan air dari empangan ke LPA Sg Pangsoon telah lengkap.

(3) Penambahbaikan pam di LPA

- Penambahbaikan dan penggantian pam di LPA bagi meningkatkan kecekapan pengepaman telah disempurnakan di LPA Wangsa Maju, Bukit Nanas, Sg Batu, Sg Rangkap, Sg Gombak, Muka Sauk Ampang, SSP2 dan Sg Langat.

(4) Penggunaan pada waktu puncak & pada waktu bukan-puncak

- Penggunaan pada waktu puncak dan pada waktu bukan-puncak bagi LPA yang lebih besar seperti LPA SSP2 dan LPA Sg Langat menggunakan sumber 33 KV.

(5) Penggantian Turas Tekanan

- Penggantian turas tekanan LPA Muka Sauk Ampang bagi meminimumkan kerugian disebabkan ketidakcekapan dalam penggunaan tenaga dalam turas tekanan lama.

(6) Menaik Taraf Transformer

- LPA SSP2 memulakan kerja menaik taraf transformer bagi memastikan kuasa optimum dan pengurangan kerugian tenaga.

(7) Servis Berjadual untuk Peralatan Utama

- LPA mengendalikan servis berjadual penyelenggaran pencegahan untuk peralatan utama.

(8) Penggunaan Alat Pelindung Pusuan berkecekapan tinggi

- Pemasangan Alat Pelindung Pusuan berkecekapan tinggi pada papan suis utama bagi melindungi peralatan dan memanjangkan jangka hayat peralatan di LPA.

(9) Suhu Penyaman Udara ditetapkan pada 24°C di semua tingkat di Wisma Rozali

- Peningkatan suhu bilik penyaman udara dari purata 21-23°C kepada 24-25°C telah menzahirkan penjimatan kos melebihi RM3,988.66 sebulan.

(10) Basikal

- Program Menunggang Basikal bagi menggalakkan inisiatif hijau di mana enam (6) unit basikal digunakan di sekitar kawasan LPA SSP2 (dianggar menghasikan 1,395 kg emisi CO^2 setahun).

(11) Penambahbaikan Pam Air Mentah P6 di Loji Muka Sauk

- Penambahbaikan Pam Air Mentah P6 di LPA SSP2 di Loji Muka Sauk (menjana penjimatan tenaga dalam anggaran RM59,321.00 setahun).

(12) Penambahbaikan Pam Air Mentah P10 di Loji Muka Sauk

- Penambahbaikan Pam Air Mentah P10 di LPA SSP2 Loji Muka Sauk (menjana penjimatan tenaga dalam anggaran RM110,259.00 setahun).

(13) Penambahbaikan Pam Air Bersih P1 di TWPS

- Penambahbaikan Pam Air Bersih P1 di LPA SSP2 di TWPS (menjana penjimatan tenaga dalam anggaran RM18,869.00 setahun).

PNSB turut mengendali aktiviti-aktiviti baharu yang berikut untuk menjimatkan tenaga di LPA SSP2:-

A. Meneruskan Inisiatif kecekapan tenaga dari tahun sebelumnya:-

1. Menggantikan lampu pendarfluor kepada Lampu Bay Rendah di C & D loji aliran kapur (menjana penjimatan tenaga dalam anggaran RM3,286.62 pada 2013).
2. Menggunakan semula air pensampelan untuk kegunaan LPA di Loji Penapisan (menjana penjimatan tenaga dalam anggaran RM127,334.00 pada 2013).
3. Penyahtauliahan Pencampur Penggumpal pada proses Penggumpalan Loji Actiflo (menjana penjimatan tenaga dalam anggaran RM80,210.00 pada 2013).

Pemantauan & Inisiatif Jejak Karbon SYABAS

Pada Mei 2010, SYABAS telah memulakan Program Inisiatif Jejak Karbon ("CFIP") yang menetapkan garis dasar untuk emisi karbon dari operasi SYABAS bermula pada tahun 2010.

SYABAS CFIP merupakan sebuah program sukarela yang menerapkan aspirasi SYABAS terhadap alam sekitar di mana ia menggalakkan pembangunan ekonomi dan menyumbang secara positif ke arah mengurangkan perubahan iklim. Bagi mencapai objektif ini dan latihan kesedaran berkenaan matlamat, program Jejak Karbon telah diadakan untuk kakitangan SYABAS pada 2013 dengan matlamat Program untuk memperluaskan pelaksanaan inisiatif dan rangka kerja jejak karbon secara berkesan.

Dalam memainkan peranannya untuk mengurangkan tekanan terhadap alam sekitar, SYABAS juga berusaha untuk menempatkan Syarikat pada laluan rendah karbon, yakni usaha yang seiring dengan visi Syarikat demi memastikan kelestarian alam sekitar.

Pengurusan Sisa

Sisa yang terhasil daripada aktiviti kami secara umumnya adalah lebihan daripada LPA kami, sisa kertas, sisa pembinaan daripada

Program 3P, Klang

projek dan program penyelenggaraan kami, dan sisa daripada aktiviti-aktiviti minyak dan gas. Sisa terbesar adalah sisa yang terjana daripada LPA kami.

Bagi LPA SSP2 dan Wangsa Maju, enap cemar disimpan di kawasan depositori LPA SSP2. Pelepasan efluen daripada LPA ini memenuhi keperluan Envionmental Quality Act ("EQA"). Bagi LPA yang selebihnya, inisiatif kami terbantut kerana ketiadaan kawasan depositori. Kami telah mengenal pasti tiga belas (13) lokasi namun Kerajaan Negeri Selangor telah menangguhkan cadangan kami sementara menunggu siapnya penstrukturan semula industri air di Selangor.

SYABAS menghendaki semua kontraktornya membersihkan sisa yang terhasil daripada aktiviti penyelenggaraan. Semua kontraktor dipantau secara kerap untuk memastikan mereka mematuhi sepenuhnya.

Berikut adalah sisa yang terhasil oleh aktiviti minyak dan gas kami:-

Jadual J: Pematuhan Sisa Berjadual GOM Resources

Kod	Kategori Bahan Buangan	Kuantiti / Amaun
SW 102	Buangan bateri asid plumbum secara seluruh atau dalam bentuk hancur	0.07 MT
SW 103	Buangan bateri yang mengandungi kadmium dan nikel atau raksa atau litium	0.08 MT
SW 110	Buangan daripada pemasangan elektrik dan elektronik yang mengandungi komponen seperti penumpuk, suis raksa, gelas dari tiub sinar katod dan lain-lain gelas diaktifkan kapasitor bifenil berpoliklorofin, atau dicemari kadmium, raksa, plumbum, nikel, kromium, kuprum, litium, perak, mangan atau bifenil berpoliklorofin	0.33 MT

Kod	Kategori Bahan Buangan	Kuantiti / Amaun
SW 305	Minyak pelincir terpakai	6.69 MT
SW 309	Campuran minyak-air seperti balast air	58.37 MT + 98.91 M^3
SW 410	Kain buruk, plastik, kertas atau penapis yang dicemari sisa berjadual	0.22 MT

Nota:
MT Tan Metrik
M^3 Meter Padu

Penggunaan Kimia

PNSB menggunakan 41,935.35 MT kimia dalam proses pembersihan air pada 2012 dan 39,043 MT pada tahun 2013. Setakat 31 Disember 2013, jumlah pengeluaran air bersih di 29 loji LPA telah mencecah 727,049,852 m^3 dan kira-kira 0.054 kg kimia diperlukan untuk membersih 1 m^3 air. Amaun kimia yang digunakan untuk setiap m^3 air bagi 2013 adalah sama seperti tahun sebelumnya.

Jejak Dalaman Kami - Tempat Kerja

Kami bertekad untuk menangani isu alam sekitar seperti iklim dalaman dengan kualiti udara dan suhu yang tidak memuaskan, pembaziran kertas dan cabaran alam sekitar yang memberi kesan terhadap kesihatan, prestasi dan impak kos operasi kami.

Iltizam kami terhadap alam sekitar turut disemai di tempat kerja. Usaha ini diperlihatkan menerusi pelbagai inisiatif alam sekitar yang diamalkan di pejabat dan LPA kami, termasuk mengurangkan penggunaan kertas dan mengamalkan aktiviti 3R (Reduce - Mengurangkan, Reuse - Guna Semula, Recycle - Kitar Semula) serta penjimatan tenaga. Kami memantau dengan teliti jejak karbon kami agar dapat menguruskan dengan lebih baik emisi yang terhasil daripada operasi, kakitangan, pembekal dan kontraktor.

Program BPS, Shah Alam

Kitar semula kertas

Usaha kami dalam kitar semula turut meliputi penggunaan kertas.

Pada 2013, penggunaan kertas oleh PNSB telah meningkat sebanyak 22.1% berbanding tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan bertambahnya penyertaan PNSB dalam pembidaan tender, cadangan perniagaan dan bertambahnya pengambilan kakitangan.

Di SYABAS, kami berusaha keras dalam mengurangkan penggunaan kertas dan kami telah menubuhkan jawatankuasa khas untuk memantau dan mengawal penggunaan kertas termasuk inisiatif terhadap pejabat 'tanpa kertas'.

Di POG/GOM Resources, kami juga berusaha untuk mengurangkan penggunaan kertas dengan melaksanakan penggunaan kertas kitar semula dan percetakan kedua-dua belah.

Pengurangan dan Kecekapan Kos

Kami terus telah melancarkan langkah penjimatan kos di seluruh Kumpulan bagi mengurangkan kos operasi. Matlamatnya adalah tertumpu kepada usaha untuk sentiasa memotong perbelanjaan yang tidak perlu, meningkatkan kecekapan, dan memperkemaskan proses bagi membantu kesinambungan pelaburan semula sebahagian atau seluruh penjimatan kos kembali kepada warga kerja, proses dan teknologi Syarikat.

Tingkah Laku Penjimatan Tenaga Secara Dalaman

PNSB turut bertindak menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan lampu dan pencahayaan bagi memastikan penjimatan tenaga. Ini termasuklah:

1) Memasang lampu hanya di stesen kerja yang diguna pakai.
2) Memadam lampu selepas waktu kerja, semasa makan tengah hari atau apabila keluar pejabat.
3) Pemasangan penderia gerakan di kawasan terpencil.
4) Menggunakan mentol jimat tenaga.
5) Menanggalkan lampu di kawasan bukan kritikal
6) Menggunakan pencahayaan suria di tempat takungan.

PNSB turut mengendali penggunaan penyaman udara yang merangkumi tindakan:

1) Mengekalkan penyaman udara pada suku bilik iaitu 24°C.
2) Memadam penyaman udara pada waktu malam.
3) Membeli produk yang ditauliah sebagai "Menjimatkan Tenaga".
4) Pemasangan pengawal suhu di pejabat.
5) Menambah baik kualiti udara dengan menempatkan tumbuhan hijau di pejabat.

Program Pengurusan Tenaga PNSB menyokong pelbagai inisiatif yang telah diwujudkan. Kami bekerjasama dengan TNB berhubung dengan program tenaga baharu dan keandalan tenaga. Tindakan ini diperlengkapkan oleh usaha lain yang sepadan termasuk buletin/maklumat/batu penjuru berkaitan tenaga di LPA SSP2. POG dan GOM Resources pula telah mengambil tindakan menggunakan mesin penyalin kawalan penjimatan tenaga dengan pemadam suis automatik bagi menjimatkan tenaga.

Demi meningkatkan proses, LPA kami telah mendapatkan khidmat perunding untuk menyelia dan memberi nasihat tentang program pengurusan tenaga, kesedaran, pelaksanaan dan penyerahan laporan kepada Suruhanjaya Tenaga, termasuk melatih kakitangan kami mengenai pematuhan terhadap Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Secara Cekap 2008, yang termaktub di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

Memperkasa Para Pengguna Kami

Penjimatan air tidak dapat dicapai sekiranya masyarakat yang lebih luas tidak memperkasa dengan pemahaman tentang betapa parahnya isu air ini. Masyarakat juga perlu dibekalkan dengan alat untuk menangani kekangan sumber yang amat serius. Sehubungan dengan ini, kami telah mewujudkan program bagi menggalakkan penggunaan air secara bertanggungjawab di kalangan para pelanggan dan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menjimatkan air, baik di rumah mahupun di tempat kerja.

Pengawasan dalam bidang ini adalah penting bagi kami dan kami terus terlibat dengan masyarakat menerusi pelbagai kempen dan aktiviti kesedaran alam sekitar dalam usaha untuk mengetengahkan kesan pencemaran alam sekitar dan perlunya mengekal dan memelihara sumber air kita.

Pendidikan Pengguna

Program Kesedaran dan Pendidikan Pengguna ("CAE") merupakan kempen pendidikan yang telah dicetuskan oleh SYABAS pada tahun 2008 agar dapat cepat mewujudkan kesedaran di kalangan pengguna tentang isu kualiti air.

Ia mendedahkan pengguna kepada aktiviti pemantauan kualiti air yang ketat yang dijalankan oleh MOH dan SYABAS. Dalam usaha untuk mendidik para pengguna, Program CAE mencakupi acara pendidikan, serta menyiarkan iklan cetak dan iklan elektronik serta iklan bermaklumat mengenai SYABAS. Program ini turut memberi penekanan terhadap peranan pengguna dalam mempertingkatkan kualiti air. Ini termasuk memeriksa dan mengekalkan sistem saluran paip dalaman dan tangki simpanan dalaman serta mendapatkan khidmat tukang paip berlesen bagi memastikan pemeriksaan dan pembersihan dilakukan secara profesional.

Untuk memastikan penambahbaikan yang berterusan terhadap program ini, Garis Panduan bagi CAE telah dirangka pada tahun 2010 berserta kaji selidik maklum balas pengguna untuk menilai impak serta keberkesanan program. Komen serta cadangan yang diterima daripada pengguna telah membolehkan SYABAS meningkatkan lagi usahanya demi memastikan bekalan air sentiasa bersih dan selamat untuk diminum.

Jadual K: Program CAE anjuran Ibu Pejabat dan Daerah dari tahun 2007 hingga 2013 (pada Disember 2013)

	Tahun						
Program CAE	**2007**	**2008**	**2009**	**2010**	**2011**	**2012**	**2013**
Program CAE anjuran Ibu Pejabat	5	16	3	15	20	28	26
Program CAE anjuran Daerah	N/A	532	957	185	179	285	283

Nota:

- N/A – Tidak Berkenaan. Program CAE di peringkat daerah hanya diperkenalkan pada tahun 2008.

Program CAE kami turut menepis salah-anggap tentang kualiti air bersih yang dibekalkan kepada para pengguna dan penggunaan penapis air di rumah yang adakalanya boleh menyumbang kepada kemerosotan kualiti air di premis pengguna. Program ini juga mendidik pengguna agar aktif memenuhi peranan dan tanggungjawab mereka dalam memelihara kualiti air yang dibekalkan ke premis mereka dengan menyelenggara sistem paip air dalaman.

BERSAMA KOMUNITI KAMI

PNHB mengiktiraf prinsip-prinsip Tanggungjawab Sosial Korporat ("CSR") sebagai cara yang mampan dan beretika untuk menjalankan perniagaan.

PNHB mengiktiraf prinsip-prinsip Tanggungjawab Sosial Korporat ("CSR") sebagai cara yang mampan dan beretika untuk menjalankan perniagaan. Dasar CSR kami menggariskan iltizam kami terhadap alam sekitar, kakitangan, komuniti dan para pemegang kepentingan yang lain. Sebagai sebahagian penting strategi kami untuk mencipta nilai kemampanan jangka panjang, kami menyedari perlunya memupuk dan memelihara perhubungan yang bermakna dengan para pemegang kepentingannya.

Dasar CSR kami meliputi pelbagai bidang seperti berikut:

Alam sekitar

- Untuk mempromosi dan menjalankan aktiviti bagi meminimumkan risiko pencemaran dan degradasi alam sekitar kami.

Kakitangan

- Untuk menghormati hak dan kepelbagaian kakitangan kami dengan menyediakan tempat bekerja yang kondusif serta peluang sama-rata.

Etika

- Untuk mempromosikan piawaian kewibawaan dan profesionalisme yang tinggi.

Perhubungan dengan para pengguna, pembekal dan rakan niaga

- Untuk memenuhi keperluan para pengguna, pembekal dan rakan niaga serta memberikan perkhidmatan pelanggan dan amalan perniagaan yang berkualiti tinggi.

Penglibatan komuniti

- Untuk menyokong usaha bersifat dermawan dan sumbangan amal serta menggalakkan kakitangan kami menghulurkan bantuan kepada komuniti setempat.

Penglibatan dengan Pemegang Kepentingan

- Untuk memberi perhatian dan turut terlibat dengan komuniti setempat secara bertanggungjawab dan berkeprihatinan.

Pelaburan Komuniti

Komitmen kami terhadap komuniti telah menjadi sebahagian daripada DNA kami sejak dari penubuhan Syarikat. Kami berkomited untuk terlibat secara positif dengan komuniti di mana kami berkhidmat. Pada 2013, kami telah meneruskan agenda yang selanjutnya menerusi penglibatan yang bermakna dengan pelbagai segmen komuniti. Kumpulan PNHB (selain daripada SYABAS) telah menyumbang sejumlah RM1,610,025.57 dan SYABAS pula telah menyumbang sejumlah RM390,989.00 untuk pelbagai tujuan menerusi penajaan dan program keprihatinan terhadap komuniti. Antara program ini termasuk program 'Turun ke Padang', sumbangan kepada badan kebajikan, penajaan acara komuniti serta program pendidikan dan acara yang dianjurkan oleh kakitangan kami.

Briged Penyelamat Sungai

Pada 2013, Briged Penyelamat Sungai ("BPS") kami menganjurkan pelbagai aktiviti berkaitan pendidikan dan hiburan seperti seni drama dan persembahan korus, bacaan puisi, peraduan mewarna, ujian IQ, pembentangan BPS, meredah hutan, berbasikal, gotong-royong membersihkan sungai, dan ceramah serta pameran berkaitan air untuk mendidik orang ramai serta para pelajar dari sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi mengenai air secara umumnya, dan tentang kepentingan memulihara dan melindungi sumber air kita secara khususnya.

Setakat 31 Disember 2013, jumlah ahli kelab BPS telah mencecah 7,440 orang yang terdiri daripada 331 pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, di mana ia telah mencatatkan penambahan seramai 1,845 ahli berbanding angka yang dicatatkan pada 2012.

Acara BPS yang telah diadakan pada tahun 2013 termasuk:

1.0 Lawatan sambil belajar oleh pelajar dari Universiti Pengurusan dan Sains ("MSU") ke Ibu Pejabat SYABAS dan LPA Wangsa Maju pada 4 April 2013

2.0 Pertandingan Fotografi dan Poster pada 22 Julai 2013 dengan tema 'Mencintai Alam Semula Jadi'.
Sebanyak tujuh buah sekolah menyertai acara ini.

Acara BPS yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sg Rawang

3.0 Majlis Citra Aidilfitri Meraikan BPS di Restoran Zam-Zam, Sekyen 9, Shah Alam pada 5 September 2013
Majlis ini adalah untuk meraikan para pemenang pertandingan Fotografi dan Poster yang telah dianjurkan oleh BPS pada 22 Julai 2013 di samping meraikan majlis kesyukuran untuk Kerajaan dan organisasi bukan kerajaan yang telah menyokong BPS sepanjang tahun.

4.0 Program "International Greentech & ECO Products Exhibition & Conference Malaysia" ("iGEM 2013") bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur ("KLCC") pada10 Oktober 2013 hingga 13 Oktober 2013
BPS turut mengambil bahagian dalam pameran teknologi hijau yang terbesar di Malaysia, bersama-sama dengan Jabatan Teknologi Maklumat SYABAS dan Jabatan Operasi & Penyelenggaraan SYABAS.

5.0 Hari Pemantauan Sungai BPS bersempena dengan Hari Sungai Sedunia 2013 yang diadakan di Hutan Lipur Bukit Lagong, Selayang pada 7 November 2013
BPS, bersama dengan SYABAS Wilayah Gombak telah menganjurkan acara ini bersempena dengan Hari Sungai Sedunia 2013. Acara ini telah dapat memanfaatkan para pelajar dari lima buah sekolah dalam Wilayah Gombak.

6.0 Program Pelestarian Pendidikan ("Program 3P")
Kami menganjurkan Program 3P bulanan dengan kerjasama Kelab BPS, untuk membantu mendidik para pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi tentang kepentingan memulihara sungai dan alam sekitar. Usaha menarik dan menambah keahlian Kelab BPS turut dijalankan semasa pelaksanaan program 3P. Banyak sekolah di sekitar kawasan operasi kami telah meraih faedah daripada program ini.

Kami telah mengadakan sejumlah 14 Program 3P pada 2013. Ia merupakan peningkatan yang ketara berbanding dengan hanya enam Program 3P yang telah diadakan pada 2012.

BERSAMA KOMUNITI KAMI

Lawatan oleh pelajar dari Sekolah Jepun, Kuala Lumpur ke Empangan Klang Gates

7.0 Program Kesedaran Awam

Pada 2013, BPS telah mengadakan program kesedaran awam semasa pelaksanaan program Migrasi SYABAS dan program Pelanggan Prihatin, di mana aktiviti tambahan seperti pertandingan melukis dan mewarna, pameran dan usaha menambah keahlian turut diadakan.

TABUNG BUDI

Tabung Budi ditubuhkan pada 24 Ogos 2010 oleh kakitangan SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB"). Program Bantuan Bekalan Air Tabung Budi telah dilancarkan oleh Persatuan Kakitangan Bekalan Air Selangor, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya ("PEKA") di Ibu Pejabat SYABAS pada 22 Oktober 2010. Program ini yang diilhamkan oleh YBhg Tan Sri Rozali Ismail, Pengerusi Eksekutif kami, memberi tumpuan ke arah membantu golongan miskin, gelandangan, ibu bapa tunggal, orang kurang upaya dan mereka yang memerlukan bantuan kewangan. Sehingga kini, seramai 2,937 individu, termasuk ahli PEKA, kakitangan SYABAS dan PNSB serta orang ramai telah menyokong Tabung Budi.

Pasukan Tabung Budi telah memperkenalkan Aktiviti Turun Padang Tabung Budi di mana upacara penyampaian sumbangan telah diadakan di kediaman para penerima tabung.

Pada 2013, Tabung Budi telah mengadakan 42 acara yang meliputi sepuluh wilayah iaitu di Klang, Petaling, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sepang, Gombak, Kuala Langat, Hulu Langat dan Sabak Bernam. Sejumlah 552 keluarga telah mendapat manfaat daripada program Tabung Budi sejak pelaksanaannya pada tahun 2010.

Sepanjang tahun 2013, Program Tabung Budi terus mendekati pelbagai golongan masyarakat yang memerlukan bantuan kewangan disebabkan oleh pelbagai isu yang berkaitan dengan air seperti ketidakupayaan menjelaskan bil air atau permintaan untuk mendapatkan sambungan bekalan. Sejak penubuhannya, sejumlah RM431,332.56 telah dihulurkan untuk membiayai Program Tabung Budi. Program ini telah dapat membantu golongan miskin dan yang tidak berkemampuan melalui pembayaran bil air tertunggak, caj penyambungan semula bekalan air, membaiki paip air dan tiang meter, pemasangan bekalan air bagi akaun air baru, caj pemasangan dan penyambungan semula bekalan air ke kediaman penerima tabung dan pembayaran bil bulanan.

SYABAS menganjurkan lawatan ke Aquaria KLCC untuk 32 kanak-kanak dari Persatuan Down Syndrome Malaysia

SEBUTAN PENGHARGAAN DARIPADA PENERIMA TABUNG BUDI

Warga emas yang memiliki tiga orang anak berkelainan upaya menerima sumbangan berjumlah RM1,022.10.

"Bila diberitahu bahawa kami telah terpilih untuk Tabung Budi, saya berasa amat bersyukur dipilih kerana sekarang saya boleh melakukan kerja harian dengan penyambungan semula bekalan air."

Nuraini Kamaruddin, 64, Selangor

Bapa kepada lima orang anak menerima bantuan daripada Tabung Budi setelah kehilangan kerja sebagai pemandu lori.

"Kami sangat berterima kasih kerana bekalan air telah disambung semula. Bukan niat kami untuk tidak menjelaskan bil, tetapi kami menghadapi masalah kewangan selepas saya kehilangan kerja,"

R.Nathan, 57, Kuala Selangor

BERSAMA KOMUNITI KAMI

Sebagai sebahagian daripada program CSR Kumpulan, kesemua penerima tabung telah diberikan bimbingan tentang penggunaan air dan bagaimana untuk mengelakkan pembaziran air. Di program Tabung Budi yang diadakan pada bulan-bulan sambutan perayaan seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali, PEKA juga akan memberi hamper kepada penerima tabung.

ACARA TANGGUNGJAWAB KORPORAT YANG LAIN

1.0 Penajaan dan Sumbangan Derma 2013

Setiap tahun, kami menerima banyak permintaan untuk mendapatkan sumbangan dan menyokong inisiatif. Dalam menyemak dan memberi maklum balas terhadap semua permintaan penajaan dari luar, perlu dimaklumi bahawa penekanan kami dalam penajaan adalah untuk mewujudkan atau mengusahakan aktiviti yang menyediakan sumbangan paling berkesan dan paling sejajar dengan objektif perniagaan kami. Kami mematuhi suatu garis panduan yang dapat membantu kami untuk menentukan cara terbaik untuk menempatkan sumber kami, bertunjangkan dasar CSR kami.

- Acara yang mengeratkan hubungan antara kami dengan Kerajaan
- Acara yang mengukuhkan jenama dan reputasi kami
- Acara yang memupuk kesedaran, pemahaman dan penghargaan lebih tinggi terhadap perkhidmatan kami
- Acara yang dapat meningkatkan standard pendidikan, khususnya untuk manfaat golongan yang kurang bernasib baik
- Acara atau aktiviti yang menyediakan bantuan kepada individu untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan yang selaras dengan strategi perniagaan syarikat
- Acara atau aktiviti yang membolehkan kami berhubung dengan kumpulan pengguna
- Acara atau aktiviti yang memanfaatkan peluang berkaitan dengan penajaan
- Acara atau aktiviti oleh individu atau organisasi yang mampu menampilkan sokongan dan penglibatan komuniti secara berkesan
- Acara atau aktiviti yang menawarkan nilai usulan bagi seluruh segmen masyarakat
- Acara atau aktiviti yang mampu menampilkan secara berkesan bagaimana pelaburan tersebut akan dibelanjakan dan hasil daripada acara/aktiviti tersebut

YBhg Puan Sri Faridah Idris, isteri kepada Pengerusi Eksekutif kami menghulurkan sumbangan kepada balu seorang perajurit Lahad Datu yang terkorban

Antara komuniti yang mendapat manfaat daripada penajaan dan sumbangan derma kami pada tahun 2013 termasuk:-

- Persatuan Penulis Nasional Malaysia
- Majlis Kebajikan, Kebudayaan dan Riadah, Negeri Selangor
- Kelab Kebajikan dan Rekreasi, Pejabat Kerajaan
- Rumah Orang Tua Cina, Ampang
- Persatuan Insan Istimewa
- Tokong Buddha Maha Vihara, Brickfields
- Rumah Orang Tua Seri Kenangan, Cheras
- Persatuan Bulan Sabit Merah
- BELA Malaysia
- Kolej Komuniti Sabak Bernam
- Lembaga Zakat Selangor
- Pusat Kecemerlangan Ummah Selangor
- Majlis Minyak & Gas SVCS Malaysia
- Sumbangan Untuk Program Permata Negara
- Pesta Islam KL
- Aktiviti Kebajikan Dan Sosial Minyak & Gas Kedua
- Badan Kebajikan Mahkamah Syariah WP
- Jawatankuasa Penduduk Kg. Bahagia, Felda Gedangsa
- UNISEL - 'Selamat Sg Selangor'

2.0 Program Utama Tanggungjawab Korporat 2013

Sebagai sebahagian daripada Program CSR Kumpulan, pada 2013, SYABAS berusaha untuk membekal dan menyediakan air bersih yang mencukupi kepada penduduk di kawasan kediaman yang terjejas oleh gangguan bekalan air dengan air tangki atau baj. Disebabkan oleh pelbagai perkara, 2013 menyaksikan gangguan bekalan air di Wangsa Maju pada 8 Januari 2013 dan di Pulau Ketam pada 6 Ogos 2013.

1. Pada 2013, kami menjadi tuan rumah kepada Program Penyerahan Sumbangan Air Bersih di beberapa lokasi seperti berikut:
   - Pada 25 Januari 2013 di Kuil Hindu Sevai Sangam bersempena perayaan Thaipusam.
   - Pada 24 Mei 2013 di Tokong Buddha Maha Vihara, Brickfields, Kuala Lumpur bersempena sambutan Hari Wesak.
2. Pada 8 Februari 2013, SYABAS membawa anak yatim dan orang tua dari House of Joys, di Puchong ke AEON, Bandar Puchong untuk makan tengah hari dan membeli baju baru untuk mereka sempena Tahun Baru Cina.
3. Pada 14 Mei 2013, SYABAS menghulurkan sumbangan wang tunai kepada Tabung Wira Lahad Datu bagi membantu balu serta anak-anak perajurit negara yang terkorban.
4. Pada 2013, 175 keluarga telah meraih manfaat daripada Program Tabung Budi.
5. Pada 21 September 2013, PNSB bekerjasama dengan Lembaga Urus Air Selangor ("LUAS") dan Jabatan Perhutanan Selangor ("JPS") dalam penganjuran program penanaman semula pokok bakau di kawasan yang terjejas di Sg Klanang, Sg Pelik dan Tanjung Sepat.

6. Menerusi pelbagai aktiviti bersifat dermawan, kami berjaya mengukir senyuman di wajah anak-anak yang kurang bernasib baik. Aktiviti ini merangkumi:
   - Pada 26 Jun 2013, SYABAS telah menganjurkan lawatan ke Aquaria KLCC untuk seramai 32 kanak-kanak Down Syndrome dari Persatuan Down Syndrome Malaysia.
   - Pada 1 Ogos 2013, SYABAS telah menganjurkan Program Syawal untuk 60 keluarga di 10 wilayah.
   - Pada 22 Ogos 2013, SYABAS menganjurkan lawatan ke Zoo Negara untuk 40 kanak-kanak yang hilang upaya dari Sekolah Khas, Sekolah Kebangsaan Selayang Jaya.
   - Pada 6 September 2013, SYABAS menganjurkan program Hari Raya bersama ibu tunggal bertempat di Projek Perumahan Rakyat Seri Pantai, Kuala Lumpur.
   - Pada 30 Oktober 2013, SYABAS menganjurkan program Deepavali untuk 50 kanak-kanak kurang bernasib baik dari Perumahan Rakyat Seri Pantai, di AEON Bandar Puchong.

7. Pada 23 November 2013, satu Program Kesedaran Pengguna ("CAP") telah dianjurkan oleh SYABAS di Pangsapuri Suakasih, Balakong dengan tujuan mewujudkan kesedaran tentang sistem pemprosesan air dan kualiti air.

8. Pada 16 November 2013, PNSB turut menyertai pasukan ATM dalam Misi Bantuan Bencana Alam di Tacloban, Filipina. Kumpulan telah menghantar sistem tangki penjernihan air, iaitu JERNIH, ke kawasan yang dilanda Taufan Haiyan di Leyte, Tacloban, Filipina untuk memberi mangsa taufan bekalan air bersih.

9. Pada 6 Disember 2013, SYABAS mengambil bahagian dalam aktiviti Misi Bantuan Kemanusiaan Bekalan Air Bersih bersama dengan Pakar Air Jurutera Di Raja ("RAJD") dalam membantu mangsa banjir di Kuantan dan Kemaman.

Kumpulan telah menghantar sistem tangki penjernihan air JERNIH ke kawasan yang dilanda Taufan Haiyan

10. Pada 2013, PEKA telah menganjurkan pelbagai aktiviti CSR yang mana antara lain, termasuk aktiviti berikut:-

Tarikh	Acara
23 Mac 2013	Walkaton "Berjalan untuk Alam Semula Jadi"
2 Jun 2013	Kuantan Century Ride

11. PNSB dan SYABAS menjadi tuan rumah bagi lawatan dari pelbagai agensi, baik dari dalam mahupun luar negara, butiran adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:-

Pelawat	Tempat	Tarikh
Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia ("FMM"), Selangor	Ibu Pejabat SYABAS	22 Januari 2013
Universiti Pengurusan & Sains ("MSU")	Ibu Pejabat SYABAS dan LPA Wangsa Maju	4 April 2013
Persatuan Kerja Raya Air Dan Air Sisa Korea	LPA Wangsa Maju	3 Julai 2013
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)	Pusat Perkhidmatan Pelanggan, Ibu Pejabat SYABAS	18 Julai 2013
SMK Felda Gedangsa	Wisma Rozali, Shah Alam	22 Ogos 2013
Delegasi daripada Majlis Daerah Binzhou, China	Ibu Pejabat SYABAS	12 September 2013
Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur	Empangan Klang Gates	18 September 2013
SK Bandar Baru Sri Damansara	Empangan Klang Gates	25 September 2013
Perbadanan Putrajaya	LPA SSP2	25 September 2013
Sekolah Jepun	Empangan Klang Gates	25 November 2013
Persatuan Kerja Raya Air Dan Air Sisa Korea	LPA SSP2	25 November 2013
Kerajaan Metropolitan Seoul, Korea	LPA Wangsa Maju	9 Disember 2013

12. Bersempena dengan bulan Ramadan:-
    (a) Pada 24 Julai 2013, SYABAS telah menganjurkan Program Memasak Bubur Lambuk PEKA bersama Media 2013.
    (b) Pada 3 Ogos 2013, PEKA telah menganjurkan Program Bubur Lambuk Tabung Budi/PEKA Dengan Kerjasama Pasaraya Giant, Seksyen 13, Shah Alam.

ACARA KORPORAT

26 Mac 2013

27 Mac 2013



27 April 2013

26 Jun 2013

18 Julai 2013

2 April 2013

Bil.	Tarikh	Acara
1.	26-30 Mac 2013	PNHB menyertai LIMA 2013, Langkawi
2.	27 Mac 2013	Penandatanganan Memorandum Persetujuan di antara GOM Resources Sdn Bhd dan P.T. Medco Energi Internasional TBK
3.	2 April 2013	Lawatan belajar Universiti Pengurusan & Sains (“MSU”) ke Ibu Pejabat SYABAS dan Loji Pembersihan Air Wangsa Maju
4.	27 April 2013	Pameran SYABAS sempena sambutan Hari Air Sedunia 2013, peringkat negeri Selangor dianjurkan oleh Lembaga Urus Air Selangor (“LUAS”)
5.	24 Mei 2013	Pameran SYABAS di Karnival Pengalaman Pelanggan Antarabangsa Malaysia Yang Pertama di Putrajaya
6.	24 Mei 2013	Sumbangan air percuma sempena Sambutan Hari Wesak 2013 di Tokong Buddha Maha Vihara, Brickfields, Kuala Lumpur
7.	28 Mei 2013	Mesyuarat Agung Luar Biasa PNHB
8.	5-7 Jun 2013	GOM Resources Sdn Bhd menyertai Persidangan Dan Pameran Minyak & Gas Asia 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
9.	26 Jun 2013	Mesyuarat Agung Tahunan ke-16 PNHB
10.	3 Julai 2013	Lawatan belajar oleh Persatuan Air Dan Air Sisa Korea ke LPA Wangsa Maju
11.	18 Julai 2013	Lawatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (“SPAN”) ke Pusat Perkhidmatan Pelanggan ke Ibu Pejabat SYABAS
12.	22 Ogos 2013	Lawatan belajar oleh SMK Felda Gedangsa ke Wisma Rozali

ACARA KORPORAT

6 September 2013

25 November 2013

29 Ogos 2013

24 Oktober 2013

7 November 2013

16 November 2013

15-28 September 2013

6 Disember 2013

Bil.	Tarikh	Acara
13.	29 Ogos 2013	Pelancaran rasmi 'Projek Naiktaraf Sistem Agihan Air Dari Bernam River Headworks Ke Sabak Bernam'
14.	6 September 2013	Majlis Pembukaan Loji Pembersihan Air Luwei (Pingdingshan) Water Co Ltd di Lushan, China
15.	12 September 2013	Lawatan oleh Perwakilan Daerah Binzhou dari China ke Ibu Pejabat SYABAS
16	15-28 September 2013	XPDC Everest 2013 oleh pasukan SYABAS yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg Dato' Ruslan Hassan
17.	21 September 2013	Program Penanaman Pokok Bakau Bersama LUAS di Hutan Simpan Telok Gong, Klang
18.	10 Oktober 2013	SYABAS menyertai Program "International Greentech & ECO Products Exhibition & Conference Malaysia" ("IGEM 2013")
19.	12 Oktober 2013	SYABAS memperolehi anugerah Industri CRM & Pusat Panggilan Malaysia 2013 CCAM ke-14 - Tempat Kedua untuk Pusat Perhubungan Video (Terbuka) Kategori
20.	24 Oktober 2013	PNSB dianugerahkan dengan Anugerah Perak di Majlis Anugerah HR Malaysia 2013 ("Majikan Pilihan")
21.	7 November 2013	Hari Pemantauan Sungai BPS 2013
22.	16-30 November 2013	PNHB menggerakkan tangki sistem penulenan air JERNIH ke tapak yang dilanda Taufan Haiyan di wilayah Leyte, Tacloban, Filipina untuk Misi Bantuan Kemanusiaan
23.	25 November 2013	Lawatan oleh para pelajar dari Sekolah Jepun, Kuala Lumpur ke Empangan Klang Gates
24.	25 November 2013	Lawatan Persatuan Air Dan Air Sisa Korea ke LPA SSP2
25.	6 Disember 2013	PNHB menyertai 'Ops Murni' dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia bagi membekalkan air minuman kepada mangsa banjir di Kuantan, Pahang serta Kemaman, Terengganu
26.	9 Disember 2013	Lawatan oleh Kerajaan Metropolitan Seoul, Korea ke LPA Wangsa Maju

KEBERTANGGUNGJAWABAN

148 Penyata Tadbir Urus Korporat
172 Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
174 Laporan Jawatankuasa Audit
180 Dasar & Laporan Pengurusan Risiko
184 Dasar Pendedahan Korporat
185 Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat
186 Dasar Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar
187 Dasar & Laporan Perhubungan Pelabur
190 Dasar & Laporan Kualiti
191 Penyata Tanggungjawab Pengarah Bagi Penyediaan Penyata Kewangan

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PENYATA PEMATUHAN

Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi di Puncak Niaga. Penyata ini memperlihatkan komitmen jitu Lembaga Pengarah dalam menggalak dan memupuk keteguhan budaya tadbir urus korporat yang baik demi kejayaan dan kemampanan pertumbuhan ekonomi Kumpulan serta kebertanggungjawabannya terhadap para pemegang saham dan pemegang kepentingannya.

Pada tahun 2013, Puncak Niaga telah mematuhi prinsip Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (Malaysian Code On Coporate Governance 2012) ("MCCG 2012"), kecuali berkenaan saranan mengenai tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas yang tidak harus melebihi tempoh terkumpul sembilan (9) tahun dan komposisi Lembaga Pengarah yang sebahagian besarnya hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas, di mana Pengerusi Lembaga Pengarah bukan seorang Pengarah Bebas.

Kumpulan percaya bahawa prinsip tadbir urus yang baik adalah penting kepada pertumbuhan dan keupayaan Puncak Niaga untuk memupuk keyakinan di kalangan para pemegang kepentingannya serta meningkatkan nilai para pemegang saham untuk jangka panjang menerusi penambahbaikan prestasi korporat dan kebertanggungjawaban Puncak Niaga manakala mengambilkira kepentingan semua pemegang kepentingan. Justeru itu, Lembaga Pengarah komited untuk memastikan bahawa di mana yang mungkin, prinsip dan saranan MCCG 2012 akan diguna pakai di seluruh Kumpulan Puncak Niaga, demi menjaga kepentingan semua pemegang kepentingan.

Sejak tahun 2003, Lembaga Pengarah telah menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah yang memberi panduan bagaimana untuk mengendalikan perniagaan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan piawaian tadbir urus korporat yang baik. Pada tahun 2004, Lembaga Pengarah juga telah menerima pakai Dasar dan Prosedur Pendedahan Korporat yang dirumus sejajar dengan 'Panduan Amalan Terbaik Dalam Pendedahan Korporat' yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas berkenaan Amalan Terbaik Pendedahan Korporat yang ditubuhkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"). Dari semasa ke semasa, Kumpulan terus memantau, menghalusi dan menyusun semula objektif kewangan, matlamat, dasar dan prosedur, kawalan serta rangka kerja pengurusan risikonya agar menepati persekitaran korporat yang sentiasa berubah.

Rangka kerja tadbir urus Syarikat membolehkan Lembaga Pengarah menyediakan panduan strategik dan pengawasan pengurusan yang berkesan, menjelaskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Pengurusan serta memastikan keseimbangan kuasa.

Laporan ini menjelaskan bagaimana Kumpulan mengaplikasi prinsip yang dikemukakan dalam MCCG 2012 setelah mengambil kira saranan yang dinyatakan di bawah setiap prinsip dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities serta tahap pematuhannya terhadap prinsip dan saranan tersebut sepanjang tahun 2013.

LEMBAGA PENGARAH

(a) LEMBAGA PENGARAH

Kumpulan diterajui oleh sebuah Lembaga Pengarah yang berkesan dan berpengalaman, terdiri daripada individu berwibawa dan berkaliber dengan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan daripada gabungan pelbagai latar belakang profesional. Dengan menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah, sama ada dalam kapasiti individu atau secara keseluruhan, berkongsi satu objektif yang sama untuk memastikan supaya Visi dan Misi Syarikat, seperti yang dinyatakan di dalam Laporan Tahunan ini, dicapai dan Kumpulan memenuhi tanggungjawabnya terhadap para pemegang kepentingan.

Setiap ahli Lembaga Pengarah menyedari sepenuhnya kewajipan dan tanggungjawab fidusiari mereka serta kewajiban untuk mengamalkan keperihatinan, kemahiran dan ketelitian yang sewajarnya sebagai Pengarah Syarikat termasuk pelbagai undang-undang dan peraturan yang menpengaruhi tatalaku mereka sebagai Pengarah Syarikat. Justeru, mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap prestasi Syarikat dan Kumpulan.

Salah satu saranan MCCG 2012 adalah mengenai jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan yang perlu disandang oleh individu berbeza, dimana Pengerusi mestilah merupakan seorang ahli bukan eksekutif Lembaga Pengarah.

Piagam Lembaga Syarikat menetapkan hasrat strategik dan peranan serta tanggungjawab khusus Lembaga Pengarah yang perlu dilaksanakan oleh ahli Lembaga Pengarah secara kolektif dalam melaksanakan fungsi fidusiari dan kepimpinan mereka, peranan individu yang diharapkan daripada Pengerusi Eksekutif, Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif, serta peranan Jawatankuasa Lembaga. Peranan Pengerusi Eksekutif adalah jelas dan berbeza daripada peranan Pengarah Urusan. Peruntukan tanggungjawab ini mencerminkan bentuk hubungan dinamik yang perlu bagi Syarikat supaya bersesuaian dengan persekitaran yang sentiasa berubah.

Lembaga Pengarah mengkaji Piagam Lembaganya supaya ia dapat dikemas kini mengikut perubahan dalam kawal selia. Piagam Lembaga ini dimuatkan dalam pautan Tadbir Urus Korporat pada laman web Syarikat, www.puncakniaga.com.my.

Buat masa ini Puncak Niaga tidak mempunyai Pengarah Urusan. Namun, terdapat seorang Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif/Presiden di setiap syarikat subsidiari yang beroperasi bagi mengurus dan memberi tumpuan terhadap urusan perniagaan dan pengurusan harian subsidiari masing-masing, iaitu Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB"), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") dan Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG")/GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources").

MCCG 2012 menyarankan bahawa Lembaga Pengarah mestilah secara majoritinya terdiri daripada Pengarah Bebas di mana Pengerusi Lembaga Pengarah bukan seorang Pengarah Bebas. Lembaga Pengarah yakin bahawa strukturnya pada masa ini mampu melaksanakan perkara yang menjadi keutamaan Lembaga Pengarah secara objektif dengan keseimbangan kuasa dan autoriti dalam Lembaga Pengarah.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Syarikat, di mana para pemegang saham boleh mengemukakan sebarang kemusykilan kepada beliau. Profil beliau dibentangkan pada muka surat 48 dalam Laporan Tahunan ini.

(b) KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah mewujudkan kepelbagaian dalam Kumpulan yang kaya dengan kemahiran, pengetahuan serta gabungan pengalaman dan kepakaran yang seimbang untuk melaksanakan tanggungjawab Lembaga Pengarah dengan berkesan agar pengawasan terhadap Kumpulan dapat dilakukan dengan cekap. Bersama-sama, Lembaga Pengarah menerajui pertumbuhan dan hala tuju masa depan Kumpulan.

Profil Ahli Lembaga Pengarah dibentangkan pada muka surat 42 hingga 51 dalam Laporan Tahunan ini.

Tiada Pengarah mempunyai sebarang sabitan kesalahan dalam tempoh sepuluh (10) tahun lepas (selain daripada kesalahan lalu lintas, jika ada) atau sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat atau mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat.

Bagi mematuhi Perenggan 15.02 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities dan MCCG 2012, Syarikat, melalui Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat, mengkaji pada setiap tahun keperluan gabungan kemahiran, pengalaman, bidang kecekapan dan kualiti lain yang dimiliki oleh Lembaga Pengarah dan ahli-ahlinya secara individu, para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas dan Jawatankuasa Audit serta ahli-ahlinya secara individu. Pada tahun 2012, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah telah merangka kriteria khusus bagi menilai kebebasan para Pengarah Bebas, seperti yang disarankan oleh MCCG 2012.

Lembaga Pengarah Puncak Niaga terdiri daripada sembilan (9) orang Ahli yang mana tiga (3) orang adalah Pengarah Eksekutif dan enam (6) orang adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Komposisi Lembaga Pengarah Puncak Niaga pada masa ini mematuhi Perenggan 15.02 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities di mana satu pertiga daripada Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas dan Syarikat berpendapat bahawa ia merupakan sebuah Lembaga Pengarah yang seimbang dan bersesuaian bagi membentuk sebuah Lembaga Pengarah yang berkesan seperti yang dijelaskan dalam perenggan 7 perkara (a) di atas.

Tiga (3) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat memenuhi kriteria kebebasan seperti yang dikemukakan dalam takrifan "Pengarah Bebas" di bawah Perenggan 1.01 (Definisi) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah individu yang berkaliber dan boleh dipercayai serta mengamalkan pertimbangan bebas dan berwibawa serta bertindak demi kepentingan Syarikat dan para pemegang sahamnya, khususnya pemegang saham minoriti kerana mereka tidak terlibat dalam pengurusan harian Syarikat dan tidak mengambil bahagian dalam sebarang urusan perniagaan serta tidak terlibat dalam sebarang hubungan lain dengan Syarikat. Ini bertujuan untuk memastikan agar mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka secara berkesan, tanpa sebarang percanggahan kepentingan. Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif menyediakan sekatan dan imbangan yang relevan serta memastikan bahawa piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dapat dikekalkan.

Berdasarkan penilaian tahunan Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah, mereka telah memutuskan bahawa para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat terus menampilkan perlakuan dan tingkah laku sewajarnya yang merupakan petunjuk penting terhadap kebebasan mereka, dan bahawa setiap seorang daripada mereka sentiasa memenuhi takrifan kebebasan seperti yang digariskan dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

Salah satu saranan MCCG 2012 menyatakan bahawa tempoh pemegangan jawatan bagi Pengarah Bebas hendaklah tidak melebihi tempoh terkumpul sembilan (9) tahun.

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah telah berbincang tentang saranan tersebut dan memutuskan bahawa YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy, yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Puncak Niaga untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun, masih kekal objektif dan bebas dalam menyuarakan pandangan dan ketika menyertai perbincangan serta proses membuat keputusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga. Tempoh perkhidmatan mereka dalam Lembaga Pengarah, tidak dalam apa-apa cara sekalipun mengganggu usaha mereka melaksanakan pertimbangan yang bebas dan kemampuan mereka untuk bertindak demi kepentingan Syarikat.

Kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy telah terbukti sebagai Pengarah Bebas yang boleh dipercayai dengan kecenderungan serta perspektif perniagaan yang profesional, telah memperuntukan masa dan perhatian yang secukupnya terhadap kewajipan profesional mereka untuk membuat keputusan termaklum dan seimbang, serta telah menyuarakan kesanggupan mereka untuk terus memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat.

Berdasarkan penilaian tahunan yang telah dilakukan, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menetapkan untuk menyarankan kepada para pemegang saham Syarikat untuk meluluskan pemberian kuasa kepada YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy untuk terus bertindak sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya. Sila rujuk Agenda 6 dan Agenda 7 Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ketujuh Belas ("AGM ke-17") Syarikat pada muka surat 384 hingga 387, dalam Laporan Tahunan ini.

(c) MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bermesyuarat sebanyak tiga belas (13) kali pada tahun 2013, semuanya bertempat di Bilik Lembaga Pengarah di Tingkat 12, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, kecuali bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-78 yang Ditangguhkan, yang telah diadakan di Sentral Ballroom A, Hotel Hilton Kuala Lumpur pada 27 April 2013, yang mana butirannya adalah seperti berikut:-

Hari	Tarikh	Waktu
Selasa	26 Februari 2013	2.00 petang
Khamis	28 Februari 2013	2.30 petang
Rabu	6 Mac 2013	12.00 tengah hari
Khamis	25 April 2013	3.00 petang
Sabtu	27 April 2013	10.05 malam
Isnin	29 April 2013	4.30 petang
Rabu	29 Mei 2013	12.00 tengah hari
Isnin	17 Jun 2013	10.00 pagi
Khamis	1 Ogos 2013	10.15 pagi
Khamis	29 Ogos 2013	4.30 petang
Rabu	16 Oktober 2013	3.30 petang
Khamis	28 November 2013	12.30 petang
Selesa	3 Disember 2013	5.30 petang

Butiran kehadiran setiap Pengarah ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2013 adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri	%
Tan Sri Rozali Ismail	Pengerusi Eksekutif	8 daripada 13	62
Dato' Ruslan Hassan	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	13 daripada 13	100
Dato' Ir Lee Miang Koi	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	12 daripada 13	92
Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	9 daripada 13	69
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	13 daripada 13	100
Dato' Syed Danial Syed Ariffin	Ketua Pegawai Operasi	13 daripada 13	100
Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	12 daripada 13	92
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	13 daripada 13	100
Ng Wah Tar	Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat	12 daripada 13	92

Mesyuarat Lembaga Pengarah dijadual untuk kerap diadakan, sekurang-kurangnya lima kali dalam satu tahun kewangan, dengan notis yang secukupnya diberikan untuk semua Mesyuarat Lembaga Pengarah. Tarikh Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk tahun kewangan berikutnya dijadualkan terlebih awal dan Lembaga Pengarah mempunyai jadual rasmi berhubung perkara yang dikhususkan untuk perbincangan dan/atau kelulusan Lembaga Pengarah. Semua isu yang dibincangkan dan semua keputusan yang dicapai semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah akan direkodkan dengan sewajarnya oleh Setiausaha Syarikat dan yang mana kesempurnaan serta ketepatannya dikaji oleh Lembaga Pengarah.

Mesyuarat Lembaga Pengarah tambahan boleh diadakan apabila timbul isu penting yang memerlukan kajian serta keputusan Lembaga Pengarah.

Dalam selang waktu antara Mesyuarat Lembaga Pengarah, kelulusan berhubung dengan perkara yang memerlukan persetujuan Lembaga Pengarah diperolehi melalui resolusi pekeliling dengan melampirkan semua maklumat yang berkaitan bagi membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan termaklum. Semua resolusi pekeliling yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah akan dibentangkan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah yang berikutnya untuk catatan dan pengesahan. Apabila ia berkaitan dengan perkara yang menimbulkan konflik kepentingan, jikalau ada, Pengarah yang berkaitan dengan konflik tersebut hendaklah mengisytiharkan kepentingannya dan takat percanggahan di Mesyuarat Lembaga Pengarah, dan mengecualikan diri dari perbincangan dan pembuatan keputusan untuk perkara tersebut beliau kepada semua Pengarah.

(d) TATAETIKA PARA PENGARAH

Para Pengarah terus mematuhi dan mengikuti Tataetika & Tatakelakuan berdasarkan tatakelakuan yang diperlukan daripada para Pengarah syarikat seperti yang ditetapkan dalam Tataetika para Pengarah Syarikat yang digariskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan memastikan pelaksanaan sistem dalaman yang bersesuaian untuk menyokong, menggalak dan memastikan pematuhan terhadap Tatetika & Tatakelakuan Pengarah. Kumpulan juga mempunyai Tataetika & Tatakelakuan yang menggariskan prinsip yang mantap serta piawaian amalan yang baik yang dipatuhi oleh para Pengarah dan kakitangan.

Tataetika & Tatakelakuan untuk para Pengarah dan kakitangan berserta dengan Dasar Pemberitahuan Maklumat Kumpulan telah dimuatkan dalam pautan Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, www.puncakniaga.com.my.

(e) BEKALAN MAKLUMAT DAN AKSES KEPADA KHIDMAT NASIHAT

Setiap ahli Lembaga Pengarah dibekalkan dengan maklumat yang tepat, lengkap, mencukupi, tidak terhad dan berkualiti yang menepati masanya bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Kecuali dalam keadaan tertentu, ahli Lembaga Pengarah diberi notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum sebarang Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan dan kertas kerja Lembaga Pengarah yang lengkap diedarkan sekurang-kurangnya dua (2) hari bekerja sebelum tarikh Mesyuarat supaya para Pengarah boleh membaca kertas kerja Lembaga Pengarah dan mengkaji isu-isu yang akan dibincangkan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah terlebih awal sebelum tarikh mesyuarat. Di mana perlu, kakitangan Syarikat akan dipanggil oleh Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk membentang dan menjelaskan sebarang Kertas Kerja yang dibentangkan.

Semua ahli Lembaga Pengarah dikehendaki mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan Lembaga Pengarah dengan menyumbangkan manfaat daripada pengetahuan, kemahiran dan kebolehan mereka kepada Lembaga Pengarah. Jika timbul percanggahan dengan tugas dan kepentingan sebagai Pengarah, adalah mandatori bagi Pengarah berkenaan mengisytiharkan fakta serta bentuk kepentingannya dan takat percanggahan tersebut dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah, dan mengecualikan diri dari perbincangan dan proses membuat keputusan. Sekiranya cadangan tersebut memerlukan kelulusan para pemegang saham, ahli Lembaga Pengarah yang berkepentingan berkenaan akan mengecualikan diri daripada mengundi berhubung resolusi tersebut pada Mesyuarat Agung dan akan memastikan bahawa semua individu yang ada kaitan dengan mereka turut mengecualikan diri daripada mengundi berhubung cadangan berkenaan.

Setiausaha Syarikat mengatur dan menghadiri semua Mesyuarat Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa semua isu yang dibincangkan berserta keputusannya diminitkan dengan tepat dalam minit Mesyuarat dan semua rekod disimpan dengan sebaiknya di pejabat berdaftar Syarikat.

Lembaga Pengarah kerap dikemas kini dan dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat dan pihak Pengurusan mengenai keperluan seperti sekatan dalam berurusan dengan sekuriti Syarikat dan kemas kini seperti yang dikeluarkan oleh pelbagai pihak berkuasa kawal selia, termasuk perkembangan terkini dalam rangka kerja kawal selia yang memberi kesan kepada Kumpulan. Lembaga Pengarah mempunyai akses dan interaksi yang tidak terhad dan berterusan dengan pihak Pengurusan Kanan Syarikat. Setiap ahli Lembaga Pengarah juga mempunyai akses penuh kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat.

Di mana perlu, para Pengarah boleh, sama ada secara kolektif sebagai sebuah Lembaga Pengarah atau dalam kapasiti individu mereka, mendapatkan khidmat nasihat pakar profesional luar dan bebas berhubung sebarang perkara dalam menjalankan tugas mereka sebagaimana yang mereka fikirkan perlu dan wajar, dengan perbelanjaan ditanggung oleh pihak Syarikat.

(f) SETIAUSAHA SYARIKAT

Setiausaha Syarikat memastikan bahawa dasar dan prosedur Lembaga Pengarah dipatuhi dan dikaji secara kerap serta bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk memastikan bahawa setiap ahli Lembaga Pengarah menyedari dan diberi panduan mengenai tugas, tanggungjawab dan kuasa mereka. Mereka turut bertanggungjawab memastikan pematuhan Kumpulan terhadap semua keperluan berkanun dan kawal selia.

(g) PELANTIKAN PENGARAH

Semua pelantikan dan penyingkiran (jika ada) dalam Lembaga Pengarah diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan saranan Jawatankuasa Pencalonan.

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Pencalonan, telah mewujudkan satu prosedur yang formal dan telus berkaitan penilaian dan cadangan calon untuk pelantikan ke Lembaga Pengarah dan dalam menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Audit Syarikat, Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang lain dan sumbangan setiap Pengarah secara individu, termasuk para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas), Pengarah Bukan Eksekutif, Pengarah Eksekutif dan Pengerusi Eksekutif.

Proses kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah pada setiap tahun adalah berdasarkan kecekapan, komitmen, sumbangan dan prestasi calon/ahli Lembaga Pengarah serta gabungan kemahiran, pengalaman, jantina dan ciri-ciri lain yang diperlukan daripada Pengarah bagi memastikan Lembaga Pengarah terus berfungsi secara cekap dan berkesan.

Pada tahun kewangan yang dikaji, tidak ada perubahan dalam komposisi Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada tiga (3) orang Pengarah yang kesemuanya hendaklah merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:-

(i) Untuk mengkaji pada setiap tahun komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah dari segi gabungan kemahiran dan pengalaman serta ciri-ciri lain yang diperlukan, termasuk kecekapan teras dan cukupnya keseimbangan antara para Pengarah Eksekutif, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas.

(ii) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, calon bagi semua jawatan pengarah yang perlu diisi.

(iii) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, para Pengarah bagi mengisi jawatan dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

(iv) Untuk menilai pada setiap tahun keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan untuk menilai sumbangan setiap Pengarah secara individu.

(v) Untuk meneliti saiz Lembaga Pengarah dengan tujuan untuk menentukan kesan bilangan ahlinya terhadap keberkesanannya.

(vi) Dalam hal individu bagi jawatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, untuk menilai kemampuan individu berkenaan dalam menunaikan tanggungjawab/fungsi yang diperlukan daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

(vii) Untuk menentukan pada setiap tahun sama ada seseorang Pengarah adalah bebas, seperti yang ditakrif dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

(viii) Untuk memastikan bahawa semua Pengarah menerima program latihan berterusan yang bersesuaian bagi meluaskan perspektif mereka dan supaya mereka sentiasa termaklum tentang perkembangan pasaran dan perubahan baharu dalam keperluan berkanun.

(ix) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, pemecatan seseorang Pengarah sekiranya beliau tidak memberi kesan, menyeleweng atau lalai dalam menjalankan tanggungjawabnya.

(x) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, terma rujukan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan mengkaji kecukupan struktur jawatankuasa dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Berhubung pencalonan dan proses pemilihan para Pengarah baharu, tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan hendaklah meliputi perkara-perkara berikut:-

- Mengumpulkan calon dan pilihan Pengarah bagi ahli Lembaga Pengarah.
- Mengkaji daya saing, komitmen, sumbangan dan prestasi calon/ahli Lembaga Pengarah dan gabungan kemahiran, pengalaman dan jantina serta ciri-ciri lain yang diperlukan daripada para Pengarah.
- Mengesyorkan calon untuk pelantikan kepada Lembaga Pengarah.
- Membantu dalam program latihan yang relevan untuk ahli baharu Lembaga Pengarah.

Dasar Kepelbagaian Jantina

Lembaga Pengarah telah meluluskan pembentukan Dasar Kepelbagaian Jantina untuk Kumpulan dengan matlamat untuk mencapai kadar jantina yang sama rata dan adil dalam sumber tenaga kerjanya, termasuk wakil wanita di peringkat Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.

Dasar ini dimuatkan dalam pautan Tadbir Urus Korporat di laman web syarikat, www.puncakniaga.com.my.

(h) PENILAIAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH

Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, Lembaga Pengarah, dengan bantuan Setiausaha Syarikat, menjalankan penilaian tahunan rakan sejawat terhadap keberkesanan Lembaga Pengarah dalam bidang utama berikut:-

(i) Pematuhan;
(ii) Mesyuarat Lembaga Pengarah;
(iii) Fungsi Lembaga Pengarah;
(iv) Struktur Lembaga Pengarah;
(v) Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
(vi) Operasi Lembaga Pengarah;
(vii) Peranan dan Tanggungjawab Pengerusi Lembaga Pengarah;
(viii) Laporan Kewangan dan Operasi;
(ix) Perancangan dan Objektif;
(x) Penilaian Risiko;
(xi) Peluang dan Projek Perniagaan Baharu;
(xii) Sumber Manusia; dan
(xiii) Pemerhatian dan Ulasan Tambahan Para Pengarah.

Penilaian prestasi Lembaga Pengarah pada 2013 telah distruktur bagi memastikan kajian yang seimbang dan objektif oleh para Pengarah terhadap bidang-bidang utama di atas.

Berikutan penilaian tersebut, Lembaga Pengarah telah membuat kesimpulan bahawa Lembaga Pengarah secara keseluruhannya dan jawatankuasanya telah menampilkan prestasi yang baik, berkesan dan mempunyai semua kemahiran, pengalaman dan ciri-ciri yang sewajarnya untuk menerajui Syarikat, dan setiap Pengarah termasuk para Pengarah Bebas dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas telah memenuhi tanggungjawab dan kewajipan mereka serta telah menjalankan tugas mereka seperti yang diperlukan dan selaras dengan Piagam Lembaga Pengarah Syarikat.

Pada 2013, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat juga telah menilai kebebasan para Pengarah Bebasnya berdasarkan kriteria yang relevan untuk penilaian kebebasan seperti yang telah dirangka oleh Jawatankuasa Pencalonan pada 2012.

(i) JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menugaskan tanggungjawab tertentu kepada beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah dengan fungsi dan kuasa yang telah ditentukan mengikut terma rujukan mereka masing-masing dan sejajar dengan saranan MCCG 2012. Jawatankuasa Lembaga Pengarah akan mematuhi peraturan tatakelakuan dan tatacara yang sama seperti Lembaga Pengarah, melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh Lembaga Pengarah. Ringkasan mengenai Jawatankuasa Lembaga Pengarah peringkat PNHB dan komposisi masing-masing adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Ganjaran	Jawatankuasa Pencalonan	Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko (CICR)
Tan Sri Rozali Ismail *Pengerusi Eksekutif*				
Dato' Ruslan Hassan *Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*				
Dato' Ir Lee Miang Koi *Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*				
Dato' Syed Danial Syed Ariffin *Ketua Pegawai Operasi*				
Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy *Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*	Ahli	Ahli	Ahli	
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh *Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*	Pengerusi	Ahli	Ahli	Pengerusi
Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud *Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*	Ahli			
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak *Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*	Ahli	Pengerusi	Pengerusi	
Encik Ng Wah Tar *Pengarah Eksekutif Kewangan Korporat*		Ahli		Ahli

Nota:

(1) Jawatankuasa Audit terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif yang mana majoritinya adalah Pengarah Bebas (mematuhi Perenggan 15.09 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities).
(2) Jawatankuasa Ganjaran secara eksklusifnya atau majoritinya terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif (seperti yang disarankan dalam MCCG 2012).
(3) Jawatankuasa Pencalonan secara eksklusifnya terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif, yang mana majoritinya mestilah pengarah bebas (seperti yang disarankan dalam MCCG 2012).

Jawatankuasa Lembaga Pengarah mengamalkan ketelusan dan pendedahan penuh dalam segala urusannya. Sekiranya sesuai, isu akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dengan saranan yang sewajarnya oleh Jawatankuasa Lembaga.

Bagi mempercepatkan proses membuat keputusan Lembaga Pengarah di peringkat syarikat beroperasi, Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") telah dibentuk di PNSB, SYABAS, POG dan GOM Resources. EXCO PNSB, POG dan GOM Resources terdiri daripada Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan, manakala komposisi EXCO SYABAS hanya terdiri daripada Pengarah Eksekutif. Lembaga Pengarah Sino Water Pte Ltd ("Sino Water"), subsidiari Syarikat di Singapura dengan 98.65% milik Syarikat, bermesyuarat di Malaysia pada selang masa yang kerap untuk membincangkan hal ehwal operasi.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Setiap syarikat operasi telah mewujudkan Had Kuasa (Limits of Authority) ("LOA") yang mentadbir perkara berkaitan pengurusan operasi Kumpulan dengan tahap kuasa yang relevan diberikan kepada pihak Pengurusan. LOA di setiap syarikat operasi dikaji secara berterusan bagi memastikan kecukupan, kecekapan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Kumpulan. Lembaga Pengarah menyediakan kepimpinan yang perlu untuk membolehkan Kumpulan mencapai objektif perniagaannya, manakala memastikan bahawa kewajipan Syarikat terhadap para pemegang kepentingannya ditunaikan.

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam Terma-terma Rujukannya dan mempunyai akses yang tidak terbatas kepada juruaudit dalaman dan luar serta anggota pengurusan kanan Kumpulan. Aktiviti yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit dibentangkan secara ringkas dalam Laporan Jawatankuasa Audit berserta Ringkasan Terma Rujukannya seperti yang terkandung pada muka surat 174 ke 179 di dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Audit memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi piawaian laporan kewangan yang boleh diguna pakai memandangkan ia penting bagi memastikan keutuhan penyata kewangan tersebut. Jawatankuasa Audit juga memastikan kebebasan Juruaudit Luar semasa menjalankan tugasan audit.

JAWATANKUASA PENCALONAN

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan dibentangkan pada muka surat 153 di dalam Laporan Tahunan ini.

Ringkasan aktiviti Jawatankuasa Pencalonan dalam menjalankan tugasnya pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:-

1. Pemilihan semula dan persaraan Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan;
2. Mengkaji Terma Rujukan Jawatankuasa Pencalonan;
3. Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah;
4. Penilaian Tahunan Jawatankuasa Audit;
5. Penilaian Tahunan Pengarah Bebas;
6. Mengkaji Dasar Kepelbagaian Jantina; dan
7. Pelantikan/pembaharuan kontrak pengambilan kerja kakitangan pengurusan utama Kumpulan.

JAWATANKUASA GANJARAN

Jawatankuasa Ganjaran dianggotai oleh empat (4) orang Pengarah yang terdiri daripada tiga (3) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan seorang (1) Pengarah Eksekutif Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Ganjaran adalah:-

(i) Untuk menetapkan dan mengkaji pada setiap tahun pakej ganjaran bagi setiap Pengarah Eksekutif supaya tahap ganjaran adalah memadai untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah yang diperlukan bagi mengendali Syarikat dengan jayanya dan menjajarkan strategi perniagaan serta objektif jangka panjang Syarikat.

(ii) Jawatankuasa Ganjaran mengemukakan saranannya kepada Lembaga Pengarah dan setiap Pengarah hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan mengenai ganjaran mereka masing-masing.

Tahap ganjaran para Pengarah Eksekutif patut menggambarkan pengalaman, tahap tanggungjawab, kepakaran dan kerumitan aktiviti Syarikat serta sumbangan mereka kepada Syarikat.

(j) PEMILIHAN SEMULA PENGARAH

Persaraan mengikut giliran

Artikel 98 dan 99 Tataurusan Pertubuhan Syarikat ("Tataurusan") memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Pengarah perlu bersara dari memegang jawatan mengikut giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan dan semua Pengarah hendaklah bersara dari memegang jawatan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun tetapi hendaklah layak dan boleh menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula.

Berdasarkan saranan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat, para Pengarah berikut akan bersara pada AGM Ke-17 Syarikat yang akan datang, dan kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dipilih semula:-

i. YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan;
ii. YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan; dan
iii. YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan.

Maklumat mengenai para Pengarah yang tampil untuk pemilihan semula pada AGM ke-17 yang akan datang terkandung dalam Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan.

Meneruskan peranan sebagai Pengarah Bebas setelah berkhidmat untuk tempoh melebihi sembilan (9) tahun.

Seperti yang dinyatakan dalam perkara (b) di atas, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menyarankan supaya kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy, yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Syarikat untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun diberi kuasa untuk terus berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya.

Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965

Menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965 ("Akta"), para Pengarah yang mencapai atau melebihi usia 70 tahun hendaklah bersara pada setiap mesyuarat agung tahunan dan boleh menawarkan diri masing-masing untuk pelantikan semula bagi memegang jawatan hingga mesyuarat agung tahunan yang berikutnya.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Syarikat yang melebihi usia 70 tahun, akan bersara pada AGM Ke-17 yang akan datang menurut Seksyen 129(2) Akta.

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menyarankan pelantikan semula YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh menurut Seksyen 129(6) Akta, pada AGM ke-17 Syarikat yang akan datang. Sila rujuk Agenda 3 Notis AGM ke-17 pada muka surat 384 hingga 387 di dalam Laporan Tahunan ini.

Saranan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat adalah berdasarkan kepada sumbangan berterusan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang tidak ternilai kepada Syarikat dan beliau telah terbukti sebagai seorang Pengarah Bebas/Pengerusi Jawatankuasa Audit/Pengerusi CICR yang berwibawa dengan profesionalisme, kebolehan dan pandangan terhadap perniagaan beliau.

GANJARAN PENGARAH

(a) PROSEDUR, PERINGKAT DAN KANDUNGAN GANJARAN

Syarikat mempunyai prosedur rasmi untuk menentukan ganjaran setiap ahli Lembaga Pengarah yang dikaji dari masa ke semasa dengan membuat perbandingan dengan amalan dalam pasaran. Bagi Pengarah Eksekutif, ganjaran mereka dirangka supaya dapat mengaitkan ganjaran kepada prestasi korporat dan individu dan pakej ganjaran mereka merangkumi gaji, elaun, bonus dan faedah lain yang biasa diberikan kepada jawatan yang sama dalam syarikat lain yang boleh dibandingkan, dan cukup menarik untuk mengekalkan mereka yang berkaliber tinggi. Prestasi dibandingkan dengan keuntungan serta sasaran lain yang ditetapkan berdasarkan belanjawan tahunan dan rancangan perniagaan Syarikat serta pencapaian pulangan yang disasarkan untuk para pemegang saham.

Bagi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, ganjaran mereka mencerminkan pengalaman, tahap tanggungjawab dan sumbangan mereka serta masa yang diluangkan untuk mengendali hal ehwal Kumpulan dan mereka dibayar elaun bulanan tetap, perjalanan percutian dan elaun mesyuarat bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang dihadiri oleh mereka.

Jawatankuasa Ganjaran bertanggungjawab mengesyorkan pakej ganjaran para Pengarah kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah, secara keseluruhannya, menentukan ganjaran Pengarah Bukan Eksekutif. Setiap seorang Pengarah hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan dan pengundian terhadap ganjaran mereka masing-masing dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran.

(b) PENDEDAHAN GANJARAN PENGARAH

Butiran mengenai ganjaran yang diterima dan belum diterima oleh para Pengarah Syarikat daripada Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Yuran (RM'000)	Gaji (RM'000)	Bonus (RM'000)	Perjalanan Percutian (RM'000)	Elaun (RM'000)	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Tan Sri Rozali Ismail	-	-	-	-	-	-	-
Dato' Ruslan Hassan	-	-	47	80	-	8	135
Dato' Ir Lee Miang Koi	-	-	-	70	-	-	70
Dato' Syed Danial Syed Ariffin	-	-	-	-	-	-	-
Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy	-	-	-	50	102	-	152
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	-	-	-	50	176	-	226
Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud	-	-	-	-	14	-	14
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak	-	-	-	50	134	-	184
Ng Wah Tar	-	-	17	-	-	2	19

Pakej ganjaran para Pengarah Syarikat yang telah diterima dan belum diterima daripada Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 dikategorikan mengikut komponen yang bersesuaian seperti berikut:-

	Pengarah Eksekutif (RM'000)	Pengarah Bukan Eksekutif (RM'000)
Gaji	8,263	-
Bonus	2,956	47
Manfaat Barangan	142	-
Elaun	1,342	427
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	2,356	8
Tambang Percutian	390	300
Jumlah	**15,449**	**782**

Butiran Ganjaran Pengarah di peringkat Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, dalam kelompok RM50,000 disenaraikan seperti berikut:-

	Peringkat Syarikat		Peringkat Kumpulan
Lingkungan Ganjaran Setahun	Bil. Pengarah Eksekutif	Bil. Pengarah Bukan Eksekutif	Bil. Pengarah
Ke bawah RM100,000	-	2	2
RM100,001 hingga RM150,000	-	1	1
RM150,001 hingga RM200,000	-	2	2
RM200,001 hingga RM250,000	-	1	1
RM900,001 hingga RM950,000	-	-	1
RM950,001 hingga RM1,000,000	-	-	1
RM13,500,001 hingga RM13,550,000	-	-	1

(c) OPSYEN SAHAM PENGARAH

Tiada Skim Saham Opsyen Pengarah di dalam Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

(d) LATIHAN PENGARAH

Para Pengarah mengenali akan kepentingan pembelajaran berterusan pengarah untuk sentiasa mengikuti perkembangan mutakhir dalam kawal selia dan tadbir urus korporat, selain dapat meningkatkan profesionalisme dan pengetahuan agar mereka dapat menjalankan tugas dengan berkesan. Setiap pengarah menghadiri sekurang-kurangnya satu program latihan pada tahun ini.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, para Pengarah telah menghadiri program latihan, taklimat dan persidangan yang diorganisasikan oleh Syarikat dan pelbagai pihak penyedia latihan yang meliputi bidang seperti:-

- Program Jawatankuasa Pencalonan
- Mengesan & Mencegah Penipuan - Suatu Keperluan, Bukan Pilihan
- Minggu Air Antarabangsa Singapura : Forum Utiliti Air di Singapura
- Kumpulan Kajian Dasar Luar Negara Malaysia
- Pelancaran Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman - Garis Panduan untuk para Pengarah Syarikat Tersenarai
- Program Pertama MINDA/Menteri Kewangan Diperbadankan, Program Latihan Pengarah Korporat yang Menyertai Lembaga Pengarah (CDOP)
- Menggalakkan Pertumbuhan Menerusi Perkongsian Awam-Swasta (PPP): Pelajaran Global, Madinah, Arab Saudi
- Etika dan Tadbir Urus Korporat: Pedoman Moral Perniagaan, Madinah, Arab Saudi
- Perubahan Dunia, Perhubungan Baharu, London

- Persidangan Tinjauan Strategik Malaysia ke-15, 2013,/Institut Strategi & Kepimpinan Asia
- Mesyuarat Kumpulan Ekonomi Baru Muncul IASB ke-5/MASB
- Persidangan Ulang Tahun ke-50 Skrine/Skrine
- Bagaimana Memupuk Kemahiran Pemikiran Strategik/Kumpulan Seminar Kebangsaan
- Kongres Gas Asia ke-10, Jepun 2013 (AGCJ 2013)/Badan Perundingan Pembuat Keputusan China
- Persidangan MIA 2013/MIA
- Persidangan Minyak & Gas Asia ke-17
- Pengurusan Operasi & Risiko yang Berkesan - Kegagalan Perniagaan: Meraih Pemahaman Strategi yang Mantap

DASAR KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM DAN PERHUBUNGAN PELABUR

Lembaga Pengarah mengakui perlunya para pemegang saham dan pelabur Syarikat dimaklumkan tentang semua urusan dan perkembangan korporat yang penting berkaitan Kumpulan tepat pada masanya. Selain daripada pelbagai pengumuman yang telah dibuat pada tahun ini, keputusan kewangan disatukan suku tahunan kewangan Kumpulan yang dikemukakan tepat pada masanya memberi para pemegang saham dan pelabur gambaran menyeluruh tentang prestasi kewangan dan operasi Kumpulan.

Syarikat mengekalkan komunikasi secara kerap dan berkesan dengan para pemegang saham dan pemegang kepentingannya melalui sesi dialog satu-sama-satu atau berkumpulan, penyertaan dalam persidangan pelabur anjuran institusi tempatan dan luar negara, menjawab pertanyaan para pemegang saham dan pelabur melalui e-mel dan panggilan telefon, Mesyuarat Agung Syarikat dan acara-acara Syarikat yang lain. Notis Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat mengandungi maklumat yang relevan termasuk hak pemegang saham untuk menuntut diadakan pungutan suara bagi membolehkan mereka melaksanakan hak mereka.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat turut dimuatkan ke dalam pautan Laporan Tahunan di laman web Syarikat, www.puncakniaga.com.my.

Laporan Tahunan Puncak Niaga yang dihasilkan sejajar dengan amalan tadbir urus korporat yang terbaik turut berperanan sebagai suatu saluran komunikasi utama dengan para pemegang saham dan pelabur.

Satu lagi kaedah komunikasi berkesan dengan para pemegang saham dan pelabur yang memanfaatkan teknologi maklumat adalah melalui laman web korporat kami, www.puncakniaga.com.my dengan capaian langsung ke laman web SYABAS, www.syabas.com.my, laman web POG, www.puncakoil.com, laman web GOM Resources, www.gomresources.com dan laman web Sino Water Pte Ltd, www.sino-water.com yang boleh diakses dengan mudah dan cepat bagi mendapatkan maklumat mengenai Kumpulan. Ini merupakan komitmen berterusan kami untuk menyediakan lebih banyak maklumat yang mudah diakses kepada para pemegang saham dan pelabur.

Dasar & Laporan Perhubungan Pelabur Syarikat dibentangkan di muka surat 187 hingga 189 di dalam Laporan Tahunan ini dan Dasar Perhubungan Pelabur dimuatkan ke dalam pautan Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, www.puncakniaga.com.my.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

(a) LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap mutu dan kesempurnaan laporan kewangan yang didedahkan kepada umum. Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, laporan suku tahunan dan laporan tahunan kepada para pemegang saham Syarikat, Lembaga Pengarah mengambil langkah yang wajar untuk mengemukakan penilaian yang jelas dan seimbang berhubung dengan kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini turut diamalkan dalam pengumuman awam harga sensitif dan laporan kepada pihak penguatkuasa peraturan.

Penyata kewangan dan pengumuman suku tahunan Kumpulan yang disedia menggunakan dasar perakaunan yang bersesuaian secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat, akan dikaji dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit dengan kehadiran Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman Syarikat dan Pengarah Eksekutif Bahagian Kewangan, sebelum ia disyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk diterima pakai. Jawatankuasa Audit memastikan bahawa maklumat yang akan didedahkan adalah tepat, mencukupi dan mematuhi semua pelbagai keperluan pendedahan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Lembaga Pengarah membincangkan dan mengkaji saranan yang diusulkan oleh Jawatankuasa Audit sebelum ia diterima pakai. Lembaga Pengarah turut memastikan agar keputusan kewangan suku tahunan dan keputusan kewangan tahunan Kumpulan yang tepat dikemukakan kepada Bursa Securities bertepatan dengan masanya.

Penyata Tanggungjawab Pengarah berhubung dengan penyediaan Penyata Kewangan Beraudit Tahunan Kumpulan dikemukakan pada muka surat 191 di dalam Laporan Tahunan ini.

(b) HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah mengekalkan hubungan yang telus dan profesional dengan Juruaudit Luar Kumpulan. Juruaudit Luar menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit Syarikat yang diadakan sepanjang tahun kewangan ini. Mesyuarat suku tahunan ini membolehkan pertukaran pandangan mengenai isu-isu yang memerlukan perhatian sewajarnya.

Suatu mekanisme rasmi telah diwujudkan oleh Jawatankuasa Audit bagi memastikan wujudnya dialog yang jujur dan berterus terang dengan Juruaudit Luar. Jawatankuasa Audit bermesyuarat dengan Juruaudit Luar dua kali setahun (pada bulan April dan November) tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif dan pihak Pengurusan. Ini membolehkan Jawatankuasa Audit dan Juruaudit Luar bertukar-tukar pandangan dan pendapat dalam suasana bebas dan jujur mengenai perkara berkaitan audit dan penemuan Juruaudit Luar.

Jawatankuasa Audit telah mempertimbangkan penyediaan khidmat bukan audit yang diberikan oleh Juruaudit Luar sepanjang tahun ini dan berpendapat bahawa perkhidmatan tersebut tidak menjejaskan kebebasan dan objektif Juruaudit Luar kerana amaun yuran yang dibayar bagi aktiviti ini adalah tidak besar berbanding jumlah yuran yang telah dibayar kepada Juruaudit Luar.

Laporan Jawatankuasa Audit berserta Ringkasan Terma Rujukannya dibentangkan pada muka surat 174 hingga 179 di dalam Laporan Tahunan ini.

(c) KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengakui tanggungjawabnya yang menyeluruh bagi mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mantap, yang memberi jaminan munasabah dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi Kumpulan bagi melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset serta kepentingannya sebagai mematuhi undang-undang dan peraturan serta tatacara dan garis panduan pentadbiran kewangan dalaman yang relevan.

Jawatankuasa Audit mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Jabatan Audit Dalaman yang dipimpin oleh Ketua Audit Dalaman akan menjalankan audit dalaman meliputi kawalan kewangan, operasi dan pematuhan, proses untuk mengenal pasti dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan termasuk proses tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalaman dalam Syarikat. Laporan Jabatan Audit Dalaman akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk dikaji dan dibincangkan.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 172 hingga 173 di dalam Laporan Tahunan ini.

(d) RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah menyedari bahawa pengurusan risiko melibatkan pendekatan tersusun yang menggabungkan usaha daripada semua fungsi dalam Kumpulan untuk meminimumkan kemungkinan dan kesan kerosakan yang tidak dijangka ke arah menghasilkan kecekapan yang lebih tinggi dan proses membuat keputusan yang lebih baik. Profil Risiko Seluruh Usaha Niaga Kumpulan dikaji setiap tahun untuk mengambil kira perubahan dalam persekitaran perniagaan, strategi dan aktiviti yang berfungsi dalam Kumpulan bagi menentukan tahap toleransi risiko Kumpulan dan mengenal pasti, menilai serta memantau risiko perniagaan utama untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Syarikat.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 172 hingga 173 di dalam Laporan Tahunan ini.

(e) TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Lampiran 9C (Bahagian A, Perenggan 29) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities menghendaki sesebuah syarikat awam tersenarai menyediakan satu penyata dalam laporan tahunannya berhubung aktiviti dan amalan tanggungjawab sosial korporat yang dijalankan oleh syarikat awam tersenarai tersebut dan subsidiarinya.

Laporan Kumpulan mengenai Isu Alam Sekitar, Laporan Kebertanggungjawaban Sosial dan Kemampanan dibentangkan pada bahagian “Menghargai Kakitangan Kami“ pada muka surat 112 hingga 127 di dalam Laporan Tahunan ini, pada bahagian “Bersama Komuniti Kami” pada muka surat 139 hingga 143 di dalam Laporan Tahunan ini, dan pada bahagian “Memelihara Alam Sekitar Kita” pada muka surat 128 hingga 138 di dalam Laporan Tahunan ini.

Dasar Pendedahan Korporat dan Dasar & Laporan Kualiti, masing-masing dibentangkan pada muka surat 184 dan 190 di dalam Laporan Tahunan ini dan dasar-dasar tersebut turut dimuatkan ke dalam pautan Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, www.puncakniaga.com.my.

MAKLUMAT PEMATUHAN LAIN

(a) STATUS PENGGUNAAN HASIL YANG DIPEROLEHI DARIPADA CADANGAN KORPORAT

Pada 2013, Syarikat telah menerbitkan Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus Lima (5) Tahun ("Sukuk Ijarah Boleh Tukar") Sehingga RM165.0 Juta dalam Nilai Nominal.

Setakat ini, Syarikat belum lagi menggunakan hasil yang diperolehi berjumlah RM144,137,400.00 daripada penerbitan Sukuk Ijarah Boleh Tukar.

(b) PEMBELIAN BALIK SAHAM

Syarikat tidak melaksanakan sebarang pembelian balik atau penjualan semula atau pembatalan sebarang saham perbendaharaan Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Pada 31 Disember 2013, jumlah bilangan saham perbendaharaan Syarikat kekal sebanyak 2,036,800 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

(c) OPSYEN, WARAN ATAU SEKURITI BOLEH TUKAR

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat yang diadakan pada 28 Mei 2013, Syarikat telah meluluskan Cadangan berikut, yang mana ia telah dilaksanakan dengan sewajarnya pada 2013:-

a. Cadangan Penerbitan Sehingga 40,910,609 Waran Percuma Dalam PNHB ("Waran") Atas Dasar Satu (1) Waran Untuk Setiap Sepuluh (10) Saham Biasa Sedia Ada Bernilai 1.00 Sesaham Dalam PNHB Yang Dipegang Oleh Para Pemegang Saham PNHB Yang Berhak; dan

b. Cadangan Penerbitan Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus Lima (5) Tahun ("Sukuk Ijarah Boleh Tukar") sehingga RM165.0 Juta dalam Nilai Nominal.

1. Waran

Pada 23 Julai 2013, Syarikat telah menerbitkan 40,910,609 Waran yang disenaraikan pada 26 Julai 2013 di Pasaran Utama Bursa Securities. Setiap waran memberi hak kepada para pemegang untuk menerbitkan satu (1) saham PNHB baharu pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Laksana pada Harga Laksana. Ciri utama terma waran tersebut adalah seperti berikut:-

Tarikh Penerbitan	:	23 Julai 2013
Tarikh Penyenaraian	:	26 Julai 2013
Tarikh Matang	:	20 Julai 2018
Tempoh Laksana	:	Lima tahun dari 23 Julai 2013
Harga Laksana	:	RM1.00 setiap waran
Nisbah Pelaksanaan	:	1:1

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, sejumlah 117,943 Waran telah ditukar kepada 117,943 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam modal Syarikat. Modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat setakat 31 Disember 2013 ialah RM411,260,838.00 dibahagikan kepada 411,260,838 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

2. Sukuk Ijarah Boleh Tukar

Pada 11 September 2013, Syarikat telah menerbitkan Sukuk Ijarah Boleh Tukar sebanyak RM165.0 juta dalam nilai nominal. Pemegang Sukuk Ijarah Boleh Tukar adalah berhak untuk menukar pada Harga Penukaran, kesemua atau mana-mana bahagian Sukuk Ijarah Boleh Tukar kepada saham biasa baharu berbayar penuh PNHB pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Penukaran (kecuali dan melainkan dalam keadaan penggantian Aset Pajakan di bawah Aku Janji Penggantian) dengan tertakluk kepada tempoh notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari. Ciri utama terma Sukuk Ijarah Boleh Tukar adalah seperti berikut:-

Tarikh Penerbitan	:	11 September 2013
Tarikh Matang	:	Lima tahun dari Tarikh Penerbitan
Harga Penerbitan	:	Harga penukaran ialah RM2.00, yang mewakili premium kira-kira 12.0% terhadap harga teori ex-waran bernilai RM1.7854 berdasarkan volum harga pasaran purata berwajaran selama 5 hari bagi saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam PNHB sehingga dan termasuk 28 Jun 2013, bernilai RM1.8639 sesaham PNHB.

Syarikat mempunyai hak untuk melaksanakan Aku Janji Penggantian pada harga laksana mengikut agregat nilai nominal belum lunas Sukuk Ijarah Boleh Tukar belum bayar, apa-apa Pengagihan Berkala dan perbelanjaan pemilikan belum lunas.

Syarikat atau mana-mana subsidiarinya atau syarikat yang berkaitan boleh pada bila-bila masa membeli balik Sukuk Ijarah Boleh Tukar pada apa-apa harga dalam pasaran terbuka atau secara triti persendirian.

Syarikat boleh menebus Sukuk Ijarah Boleh Tukar secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya sebagaimana saling dipersetujui di antara Syarikat dan para Pemegang Sukuk Ijarah Boleh Tukar menurut resolusi luar biasa. Melainkan sebelumnya telah ditebus, ditukar, dibeli dan dibatalkan, Sukuk Ijarah Boleh Tukar hendaklah ditebus oleh Syarikat pada nilai nominalnya pada Tarikh Matang.

Setakat 31 Disember 2013, tidak ada pelaksanaan penukaran oleh para pemegang terhadap Sukuk Ijarah Boleh Tukar mahupun terdapat apa-apa penebusan, pembelian atau pembatalan Sukuk Ijarah Boleh Tukar oleh Syarikat.

(d) RESIT DEPOSITORI AMERIKA (ADR) / RESIT DEPOSITORI GLOBAL (GDR)

Syarikat tidak menaja sebarang program ADR atau GDR.

(e) SEKATAN DAN/ATAU DENDA

Syarikat dan subsidiari, para Pengarah dan pihak Pengurusannya tidak dikenakan sebarang sekatan dan/atau denda oleh badan kawal selia yang berkaitan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

(f) YURAN BUKAN AUDIT

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Kumpulan telah membayar sebanyak RM214,000.00 untuk yuran bukan audit kepada Juruaudit Luar.

Yuran bukan audit perlu bayar kepada juruaudit luar, Tetuan KPMG berkaitan semakan Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman dan perkhidmatan profesional lain termasuk khidmat nasihat.

(g) PERBEZAAN KEPUTUSAN

Tiada perbezaan ketara dalam Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 yang terkandung di dalam Laporan Tahunan ini berbanding dengan keputusan disatukan belum diaudit Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 yang telah diumumkan kepada Bursa Securities pada 27 Februari 2014.

(h) JAMINAN KEUNTUNGAN

Syarikat tidak menyediakan sebarang jaminan keuntungan kepada mana-mana pihak bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

(i) URUS NIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN

Syarikat tidak memeterai sebarang urus niaga berulang dengan pihak berkaitan yang memerlukan mandat para pemegang saham pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

(j) KONTRAK PENTING YANG MEMBABITKAN PARA PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

Kontrak penting yang dimeterai oleh Syarikat dan Kumpulan, yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat dan subsidiarinya serta kontrak penting yang masih sah pada akhir tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013, adalah seperti berikut:-

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran / Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah / Pemegang Saham Utama
22 September 1994 23 Mei 1996 31 Disember 2004	Perjanjian Penswastaan Merangkap Konsesi (“PCCA”) Perjanjian Tambahan (“PCCA”) Perjanjian Tambahan (“PCCA”)	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (“PNSB”)	Tidak Berkenaan	YBhg Tan Sri Rozali Ismail (”TSRI”) adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100%kepentingan ekuitinya dalam Central Plus (M) Sdn Bhd (“CPlus”) dan Corporate Line (M) Sdn Bhd (“CLine”). PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti 100% dalam PNSB.
31 Disember 2004	Perjanjian Novasi (“PCCA”)	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, PNSB dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (“SYABAS”)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti, masing-masing 100% dan 70% dalam PNSB dan SYABAS.
22 Mac 1995 31 Disember 2004	Perjanjian Pembinaan Merangkap Pengendalian (“CCOA”) Perjanjian Tambahan (“CCOA”)	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan PNSB	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam PNSB.

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran / Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah / Pemegang Saham Utama
15 Disember 2004	Perjanjian Konsesi	SYABAS, Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Kerajaan Malaysia (“Kerajaan Persekutuan”)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS.
31 Disember 2004	Perjanjian Konsesi Loji Pembersihan Air Wangsa Maju	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan PNSB.	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam PNSB.
31 Disember 2004	Perjanjian Novasi (Perjanjian Konsesi Loji Pembersihan Air Wangsa Maju)	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, PNSB dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti masing-masing 100% dan 70% dalam PNSB dan SYABAS.
31 Disember 2004	Perjanjian Pemegang Saham	PNHB, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (“KDEB”) dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS.

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran / Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah / Pemegang Saham Utama
23 Februari 2006	Perjanjian Langganan Berhubung Langganan Sehingga RM1.045 Bilion Nilai Nominal Saham Pinjaman Tidak Bercagar Kumulatif Boleh Tukar Boleh Tebus SYABAS (Redeemable Cumulative Unsecured Loan Stocks of SYABAS) ("RCULS")	PNHB, KDEB dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS.
8 Disember 2006	Perjanjian Langganan Berhubung Penerbitan RM435.0 Juta Nilai Nominal Bon Tidak Bercagar Boleh Tebus Kepada PNHB (Redeemable Unsecured Bonds)	PNSB (sebagai Penerbit), United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (sebagai Ejen Kemudahan dan Ejen Penerbit) dan PNHB	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam PNSB.
25 April 2007	Perjanjian Berkaitan Dengan Pembersihan dan Menaik Taraf 26 Loji Pembersihan Air	PNSB dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti, masing-masing 100% dan 70% dalam PNSB dan SYABAS.

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran / Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah / Pemegang Saham Utama
16 Ogos 2007	Perjanjian Operasi dan Penyelenggaraan (Lanjutan) Loji Pembersihan Air Sungai Lolo	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan PNSB	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam PNSB.
16 Ogos 2007	Perjanjian Novasi Berkaitan Perjanjian Operasi dan Penyelenggaraan (Lanjutan) Loji Pembersihan Air Sungai Lolo	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, PNSB dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti, masing-masing 100% dan 70% dalam PNSB dan SYABAS.
7 Mac 2008	Perjanjian Pengendalian dan Penyelenggaraan (Lanjutan) Loji Pembersihan Air Sg Sireh	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan PNSB	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam PNSB.
7 Mac 2008	Perjanjian Novasi Berkaitan Perjanjian Pengendalian dan Penyelenggaraan (Lanjutan) Loji Pembersihan Air Sg Sireh	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, PNSB dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti, masing-masing 100% dan 70% dalam PNSB dan SYABAS.

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran / Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah / Pemegang Saham Utama
16 Disember 2009	Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berkaitan dengan kemudahan pinjaman berjumlah RM320,800,000.00 sahaja). Butirannya dikemukakan dalam Nota (a) di bawah	SYABAS (Peminjam) dan Kerajaan Persekutuan (Pemberi Pinjaman)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS.
17 Oktober 2011	Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berhubung kemudahan pinjaman sebanyak RM110,000,000.00 sahaja). Surat Ikatan Penyerahan Hak Butirannya dikemukakan dalam Nota (b) di bawah.	SYABAS (Peminjam) dan Kerajaan Persekutuan Malaysia (Pemberi Pinjaman) SYABAS (sebagai Penyerah Hak) dan Kerajaan Persekutuan (sebagai Pemegang Serah Hak)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS.
29 Februari 2012	Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berkaitan dengan Kemudahan Pinjaman Bertempoh Bersindiket sebanyak USD36.0 juta). Butirannya dibentangkan dalam Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 pada muka surat 261 di dalam Laporan Tahunan ini.	KGL Ltd. (Peminjam), OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan Hong Leong Bank Berhad (Pemberi Pinjaman)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam Puncak Oil & Gas Sdn Bhd, Syarikat induk KGL Ltd.

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran / Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah / Pemegang Saham Utama
31 Julai 2012	Pembatalan Surat Ikatan untuk membatal dan menarik balik Perjanjian Tambahan Pemegang Saham bertarikh 20 Februari 2009.	PNHB, KDEB, SYABAS dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS.
28 Ogos 2013	Perjanjian Langganan Berhubung Dengan Penerbitan Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus Lima Tahun Sehingga RM165.0 Juta Dalam Nilai Nominal. Butirannya dibentangkan dalam Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 pada muka surat 262 di dalam Laporan Tahunan ini.	PNHB (Penerbit) dan Hong Leong Investment Bank Berhad (Pengatur Utama)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine.
21 Oktober 2013	Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berkaitan dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM75.0 juta sahaja) Butirannya dikemukakan dalam Nota (c) dibawah.	SYABAS (Peminjam) dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh Kementerian Kewangan Malaysia ("MOF") (Pemberi Pinjaman)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS.
	Surat Ikatan Penyerahan Hak	SYABAS (sebagai Penyerah Hak) dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh MOF) (sebagai Pemegang Serah Hak)		
	Debentur	SYABAS dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh MOF)		

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran / Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah / Pemegang Saham Utama
21 Oktober 2013	Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berkaitan dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM76.0 juta sahaja) Butirannya dikemukakan dalam Nota (c) dibawah.	SYABAS (Peminjam) dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh MOF) (Pemberi Pinjaman)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS.
	Surat Ikatan Penyerahan Hak	SYABAS (sebagai Penyerah Hak) dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh MOF) (sebagai Pemegang Serah Hak)		
	Debentur	SYABAS dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh MOF)		

Nota untuk kontrak penting yang berkenaan dengan pinjaman:-

(a) Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berhubung dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM320,800,000.00)

Tujuan Pinjaman : Bayaran untuk pembelian air daripada operator pembersih air iaitu PNSB, Konsortium ABASS Sdn Bhd dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd.

Syarat Pembayaran Balik faedah dan pinjaman pokok : Amaun Kemudahan perlu dibayar balik sepanjang enam belas (16) tahun bermula pada tahun kelima (ke-5) dari penggunaan pinjaman pertama, iaitu tempoh tangguh empat (4) tahun.

Kadar Faedah : Faedah Ingkar: Lapan peratus (8.00%) setahun terhadap apa-apa lampau tempoh pembayaran balik amaun pokok.

Sekuriti : Tiada

(b) Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berhubung dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM110,000,000.00)

Tujuan Pinjaman : Untuk membiayai kerja-kerja perbelanjaan modal berkenaan projek penggantian paip lama dan menaik taraf projek sistem bekalan air.

Syarat Pembayaran Balik faedah dan pinjaman pokok : Amaun Kemudahan kena dibayar balik selama lapan belas (18) tahun bermula pada tahun ketiga (ke-3) dari tarikh penggunaan pinjaman pertama.

Tahun	RM setahun
2014 - 2019	550,000
2020 - 2023	1,100,000
2024 - 2027	1,650,000
2028	13,200,000
2029	22,000,000
2030	27,500,000
2031	33,000,000

Kadar Faedah	:	(1) Tiga peratus (3%) setahun.
	:	(2) Faedah Ingkar: Lima peratus (5.0%) setahun terhadap apa-apa lampau tempoh pembayaran balik amaun pokok.
Sekuriti	:	Surat Ikatan Penyerahan Hak bagi Akaun Pinjaman Khas dan baki kredit didalamnya.

(c) Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berhubung dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM75.0 juta) dan Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berhubung dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM76.0 juta)

Tujuan Pinjaman	:	Pinjaman Kerajaan hendaklah digunakan untuk tujuan berikut: (i) Pinjaman Kerajaan RM75.0 juta Untuk membiayai kerja yang berkaitan dengan Program Meringankan Masalah Bekalan Air - projek penggantian paip lama dan paip yang kritikal di Selangor dan Kuala Lumpur di enam belas (16) kawasan kritikal di Selangor, Kuala Lumpur serta Putrajaya; dan (ii) Pinjaman Kerajaan RM76.0 juta Untuk membiayai kerja yang berkaitan dengan Program Meringankan Masalah Bekalan Air Fasa 2 bagi mengurangkan masalah kekurangan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.
Syarat Pembayaran Balik faedah dan pinjaman pokok	:	Tempoh bermula pada tahun ketiga dari tarikh pengeluaran pertama dan tamat tangguh dan habis tempoh tujuh belas (17) tahun selepas itu.
Kadar Faedah	:	(1) Tiga peratus (3%) setahun dan hendaklah terakru dari Tarikh Berkuatkuasa dan kena bayar setiap tahun dengan tunggakan di mana faedah pertama kena bayar apabila tamatnya Tempoh Tangguh. Apa-apa Faedah yang belum berbayar hendaklah dipermodalkan dan membentuk sebahagian daripada Pinjaman belum lunas. Faedah hendaklah dikira atas dasar tiga ratus enam puluh lima (365) hari serta bilangan hari sebenar yang berlalu.
	:	(2) Faedah Ingkar: Lima peratus (5.0%) setahun semasa tempoh bermulanya pada tarikh jumlah tersebut atau jumlah-jumlah tertentu kena dibayar sehingga tarikh atau tarikh-tarikh pembayaran sebenar. Faedah ingkar hendaklah dikira atas dasar tiga ratus enam puluh lima (365) hari serta bilangan hari sebenar yang berlalu.
Sekuriti	:	Sebagai sekuriti untuk pembayaran balik Pinjaman, SYABAS hendaklah menyediakan umpukan bagi semua jumlah, hak dan kepentingan yang ada kini dan pada masa hadapan terhadap semua wang yang berada pada kedudukan kredit dalam Akaun Pinjaman Khas dan Akaun Dana Terikat (seperti yang ditakrifkan dalam Perjanjian Kemudahan Pinjaman) menurut Surat Ikatan Penyerahan Hak serta debentur khusus terhadap Projek menurut Debentur yang dibuat untuk Kerajaan Persekutuan.

PENYATA USAHA NIAGA BERTERUSAN

Kecuali berlaku sebarang keadaan di luar jangka dan selepas melakukan kajian sewajarnya dan berpatutan terhadap hal ehwal Kumpulan, Lembaga Pengarah benar-benar percaya bahawa Kumpulan akan terus beroperasi sebagai sebuah usaha niaga berterusan pada masa depan yang boleh diramal.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNHB pada 28 April 2014.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 menghendaki Lembaga Pengarah ("Lembaga") mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset-aset Kumpulan. Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pula mengkehendaki para Pengarah mendedahkan ciri-ciri utama sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman syarikat dalam laporan tahunan. Lembaga Pengarah dipandu oleh Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman: Garis Panduan bagi Pengarah Syarikat Senarai Awam ("Garis Panduan").

TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah Kumpulan Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") bertanggungjawab mengekalkan satu sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap dan mengkaji kemampuannya serta kewibawaannya agar ia dapat melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset-aset Kumpulan. Pihak Lembaga Pengarah telah memberi mandat kepada Pengurusan untuk melaksanakan sistem kawalan yang direka untuk mengenalpasti dan menguruskan risiko-risiko yang dihadapi oleh Kumpulan dalam usaha mencapai objektif perniagaannya. Sistem kawalan dalaman ini, secara hakikatnya, hanya dapat memberikan jaminan yang berpatutan dan bukan muktamad terhadap salahnyata atau kerugian ketara.

Lembaga Pengarah mengakui bahawa terdapat proses-proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai, memantau dan menguruskan risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan. Proses ini dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah PNHB melalui sebuah Jawatankuasa Lembaga khas, iaitu Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko yang memperuntukkan masanya untuk perbincangan mengenai perkara ini secara berkala pada sepanjang tahun.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan Risiko telah menjadi sebahagian penting sistem pengurusan Kumpulan dan merupakan tanggungjawab setiap kakitangannya. Pada bulan Oktober 2001, Lembaga Pengarah PNHB secara rasminya telah meluluskan struktur dan proses pengurusan risiko yang sistematik bagi Kumpulan. Sejak itu, struktur dan proses tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Pengurusan dan kakitangan Kumpulan PNHB. Rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan dijelaskan secara terperinci di dalam Dasar & Laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan di muka surat 180 hingga 183 Laporan Tahunan ini.

SISTEM KAWALAN DALAMAN

Unsur-unsur penting sistem kawalan dalaman dan proses jaminan Kumpulan, antara lain, meliputi perkara-perkara berikut:-

- Semua keputusan penting memerlukan kelulusan muktamad daripada Lembaga/Jawatankuasa Eksekutif masing-masing di dalam Kumpulan (PNHB/Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB")/Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS")/Sino Water Pte Ltd ("Sino Water")/Kumpulan Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG") dan kelulusan tersebut hanya akan dibuat selepas analisis terperinci dilaksanakan. Setiap Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Eksekutif menerima maklumat yang lengkap dan kerap yang meliputi semua Bahagian/Jabatan/Wilayah bagi setiap syarikat di dalam Kumpulan.

- Semua Bahagian dan Jabatan PNSB dan Kumpulan POG mempunyai Manual Tatacara dan/atau Dasar yang didokumenkan dengan jelas, manakala SYABAS mempunyai Piawaian Prosedur Operasi dan/atau Dasar yang mengandungi tatacara kawalan dan skop-skop tanggungjawab serta kuasa. Manual Tatacara/Piawaian Prosedur Operasi/Dasar tersebut dikemaskini dari masa ke semasa agar meliputi semua unsur yang perlu ada hasil daripada perubahan dalam perundangan, amalan terbaik industri dan dinamik perniagaan.

- Jabatan Audit Dalaman PNSB mengkaji secara bebas proses kawalan yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan mengikut Pelan Audit Tahunan dan melaporkan secara berkala mengenai penemuannya serta saranannya kepada Jawatankuasa Audit PNHB lima (5) kali setahun. Tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Jawatankuasa Audit PNHB dibentangkan secara terperinci dalam Terma-terma Rujukan Jawatankuasa Audit PNHB. Jawatankuasa Audit, menurut pertimbangan yang diberikan oleh Laporan Audit Dalaman dan Luaran, mampu menilai keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman, untuk membentangkan penemuannya kepada Lembaga Pengarah.

- Jabatan Audit Dalaman Kumpulan POG melaporkan secara berkala mengenai penemuannya serta saranannya mengenai bahagian minyak dan gas kepada Jawatankuasa Audit PNHB.

- Lembaga Pengarah SYABAS telah membentuk sebuah Jawatankuasa Audit yang memiliki Terma-terma Rujukan tersendiri pada 3 Ogos 2007 yang telah dikemaskinikan pada 31 Januari 2013. Bahagian Audit Dalaman SYABAS turut mengemukakan satu salinan Laporan Audit Dalamannya kepada Pengerusi Eksekutif, dan ringkasan Laporan Kemajuan berkaitan aktiviti-aktivitinya dikemukakan kepada Pengurusan SYABAS pada setiap bulan.

- Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko yang dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PNHB, telah dibentuk pada bulan Oktober 2001. Jawatankuasa ini memantau secara teliti proses Pengurusan Risiko di dalam Kumpulan dan tahap pematuhannya terhadap keperluan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.

- Jawatankuasa Tender dan Kontrak PNSB/Kumpulan POG serta Jawatankuasa Tender SYABAS memastikan perletakan harga yang telus dan berdaya saing dalam penganugerahan kontrak-kontrak di dalam Kumpulan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

- Satu proses belanjawan yang terperinci telah diwujudkan bagi PNSB, SYABAS, Sino Water dan Kumpulan POG yang memerlukan agar semua Bahagian/Jabatan/Wilayah menyediakan belanjawan tahunan masing-masing. Belanjawan tersebut dikaji dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Eksekutif masing-masing sebelum dilaksanakan pada setiap tahun. Pemantauan prestasi sebenar berbanding belanjawan bagi PNSB, SYABAS, Sino Water dan Kumpulan POG, dengan susulan perbezaan besar dibuat pada setiap bulan, dan Pihak Pengurusan mengambil tindakan untuk memperkemaskinikan atau memperbaiki sebarang kelemahan, jika perlu.

- PNSB, SYABAS, Sino Water dan Kumpulan POG mempunyai Had-had Kuasa tersendiri yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah mereka masing-masing.

- Borang Audit Penilaian Sendiri (yang menyenaraikan kawalan dalaman utama) telah diwujudkan untuk semua Jabatan di PNSB. Semua Jabatan dikehendaki mengemukakan pengisytiharan suku tahunan kepada Jabatan Audit Dalaman untuk mengisytiharkan sama ada semua kawalan dalaman utama telah dipatuhi. Berkuatkuasa mulai suku tahun berakhir 30 September 2012, Borang Audit Penilaian Sendiri telah diserahkan dan dipantau secara "online" melalui Sistem Pemantauan Audit.

PENILAIAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan bagi tahun di bawah tinjauan dan pada tarikh penyata ini disediakan berada dalam keadaan yang mantap dan memadai untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset-aset Kumpulan.

Lembaga Pengarah telah menerima jaminan daripada Pengarah Urusan/CEO/Presiden/Pengarah Ekesekutif Kewangan/Naib Presiden Kewangan/Ketua Bahagian Perkhidmatan Korporat setiap syarikat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan adalah beroperasi dengan memuaskan dan berkesan di syarikat-syarikat operasi masing-masing.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini telah disediakan selaras dengan Garis Panduan dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNHB dan telah dikaji oleh juruaudit luar.

KAJIAN JURUAUDIT LUAR TERHADAP PENYATA

Juruaudit luar telah mengkaji Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini menurut skop yang ditetapkan dalam Panduan Amalan yang Disarankan ("RPG") 5 (Semakan), Panduan untuk Juruaudit berkenaan Penglibatan dalam Laporan mengenai Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan yang telah dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("MIA") untuk dirangkumkan ke dalam laporan tahunan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan melaporkan kepada Lembaga bahawa tiada apa-apa yang telah sampai kepada pengetahuan mereka untuk menyebabkan mereka percaya bahawa penyata yang bermaksud untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan Kumpulan, dari segala aspek material:

(a) tidak disediakan selaras dengan pendedahan yang diperlukan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan bagi Pengarah Syarikat Senarai Awam, atau
(b) tidak tepat dari segi faktanya.

RPG 5 (Semakan) tidak memerlukan juruaudit luar mempertimbangkan sama ada Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman para Pengarah mencakupi semua risiko dan kawalan, atau untuk membentuk pendapat tentang kemampuan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan, termasuk penilaian dan pendapat Lembaga Pengarah serta pihak Pengurusan mengenainya. Juruaudit juga tidak perlu mempertimbangkan sama ada proses yang dihuraikan untuk mengendali aspek kawalan dalaman yang material bagi apa-apa masalah penting yang didedahkan dalam laporan tahunan akan, malah, memulihkan masalah tesebut.

Untuk dan bagi pihak Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad

Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh
Pengerusi
Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko

28 April 2014

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan 2013.

1. KEAHLIAN DAN MESYUARAT

Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli-ahli berikut dan butiran kehadiran setiap ahli di Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan sepanjang tahun kewangan 2013 adalah seperti di bawah:

Komposisi Jawatankuasa	Bilangan Mesyuarat Diadakan	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratus (%)
YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	7	7	100
YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	7	6	86
YAM Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud Ahli/Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	7	7	100
YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	7	7	100

Pengarah Eksekutif (Bahagian Kewangan), Pengurus Besar Kanan (Jabatan Audit Dalaman), Pengarah Eksekutif (Jabatan Operasi & Penyelenggaraan) dan ahli-ahli Pengurusan Kanan lain telah menghadiri mesyuarat-mesyuarat ini atas jemputan Pengerusi Jawatankuasa Audit. Juruaudit luar Kumpulan turut dijemput menghadiri mesyuarat-mesyuarat berkenaan apabila perkara-perkara yang berkaitan dengan audit akaun-akaun berkanun, keputusan kewangan suku tahunan dan/atau berkaitan juruaudit luar akan dibincangkan. Setiausaha-setiausaha Syarikat, Puan Tan Bee Lian dan Puan Lim Yew Heang merupakan Setiausaha-setiausaha Jawatankuasa Audit.

2. RINGKASAN AKTIVITI

Pada tahun kewangan 2013, Jawatankuasa Audit telah menjalankan tugas-tugasnya seperti yang dinyatakan dalam Terma-terma Rujukan Jawatankuasa Audit PNHB. Aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan ini merangkumi perkara berikut:-

Keputusan Kewangan

- Mengkaji keputusan kewangan Kumpulan tidak beraudit bagi suku tahunan dan tahunan sehingga kini sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan dan diluluskan.
- Mengkaji laporan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi Syarikat dan Kumpulan bersama-sama dengan juruaudit luar sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Audit Luar

- Mengkaji bidang kerja dan rancangan audit juruaudit luar bagi tahun ini dan mengemukakan saranan berkenaan pelantikan dan upah mereka kepada Lembaga Pengarah.
- Mengkaji dan membincangkan laporan audit juruaudit luar dan hal-hal yang memerlukan perhatian di dalam surat pengurusan, termasuk maklum balas pihak pengurusan berkaitan hal-hal yang dibangkitkan oleh juruaudit luar.
- Membincangkan tentang isu-isu perakaunan dan pengauditan penting, kesan perubahan piawaian perakaunan dan keperluan penguatkuasaan baharu atau yang dicadangkan.
- Bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

Audit Dalaman

- Mengkaji rancangan Audit Dalaman dan program keperluan sumber Audit Dalaman bagi tahun ini serta menilai prestasi Jabatan Audit Dalaman.

- Mengkaji laporan Audit Dalaman yang mengetengahkan isu-isu audit, saranan dan maklum balas pihak Pengurusan serta mengarahkan tindakan yang perlu diambil oleh pihak Pengurusan bagi memperbetulkan dan mempertingkatkan sistem kawalan dalaman.

- Memantau perlaksanaan yang disarankan oleh Jabatan Audit Dalaman yang timbul daripada auditnya untuk mendapatkan jaminan bahawa semua risiko penting dan hal-hal yang berkaitan dengan kawalan telah ditangani sepenuhnya.

Kerja Lawatan Tapak

Melawat Kuching, Sarawak pada Jun 2013 berhubung dengan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang dilakukan oleh Kumpulan untuk membiasakan dengan operasi Projek Sarawak dan mempunyai pengalaman 'hands-on' di tapak dan memeriksa status kerja yang telah dilakukan.

Urus Niaga Pihak Berkaitan

Mengkaji semua urus niaga pihak berkaitan yang telah dimeterai oleh Syarikat dan Kumpulan.

3. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB")/Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB")

PNHB/PNSB telah menubuhkan Jabatan Audit Dalaman bebas yang melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit. Jabatan Audit Dalaman membantu Jawatankuasa Audit melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Tanggungjawab utama Jabatan Audit Dalaman adalah menyediakan jaminan bebas berhubung dengan kecukupan serta keberkesanan pengurusan risiko, tadbir urus dan kawalan dalaman.

Jabatan Audit Dalaman menfokus kepada kajian yang kerap dan sistematik dan telah menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, sistem maklumat pengurusan serta pematuhan dengan prosedur yang telah ditetapkan termasuk sistem bagi pematuhan terhadap undang-undang, kaedah, peraturan, arahan dan garis panduan yang berkenaan.

Rancangan Audit Dalaman Tahunan 2013 Jabatan Audit Dalaman (yang disusun berdasarkan pendekatan berasaskan risiko), telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit Syarikat ke-76 yang diadakan pada 27 November 2012. Laporan Audit Dalaman yang mengetengahkan kelemahan kawalan dalaman telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit dan saranan yang dikemukakan telah diambil tindakan sewajarnya oleh pihak Pengurusan.

Pada tahun 2013, Jabatan Audit Dalaman telah menyempurnakan 75 tugasan audit meliputi kesemua Loji Pembersihan Air, Kumpulan POG, Operasi, audit IT dan tugasan tidak berjadual yang diminta oleh pihak Pengurusan Kanan. Semua audit telah dijalankan secara dalaman.

Peranan Jabatan Audit Dalaman berhubung rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan diterangkan dalam Dasar & Laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan di muka surat 180 hingga 183 dalam Laporan Tahunan ini.

Jumlah kos yang ditanggung oleh Jabatan Audit Dalaman berkaitan pelaksanaan fungsi audit dalaman PNHB/PNSB sepanjang Tahun Kewangan 2013 adalah sebanyak kira-kira RM1.3 juta.

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS")

Berikutan operasi pengagihan air yang rumit dan berbeza dengan operasi pembersihan air PNSB, Lembaga Pengarah SYABAS secara rasminya telah meratifikasi pembentukan Jabatan Audit Dalamannya pada 1 September 2006 dan sebuah Jawatankuasa Audit yang mempunyai Terma-terma Rujukannya yang tersendiri telah dibentuk pada 3 Ogos 2007.

Di SYABAS, penekanan dalam audit yang dilaksanakan bagi Tahun Kewangan 2013 adalah untuk menentukan tahap pematuhan terhadap prosedur dan garis panduan Syarikat, serta terhadap Undang-undang dan Peraturan Pihak Berkuasa dan Perjanjian Konsesi.

Jabatan Audit Dalaman di SYABAS telah melaksanakan sejumlah 81 tugasan pada tahun 2013.

Kos yang ditanggung oleh Jabatan Audit Dalaman SYABAS berkaitan pelaksanaan fungsi audit dalaman SYABAS pada tahun ini adalah sebanyak kira-kira RM1.5 juta.

Kumpulan Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG")

Bagi Kumpulan POG, aktiviti audit pada awalnya telah dikendalikan oleh PNSB. Berkuatkuasa dari September 2013, Kumpulan POG telah menubuhkan Jabatan Audit Dalaman yang terdiri daripada seorang (1) Pengurus Kanan dan seorang (1) Eksekutif. Aktiviti audit diselia oleh Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman, PNSB dan kesemua laporan dibentangkan keapda Jawatankuasa Audit PNHB.

Sepanjang tahun ini, sebanyak 16 audit telah disempurnakan.

Kos yang ditanggung oleh Jabatan Audit Dalaman Kumpulan POG berkaitan pelaksanaan fungsi audit dalaman Kumpulan POG pada tahun ini adalah sebanyak kira-kira RM134,000.

4. RINGKASAN TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT PNHB

A. Komposisi

Pihak Lembaga Pengarah hendaklah melantik Jawatankuasa Audit daripada kalangan mereka (menurut satu resolusi Lembaga Pengarah), yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang Pengarah yang memenuhi syarat-syarat berikut:

i. Semua ahli Jawatankuasa Audit mestilah merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat (dan tidak termasuk Pengarah Gantian) dengan majoriti daripada mereka adalah Pengarah-pengarah Bebas; dan

ii. Sekurang-kurangnya seorang (1) ahli Jawatankuasa Audit:

   a. mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia;
   b. jika beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mestilah mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun dan:

      1. beliau mestilah telah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
      2. beliau mestilah merupakan ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
      3. memenuhi keperluan-keperluan lain sebagaimana yang telah digariskan atau diluluskan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melantik seorang Pengerusi dari kalangan mereka yang seharusnya merupakan seorang Pengarah Bebas. Pengerusi berkenaan, sebaik-baiknya merupakan seorang yang berkaliber, berpengetahuan dan berpengalaman dalam urusan pelaporan kewangan, memiliki kebolehan memimpin yang baik dan bersungguh-sungguh untuk memastikan laporan dan kawalan kewangan disediakan dengan betul.

Pengerusi Jawatankuasa Audit akan sentiasa berhubungan dengan Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Syarikat serta juruaudit luar supaya sentiasa maklum akan perkembangan perkara-perkara yang berkaitan dengan Syarikat. Kesemua ahli Jawatankuasa Audit perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan atau celik kewangan.

Jika bilangan ahli Jawatankuasa Audit, atas sebarang sebab, menjadi kurang daripada tiga (3) orang, Lembaga Pengarah hendaklah dalam tempoh tiga (3) bulan dari peristiwa tersebut, melantik ahli-ahli baru menurut bilangan yang diperlukan untuk memenuhi bilangan minimum ahli iaitu seramai tiga (3) orang.

B. Tugas dan Tanggungjawab

Bagi mencapai objektif utamanya, Jawatankuasa Audit perlu menjalankan tugas dan tanggungjawab berikut:

B.1 Menyelia Semua Perkara Berkaitan Audit Luar Dan Dalaman

i. Jawatankuasa akan bermesyuarat dengan juruaudit luar sebelum audit tahunan dimulakan untuk mengkaji dan membincangkan:

- Rancangan Audit Tahunan dengan juruaudit luar, termasuk berhubung skop, bentuk dan bidang-bidang audit Kumpulan;
- Tahap sebarang pergantungan kerja juruaudit dalaman yang dirancang dan jangkaan kesan daripada pergantungan tersebut ke atas pemeriksaan.
- Sebarang masalah perakaunan dan pengauditan penting yang boleh diramal oleh juruaudit dan kesan daripada sebarang perubahan piawaian perakaunan atau keperluan penguatkuasaan peraturan baru atau dicadangkan ke atas penyata kewangan.

Berikutan kajiannya terhadap rancangan tersebut, Jawatankuasa Audit boleh meminta juruaudit luar untuk menjalankan kerja audit tambahan ke atas bidang-bidang tertentu yang menjadi perhatian Jawatankuasa. Dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang jelas perlu diwujudkan dan diikuti untuk memastikan kebebasan juruaudit luar tidak terjejas dengan peruntukan perkhidmatan bukan audit kepada Syarikat.

ii. Menyelia Jabatan Audit Dalaman. Dalam menyelia Jabatan Audit Dalaman, Jawatankuasa Audit akan:

- Mengkaji program, skop, prestasi dan penemuan audit juruaudit dalaman.
- Memantau pelaksanaan program tersebut supaya liputan audit dalaman yang dibuat adalah mencukupi.
- Menilai kapasiti Jabatan Audit Dalaman untuk menunaikan tanggungjawabnya dengan mempertimbangkan, antara lain, kecukupan bidang kuasa Jabatan tersebut seperti yang dinyatakan dalam piagam Jabatan, daya saing, kelayakan dan tahap pengalaman kakitangannya, tahap kebebasan juruaudit dalaman daripada aktiviti-aktiviti yang diaudit dan laporan hubungan antara Ketua Audit Dalaman dan pihak Pengurusan Kanan.
- Mengkaji sebarang taksiran atau penilaian prestasi kakitangan Jabatan Audit Dalaman dan meluluskan sebarang pelantikan atau pemecatan Ketua Jabatan Audit Dalaman.

iii. Mengkaji bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh para pegawai Syarikat kepada juruaudit luar dan dalaman.

iv. Mempertimbangkan pelantikan, yuran audit dan sebarang persoalan berhubung peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar.

v. Juruaudit luar dan/atau dalaman berhak menghadiri dan menyuarakan pendapat dalam sebarang mesyuarat Jawatankuasa Audit dan harus bersedia berjumpa dengan Jawatankuasa Audit apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa Audit.

vi. Atas permintaan juruaudit luar dan/atau dalaman, Pengerusi Jawatankuasa Audit hendaklah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dipercayai oleh juruaudit, perlu dibawa kepada perhatian Jawatankuasa.

vii. Jawatankuasa Audit boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan/atau dalaman tanpa kehadiran mana-mana Pengarah dan pekerja Syarikat sekiranya difikirkan perlu.

B.2 Menilai Piawaian Kawalan Dalaman dan Laporan Kewangan

i. Mengadakan perbincangan khusus dengan Pengurusan Korporat Kanan untuk membincangkan kemampuan keseluruhan sistem kawalan dalaman.

ii. Bermesyuarat dengan juruaudit dalaman dan luar berkaitan penilaian mereka terhadap sistem kawalan perakaunan dalaman.

iii. Mempertimbangkan bentuk dan kecenderungan ulasan berkaitan yang terkandung dalam laporan yang disediakan oleh juruaudit dalaman dan dalam surat pengurusan juruaudit luar.

B.3 Mengkaji Semula Penyata Kewangan

i. Bermesyuarat dengan pihak Pengurusan dan juruaudit luar untuk membincangkan penyata kewangan tahunan Syarikat atau Kumpulan serta keputusan audit sebelum disarankan untuk kelulusan oleh pihak Lembaga.

ii. Mengkaji perubahan atau pelaksanaan perubahan dasar perakaunan utama, bentuk dan resolusi sebarang masalah perakaunan dan pengauditan ketara yang ditemui semasa pemeriksaan.

iii. Adalah menjadi satu amalan yang baik bagi Jawatankuasa Audit untuk bertemu dengan pihak Pengurusan dari semasa ke semasa bagi mengkaji keputusan Syarikat dan Kumpulan, seperti kajian keputusan kewangan suku tahunan.

iv. Mengkaji bentuk sebarang urus niaga dengan pihak berkaitan dan keadaan konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk sebarang urus niaga, prosedur atau tatacara kendalian yang menimbulkan persoalan terhadap kewibawaan pihak Pengurusan.

v. Mengkaji bentuk sebarang pelarasan penting dan peristiwa luar biasa, pengkelasan semula atau pendedahan tambahan penting yang dicadangkan oleh juruaudit luar yang penting pada masa kini atau mungkin menjadi penting pada masa akan datang.

vi. Mengkaji kecukupan pendedahan tentang kesan sebarang perubahan sepanjang tahun ini dalam dasar perakaunan, piawaian dan/atau keperluan penguatkuasaan peraturan.

vii. Mengkaji perkara-perkara yang menyebabkan perbezaan besar dalam baki penyata kewangan bagi tahun semasa berbanding tahun-tahun sebelumnya.

viii. Mengkaji sebarang keadaan dan situasi luar biasa yang ditampilkan dalam penyata kewangan termasuk mengenal pasti sebarang operasi marginal.

ix. Mengkaji sebarang bentuk komitmen luar biasa atau penting atau liabiliti-liabiliti luar jangka.

x. Mengkaji sebarang perbezaan besar antara laporan tahunan dan laporan-laporan lain, seperti laporan kepada agensi penguatkuasan peraturan.

xi. Mengkaji sebarang perbezaan ketara dari segi format atau pendedahan berbanding kelaziman dalam industri.

B.4 Tugas dan Tanggungjawab Tambahan

i. Bertindak atas permintaan Lembaga Pengarah untuk menyiasat dan melaporkan sebarang isu atau kemusykilan berkaitan pengurusan Syarikat.

ii. Fungsi-fungsi lain sebagaimana yang mungkin dipersetujui oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

C. Akses kepada Rekod

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka, pada dasarnya, Jawatankuasa Audit mempunyai akses penuh, bebas dan tanpa batasan kepada semua rekod, harta benda dan kakitangan Syarikat.

D. Mesyuarat dan Minit

i. Adalah menjadi amalan yang baik bagi Jawatankuasa Audit untuk mengadakan sekurang-kurangnya empat (4) mesyuarat setahun, walaupun mesyuarat tambahan boleh diadakan pada bila-bila masa atas budi bicara Pengerusi.

ii. Selain daripada ahli Jawatankuasa, Pengarah Eksekutif Bahagian Kewangan dan Ketua Jabatan Audit Dalaman biasanya akan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit ini. Wakil juruaudit luar dikehendaki menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit apabila perkara-perkara yang berkaitan dengan audit akaun berkanun dan/atau berkaitan juruaudit luar akan dibincangkan.

iii. Ketua Pegawai Eksekutif, Ahli Lembaga Pengarah yang lain dan/atau para pegawai lain yang berkaitan boleh dijemput hadir, kecuali bagi bahagian-bahagian tertentu dalam mesyuarat tersebut di mana kehadiran mereka dianggap tidak wajar, sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa.

iv. Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif sekurang-kurangnya dua kali setahun.

v. Minit bagi setiap mesyuarat hendaklah disimpan dan diedarkan kepada setiap ahli Jawatankuasa serta kepada ahli Lembaga Pengarah. Pengerusi Jawatankuasa hendaklah melaporkan setiap mesyuarat kepada Lembaga Pengarah. Setiausaha-setiausaha Jawatankuasa Audit hendaklah disandang oleh Setiausaha-setiausaha Syarikat.

DASAR & LAPORAN PENGURUSAN RISIKO

DASAR PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") telah meluluskan Penyata Dasar Pengurusan Risiko Kumpulan berikut:-

"Dasar Pengurusan Risiko Kumpulan PNHB adalah untuk mengenalpasti, mengukur dan mengawal risiko yang boleh menghalang Kumpulan daripada mencapai objektif-objektifnya.

Cabaran kami adalah untuk mengamalkan pengurusan risiko dalam semua bidang perniagaan kami bagi memastikan risiko perniagaan dikurangkan dan peluang-peluang dipertingkatkan.

Kami akan mencapai, mengekalkan dan mengkaji satu sistem pengurusan risiko yang wajar yang dilaksanakan oleh Pengurusan dan mencakupi semua kakitangan Kumpulan. Inilah komitmen Lembaga Pengarah.

Penyata dasar ini memberikan tanggungjawab pengurusan risiko kepada semua kakitangan Kumpulan PNHB dan mengakui bahawa tanggungjawab korporat terletak pada Lembaga Pengarah Kumpulan PNHB."

LAPORAN PENGURUSAN RISIKO

Semua syarikat menghadapi risiko-risiko dalam pelbagai aspek dunia korporat mereka. Bentuk risiko-risiko sedemikian meliputi sistemik, pasaran, kakitangan, ekonomi, perundangan, kewangan dan lain-lain, di mana kesemuanya perlu dikenal pasti dan diuruskan agar sebarang kemungkinan dan kesan yang tidak diingini dapat dikurangkan. Puncak Niaga mengakui hakikat ini dan telah melancarkan program-program pengurusan risiko bagi memastikan agar risiko perniagaannya dapat dikurangkan serta peluang dipertingkatkan.

Langkah-langkah berikut telah diambil oleh Lembaga Puncak Niaga pada bulan Oktober 2001, untuk menguruskan risiko korporat Kumpulan:-

1. Penyediaan Penyata Dasar Pengurusan Risiko Kumpulan.
2. Penubuhan Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko [Compliance, Internal Control and Risk Policy Committee ("CICR")] dengan Terma Rujukannya sendiri.
3. Penubuhan sebuah Seksyen Pengurusan Risiko yang melapor kepada Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko.

Sebagai tindakan susulan daripada Bengkel Pengurusan Risiko Korporat Strategik yang diadakan untuk Lembaga dan Pengurusan Kanan pada bulan Ogos 2001, maklumat berhubung Pengurusan Risiko telah disebarkan sepenuhnya kepada semua kakitangan dalam bentuk poster dan menerusi rangkaian komunikasi dalaman Kumpulan.

Di samping itu, rangka kerja pengurusan risiko yang direkabentuk pada bulan Oktober 2001 telah dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Pengurusan dan kakitangan Puncak Niaga.

Bengkel Pengurusan Risiko Seluruh Usahaniaga Strategik kedua telah diadakan untuk para Pengarah dan kakitangan Pengurusan Kanan oleh juruperunding luar pada 11 September 2008.

Taklimat dalaman kepada para Pengarah-pengarah dan Pengurusan Kanan telah diadakan pada bulan Mac 2013 berkenaan "Gambaran Keseluruhan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 & Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad".

DASAR & LAPORAN PENGURUSAN RISIKO

JAWATANKUASA PEMATUHAN, KAWALAN DALAMAN DAN DASAR RISIKO ("CICR")

Penubuhan CICR telah dirasmikan oleh Lembaga pada bulan Oktober 2001. Ahli-ahli CICR adalah seperti berikut:-

Pengerusi : YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Ahli-ahli : Encik Danny Ng Wah Tar
Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat, PNSB
Puan Tan Bee Lian
Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat, PNSB
Puan Wong Ley Chan
Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan, PNSB
Tuan Haji Sonari Solor
Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman, PNSB
Cik Hayati Ab Wahab
Pengurus Besar Kanan, Bahagian Audit Dalaman – SYABAS

Setiausaha : Puan Johty Priyatharashani
Pengurus Kanan, Jabatan Audit Dalaman, PNSB

A) TERMA RUJUKAN CICR

CICR akan membantu Lembaga Pengarah Puncak Niaga di dalam pelaksanaan tanggungjawab-tanggungjawab fidusiarinya yang berkaitan dengan perlindungan pelaburan para pemegang saham dan aset-aset Kumpulan melalui pendekatan Pengurusan Risiko yang berstruktur. Tanggungjawab-tanggungjawab utama CICR adalah:-

- Merumus strategi untuk mengurus keseluruhan risiko yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Kumpulan. Ia meliputi keputusan berhubung dengan:-
    - Strategi-strategi jangka panjang dan jangka pendek.
    - Peruntukan modal yang boleh dijustifikasikan berdasarkan pulangan bagi setiap unit risiko.
- Mengesyorkan dasar-dasar dan prosedur-prosedur pengurusan risiko bersesuaian yang akan dikaji secara kerap bagi memastikan ia selaras dengan perubahan penting dalam ekonomi, keadaan pasaran dan peraturan.
- Mengkaji secara berkala keseluruhan objektif-objektif Kumpulan dengan menilai komposisi portfolio risiko semasa dan menentukan pendedahan yang dikehendaki bagi setiap bidang risiko utama.
- Untuk memantau dan menilai komposisi portfolio risiko bagi aktiviti-aktiviti penting Kumpulan.
- Untuk sentiasa mengikuti perkembangan terkini berhubung dengan teknik-teknik dan teori-teori pengurusan risiko dan sebarang kemungkinan perubahan atau perubahan yang benar-benar berlaku dalam persekitaran peraturan, dan untuk mengesyorkan tindakan yang sewajarnya.

B) AKTIVITI-AKTIVITI CICR

MESYUARAT YANG DIADAKAN DAN ISU YANG DIBINCANGKAN

Pada tahun 2013, CICR telah mengadakan empat (4) mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh (Pengerusi CICR).

Dalam mesyuaratnya, CICR mengkaji secara terperinci Laporan-laporan Kemajuan yang disediakan oleh Seksyen Pengurusan Risiko. Isu-isu yang diliputi termasuk:-

1. Tahap kesediaan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") dan setiap Bahagian serta Jabatan masing-masing berhubung dengan keperluan "Penyata Kawalan Dalaman".

2. Perkembangan perlaksanaan penilaian dan pemantauan risiko di peringkat Jabatan/Bahagian dan Seluruh Usahaniaga. Risiko utama, tindakan kawalan dan pengurusan dikemukakan untuk dibincangkan oleh CICR.

3. Penggunaan perisian Kad Skor Risiko Korporat Q-RADAR secara berkesan untuk mengenalpasti, mengukur dan memantau semua risiko korporat yang dikenalpasti di PNSB, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"), Sino Water Pte Ltd dan Kumpulan Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG").

4. Perkembangan Borang Audit Sendiri yang dikemukakan oleh Jabatan-jabatan yang berkaitan di PNSB yang menyatakan sama ada kawalan dalaman utama telah dipatuhi.

5. Isu-isu risiko lain yang berkaitan yang menjejaskan Kumpulan, dari semasa ke semasa.

KUMPULAN KERJA KAD SKOR PENGURUSAN RISIKO ("RMSWG") DAN RISIKO SELURUH PERUSAHAAN

Kumpulan mengiktiraf bahawa Pengurusan Risiko melibatkan pendekatan yang tersusun dengan menggabungkan usaha kesemua fungsi di dalam Kumpulan, bagi mengurangkan kemungkinan dan kesan kerosakan yang tidak dijangka agar dapat menyumbang ke arah kecekapan yang lebih tinggi dan proses membuat keputusan yang lebih baik. Profil Risiko Seluruh Usahaniaga Kumpulan dikaji setiap tahun untuk mengambil kira perubahan-perubahan dalam persekitaran perniagaan, strategi dan aktiviti-aktiviti fungsi Kumpulan.

Pada 7 Januari 2014, perbincangan RMSWG telah diadakan di peringkat Kumpulan yang melibatkan semua Pengarah Eksekutif PNSB, Pengurusan Kanan PNSB, SYABAS dan Kumpulan POG untuk membincangkan tentang risiko yang diketengahkan oleh sektor perniagaan yang berlainan dan menentukan Profil Risiko Seluruh Usahaniaga Kumpulan Puncak Niaga bagi tahun 2014.

Perbincangan RMSWG tersebut dikaji oleh CICR pada 12 Februari 2014. Kemudiannya, satu Kertas Lembaga yang terperinci berkaitan "Risiko Seluruh Usahaniaga Utama yang Dihadapi oleh Kumpulan Puncak Niaga pada tahun 2014" bagi Kumpulan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada 27 Februari 2014.

Profil Risiko Seluruh Usahaniaga Kumpulan akan dinilai semula oleh RMSWG pada setiap tahun.

DASAR & LAPORAN PENGURUSAN RISIKO

LAPORAN KAD SKOR RISIKO SUKU TAHUNAN (PNSB, SINO WATER PTE LTD, KUMPULAN POG DAN SYABAS)

Setiap Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan PNSB, Pengarah Urusan Sino Water Pte Ltd, serta Pengurusan Kanan Kumpulan POG dan SYABAS bertanggungjawab menilai dan mengurus risiko mereka masing-masing. Dengan menggunakan perisian Kad Skor Risiko Korporat Q-RADAR, setiap Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan PNSB, Pengarah Urusan Sino Water Pte Ltd serta Pengurusan Kanan Kumpulan POG dan SYABAS telah mengemukakan laporan-laporan kad skor risiko yang terperinci kepada Seksyen Pengurusan Risiko setiap suku tahun.

Seksyen Pengurusan Risiko menganalisis dan meringkaskan laporan-laporan kad skor risiko yang diterima untuk perbincangan selanjutnya oleh CICR.

PERISIAN KAD SKOR RISIKO KORPORAT Q-RADAR

PNHB, PNSB, Sino Water Pte Ltd, Kumpulan POG dan SYABAS menggunakan satu kaedah pengurusan risiko iaitu perisian Kad Skor Risiko Korporat ("CRS") Q-RADAR untuk mengenalpasti, mengukur dan menguruskan semua risiko korporat yang menjejaskan Kumpulan. Perisian CRS menawarkan satu pendekatan bersistematik kepada pengurusan risiko seluruh perusahaan yang dihadapi oleh syarikat dan membantu pihak Pengurusan Puncak Niaga untuk mencapai objektif korporat mereka. Perisian tersebut berasaskan web dan membolehkan para pengguna sah memantau risiko masing-masing secara talian (on-line) dari mana-mana lokasi.

CRS turut memudahkan pelaksanaan satu modul Jaminan Digital Korporat yang memerlukan para Pemilik Kad Skor Risiko memberi pengesahan dan jaminan positif terhadap setiap risiko individu, keteguhan kawalan dan tindakan pengurusan. Status pengesahan dan jaminan ini dilaporkan kepada CICR setiap suku tahun.

Pada 31 Disember 2013, perisian CRS Q-RADAR mempunyai 144 pengguna sah yang meliputi 26 Jabatan/Bahagian dari PNSB, SYABAS, Kumpulan POG dan Sino Water Pte Ltd.

Perisian CRS Q-RADAR ditadbirkan oleh Seksyen Pengurusan Risiko.

DASAR PENDEDAHAN KORPORAT

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, Puncak Niaga komited sepenuhnya untuk mendukung piawaian ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti yang tertinggi dalam pendedahan semua maklumat penting Syarikat kepada masyarakat pelabur dengan secara tepat, jelas, lengkap dan menepati masa menurut keperluan pendedahan korporat, seperti mana yang ditetapkan oleh Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") untuk Pasaran Utama.

Objektif utama Dasar Pendedahan Korporat Puncak Niaga adalah:-

1. Untuk menggalakkan dan mengekalkan integriti pasaran dan keyakinan pelabur.

2. Untuk memberikan akses yang sama rata ke atas maklumat-maklumat penting Syarikat secara tepat, jelas, menepati masa dan lengkap dan mengelakkan berlakunya pendedahan secara berpilih-pilih terhadap masyarakat pelabur.

3. Untuk melaksanakan usaha wajar supaya maklumat yang disebarkan kepada masyarakat pelabur, sebaik mungkin adalah tepat, jelas, menepati masa dan lengkap.

4. Untuk mengadakan tatacara pengurusan maklumat yang cekap ke arah menggalakkan kebertanggungjawaban dalam penyebaran maklumat penting kepada masyarakat pelabur.

5. Untuk menjalinkan hubungan baik dengan masyarakat pelabur berdasarkan kepada prinsip-prinsip amanah, kejujuran, keterbukaan, ketelusan dan kefahaman yang mendalam terhadap Syarikat.

Untuk mencapai objektif-objektifnya, Syarikat akan berusaha melaksanakan perkara-perkara berikut:-

1. MEWUJUDKAN DASAR DAN TATACARA

- Memastikan dasar dan tatacara bertulis Syarikat ("Dasar dan Tatacara Pendedahan Korporat Puncak Niaga") yang merangkumi Dasar Pendedahan Korporat dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan dengan pendedahan korporat, adalah seperti yang ditetapkan di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Securities untuk Pasaran Utama.

- Melantik seorang pegawai kanan Syarikat untuk mengawasi dan menyelaraskan keperluan pendedahan bagi memastikan Syarikat mematuhi Keperluan Penyenaraian Bursa Securities untuk Pasaran Utama.

- Memastikan hanya individu-individu yang dilantik sahaja berperanan menjadi jurucakap Syarikat.

- Memastikan pematuhan yang sewajarnya dengan Dasar Dan Tatacara Pendedahan Korporat Puncak Niaga.

2. MENGAMALKAN USAHA WAJAR DAN PERSEDIAAN

- Memastikan supaya individu-individu yang bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat penting kepada masyarakat pelabur, mengamalkan usaha wajar dalam memastikan supaya maklumat yang akan dikeluarkan adalah tepat, jelas, menepati masa dan lengkap.

- Memastikan sikap berwaspada diamalkan semasa memberikan taklimat dan maklum balas kepada penganalisis, pelabur institusi, media dan masyarakat pelabur.

3. MEMANFAATKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Memanfaatkan teknologi maklumat semasa untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat pelabur.

Komitmen kami dalam melaksanakan Dasar di atas didorong oleh Lembaga Pengarah Kumpulan PNHB dan dilaksanakan oleh pihak Pengurusan.

DASAR TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") mengakui kepentingan untuk menjadi sebuah organisasi yang mengamalkan piawaian etika kerja tertinggi. Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab kepada para pemegang sahamnya, rakan-rakan sekutu perniagaan, pembekal, kakitangan dan pelbagai pemegang kepentingan, kami memandang serius terhadap tanggungjawab sosial korporat kami kerana kami merupakan Penyedia Penyelesaian Bersepadu Bagi Air, Air Sisa dan Persekitaran Yang Terunggul Di Rantau Dan Untuk Menjadi Pemain Sektor Minyak Dan Gas Yang Penting. Matlamat kami adalah untuk mencapai objektif perniagaan dan mengembangkan perniagaan secara bertimbang rasa dan bertanggungjawab, sambil mengimbangi kepentingan ekonomi, sosial dan impak aktiviti kami terhadap alam sekitar.

ALAM SEKITAR

Kami menyokong kemampanan alam sekitar melalui pengurusan operasi dan aktiviti harian kami secara bertanggungjawab untuk meminimumkan aktiviti yang boleh menjejaskan alam sekitar dan alam semulajadi. Antara program/aktiviti tersebut adalah:-

a) Briged Penyelamat Sungai ("BPS")
b) Program Kesedaran dan Pendidikan Pengguna ("CAE")
c) Inisiatif Hijau
d) Kajian Impak Alam Sekitar ("EIS")

KOMUNITI

Kami menyokong sifat dermawan dan sumbangan kebajikan, sokongan dan penglibatan aktif dengan komuniti setempat melalui inisiatif kesukarelawanan dan program-program lain. Kami juga menyokong dan menggalakkan kakitangan kami membantu organisasi dan aktiviti komuniti setempat di kawasan di mana kami beroperasi. Antara program/aktiviti anjuran PNHB adalah:-

a) Lawatan Sambil Belajar – Empangan, Loji Pembersihan Air, Pusat Perintah Operasi & PUSPEL
b) Program Pelestarian Pendidikan ("3P")
c) Tabung Budi
d) Program dan Pameran Kesedaran Awam
e) Tanggungjawab Sosial Korporat – Kunjungan ke Rumah Kebajikan Warga Emas, Anak Yatim & *Gotong Royong*

PEMEGANG KEPENTINGAN

Kami menjaga kepentingan dan keutamaan para pemegang kepentingan serta mengurus risiko untuk memaksimumkan keuntungan demi kejayaan dan pertumbuhan Syarikat.

KAKITANGAN

Kami menghormati hak dan kepelbagaian kakitangan kami, tanpa mengira bangsa dan jantina, sambil menyediakan tempat kerja yang dinamik dan kesamarataan peluang, meninggikan lagi kepuasan kakitangan serta mempertingkatkan modal intelek melalui pelaburan berterusan dalam latihan dan pembangunan kemahiran kakitangan bagi pertumbuhan kuantum syarikat.

USAHA SAMA STRATEGIK DAN PENINGKATAN PENGETAHUAN DI SEMUA PERINGKAT

Kami menggalakkan pembelajaran berterusan dan peningkatan pengetahuan di semua peringkat melalui usaha sama dengan institusi pengajian tinggi dan perbadanan tempatan dan antarabangsa.

Kami juga berazam bukan hanya untuk mengekalkan piawaian etika tertinggi, malah mencapai kemampanan dalam operasi dan impak kami terhadap alam sekitar untuk faedah para pelanggan, pemegang saham, pemegang kepentingan dan rakan sekutu perniagaan kami.

DASAR KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

Adalah menjadi dasar Puncak Niaga Holdings Berhad dan anak syarikatnya (Kumpulan Puncak Niaga) untuk menyediakan setakat yang praktik, tempat kerja yang sihat, selamat dan mesra alam untuk semua kakitangan, kontraktor, pelawat, ahli-ahli pertubuhan yang berminat dan lain-lain, dan di atas semangat perundingan serta kerjasama, pihak Pengurusan dan juga kakitangan akan bersama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif dasar ini.

Tanpa prasangka terhadap kenyataan umum di atas, Dasar Kumpulan Puncak Niaga adalah:-

- untuk menyedia dan mengekalkan tempat dan sistem kerja yang sihat, selamat dan mesra alam, dan juga akan sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan ke atas prestasi alam sekitar dan keselamatan;
- untuk sentiasa menekankan pencegahan kecederaan, penyakit pekerjaan dan pencemaran di dalam semua aktiviti;
- untuk memastikan objektif dan sasaran, keselamatan dan alam sekitar dirangka dan disemak;
- untuk memastikan semua kakitangan adalah diberitahu, diarah, dilatih dan diselia mengenai kaedah melaksanakan tugas dengan selamat tanpa sebarang risiko kepada kesihatan dan kemudaratan ke atas alam sekitar;
- untuk menyiasat semua insiden kesihatan, keselamatan pekerjaan dan alam sekitar, dan melaksanakan langkah pembetulan untuk memastikan insiden-insiden tersebut tidak berulang;
- untuk mematuhi undang-undang dan lain-lain peraturan yang berkaitan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar, dan juga amalan baik lain yang dipatuhi Kumpulan;
- untuk mengkaji dasar bila perlu dan memastikan ia difahami oleh semua kakitangan dan boleh diperolehi oleh pihak-pihak yang berminat.

DASAR & LAPORAN PERHUBUNGAN PELABUR

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, Puncak Niaga komited sepenuhnya untuk mendokong piawaian ketelusan, akauntabiliti dan kewibawaan paling tinggi dalam tatalaku aktiviti perniagaan kami demi kepentingan para pemegang saham dan juga untuk membolehkan pelabur yang berpotensi membuat keputusan pelaburan secara teliti dan termaklum berasaskan kepada pendedahan maklumat yang lengkap dan telus.

Dasar Perhubungan Pelabur Puncak Niaga bertujuan untuk membina hubungan dan kredibiliti jangka panjang dengan para pemegang saham serta bakal pelabur kami berdasarkan kepercayaan, kejujuran, keterbukaan, ketelusan dan pemahaman yang kukuh mengenai Syarikat.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Syarikat akan berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah berikut:-

1. MENGADAKAN DIALOG YANG BERKUALITI

- Untuk mewujudkan suasana komunikasi dua hala yang berkesan antara Syarikat dengan para pemegang saham serta pelabur kami yang memaklumi dan mendidik melalui penyediaan maklumat yang berkaitan dan berharga secara kerap, terbuka dan telus bagi tempoh jangka panjang yang dapat membina hubungan jangka panjang yang menguntungkan kedua-dua pihak di samping memupuk kefahaman yang lebih jelas mengenai jangkaan para pemegang saham dan pelabur terhadap Syarikat.

- Untuk mengadakan sesi dialog yang berkualiti dengan para pemegang saham dan pelabur kami di mana perhubungan tersebut dijalin berlandaskan kepada prinsip kejujuran, keterbukaan dan ketelusan sambil bertujuan untuk memupuk persefahaman antara Syarikat dan para pemegang saham dan pelabur kami.

- Untuk memperolehi manfaat daripada penglibatan dalam dialog berkualiti:-
  - Tanggapan terhadap risiko Syarikat kami dikurangkan;
  - Meningkatkan maklum balas berkaitan prestasi Syarikat kami;
  - Penilaian saham Syarikat kami menjadi lebih realistik;
  - Membina keyakinan terhadap pasukan Pengurusan dan cara pengurusan kami; dan
  - Berfungsi sebagai panduan dalam penilaian strategi perniagaan Syarikat kami.

2. PENYATA KOMUNIKASI PELABUR

- Untuk melaksanakan Program Perhubungan Pelabur secara cekap dan berkesan sebagai sebahagian daripada kewajipan berterusan kami terhadap komunikasi para pemegang saham dan pelabur kami.

- Untuk menyediakan maklumat yang berkualiti tinggi, bermakna dan tepat pada masanya sepertimana yang dikehendaki dan diperlukan oleh undang-undang agar dapat mempertingkatkan pemahaman para pemegang saham dan pelabur Syarikat kami.

- Untuk berusaha mencapai tahap kecekapan teras dalam bidang perhubungan pelabur profesional melalui sumber dan kemampuan yang mencukupi.

- Untuk mendapatkan kepercayaan, penghormatan dan keyakinan daripada para pemegang saham dan pelabur kami yang sedia ada.

- Untuk membina dan mengekalkan perhubungan jangka panjang dengan para pemegang saham dan pelabur kami yang sedia ada.

- Untuk menjalin perhubungan jangka panjang dengan bakal pemegang saham dan pelabur.

Komitmen kami terhadap Dasar di atas didorong oleh Lembaga Pengarah Kumpulan PNHB dan dilaksanakan oleh pihak Pengurusan.

DASAR & LAPORAN PERHUBUNGAN PELABUR

LAPORAN PERHUBUNGAN PELABUR

Perhubungan pelabur merupakan satu kaedah di mana syarikat-syarikat tersenarai mengekalkan dialog dengan para pemegang saham dan bakal pelabur mereka yang sedia ada. Ia menjadi tanggungjawab strategik pihak pengurusan untuk memberikan gambaran yang tepat mengenai prestasi dan prospek korporat, justeru membolehkan masyarakat pelabur menentukan harga saham secara realistik melalui sebuah pasaran yang termaklum. Hasilnya, perhubungan pelabur mampu membawa impak positif kepada nilai pasaran dan kos modal Syarikat berbanding dengan sektor industrinya serta suasana ekonomi secara keseluruhan.

Tahun 2013 merupakan satu tahun yang mencabar di mana Puncak Niaga berusaha gigih untuk muncul sebagai peneraju dalam industri air dan berkaitan air dan untuk menjadi pemain sektor minyak dan gas yang penting sambil mengekalkan fokus untuk mencapai Visi dan Misi kami.

Justeru, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan aktiviti perhubungan pelabur Puncak Niaga sepanjang tahun 2013 seperti berikut:-

DIALOG DENGAN PARA PELABUR

Pihak Pengurusan Tertinggi Kumpulan terlibat secara aktif dalam mesyuarat, dialog dan sesi taklimat dengan kumpulan institusi tempatan dan antarabangsa. Pada tahun 2013, sebanyak 38 dialog dan sesi taklimat berkumpulan telah diadakan dengan para pelabur sedia ada dan bakal pelabur, para pengurus dana tempatan dan asing serta penganalisis kewangan dari firma-firma penyelidikan dan pengurusan aset.

AKSES PARA PELABUR KEPADA MAKLUMAT

Selaras dengan Dasar Perhubungan Pelabur kami, Puncak Niaga sentiasa memastikan pendedahan maklumat dibuat bertepatan dengan masanya melebihi keperluan pendedahan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa pengawal selia peraturan bagi membolehkan masyarakat pelabur membuat keputusan pelaburan secara teliti dan termaklum terhadap sekuriti Syarikat. Para pemegang saham dan pelabur boleh menghubungi kami di *investors@puncakniaga.com.my* dan mendapatkan maklumat serta pengumuman korporat Kumpulan di laman web kami, *www.puncakniaga.com.my* (dengan pautan terus ke laman *www.syabas.com.my*, *www.puncakoil.com* dan *www.gomresources.com*) atau *www.bursamalaysia.com*. Semua pengumuman yang dibuat kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") disiarkan sejurus selepas ia disiarkan di laman web Bursa Securities. Semua pertanyaan pemegang saham akan diterima oleh Setiausaha Syarikat Kumpulan yang akan memberi maklum balas dan respon kepada pertanyaan pemegang saham di mana maklumat sedemikian boleh disediakan ke pada orang ramai.

Sejak 22 Oktober 2004, dalam usaha kami untuk memenuhi kewajipan pendedahan maklumat kepada para pemegang saham, pelabur dan pemegang kepentingan kami, Kumpulan kami telah mengamal dan melaksanakan Dasar Pendedahan Korporat Puncak Niaga (seperti yang dibentangkan di muka surat 184 dalam Laporan Tahunan ini) yang dirumuskan selaras dengan 'Panduan Amalan Terbaik Berkaitan Pendedahan Korporat' yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Bursa Securities bagi Amalan Terbaik Pendedahan Korporat.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ("AGM")

Lembaga Pengarah Puncak Niaga percaya sepenuhnya bahawa AGM adalah forum terbaik untuk memupuk perhubungan yang lebih erat dengan para pemegang saham kami bagi membolehkan kami meneruskan proses penglibatan kami dengan mereka.

Semenjak tahun 2003, AGM kami telah dimulakan dengan Pembentangan Syarikat diikuti dengan Sesi Soal Jawab. Para pemegang saham kami dimaklumkan mengenai prestasi korporat dan kewangan Kumpulan, perkembangan terkini dan isu-isu yang menjadi perhatian para pemegang saham. Perkara ini amat penting kerana kami merupakan pembekal perkhidmatan air di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya dan para pemegang saham kami juga adalah pelanggan kami. Puncak Niaga mengambil pendekatan 'Kami menghargai pandangan anda' dan 'Kami bersedia untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik'. Pada masa yang sama, maklum balas para pemegang saham kami yang ada kaitan dengan operasi kami diberi pertimbanganm semasa kami membuat keputusan berkaitan perniagaan. Laporan Tahunan PNHB dalam bentuk CD-ROM dihantar kepada para pemegang saham Syarikat yang layak sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh AGM diadakan seperti yang diperlukan oleh Akta Syarikat, 1965 dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

DASAR & LAPORAN PERHUBUNGAN PELABUR

Sejak tahun 2007, kami telah menyediakan kaunter perkhidmatan pelanggan PUSPEL di bilik urusetia di tempat berlangsungnya AGM bagi membolehkan para pemegang saham kami mendapat akses secara "online" kepada pertanyaan berkaitan air kepada SYABAS. Berhubung peranan kami sebagai penyedia perkhidmatan pembekal air, kami akan meneruskan amalan ini di AGM masa hadapan kami untuk manfaat para pemegang saham.

AGM 2014 akan diadakan pada hari Khamis, 26 Jun 2014, di Concorde Hotel Shah Alam. Notis AGM ada dilampirkan bersama Laporan Tahunan ini. Semua keputusan resolusi yang akan disyorkan di AGM 2014 akan disiarkan melalui laman web Bursa Securities dan laman web Syarikat pada petang 26 Jun 2014.

UNIT PERHUBUNGAN PELABUR

Unit Perhubungan Pelabur ("IRU") mengendalikan satu pangkalan data bagi para pemegang saham dan pelabur yang ingin dimaklumkan mengenai perkembangan dan prestasi korporat Kumpulan melalui e-mel.

Sila e-mel butiran anda kepada kami untuk perhatian Puan Tan Bee Lian, Setiausaha Syarikat Kumpulan di *investors@puncakniaga.com.my* atau melalui pos ke Unit Perhubungan Pelabur d/a Jabatan Kesetiausahaan, Puncak Niaga Holdings Berhad, Tingkat 10, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, sekiranya anda ingin nama anda dimasukkan ke dalam pangkalan data kami.

Pada masa yang sama, bagi membolehkan kami menambahbaik lagi tahap perkhidmatan kami kepada komuniti dan pemegang kepentingan, sila hantarkan komen, pandangan dan kemusykilan anda kepada kami di *pr@puncakniaga.com.my* untuk pertanyaan awam dan *investors@puncakniaga.com.my* untuk pertanyaan pelabur.

Semua pertanyaan berkaitan air di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, seperti aduan mengenai gangguan bekalan air, paip pecah atau tekanan air rendah boleh dikemukakan kepada Pusat Perkhidmatan Pelanggan SYABAS, *puspel@syabas.com.my* atau hubungi talian telefon bebas tol, *1-800-88-5252* atau SMS *'PUSPEL<jarak><aduan/maklum balas anda>'* ke 39222 atau rangkaian sosial di Twitter dan Facebook, *follow@PUSPEL.*

DASAR & LAPORAN KUALITI

DASAR KUALITI

Adalah menjadi Dasar Puncak Niaga untuk menyediakan perkhidmatan dan produk yang berkualiti yang dapat memenuhi keperluan serta kepuasan pelanggan.

Puncak Niaga akan berusaha bersungguh-sungguh secara konsisten dalam mengaplikasi dan menyelenggara sistem pengurusan kualiti berdasarkan kepada keperluan yang dikuatkuasakan, piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang memastikan pendekatan yang terancang, sistematik dan proaktif terhadap kualiti dalam semua aspek kerja.

Puncak Niaga juga komited dalam menyediakan suasana kerja yang selamat, harmoni dan kondusif serta melengkapkan kakitangan dengan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan untuk mempertingkatkan kualiti kerja kami secara sistematik.

Pengurusan Kualiti Puncak Niaga akan bercirikan kepada perkara-perkara berikut:-

- Budaya peningkatan dan kerjasama berpasukan secara berterusan.
- Bersikap proaktif di semua peringkat.
- Mengaplikasikan prinsip 'Right First Time Every Time' secara konsisten.
- Kakitangan berkeupayaan menyelesaikan masalah dalam masa yang singkat.

Semua kakitangan haruslah bersama-sama bertanggungjawab dalam memahami dan mengaplikasikan Dasar Kualiti dengan penuh kesungguhan.

PROGRAM KUMPULAN INOVATIF & KREATIF ("ICC")

Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") berusaha untuk menyokong aspirasi negara berkenaan inovasi dan kreativiti melalui Program ICC. Program ICC merupakan platform untuk mengukur keupayaan kakitangan dalam memaksimumkan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam penyumbangan idea yang kreatif bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan kerja demi meningkatkan kecekapan, produktiviti dan faedah kos Syarikat.

Program ICC bukan sahaja menyokong peningkatan produktiviti, malah ia turut dirangka sebagai satu saluran untuk membangunkan tenaga kerja yang mengutamakan pelanggan. Program ICC boleh menyumbang ke arah pembekalan tenaga kerja berkemahiran teknikal, berpengetahuan dan inovatif yang mempunyai kemahiran generik yang penting seperti kemahiran kepimpinan, keberkesanan hubungan sesama sendiri, kemahiran berfikiran positif, keberkesanan peribadi dan profesional serta kemahiran komunikasi yang berkesan. Justeru, Program ICC adalah suatu gambaran terhadap usaha berterusan Syarikat dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Pasukan ICC dari Loji Pembersihan Air Sungai Selangor Fasa II telah memenangi "Anugerah Kecemerlangan" di International Convention on Quality Control Circle 2013 yang diadakan dari 22 hingga 25 Oktober 2013 di Taipei, Taiwan, yang merupakan anugerah tertinggi di majlis konvensyen tersebut yang disertai oleh negara India, Indonesia, Hong Kong, Singapura dan China. Dengan projek bertajuk "Kos Penggunaan Polimer yang Tinggi", pasukan ICC telah berjaya dalam reka bentuk dan pembikinan penapis karbon diaktifkan yang diberi nama "CF6" dan yang telah berjaya menjimatkan kos polimer syarikat melalui penggunaan polimer yang berkurangan.

PNSB percaya bahawa Program ICC ini akan mewujudkan sebuah tenaga kerja yang dinamik, cekap dan berkesan dalam Syarikat dan Kumpulan dan justeru itu akan terus memupuk program tersebut.

PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan dan boleh diguna pakai di Malaysia dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965. Para Pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa penyata kewangan tersebut memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat setakat 31 Disember 2013 serta keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- Memilih dasar perakaunan yang bersesuaian dan menggunakannya secara konsisten;
- Membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat;
- Memastikan semua piawaian perakaunan yang boleh diguna pakai telah diikuti; dan
- Menyediakan penyata kewangan berdasarkan usaha berterusan kerana para Pengarah mempunyai jangkaan yang munasabah terhadap Kumpulan dan Syarikat setelah membuat kajian yang sewajarnya, dan yang mana membolehkan mereka memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah yang munasabah dan yang tersedia buat mereka untuk melindungi aset Kumpulan demi mencegah dan mengesan penipuan dan ketidaknalaran lain.

ROBALI

Lembaga Pengarah mengkaji Piagam Lembaganya supaya ia dapat dikemas kini mengikut perubahan dalam kawal selia. Piagam Lembaga ini dimuatkan dalam pautan Tadbir Urus Korporat pada laman web Syarikat, www.puncakniaga.com.my.

Buat masa ini Puncak Niaga tidak mempunyai Pengarah Urusan. Namun, terdapat seorang Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif/Presiden di setiap syarikat subsidiari yang beroperasi bagi mengurus dan memberi tumpuan terhadap urusan perniagaan dan pengurusan harian subsidiari masing-masing, iaitu Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB"), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") dan Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG")/GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources").

MCCG 2012 menyarankan bahawa Lembaga Pengarah mestilah secara majoritinya terdiri daripada Pengarah Bebas di mana Pengerusi Lembaga Pengarah bukan seorang Pengarah Bebas. Lembaga Pengarah yakin bahawa strukturnya pada masa ini mampu melaksanakan perkara yang menjadi keutamaan Lembaga Pengarah secara objektif dengan keseimbangan kuasa dan autoriti dalam Lembaga Pengarah.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Syarikat, di mana para pemegang saham boleh mengemukakan sebarang kemusykilan kepada beliau. Profil beliau dibentangkan pada muka surat 48 dalam Laporan Tahunan ini.

(b) KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah mewujudkan kepelbagaian dalam Kumpulan yang kaya dengan kemahiran, pengetahuan serta gabungan pengalaman dan kepakaran yang seimbang untuk melaksanakan tanggungjawab Lembaga Pengarah dengan berkesan agar pengawasan terhadap Kumpulan dapat dilakukan dengan cekap. Bersama-sama, Lembaga Pengarah menerajui pertumbuhan dan hala tuju masa depan Kumpulan.

Profil Ahli Lembaga Pengarah dibentangkan pada muka surat 42 hingga 51 dalam Laporan Tahunan ini.

Tiada Pengarah mempunyai sebarang sabitan kesalahan dalam tempoh sepuluh (10) tahun lepas (selain daripada kesalahan lalu lintas, jika ada) atau sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat atau mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat.

Bagi mematuhi Perenggan 15.02 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities dan MCCG 2012, Syarikat, melalui Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat, mengkaji pada setiap tahun keperluan gabungan kemahiran, pengalaman, bidang kecekapan dan kualiti lain yang dimiliki oleh Lembaga Pengarah dan ahli-ahlinya secara individu, para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas dan Jawatankuasa Audit serta ahli-ahlinya secara individu. Pada tahun 2012, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah telah merangka kriteria khusus bagi menilai kebebasan para Pengarah Bebas, seperti yang disarankan oleh MCCG 2012.

Lembaga Pengarah Puncak Niaga terdiri daripada sembilan (9) orang Ahli yang mana tiga (3) orang adalah Pengarah Eksekutif dan enam (6) orang adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Komposisi Lembaga Pengarah Puncak Niaga pada masa ini mematuhi Perenggan 15.02 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities di mana satu pertiga daripada Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas dan Syarikat berpendapat bahawa ia merupakan sebuah Lembaga Pengarah yang seimbang dan bersesuaian bagi membentuk sebuah Lembaga Pengarah yang berkesan seperti yang dijelaskan dalam perenggan 7 perkara (a) di atas.

Tiga (3) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat memenuhi kriteria kebebasan seperti yang dikemukakan dalam takrifan "Pengarah Bebas" di bawah Perenggan 1.01 (Definisi) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah individu yang berkaliber dan boleh dipercayai serta mengamalkan pertimbangan bebas dan berwibawa serta bertindak demi kepentingan Syarikat dan para pemegang sahamnya, khususnya pemegang saham minoriti kerana mereka tidak terlibat dalam pengurusan harian Syarikat dan tidak mengambil bahagian dalam sebarang urusan perniagaan serta tidak terlibat dalam sebarang hubungan lain dengan Syarikat. Ini bertujuan untuk memastikan agar mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka secara berkesan, tanpa sebarang percanggahan kepentingan. Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif menyediakan sekatan dan imbangan yang relevan serta memastikan bahawa piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dapat dikekalkan.

Berdasarkan penilaian tahunan Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah, mereka telah memutuskan bahawa para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat terus menampilkan perlakuan dan tingkah laku sewajarnya yang merupakan petunjuk penting terhadap kebebasan mereka, dan bahawa setiap seorang daripada mereka sentiasa memenuhi takrifan kebebasan seperti yang digariskan dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

Salah satu saranan MCCG 2012 menyatakan bahawa tempoh pemegangan jawatan bagi Pengarah Bebas hendaklah tidak melebihi tempoh terkumpul sembilan (9) tahun.

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah telah berbincang tentang saranan tersebut dan memutuskan bahawa YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy, yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Puncak Niaga untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun, masih kekal objektif dan bebas dalam menyuarakan pandangan dan ketika menyertai perbincangan serta proses membuat keputusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga. Tempoh perkhidmatan mereka dalam Lembaga Pengarah, tidak dalam apa-apa cara sekalipun mengganggu usaha mereka melaksanakan pertimbangan yang bebas dan kemampuan mereka untuk bertindak demi kepentingan Syarikat.

Kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy telah terbukti sebagai Pengarah Bebas yang boleh dipercayai dengan kecenderungan serta perspektif perniagaan yang profesional, telah memperuntukan masa dan perhatian yang secukupnya terhadap kewajipan profesional mereka untuk membuat keputusan termaklum dan seimbang, serta telah menyuarakan kesanggupan mereka untuk terus memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat.

Berdasarkan penilaian tahunan yang telah dilakukan, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menetapkan untuk menyarankan kepada para pemegang saham Syarikat untuk meluluskan pemberian kuasa kepada YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy untuk terus bertindak sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya. Sila rujuk Agenda 6 dan Agenda 7 Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ketujuh Belas ("AGM ke-17") Syarikat pada muka surat 384 hingga 387, dalam Laporan Tahunan ini.

(c) MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bermesyuarat sebanyak tiga belas (13) kali pada tahun 2013, semuanya bertempat di Bilik Lembaga Pengarah di Tingkat 12, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, kecuali bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-78 yang Ditangguhkan, yang telah diadakan di Sentral Ballroom A, Hotel Hilton Kuala Lumpur pada 27 April 2013, yang mana butirannya adalah seperti berikut:-

Hari	Tarikh	Waktu
Selasa	26 Februari 2013	2.00 petang
Khamis	28 Februari 2013	2.30 petang
Rabu	6 Mac 2013	12.00 tengah hari
Khamis	25 April 2013	3.00 petang
Sabtu	27 April 2013	10.05 malam
Isnin	29 April 2013	4.30 petang
Rabu	29 Mei 2013	12.00 tengah hari
Isnin	17 Jun 2013	10.00 pagi
Khamis	1 Ogos 2013	10.15 pagi
Khamis	29 Ogos 2013	4.30 petang
Rabu	16 Oktober 2013	3.30 petang
Khamis	28 November 2013	12.30 petang
Selesa	3 Disember 2013	5.30 petang

Butiran kehadiran setiap Pengarah ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2013 adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri	%
Tan Sri Rozali Ismail	Pengerusi Eksekutif	8 daripada 13	62
Dato' Ruslan Hassan	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	13 daripada 13	100
Dato' Ir Lee Miang Koi	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	12 daripada 13	92
Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	9 daripada 13	69
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	13 daripada 13	100
Dato' Syed Danial Syed Ariffin	Ketua Pegawai Operasi	13 daripada 13	100
Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	12 daripada 13	92
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	13 daripada 13	100
Ng Wah Tar	Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat	12 daripada 13	92

Mesyuarat Lembaga Pengarah dijadual untuk kerap diadakan, sekurang-kurangnya lima kali dalam satu tahun kewangan, dengan notis yang secukupnya diberikan untuk semua Mesyuarat Lembaga Pengarah. Tarikh Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk tahun kewangan berikutnya dijadualkan terlebih awal dan Lembaga Pengarah mempunyai jadual rasmi berhubung perkara yang dikhususkan untuk perbincangan dan/atau kelulusan Lembaga Pengarah. Semua isu yang dibincangkan dan semua keputusan yang dicapai semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah akan direkodkan dengan sewajarnya oleh Setiausaha Syarikat dan yang mana kesempurnaan serta ketepatannya dikaji oleh Lembaga Pengarah.

Mesyuarat Lembaga Pengarah tambahan boleh diadakan apabila timbul isu penting yang memerlukan kajian serta keputusan Lembaga Pengarah.

Dalam selang waktu antara Mesyuarat Lembaga Pengarah, kelulusan berhubung dengan perkara yang memerlukan persetujuan Lembaga Pengarah diperolehi melalui resolusi pekeliling dengan melampirkan semua maklumat yang berkaitan bagi membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan termaklum. Semua resolusi pekeliling yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah akan dibentangkan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah yang berikutnya untuk catatan dan pengesahan. Apabila ia berkaitan dengan perkara yang menimbulkan konflik kepentingan, jikalau ada, Pengarah yang berkaitan dengan konflik tersebut hendaklah mengisytiharkan kepentingannya dan takat percanggahan di Mesyuarat Lembaga Pengarah, dan mengecualikan diri dari perbincangan dan pembuatan keputusan untuk perkara tersebut beliau kepada semua Pengarah.

(d) TATAETIKA PARA PENGARAH

Para Pengarah terus mematuhi dan mengikuti Tataetika & Tatakelakuan berdasarkan tatakelakuan yang diperlukan daripada para Pengarah syarikat seperti yang ditetapkan dalam Tataetika para Pengarah Syarikat yang digariskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan memastikan pelaksanaan sistem dalaman yang bersesuaian untuk menyokong, menggalak dan memastikan pematuhan terhadap Tatetika & Tatakelakuan Pengarah. Kumpulan juga mempunyai Tataetika & Tatakelakuan yang menggariskan prinsip yang mantap serta piawaian amalan yang baik yang dipatuhi oleh para Pengarah dan kakitangan.

Tataetika & Tatakelakuan untuk para Pengarah dan kakitangan berserta dengan Dasar Pemberitahuan Maklumat Kumpulan telah dimuatkan dalam pautan Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, www.puncakniaga.com.my.

(e) BEKALAN MAKLUMAT DAN AKSES KEPADA KHIDMAT NASIHAT

Setiap ahli Lembaga Pengarah dibekalkan dengan maklumat yang tepat, lengkap, mencukupi, tidak terhad dan berkualiti yang menepati masanya bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Kecuali dalam keadaan tertentu, ahli Lembaga Pengarah diberi notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum sebarang Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan dan kertas kerja Lembaga Pengarah yang lengkap diedarkan sekurang-kurangnya dua (2) hari bekerja sebelum tarikh Mesyuarat supaya para Pengarah boleh membaca kertas kerja Lembaga Pengarah dan mengkaji isu-isu yang akan dibincangkan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah terlebih awal sebelum tarikh mesyuarat. Di mana perlu, kakitangan Syarikat akan dipanggil oleh Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk membentang dan menjelaskan sebarang Kertas Kerja yang dibentangkan.

Semua ahli Lembaga Pengarah dikehendaki mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan Lembaga Pengarah dengan menyumbangkan manfaat daripada pengetahuan, kemahiran dan kebolehan mereka kepada Lembaga Pengarah. Jika timbul percanggahan dengan tugas dan kepentingan sebagai Pengarah, adalah mandatori bagi Pengarah berkenaan mengisytiharkan fakta serta bentuk kepentingannya dan takat percanggahan tersebut dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah, dan mengecualikan diri dari perbincangan dan proses membuat keputusan. Sekiranya cadangan tersebut memerlukan kelulusan para pemegang saham, ahli Lembaga Pengarah yang berkepentingan berkenaan akan mengecualikan diri daripada mengundi berhubung resolusi tersebut pada Mesyuarat Agung dan akan memastikan bahawa semua individu yang ada kaitan dengan mereka turut mengecualikan diri daripada mengundi berhubung cadangan berkenaan.

Setiausaha Syarikat mengatur dan menghadiri semua Mesyuarat Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa semua isu yang dibincangkan berserta keputusannya diminitkan dengan tepat dalam minit Mesyuarat dan semua rekod disimpan dengan sebaiknya di pejabat berdaftar Syarikat.

Lembaga Pengarah kerap dikemas kini dan dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat dan pihak Pengurusan mengenai keperluan seperti sekatan dalam berurusan dengan sekuriti Syarikat dan kemas kini seperti yang dikeluarkan oleh pelbagai pihak berkuasa kawal selia, termasuk perkembangan terkini dalam rangka kerja kawal selia yang memberi kesan kepada Kumpulan. Lembaga Pengarah mempunyai akses dan interaksi yang tidak terhad dan berterusan dengan pihak Pengurusan Kanan Syarikat. Setiap ahli Lembaga Pengarah juga mempunyai akses penuh kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat.

Di mana perlu, para Pengarah boleh, sama ada secara kolektif sebagai sebuah Lembaga Pengarah atau dalam kapasiti individu mereka, mendapatkan khidmat nasihat pakar profesional luar dan bebas berhubung sebarang perkara dalam menjalankan tugas mereka sebagaimana yang mereka fikirkan perlu dan wajar, dengan perbelanjaan ditanggung oleh pihak Syarikat.

(f) SETIAUSAHA SYARIKAT

Setiausaha Syarikat memastikan bahawa dasar dan prosedur Lembaga Pengarah dipatuhi dan dikaji secara kerap serta bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk memastikan bahawa setiap ahli Lembaga Pengarah menyedari dan diberi panduan mengenai tugas, tanggungjawab dan kuasa mereka. Mereka turut bertanggungjawab memastikan pematuhan Kumpulan terhadap semua keperluan berkanun dan kawal selia.

(g) PELANTIKAN PENGARAH

Semua pelantikan dan penyingkiran (jika ada) dalam Lembaga Pengarah diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan saranan Jawatankuasa Pencalonan.

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Pencalonan, telah mewujudkan satu prosedur yang formal dan telus berkaitan penilaian dan cadangan calon untuk pelantikan ke Lembaga Pengarah dan dalam menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Audit Syarikat, Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang lain dan sumbangan setiap Pengarah secara individu, termasuk para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas), Pengarah Bukan Eksekutif, Pengarah Eksekutif dan Pengerusi Eksekutif.

Proses kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah pada setiap tahun adalah berdasarkan kecekapan, komitmen, sumbangan dan prestasi calon/ahli Lembaga Pengarah serta gabungan kemahiran, pengalaman, jantina dan ciri-ciri lain yang diperlukan daripada Pengarah bagi memastikan Lembaga Pengarah terus berfungsi secara cekap dan berkesan.

Pada tahun kewangan yang dikaji, tidak ada perubahan dalam komposisi Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada tiga (3) orang Pengarah yang kesemuanya hendaklah merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:-

(i) Untuk mengkaji pada setiap tahun komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah dari segi gabungan kemahiran dan pengalaman serta ciri-ciri lain yang diperlukan, termasuk kecekapan teras dan cukupnya keseimbangan antara para Pengarah Eksekutif, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas.

(ii) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, calon bagi semua jawatan pengarah yang perlu diisi.

(iii) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, para Pengarah bagi mengisi jawatan dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

(iv) Untuk menilai pada setiap tahun keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan untuk menilai sumbangan setiap Pengarah secara individu.

(v) Untuk meneliti saiz Lembaga Pengarah dengan tujuan untuk menentukan kesan bilangan ahlinya terhadap keberkesanannya.

(vi) Dalam hal individu bagi jawatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, untuk menilai kemampuan individu berkenaan dalam menunaikan tanggungjawab/fungsi yang diperlukan daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

(vii) Untuk menentukan pada setiap tahun sama ada seseorang Pengarah adalah bebas, seperti yang ditakrif dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

(viii) Untuk memastikan bahawa semua Pengarah menerima program latihan berterusan yang bersesuaian bagi meluaskan perspektif mereka dan supaya mereka sentiasa termaklum tentang perkembangan pasaran dan perubahan baharu dalam keperluan berkanun.

(ix) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, pemecatan seseorang Pengarah sekiranya beliau tidak memberi kesan, menyeleweng atau lalai dalam menjalankan tanggungjawabnya.

(x) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, terma rujukan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan mengkaji kecukupan struktur jawatankuasa dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Berhubung pencalonan dan proses pemilihan para Pengarah baharu, tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan hendaklah meliputi perkara-perkara berikut:-

- Mengumpulkan calon dan pilihan Pengarah bagi ahli Lembaga Pengarah.
- Mengkaji daya saing, komitmen, sumbangan dan prestasi calon/ahli Lembaga Pengarah dan gabungan kemahiran, pengalaman dan jantina serta ciri-ciri lain yang diperlukan daripada para Pengarah.
- Mengesyorkan calon untuk pelantikan kepada Lembaga Pengarah.
- Membantu dalam program latihan yang relevan untuk ahli baharu Lembaga Pengarah.

Dasar Kepelbagaian Jantina

Lembaga Pengarah telah meluluskan pembentukan Dasar Kepelbagaian Jantina untuk Kumpulan dengan matlamat untuk mencapai kadar jantina yang sama rata dan adil dalam sumber tenaga kerjanya, termasuk wakil wanita di peringkat Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.

Dasar ini dimuatkan dalam pautan Tadbir Urus Korporat di laman web syarikat, www.puncakniaga.com.my.

(h) PENILAIAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH

Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, Lembaga Pengarah, dengan bantuan Setiausaha Syarikat, menjalankan penilaian tahunan rakan sejawat terhadap keberkesanan Lembaga Pengarah dalam bidang utama berikut:-

(i) Pematuhan;
(ii) Mesyuarat Lembaga Pengarah;
(iii) Fungsi Lembaga Pengarah;
(iv) Struktur Lembaga Pengarah;
(v) Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
(vi) Operasi Lembaga Pengarah;
(vii) Peranan dan Tanggungjawab Pengerusi Lembaga Pengarah;
(viii) Laporan Kewangan dan Operasi;
(ix) Perancangan dan Objektif;
(x) Penilaian Risiko;
(xi) Peluang dan Projek Perniagaan Baharu;
(xii) Sumber Manusia; dan
(xiii) Pemerhatian dan Ulasan Tambahan Para Pengarah.

Penilaian prestasi Lembaga Pengarah pada 2013 telah distruktur bagi memastikan kajian yang seimbang dan objektif oleh para Pengarah terhadap bidang-bidang utama di atas.

Berikutan penilaian tersebut, Lembaga Pengarah telah membuat kesimpulan bahawa Lembaga Pengarah secara keseluruhannya dan jawatankuasanya telah menampilkan prestasi yang baik, berkesan dan mempunyai semua kemahiran, pengalaman dan ciri-ciri yang sewajarnya untuk menerajui Syarikat, dan setiap Pengarah termasuk para Pengarah Bebas dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas telah memenuhi tanggungjawab dan kewajipan mereka serta telah menjalankan tugas mereka seperti yang diperlukan dan selaras dengan Piagam Lembaga Pengarah Syarikat.

Pada 2013, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat juga telah menilai kebebasan para Pengarah Bebasnya berdasarkan kriteria yang relevan untuk penilaian kebebasan seperti yang telah dirangka oleh Jawatankuasa Pencalonan pada 2012.

(i) JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menugaskan tanggungjawab tertentu kepada beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah dengan fungsi dan kuasa yang telah ditentukan mengikut terma rujukan mereka masing-masing dan sejajar dengan saranan MCCG 2012. Jawatankuasa Lembaga Pengarah akan mematuhi peraturan tatakelakuan dan tatacara yang sama seperti Lembaga Pengarah, melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh Lembaga Pengarah. Ringkasan mengenai Jawatankuasa Lembaga Pengarah peringkat PNHB dan komposisi masing-masing adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Ganjaran	Jawatankuasa Pencalonan	Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko (CICR)
Tan Sri Rozali Ismail *Pengerusi Eksekutif*				
Dato' Ruslan Hassan *Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*				
Dato' Ir Lee Miang Koi *Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*				
Dato' Syed Danial Syed Ariffin *Ketua Pegawai Operasi*				
Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy *Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*	Ahli	Ahli	Ahli	
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh *Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*	Pengerusi	Ahli	Ahli	Pengerusi
Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud *Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*	Ahli			
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak *Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*	Ahli	Pengerusi	Pengerusi	
Encik Ng Wah Tar *Pengarah Eksekutif Kewangan Korporat*		Ahli		Ahli

Nota:

(1) Jawatankuasa Audit terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif yang mana majoritinya adalah Pengarah Bebas (mematuhi Perenggan 15.09 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities).
(2) Jawatankuasa Ganjaran secara eksklusifnya atau majoritinya terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif (seperti yang disarankan dalam MCCG 2012).
(3) Jawatankuasa Pencalonan secara eksklusifnya terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif, yang mana majoritinya mestilah pengarah bebas (seperti yang disarankan dalam MCCG 2012).

Jawatankuasa Lembaga Pengarah mengamalkan ketelusan dan pendedahan penuh dalam segala urusannya. Sekiranya sesuai, isu akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dengan saranan yang sewajarnya oleh Jawatankuasa Lembaga.

Bagi mempercepatkan proses membuat keputusan Lembaga Pengarah di peringkat syarikat beroperasi, Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") telah dibentuk di PNSB, SYABAS, POG dan GOM Resources. EXCO PNSB, POG dan GOM Resources terdiri daripada Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan, manakala komposisi EXCO SYABAS hanya terdiri daripada Pengarah Eksekutif. Lembaga Pengarah Sino Water Pte Ltd ("Sino Water"), subsidiari Syarikat di Singapura dengan 98.65% milik Syarikat, bermesyuarat di Malaysia pada selang masa yang kerap untuk membincangkan hal ehwal operasi.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Setiap syarikat operasi telah mewujudkan Had Kuasa (Limits of Authority) ("LOA") yang mentadbir perkara berkaitan pengurusan operasi Kumpulan dengan tahap kuasa yang relevan diberikan kepada pihak Pengurusan. LOA di setiap syarikat operasi dikaji secara berterusan bagi memastikan kecukupan, kecekapan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Kumpulan. Lembaga Pengarah menyediakan kepimpinan yang perlu untuk membolehkan Kumpulan mencapai objektif perniagaannya, manakala memastikan bahawa kewajipan Syarikat terhadap para pemegang kepentingannya ditunaikan.

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam Terma-terma Rujukannya dan mempunyai akses yang tidak terbatas kepada juruaudit dalaman dan luar serta anggota pengurusan kanan Kumpulan. Aktiviti yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit dibentangkan secara ringkas dalam Laporan Jawatankuasa Audit berserta Ringkasan Terma Rujukannya seperti yang terkandung pada muka surat 174 ke 179 di dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Audit memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi piawaian laporan kewangan yang boleh diguna pakai memandangkan ia penting bagi memastikan keutuhan penyata kewangan tersebut. Jawatankuasa Audit juga memastikan kebebasan Juruaudit Luar semasa menjalankan tugasan audit.

JAWATANKUASA PENCALONAN

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan dibentangkan pada muka surat 153 di dalam Laporan Tahunan ini.

Ringkasan aktiviti Jawatankuasa Pencalonan dalam menjalankan tugasnya pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:-

1. Pemilihan semula dan persaraan Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan;
2. Mengkaji Terma Rujukan Jawatankuasa Pencalonan;
3. Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah;
4. Penilaian Tahunan Jawatankuasa Audit;
5. Penilaian Tahunan Pengarah Bebas;
6. Mengkaji Dasar Kepelbagaian Jantina; dan
7. Pelantikan/pembaharuan kontrak pengambilan kerja kakitangan pengurusan utama Kumpulan.

JAWATANKUASA GANJARAN

Jawatankuasa Ganjaran dianggotai oleh empat (4) orang Pengarah yang terdiri daripada tiga (3) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan seorang (1) Pengarah Eksekutif Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Ganjaran adalah:-

(i) Untuk menetapkan dan mengkaji pada setiap tahun pakej ganjaran bagi setiap Pengarah Eksekutif supaya tahap ganjaran adalah memadai untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah yang diperlukan bagi mengendali Syarikat dengan jayanya dan menjajarkan strategi perniagaan serta objektif jangka panjang Syarikat.

(ii) Jawatankuasa Ganjaran mengemukakan saranannya kepada Lembaga Pengarah dan setiap Pengarah hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan mengenai ganjaran mereka masing-masing.

Tahap ganjaran para Pengarah Eksekutif patut menggambarkan pengalaman, tahap tanggungjawab, kepakaran dan kerumitan aktiviti Syarikat serta sumbangan mereka kepada Syarikat.

(j) PEMILIHAN SEMULA PENGARAH

Persaraan mengikut giliran

Artikel 98 dan 99 Tataurusan Pertubuhan Syarikat ("Tataurusan") memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Pengarah perlu bersara dari memegang jawatan mengikut giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan dan semua Pengarah hendaklah bersara dari memegang jawatan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun tetapi hendaklah layak dan boleh menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula.

Berdasarkan saranan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat, para Pengarah berikut akan bersara pada AGM Ke-17 Syarikat yang akan datang, dan kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dipilih semula:-

i. YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan;
ii. YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan; dan
iii. YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan.

Maklumat mengenai para Pengarah yang tampil untuk pemilihan semula pada AGM ke-17 yang akan datang terkandung dalam Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan.

Meneruskan peranan sebagai Pengarah Bebas setelah berkhidmat untuk tempoh melebihi sembilan (9) tahun.

Seperti yang dinyatakan dalam perkara (b) di atas, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menyarankan supaya kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy, yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Syarikat untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun diberi kuasa untuk terus berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya.

Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965

Menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965 ("Akta"), para Pengarah yang mencapai atau melebihi usia 70 tahun hendaklah bersara pada setiap mesyuarat agung tahunan dan boleh menawarkan diri masing-masing untuk pelantikan semula bagi memegang jawatan hingga mesyuarat agung tahunan yang berikutnya.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Syarikat yang melebihi usia 70 tahun, akan bersara pada AGM Ke-17 yang akan datang menurut Seksyen 129(2) Akta.

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menyarankan pelantikan semula YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh menurut Seksyen 129(6) Akta, pada AGM ke-17 Syarikat yang akan datang. Sila rujuk Agenda 3 Notis AGM ke-17 pada muka surat 384 hingga 387 di dalam Laporan Tahunan ini.

Saranan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat adalah berdasarkan kepada sumbangan berterusan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang tidak ternilai kepada Syarikat dan beliau telah terbukti sebagai seorang Pengarah Bebas/Pengerusi Jawatankuasa Audit/Pengerusi CICR yang berwibawa dengan profesionalisme, kebolehan dan pandangan terhadap perniagaan beliau.

GANJARAN PENGARAH

(a) PROSEDUR, PERINGKAT DAN KANDUNGAN GANJARAN

Syarikat mempunyai prosedur rasmi untuk menentukan ganjaran setiap ahli Lembaga Pengarah yang dikaji dari masa ke semasa dengan membuat perbandingan dengan amalan dalam pasaran. Bagi Pengarah Eksekutif, ganjaran mereka dirangka supaya dapat mengaitkan ganjaran kepada prestasi korporat dan individu dan pakej ganjaran mereka merangkumi gaji, elaun, bonus dan faedah lain yang biasa diberikan kepada jawatan yang sama dalam syarikat lain yang boleh dibandingkan, dan cukup menarik untuk mengekalkan mereka yang berkaliber tinggi. Prestasi dibandingkan dengan keuntungan serta sasaran lain yang ditetapkan berdasarkan belanjawan tahunan dan rancangan perniagaan Syarikat serta pencapaian pulangan yang disasarkan untuk para pemegang saham.

Bagi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, ganjaran mereka mencerminkan pengalaman, tahap tanggungjawab dan sumbangan mereka serta masa yang diluangkan untuk mengendali hal ehwal Kumpulan dan mereka dibayar elaun bulanan tetap, perjalanan percutian dan elaun mesyuarat bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang dihadiri oleh mereka.

Jawatankuasa Ganjaran bertanggungjawab mengesyorkan pakej ganjaran para Pengarah kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah, secara keseluruhannya, menentukan ganjaran Pengarah Bukan Eksekutif. Setiap seorang Pengarah hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan dan pengundian terhadap ganjaran mereka masing-masing dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran.

(b) PENDEDAHAN GANJARAN PENGARAH

Butiran mengenai ganjaran yang diterima dan belum diterima oleh para Pengarah Syarikat daripada Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Yuran (RM'000)	Gaji (RM'000)	Bonus (RM'000)	Perjalanan Percutian (RM'000)	Elaun (RM'000)	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Tan Sri Rozali Ismail	-	-	-	-	-	-	-
Dato' Ruslan Hassan	-	-	47	80	-	8	135
Dato' Ir Lee Miang Koi	-	-	-	70	-	-	70
Dato' Syed Danial Syed Ariffin	-	-	-	-	-	-	-
Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy	-	-	-	50	102	-	152
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	-	-	-	50	176	-	226
Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud	-	-	-	-	14	-	14
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak	-	-	-	50	134	-	184
Ng Wah Tar	-	-	17	-	-	2	19

Pakej ganjaran para Pengarah Syarikat yang telah diterima dan belum diterima daripada Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 dikategorikan mengikut komponen yang bersesuaian seperti berikut:-

	Pengarah Eksekutif (RM'000)	Pengarah Bukan Eksekutif (RM'000)
Gaji	8,263	-
Bonus	2,956	47
Manfaat Barangan	142	-
Elaun	1,342	427
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	2,356	8
Tambang Percutian	390	300
Jumlah	**15,449**	**782**

Butiran Ganjaran Pengarah di peringkat Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, dalam kelompok RM50,000 disenaraikan seperti berikut:-

	Peringkat Syarikat		Peringkat Kumpulan
Lingkungan Ganjaran Setahun	Bil. Pengarah Eksekutif	Bil. Pengarah Bukan Eksekutif	Bil. Pengarah
Ke bawah RM100,000	-	2	2
RM100,001 hingga RM150,000	-	1	1
RM150,001 hingga RM200,000	-	2	2
RM200,001 hingga RM250,000	-	1	1
RM900,001 hingga RM950,000	-	-	1
RM950,001 hingga RM1,000,000	-	-	1
RM13,500,001 hingga RM13,550,000	-	-	1

(c) OPSYEN SAHAM PENGARAH

Tiada Skim Saham Opsyen Pengarah di dalam Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

(d) LATIHAN PENGARAH

Para Pengarah mengenali akan kepentingan pembelajaran berterusan pengarah untuk sentiasa mengikuti perkembangan mutakhir dalam kawal selia dan tadbir urus korporat, selain dapat meningkatkan profesionalisme dan pengetahuan agar mereka dapat menjalankan tugas dengan berkesan. Setiap pengarah menghadiri sekurang-kurangnya satu program latihan pada tahun ini.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, para Pengarah telah menghadiri program latihan, taklimat dan persidangan yang diorganisasikan oleh Syarikat dan pelbagai pihak penyedia latihan yang meliputi bidang seperti:-

- Program Jawatankuasa Pencalonan
- Mengesan & Mencegah Penipuan - Suatu Keperluan, Bukan Pilihan
- Minggu Air Antarabangsa Singapura : Forum Utiliti Air di Singapura
- Kumpulan Kajian Dasar Luar Negara Malaysia
- Pelancaran Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman - Garis Panduan untuk para Pengarah Syarikat Tersenarai
- Program Pertama MINDA/Menteri Kewangan Diperbadankan, Program Latihan Pengarah Korporat yang Menyertai Lembaga Pengarah (CDOP)
- Menggalakkan Pertumbuhan Menerusi Perkongsian Awam-Swasta (PPP): Pelajaran Global, Madinah, Arab Saudi
- Etika dan Tadbir Urus Korporat: Pedoman Moral Perniagaan, Madinah, Arab Saudi
- Perubahan Dunia, Perhubungan Baharu, London

- Persidangan Tinjauan Strategik Malaysia ke-15, 2013,/Institut Strategi & Kepimpinan Asia
- Mesyuarat Kumpulan Ekonomi Baru Muncul IASB ke-5/MASB
- Persidangan Ulang Tahun ke-50 Skrine/Skrine
- Bagaimana Memupuk Kemahiran Pemikiran Strategik/Kumpulan Seminar Kebangsaan
- Kongres Gas Asia ke-10, Jepun 2013 (AGCJ 2013)/Badan Perundingan Pembuat Keputusan China
- Persidangan MIA 2013/MIA
- Persidangan Minyak & Gas Asia ke-17
- Pengurusan Operasi & Risiko yang Berkesan - Kegagalan Perniagaan: Meraih Pemahaman Strategi yang Mantap

DASAR KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM DAN PERHUBUNGAN PELABUR

Lembaga Pengarah mengakui perlunya para pemegang saham dan pelabur Syarikat dimaklumkan tentang semua urusan dan perkembangan korporat yang penting berkaitan Kumpulan tepat pada masanya. Selain daripada pelbagai pengumuman yang telah dibuat pada tahun ini, keputusan kewangan disatukan suku tahunan kewangan Kumpulan yang dikemukakan tepat pada masanya memberi para pemegang saham dan pelabur gambaran menyeluruh tentang prestasi kewangan dan operasi Kumpulan.

Syarikat mengekalkan komunikasi secara kerap dan berkesan dengan para pemegang saham dan pemegang kepentingannya melalui sesi dialog satu-sama-satu atau berkumpulan, penyertaan dalam persidangan pelabur anjuran institusi tempatan dan luar negara, menjawab pertanyaan para pemegang saham dan pelabur melalui e-mel dan panggilan telefon, Mesyuarat Agung Syarikat dan acara-acara Syarikat yang lain. Notis Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat mengandungi maklumat yang relevan termasuk hak pemegang saham untuk menuntut diadakan pungutan suara bagi membolehkan mereka melaksanakan hak mereka.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat turut dimuatkan ke dalam pautan Laporan Tahunan di laman web Syarikat, www.puncakniaga.com.my.

Laporan Tahunan Puncak Niaga yang dihasilkan sejajar dengan amalan tadbir urus korporat yang terbaik turut berperanan sebagai suatu saluran komunikasi utama dengan para pemegang saham dan pelabur.

Satu lagi kaedah komunikasi berkesan dengan para pemegang saham dan pelabur yang memanfaatkan teknologi maklumat adalah melalui laman web korporat kami, www.puncakniaga.com.my dengan capaian langsung ke laman web SYABAS, www.syabas.com.my, laman web POG, www.puncakoil.com, laman web GOM Resources, www.gomresources.com dan laman web Sino Water Pte Ltd, www.sino-water.com yang boleh diakses dengan mudah dan cepat bagi mendapatkan maklumat mengenai Kumpulan. Ini merupakan komitmen berterusan kami untuk menyediakan lebih banyak maklumat yang mudah diakses kepada para pemegang saham dan pelabur.

Dasar & Laporan Perhubungan Pelabur Syarikat dibentangkan di muka surat 187 hingga 189 di dalam Laporan Tahunan ini dan Dasar Perhubungan Pelabur dimuatkan ke dalam pautan Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, www.puncakniaga.com.my.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

(a) LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap mutu dan kesempurnaan laporan kewangan yang didedahkan kepada umum. Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, laporan suku tahunan dan laporan tahunan kepada para pemegang saham Syarikat, Lembaga Pengarah mengambil langkah yang wajar untuk mengemukakan penilaian yang jelas dan seimbang berhubung dengan kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini turut diamalkan dalam pengumuman awam harga sensitif dan laporan kepada pihak penguatkuasa peraturan.

Penyata kewangan dan pengumuman suku tahunan Kumpulan yang disedia menggunakan dasar perakaunan yang bersesuaian secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat, akan dikaji dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit dengan kehadiran Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman Syarikat dan Pengarah Eksekutif Bahagian Kewangan, sebelum ia disyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk diterima pakai. Jawatankuasa Audit memastikan bahawa maklumat yang akan didedahkan adalah tepat, mencukupi dan mematuhi semua pelbagai keperluan pendedahan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Lembaga Pengarah membincangkan dan mengkaji saranan yang diusulkan oleh Jawatankuasa Audit sebelum ia diterima pakai. Lembaga Pengarah turut memastikan agar keputusan kewangan suku tahunan dan keputusan kewangan tahunan Kumpulan yang tepat dikemukakan kepada Bursa Securities bertepatan dengan masanya.

Penyata Tanggungjawab Pengarah berhubung dengan penyediaan Penyata Kewangan Beraudit Tahunan Kumpulan dikemukakan pada muka surat 191 di dalam Laporan Tahunan ini.

(b) HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah mengekalkan hubungan yang telus dan profesional dengan Juruaudit Luar Kumpulan. Juruaudit Luar menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit Syarikat yang diadakan sepanjang tahun kewangan ini. Mesyuarat suku tahunan ini membolehkan pertukaran pandangan mengenai isu-isu yang memerlukan perhatian sewajarnya.

Suatu mekanisme rasmi telah diwujudkan oleh Jawatankuasa Audit bagi memastikan wujudnya dialog yang jujur dan berterus terang dengan Juruaudit Luar. Jawatankuasa Audit bermesyuarat dengan Juruaudit Luar dua kali setahun (pada bulan April dan November) tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif dan pihak Pengurusan. Ini membolehkan Jawatankuasa Audit dan Juruaudit Luar bertukar-tukar pandangan dan pendapat dalam suasana bebas dan jujur mengenai perkara berkaitan audit dan penemuan Juruaudit Luar.

Jawatankuasa Audit telah mempertimbangkan penyediaan khidmat bukan audit yang diberikan oleh Juruaudit Luar sepanjang tahun ini dan berpendapat bahawa perkhidmatan tersebut tidak menjejaskan kebebasan dan objektif Juruaudit Luar kerana amaun yuran yang dibayar bagi aktiviti ini adalah tidak besar berbanding jumlah yuran yang telah dibayar kepada Juruaudit Luar.

Laporan Jawatankuasa Audit berserta Ringkasan Terma Rujukannya dibentangkan pada muka surat 174 hingga 179 di dalam Laporan Tahunan ini.

(c) KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengakui tanggungjawabnya yang menyeluruh bagi mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mantap, yang memberi jaminan munasabah dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi Kumpulan bagi melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset serta kepentingannya sebagai mematuhi undang-undang dan peraturan serta tatacara dan garis panduan pentadbiran kewangan dalaman yang relevan.

Jawatankuasa Audit mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Jabatan Audit Dalaman yang dipimpin oleh Ketua Audit Dalaman akan menjalankan audit dalaman meliputi kawalan kewangan, operasi dan pematuhan, proses untuk mengenal pasti dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan termasuk proses tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalaman dalam Syarikat. Laporan Jabatan Audit Dalaman akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk dikaji dan dibincangkan.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 172 hingga 173 di dalam Laporan Tahunan ini.

(d) RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah menyedari bahawa pengurusan risiko melibatkan pendekatan tersusun yang menggabungkan usaha daripada semua fungsi dalam Kumpulan untuk meminimumkan kemungkinan dan kesan kerosakan yang tidak dijangka ke arah menghasilkan kecekapan yang lebih tinggi dan proses membuat keputusan yang lebih baik. Profil Risiko Seluruh Usaha Niaga Kumpulan dikaji setiap tahun untuk mengambil kira perubahan dalam persekitaran perniagaan, strategi dan aktiviti yang berfungsi dalam Kumpulan bagi menentukan tahap toleransi risiko Kumpulan dan mengenal pasti, menilai serta memantau risiko perniagaan utama untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Syarikat.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 172 hingga 173 di dalam Laporan Tahunan ini.

(e) TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Lampiran 9C (Bahagian A, Perenggan 29) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities menghendaki sesebuah syarikat awam tersenarai menyediakan satu penyata dalam laporan tahunannya berhubung aktiviti dan amalan tanggungjawab sosial korporat yang dijalankan oleh syarikat awam tersenarai tersebut dan subsidiarinya.

Laporan Kumpulan mengenai Isu Alam Sekitar, Laporan Kebertanggungjawaban Sosial dan Kemampanan dibentangkan pada bahagian “Menghargai Kakitangan Kami“ pada muka surat 112 hingga 127 di dalam Laporan Tahunan ini, pada bahagian “Bersama Komuniti Kami” pada muka surat 139 hingga 143 di dalam Laporan Tahunan ini, dan pada bahagian “Memelihara Alam Sekitar Kita” pada muka surat 128 hingga 138 di dalam Laporan Tahunan ini.

Dasar Pendedahan Korporat dan Dasar & Laporan Kualiti, masing-masing dibentangkan pada muka surat 184 dan 190 di dalam Laporan Tahunan ini dan dasar-dasar tersebut turut dimuatkan ke dalam pautan Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, www.puncakniaga.com.my.

MAKLUMAT PEMATUHAN LAIN

(a) STATUS PENGGUNAAN HASIL YANG DIPEROLEHI DARIPADA CADANGAN KORPORAT

Pada 2013, Syarikat telah menerbitkan Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus Lima (5) Tahun ("Sukuk Ijarah Boleh Tukar") Sehingga RM165.0 Juta dalam Nilai Nominal.

Setakat ini, Syarikat belum lagi menggunakan hasil yang diperolehi berjumlah RM144,137,400.00 daripada penerbitan Sukuk Ijarah Boleh Tukar.

(b) PEMBELIAN BALIK SAHAM

Syarikat tidak melaksanakan sebarang pembelian balik atau penjualan semula atau pembatalan sebarang saham perbendaharaan Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Pada 31 Disember 2013, jumlah bilangan saham perbendaharaan Syarikat kekal sebanyak 2,036,800 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

(c) OPSYEN, WARAN ATAU SEKURITI BOLEH TUKAR

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat yang diadakan pada 28 Mei 2013, Syarikat telah meluluskan Cadangan berikut, yang mana ia telah dilaksanakan dengan sewajarnya pada 2013:-

a. Cadangan Penerbitan Sehingga 40,910,609 Waran Percuma Dalam PNHB ("Waran") Atas Dasar Satu (1) Waran Untuk Setiap Sepuluh (10) Saham Biasa Sedia Ada Bernilai 1.00 Sesaham Dalam PNHB Yang Dipegang Oleh Para Pemegang Saham PNHB Yang Berhak; dan

b. Cadangan Penerbitan Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus Lima (5) Tahun ("Sukuk Ijarah Boleh Tukar") sehingga RM165.0 Juta dalam Nilai Nominal.

1. Waran

Pada 23 Julai 2013, Syarikat telah menerbitkan 40,910,609 Waran yang disenaraikan pada 26 Julai 2013 di Pasaran Utama Bursa Securities. Setiap waran memberi hak kepada para pemegang untuk menerbitkan satu (1) saham PNHB baharu pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Laksana pada Harga Laksana. Ciri utama terma waran tersebut adalah seperti berikut:-

Tarikh Penerbitan	:	23 Julai 2013
Tarikh Penyenaraian	:	26 Julai 2013
Tarikh Matang	:	20 Julai 2018
Tempoh Laksana	:	Lima tahun dari 23 Julai 2013
Harga Laksana	:	RM1.00 setiap waran
Nisbah Pelaksanaan	:	1:1

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, sejumlah 117,943 Waran telah ditukar kepada 117,943 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam modal Syarikat. Modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat setakat 31 Disember 2013 ialah RM411,260,838.00 dibahagikan kepada 411,260,838 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

2. Sukuk Ijarah Boleh Tukar

Pada 11 September 2013, Syarikat telah menerbitkan Sukuk Ijarah Boleh Tukar sebanyak RM165.0 juta dalam nilai nominal. Pemegang Sukuk Ijarah Boleh Tukar adalah berhak untuk menukar pada Harga Penukaran, kesemua atau mana-mana bahagian Sukuk Ijarah Boleh Tukar kepada saham biasa baharu berbayar penuh PNHB pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Penukaran (kecuali dan melainkan dalam keadaan penggantian Aset Pajakan di bawah Aku Janji Penggantian) dengan tertakluk kepada tempoh notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari. Ciri utama terma Sukuk Ijarah Boleh Tukar adalah seperti berikut:-

Tarikh Penerbitan	:	11 September 2013
Tarikh Matang	:	Lima tahun dari Tarikh Penerbitan
Harga Penerbitan	:	Harga penukaran ialah RM2.00, yang mewakili premium kira-kira 12.0% terhadap harga teori ex-waran bernilai RM1.7854 berdasarkan volum harga pasaran purata berwajaran selama 5 hari bagi saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam PNHB sehingga dan termasuk 28 Jun 2013, bernilai RM1.8639 sesaham PNHB.

Syarikat mempunyai hak untuk melaksanakan Aku Janji Penggantian pada harga laksana mengikut agregat nilai nominal belum lunas Sukuk Ijarah Boleh Tukar belum bayar, apa-apa Pengagihan Berkala dan perbelanjaan pemilikan belum lunas.

Syarikat atau mana-mana subsidiarinya atau syarikat yang berkaitan boleh pada bila-bila masa membeli balik Sukuk Ijarah Boleh Tukar pada apa-apa harga dalam pasaran terbuka atau secara triti persendirian.

Syarikat boleh menebus Sukuk Ijarah Boleh Tukar secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya sebagaimana saling dipersetujui di antara Syarikat dan para Pemegang Sukuk Ijarah Boleh Tukar menurut resolusi luar biasa. Melainkan sebelumnya telah ditebus, ditukar, dibeli dan dibatalkan, Sukuk Ijarah Boleh Tukar hendaklah ditebus oleh Syarikat pada nilai nominalnya pada Tarikh Matang.

Setakat 31 Disember 2013, tidak ada pelaksanaan penukaran oleh para pemegang terhadap Sukuk Ijarah Boleh Tukar mahupun terdapat apa-apa penebusan, pembelian atau pembatalan Sukuk Ijarah Boleh Tukar oleh Syarikat.

(d) RESIT DEPOSITORI AMERIKA (ADR) / RESIT DEPOSITORI GLOBAL (GDR)

Syarikat tidak menaja sebarang program ADR atau GDR.

(e) SEKATAN DAN/ATAU DENDA

Syarikat dan subsidiari, para Pengarah dan pihak Pengurusannya tidak dikenakan sebarang sekatan dan/atau denda oleh badan kawal selia yang berkaitan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

(f) YURAN BUKAN AUDIT

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Kumpulan telah membayar sebanyak RM214,000.00 untuk yuran bukan audit kepada Juruaudit Luar.

Yuran bukan audit perlu bayar kepada juruaudit luar, Tetuan KPMG berkaitan semakan Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman dan perkhidmatan profesional lain termasuk khidmat nasihat.

(g) PERBEZAAN KEPUTUSAN

Tiada perbezaan ketara dalam Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 yang terkandung di dalam Laporan Tahunan ini berbanding dengan keputusan disatukan belum diaudit Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 yang telah diumumkan kepada Bursa Securities pada 27 Februari 2014.

(h) JAMINAN KEUNTUNGAN

Syarikat tidak menyediakan sebarang jaminan keuntungan kepada mana-mana pihak bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

(i) URUS NIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN

Syarikat tidak memeterai sebarang urus niaga berulang dengan pihak berkaitan yang memerlukan mandat para pemegang saham pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

(j) KONTRAK PENTING YANG MEMBABITKAN PARA PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

Penerbitan RCSSI	**21.8**	**-**	**-**
Dividen akhir satu peringkat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012	**30**	**-**	**-**
Jumlah urus niaga dengan pemilik Syarikat		**118**	**-**
Pada 31 Disember 2013		**411,261**	**102,879**

Nota pada muka surat 212 hingga 363 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Boleh diatribut kepada pemilik Syarikat					
Tidak boleh diagihkan				Boleh diagihkan	
Saham perbendaharaan RM'000	Rizab penilaian semula RM'000	Komponen ekuiti RCSSI RM'000	Rizab tersedia untuk jualan RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
(5,941)	9,082	-	-	438,533	955,696
-	-	-	661	-	661
-	-	-	661	-	661
-	-	-	-	6,235	6,235
-	-	-	661	6,235	6,896
(5,941)	**9,082**	**-**	**661**	**444,768**	**962,592**
-	**-**	**-**	**(632)**	**-**	**(632)**
-	**-**	**-**	**(632)**	**-**	**(632)**
-	**-**	**-**	**-**	**14,987**	**14,987**
-	**-**	**-**	**(632)**	**14,987**	**14,355**
-	**-**	**-**	**-**	**-**	**118**
-	**-**	**6,770**	**-**	**-**	**6,770**
-	**-**	**-**	**-**	**(20,455)**	**(20,455)**
-	**-**	**6,770**	**-**	**(20,455)**	**(13,567)**
(5,941)	**9,082**	**6,770**	**29**	**439,300**	**963,380**

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000 Dinyatakan semula	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi					
Penerimaan daripada pelanggan		**1,010,876**	1,222,063	**-**	-
Pendapatan lain		**43,156**	4,914	**72**	55
Bayaran untuk perbelanjaan operasi		**(394,279)**	(408,957)	**(1,919)**	(3,783)
Bayaran kepada kontraktor		**(546,634)**	(727,286)	**-**	-
Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) operasi		**113,119**	90,734	**(1,847)**	(3,728)
Cukai dibayar, bersih selepas bayar balik cukai		**(17,677)**	(1,452)	**(1,049)**	(2,640)
Faedah diterima		**11,454**	15,169	**5,220**	5,696
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi		**106,896**	104,451	**2,324**	(672)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan					
Pengambilalihan subsidiari		**(1,700)**	-	**(1,700)**	-
Pelaburan dalam saham keutamaan boleh tebus		**-**	-	**(40,000)**	-
Pembelian hartanah, loji dan kelengkapan	ii	**(16,520)**	(25,177)	**-**	-
Tambahan aset konsesi perkhidmatan		**(16,957)**	(5,142)	**-**	-
Pendahuluan daripada pemegang saham		**-**	25	**-**	-
Pendahuluan bersih kepada subsidiari		**-**	-	**(35,898)**	(45,971)
Pendahuluan bersih kepada syarikat bersekutu		**(1)**	(3)	**(1)**	(3)
Pendahuluan bersih daripada usaha sama		**34**	1,648	**34**	1,258
Pembelian pelaburan tidak disebut harga		**-**	(50,000)	**-**	(50,000)
Penerimaan bersih daripada pelupusan pelaburan jangka pendek		**2,067**	-	**2,067**	-
Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan		**142**	1,638	**-**	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		**(32,935)**	(77,011)	**(75,498)**	(94,716)
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan					
Penerimaan daripada pinjaman dan peminjaman		**432,893**	191,206	**-**	-
Penerbitan RCSSI		**144,137**	-	**144,137**	-
Penerimaan daripada penukaran waran kepada saham biasa		**118**	-	**118**	-
Dividen dibayar		**(20,455)**	-	**(20,455)**	-
Pertambahan deposit sandaran		**(67,620)**	(65,242)	**-**	-
Faedah dibayar		**(129,922)**	(130,089)	**-**	-
Bayaran balik pinjaman dan peminjaman		**(467,066)**	(111,566)	**-**	-
Bayaran balik obligasi di bawah pajakan kewangan		**(5,789)**	(4,619)	**-**	-
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti pembiayaan		**(113,704)**	(120,310)	**123,800**	-

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000 Dinyatakan semula	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
(Pengurangan)/pertambahan bersih dalam tunai dan kesamaan tunai		**(39,743)**	(92,870)	**50,626**	(95,388)
Kesan perubahan kadar pertukaran terhadap tunai yang dipegang		**3,699**	2,388	**-**	(126)
Tunai dan kesamaan tunai pada 1 Januari		**383,865**	421,321	**174,812**	270,326
Pindahan daripada akaun rizab servis hutang		**191,091**	53,026	**-**	-
Tunai dan kesamaan tunai pada 31 Disember	i	**538,912**	383,865	**225,438**	174,812

(i) Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan kesamaan tunai yang termasuk dalam penyata aliran tunai merangkumi penyata amaun kedudukan kewangan yang berikut:

Deposit dengan bank berlesen	18	**546,457**	304,163	**224,038**	159,163
Tunai dan baki bank	18	**125,449**	145,076	**1,400**	15,649
		671,906	449,239	**255,438**	174,812
Tolak: Sandaran tunai dan baki bank		**(132,994)**	(65,374)	**-**	-
		538,912	383,865	**225,438**	174,812

(ii) Pengambilalihan hartanah, loji dan kelengkapan

Pada tahun kewangan, Kumpulan telah memperoleh hartanah, loji dan kelengkapan dengan kos agregat RM20,637,000 (2012: RM29,852,000) yang mana RM4,117,000 (2012: RM4,675,000) telah diperolehi menerusi cara pajakan kewangan.

Nota pada muka surat 212 hingga 363 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Puncak Niaga Holdings Berhad adalah sebuah syarikat liabiliti terhad awam, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan tersenarai di Pasaran Utama Bursa Securities. Alamat tempat utama perniagaan dan pejabat berdaftar Syarikat adalah seperti berikut:

Tempat utama perniagaan

Tingkat 8, Wisma Rozali, No. 4 Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Pejabat berdaftar

Tingkat 10, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Penyata kewangan disatukan pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 merangkumi Syarikat dan subsidiarinya (secara bersama dirujuk sebagai "Kumpulan" dan secara individu dirujuk sebagai "entiti Kumpulan") serta kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. Penyata kewangan Syarikat pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan.

Aktiviti utama subsidiari dikemukakan dalam Nota 8.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah pada 28 April 2014.

1. ASAS PENYEDIAAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat:

MFRSs, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan: Entiti Pelaburan*
- Pindaan kepada MFRS 12, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain: Entiti Pelaburan*
- Pindaan kepada MFRS 127, *Penyata Kewangan Berasingan (2011): Entiti Pelaburan*
- Pindaan kepada MFRS 132, *Instrumen Kewangan: Pembentangan - Mengimbangi Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan*
- Pindaan kepada MFRS 136, *Kejejasan Aset - Pendedahan Amaun Boleh Dapat Balik bagi Aset Bukan Kewangan*
- Pindaan kepada MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran - Novasi Terbitan dan Pelanjutan Perakaunan Lindung Nilai*
- Tafsiran IC 21, *Levi*

MFRSs, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014

- Pindaan kepada MFRS 1, *Pertama Kali Menerima Pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2011-2013)*
- Pindaan kepada MFRS 2, *Pembayaran berasaskan Saham (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Gabungan Perniagaan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012 dan Kitaran 2011-2013)*
- Pindaan kepada MFRS 8, *Segmen Beroperasi (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 13, *Pengukuran Nilai Saksama (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012 dan Kitaran 2011-2013)*

1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(a) Penyata pematuhan (sambungan)

MFRSs, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014 (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Kelengkapan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 119, *Manfaat Pekerja - Pelan Manfaat Wajib: Sumbangan Pekerja*
- Pindaan kepada MFRS 124, *Pendedahan Pihak Berkaitan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 138, *Aset Tidak Ketara (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 140, *Hartanah Pelaburan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2011-2013)*

MFRSs, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tarikh yang belum disahkan

- MFRS 9, *Instrumen Kewangan (2009)*
- MFRS 9, *Instrumen Kewangan (2010)*
- MFRS 9, *Instrumen Kewangan - Perakaunan Lindung Nilai dan Pindaan kepada MFRS 9, MFRS 7 DAN MFRS 139*
- Pindaan kepada MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan - Tarikh Kuat Kuasa Mandatori bagi MFRS 9 dan Pendedahan Peralihan*

Kumpulan dan Syarikat merancang untuk mengguna pakai piawaian, pindaan dan tafsiran perakaunan yang dinyatakan di atas:

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2014 bagi piawaian, pindaan atau tafsiran perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2015 bagi piawaian, pindaan atau tafsiran perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014

Guna pakai piawaian, pindaan atau tafsiran di atas pada peringkat awal tidak dijangka akan mempunyai apa-apa impak ketara terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tempoh semasa dan tempoh sebelumnya kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

MFRS 9, Instrumen Kewangan

MFRS 9 menggantikan panduan dalam MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran berkenaan pengelasan dan pengukuran aset kewangan*. Dengan menerima pakai MFRS 9, aset kewangan akan diukur sama ada pada nilai saksama atau kos dilunaskan. Kumpulan dan Syarikat belum menilai impak menerima pakai piawaian ini.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan telah disediakan atas dasar kos sejarah selain daripada apa yang didedahkan dalam Nota 2 kepada penyata kewangan.

(c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan dibentangkan dalam RM, yang merupakan mata wang fungsian Syarikat. Semua maklumat kewangan dikemukakan dalam RM dan telah dibulatkan ke ribuan terdekat, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan yang akur kepada MFRSs memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi guna pakai dasar perakaunan serta amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian yang menjadi pendasar dikaji secara berterusan. Semakan terhadap anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut dikaji semula dan pada mana-mana tempoh masa depan yang terjejas.

Tidak wujud hal ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal yang penting dalam menggunapakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara terhadap amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang didedahkan dalam nota berikut:

(i) Litigasi material

Kumpulan menentukan sama ada obligasi kini berhubung litigasi material wujud pada tarikh pelaporan dengan mengambil kira semua bukti yang tersedia, termasuk pendapat peguam cara. Bukti yang dipertimbangkan termasuklah sebarang bukti tambahan yang diberi oleh keadaan selepas tarikh pelaporan. Berdasarkan bukti sedemikian, Kumpulan menilai jika peruntukan perlu diiktiraf dalam penyata kewangan. Butiran lanjut berkenaan litigasi material melibatkan Kumpulan dikemukakan dalam Nota 40 kepada penyata kewangan.

(ii) Perdagangan belum terima

Termasuk dalam perdagangan belum terima ialah amaun sebanyak RM2,100,602,000 (2012: RM1,589,467,000) yang terhutang daripada SYABAS. Penentuan masa boleh dapat balik amaun kena bayar daripada SYABAS adalah bergantung kepada masa hasil keputusan prosiding undang-undang yang dimulakan oleh SYABAS (terhadap Kerajaan Negeri) dan sama ada keputusan penghakiman berpihak kepada SYABAS.

Pada tahun kewangan semasa, amaun kena bayar daripada SYABAS sebanyak RM1,753,339,000 (2012: RM1,246,309.00) telah dikelaskan semula kepada perdagangan belum terima bukan semasa berdasarkan kerangka waktu pungutan yang dianggar oleh Syarikat serta elaun kejejasan sebanyak RM49,376,000 (2012: RM24,824,000) telah diiktiraf dalam untung rugi.

Andaian utama dalam menganggarkan kerangka waktu pungutan adalah:

(a) Prosiding undang-undang yang dimulakan oleh SYABAS (terhadap Kerajaan Negeri) akan berakhir dengan baik pada tahun 2016.

(b) Tidak akan ada apa-apa perubahan dalam hak Kumpulan terhadap konsesi.

Sebarang perubahan kurang baik dalam andaian utama di atas boleh mengakibatkan kerugian kejejasan selanjutnya. Penangguhan waktu prosiding perundangan selama satu tahun akan mengakibatkan kerugian kejejasan kira-kira RM17,000,000.

(iii) Kadar harga tokokan bagi pembinaan aset konsesi

Hak untuk mengendali loji pembersihan air sebagai pertukaran untuk menyediakan perkhidmatan pembinaan diiktiraf pada nilai saksama pertimbangan belum terima bagi perkhidmatan pembinaan yang telah diberikan. Nilai saksama pertimbangan belum terima bagi perkhidmatan pembinaan yang telah diberi dikira dengan memasukkan harga tokokan, yang dianggar bagi mencerminkan di mana mungkin, margin yang selaras dengan kerja pembinaan lain yang serupa, terhadap kos sebenar yang tertanggung. Kadar harga tokokan yang diguna untuk mengira nilai saksama pertimbangan belum terima yang dianggar oleh Kumpulan bagi projek pembinaan ialah 5%.

1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (sambungan)

(iv) Cukai pendapatan

Kumpulan mengiktiraf cukai boleh diperolehi semula sebanyak RM86,659,000 serta liabiliti cukai tertunda sebanyak RM460,270,000 berdasarkan penyerahan semakan cukai. Pertimbangan dan andaian penting dalam mengukur cukai boleh diperolehi semula dan liabiliti cukai tertunda telah dihuraikan, masing-masing dalam Nota 17 dan Nota 14 kepada penyata kewangan.

(v) Amaun kena bayar daripada pelanggan

Pada tarikh pelaporan, penentuan kos sehingga siapnya kontrak Kumpulan telah melibatkan anggaran yang penting, di mana ia ada kaitan dengan pengiraan tahap penyiapan. Tahap penyiapan memerlukan pihak pengurusan membuat anggaran yang boleh diharap tentang tahap kemajuan ke arah siapnya projek.

Kerja ini adalah tertakluk kepada kelulusan muktamad setiap pelanggan. Terdapat jeda masa antara kelulusan akhir dan siapnya kerja yang dilakukan oleh Kumpulan. Justeru, kos sebenar hanya boleh ditentukan secara andal setelah sempurna kontrak tersebut, yang mana ia mungkin mengakibatkan pelarasan terhadap keuntungan kontrak.

(vi) Hayat berguna dan nilai sisa vesel

Kos vesel disusut nilai mengikut asas garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna ekonomi vesel tersebut. Pihak Pengurusan menganggar hayat berguna vesel adalah dalam lingkaran 15 tahun dan nilai sisanya adalah USD20 juta. Ini adalah jangkaan hayat serta nilai sisa yang lazim diguna pakai dalam industri untuk vesel yang serupa. Pihak Pengurusan bergantung kepada pendapat penilai profesional untuk menentukan anggaran ini.

Perubahan dalam jangkaan tahap penggunaan dan pembangunan teknologi boleh memberi impak terhadap hayat berguna ekonomi dan nilai sisa vesel tersebut, oleh itu, caj susut nilai pada masa hadapan berkemungkinan dikaji semula.

(vii) Kejejasan muhibah

Kumpulan menetapkan sama ada muhibah mengalami kejejasan sekurang-kurangnya setiap tahun. Usaha ini memerlukan anggaran “nilai guna” CGU yang mana muhibah itu diuntukkan. Menganggarkan amaun nilai guna memerlukan pihak pengurusan membuat anggaran aliran tunai masa depan yang dijangkakan daripada CGU di samping memilih kadar diskaun bersesuaian supaya dapat mengira nilai kini aliran tunai tersebut. Amaun bawaan muhibah pada 31 Disember 2013 ialah RM26,254,000 (2012: RM25,008,000). Butiran lanjut dikemukakan dalam Nota 12.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan yang dikemukakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten terhadap tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas penyatuan

(i) Subsidiari

Subsidiari adalah entiti, termasuk entiti berstruktur, yang dikawal oleh Syarikat. Penyata kewangan subsidiari dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh kawalan bermula sehingga tarikh kawalan terhenti.

Kumpulan menerima pakai MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* pada tahun kewangan semasa. Ini telah mengakibatkan perubahan dalam dasar berikut:

- Kawalan wujud apabila Kumpulan berhadapan dengan pendedahan, atau mempunyai hak, terhadap pulangan yang berubah-ubah dari penglibatannya dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut menerusi kuasanya terhadap entiti. Pada tahun-tahun kewangan terdahulu, kawalan wujud apabila Kumpulan berupaya melaksanakan kuasanya untuk mengawal dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti agar memperoleh faedah daripada aktivitinya.
- Potensi hak mengundi dipertimbangkan semasa menilai kawalan hanya apabila hak sedemikan adalah substantif. Pada tahun-tahun kewangan sebelumnya, potensi hak mengundi dipertimbangkan semasa menilai kawalan apabila hak sedemikian boleh dilaksanakan pada waktu kininya.
- Kumpulan menganggap ia mempunyai kuasa de facto terhadap penerima pelaburan apabila, sungguhpun tidak mempunyai majoriti hak mengundi, ia mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti penerima pelaburan yang boleh memberi kesan ketara terhadap pulangan penerima pelaburan. Pada tahun-tahun kewangan terdahulu, Kumpulan tidak mempertimbangkan kuasa de facto dalam penilaian kawalannya.

Perubahan dalam dasar perakaunan telah dilakukan secara retrospektif dan selaras dengan peruntukan peralihan MFRS 10. Kesan daripada mengguna pakai MFRS 10 didedahkan dalam Nota 42 kepada penyata kewangan.

Pelaburan dalam subsidiari diukur dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat pada kos ditolak apa-apa kerugian kejejasan, melainkan pelaburan tersebut dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan atau pengedaran. Kos pelaburan adalah termasuk kos urus niaga.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(ii) Gabungan perniagaan

Gabungan perniagaan diambil kira menggunakan kaedah pengambilalihan dari tarikh pengambilalihan, yang merupakan tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan.

Untuk pengambilalihan baru, Kumpulan mengukur kos muhibah pada tarikh pengambilalihan sebagai:

- nilai saksama pertimbangan yang dipindahkan; ditambah
- amaun yang diiktiraf bagi mana-mana kepentingan bukan kawalan dalam entiti diperolehi; ditambah
- jika gabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai saksama kepentingan ekuiti sedia ada dalam entiti yang diperolehi; ditolak
- amaun diiktiraf bersih (umumnya nilai saksama) bagi aset yang boleh dikenal pasti yang diperolehi serta liabiliti yang tertanggung.

Apabila lebihan adalah negatif, laba pembelian murah diiktiraf serta-merta dalam untung rugi.

Bagi setiap gabungan perniagaan, Kumpulan memilih sama ada untuk mengukur kepentingan bukan kawalan dalam entiti diperolehi sama ada pada nilai saksama atau mengikut kadar bahagian aset bersih yang boleh dikenal pasti milik entiti diperoleh pada tarikh pengambilalihan.

Kos urus niaga, selain daripada yang berkaitan dengan isu hutang atau sekuriti ekuiti, yang ditanggung oleh Kumpulan berhubung dengan gabungan perniagaan diimbangi sebagai tertanggung.

(iii) Pengambilalihan kepentingan bukan kawalan

Kumpulan menganggap semua perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam sesebuah subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan sebagai urus niaga ekuiti di antara Kumpulan dan pemegang kepentingan bukan kawalannya. Apa-apa perbezaan antara bahagian aset bersih Kumpulan sebelum dan selepas perubahan, dan apa-apa pertimbangan yang diterima atau dibayar, dilaraskan kepada atau berbanding rizab Kumpulan.

(iv) Kehilangan kawalan

Semasa kehilangan kawalan terhadap sesebuah subsidiari, Kumpulan menyahiktiraf aset dan liabiliti bekas subsidiari tersebut, apa-apa kepentingan bukan kawalan serta komponen ekuiti yang lain berkaitan bekas subsidiari itu. Apa-apa lebihan atau defisit yang timbul daripada kehilangan kawalan diiktiraf dalam untung rugi. Jika Kumpulan mengekalkan apa-apa kepentingan dalam bekas subsidiari itu, maka kepentingan sedemikian diukur pada nilai saksama pada tarikh kehilangan kawalan. Ia kemudiannya diambil kira sebagai penerima pelaburan perakaunan ekuiti atau aset kewangan tersedia untuk jualan, bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

(v) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti, termasuk entiti tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan terhadap dasar kewangan dan operasinya.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah ekuiti ditolak apa-apa kerugian kejejasan. Kos pelaburan merangkumi kos urus niaga. Penyata kewangan disatukan memasukkan bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan serta pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu, selepas pelarasan jika ada, untuk menjajarkan dasar perakaunannya dengan dasar perakaunan Kumpulan, dari tarikh bermulanya pengaruh yang penting sehingga tamatnya tarikh pengaruh penting tersebut.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(v) Syarikat bersekutu (sambungan)

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, amaun bawaan kepentingan itu, termasuk apa-apa pelaburan jangka panjang dikurangkan sehingga sifar, dan pengiktirafan kerugian yang selanjutnya dihentikan kecuali setakat mana Kumpulan mempunyai obligasi atau telah membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan terhenti daripada mempunyai pengaruh penting terhadap sesebuah syarikat bersekutu, apa-apa kepentingan yang dikekalkan dalam bekas syarikat bersekutu pada tarikh hilangnya pengaruh penting diukur pada nilai saksama dan amaun ini dianggap sebagai amaun bawaan permulaan aset kewangan. Perbezaan di antara nilai saksama apa-apa kepentingan dikekalkan berserta perolehan daripada kepentingan dilupuskan dan amaun bawaan pelaburan pada tarikh kaedah ekuiti dihentikan diiktiraf dalam untung rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurangan tetapi tidak mengakibatkan kehilangan pengaruh penting, apa-apa kepentingan yang dikekalkan tidak diukur semula. Apa-apa laba atau kerugian yang timbul daripada pengurangan dalam kepentingan diiktiraf dalam untung rugi. Apa-apa laba atau kerugian yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain turut dikelaskan semula mengikut kadar keuntungan atau kerugian jika laba atau kerugian tersebut perlu dikelaskan semula kepada untung rugi sewaktu pelupusan aset atau liabiliti berkaitan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai. Kos pelaburan adalah termasuk kos urusniaga.

(vi) Pengaturan bersama

Pengaturan bersama adalah pengaturan di mana Kumpulan mempunyai kawalan bersama yang ditetapkan oleh kontrak yang memerlukan persetujuan sebulat suara untuk keputusan berkenaan aktiviti yang mempengaruhi dengan ketara pulangan pengaturan bersama tersebut.

Kumpulan telah menerima pakai MFRS 11, *Pengaturan Bersama* pada tahun kewangan semasa. Hasilnya, pengaturan bersama dikelaskan dan diambil kira seperti berikut:

- Sesuatu pengaturan bersama dikelaskan sebagai “operasi bersama” apabila Kumpulan atau Syarikat mempunyai hak terhadap aset dan obligasi terhadap liabiliti yang berkaitan dengan sesuatu pengaturan. Kumpulan dan Syarikat mengambil kira setiap bahagian aset, liabiliti dan urus niaganya, termasuk bahagian yang dipegang atau tertanggung secara bersama dengan para pelabur lain, berhubung dengan operasi bersama.
- Pengaturan bersama dikelaskan sebagai “usaha sama” apabila Kumpulan hanya mempunyai hak terhadap aset bersih pengaturan itu. Kumpulan mengambil kira kepentingannya dalam usaha sama menggunakan kaedah ekuiti.

Perubahan dalam dasar perakaunan telah dilakukan secara retrospektif dan selaras dengan peruntukan peralihan MFRS 11. Kesan daripada mengguna pakai MFRS 11 didedahkan dalam Nota 42 kepada penyata kewangan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(vii) Kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan pada akhir tahun pelaporan, yang merupakan ekuiti dalam sesebuah subsidiari yang tidak boleh diatributkan secara langsung atau tidak langsung kepada pemegang ekuiti Syarikat, dikemukakan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan dan penyata perubahan ekuiti dalam ekuiti, secara berasingan daripada ekuiti yang boleh diatribut kepada pemilik Syarikat. Kepentingan bukan kawalan dalam keputusan Kumpulan dikemukakan dalam penyata untung rugi disatukan dan pendapatan komprehensif lain sebagai peruntukan untung rugi dan pendapatan komprehensif bagi tahun di antara kepentingan bukan kawalan dan pemilik Syarikat.

Kerugian yang boleh diguna pakai kepada kepentingan bukan kawalan dalam sesebuah subsidiari diperuntukkan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun dengan melakukannya boleh menyebabkan kepentingan bukan kawalan tersebut mempunyai baki defisit.

(viii) Penyingkiran urus niaga semasa penyatuan

Baki dan urus niaga antara kumpulan, serta apa-apa pendapatan dan perbelanjaan belum direalisasi yang timbul daripada urus niaga antara kumpulan, disingkir dalam menyediakan penyata kewangan disatukan.

Laba belum direalisasi yang terbit daripada urus niaga dengan syarikat bersekutu dan usaha sama yang dimasuk kira secara ekuiti disingkirkan berbanding pelaburan sehingga ke tahap kepentingan Kumpulan dalam penerima pelaburan. Kerugian belum direalisasi disingkirkan sepertimana laba belum direalisasi tetapi hanya setakat mana tidak terdapat bukti kejejasan.

(b) Mata Wang Asing

(i) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian entiti Kumpulan masing-masing mengikut kadar pertukaran pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan dalam denominasi mata wang asing pada akhir tempoh pelaporan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian mengikut kadar pertukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam denominasi mata wang asing tidak diterjemahkan semula pada akhir tarikh pelaporan kecuali bagi yang diukur pada nilai saksama diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian mengikut kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan mata wang asing yang terbit daripada penterjemahan semula diiktiraf dalam untung rugi, kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada penterjemahan semula instrumen kewangan tersedia untuk jualan atau instrumen kewangan yang ditetapkan sebagai lindung nilai risiko mata wang, yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

(ii) Operasi dalam denominasi mata wang fungsian selain daripada Ringgit Malaysia (RM)

Aset dan liabiliti operasi dalam denominasi mata wang fungsian selain daripada RM, termasuk pelarasan muhibah dan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan, diterjemahkan kepada RM mengikut kadar pertukaran pada akhir tempoh pelaporan, kecuali bagi pelarasan muhibah dan nilai saksama yang terbit daripada gabungan perniagaan sebelum 1 Januari 2011 (tarikh apabila Kumpulan mula mengguna pakai MFRS) yang dianggap sebagai aset dan liabiliti Syarikat. Pendapatan dan perbelanjaan operasi asing diterjemahkan kepada RM mengikut kadar pertukaran pada tarikh urus niaga.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Mata Wang Asing (sambungan)

(ii) Operasi dalam denominasi mata wang fungsian selain daripada Ringgit Malaysia (RM) (sambungan)

Perbezaan mata wang asing diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam rizab terjemahan mata wang asing ("FCTR") dalam ekuiti. Walau bagaimanapun, sekiranya operasi tersebut adalah subsidiari bukan milik penuh, maka bahagian perbezaan terjemahan mengikut kadar yang relevan diuntukkan kepada kepentingan bukan kawalan. Apabila operasi asing dilupuskan sehingga hilangnya kawalan, pengaruh besar atau kawalan bersama, amaun kumulatif dalam FCTR yang berkaitan dengan operasi asing tersebut dikelaskan semula kepada untung rugi sebagai sebahagian daripada laba atau kerugian daripada pelupusan.

Apabila Kumpulan melupuskan hanya sebahagian daripada kepentingannya dalam sesebuah subsidiari yang mencakupi operasi asing, amaun kumulatif mengikut kadar yang relevan diatributkan semula kepada kepentingan bukan kawalan. Apabila Kumpulan melupuskan hanya sebahagian daripada pelaburannya dalam sesebuah syarikat bersekutu atau usaha sama yang merangkumi operasi asing manakala mengekalkan pengaruh yang besar atau kawalan bersama, amaun kumulatif mengikut kadar yang relevan dikelaskan semula kepada untung rugi.

Dalam penyata kewangan disatukan, apabila tiada rancangan mahupun kemungkinan sejauh yang dapat diramal, untuk menyelesaikan item kewangan belum terima daripada ataupun belum bayar kepada sesebuah operasi asing, laba dan kerugian pertukaran asing yang timbul daripada item kewangan sedemikian dianggap membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing dan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, dan dikemukakan dalam FCTR dalam ekuiti.

(c) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila Kumpulan atau Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf di awalnya, pada nilai saksamanya ditambah, bagi keadaan instrumen kewangan bukan pada nilai saksama menerusi untung rugi, kos urus niaga yang boleh diatributkan secara langsung kepada pengambilalihan atau penerbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf berasingan daripada kontrak utama dan diambil kira sebagai derivatif jika, dan hanya jika, ia tidak berkait rapat dengan ciri dan risiko ekonomi kontrak utama dan kontrak utama tersebut tidak dikategorikan pada nilai saksama menerusi untung rugi. Dalam keadaan di mana derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, kontrak utama dimasuk kira menurut dasar yang boleh diguna pakai terhadap sifat kontrak utama tersebut.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran kemudiannya

Kumpulan dan Syarikat mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

Aset kewangan

(a) Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung rugi

Nilai saksama menerusi kategori untung rugi merangkumi aset kewangan yang dipegang untuk dagangan, termasuk derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang telah ditentukan dan berkesan) atau aset kewangan yang telah ditentukan secara khusus dalam kategori ini sewaktu pengiktirafan awal.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Instrumen kewangan (sambungan)

(a) Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung rugi (sambungan)

Derivatif yang dikaitkan dan perlu diselesaikan dengan penyerahan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang mana nilai saksamanya tidak boleh diukur secara andal, diukur pada kos.

Aset kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian akan kemudiannya diukur mengikut nilai saksama mereka, di mana laba atau kerugian diiktiraf dalam untung rugi.

(b) Pinjaman dan belum terima

Kategori pinjaman dan belum terima merangkumi instrumen hutang yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif.

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan belum terima akan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(c) Aset kewangan tersedia untuk jualan

Kategori tersedia untuk jualan merangkumi pelaburan dalam instrumen ekuiti dan sekuriti hutang yang tidak dipegang untuk dagangan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran disebut harga dalam pasaran aktif dan yang mana nilai saksamanya tidak boleh diukur secara andal, diukur pada kos. Aset kewangan lain yang dikategorikan sebagai tersedia untuk jualan diukur kemudiannya pada nilai saksama mereka dengan laba atau kerugian diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi kerugian kejejasan, laba dan kerugian pertukaran asing yang terbit daripada item kewangan serta laba dan kerugian item lindung nilai yang boleh diatribut kepada risiko lindung nilai bagi lindung nilai saksama yang diiktiraf dalam untung rugi. Sewaktu penyahiktirafan, laba atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula dari ekuiti kepada untung rugi. Faedah yang dikira untuk instrumen hutang menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung rugi.

Semua aset kewangan, kecuali bagi yang diukur pada nilai saksama menerusi untung rugi, adalah tertakluk kepada kajian kejejasan (lihat Nota 2(1)(i)).

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan akan kemudiannya diukur pada kos terlunas selain daripada yang dikategorikan pada nilai saksama menerusi untung rugi.

Nilai saksama menerusi kategori untung rugi mencakupi liabiliti kewangan yang merupakan derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang telah dtentukan dan berkesan) atau liabiliti kewangan yang ditentukan secara khusus dalam kategori ini sewaktu pengiktirafan awal.

Derivatif yang dikaitkan dan perlu diselesaikan dengan penyerahan instrumen ekuiti yang tidak mempunyai sebut harga dalam pasaran aktif untuk instrumen yang seiras dan yang mana nilai saksamanya tidak boleh diukur secara andal, diukur pada kos.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama menerusi untung rugi akan diukur kemudiannya pada nilai saksama dengan laba atau kerugian diiktiraf dalam untung rugi.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Instrumen kewangan (sambungan)

(iii) Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan merupakan kontrak yang memerlukan penerbitnya membuat pembayaran yang telah ditetapkan bagi membayar balik pemegang di atas kerugian yang ditanggungnya kerana penghutang yang telah ditentukan gagal membayar apabila genap masa kena bayar menurut terma instrumen kewangan asal atau yang telah diubah suai.

Nilai saksama yang timbul daripada kontrak jaminan kewangan dikelaskan sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan kepada untung rugi menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh berkontrak atau, apabila tiada tempoh berkontrak tertentu, diiktiraf dalam untung rugi semasa pelepasan jaminan. Bilamana penyelesaian kontrak jaminan kewangan adalah berkemungkinan, suatu anggaran dibuat terhadap obligasi tersebut. Sekiranya amaun bawaan kontrak jaminan kewangan adalah lebih rendah daripada obligasi, maka nilai bawaan dilaraskan kepada amaun obligasi dan dimasuk kira sebagai peruntukan.

(iv) Pembelian atau penjualan aset kewangan mengikut cara biasa

Pembelian atau penjualan mengikut cara biasa merupakan pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak yang mana termanya memerlukan penyerahan aset dalam kerangka masa yang telah ditetapkan secara umum mengikut peraturan atau kelaziman pasaran terbabit.

Pembelian atau penjualan aset kewangan mengikut cara biasa diiktiraf dan dinyahiktiraf, sepertimana yang boleh diguna pakai, menggunakan perakaunan tarikh dagangan. Perakaunan tarikh dagang merujuk kepada:

(a) pengiktirafan sesuatu aset untuk diterima dan liabiliti untuk membayarnya pada tarikh dagangan; dan

(b) penyahiktirafan sesuatu aset yang telah dijual, pengiktirafan apa-apa laba atau kerugian daripada pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk bayaran pada tarikh dagangan.

(v) Penyahiktirafan

Sesuatu aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak berkontrak terhadap aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau sebahagian besar daripada kesemua risiko dan ganjaran aset tersebut. Semasa penyahiktirafan sesuatu aset kewangan, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah bayaran yang diterima (termasuk apa-apa aset baharu yang diperolehi tolak apa-apa liabiliti baharu yang tertanggung) dan apa-apa laba atau kerugian kumulatif yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung rugi.

Sesuatu liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang ditentukan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau tamat tempoh. Sewaktu penyahiktirafan sesuatu liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan yang dilunas atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang dibayar, termasuk apa-apa aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabilti yang tertanggung, diiktiraf dalam untung rugi.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Hartanah, loji dan kelengkapan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Item hartanah, loji dan kelengkapan diukur pada kos/penilaian semula ditolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa kerugian kejejasan terkumpul.

Kos termasuklah perbelanjaan yang boleh diatribut secara langsung kepada pengambilalihan aset dan apa-apa kos lain yang boleh diatribut secara langsung dalam membawa aset tersebut kepada keadan boleh beroperasi mengikut kegunaan yang dimaksudkan untuknya, dan kos merombak serta memindahkan item dan memasangnya semula di tapak di mana ia ditempatkan. Kos bagi aset swabina turut mencakupi kos bahan dan tenaga buruh langsung. Untuk aset yang layak, kos peminjaman dipermodalkan selaras dengan dasar perakaunan berkenaan kos peminjaman. Kos juga boleh mencakupi pindahan daripada ekuiti bagi apa-apa laba atau kerugian daripada lindung nilai aliran tunai yang layak bagi pembelian hartanah, loji dan peralatan menggunakan mata wang asing.

Pembelian perisian yang perlu supaya kelengkapan berkaitan boleh berfungsi dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kelengkapan tersebut.

Apabila bahagian penting sesuatu item hartanah, loji dan kelengkapan mempunyai tempoh hayat berguna yang berbeza, ia dimasuk kira sebagai item berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan kelengkapan.

Laba atau kerugian daripada pelupusan sesuatu item hartanah, loj dan peralatan ditentukan dengan membandingkan penerimaan daripada pelupusan dengan amaun bawaan hartanah, loji dan kelengkapan serta diiktiraf bersih, masing-masing di bawah “pendapatan lain” atau “perbelanjaan lain” dalam untung rugi.

Hartanah, loji dan kelengkapan di bawah model penilaian semula

Kumpulan menilai semula hartanahnya yang mencakupi tanah dan bangunan setiap 3 tahun dan pada selang masa yang lebih pendek apabila nilai saksama bagi aset yang dinilai semula dijangka akan jauh berbeza dari amaun bawaannya.

Lebihan yang timbul daripada penilaian semula dimasukkan dalam akaun rizab penilaian semula. Apa-apa defisit yang timbul diimbangi dengan rizab penilaian semula sehingga setakat peningkatan terdahulu untuk hartanah yang sama. Dalam semua keadaan lain, pengurangan dalam nilai bawaan diiktiraf dalam untung rugi. Apabila aset dinilai semula dijual, amaun yang termasuk dalam rizab lebihan penilaian semula dipindahkan ke perolehan tertahan.

(ii) Kos kemudiannya

Kos menggantikan komponen sesuatu item hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam amaun bawaan item tersebut jika terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa depan yang terdapat pada komponen tersebut akan mengalir kepada Kumpulan atau Syarikat, dan kosnya boleh diukur secara andal. Amaun bawaan komponen yang diganti dinyahiktiraf kepada untung rugi. Kos harian bagi menyelenggara hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam untung rugi sebagai tertanggung.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Hartanah, loji dan kelengkapan (sambungan)

(iii) Susut nilai

Susut nilai adalah berdasarkan kos sesebuah aset ditolak nilai sisanya. Komponen penting sesebuah aset individu ditaksir, dan jika sesebuah komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada baki aset tersebut, maka komponen tersebut disusut nilai secara berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam untung rugi mengikut asas garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna setiap komponen item hartanah, loji dan kelengkapan. Aset yang dipajak disusut nilai sepanjang tempoh pajakan dan hayat bergunanya, bergantung kepada yang mana lebih pendek, melainkan wujud kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperolehi pemilikan menjelang penghujung tempoh pajakan. Tanah pegangan kekal tidak disusut nilai . Hartanah, loji dan kelengkapan yang sedang dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut siap untuk kegunaan yang dimaksudkan untuknya.

Anggaran hayat berguna bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

• Tanah pegangan pajak jangka panjang	sepanjang tempoh pegangan pajak dari 82 hingga 92 tahun
• Bangunan	10 hingga 50 tahun
• Vesel	15 tahun
• Loji dan kelengkapan	4 hingga 25 tahun
• Komputer dan perisian	3 hingga 5 tahun
• Perabot dan lengkapan	5 hingga 10 tahun
• Kenderaan bermotor	3 hingga 10 tahun
• Pengubahsuaian	3 hingga 10 tahun

Kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa dikaji semula pada akhir tempoh pelaporan dan dilaraskan mengikut kesesuaian.

(e) Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki untuk meraih pendapatan sewa atau untuk menaikkan nilai modal atau kedua-duanya, tetapi bukan untuk dijual dalam perjalanan biasa perniagaan, digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Ini termasuklah tanah pegangan kekal dan tanah pegangan pajak yang mana pada amnya merupakan pajakan kewangan yang dipegang untuk kegunaan pada masa depan yang belum ditentukan buat masa ini. Hartanah pelaburan yang menggunakan model kos dimasuk kira sama seperti hartanah, loji dan kelengkapan (lihat Nota 2 (d)).

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Konsesi perkhidmatan

Sebahagian besar daripada aset Kumpulan digunakan dalam rangka kerja Perjanjian Konsesi yang diberikan oleh Kerajaan Negeri ("pemberi konsesi"). Ciri Perjanjian Konsesi secara umumnya mensyaratkan, secara langsung atau tidak langsung, penglibatan pelanggan dalam menentukan perkhidmatan serta ganjarannya, dan pemulangan aset yang perlu dalam pelaksanaan perkhidmatan di penghujung kontrak.

Kumpulan membina atau menaik taraf infrastruktur yang digunakan bagi menyediakan perkhidmatan awam dan mengendali serta menyelenggara infrastruktur tersebut untuk tempoh masa yang telah ditentukan. Kumpulan mengiktiraf dan mengukur hasil menurut dasar perakaunan bagi kontrak pembinaan seperti yang dihuraikan dalam Nota 2(j) dan Nota 2(q)(ii).

Hasil untuk perkhidmatan membina atau menaik taraf diukur pada nilai saksama dan pertimbangannya adalah berkemungkinan hak kepada aset kewangan ("model aset kewangan") dan/atau aset tidak ketara ("model aset tidak ketara") bergantung kepada komitmen ganjaran yang diberi oleh pemberi.

Pilihan terhadap model aset kewangan atau aset tidak ketara bergantung kepada kewujudan jaminan pembayaran yang diberikan oleh pemberi konsesi. Dalam keadan ini, amaun pelaburan yang dijamin oleh pemberi konsesi diiktiraf di bawah model aset kewangan dan baki sisanya diiktiraf di bawah model aset tidak ketara.

Aset kewangan yang terhasil daripada konsesi perkhidmatan direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan di bawah tajuk "Aset kewangan operasi" dan diukur pada kos dilunaskan menggunakan dasar perakaunan seperti yang dihuraikan dalam Nota 2(c).

Aset tidak ketara yang terhasil daripada konsesi perkhidmatan dicatatkan dalam penyata kedudukan kewangan di bawah tajuk "Aset konsesi perkhidmatan" dan dilunaskan sepanjang tempoh konsesi menggunakan kaedah garis lurus ditolak kerugian kejejasan, jika ada.

(g) Muhibah

Muhibah yang timbul daripada gabungan perniagaan diukur pada kos ditolak apa-apa kerugian kejejasan terkumpul.

Muhibah tidak dilunaskan tetapi diuji untuk kejejasan pada setiap tahun dan apabila terdapat tanda bahawa ia mungkin terjejas.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(h) Aset pajakan

(i) Pajakan kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan dan Syarikat menanggung sebahagian besar daripada kesemua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Semasa pengiktirafan awal, aset pajakan diukur pada amaun yang setara dengan nilai saksama serta nilai kini bayaran pajakan minimum, bergantung kepada yang mana lebih rendah. Selepas pengiktirafan awal, aset dimasuk kira menurut dasar perakaunan yang boleh diguna pakai terhadap aset tersebut.

Bayaran pajakan minimum yang dibuat di bawah pajakan kewangan diperuntukkan di antara perbelanjaan kewangan dan pengurangan liabiliti belum lunas. Perbelanjaan kewangan diuntukkan kepada setiap jangka masa sepanjang tempoh pajakan agar menghasilkan kadar faedah berkala yang malar terhadap baki liabiliti yang masih ada. Bayaran pajakan luar jangka dimasuk kira dengan menyemak bayaran pajakan minimum berbanding baki tempoh pajakan apabila pelarasan pajakan disahkan.

Tanah pegangan pajak yang pada amnya ialah pajakan kewangan dikelaskan sebagai hartanah, loji dan kelengkapan, atau sebagai hartanah pelaburan jika dipegang bagi memperolehi pendapatan sewa atau menaikkan nilai modal atau kedua-duanya.

(ii) Pajakan operasi

Pajakan yang mana Kumpulan dan Syarikat tidak menanggung sebahagian besar daripada kesemua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan operasi dan aset yang dipajak tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi diiktiraf dalam untung rugi mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diterima diiktiraf dalam untung rugi sebagai sebahagian penting jumlah perbelanjaan pajakan, sepanjang tempoh pajakan. Sewa luar jangka dicaj kepada untung rugi pada tempoh pelaporan ia tertanggung.

Tanah pegangan pajak yang pada amnya ialah pajakan operasi dikelaskan sebagai bayaran pajakan prabayar.

(i) Inventori

Inventori diukur pada kos yang lebih rendah dan atau nilai boleh direalisasi bersih.

Kos inventori diukur berdasarkan formula kos purata berwajaran, dan merangkumi perbelanjaan yang tertanggung dalam memperolehi inventori, kos pengeluaran atau penukaran serta kos lain yang tertanggung dalam membawanya ke lokasi atau keadaan sedia ada.

Nilai boleh direalisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang diperlukan untuk melakukan jualan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Kerja pembinaan sedang dijalankan

Kerja pembinaan sedang dijalankan mewakili amaun kasar belum dibil yang dijangka dipungut daripada pelanggan untuk kerja kontrak yang telah dilaksanakan sehingga kini. Ia diukur pada kos, ditambah keuntungan yang diiktiraf sehingga kini, tolak pengebilan kemajuan dan kerugian diiktiraf. Kos merangkumi semua perbelanjaan yang berkait secara langsung dengan projek tertentu serta peruntukan overhed tetap dan berubah yang ditanggung oleh aktiviti kontrak Kumpulan berdasarkan keupayaan operasi biasa.

Kerja pembinaan sedang dijalankan dikemukakan sebagai sebahagian daripada perdagangan belum terima yang lain, iaitu sebagai amaun kena bayar daripada pelanggan kontrak dalam penyata kedudukan kewangan untuk semua kontrak di mana kos tertanggung ditambah keuntungan diiktiraf melebihi pengebilan kemajuan. Jika pengebilan kemajuan melebihi kos tertanggung ditambah keuntungan diiktiraf, maka perbezaan tersebut dikemukakan sebagai amaun kena bayar kepada pelanggan kontrak, iaitu sebagai sebahagian daripada perdagangan belum bayar yang lain dalam penyata kedudukan kewangan.

(k) Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki dan deposit dengan bank serta pelaburan berkecairan tinggi di mana risiko perubahan dalam nilai saksama adalah tidak penting, dengan kematangan asal selama tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat dalam pengurusan komitmen jangka pendek mereka. Untuk tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan kesamaan tunai dikemukakan bersih daripada overdraf bank dan deposit sandaran.

(l) Kejejasan

(i) Aset kewangan

Semua aset kewangan (kecuali bagi aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama menerusi untung rugi, pelaburan dalam subsidiari dan pelaburan dalam syarikat bersekutu) ditaksir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat apa-apa bukti objektif kejejasan akibat daripada satu atau lebih kejadian yang memberi impak terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset. Kerugian yang dijangka akibat kejadian pada masa depan, tidak kira bagaimana berkemungkinannya ia, tetap tidak diiktiraf. Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti, kemerosotan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kosnya, merupakan bukti objektif kejejasan. Jika wujud apa-apa bukti objektif sedemikian, maka kerugian kejejasan aset kewangan akan dianggarkan.

Kerugian kejejasan berhubung dengan pinjaman dan belum terima serta pelaburan dipegang sehingga matang diiktiraf dalam untung rugi dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan terdiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset tersebut. Amaun bawaan aset dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun.

Kerugian kejejasan berhubung dengan aset kewangan tersedia untuk jualan diiktiraf dalam untung rugi dan diukur sebagai perbezaan di antara kos pengambilalihan aset (bersih daripada apa-apa pembayaran balik pokok dan pelunasan) serta nilai saksama semasa aset tersebut, ditolak apa-apa kerugian kejejasan yang dahulunya diiktiraf. Bilamana kemerosotan dalam nilai saksama aset kewangan tersedia untuk jualan telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kerugian kumulatif dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula dari ekuiti kepada untung rugi.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Kejejasan (sambungan)

(i) Aset kewangan (sambungan)

Kerugian kejejasan berhubung dengan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dibawa pada kos diiktiraf dalam untung rugi dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset kewangan dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan terdiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa.

Kerugian kejejasan yang diiktiraf dalam untung rugi bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti, yang dikelaskan sebagai tersedia untuk jualan, tidak dibalikkan melalui untung rugi.

Jika dalam tempoh kemudiannya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada kejadian yang berlaku selepas kerugian kejejasan diiktiraf dalam untung rugi, maka kerugian kejejasan dibalikkan, hingga setakat mana amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang seharusnya ada jika kejejasan tersebut tidak diiktiraf pada tarikh kejejasan dibalikkan. Amaun pembalikan diiktiraf dalam untung rugi.

(ii) Aset lain

Amaun bawaan aset lain (kecuali bagi inventori, amaun kena bayar daripada pelanggan kontrak dan aset cukai tertunda) dikaji pada setiap akhir tempoh pelaporan bagi menentukan sama ada terdapat tanda kejejasan. Jika wujud tanda sedemikian, maka amaun boleh dapat balik dianggarkan. Untuk muhibah, amaun boleh dapat balik dianggar pada setiap tempoh pada masa yang sama.

Bagi tujuan menguji kejejasan, aset dikumpulkan bersama kumpulan aset terkecil yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya bebas daripada aliran masuk tunai aset lain atau unit penjana tunai. Bagi tujuan menguji kejejasan muhibah, dan tertakluk kepada ujian takat siling segmen operasi, unit penjana tunai yang mana muhibah telah diperuntukkan diagregatkan supaya tahap di mana ujian kejejasan dijalankan mencerminkan tahap terendah pemantauan muhibah untuk tujuan pelaporan dalaman. Bagi tujuan menguji kejejasan, muhibah yang diperoleh dalam gabungan perniagaan diperuntukkan kepada kumpulan unit penjana tunai yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi penggabungan.

Amaun boleh dapat balik bagi sesebuah aset atau unit penjana tunai ialah nilai gunanya dan nilai saksamanya, bergantung kepada yang mana lebih besar ditolak kos pelupusan. Dalam menaksir nilai guna, anggaran aliran tunai masa depan didiskaun pada nilai kini mereka menggunakan kadar diskaun pracukai yang mencerminkan taksiran pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset atau unit penjana tunai tersebut.

Kerugian kejejasan diiktiraf jika amaun bawaan sesebuah aset atau unit penjana tunai berkaitan melebihi anggaran amaun boleh dapat baliknya.

Kerugian kejejasan diiktiraf dalam untung rugi. Kerugian kejejasan yang diiktiraf berhubung dengan unit penjana tunai diuntukkan, pertamanya untuk mengurangkan amaun bawaan apa-apa muhibah yang diuntukkan kepada unit penjana tunai (kumpulan unit penjana tunai) dan kemudiannya untuk mengurangkan amaun bawaan aset lain dalam unit penjana tunai (kumpulan unit penjana tunai) atas dasar *pro rata*.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Kejejasan (sambungan)

(ii) Aset lain (sambungan)

Kerugian kejejasan berhubung dengan muhibah tidak dibalikkan. Berhubung dengan aset lain, kerugian kejejasan yang diiktiraf pada tempoh terdahulu ditaksir pada setiap akhir tempoh pelaporan untuk apa-apa tanda bahawa kerugian telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian kejejasan dibalikkan jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh dapat balik sejak kerugian kejejasan terakhir diiktiraf. Kerugian kejejasan dibalikkan hanya setakat mana amaun bawaan aset tersebut tidak melebihi amaun bawaan yang sepatutnya ditentukan, bersih daripada susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian kejejasan diiktiraf. Pembalikan kerugian kejejasan dikreditkan kepada untung rugi dalam tahun kewangan pembalikan tersebut diiktiraf.

(m) Instrumen ekuiti

Instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diukur pada kos semasa pengiktirafan awal dan tidak diukur semula kemudiannya.

(i) Perbelanjaan penerbitan

Kos yang boleh diatribut secara langsung kepada penerbitan instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diiktiraf sebagai potongan daripada ekuiti.

(ii) Saham biasa

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti dan dinyatakan pada kos.

(iii) Waran

Waran dikelaskan sebagai ekuiti dan dinyatakan pada kos.

(iv) Pembelian balik, pelupusan dan penerbitan semula modal saham (saham perbendaharaan)

Apabila modal saham yang diiktiraf sebagai ekuiti dibeli balik, maka amaun bagi pertimbangan yang dibayar, termasuk kos yang boleh diatribut secara langsung, bersih daripada apa-apa kesan cukai, diiktiraf sebagai potongan daripada ekuiti. Saham yang dibeli balik yang tidak dibatal kemudiannya dikelaskan sebagai saham perbendaharaan dalam penyata perubahan ekuiti.

Bila mana saham perbendaharaan dijual atau diterbitkan semula kemudiannya, perbezaan di antara pertimbangan jualan bersih daripada kos yang boleh diatribut secara langsung serta amaun bawaan saham perbendaharaan diiktiraf dalam ekuiti.

(n) Instrumen kewangan majmuk

Instrumen kewangan majmuk ialah instrumen kewangan bukan derivatif yang mengandungi kedua-dua komponen liabiliti dan ekuiti.

Instrumen kewangan majmuk yang diterbitkan oleh Kumpulan dan Syarikat merangkumi RCSSI 5 tahun yang boleh ditukar kepada modal saham mengikut pilihan pemegang, apabila bilangan saham yang hendak diterbitkan tidak berubah dengan perubahan dalam nilai saksamanya.

Komponen liabiliti instrumen kewangan majmuk diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama bagi liabiliti yang serupa dan tidak mempunyai opsyen penukaran ekuiti. Komponen ekuiti diiktiraf pada awalnya sebagai perbezaan di antara nilai saksama instrumen kewangan majmuk secara keseluruhan dan nilai saksama komponen liabiliti. Apa-apa kos urus niaga yang boleh diatribut secara langsung diperuntukkan kepada komponen liabiliti dan ekuiti mengikut kadar amaun bawaan mereka pada awalnya.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(n) Instrumen kewangan majmuk (sambungan)

Selepas daripada pengiktirafan awal, komponen liabiliti bagi instrumen kewangan majmuk diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Komponen ekuiti instrumen kewangan majmuk tidak diukur semula selepas pengiktirafan awal.

Faedah dan kerugian serta laba yang berkaitan dengan liabiliti kewangan diiktiraf dalam untung rugi. Semasa penukaran, liabiliti kewangan dikelaskan semula kepada ekuiti; tiada laba atau kerugian diiktiraf semasa penukaran.

(o) Faedah pekerja

(i) Faedah pekerja jangka pendek

Obligasi faedah pekerja jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur mengikut asas tidak terdiskaun dan dibelanjakan apabila perkhidmatan berkaitan diberi.

Liabiliti diiktiraf bagi amaun yang dijangka dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek atau pelan perkongsian untung jika Kumpulan mempunyai obligasi perundangan kini atau konstruktif untuk membayar amaun ini akibat daripada perkhidmatan lampau yang telah diberikan oleh pekerja dan obligasi boleh dianggarkan secara andal.

(ii) Pelan caruman wajib

Kumpulan menyertai skim persaraan kebangsaan sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang negara di mana ia beroperasi. Kumpulan membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, iaitu skim persaraan caruman wajib. Sumbangan kepada skim persaraan caruman wajib diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan yang berkaitan dilaksanakan.

(p) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, akibat kejadian masa lampau, Kumpulan mempunyai obligasi perundangan masa kini atau konstruktif yang boleh dianggar secara andal, dan terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaian obligasi. Peruntukan ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa depan yang dijangka pada kadar pracukai dan mencerminkan penaksiran pasaran semasa bagi nilai masa wang serta risiko yang khusus kepada liabiliti tersebut. Perungkaian diskaun diiktiraf sebagai kos kewangan.

(q) Hasil dan pendapatan lain

(i) Hasil daripada pengaturan konsesi

Hasil bagi perkhidmatan pembinaan yang diperuntukkan di bawah pengaturan konsesi untuk loji pembersihan air diiktiraf berdasarkan peratus penyiapan.

Apabila Kumpulan menginvois pelanggan semasa fasa operasi dalam tempoh konsesi, ia akan mengagihkan amaun yang akan diperuntukkan daripada inbois di antara:

(a) pembayaran balik aset kewangan operasi, yang akan diguna bagi mengurangkan amaun bawaan aset kewangan operasi dalam penyata kedudukan kewangan;

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(q) Hasil dan pendapatan lain (sambungan)

(i) Hasil daripada pengaturan konsesi (sambungan)

(b) pendapatan faedah, yang akan diiktiraf sebagai pendapatan kewangan dalam untung rugi; dan

(c) Hasil daripada penjualan pukal air terawat, dan pengendalian serta penyelenggaran loji dalam untung rugi.

(ii) Kontrak pembinaan

Hasil kontrak merangkumi amaun awal yang dipersetujui dalam kontrak berserta apa-apa variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif, sehingga setakat mana terdapat kemungkinan ia akan memberikan hasil dan boleh diukur secara andal. Sebaik sahaja kesudahan sesuatu kontrak pembinaan dapat dianggar secara andal, hasil kontrak dan kos kontrak diiktiraf dalam untung rugi mengikut tahap penyiapan kontrak. Perbelanjaan kontrak diiktiraf sebagai tertanggung melainkan ia mencipta aset yang berkaitan dengan aktiviti kontrak pada masa depan.

Tahap penyiapan dinilai dengan merujuk kepada kadar kos kontrak yang tertanggung untuk kerja yang telah dilaksanakan hingga tarikh terkininya berkaitan dengan anggaran jumlah kos kontrak.

Apabila kesudahan kontrak pembinaan tidak dapat dianggar secara andal, hasil kontrak diiktiraf hanya setakat mana kos kontrak yang tertanggung berkemungkinan boleh dapat balik. Jangkaan kerugian terhadap kontrak diiktiraf serta-merta dalam untung rugi.

(iii) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf dalam untung rugi pada tarikh hak Kumpulan atau Syarikat untuk menerima pembayaran ditetapkan, yang mana bagi keadaan sekuriti disebut harga ialah tarikh tanpa dividen.

(iv) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf bila mana ia terakru menggunakan kaedah faedah berkesan dalam untung rugi kecuali bagi pendapatan faedah yang timbul daripada pelaburan sementara peminjaman yang diambil khusus bagi tujuan memperolehi aset layak yang dimasuk kira menurut dasar perakaunan terhadap kos peminjaman.

(v) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa dimasuk kira mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Kos agregat insentif yang diberi kepada penerima pajak diiktiraf sebagai pengurangan pendapatan sewa sepanjang tempoh pajakan mengikut asas garis lurus.

(r) Kos peminjaman

Kos peminjaman yang tidak diatribut secara langsung kepada pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak diiktiraf dalam untung rugi menggunakan kaedah faedah berkesan.

Kos peminjaman yang diatribut secara langsung kepada pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak, iaitu aset yang perlu mengambil tempoh masa yang agak lama untuk disiapkan bagi kegunaan atau penjualan yang dimaksudkan, dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset tersebut.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(r) Kos peminjaman (sambungan)

Permodalan kos peminjaman sebagai sebahagian daripada kos aset layak bermula apabila perbelanjaan untuk aset tersebut sedang ditanggung, kos peminjaman sedang ditanggung dan aktiviti yang perlu untuk menyediakan aset bagi kegunaan atau penjualan yang dimaksudkan untuknya sedang dijalankan. Permodalan kos peminjaman tergantung atau terhenti apabila sebahagian besar daripada kesemua aktiviti yang perlu untuk menyediakan aset layak bagi kegunaan atau penjualan yang dimaksudkan untuknya, terganggu atau siap.

Pendapatan pelaburan yang diperolehi daripada pelaburan sementara peminjaman tertentu menunggukan perbelanjaannya terhadap aset layak, dipotong daripada kos peminjaman yang layak untuk dipermodalkan.

(s) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa dan tertunda diiktiraf dalam untung rugi kecuali hingga setakat mana ia berkait dengan gabungan perniagaan atau item yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa merupakan jangkaan cukai perlu bayar atau belum terima daripada pendapatan boleh cukai atau kerugian bagi tahun berkenaan, menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal menjelang akhir tempoh pelaporan, dan apa-apa pelarasan kepada cukai perlu bayar berhubung dengan tahun kewangan terdahulu.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, yang menyediakan perbezaan sementara di antara amaun bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara yang berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan gabungan perniagaan dan tidak menjejaskan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka diguna pakai terhadap perbezaan sementara apabila ia dibalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal menjelang akhir tempoh pelaporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkait dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama terhadap entiti boleh cukai yang sama, atau terhadap entiti cukai berbeza, tetapi mereka bermaksud untuk menyelesaikan liabiliti dan aset cukai semasa atas dasar bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasi secara serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf hingga setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai pada masa hadapan akan tersedia berbanding perbezaan sementara yang boleh digunakan. Aset cukai tertunda dikaji pada setiap akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan hingga setakat mana tiada lagi kemungkinan bahawa faedah cukai berkaitan akan direalisasi.

Elaun pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan yang belum diguna, yang merupakan insentif cukai dan bukan asas cukai sesebuah aset, diiktiraf sebagai aset cukai tertunda hingga setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai pada masa hadapan akan tersedia berbanding insentif cukai yang belum digunakan, boleh digunakan.

(t) Perolehan sesaham biasa

Kumpulan mengemukakan data perolehan asas dan dicairkan sesaham untuk saham biasanya (“EPS”).

EPS asas dikira dengan membahagikan keuntungan atau kerugian yang boleh diatribut kepada para pemegang saham biasa syarikat dan bilangan purata berwajaran saham biasa diterbitkan sepanjang tahun kewangan, dilaras untuk saham sendiri yang dipegang.

EPS dicairkan ditentukan dengan melaras keuntungan atau kerugian yang boleh diatribut kepada pemegang saham biasa dan bilangan purata berwajaran saham biasa yang diterbitkan dan dilaras bagi saham sendiri yang dipegang untuk kesan kesemua saham biasa yang berpotensi dicairkan, yang merangkumi waran serta nota boleh tukar.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(u) Segmen operasi

Segmen operasi merupakan komponen Kumpulan yang terlibat dalam aktiviti perniagaan di mana ia boleh memperoleh hasil dan menanggung perbelanjaan, termasuk hasil dan perbelanjaan yang berkaitan urus niaga dengan mana-mana komponen Kumpulan yang lain. Keputusan operasi sesebuah operasi dikaji secara kerap oleh Lembaga Pengarah Kumpulan, bagi membuat keputusan mengenai peruntukan sumber kepada segmen dan menilai prestasinya, dan yang mana maklumat kewangan yang berasingan boleh didapati.

(v) Liabiliti luar jangka

Apabila tidak ada kemungkinan bahawa aliran keluar faedah ekonomi akan diperlukan, atau amaunnya tidak dapat dianggar secara andal, obligasi tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan dikemukakan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi adalah jauh. Kemungkinan wujudnya obligasi, yang mana kewujudannya hanya boleh disahkan dengan terjadinya atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa pada masa hadapan, turut dikemukakan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi adalah amat jauh.

(w) Pengukuran nilai saksama

Dari 1 Januari 2013, Kumpulan telah menerima pakai MFRS 13, Pengukuran Nilai Saksama yang menetapkan bahawa nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, kecuali bagi bayaran berasaskan saham dan urus niaga pajakan, ditentukan sebagai harga yang akan diterima bagi menjual sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut mengandaikan bahawa urus niaga untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau dengan ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi menggunakan aset menurut penggunaan tertinggi dan terbaiknya atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran yang lain yang akan menggunakan aset mengikut penggunaan tertinggi dan terbaiknya.

Selaras dengan peruntukan peralihan MFRS 13, Kumpulan telah mengguna pakai panduan pengukuran nilai saksama baharu secara prospektif, dan tidak menyediakan apa-apa maklumat perbandingan nilai saksama untuk pendedahan baharu. Terima pakai MFRS 13 tidak menjejaskan dengan ketara pengukuran aset atau liabiliti Kumpulan selain daripda pendedahan tambahan.

3. PENGANUGERAHAN KONSESI

(a) PNSB telah dianugerahkan konsesi berikut oleh Kerajaan Negeri:

(i) di bawah PCCA bertarikh 22 September 1994, untuk mengambil alih, mengendali, menyelenggara, mengurus, memulih dan mempertingkatkan loji pembersihan air sedia ada di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tarikh PCCA sehingga 31 Disember 2020;

(ii) Di bawah CCOA bertarikh 22 Mac 1995, untuk merekabentuk, membina, mengendali, menyelenggara dan mengurus kemudahan pembersihan air baharu, iaitu SSP 2 dari tarikh CCOA sehingga 31 Disember 2020; dan

(iii) Pada 17 Januari 1998, PNSB telah diberikan hak oleh Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan loji pembersihan air dan kemudahan yang berkaitan dengannya di Wangsa Maju. Kerja pembinaan bermula pada Januari 1998 dan telah disiapkan pada bulan Julai 1998. Selepas selesai, PNSB telah mengurus, mengendali dan menyelenggara loji pembersihan air tersebut. Perjanjian Konsesi berkaitan dengan loji pembersihan air ini adalah untuk tempoh 30 tahun berakhir 17 Julai 2028 dan telah diputus serta ditandatangani dengan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2004 (“Perjanjian Konsesi LPA Wangsa”).

3. PENGANUGERAHAN KONSESI (SAMBUNGAN)

(a) PNSB telah dianugerahkan konsesi berikut oleh Kerajaan Negeri: (sambungan)

Pada 31 Disember 2004, PNSB memeterai perjanjian berikut berhubung dengan penswastaan perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya:

(i) Perjanjian Novasi kepada PCCA dan CCOA antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS, di mana SYABAS akan memikul kewajipan Kerajaan Negeri di bawah PCCA dan CCOA tersebut, berhubung dengan perkara berikut, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005:

- pembelian dan pembayaran air terawat kepada PNSB;
- kualiti air terawat; dan
- semua perkara operasi yang berkaitan dengan pembelian, pembayaran dan kualiti air terawat.

(ii) Perjanjian Novasi kepada Perjanjian Konsesi LPA Wangsa Maju di antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS, di mana SYABAS hendaklah memikul kewajipan Kerajaan Negeri di bawah Perjanjian Konsesi LPA Wangsa Maju berhubung dengan perkara berikut berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005:

- pembelian dan pembayaran air terawat kepada PNSB;
- kualiti air terawat; dan
- semua perkara operasi yang berkaitan dengan pembelian, pembayaran dan kualiti air terawat.

(iii) Perjanjian Tambahan (berhubung dengan PCCA bertarikh 22 September 1994) di antara Kerajaan Negeri dan PNSB. Kumpulan bersetuju terhadap pengurangan dua peratus (2%) dalam amaun tertunggak dan terhutang kepada Kumpulan di bawah PCCA setakat 30 Jun 2004. PNSB selanjutnya bersetuju terhadap pengurangan lapan peratus (8%), berkuat kuasa mulai 1 Julai 2004 dalam pengebilan bulanan kepada Kerajaan Negeri di bawah PCCA.

Di samping itu, PNSB hendaklah bertanggungjawab terhadap pengurusan dan operasi Empangan Klang Gates, Tasik Subang dan Sungai Langat.

(iv) Perjanjian Tambahan (berhubung dengan CCOA bertarikh 22 Mac 1995) di antara Kerajaan Negeri dan PNSB. PNSB bersetuju kepada pengurangan dua peratus (2%) dalam amaun tertunggak dan terhutang kepada PNSB di bawah CCOA setakat 30 Jun 2004. PNSB selanjutnya bersetuju kepada pengurangan lapan peratus (8%), berkuat kuasa mulai1 Julai 2004 dalam pengebilan bulanan kepada Kerajaan Negeri di bawah CCOA.

Pada 16 Ogos 2007, PNSB dan SYABAS telah memeterai dua (2) perjanjian:

(i) Perjanjian O&M Loji Pembersihan Air Sungai Lolo (Lanjutan) [“Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan)”] di antara Kerajaan Negeri dan PNSB berhubung dengan pelantikan PNSB sebagai Pengendali untuk mengendali, mengurus, menyelenggara dan mempertingkat muka sauk air mentah dan loji pembersihan yang diperluaskan bertempat di atas sebidang tanah seluas 0.5 ekar yang terletak di Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan dan kerja-kerja berkaitan seperti yang dinyatakan dengan lebih terperinci dalam Lampiran 2 Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan), untuk tempoh konsesi bermula pada 1 Disember 2006 dan tamat pada 31 Disember 2034; dan

3. PENGANUGERAHAN KONSESI (SAMBUNGAN)

(a) PNSB telah dianugerahkan konsesi berikut oleh Kerajaan Negeri: (sambungan)

Pada 16 Ogos 2007, PNSB dan SYABAS telah memeterai dua (2) perjanjian: (sambungan)

(ii) Perjanjian Novasi kepada Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan) di antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS ("Perjanjian Novasi") berhubung dengan penanggungan semua hak, manfaat, liabiliti dan obligasi di bawah Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan) oleh SYABAS (kecuali mengenai perkara yang berkaitan dengan tanah dan penyelenggaraan kualiti air mentah termasuk perkara yang tidak mampu dilaksanakan atau diberikan oleh SYABAS di bawah undang-undang).

Pada 7 Mac 2008, PNSB dan SYABAS telah memeterai dua (2) perjanjian berikut:

(i) Perjanjian O&M Loji Pembersihan Air Sungai Sireh ["Perjanjian O&M LPA Sg Sireh"] di antara Kerajaan Negeri dan PNSB berhubung dengan pelantikan PNSB sebagai Pengendali untuk mengendali, mengurus dan menyelenggara muka sauk air mentah dan loji pembersihan bertempat di atas sebidang tanah seluas 6.72 ekar yang terletak di sebelah terusan berhampiran Sungai Sireh, Tanjung Karang dalam Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan dan kerja-kerja berkaitan menurut Fasal 3(a) (vi) Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004 di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS, untuk tempoh konsesi selama dua puluh tujuh (27) tahun, bermula pada 1 April 2007 dan tamat pada 30 April 2034; dan

(ii) Perjanjian Novasi kepada Perjanjian O&M LPA Sg Sireh di antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS berhubung dengan penanggungan semua hak, manfaat, liabiliti dan obligasi di bawah Perjanjian O&M LPA Sg Sireh oleh SYABAS (melainkan dan kecuali mengenai perkara yang berkaitan dengan tanah dan penyelenggaraan kualiti air mentah termasuk perkara yang tidak mampu atau berkeupayaan dilaksanakan oleh atau diberi kepada SYABAS di bawah undang-undang).

(b) LUWEI telah diperbadankan pada 28 Januari 2005 untuk melaksanakan Projek Bekalan Air di Daerah Lushan bagi tempoh konsesi selama tiga puluh (30) tahun bermula dari 1 Mei 2008. Di bawah konsesi tersebut, LUWEI akan melabur, membiaya, membina, mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara loji pembersihan air 50,000 m^3 sehari beserta dengan saluran paip di Daerah Lushan, Wilayah Henan, China.

Kumpulan telah menyelesaikan pengambilalihan LUWEI pada 19 Ogos 2008.

(c) XINNUO telah diperbadankan pada 7 April 2008 untuk melaksanakan Projek Rawatan Air Sisa Pusat Perindustrian dan Perdagangan Chenluo, Daerah Yangxin (dahulu dikenali sebagai Pusat Perdagangan Daerah Yangxin) untuk tempoh konsesi selama dua puluh lapan (28) tahun bermula dari 8 November 2007. Di bawah konsesi tersebut, XINNUO hendaklah memperoleh, melabur, membiaya, membina, mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara loji pembersihan air sisa 30,000 m^3 sehari di bandar Laodian (dahulu dikenali sebagai Kampung Laodian), Daerah Yangxin, Wilayah Shandong, China. Kumpulan telah menyelesaikan pengambilalihan XINNUO pada 2 Julai 2008.

(d) Hebei Sino telah diperbadankan pada 16 September 2009 untuk melaksanakan Projek Bekalan Air Perindustrian Daerah Yuanshi untuk tempoh konsesi selama tiga puluh (30) tahun bermula dari 31 Disember 2009. Di bawah konsesi tersebut, Hebei Sino melabur, membiaya, membina, mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara kemudahan pembersihan dan pengagihan air untuk mengagihkan air ke kawasan perindustrian Daerah Yuanshi, dan menyediakan perkhidmatan serta mengenakan bayaran kepada para pengguna.

4. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN

Kumpulan	Tanah milik bebas RM'000	Tanah pegangan pajak jangka panjang RM'000	Bangunan RM'000	Bangunan RM'000
	← Berdasarkan penilaian →			
Kos/Penilaian				
Pada 1 Januari 2012, dinyatakan semula	2,800	180,660	42,001	-
Penambahan	-	-	279	10,174
Pengelasan semula	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-
Hapus kira	-	-	-	-
Perbezaan pertukaran	-	-	15	-
Pada 31 Disember 2012, dinyatakan semula/Pada 1 Januari 2013	2,800	180,660	42,295	10,174
Penambahan	-	-	359	-
Pengambilalihan subsidiari	-	-	-	-
Pengelasan semula	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-
Hapus kira	-	-	-	-
Perbezaan pertukaran	-	-	15	-
Pada 31 Disember 2013	**2,800**	**180,660**	**42,669**	**10,174**
Susut nilai terkumpul dan kejejasan terkumpul:				
Pada 1 Januari 2012, dinyatakan semula				
Susut nilai terkumpul	-	-	2,180	-
Kejejasan terkumpul	-	-	-	-
	-	-	2,180	-
Caj bagi tahun	-	1,835	620	508
Pengelasan semula	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-
Hapus kira	-	-	-	-
Kerugian kejejasan	-	-	1,455	-
Perbezaan pertukaran	-	-	19	-
Susut nilai terkumpul	-	1,835	2,819	508
Kejejasan terkumpul	-	-	1,455	-
Pada 31 Disember 2012, dinyatakan semula/Pada 1 Januari 2013	-	1,835	4,274	508
Caj bagi tahun	-	1,954	626	360
Pengambilalihan subsidiari	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-
Pengelasan semula	-	-	-	-
Hapus kira	-	-	-	-
Perbezaan pertukaran	-	-	4	-
Susut nilai terkumpul	-	3,789	3,449	868
Kejejasan terkumpul	-	-	1,455	-
Pada 31 Disember 2013	-	3,789	4,904	868
Amaun bawaan				
Pada 31 Disember 2013	**2,800**	**176,871**	**37,765**	**9,306**
Pada 31 Disember 2012, dinyatakan semula/Pada 1 Januari 2013	**2,800**	**178,825**	**38,021**	**9,666**
Pada 1 Januari 2012, dinyatakan semula	2,800	180,660	39,821	-

Vesel RM'000	Loji dan kelengkapan RM'000	Komputer dan perisian RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Pengubah-suaian RM'000	Pembinaan dalam perlaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
		Berdasarkan kos					
148,563	24,043	30,920	6,266	41,050	38,664	8,461	523,428
-	3,405	1,672	197	6,028	7,526	571	29,852
-	40	(36)	21	-	(25)	-	-
-	-	(91)	-	(4,812)	-	-	(4,903)
-	(33)	(8,363)	(783)	(302)	(1)	-	(9,482)
(91)	19	4	(4)	(36)	(4)	-	(97)
148,472	27,474	24,106	5,697	41,928	46,160	9,032	538,798
3,336	4,021	2,599	448	5,090	1,346	3,438	20,637
-	-	190	71	216	194	-	671
-	-	1,034	680	-	(1,714)	-	-
-	-	(561)	(111)	(777)	-	-	(1,449)
-	(12)	(115)	(122)	-	-	-	(249)
8,083	125	16	17	67	15	-	8,338
159,891	**31,608**	**27,269**	**6,680**	**46,524**	**46,001**	**12,470**	**566,746**
23,458	10,253	26,339	4,673	13,046	23,335	7,473	110,757
-	-	-	-	-	-	-	-
23,458	10,253	26,339	4,673	13,046	23,335	7,473	110,757
3,669	1,519	2,361	520	4,493	2,975	-	18,500
-	42	(39)	6	-	(9)	-	-
-	-	(75)	-	(2,435)	-	-	(2,510)
-	(16)	(8,250)	(748)	(166)	(1)	-	(9,181)
-	-	-	-	-	-	-	1,455
(108)	81	13	2	(29)	-	-	(22)
27,019	11,879	20,349	4,453	14,909	26,300	7,473	117,544
-	-	-	-	-	-	-	1,455
27,019	11,879	20,349	4,453	14,909	26,300	7,473	118,999
3,803	2,427	2,654	518	4,955	4,713	-	22,010
-	-	-	37	22	100	-	159
-	-	(550)	(92)	(429)	-	-	(1,071)
-	-	20	-	-	(20)	-	-
-	(3)	(100)	(109)	-	-	-	(212)
528	43	13	7	43	4	-	642
31,350	14,346	22,386	4,814	19,500	31,097	7,473	139,072
-	-	-	-	-	-	-	1,455
31,350	14,346	22,386	4,814	19,500	31,097	7,473	140,527
128,541	**17,262**	**4,883**	**1,866**	**27,024**	**14,904**	**4,997**	**426,219**
121,453	**15,595**	**3,757**	**1,244**	**27,019**	**19,860**	**1,559**	**419,799**
125,105	13,790	4,581	1,593	28,004	15,329	988	412,671

4. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

Syarikat	Tanah pegangan pajakan jangka panjang RM'000 Berdasarkan penilaian	Pengubah-suaian RM'000 Berdasarkan kos	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2012/ 31 Disember 2012/1 Januari 2013/ 31 Disember 2013	19,600	892	20,492
Susut nilai terkumpul:			
Pada 1 Januari 2012	-	892	892
Caj susut nilai bagi tahun	208	-	208
Pada 31 Disember 2012/ 1 Januari 2013	**208**	**892**	**1,100**
Caj susut nilai bagi tahun	**208**	**-**	**208**
Pada 31 Disember 2013	**416**	**892**	**1,308**
Amaun bawaan:			
Pada 31 Disember 2013	**19,184**	**-**	**19,184**
Pada 31 Disember 2012	19,392	-	19,392
Pada 1 Januari 2012	19,600	-	19,600

4.1 Aset disandar sebagai cagaran

Hartanah, loji dan kelengkapan subsidiari dengan jumlah amaun bawaan sebanyak RM357,243,000 (2012: RM357,220,000) telah dicaj sebagai cagaran untuk peminjaman Kumpulan seperti yang dikemukakan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

4.2 Aset dipegang di bawah pajakan kewangan

Amaun bawaan kenderaan bermotor Kumpulan yang dipegang di bawah pajakan kewangan pada tarikh pelaporan adalah sebanyak RM21,129,000 (2012: RM21,225,000).

4.3 Penilaian semula tanah milik bebas, tanah pegangan pajakan dan bangunan

Tanah milik bebas, tanah pegangan pajakan dan bangunan telah dinilai semula pada 31 Disember 2011 berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh para penilai bebas bertauliah. Penilaian adalah berdasarkan kaedah perbandingan yang merujuk kepada hartanah serupa yang telah dijual.

4. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

4.3 Penilaian semula tanah milik bebas, tanah pegangan pajakan dan bangunan (sambungan)

Jika tanah milik bebas, tanah pegangan pajakan dan bangunan diukur menggunakan model kos, amaun bawaan akan menjadi seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Tanah milik bebas at 31 Disember:				
- Kos dan amaun bawaan bersih	**2,558**	2,558	**-**	-
Tanah pegangan pajakan pada 31 Disember:				
- Kos	**94,054**	94,054	**8,716**	8,716
- Susut nilai terkumpul	**(7,262)**	(6,263)	**(1,401)**	(1,313)
- Amaun bawaan bersih	**86,792**	87,791	**7,315**	7,403
Bangunan pada 31 Disember:				
- Kos	**33,619**	33,261	**-**	-
- Susut nilai terkumpul	**(3,051)**	(2,645)	**-**	-
- Amaun bawaan bersih	**30,568**	30,616	**-**	-
	119,918	120,965	**7,315**	7,403

5. HARTANAH PELABURAN

Syarikat **Bangunan**	2013 RM'000	2012 RM'000
Pada Kos		
Pada 1 Januari/31 Disember	**11,072**	11,072
Susut nilai terkumpul		
Pada 1 Januari	**2,518**	2,158
Caj susut nilai bagi tahun	**195**	360
Pada 31 Disember	**2,713**	2,518
Amaun bawaan		
Pada 31 Disember	**8,359**	8,554
Nilai saksama		
Pada 31 Disember	**11,446**	10,520

5. HARTANAH PELABURAN (SAMBUNGAN)

5.1 Nilai saksama hartanah pelaburan

Pada tahun kewangan sebelumnya, nilai saksama telah diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran harga urus niaga untuk hartanah yang serupa dan telah dilaksanakan oleh penilai bebas berdaftar yang mempunyi kelayakan profesional yang diiktiraf sewajarnya serta pengalaman agak baru dalam kategori dan lokasi hartanah yang dinilai.

Nilai saksama hartanah pelaburan pada tahun ini telah ditentu berdasarkan perbandingan dengan hartanah yang serupa di lokasi yang sama. Nilai saksama hartanah pelaburan dikategorikan pada Tahap 3 dalam hierarki nilai saksama dan dianggar menggunakan input tidak tercerap untuk hartanah pelaburan.

6. ASET KEWANGAN OPERASI

Kumpulan	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula
Semasa	**98,088**	92,972
Bukan semasa	**743,771**	813,812
Amaun bawaan bersih	**841,859**	906,784

Aset kewangan operasi diiktiraf memandangkan Kumpulan mempunyai hak berkontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada pemberi konsesi (Kerajaan Negeri) menerusi SYABAS. SYABAS hendaklah membeli air terawat pada kapasiti yang telah ditetapkan dan Kumpulan akan menerima bayaran kapasiti tetap daripada SYABAS.

Aset kewangan operasi merangkumi hasil yang terbit daripada pembinaan struktur, loji pembersihan air dan kelengkapan, takungan, empangan dan paip pengagihan untuk pelbagai perjanjian konsesi seperti yang dikemukakan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan. Ia telah dicaj sebagai cagaran untuk peminjaman seperti yang dikemukakan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

Nilai saksama perkhidmatan pembinaan dianggar menggunakan kadar harga tokokan 5%.

7. ASET KONSESI PERKHIDMATAN

Kumpulan Kos	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula
Pada 1 Januari	**98,465**	94,433
Penambahan	**16,957**	5,142
Hapus kira	**(1,248)**	-
Perbezaan pertukaran	**3,025**	(1,110)
Pada 31 Disember	**117,199**	98,465
Pelunasan dan kejejasan terkumpul		
Pada 1 Januari	**30,585**	28,525
Caj pelunasan bagi tahun	**2,736**	2,115
Perbezaan pertukaran	**(684)**	(55)
Pada 31 Disember	**32,637**	30,585
Amaun bawaan	**84,562**	67,880

Aset konsesi perkhidmatan menggambarkan hak Kumpulan untuk membekalkan air bersih seperti yang diperincikan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan. Infrastruktur konsesi telah dicaj sebagai cagaran utuk peminjaman seperti yang dikemukakan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

8. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

	2013 RM'000	2012 RM'000
Syarikat		
Saham tidak disebut harga		
Pada 1 Januari, seperti yang dinyatakan sebelumnya	**422,381**	463,118
Tolak: Kesan mengguna pakai MFRS 10 dan 11	**-**	(40,924)
Pada 1 Januari, dinyatakan semula	**422,381**	422,194
Pengambilalihan subsidiari	**1,700**	-
Langganan saham tambahan dalam PNIPPL	**-**	187
Langganan saham keutamaan boleh tebus dalam POG	**40,000**	-
Pada 31 Disember	**464,081**	422,381

8. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butiran subsidiari adalah seperti berikut:

Nama	Aktiviti utama	Kepentingan pemilikan dan kepentingan pengundian berkesan 2013 %	2012 %
Diperbadankan di Malaysia			
PNSB	Mengendali, menyelenggara, mengurus, membina, membaiki dan memperbaharui kemudahan pembersihan air	**100**	100
Puncak Niaga (India) Sdn Bhd *	Tidak aktif	**100**	100
Puncak Research Centre Sdn Bhd *	Penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan teknologi bagi sektor air, air sisa dan alam sekitar	**100**	100
Puncak Seri (M) Sdn Bhd *	Aktiviti berkaitan makanan dan minuman	**100**	100
NS Water System Sdn Bhd *	Tidak aktif	**100**	100
POG	Pegangan pelaburan dan peruntukan bagi kerja-kerja kejuruteraan luar pesisir serta dalam pesisir	**100**	100
Murni Estate Sdn Bhd *	Tidak aktif	**100**	-
PNCSB *	Kerja pembinaan, kontrak am dan aktiviti berkaitan	**100**	-
Diperbadankan di Singapura			
SINO **	Pelaburan dalam projek air dan air sisa di PRC	**98.65**	98.65
PNOC **	Pelaburan dalam projek air, air sisa, sisa pepejal, alam sekitar serta minyak dan gas di negara Asia	**100**	100
Diperbadankan di India			
PNIPPL *	Menjalan aktiviti infrastruktur, pembinaan dan projek lain di India	**100**	100
Diperbadankan di Malaysia **Subsidiari PNSB**			
Ideal Water Resources Sdn Bhd *	Operasi dihentikan	**100**	100
Unggul Raya (M) Sdn Bhd *	Operasi dihentikan	**100**	100

8. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butiran subsidiari adalah seperti berikut: (sambungan)

Nama	Aktiviti utama	Kepentingan pemilikan dan kepentingan pengundian berkesan 2013 %	2012 %
Diperbadankan di PRC			
Subsidiari SINO			
LUWEI **	Pembersihan dan pengagihan air serta perkhidmatan berkaitan	**90.70**	90.70
XINNUO **	Pembersihan air sisa dan perkhidmatan berkaitan	**98.65**	98.65
Sino Water (Shanghai) **	Khidmat rundingan untuk projek air dan air sisa	**98.65**	98.65
Luancheng *	Pembersihan dan pengagihan air serta perkhidmatan berkaitan	**82.86**	82.86
Hebei Sino **	Pengedaran air ke kawasan perindustrian	**78.92**	78.92
Subsidiari POG			
GOM Resources Sdn Bhd	Menyediakan perkhidmatan kakitangan luar pesisir dan penyewaan jentera serta vesel	**100**	100
KGL	Pajakan vesel luar pesisir mengikut asas kapal kosong	**100**	100
GOL *	Tidak aktif	**100**	-

* Diaudit oleh firma selain daripada KPMG
** Diaudit oleh anggota firma KPMG International

Pelupusan saham dalam subsidiari, Luancheng

Luancheng terhenti menjadi subsidiari SINO pada 20 Februari 2014 seperti yang dikemukakan dalam Nota 41(3) kepada penyata kewangan.

8. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Sekatan ketara

Selain daripada yang dikemukakan pada bahagian lain dalam penyata kewangan, amaun bawaan aset yang mana sekatan yang ketara diguna pakai adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2013	**2012**
	RM'000	**RM'000**
Aset konsesi perkhidmatan	**84,562**	67,880
Aset kewangan operasi	**841,859**	906,784
	926,421	974,664

Sekatan di atas timbul daripada keadaan berikut:

Sekatan dikenakan oleh Perjanjian Konsesi dimeterai dengan Kerajaan Persekutuan

Kesemua kemudahan pembersihan air PNSB yang dikelaskan sebagai aset konsesi perkhidmatan dan aset kewangan operasi akan dipindahkan kepada Kerajaan Negeri pada akhir tempoh konsesi masing-masing.

Kumpulan tidak boleh mengenakan caj, melakukan pemindahan atau menjual aset tanpa kelulusan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Syarikat	
	2013	**2012**	**2013**	**2012**
	RM'000	**RM'000**	**RM'000**	**RM'000**
Saham tidak disebut harga, pada kos	**42**	42	**42**	42
Pendahuluan	**8**	6	**8**	6
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	**(5)**	(3)	**-**	-
	45	45	**50**	48

		Kepentingan pemilikan dan kepentingan pengundian berkesan	
Nama	**Aktiviti utama**	**2013**	**2012**
Diperbadankan di Malaysia		**%**	**%**
Oasis Water Resources Sdn Bhd	Tidak aktif	**40**	40
Purnama Persada Sdn Bhd	Tidak aktif	**50**	50

10. PELABURAN DALAM USAHA SAMA

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000 Dinyatakan semula	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000 Dinyatakan semula
Saham tidak disebut harga, pada kos		**40,924**	40,924	**40,924**	40,924
Pelaburan dalam RCULS - komponen ekuiti	10.1	**109,865**	109,865	**109,865**	109,865
Pendahuluan kepada usaha sama		**7,614**	7,649	**5,159**	5,193
		158,403	158,438	**155,948**	155,982
Tolak: Kerugian kejejasan		**(4,430)**	(4,464)	**(5,159)**	(5,193)
Bahagian rizab selepas pengambilalihan		**(153,115)**	(152,870)	-	-
Pada 31 Disember		**858**	1,104	**150,789**	150,789

10.1 Pelaburan dalam RCULS

Pada 23 Februari 2006, SYABAS memeterai Perjanjian Langganan dengan Syarikat dan KDEB berhubung dengan penerbitan RCULS bernilai nominal sehingga RM1,045 juta oleh SYABAS. RCULS ini diterbitkan secara berperingkat kepada Syarikat dan KDEB sepanjang tempoh empat (4) tahun berikutnya dari tahun 2006 hingga 2009 untuk membiayai operasi dan perbelanjaan modal yang diperlukan oleh SYABAS di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS. Komitmen yang dibuat oleh Syarikat dan KDEB untuk melanggan RCULS tersebut, masing-masing adalah sehingga RM731.5 juta (70%) dan RM313.5 juta (30%) dan bahagian komitmen KDEB itu kemudiannya diubah menurut Surat Ikatan Pengesahan dan Penerimaan bertarikh 22 Januari 2009 yang diserah oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dengan memberikan Syarikat dan KDEB masing-masing 15% di antara KDEB dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad.

Pada 9 Mac 2006, SYABAS telah menerbitkan RCULS RM135.0 juta kepada Syarikat. Opsyen panggilan diberi kepada KDEB oleh Syarikat untuk membeli RM40.5 juta RCULS berkenaan daripada Syarikat pada Premium Opsyen RM0.1035 bagi setiap RCULS bernilai RM1.00 dan perlu dibayar pada 22 Februari 2007. Faedah pada kadar 7% setahun terhadap nilai nominal RCULS dikenakan kepada KDEB dan perlu dibayar kepada Syarikat pada tarikh pembelian RCULS oleh KDEB atau pada 22 Februari 2007, bergantung kepada yang mana lebih awal. Opsyen ini telah luput.

Pada 22 Mei 2007, SYABAS menerbitkan RCULS selanjutnya bernilai RM77 juta kepada Syarikat.

RCULS akan ditebus sepenuhnya oleh SYABAS pada ulang tahun ke-21 dari tarikh terbitan pertama pada nilai nominal.

Setiap pemegang RCULS berhak melaksanakan hak penukarannya untuk menukar RCULS kepada saham baharu dalam SYABAS pada Harga Penukaran RM1 yang perlu dibayar untuk setiap saham baharu yang akan diterbitkan menurut penukaran RCULS atau pada harga lain sebagaimana yang dipersetujui antara SYABAS dan pemegang RCULS berkaitan sebelum Tarikh Penukaran.

Sehingga RCULS ditebus atau ditukar kepada saham SYABAS, SYABAS hendaklah membayar kepada pemegang RCULS, kupon pada nilai nominal RCULS diterbitkan pada kadar tetap 7% setahun.

10. PELABURAN DALAM USAHA SAMA (SAMBUNGAN)

10.1 Pelaburan dalam RCULS (sambungan)

Penerimaan pembayaran untuk langganan RCULS telah dibahagi antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti, yang mewakili nilai saksama opsyen penukaran. RCULS dimasuk kira dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat seperti berikut:

	Nota	2013 RM'000	2012 RM'000
Komponen hutang	13	**102,135**	102,135
Komponen ekuiti		**109,865**	109,865
Jumlah nilai nominal		**212,000**	212,000

10.2 Ringkasan maklumat kewangan usaha sama

SYABAS, satu-satunya usaha sama penting yang disertai oleh Kumpulan, terlibat terutamanya dalam pembekalan dan pengagihan air bersih di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta perkhidmatan berkaitan yang lain menurut Perjanjian Konsesi yang dimeterai dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. SYABAS merupakan pelanggan utama Kumpulan yang membeli air bersih terawat.

Kumpulan memiliki 70% hak mengundi dalam SYABAS dan baki 30% hak mengundi dipegang oleh KDEB serta Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("KPS"). Menurut Perjanjian Pemegang Saham bertarikh 31 Disember 2004 di antara Syarikat dan KDEB serta SYABAS dan Perjanjian Tambahan Pemegang Saham bertarikh 20 Februari 2009 di antara Syarikat dan KDEB serta SYABAS, biarpun memiliki majoriti hak mengundi pada Mesyuarat Lembaga Pengarah SYABAS, Kumpulan tidak mempunyai keupayaan praktikal untuk mengeluarkan arahan secara unilateral dengan aktiviti SYABAS, di mana keputusan mengenai rancangan perniagaan tahunan dan belanjawan memerlukan sebagai tambahan, satu undian menyokong, oleh sekurang-kurangnya 1 pengarah Syarikat dan 1 pengarah KDEB. Lembaga menilai bahawa Kumpulan tidak mempunyai kawalan terhadap SYABAS tetapi mempunyai kawalan bersama dalam SYABAS sejak pengambilalihannya pada 2005. Justeru itu, SYABAS telah dikelaskan sebagai usaha sama Kumpulan menurut MFRS 11.

Jadual di bawah meringkaskan maklumat kewangan Kumpulan SYABAS, seperti yang dilaraskan untuk apa-apa perbezaan dalam dasar perakaunan. Jadual ini turut menyesuaikan ringkasan maklumat kewangan dengan amaun bawaan kepentingan Kumpulan dalam SYABAS, yang dimasuk kira menggunakan kaedah ekuiti.

10. PELABURAN DALAM USAHA SAMA (SAMBUNGAN)

10.2 Ringkasan maklumat kewangan usaha sama (sambungan)

Ringkasan penyata kedudukan kewangan:

	2013 RM'000	2012 RM'000
Pada 31 Disember		
Aset konsesi perkhidmatan	**7,751,947**	7,714,818
Perdagangan belum terima dan lain-lain	**3,095,785**	2,151,214
Aset bukan semasa lain	**748,360**	714,678
Aset bukan semasa	**11,596,092**	10,580,710
Tunai dan kesamaan tunai	**1,024,640**	934,502
Aset semasa lain	**277,966**	264,956
Aset semasa	**1,302,606**	1,199,458
Jumlah aset	**12,898,698**	11,780,168
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	**(1,619,473)**	(1,489,722)
Pinjaman dan peminjaman	**(512,685)**	(309,555)
Obligasi konsesi perkhidmatan	**(521,962)**	(492,945)
Liabiliti semasa	**(2,654,120)**	(2,292,222)
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	**(4,200,076)**	(3,028,044)
Pinjaman dan peminjaman	**(3,570,925)**	(3,651,409)
Obligasi konsesi perkhidmatan	**(4,119,939)**	(4,420,540)
Liabiliti bukan semasa lain	**(395,506)**	(330,616)
Liabiliti bukan semasa	**(12,286,446)**	(11,430,609)
Jumlah liabiliti	**(14,940,566)**	(13,722,831)
Liabiliti bersih	**(2,041,868)**	(1,942,663)

Ringkasan penyata untung rugi dan perbelanjaan komprehensif lain

Tahun berakhir 31 Disember		
Kerugian bagi tahun	**(98,012)**	(7,059)
Perbelanjaan komprehensif lain	**(1,193)**	(1,258)
Jumlah perbelanjaan komprehensif	**(99,205)**	(8,317)
Termasuk dalam jumlah perbelanjaan komprehensif ialah:		
Hasil	**2,967,348**	2,740,840
Perbelanjaan susut nilai dan pelunasan	**(247,096)**	(213,526)
Pendapatan faedah	**35,232**	32,618
Kos kewangan	**(762,449)**	(632,705)
Pencukaian	**(7,052)**	8,298

10. PELABURAN DALAM USAHA SAMA (SAMBUNGAN)

10.2 Ringkasan maklumat kewangan usaha sama (sambungan)

Bahagian kerugian usaha sama yang tidak diiktiraf bagi tahun kewangan telah mencecah RM13,819,000 (2012: RM5,822,000) dan secara kumulatifnya berjumlah RM1,062,799,000 (2012: RM1,007,174,000). Kumpulan berhenti mengiktiraf bahagian kerugiannya dalam usaha sama kerana bahagian kerugian telah melebihi kos pelaburan dan pendahuluan, yang mana pada amnya, membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam usaha sama.

11. AKAUN RIZAB SERVIS HUTANG ("DSRA")

Di bawah terma perjanjian untuk menerbit Kemudahan Penerbitan BAIDS 10 Tahun bernilai RM1,020,000,000 oleh syarikat subsidiarinya, PNSB, deposit yang bersamaan dengan dua belas (12) bulan obligasi bayaran yang diunjur di bawah BAIDS belum lunas pada bila-bila masa perlu ditempatkan dalam DSRA. DSRA ini dikekalkan dengan institusi kewangan berlesen. PNSB tidak berhak mengeluarkan apa-apa wang daripada DSRA tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pemegang Amanah Sekuriti kecuali dengan syarat BAIDS tesebut telah ditebus sepenuhnya.

Pada 31 Disember 2012, deposit yang dipegang dalam DSRA dikekalkan untuk jangka panjang sehingga penebusan penuh dan tamatnya tempoh BAIDS pada 27 Oktober 2016 dan menghasilkan pendapatan faedah pada kadar faedah pasaran.

Semasa semakan terma selepas penstrukturan semula BAIDS pada tahun semasa, PNSB tidak perlu mengekalkan DSRA. Oleh itu, amaun tersebut telah dikeluarkan dan dipindahkan ke akaun operasi yang ditentukan oleh PNSB (Nota 21) pada tahun tersebut.

12. MUHIBAH

Kumpulan	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula
Pada 1 Januari	**25,008**	25,067
Pengambilahan subsidiari	**1,090**	-
Perbezaan pertukaran	**156**	(59)
Pada 31 Disember	**26,254**	25,008

Muhibah diuntukkan kepada CGU dalam segmen berikut:

	Nota	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula
Minyak dan gas	12.1	**21,458**	21,458
Air		**3,706**	3,550
Pembinaan		**1,090**	-
		26,254	25,008

12.1 Minyak dan gas

Muhibah berjumlah RM21,458,000 terbit daripada pengambilalihan GOM Resources yang telah disempurnakan pada 30 Jun 2011.

Amaun boleh dapat balik bagi CGU, yang termasuk dalam segmen minyak dan gas, ditentu berdasarkan pengiraan nilai gunanya menggunakan unjuran aliran tunai mengikut belanjawan kewangan yang diluluskan oleh para Pengarah. Unjuran aliran tunai selama lima (5) tahun telah digunakan.

Berikut adalah huraian berkenaan setiap andaian utama yang digunakan dalam unjuran aliran tunai terhadap ujian kejejasan muhibah:

(i) Penetapan belanjawan bagi margin dan pertumbuhan kasar

Pihak Pengurusan menetapkan belanjawan bagi keputusan dan margin kasar berdasarkan kontrak yang telah diperolehinya dan buku pesanan yang dijangkakan selaras dengan jangkaan terhadap perkembangan pasaran berkaitan.

Penetapan belanjawan hasil diunjurkan tumbuh pada kadar 5% atas dasar tahun ke tahun.

12. MUHIBAH (SAMBUNGAN)

12.1 Minyak dan gas (sambungan)

(ii) Kadar diskaun

Kadar diskaun yang digunakan dalam unjuran aliran tunai ialah 8% (2012: 8%) setahun.

Secara wajarnya tiada kemungkinan perubahan dalam andaian utama yang boleh menyebabkan amaun bawaan muhibah semasa penyatuan melebihi amaun boleh dapat balik.

13. PERDAGANGAN BELUM TERIMA DAN LAIN-LAIN

		Kumpulan		Syarikat	
		2013	2012	2013	2012
	Nota	RM'000	RM'000 Dinyatakan semula	RM'000	RM'000
Semasa perdagangan					
Perdagangan belum terima	13.1	**146,049**	167,753	**-**	-
Usaha sama	13.2	**241,912**	287,183	**-**	-
Amaun kena bayar daripada pelanggan kontrak	13.3	**188,434**	239,282	**-**	-
		576,395	694,218	**-**	-
Tolak: Kerugian kejejasan		**(6,897)**	(3,876)	**-**	-
Belum terima perdagangan, bersih		**569,498**	690,342	**-**	-
Bukan perdagangan					
Amaun kena bayar daripada subsidiari	13.4	**-**	-	**236,346**	203,819
Prabayaran		**8,389**	6,180	**233**	217
Belum terima yang lain		**21,751**	22,185	**11,265**	10,957
Deposit		**5,723**	5,353	**193**	193
		35,863	33,718	**248,037**	215,186
Tolak: Kerugian kejejasan		**(9,131)**	(9,143)	**(15,573)**	(9,131)
		26,732	24,575	**232,464**	206,055
		596,230	714,917	**232,464**	206,055
Bukan semasa perdagangan					
Perdagangan belum terima	13.5	**88,111**	168,769	**-**	-
Usaha sama	13.2	**1,753,339**	1,246,309	**-**	-
		1,841,450	1,415,078	**-**	-
Bukan perdagangan					
Usaha sama - RCULS	10.1	**102,135**	102,135	**102,135**	102,135
Usaha sama - faedah belum terima		**80,584**	66,765	**80,584**	66,765
Bahagian kerugian dalam usaha sama		**(182,719)**	(168,900)	**-**	-
		-	-	**182,719**	168,900
		1,841,450	1,415,078	**182,719**	168,900
Jumlah perdagangan belum terima dan lain-lain		**2,437,680**	2,129,995	**415,183**	374,955

13. PERDAGANGAN BELUM TERIMA DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

13.1 Perdagangan belum terima

Perdagangan belum terima adalah tanpa faedah dan secara umumnya adalah dalam lingkungan tempoh 30 hingga 90 hari (2012: 90 hari). Tempoh kredit lain dinilai dan diluluskan berdasarkan kes demi kes.

Termasuk dalam baki perdagangan belum terima semasa ialah amaun kena bayar daripada Serba Tiara sebanyak RM87,850,000 (2012: RM75,300,000) berhubung dengan pembekalan kuantiti air bersih secara pukal kepada Kerajaan Negeri seperti yang dikemukakan dalam Nota 13.5.

13.2 Amaun kena bayar daripada usaha sama, SYABAS

Perdagangan	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula
Jualan pukal	**1,765,975**	1,383,166
Faedah bayaran lewat	**334,627**	206,301
	2,100,602	1,589,467
Tolak: Kerugian kejejasan	**(105,351)**	(55,975)
	1,995,251	1,533,492
Bukan semasa	**(1,753,339)**	(1,246,309)
Semasa	**241,912**	287,183

Menurut Perjanjian Novasi di antara PNSB, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS berhak membayar operator pembersih air mengikut kadar apabila SYABAS tidak mempunyai dana yang mencukupi. Faedah dikenakan terhadap bayaran lewat bagi amaun yang belum dilunaskan pada BLR + 2% (2012: BLR + 2%). PNSB menganggarkan bahawa amaun kena bayar daripada SYABAS akan diterima sepenuhnya menjelang akhir tahun 2017 bergantung kepada kesudahan litigasi yang memuaskan yang diambil terhadap Kerajaan Negeri oleh SYABAS berhubung dengan tuntutan pampasan tarif. Oleh yang demikian, amaun sebanyak RM1,753,339,000 (2012: RM1,246,309,000) telah dikelaskan sebagai bukan semasa.

Kerugian kejejasan tambahan sebanyak RM49,376,000 (2012: RM24,824,000) telah diiktiraf pada tahun kewangan ini disebabkan oleh perubahan dalam anggaran rangka waktu pungutan dan pertikaian berkenaan caj faedah bayaran lewat oleh PNSB.

13. PERDAGANGAN BELUM TERIMA DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

13.3 Amaun kena bayar daripada/(kepada) pelanggan kontrak

		Kumpulan	
	Nota	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula
Kos kontrak pembinaan yang tertanggung hingga kini		**1,809,674**	1,964,242
Keuntungan boleh diatribut		**132,815**	143,140
		1,942,489	2,107,382
Tolak: Pengebilan kemajuan		**(1,756,992)**	(1,870,407)
		185,497	236,975
Diwakili oleh:			
Amaun kena bayar daripada pelanggan kontrak		**188,434**	239,282
Amaun kena bayar kepada pelanggan kontrak	22	**(2,937)**	(2,307)
		185,497	236,975

13.4 Amaun kena bayar daripada subsidiari

Amaun kena bayar daripada subsidiari adalah tanpa faedah, tidak bercagar dan kena bayar balik apabila diminta.

13.5 Perdagangan belum terima bukan semasa

Perdagangan belum terima bukan semasa adalah berkaitan dengan amaun kena bayar daripada Serba Tiara yang bercagar, tanpa faedah dan dijamin oleh Kerajaan Negeri. Amaun ini timbul daripada amaun kena bayar daripada Kerajaan Negeri berhubung dengan pembekalan kuantiti air bersih secara pukal. Pada 3 Februari 2005, Kerajaan Negeri telah memeterai Perjanjian Novasi dengan Serba Tiara, di mana Serba Tiara menanggung dan mengambil alih obligasi Kerajaan Negeri untuk membayar PNSB sebanyak RM518,566,000 dalam sepuluh (10) ansuran tahunan bermula dari tahun 2006.

Setakat akhir tahun, baki yang masih belum lunas adalah seperti berikut:

	Nota	2013 RM'000	2012 RM'000
Perdagangan belum terima, kasar		**179,716**	255,016
Tolak: Elaun kejejasan		**(46,750)**	(46,750)
Tambah: Pertambahan faedah		**42,995**	35,803
		175,961	244,069
Semasa	13.1	**(87,850)**	(75,300)
Bukan semasa		**88,111**	168,769

Bahagian semasa ini dimasukkan dalam perdagangan belum terima pihak ketiga.

14. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA

Aset/(liabiliti) cukai tertunda yang diiktiraf

Aset dan liabiliti cukai tertunda boleh diatribut kepada yang berikut:

	Pada 1 Januari 2012, dinyatakan semula RM'000	Diiktiraf dalam untung rugi (Nota 27) RM'000	Pada 31 Disember 2012, dinyatakan semula/ 1 Januari 2013 RM'000	Diiktiraf dalam untung rugi (Nota 27) RM'000	Diiktiraf dalam ekuiti RM'000	Pada 31 Disember 2013 RM'000
Kumpulan						
Cukai tertunda aset/(liabiliti)						
Pinjaman dan peminjaman	(38,536)	6,223	**(32,313)**	5,598	(2,299)	**(29,014)**
Faedah belum terima	(13,490)	(3,201)	**(16,691)**	(3,455)	-	**(20,146)**
Aset konsesi perkhidmatan	(1,829)	129	**(1,700)**	67	-	**(1,633)**
Aset kewangan operasi	(203,728)	24,142	**(179,586)**	19,655	-	**(159,931)**
Perdagangan belum terima	5,226	3,539	**8,765**	(467,417)	-	**(458,652)**
Hartanah, loji dan kelengkapan	(16,608)	(30,201)	**(46,809)**	42,450	-	**(4,359)**
Kerugian cukai belum diguna	-	-	-	64,073	-	**64,073**
Elaun pelaburan semula	-	-	-	142,598	-	**142,598**
Lain-lain	7,561	(1,627)	**5,934**	860	-	**6,794**
	(261,404)	(996)	**(262,400)**	(195,571)	(2,299)	**(460,270)**
Syarikat						
Liabiliti cukai tertunda:						
Faedah belum terima	(13,490)	(3,201)	**(16,691)**	(3,455)	-	**(20,146)**
Hartanah, loji dan kelengkapan	(3,027)	(1,822)	**(4,849)**	1,882	-	**(2,967)**
Pinjaman dan peminjaman	-	-	**-**	909	(2,299)	**(1,390)**
Lain-lain	-	(98)	**(98)**	98	-	**-**
	(16,517)	(5,121)	**(21,638)**	(566)	(2,299)	**(24,503)**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula	2013 RM'000	2012 RM'000
Dibentangkan selepas pengimbangan yang bersesuaian seperti berikut:				
Aset cukai tertunda	**14,966**	-	**-**	-
Liabiliti cukai tertunda	**(475,236)**	(262,400)	**(24,503)**	(21,638)
	(460,270)	(262,400)	**(24,503)**	(21,638)

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk elaun modal tidak diserap, kerugian cukai belum guna dan elaun pelaburan semula belum guna yang dibawa ke hadapan setakat mana realisasi faedah cukai yang berkaitan, tersedia menerusi keuntungan boleh cukai masa depan. Para Pengarah berpendapat bahawa Kumpulan akan dapat mengurangkan cukai kena bayar memandangkan keuntungan dan faedah masa depan yang terakru kepada Kumpulan daripada konsesi air sedia ada yang telah diberikan kepada Kumpulan (Nota 3) yang mana aset cukai tertunda ini berkait. Elaun modal tidak diserap, kerugian cukai belum guna dan elaun pelaburan semula belum guna, tersedia untuk tempoh masa yang tidak pasti untuk diseimbangkan berbanding keuntungan boleh cukai masa depan bagi entiti masing-masing dalam Kumpulan.

14. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf untuk item berikut:

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Kerugian cukai dan elaun modal	**3,674**	4,896

15. INVENTORI

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula
Kos		
Bahan kimia pembersih air	**2,732**	2,617
Alat ganti dan kelengkapan	**2,109**	2,669
Bahan api	**477**	504
	5,318	5,790

Pada tahun ini, amaun inventori yang diiktiraf dalam untung rugi Kumpulan ialah sebanyak RM36,696,000 (2012: RM45,063,000) dan dimasukkan dalam garis item berikut:

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula
Bahan mentah, barang guna habis dan penyelenggaraan	**31,392**	36,920
Kontrak pembinaan bagi minyak dan gas	**5,304**	8,143
	36,696	45,063

16. PELABURAN JANGKA PENDEK

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula	2013 RM'000	2012 RM'000
Pada 31 Disember/ Nilai pasaran	**50,029**	50,661	**50,029**	50,661

Pelaburan jangka pendek menggambarkan penempatan dana di institusi kewangan.

17. CUKAI BOLEH DAPAT BALIK

Sebahagian besar daripada cukai boleh dapat balik timbul daripada semakan pengiraan cukai yang diserahkan oleh Syarikat seperti yang dihuraikan dalam Nota 27 dan Nota 35 kepada penyata kewangan.

18. TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula	2013 RM'000	2012 RM'000
Deposit dengan bank berlesen	**546,457**	304,163	**224,038**	159,163
Tunai dan baki di bank	**125,449**	145,076	**1,400**	15,649
Pada 31 Disember	**671,906**	449,239	**225,438**	174,812

Termasuk dalam tunai dan kesamaan tunai Kumpulan ialah amaun sebanyak RM132,994,000 (2012: RM65,374,000) yang disandar dan ditetapkan sebagai cagaran untuk peminjaman seperti yang dikemukakan dalam Nota 21.

19. MODAL DAN RIZAB

19.1 Modal dan rizab

	Kumpulan dan Syarikat			
	Amaun 2013 RM	Bilangan saham 2013	Amaun 2012 RM	Bilangan saham 2012
Dibenarkan:				
Saham biasa bernilai RM1 sesaham	**1,300,000,000**	**1,300,000,000**	1,300,000,000	1,300,000,000
Diterbitkan dan berbayar penuh:				
Pada 1 Januari	**411,142,895**	**411,142,895**	411,142,895	411,142,895
Penerbitan saham di bawah penukaran waran	**117,943**	**117,943**	-	-
Pada 31 Disember	**411,260,838**	**411,260,838**	411,142,895	411,142,895

(a) Saham biasa Saham biasa

Para pemegang saham biasa berhak menerima dividen yang diisytiharkan dari semasa ke semasa dan berhak kepada satu undian bagi setiap saham pada mesyuarat Syarikat. Berhubung dengan saham perbendaharaan Syarikat yang dipegang oleh Syarikat (lihat di bawah), semua hak digantung sehingga saham tersebut diterbitkan semula.

Sepanjang tahun kewangan, modal saham biasa yang diterbitkan dan berbayar Syarikat bertambah dari 411,142,895 saham bernilai RM1.00 sesaham kepada 411,260,838 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham menerusi penerbitan 117,943 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham menurut penukaran waran.

19. MODAL DAN RIZAB (SAMBUNGAN)

19.1 Modal dan rizab (sambungan)

(b) Waran

Pada 23 Julai 2013, Syarikat telah menerbitkan 40,910,609 waran percuma dengan harga laksana RM1.00 setiap satu atas dasar satu (1) waran bagi setiap sepuluh (10) saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat yang dipegang oleh para pemegang saham Syarikat yang berhak. Waran tersebut tersenarai di Pasaran Utama Bursa Securities pada 26 Julai 2013.

Waran ini akan tamat tempoh pada penghujung lima tahun dari tarikh penerbitan.

Waran yang dilaksanakan sepanjang tahun kewangan telah menyebabkan 117,943 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham diterbitkan.

Pada 31 Disember 2013, 40,792,666 waran masih belum dilaksanakan.

19.2 Premium saham

Premium saham merangkumi premium yang dibayar untuk langganan saham dalam Syarikat yang melebihi nilai tara saham.

19.3 Saham perbendaharaan

Saham perbendaharaan berkait dengan saham biasa Syarikat yang dipegang oleh Syarikat. Amaunnya terdiri daripada kos pengambilalihan saham perbendaharaan bersih daripada penerimaan yang diterima semasa penjualan atau penerbitan kemudiannya. Para Pengarah Syarikat komited untuk meningkatkan nilai Syarikat buat para pemegang sahamnya dan percaya bahawa rancangan pembelian balik boleh diguna pakai demi kebaikan Syarikat dan para pemegang sahamnya.

Tidak ada pembelian balik modal saham diterbitkan pada tahun kewangan semasa.

Pada 31 Disember 2013, Syarikat memegang sebanyak 2,036,800 (2012: 2,036,800) saham biasa Syarikat bernilai RM1.00 sesaham sebagai saham perbendaharaan.

19.4 Rizab pertukaran mata wang asing

Rizab terjemahan merangkumi kesemua perbezaan mata wang asing yang timbul daripada terjemahan penyata kewangan operasi asing.

19.5 Rizab penilaian semula

Rizab penilaian semula berkait dengan penilaian semula hartanah, loji dan kelengkapan.

19. MODAL DAN RIZAB (SAMBUNGAN)

19.6 Komponen ekuiti RCSSI

Rizab modal merangkumi bahagian ekuiti RCSSI yang diterbitkan (lihat Nota 21).

19.7 Rizab lain

Rizab lain mewakilit premium yang dibayar semasa pengambilalihan kepentingan bukan kawalan dalam KGL, GOM Resources, LUWEI dan Luancheng.

19.8 Rizab tersedia untuk jualan

Rizab tersedia untuk jualan menggambarkan laba atau kerugian nilai saksama daripada pelaburan jangka pendek.

20. PERUNTUKAN BAGI MANFAAT PERSARAAN

Kumpulan mengendali Skim Faedah Tertentu Persaraan ("Skim") untuk kakitangan PNSB yang layak. Di bawah skim ini, kakitangan yang layak berhak terhadap faedah persaraan antara 0.50 hingga 1.25 bulan dari gaji akhir mereka untuk setiap tahun perkhidmatan dengan PNSB setelah mencapai usia persaraan 55 tahun atau persaraan sukarela pada usia 50 tahun setakat 31 Disember 2013.

Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014, usia persaraan dan usia persaraan sukarela telah diubah, masing-masing kepada 60 dan 55 tahun.

Pergerakan peruntukan faedah persaraan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2013 RM'000	**2012 RM'000 Dinyatakan semula**
Pada 1 Januari	**2,143**	2,728
Tambah: Peruntukan bagi tahun	**251**	151
Tolak: Bayaran yang dibuat pada tahun	**(342)**	(736)
Pada 31 Disember	**2,052**	2,143
Tempoh matang peruntukan:		
Tidak lebih dari 1 tahun	**-**	304
Lebih dari 1 tahun tetapi tidak lebih dari 2 tahun	**-**	312
Lebih dari 2 tahun	**2,052**	1,527
	2,052	2,143

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000 Dinyatakan semula	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Bukan semasa					
Bercagar:					
Pinjaman bantuan Kerajaan	21.1	**24,409**	32,077	**-**	-
BAIDS/MCPs/MMTNs	21.2	**1,016,591**	507,330	**-**	-
Pinjaman bertempoh USD36 juta	21.6	**58,959**	79,508	**-**	-
RSBs	21.4	**462,927**	-	**-**	-
JNA	21.3	**213,091**	-	**-**	-
RCSSI	21.8	**136,714**	-	**136,714**	-
Obligasi di bawah pajakan kewangan	34.2	**7,677**	9,645	**-**	-
		1,920,368	628,560	**136,714**	-
Tidak bercagar:					
RUBs	21.4	**-**	471,406	**-**	-
JNA	21.3	**-**	198,872	**-**	-
Pinjaman Bank Dunia Novasi MOF Lushan	21.5	**10,734**	9,379	**-**	-
Lain-lain		**1,929**	-	**-**	-
		12,663	679,657	**-**	-
		1,933,031	1,308,217	**136,714**	-
Semasa					
Bercagar:					
Pinjaman bantuan Kerajaan	21.1	**7,667**	7,444	**-**	-
BAIDS/MCPs/MMTNs	21.2	**-**	509,661	**-**	-
Pinjaman bertempoh USD36 juta	21.6	**26,204**	24,465	**-**	-
Kredit pusingan	21.7	**80,839**	80,120	**-**	-
Obligasi di bawah pajakan kewangan	34.2	**4,917**	4,549	**-**	-
		119,627	626,239	**-**	-
Tidak bercagar:					
Pinjaman Bank Dunia Novasi MOF Lushan	21.5	**1,093**	1,261	**-**	-
		1,093	1,261	**-**	-
		120,720	627,500	**-**	-

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

21.1 Pinjaman Bantuan Kerajaan

Pinjaman bantuan kerajaan daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 1998 adalah bagi membiayai pembinaan Loji Pembersihan Air Wangsa Maju dan kemudahan berkaitan. Ia bercagar terhadap semua wang dalam kedudukan kredit Akaun Projek Khas.

Pinjaman bantuan kerajaan mengenakan faedah 3% setahun dan perlu dibayar sepanjang 13 tahun bermula 11 April 2004, iaitu selepas Kerajaan Persekutuan menyusun semula pinjaman tersebut.

21.2 BAIDS/MCPs/MMTNs

Pada 12 Oktober 2000, PNSB memeterai beberapa perjanjian dengan United Overseas Bank (Malaysia) Bhd. dan pelbagai pihak untuk mengumpulkan BAIDS 10-Tahun bernilai RM1,020,000,000 dan Kemudahan Penerbitan MCPs/MMTNs bernilai RM350,000,000. Kemudiannya, pada 28 Oktober 2000, PNSB menerbitkan seluruh BAIDS dan MCPs bernilai RM120,000,000, yang mana sebahagian besar penerimaannya digunakan untuk membayar balik sepenuhnya Kemudahan Penaja Jaminan Pusingan sebanyak RM800,000,000 dan Pinjaman Bertempoh berjumlah RM300,000,000.

Pada 2011, BAIDS telah diambilalih oleh ACQUA.

Pada 19 April 2013, PNSB telah melaksanakan perjanjian tambahan yang berkaitan untuk penyusunan semula bon belum lunas yang merangkumi BAIDS, RSBs dan JNA dengan ACQUA.

Selaras dengan penyusunan semula, semakan terma adalah seperti berikut:

(i) Lanjutan tempoh BAIDS

Siri	Nilai nominal RM'juta	Tarikh Penebusan Sedia Ada	Semakan Tarikh Penebusan
Siri 1	180.0	27 Oktober 2015	27 Oktober 2016
Siri 2	180.0	27 Oktober 2016	27 Oktober 2016
Siri 3	180.0	26 April 2013	27 Oktober 2016
Siri 4	180.0	26 April 2013	27 Oktober 2016
Siri 5	150.0	27 Oktober 2013	27 Oktober 2016
Siri 6	150.0	27 Oktober 2014	27 Oktober 2016

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

21.2 BAIDS/MCPs/MMTNs (sambungan)

(ii) Semakan terma BAIDS

Terma	Terma Sedia Ada	Semakan terma
Kupon	5.30% hingga 5.60%	5.30% hingga 5.60%
Kolateral	Caj terhadap DSRA	Penyerahan hak undang-undang terhadap akaun operasi dan akaun penebusan mandatori PNSB (untuk dikongsi melalui pengaturan perkongsian cagaran dengan JNA and RSBs)
Waad kewangan	(i) Nisbah liputan khidmat hutang tahunan (ii) Liputan khidmat hutang ke hadapan (iii) Nisbah liputan faedah (iv) Nisbah hutang kepada ekuiti	Tidak diperlukan

BAIDS memerlukan kolateral berikut:

(i) Debentur terhadap semua aset tetap dan terapung PNSB (tidak termasuk caj terhadap Sistem Bekalan Pengagihan 2 dan Loji Pembersihan Air Wangsa Maju);

(ii) Penyerahan hak PCCA dan CCOA PNSB;

(iii) Penyerahan hak insuran PNSB (tidak termasuk insuran berhubung dengan Sistem Bekalan Pengagihan 2 dan Loji Pembersihan Air Wangsa Maju); serta

(iv) Penyerahan hak undang-undang terhadap akaun operasi dan akaun penebusan mandatori PNSB (untuk dikongsi melalui pengaturan perkongsian cagaran dengan JNA dan RSBs).

21.3 JNA

	2013 RM'000	2012 RM'000
Nilai nominal	**328,125**	328,125
Pelarasan nilai saksama terhadap pengiktirafan awal	**(155,554)**	(155,554)
	172,571	172,571
Pertambahan kos kewangan	**40,520**	26,301
	213,091	198,872

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

21.3 JNA (sambungan)

JNA menanggung kadar kupon 5.68% setahun dan tempoh JNA dibentangkan seperti berikut:

	Nilai nominal RM'000
Tarikh penebusan	
18 November 2016	54,688
20 November 2017	109,375
20 November 2018	109,375
20 November 2019	54,687
	328,125

Selaras dengan penyusunan semula yang dinyatakan dalam Nota 21.2 kepada penyata kewangan, semakan terma JNA adalah seperti berikut:

Terma	Terma sedia ada	Semakan terma
Kolateral	Tidak bercagar	Penyerahan hak undang-undang terhadap akaun operasi dan akaun penebusan mandatori PNSB

21.4 Bon Bercagar Boleh Tebus ("RSBs") (dahulu dikenali sebagai RUBs)

	2013 RM'000	2012 RM'000
Nilai nominal	**435,000**	435,000
Tolak: Hasil hingga matang	**(19,705)**	(19,705)
Penerimaan bersih	**415,295**	415,295
Pertambahan kos kewangan	**47,632**	56,111
	462,927	471,406

Tarikh matang RSBs ialah 10 tahun dari tarikh penerbitan pada tahun 2006. RSBs hendaklah menanggung kadar kupon seperti berikut yang perlu dibayar setiap setengah tahun mengikut tunggakan terhadap amaun yang belum dilunaskan:

Dari tarikh penerbitan hingga tahun 5	: 5.50% setahun
Selepas tahun 5 hingga tahun 10	: 11.00% setahun

Melainkan telah ditebus, dibeli dan dibatalkan sebelumnya, RSBs hendaklah ditebus oleh Syarikat mengikut nilai tara atau mengikut nilai nominal masing-masing pada tarikh matang.

Selaras dengan penyusunan semula yang dinyatakan dalam Nota 21.2 kepada penyata kewangan, semakan terma bagi RSBs adalah seperti berikut:

Terma	Terma sedia ada	Semakan terma
Kolateral	Tidak bercagar	Penyerahan hak undang-undang terhadap akaun operasi dan akaun penebusan mandatori PNSB

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

21.5 Pinjaman Bank Dunia Novasi MOF Lushan

Pinjaman telah diberikan kepada kerajaan PRC oleh Bank Dunia bagi membiayai Projek Bekalan Air di Wilayah Henan, yang kemudiannya telah digantikan (novasi) kepada LUWEI bagi membiayai pembinaan loji pembersihan air dan menaik taraf rangkaian paip sedia ada. Jumlah had pinjaman telah dinaikkan dari USD3,830,000 ke USD4,030,000 pada tahun 2013 dengan tertakluk kepada amaun penggunaan pinjaman sebenar yang diluluskan oleh kerajaan tempatan PRC. Pinjaman ini tidak bercagar dan perlu dibayar balik setiap suku tahun bermula pada 15 Januari 2012 dan berakhir pada 15 Julai 2026.

Faedah pinjaman bagi tahun kewangan ialah 1.28% (2012: 1.28%).

21.6 Pinjaman bertempoh USD36 juta

Pada tahun kewangan sebelumnya, KGL telah memperoleh kemudahan pinjaman bertempoh bersindiket sebanyak USD36 juta daripada dua buah bank tempatan berlesen. Pinjaman ini telah digunakan pada April 2012. Kemudahan ini pada asalnya adalah untuk tempoh 6 bulan dari tarikh penggunaan pinjaman pertama kemudahan tersebut. Pada 14 Mac 2012, dua buah bank tempatan berlesen tersebut telah meluluskan pelanjutan tempoh kemudahan kepada 5 tahun.

Amaun pokok perlu dibayar balik setiap suku tahun mengikut ansuran setara sebanyak USD2 juta manakala faedah perlu dibayar balik setiap suku tahun ialah pada kadar 2.0% melebihi kos dana (“COF”) setahun.

Pinjaman bertempoh di atas dicagar dengan cara berikut:

(i) Gadai janji kapal pertama terhadap kapal barj KGL;

(ii) Penyerahan semua hak kini dan masa hadapan, hak milik dan kepentingan di dalam serta di bawah kontrak penyewaan kapal barj;

(iii) Penyerahan hak semua Akaun Kutipan Tentuan KGL;

(iv) Semua insurans berhubung dengan kapal barj;

(v) Apa-apa tuntutan pampasan yang telah dibayar atau perlu dibayar oleh KGL;

(vi) Debentur terhadap semua aset tetap dan terapung KGL; dan

(vii) Jaminan korporat dari Syarikat.

21.7 Kredit pusingan

Pada tahun kewangan sebelumnya, GOM Resources telah mendapat kemudahan kredit pusingan daripada dua buah bank tempatan berlesen. Kemudahan tersebut dicagar dengan cara berikut:

(i) Penyerahan semua hak kini dan masa hadapan, hak milik, manfaat dan kepentingan di dalam dan di bawah kontrak projek GOM Resources;

(ii) Debentur terhadap aset tetap dan terapung GOM Resources;

(iii) Penyerahan hak akaun kutipan tentuan GOM Resources; dan

(iv) Jaminan korporat oleh Syarikat.

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

21.8 RCSSI

Pada 17 September 2013, Syarikat telah menerbitkan RCSSI 5 tahun sehingga RM165,000,000 dalam nilai nominal berdasarkan pertimbangan RM144,137,400.

Faedah pada kadar 3.95% setahun terhadap nilai nominal RCCSI perlu dibayar oleh Syarikat kepada para pemegang RCSSI. RCSSI ini akan ditebus sepenuhnya oleh Syarikat menjelang 17 September 2018 pada nilai nominal mereka.

Setiap pemegang RCSSI berhak melaksanakan hak penukarannya bagi menukar RCSSI menjadi saham baharu dalam Syarikat pada Harga Penukaran RM2.00 yang perlu dibayar untuk setiap saham baharu yang diterbitkan menurut penukaran RCSSI.

Sehingga RCSSI ditebus atau ditukar menjadi saham Syarikat, Syarikat hendaklah membayar kepada pemegang RCSSI, kupon ke atas nilai nominal RCSSI yang belum dilunaskan pada kadar tetap 3.95% setahun.

RCSSI dianggap sebagai instrumen majmuk, yang terdiri daripada komponen liabiliti dan komponen ekuiti.

Bayaran yang diterima tolak kos urus niaga daripada penerbitan RCSSI telah dibahagikan antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti mengikut cara penilaian saksama komponen liabiliti menggunakan kaedah aliran tunai terdiskaun dan anggapan nilai sisa kepada komponen ekuiti. Kadar diskaun yang diguna pakai bagi menggambarkan nilai aliran tunai komponen liabiliti ialah 8.5%.

RCSSI dimasuk kira dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat seperti berikut:

	2013 RM'000
Komponen liabiliti	
Nilai nominal RCSSI	**165,000**
Diskaun semasa penerbitan	**(20,863)**
Penerimaan daripada RCSSI	**144,137**
Kos urus niaga	**(1,992)**
Komponen ekuiti, bersih daripada pencukaian tertunda	**(6,770)**
Pencukaian tertunda	**(2,299)**
Komponen liabiliti pada tarikh penerbitan	**133,076**
Pertambahan kos kewangan	**3,638**
Komponen liabiliti pada 31 Disember	**136,714**

22. PERDAGANGAN BELUM BAYAR DAN LAIN-LAIN

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000 Dinyatakan semula	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Semasa					
Perdagangan					
Perdagangan belum bayar	22.1	**218,723**	274,919	**-**	-
Amaun kena bayar kepada kontraktor	13.3	**2,937**	2,307	**-**	-
		221,660	277,226	**-**	-
Belum bayar yang lain					
Amaun kena bayar kepada subsidiari	22.2	**-**	-	**203,366**	216,425
Kos kewangan belum bayar		**15,862**	17,887	**-**	-
Akruan		**97,506**	72,336	**4,684**	651
		113,368	90,223	**208,050**	217,076
		335,028	367,449	**208,050**	217,076
Bukan semasa					
Belum bayar yang lain		**5,252**	6,530	**-**	-
		340,280	373,979	**208,050**	217,076

22.1 Perdagangan belum bayar

Amaun ini adalah tanpa faedah. Perdagangan belum bayar biasanya dijelaskan dalam tempoh 30-60 hari (2012: 30-60 hari).

22.2 Amaun kena bayar kepada subsidiari

Amaun ini adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik apabila diminta.

23. HASIL

	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000 Dinyatakan semula	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Hasil konsesi perkhidmatan	**565,791**	561,136	**-**	-
Hasil pembinaan minyak dan gas	**454,936**	778,042	**-**	-
Hasil pembinaan lain	**125,738**	223,588	**-**	-
Lain-lain	**239**	266	**-**	-
	1,146,704	1,563,032	**-**	-

24. PERBELANJAAN FAEDAH PEKERJA

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula
Upah, gaji dan bonus	**122,061**	105,719
Pelan caruman wajib	**15,139**	14,968
Pelan faedah tentuan	**251**	151
Ganjaran	**-**	20,000
Perbelanjaan lain berkaitan kakitangan	**31,392**	30,919
	168,843	171,757

Termasuk dalam perbelanjaan faedah pekerja Kumpulan ialah imbuhan para Pengarah Eksekutif (tidak termasuk manfaat barangan) berjumlah RM15,307,000 (2012: RM34,001,000) seperti yang dikemukakan selanjutnya dalam Nota 29.

25. KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula	2013 RM'000	2012 RM'000
Kos kewangan terhadap peminjaman perbankan Islam				
BAIDS/MCPs/MMTNs	**51,359**	58,182	**-**	-
Pertambahan kos kewangan terhadap BAIDS/MCPs/MMTNs	**783**	612	**-**	-
Kos kewangan terhadap peminjaman konvensional				
- Bantuan Kerajaan	**1,017**	1,243	**-**	-
- JNA	**18,586**	18,689	**-**	-
- RSBs	**35,829**	36,618	**-**	-
- Kredit pusingan USD 46.7 juta	**2,568**	370	**-**	-
- Pinjaman bertempoh USD 31 juta	-	1,039	**-**	-
- Pinjaman bertempoh USD 36 juta	**4,019**	2,700	**-**	-
Perbelanjaan faedah terhadap obligasi di bawah pajakan kewangan	**696**	808	**-**	-
Pertambahan kos kewangan terhadap JNA/RSBs	**17,696**	28,035	**-**	-
Pertambahan faedah terhadap RCSSI	**3,638**	-	**3,638**	-
Caj bank	**1,182**	3,687	**254**	18
Jumlah kos kewangan	**137,373**	151,983	**3,892**	18

26. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

Keuntungan sebelum cukai diperolehi selepas mengenakan caj:

		Kumpulan		Syarikat	
		2013	2012	2013	2012
	Nota	RM'000	RM'000 Dinyatakan semula	RM'000	RM'000
Pelunasan aset konsesi perkhidmatan		**2,736**	2,115	**-**	-
Ganjaran juruaudit	26.1	**1,088**	1,077	**245**	290
Kerugian kejejasan terhadap:					
- hartanah, loji dan kelengkapan		**-**	1,455	**-**	-
Susut nilai hartanah, loji dan kelengkapan		**22,010**	18,500	**208**	208
Susut nilai hartanah pelaburan		**-**	-	**195**	360
Pajakan operasi					
- bayaran pajakan minimum terhadap bangunan		**4,261**	3,243	**158**	129
- bayaran pajakan minimum terhadap kenderaan bermotor dan kelengkapan		**9,200**	15,265	**-**	-
Perbelanjaan sewa terhadap kelengkapan projek dengan pihak ketiga		**72,055**	270,644	**-**	-
Kerugian pertukaran asing belum direalisasi		**-**	2,913	**-**	3,609
Kerugian kejejasan terhadap amaun kena bayar daripada subsidiari		**-**	-	**6,442**	-
Kerugian kejejasan terhadap perdagangan belum terima					
- Semasa		**3,021**	3,876	**-**	-
- Bukan semasa		**49,376**	24,824	**-**	-
Kerugian pertukaran asing direalisasi		**1,714**	1,891	**1**	-
Kos indemniti	26.2	**-**	15,000	**-**	-
dan setelah mengkredit:					
Pertambahan faedah terhadap belum terima jangka panjang		**7,192**	9,977	**-**	-
Pendapatan faedah - RCULS		**13,819**	12,806	**13,819**	12,806
Indemniti cukai diterima daripada pemegang saham subsidiari terdahulu	26.3	**39,000**	-	**-**	-
Pendapatan kewangan daripada aset kewangan operasi		**45,523**	47,478	**-**	-
Keuntungan diperolehi daripada deposit		**11,851**	15,136	**5,541**	5,657
Pendapatan sewa daripada tanah dan bangunan		**378**	385	**60**	60
Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan		**-**	-	**892**	873
Laba pertukaran asing belum direalisasi		**1,245**	-	**8,797**	-
Laba daripada pelupusan pelaburan jangka pendek		**2,067**	-	**2,067**	-
Faedah bayaran lewat daripada belum terima jangka panjang		**128,326**	110,309	**-**	-

26. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (SAMBUNGAN)

26.1 Ganjaran juruaudit

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula	2013 RM'000	2012 RM'000
KPMG				
- Audit berkanun	**339**	-	**56**	-
Anggota KPMG - Audit berkanun	**309**	-	**-**	-
Perkhidmatan bukan audit yang lain	**214**	-	**165**	-
	862	-	**221**	-
Juruaudit lain				
- Audit berkanun	**16**	748	**-**	56
- Perkhidmatan bukan audit yang lain	**210**	329	**24**	234
	226	1,077	**24**	290
	1,088	1,077	**245**	290

26.2 Pada tahun kewangan sebelumnya, PNSB telah membayar sejumlah RM15,000,000 kepada Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Rozali Ismail, yang merupakan indemniti untuk kerugian yang ditanggung oleh beliau sebagai wakil PNSB, dalam pembelaan kes undang-undang yang dikemukakan terhadap beliau bersama dua lagi defendan oleh pihak ketiga yang timbul daripada penamatan perjanjian di antara PNSB dan pihak ketiga bagi pemerolehan projek berkaitan air. Indemniti ini adalah berhubung dengan amaun yang perlu dibayar oleh Tan Sri Rozali Ismail atas perintah Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapaun, setelah mengemukakan rayuan di Mahkamah Rayuan, keputusan Mahkamah Tinggi telah dimansuhkan dengan memihak kepada Tan Sri Rozali Ismail dan kebenaran bagi pihak ketiga mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Persekutuan telah ditolak. Jumlah tuntutan indemniti oleh Tan Sri Rozali Ismail berhubung dengan kes undang-undang ini adalah kira-kira RM36,524,000 yang mana PNSB telah membayar sejumlah RM15,000,000 dengan bakinya sebanyak lebih kurang RM21,524,000 telah diketepikan kemudiannya oleh Tan Sri Rozali Ismail. Buat masa ini prosiding sedang dijalankan untuk mendapatkan balik jumlah yang telah dibayar oleh Tan Sri Rozali Ismail menurut keputusan Mahkamah Tinggi dan setelah diperolehi semula, ia hendaklah terakru sebagai manfaat PNSB.

26.3 Sepanjang tahun ini, POG telah memeterai perjanjian penyelesaian dengan pemegang saham terdahulu sebuah subsidiari bagi menyelesaikan liabiliti cukai yang belum dijelaskan sebelum pengambilalihan subsidiari tersebut oleh POG.

27. PERBELANJAAN CUKAI

Diiktiraf dalam untung rugi

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000 Dinyatakan semula	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Cukai pendapatan semasa					
- Tahun kewangan semasa		**962**	101,298	**942**	1,261
- Cukai pendapatan asing		**104**	103	**51**	76
- (Terlebih)/terkurang peruntukan berhubung dengan tahun sebelumnya	27.1	**(160,074)**	(35,406)	**236**	998
		(159,008)	65,995	**1,229**	2,335
Cukai pendapatan tertunda					
- Pengasalan dan pembalikan perbezaan sementara		**36,079**	(18,921)	**566**	3,181
- Terkurang peruntukan berhubung dengan tahun sebelumnya	27.1	**159,492**	19,917	**-**	1,940
		195,571	996	**566**	5,121
Jumlah perbelanjaan cukai pendapatan		**36,563**	66,991	**1,795**	7,456

27.1 Terlebih dan terkurang peruntukan bagi perbelanjaan cukai semasa dan perbelanjaan cukai tertunda bagi Kumpulan pada tahun sebelumnya banyak berkait dengan semakan pengiraan cukai yang diserahkan kepada LHDN oleh PNSB bagi mengambil kira pelarasan cukai berikut:

i) Untuk menuntut pengurangan di bawah Seksyen 34(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 ("Akta") berhubung dengan amaun terhutang daripada SYABAS bagi bekalan air bersih yang dibekalkan dan tidak dapat dikutip pada akhir tempoh asas, iaitu masing-masing bagi YA2009 hingga YA2011; dan

ii) Untuk memasukkan pendapatan kasar dan tertakluk kepada cukai terhadap hutang lapuk dan hutang ragu yang dituntut sebagai potongan cukai di bawah item (i) yang telah diterima semula daripada SYABAS pada tahun taksiran kemudiannya menurut Seksyen 30(1) Akta, iaitu apabila bayaran diterima daripada SYABAS, ia layak dikenakan cukai.

27. PERBELANJAAN CUKAI (SAMBUNGAN)

Penyesuaian perbelanjaan cukai

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula	2013 RM'000	2012 RM'000
Keuntungan sebelum cukai	**236,364**	325,372	**16,782**	13,691
Pencukaian pada kadar cukai berkanun Malaysia 25%	**59,091**	81,343	**4,196**	3,422
Perbezaan kadar cukai dalam bidang kuasa lain	**(9,076)**	(8,918)	**(24)**	(36)
Kesan pengurangan dalam kadar cukai pendapatan Malaysia	**(15,414)**	-	**-**	-
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	**(10,884)**	-	**(3,455)**	(323)
Perbelanjaan tidak boleh dipotong untuk tujuan cukai	**12,454**	9,389	**842**	1,455
(Terlebih)/terkurang peruntukan cukai semasa pada tahun-tahun sebelumnya	**(160,074)**	(35,406)	**236**	998
Terkurang peruntukan cukai tertunda pada tahun-tahun sebelumnya	**159,492**	19,917	**-**	1,940
Lain-lain	**974**	666	**-**	-
Perbelanjaan cukai pendapatan diiktiraf dalam untung rugi	**36,563**	66,991	**1,795**	7,456

28. PEROLEHAN SESAHAM BIASA

Asas Perolehan sesaham biasa

Pengiraan bahagian perolehan sesaham biasa pada 31 Disember 2013 adalah berdasarkan keuntungan boleh diatribut kepada pemegang saham biasa dan bilangan purata berwajaran saham biasa diterbitkan, dikira seperti berikut:

	Kumpulan	
	2013	2012 Dinyatakan semula
Keuntungan boleh diatribut kepada pemegang saham biasa (RM'000)	**200,551**	259,389
Bilangan purata berwajaran saham biasa ('000)	**409,146**	409,106
Perolehan sesaham biasa (sen)	**49.02**	63.40

28. PEROLEHAN SESAHAM BIASA (SAMBUNGAN)

Perolehan sesaham biasa dicairkan

Pengiraan bahagian perolehan sesaham biasa dicairkan pada 31 Disember 2013 adalah berdasarkan keuntungan boleh diatribut kepada pemegang saham biasa dan bilangan purata berwajaran saham biasa diterbitkan, selepas dilaras bagi kesan kesemua saham biasa yang berpotensi dicairkan, dikira seperti berikut:

	Kumpulan	
	2013	**2012**
	RM'000	**RM'000**
		Dinyatakan semula
Keuntungan boleh diatribut kepada pemegang saham biasa (asas)	**200,551**	259,389
Tambah: Pertambahan perbelanjaan faedah terhadap RCSSI	**3,638**	-
Keuntungan boleh diatribut kepada pemegang saham biasa (dicairkan)	**204,189**	259,389
	'000	**'000**
Bilangan purata berwajaran saham biasa pada 31 Disember (asas)	409,146	409,106
Kesan pencairan:		
- Waran	11,400	-
- RCSSI	20,625	-
Bilangan purata berwajaran saham biasa pada 31 Disember (dicairkan)	441,171	409,106
Perolehan sesaham dicairkan (sen)	46.28	63.40

Purata nilai pasaran bagi saham Syarikat untuk tujuan pengiraan kesan pencairan opsyen saham adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga bagi tempoh opsyen diterbitkan.

29. IMBUHAN PARA PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000 Dinyatakan semula	2013 RM'000	2012 RM'000
Pengarah Eksekutif:				
Upah, gaji dan bonus	**11,219**	10,390	**17**	-
Pelan caruman wajib	**2,356**	2,428	**2**	-
Tambang cuti	**390**	360	**-**	-
Ganjaran	**-**	20,000	**-**	-
Perbelanjaan lain berkaitan kakitangan	**1,342**	823	**-**	-
Jumlah imbuhan para pengarah eksekutif (tidak termasuk manfaat barangan)	**15,307**	34,001	**19**	-
Anggaran nilai wang bagi manfaat barangan	**142**	163	**-**	-
Jumlah imbuhan para pengarah eksekutif (termasuk manfaat barangan)	**15,449**	34,164	**19**	-
Pengarah bukan eksekutif:				
Upah, gaji dan bonus	**47**	-	**47**	-
Pelan caruman wajib	**8**	-	**8**	-
Tambang cuti	**300**	300	**300**	300
Perbelanjaan lain berkaitan kakitangan	**427**	373	**427**	373
Jumlah imbuhan para pengarah bukan eksekutif	**782**	673	**782**	673
Jumlah imbuhan para pengarah	**16,231**	34,837	**801**	673

Pada tahun kewangan sebelumnya, faedah persaraan yang mencecah RM20,000,000 telah dibayar kepada Pengerusi Eksekutif semasa tarikh persaraan berkanun beliau pada 9 Disember 2012.

30. DIVIDEN

Dividen yang diiktiraf oleh Syarikat:

2013	Sen sesaham	Jumlah amaun RM'000	Tarikh bayaran
Biasa 2012 akhir (bersih daripada cukai)	5	20,455	6 Ogos 2013

Selepas akhir tempoh pelaporan, tiada dividen dicadangkan oleh Lembaga Pengarah.

31. SEGMEN OPERASI

Kumpulan mempunyai tiga segmen yang boleh dilaporkan, seperti yang dihuraikan di bawah, yang merupakan unit perniagaan strategik Kumpulan. Unit perniagaan strategik ini menawarkan produk dan perkhidmatan berbeza, dan diuruskan secara berasingan kerana ia memerlukan teknologi serta strategi pemasaran berbeza. Ringkasan berikut menghuraikan operasi dalam setiap segmen yang boleh dilaporkan bagi Kumpulan:

- Pembersihan air — Termasuk mengendali, menyelenggara, mengurus, membina, membaiki dan memperbaharui kemudahan pembersihan air.
- Minyak dan gas — Termasuk peruntukan perkhidmatan luar pesisir, pengurusan logistik dan marin.
- Pembinaan — Termasuk aktiviti pembinaan.

Segmen tidak boleh dilaporkan yang lain, sebahagian besarnya merangkumi pegangan pelaburan.

Prestasi diukur berdasarkan keuntungan segmen sebelum cukai dan faedah, seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang dikaji oleh Lembaga Pengarah. Keuntungan segmen digunakan untuk mengukur prestasi kerana pihak pengurusan percaya bahawa maklumat sedemikian merupakan maklumat paling relevan dalam menilai keputusan segmen tertentu yang berkait dengan entiti lain yang beroperasi dalam lingkungan industri tersebut.

Aset segmen

Jumlah aset segmen diukur berdasarkan semua aset (termasuk muhibah) sesebuah segmen, seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang dikaji oleh Lembaga Pengarah. Jumlah aset segmen digunakan untuk mengukur pulangan terhadap aset setiap segmen.

Liabiliti segmen

Jumlah liabiti segmen diukur berdasarkan semua liabiliti sesebuah segmen seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang dikaji oleh Lembaga Pengarah.

Perbelanjaan modal segmen

Perbelanjaan modal segmen ialah jumlah kos yang tertanggung sepanjang tahun kewangan untuk memperoleh hartanah, loji dan kelengkapan serta aset konsesi perkhidmatan.

31. SEGMEN OPERASI (SAMBUNGAN)

2013	Pembersihan air RM'000	Minyak dan gas RM'000	Pembinaan RM'000	Lain-lain RM'000	Penyingkiran RM'000	Disatukan RM'000
Hasil operasi						
Penjualan kepada pelanggan luar	565,791	454,936	125,737	240	-	1,146,704
Pendapatan faedah	186,869	480	2	19,360	-	206,711
Pendapatan lain	13,706	27,549	-	3,365	(892)	43,728
	766,366	482,965	125,739	22,965	(892)	1,397,143
Perbelanjaan operasi	(268,791)	(433,649)	(139,021)	(19,573)	892	(860,142)
Perbelanjaan sewa kelengkapan projek	-	(72,055)	-	-	-	(72,055)
Kejejasan perdagangan belum terima	(52,397)	-	-	-	-	(52,397)
Bahagian kerugian dalam:						
- Syarikat bersekutu	-	-	-	(2)	-	(2)
- Usaha sama	-	-	-	(14,064)	-	(14,064)
Susut nilai dan pelunasan	(16,592)	(7,615)	-	(539)	-	(24,746)
Keputusan segmen	428,586	(30,354)	(13,282)	(11,213)	-	373,737
Kos kewangan						(137,373)
Keuntungan sebelum cukai						236,364
Aset dan Liabiliti						
Aset segmen	3,824,559	526,850	-	1,429,078	(1,235,757)	4,544,730
Aset tidak diperuntukkan						101,625
Jumlah aset						4,646,355
Liabiliti segmen	1,814,052	491,273	-	502,922	(412,164)	2,396,083
Liabiliti tidak diperuntukkan						475,723
Jumlah liabiliti						2,871,806
Termasuk dalam pengukuran aset segmen ialah:						
Penambahan kepada aset bukan semasa selain daripada instrumen kewangan dan aset cukai tertunda	28,947	8,647	1,090	-	-	38,684

31. SEGMEN OPERASI (SAMBUNGAN)

2012	Pembersihan air RM'000	Minyak dan gas RM'000	Pembinaan RM'000	Lain-lain RM'000	Penyingkiran RM'000	Disatukan RM'000
Hasil operasi						
Penjualan kepada pelanggan luar	561,137	778,042	223,587	266	-	1,563,032
Pendapatan faedah	177,237	6	-	18,463	-	195,706
Pendapatan lain	2,441	3,002	-	2,022	(1,290)	6,175
	740,815	781,050	223,587	20,751	(1,290)	1,764,913
Perbelanjaan operasi	(316,238)	(421,917)	(198,122)	(23,079)	4,712	(954,644)
Perbelanjaan sewa kelengkapan projek	-	(270,644)	-	-	-	(270,644)
Kejejasan perdagangan belum terima	(28,700)	-	-	-	-	(28,700)
Bahagian kerugian dalam:						
- Syarikat bersekutu	-	-	-	(1)	-	(1)
- Usaha sama	-	-	-	(12,954)	-	(12,954)
Susut nilai dan pelunasan	(15,433)	(4,562)	-	(620)	-	(20,615)
Keputusan segmen	380,444	83,927	25,465	(15,903)	3,422	477,355
Kos kewangan						(151,983)
Keuntungan sebelum cukai						325,372
Aset dan Liabiliti						
Aset segmen	3,629,739	548,250	-	1,233,857	(1,164,450)	4,247,396
Aset tidak diperuntukkan						2
Jumlah aset						4,247,398
Liabiliti segmen	1,869,532	500,351	-	319,640	(377,684)	2,311,839
Liabiliti tidak diperuntukkan						352,681
Jumlah liabiliti						2,664,520
Termasuk dalam pengukuran aset segmen ialah:						
Penambahan kepada aset bukan semasa selain daripada instrumen kewangan dan aset cukai tertunda	32,069	17,829	-	-	-	49,898

31. SEGMEN OPERASI (SAMBUNGAN)

Item berikut (dipotong daripada)/ditambah kepada aset segmen bagi mendapatkan jumlah aset dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan:

	Kumpulan	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Pelaburan dalam usaha sama dan syarikat bersekutu	**(332,654)**	(318,588)
Penyingkiran baki antara syarikat antara kumpulan	**(440,270)**	(423,639)
Pelaburan dalam subsidiari	**(464,081)**	(422,381)
Lain-lain	**1,248**	158
	(1,235,757)	(1,164,450)

Item berikut dipotong daripada liabiliti segmen untuk mendapatkan jumlah liabiliti yang dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan:

	Kumpulan	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Baki antara syarikat antara kumpulan	**(453,248)**	(430,788)
Pelaburan dalam RSBs	**41,084**	53,104
	(412,164)	(377,684)

Segmen geografi

Dalam membentangkan maklumat berdasarkan segmen geografi, hasil segmen adalah berdasarkan lokasi geografi pelanggan. Aset segmen adalah berdasarkan lokasi geografi aset. Amaun aset bukan semasa tidak mencakupi instrumen kewangan, (termasuk pelaburan dalam syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama) serta aset cukai tertunda.

Maklumat geografi	Kumpulan	
	Hasil	Aset bukan semasa
2013	RM'000	RM'000
Malaysia	**1,139,678**	428,364
Lain-lain	**7,026**	108,671
	1,146,704	537,035
2012		
Malaysia	**1,555,655**	414,022
Lain-lain	**7,377**	98,665
	1,563,032	512,687

Pelanggan utama

Lebih kurang 87% (2012: 82%) daripada jumlah hasil pada tahun kewangan, sebahagian besarnya telah disumbang oleh tiga (3) (2012: tiga (3)) pelanggan.

32. INSTRUMEN KEWANGAN

32.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah menyediakan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan seperti berikut:

2013 Kumpulan	Amaun bawaan RM'000	Pinjaman dan belum terima/ (Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas) RM'000	Aset kewangan tersedia untuk jualan RM'000
Aset kewangan			
Perdagangan belum terima dan lain-lain	**2,240,857**	**2,240,857**	**-**
Aset kewangan operasi	**841,859**	**841,859**	**-**
Pelaburan jangka pendek	**50,029**	**-**	**50,029**
Tunai dan kesamaan tunai	**671,906**	**671,906**	**-**
	3,804,651	**3,754,622**	**50,029**
Liabiliti kewangan			
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	**(337,343)**	**(337,343)**	**-**
Pinjaman dan peminjaman	**(2,053,751)**	**(2,053,751)**	**-**
	(2,391,094)	**(2,391,094)**	**-**
2012			
Aset kewangan			
Perdagangan belum terima dan lain-lain	1,884,533	1,884,533	-
Aset kewangan operasi	906,784	906,784	-
Pelaburan jangka pendek	50,661	-	50,661
Tunai dan kesamaan tunai	449,239	449,239	-
DSRA	191,091	191,091	-
	3,482,308	3,431,647	50,661
Liabiliti kewangan			
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	(371,672)	(371,672)	-
Pinjaman dan peminjaman	(1,935,717)	(1,935,717)	-
	(2,307,389)	(2,307,389)	-

32. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

32.1 Kategori instrumen kewangan (sambungan)

2013 Syarikat	Amaun bawaan RM'000	Pinjaman dan belum terima/ (Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas) RM'000	Aset kewangan tersedia untuk jualan RM'000
Aset kewangan			
Belum terima yang lain	**414,950**	**414,950**	**-**
Pelaburan jangka pendek	**50,029**	**-**	**50,029**
Tunai dan kesamaan tunai	**225,438**	**225,438**	**-**
	690,417	**640,388**	**50,029**
Liabiliti kewangan			
Belum bayar yang lain	**(208,050)**	**(208,050)**	**-**
Pinjaman dan peminjaman	**(136,714)**	**(136,714)**	**-**
	(344,764)	**(344,764)**	**-**
2012			
Aset kewangan			
Belum terima yang lain	374,738	374,738	-
Pelaburan jangka pendek	50,661	-	50,661
Tunai dan kesamaan tunai	174,812	174,812	-
	600,211	549,550	50,661
Liabiliti kewangan			
Belum bayar yang lain	(217,076)	(217,076)	-

32.2 Laba bersih dan kerugian yang timbul daripada instrumen kewangan

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Laba bersih/(kerugian) daripada:				
Aset kewangan tersedia untuk jualan				
- dinyahiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain	**(632)**	661	**(632)**	661
- dikelaskan semula dari ekuiti kepada untung rugi	**2,067**	-	**2,067**	-
	1,435	661	**1,435**	661
Pinjaman dan belum terima	**154,314**	167,006	**19,360**	18,463
Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas	**(137,373)**	(151,983)	**(3,892)**	(18)
	18,376	15,684	**16,903**	19,106

32. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

32.3 Pengurusan risiko kewangan

Daripada penggunaan instrumen kewangan, Kumpulan mempunyai pendedahan terhadap risiko berikut:

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko pasaran

Lembaga Pengarah kerap mengkaji dan memberi persetujuan mengenai dasar dan prosedur bagi pengurusan risiko ini.

Bahagian selanjutnya memberikan butiran tentang pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kewangan yang dinyatakan di atas serta objektif dan dasar bagi pengurusan risiko tersebut.

32.4 Risiko kredit

Risiko kredit ialah risiko kerugian yang boleh timbul daripada instrumen kewangan belum lunas sekiranya pihak berurusan mengingkari obligasinya. Pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada perdagangan belum terima dan lain-lain.

Kumpulan menguruskan risiko kreditnya dengan mewujudkan kawalan kredit yang bertujuan memastikan bahawa hutang tertunggak adalah pada tahap yang boleh diterima. Bagi aset kewangan, Kumpulan meminimumkan risiko kredit dengan berurus niaga secara eksklusif dengan pihak yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Amaun kena bayar daripada SYABAS dijangka diterima sepenuhnya pada penghujung 2017, bergantung kepada kesudahan litigasi yang memuaskan yang diambil terhadap Kerajaan Negeri oleh SYABAS berhubung dengan tuntutan pampasan tarif.

32. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

32.4 Risiko kredit (sambungan)

Belum terima

Profil tumpuan risiko kredit

Pada tarikh pelaporan, perdagangan belum diterima oleh Kumpulan adalah sebahagian besarnya daripada tiga (3) (2012: tiga (3)) pelanggan.

Kerugian kejejasan

Kumpulan	Kasar RM'000	Kejejasan individu RM'000	Bersih RM'000
2013			
Tidak lampau tempoh	218,021	-	218,021
0-30 hari lampau tempoh	56,637	-	56,637
31-154 hari lampau tempoh	232,290	-	232,290
Lebih 154 hari lampau tempoh	1,651,853	(112,248)	1,539,605
	2,158,801	(112,248)	2,046,553
2012			
Tidak lampau tempoh	256,082	-	256,082
0-30 hari lampau tempoh	57,727	-	57,727
31-154 hari lampau tempoh	228,022	-	228,022
Lebih 154 hari lampau tempoh	1,140,089	(59,851)	1,080,238
	1,681,920	(59,851)	1,622,069

Kumpulan	2013 RM'000	2012 RM'000
Pada 1 Januari	**59,851**	31,151
Kerugian kejejasan diiktiraf		
- Pihak ketiga	**3,021**	3,876
- Amaun kena bayar daripada SYABAS	**49,376**	24,824
Pada 31 Disember	**112,248**	59,851

Pada 31 Disember 2013, kerugian kejejasan yang timbul daripada amaun kena bayar daripada SYABAS, sebahagian besarnya berpunca daripada perubahan anggaran masa penerimaan serta percanggahan tentang faedah lewat bayaran oleh SYABAS.

Tiada analisis penuaan dibentangkan untuk amaun kena bayar daripada Serba Tiara memandangkan amaunnya perlu dibayar dalam sepuluh ansuran tahunan seperti yang didedahkan dalam Nota 13.5.

32. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

32.4 Risiko kredit (sambungan)

Pelaburan

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses dalam menguruskan risiko

Pelaburan hanya dibenarkan dalam sekuriti mudah tunai dan hanya boleh berurusan dengan pihak yang mempunyai penarafan kredit yang setaraf atau lebih baik daripada Kumpulan.

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral

Setakat akhir tempoh pelaporan, Kumpulan hanya melabur dalam dana amanah tempatan. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit digambarkan oleh amaun bawaan dalam penyata kedudukan kewangan.

Pelaburan adalah tidak bercagar.

Jaminan kewangan

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses dalam menguruskan risiko

Syarikat menyediakan jaminan kewangan kepada bank berhubung dengan kemudahan perbankan yang diberikan kepada subsidiari tertentu. Syarikat memantau secara berterusan hasil keputusan subsidiari dan pembayaran balik yang dibuat oleh subsidiari berkenaan.

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah sebanyak RM166,002,000 (2012: RM184,093,000) yang menggambarkan kemudahan perbankan belum lunas oleh Kumpulan pada akhir tempoh pelaporan yang dijamin oleh Syarikat.

Setakat akhir tempoh pelaporan, tidak ada tanda bahawa terdapat mana-mana subsidiari yang akan memungkiri pembayaran balik.

Pinjaman dan pendahuluan antara syarikat

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses dalam menguruskan risiko

Syarikat menyediakan pinjaman tidak bercagar dan pendahuluan kepada subsidiari. Syarikat memantau hasil keputusan subsidiari secara tetap.

32. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

32.4 Risiko kredit (sambungan)

Pinjaman dan pendahuluan antara syarikat (sambungan)

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral

Setakat akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksimum kepada risiko kredit digambarkan oleh amaun bawaannya dalam penyata kedudukan kewangan.

Kerugian kejejasan

Setakat akhir tempoh pelaporan, kerugian kejejasan sebanyak RM6,442,000 (2012: Sifar) telah diiktiraf pada tahun kewangan. Syarikat tidak memantau secara khusus penuaan pendahuluan semasa kepada subsidiari.

32.5 Risiko kecairan

Risiko kecairan ialah risiko di mana Kumpulan tidak dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila ia perlu dibayar. Pendedahan Kumpulan kepada risiko kecairan, pada prinsipnya, timbul daripada pelbagai belum bayar, pinjaman dan peminjaman.

Kumpulan menguruskan risiko kecairannya dengan mewujudkan belanjawan dengan matlamat untuk memastikan baki bank yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya. Selain itu, Kumpulan juga berunding dengan institusi kewangan bagi menjadualkan semula dan/atau menyusun semula kemudahan kredit sedia ada agar bertepatan dengan persekitran operasi masa kini.

32. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

32.5 Risiko kecairan (sambungan)

Analisis tempoh matang

Jadual di bawah merupakan ringkasan profil tempoh matang liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat setakat akhir tempoh pelaporan berdasarkan pembayaran berkontrak tidak terdiskaun:

Kumpulan	Amaun bawaan RM'000	Kadar faedah berkontrak/ kupon	Aliran tunai berkontrak RM'000	Atas permintaan atau dalam satu tahun RM'000	Satu hingga lima tahun RM'000	Lebih lima tahun RM'000
2013						
Liabiliti kewangan:						
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	**337,343**	**-**	**337,343**	**332,091**	**5,252**	**-**
Pinjaman dan peminjaman	**2,053,751**	**1.28% - 11.00%**	**2,621,966**	**252,960**	**2,302,236**	**66,770**
Jumlah liabiliti kewangan tidak terdiskaun	**2,391,094**		**2,959,309**	**585,051**	**2,307,488**	**66,770**
2012						
Liabiliti kewangan:						
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	371,672	-	371,672	365,142	6,530	-
Pinjaman dan peminjaman	1,935,717	1.28% - 11.00%	2,249,120	640,113	1,428,020	180,987
Jumlah liabiliti kewangan tidak terdiskaun	2,307,389		2,620,792	1,005,255	1,434,550	180,987
Syarikat						
2013						
Liabiliti kewangan:						
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	**208,050**	**-**	**208,050**	**208,050**	**-**	**-**
Pinjaman dan peminjaman	**136,714**	**3.95%**	**204,122**	**6,517**	**197,605**	**-**
Jumlah liabiliti kewangan tidak terdiskaun	**344,764**		**412,172**	**214,567**	**197,605**	**-**
2012						
Liabiliti kewangan:						
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	217,076	-	217,076	217,076	-	-

32. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

32.6 Risiko pasaran

Risiko pasaran merupakan risiko yang berubah dalam harga pasaran, seperti kadar pertukaran asing, kadar faedah serta harga lain yang akan mempengaruhi kedudukan kewangan Kumpulan atau aliran tunai.

32.6.1 Risiko mata wang

Kumpulan beroperasi terutamanya di Malaysia dan PRC. Justeru itu, ia terdedah kepada pelbagai mata wang, terutamanya USD dan SGD. Aset dan liabiliti dalam denominasi mata wang asing berserta jangkaan aliran tunai daripada pembelian dan penjualan yang berkemungkinan mencetuskan pendedahan kepada pertukaran asing.

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses dalam menguruskan risiko

Pendedahan kepada pertukaran asing menerusi mata wang urus niaga selain daripada mata wang fungsian entiti beroperasi dikawal pada tahap yang boleh diterima.

Pendedahan kepada risiko mata wang asing

Pendedahan Kumpulan kepada risiko mata wang asing (iaitu mata wang selain daripada mata wang fungsian entiti Kumpulan), berdasarkan amaun bawaan setakat akhir tempoh pelaporan adalah:

	Dalam denominasi	
	USD	**SGD**
Kumpulan	**RM'000**	**RM'000**
Setakat 31 Disember 2013		
Tunai dan kesamaan tunai	**2,434**	**-**
Perdagangan belum terima dan lain-lain	**71,075**	**-**
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	**(15,224)**	**(328)**
Pinjaman dan peminjaman	**(80,839)**	**-**
	(22,554)	**(328)**
Setakat 31 Disember 2012		
Tunai dan kesamaan tunai	88,212	-
Perdagangan belum terima dan lain-lain	183,531	-
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	(70,771)	(858)
Pinjaman dan peminjaman	(80,120)	-
	120,852	(858)

32. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

32.6 Risiko pasaran (sambungan)

32.6.1 Risiko mata wang (sambungan)

Pendedahan kepada risiko mata wang asing (sambungan)

	Dalam denominasi USD	
	2013	2012
Syarikat	**RM'000**	**RM'000**
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	**(665)**	(622)

Analisis kepekaan risiko mata wang

Risiko mata wang asing timbul daripada entiti Kumpulan yang mempunyai mata wang fungsian RM. Pendedahan kepada risiko mata wang entiti Kumpulan yang tidak mempunyai mata wang fungsian RM adalah tidak penting dan oleh itu, analisis kepekaan tidak dibentangkan.

Pengukuhan RM pada kadar 3% (2012: 3%) berbanding mata wang berikut pada akhir tempoh pelaporan akan meningkat/(berkurangan) impaknya terhadap keuntungan pracukai mengikut amaun yang dikemukakan di bawah. Analisis ini adalah berdasarkan varians kadar pertukaran mata wang asing yang mana mengikut pertimbangan Kumpulan mempunyai kemungkinan yang munasabah pada akhir tempoh pelaporan. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pemboleh ubah yang lain, khususnya kadar faedah, kekal malar dan mengetepikan apa-apa kesan ramalan penjualan dan pembelian.

	Untung rugi	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Kumpulan		
USD	**676**	(3,625)
SGD	**10**	25
Syarikat		
USD	**20**	19

Kejatuhan nilai RM pada kadar 3% (2012: 3%) berbanding mata wang di atas pada akhir tempoh pelaporan akan memberi kesan yang bersamaan namun berlawanan terhadap amaun mata wang di atas, berdasarkan andaian bahawa semua pemboleh ubah yang lain kekal malar.

32. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

32.6 Risiko pasaran (sambungan)

32.6.2 Risiko kadar faedah

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses dalam menguruskan risiko

Pelaburan Kumpulan dalam sekuriti hutang kadar tetap dan peminjaman kadar tetapnya terdedah kepada risiko perubahan dalam nilai saksama disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah. Kadar boleh ubah dalam peminjaman dan belum terima Kumpulan terdedah kepada risiko perubahan dalam aliran tunai yang disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah. Pelaburan dalam sekuriti ekuiti serta belum terima dan belum bayar jangka pendek tidak terdedah dengan ketara kepada risiko kadar faedah.

Pendedahan kepada risiko kadar faedah

Profil kadar faedah bagi instrumen kewangan dengan faedah ketara bagi Kumpulan dan Syarikat, berdasarkan amaun bawaan pada akhir tempoh pelaporan adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2013	**2012**	**2013**	**2012**
	RM'000	**RM'000**	**RM'000**	**RM'000**
Instrumen kadar tetap				
Aset kewangan	**546,457**	304,163	**224,038**	159,163
Liabilliti kewangan	**(1,887,749)**	(1,751,624)	**(136,714)**	-
	(1,341,292)	(1,447,461)	**87,324**	159,163
Instrumen kadar terapung				
Aset kewangan	**1,592,328**	1,208,010	**-**	-
Liabiliti kewangan	**(166,002)**	(184,093)	**-**	-
	1,426,326	1,023,917	**-**	-

Pendapatan dan aliran tunai operasi Kumpulan daripada instrumen kadar faedah tetap, sebahagian besarnya adalah bebas daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Analisis kepekaan aliran tunai bagi instrumen kadar berubah

Pada tarikh pelaporan, jika kadar faedah adalah 10 mata asas lebih tinggi, di mana semua pemboleh ubah yang lain kekal malar, keuntungan pracukai Kumpulan akan menjadi RM14,263,000 (2012: RM10,239,000) lebih tinggi.

32. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

32.7 Maklumat nilai saksama

Amaun bawaan tunai dan kesamaan tunai, belum terima dan belum bayar jangka pendek serta peminjaman jangka pendek secara wajarnya menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan ini yang secara relatifnya adalah untuk tempoh jangka pendek.

Berikut adalah analisis amaun bawaan serta nilai saksama bagi instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama. Nilai saksama ini dikategorikan di bawah tahap 3 dalam hieraki nilai saksama.

	Amaun bawaan 2013 RM'000	Nilai saksama 2013 RM'000	Amaun bawaan 2012 RM'000	Nilai saksama 2012 RM'000
Kumpulan				
Aset kewangan				
Aset kewangan operasi	**841,859**	**700,923**	906,784	736,514
Belum terima jangka panjang	**1,841,450**	**1,841,450**	1,415,078	1,256,980
Liabiliti kewangan				
Pinjaman dan peminjaman				
- Obligasi di bawah pajakan kewangan	**(12,594)**	**(11,426)**	(14,194)	(10,816)
- Pinjaman bantuan Kerajaan	**(32,076)**	**(33,614)**	(39,521)	(34,638)
- BAIDS/MCPs/MTNs	**(1,016,591)**	**(938,705)**	(1,016,991)	(807,998)
- JNA	**(213,091)**	**(294,906)**	(198,872)	(165,968)
- RSBs	**(462,927)**	**(462,775)**	(471,406)	(356,616)
Pinjaman bertempoh USD36 juta	**(85,163)**	**(85,163)**	(103,973)	(103,973)
Pinjaman Bank Dunia Novasi MOF Lushan	**(11,827)**	**(10,071)**	(10,640)	(8,394)
RCSSI	**(136,714)**	**(138,733)**	-	-
Syarikat				
Aset kewangan				
RCULS	**182,719**	**172,210**	168,900	159,183
Liabiliti kewangan				
RCSSI	**(136,714)**	**(138,733)**	-	-

32. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

32.7 Maklumat nilai saksama (sambungan)

Pelaburan jangka pendek Kumpulan dan Syarikat berjumlah RM50,029,000 (2012: RM50,661,000) yang dibawa pada nilai saksama dikategorikan di bawah Tahap 2 dalam hierarki nilai saksama.

Nilai saksama Tahap 1

Nilai saksama Tahap 1 diperolehi daripada harga sebutan (tidak dilaras) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti kewangan serupa yang boleh diakses oleh entiti pada tarikh pengukuran.

Nilai saksama Tahap 2

Nilai saksama Tahap 2 dianggar menggunakan input selain daripada harga sebutan yang termasuk dalam lingkungan Tahap 1dan boleh diperhatikan untuk aset atau liabiliti kewangan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Nilai saksama dikira berdasarkan nilai kini aliran tunai pokok dan faedah masa depan, diskaun pada kadar faedah pasaran pada akhir tempoh pelaporan. Berhubung dengan komponen liabiliti nota boleh tukar, kadar faedah pasaran ditentu dengan merujuk kepada liabiliti serupa yang tidak mempunyai opsyen penukaran. Bagi peminjaman lain, kadar faedah pasaran ditentu dengan merujuk kepada pengaturan peminjaman yang serupa.

Nilai saksama Tahap 3

Nilai saksama Tahap 3 dianggar menggunakan input yang tidak dapat diperhatikan untuk aset dan liabiliti kewangan menggunakan kaedah aliran tunai terdiskaun.

33. PENGURUSAN MODAL

Matlamat utama pengurusan modal Kumpulan adalah untuk menyokong strategi pertumbuhan Kumpulan dan memaksimumkan nilai pemegang saham bersandarkan struktur modal yang optimum.

Dari semasa ke semasa, Kumpulan membeli sahamnya sendiri dari pasaran, dan masa pembelian adalah bergantung kepada harga pasaran serta ketersediaan sumber kewangan.

Kumpulan dan Syarikat tidak tertakluk kepada keperluan modal yang dikenakan oleh pihak luar.

Kumpulan mengurus modal menggunakan nisbah penggearan, iaitu hutang bersih dibahagi dengan jumlah modal yang merupakan ekuiti boleh diatribut kepada pemegang ekuiti Syarikat ditambah hutang bersih. Dalam hutang bersih, Kumpulan memasukkan pinjaman dan peminjaman, perdagangan belum bayar dan lain-lain, ditolak tunai dan kesamaan tunai.

Pada akhir tahun, Kumpulan mempunyai hutang bersih sebanyak RM1,709,705,000 (2012: RM1,858,150,000) serta modal berjumlah RM3,486,461,000 (2012: RM3,442,597,000) yang membentuk lebih kurang 49% nisbah penggearan (2012: 54%).

34. KOMITMEN

34.1 Komitmen pajakan operasi - sebagai penerima pajak

Sewa pajakan operasi tidak boleh batal perlu dibayar seperti berikut:

	Kumpulan	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Bayaran pajakan minimum masa depan:		
Kurang daripada satu tahun	**2,601**	2,354
Antara satu dan lima tahun	**1,512**	1,566
Lebih daripada lima tahun	**7**	-
	4,120	3,920

Kumpulan memajak bangunan di bawah pajakan operasi. Pajakan ini lazimnya berlangsung untuk tempoh 1 hingga 3 tahun, dengan opsyen bagi memperbaharui pajakan selepas tarikh tersebut. Bayaran pajakan dinaikkan setiap 1 hingga 3 tahun bagi menggambarkan sewa pasaran.

34.2 Komitmen pajakan kewangan

	Kumpulan	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Bayaran pajakan minimum masa depan:		
Tidak lewat dari 1 tahun	**5,453**	5,198
Lewat dari 1 tahun tapi tidak lewat dari 2 tahun	**3,999**	5,288
Lewat dari 2 tahun tapi tidak lewat dari 5 tahun	**4,140**	5,005
	13,592	15,491
Tolak: Caj kewangan	**(998)**	(1,297)
Nilai kini perlu bayar pajakan minimum	**12,594**	14,194
Nilai kini bayaran:		
Tidak lewat dari 1 tahun	**4,917**	4,549
Lewat dari 1 tahun tapi tidak lewat dari 2 tahun	**3,724**	4,847
Lewat dari 2 tahun tapi tidak lewat dari 5 tahun	**3,953**	4,798
Nilai kini perlu bayar pajakan minimum	**12,594**	14,194
Tolak: Amaun kena bayar dalam tempoh 12 bulan	**(4,917)**	(4,549)
Amaun kena bayar selepas 12 bulan (Nota 21)	**7,677**	9,645

Pajakan kewangan telah disediakan sebagaimana yang didedahkan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

35. LUAR JANGKA

Denda cukai - PNSB

PNSB mengiktiraf semua inbois yang dikeluarkan kepada SYABAS dalam untung ruginya bagi bekalan air bersih sebagai hasil.

PNSB telah mengemukakan rayuan kepada LHDN untuk mengkaji semula pengiraan cukai bagi YA2009 hingga YA2011 dengan mengambil kira pelarasan cukai seperti berikut:

i) Menuntut potongan di bawah Seksyen 34(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 ("Akta") berhubung dengan amaun terhutang daripada SYABAS untuk air terawat yang dibekalkan dan tidak dapat dikutip setakat akhir tempoh asas, masing-masing bagi YA2009 hingga YA2011; dan

ii) Memasukkan pendapatan kasar dan tertakluk kepada cukai terhadap hutang lapuk dan hutang ragu yang dituntut sebagai potongan cukai di bawah perkara (i) di atas yang telah didapatkan balik daripada SYABAS pada tahun-tahun taksiran berikutnya menurut Seksyen 30(1) Akta, iaitu apabila bayaran diterima daripada SYABAS, ia menjadi boleh dicukai.

PNSB telah membayar sepenuhnya ansuran cukai bagi YA2009, YA2010 dan YA2011 dan sedang memohon untuk pembayaran balik cukai daripada LHDN.

LHDN telah memberi jawapan kepada surat rayuan PNSB bertarikh 5 Ogos 2013 di mana LHDN telah meminta PNSB memberikan bukti bahawa amaun yang terhutang oleh SYABAS merupakan hutang lapuk menurut Seksyen 34(2) Akta. Peguam cara cukai PNSB telah memberi maklum balas kepada LHDN dan perkara ini sedang menunggu tarikh pengurusan kes.

Untuk YA2012, PNSB telah menyerahkan RM Sifar cukai kena bayar dan menganggarkan cukai kena bayar bagi YA2013 berdasarkan pendekatan yang sama seperti permohonan cukai di atas. Walau bagaimanapun, liabiliti cukai tertunda telah disediakan dengan sewajarnya.

Sekiranya LHDN tidak memberi kelulusan kepada PNSB untuk menuntut potongan di bawah Seksyen 34(2) Akta berhubung dengan amaun terhutang daripada SYABAS untuk bekalan air bersih, PNSB berkemungkinan akan terdedah kepada denda cukai di bawah Sekyen 107C(10) Akta untuk YA2012 berhubung dengan kelewatan pembayaran cukai. PNSB telah menyatakan kesedarannya berkenaan perkara tersebut dan kesudahannya adalah berdasarkan keputusan LHDN tentang perkara tersebut.

Setakat tarikh pelaporan, wujud kemungkinan terhadap denda cukai, sementara menunggu hasil rayuan PNSB terhadap LHDN.

36. KOMITMEN MODAL

Perbelanjaan modal setakat tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2013	**2012**
	RM'000	**RM'000**
Kontrak yang diluluskan dan berkontrak	**33,321**	18,017

37. PIHAK BERKAITAN

Identiti pihak berkaitan

Bagi tujuan penyata kewangan ini, pihak yang diangggap berkaitan dengan Kumpulan jika Kumpulan atau Syarikat mempunyai keupayaan secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal secara bersama pihak tersebut atau melaksanakan pengaruh yang besar terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan berkenaan kewangan dan operasi, atau begitu juga sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Syarikat dan pihak itu tertakluk kepada kawalan yang sama. Pihak berkaitan boleh merupakan individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga adalah termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrif sebagai mereka yang mempunyai kuasa serta tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Kumpulan, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama termasuklah para Pengarah Kumpulan, dan anggota pengurusan kanan tertentu di dalam Kumpulan.

Kumpulan mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan syarikat pegangan, pelabur penting, subsidiari, syarikat bersekutu serta kakitangan pengurusan utamanya.

Urus niaga pihak berkaitan yang penting

Urus niaga pihak berkaitan telah dimeterai dalam perjalanan biasa perniagaan di bawah terma perdagangan biasa. Urus niaga pihak berkaitan yang penting bagi Kumpulan dan Syarikat dikemukakan di bawah. Baki berkaitan urus niaga di bawah dikemukakan dalam Nota 8, 10, 13 dan 22.

37. PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Urus niaga pihak berkaitan yang penting (sambungan)

	Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000
A. Subsidiari		
Sewa daripada SINO	**892**	873
Pendahuluan daripada PNSB	**345**	229,610
Pendahuluan kepada PNSB	**13,413**	32,835
Pembayaran balik kepada PNSB	**47,640**	262,118
Pendahuluan kepada POG	**-**	9,399
Pembayaran balik daripada POG	**-**	20,240
Pendahuluan kepada SINO	**18,579**	13,509
Pendahuluan kepada PNOC	**33**	5,074
Pendahuluan kepada PNCSB	**4,157**	-
Pendahuluan kepada PSSB	**-**	4,706

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
B. Usaha sama					
Faedah RCULS belum terima		**13,819**	12,806	**13,819**	12,806
Faedah pembayaran lewat		**128,326**	120,558	**-**	-
Caj yuran penyimpanan		**544**	436	**-**	-
Penjualan kuantiti air bersih secara pukal		**701,434**	689,588	**-**	-
C. Kakitangan pengurusan utama					
Faedah jangka pendek pekerja		**24,261**	17,198	**63**	-
Pelan caruman wajib		**4,281**	3,375	**11**	-
Ganjaran		**-**	20,000	**-**	-
Perbelanjaan lain berkaitan kakitangan		**5,259**	4,811	**727**	673
		33,801	45,384	**801**	673
Ganjaran Pengarah	29	**16,231**	34,837	**801**	673
D. Syarikat berkait dengan Pengarah					
Caj yuran kesetiausahaan oleh RZ Management		**240**	240	**-**	-
Sumbangan kepada GWGF		**39**	1,282	**-**	-

Kakitangan pengurusan utama lain terdiri daripada individu selain daripada para Pengarah entiti Kumpulan, yang mempunyai kuasa serta tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti entiti Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Urus niaga pihak berkaitan telah dimeterai mengikut perjalanan biasa peniagaan di bawah terma yang telah dirundingkan.

Maklumat mengenai baki belum lunas yang timbul daripada urus niaga pihak berkaitan didedahkan dalam Nota 13 dan Nota 22 kepada penyata kewangan.

38. PENGAMBILALIHAN SUBSIDIARI

(1) Pada 9 Januari 2013, POG, sebuah subsidiari milik penuh Syarikat telah menubuhkan sebuah syarikat milik penuh berhad di Kesatuan Republik Myanmar, iaitu GOL.

Kedua-dua Borang Permit kekal dan Sijil Perbadanan kekal adalah bertarikh 9 Januari 2013. Borang Permit kekal adalah sah dari 9 Januari 2013 hingga 8 Januari 2018.

GOL telah diperbadankan untuk membantu Kumpulan menjalankan perniagaan pengangkutan dan pemasangan talian paip serta perkhidmatan lain berkenaan operasi dalam pesisir dan luar pesisir bagi industri minyak dan gas, termasuk pemasangan talian paip bawah laut, khidmat selam dalam air dan perkhidmatan kenderaan operasi jauh terpencil, perkhidmatan vesel sokongan marin, perkhidmatan petrokimia dan kejuruteraan serta perkhidmatan logistik di Myanmar.

(2) Pada 23 Ogos 2013, Syarikat telah memperoleh sebuah syarikat sedia ada, Murni Estate Sdn. Bhd. ("Murni Estate"), merangkumi dua (2) saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, yang mewakili 100% jumlah modal saham diterbitkan dan berbayar Murni Estate dengan pertimbangan tunai berjumlah Ringgit Malaysia Dua (RM2.00) sahaja, lantas menjadikan Murni Estate sebuah subsidiari milik penuh Syarikat.

(3) Pada 23 Ogos 2013, Syarikat telah memeterai Perjanjian Jual Beli bagi memperoleh 750,002 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam PNCSB, yang mewakili 100% modal saham diterbitkan dan berbayar PNCSB untuk pertimbangan tunai sebanyak RM1,700,000.

Berikutan selesainya pengambilalihan, PNCSB menjadi subsidiari milik penuh Syarikat.

PNCSB terlibat dalam kerja pembinaan, kontrak am dan aktiviti berkaitan.

39. PERISTIWA PENTING

(1) Tawaran daripada KDEB

Pada 20 Februari 2013, Syarikat telah menerima dua (2) pucuk surat melalui faks dari KDEB berkenaan perkara berikut:

(i) Terma dan syarat indikatif bagi cadangan pembelian 100% ekuiti dalam PNSB;

(ii) Terma dan syarat indikatif bagi cadangan pembelian 70% ekuiti dalam SYABAS, selain daripada ekuiti yang telahpun dimiliki oleh KDEB.

Di bawah ini dibentangkan terma dan syarat indikatif bagi Cadangan Pembelian PNSB dan Cadangan Pembelian SYABAS seperti yang ditetapkan dalam surat KDEB bertarikh 20 Februari 2013:

(a) Prinsip Penilaian

Nilai ekuiti dalam PNSB dan SYABAS telah diperolehi berdasarkan prinsip berikut:

(i) Nilai ekuiti dalam PNSB dan SYABAS meliputi pulangan ekuiti sebanyak 12% setahun.

(ii) Aset air PNSB serta bahagian pro rata aset air SYABAS akan diambil alih oleh PAAB.

(iii) Ekuiti merangkumi semua bentuk pelaburan dan sumbangan oleh para pemegang saham (contohnya, saham biasa atau keutamaan, pendahuluan dan, mengikut kesesuaian, instrumen ekuiti hutang turut diambil kira).

(iv) Pulangan ekuiti dikira pada kadar 12% setahun sehingga 31 Disember 2012 (tidak terkompaun) dengan potongan untuk apa-apa bayaran keluar dividen pada masa lalu.

(v) Liabiliti yang akan tertanggung adalah kesemua hutang berkaitan air yang belum dilunaskan, terhutang oleh PNSB dan SYABAS, yang merangkumi:

- Bon yang diperolehi menerusi ACQUA atau masih berbaki dalam pasaran modal;
- Pinjaman komersial, jika berkenaan; dan
- Pinjaman Kerajaan, jika berkenaan.

(vi) PAAB akan memutuskan mengenai pembayaran lebihan nilai buku bagi aset berbanding liabiliti dan sekiranya dipersetujui, akan dibayar oleh PAAB secara terus kepada pemegang konsesi berkenaan.

39. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(1) Tawaran daripada KDEB (sambungan)

(b) Pertimbangan bayaran

Bersandarkan prinsip yang dinyatakan di atas, pertimbangan bagi Cadangan Pembelian adalah seperti berikut:

(i) Untuk PNSB

	RM juta
Sumbangan ekuiti tambah pulangan ekuiti pada kadar 12% setahun	1,117.5
Aset air yang akan ditanggung	1,359.5
Jumlah Nilai Ekuiti PNSB [Nota 1]	2,477.0

[Nota 1] : Nilai permulaan ekuiti PNSB akan dikaji semula selaras dengan siasatan usaha wajar yang akan dijalankan.

Pembayaran hendaklah secara tunai berhubung dengan bahagian yang dianggap berasal dari sumbangan ekuiti, seperti yang diperincikan dalam Nota 39 (1)(a)(iii) dan (iv) di atas, dengan nilai yang berbaki adalah melalui andaian liabiliti PNSB.

Bayaran untuk lebihan nilai buku aset berbanding liabiliti yang akan ditanggung, jika ada, adalah tertakluk kepada persetujuan PAAB.

(ii) Untuk SYABAS

	RM juta
Sumbangan ekuiti tambah pulangan ekuiti pada kadar 12% setahun	437.8
Bahagian pro rata aset air yang akan ditanggung	2,679.2
Jumlah Nilai Ekuiti SYABAS [Nota 1]	3,117.0

[Nota 1] : Nilai permulaan ekuiti SYABAS akan dikaji semula selaras dengan siasatan usaha wajar yang akan dijalankan.

Pembayaran hendaklah secara tunai berhubung dengan bahagian yang dianggap berasal dari sumbangan ekuiti, seperti yang diperincikan dalam Nota 39 (1)(a)(ii) dan (iii) di atas, dengan nilai yang berbaki adalah melalui andaian bahagian pro rata liabiliti SYABAS.

Bayaran untuk lebihan nilai buku aset berbanding liabiliti yang akan ditanggung, jika ada, adalah tertakluk kepada persetujuan PAAB.

39. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(1) Tawaran daripada KDEB (sambungan)

(c) Syarat Cadangan Pembelian PNSB dan Cadangan Pembelian SYABAS

Cadangan Pembelian PNSB dan Cadangan Pembelian SYABAS adalah berdasarkan syarat seperti berikut:

(i) Penerimaan pada dasarnya terhadap terma dan syarat indikatif yang dicadangkan oleh KDEB oleh Syarikat menjelang pukul 5.00 petang (waktu Malaysia) pada atau sebelum 6 Mac 2013 atau pada tarikh(-tarikh) tutup lanjutan atau semakan yang akan diputuskan oleh KDEB;

(ii) Penerimaan pada dasarnya terhadap terma dan syarat indikatif yang dicadangkan oleh KDEB bagi pengambilalihan kepentingan ekuiti Syarikat Air Selangor yang lain oleh pemegang saham masing-masing yang mana cadangan sedemikian dibuat menjelang pukul 5.00 petang (waktu Malaysia) pada atau sebelum 6 Mac 2013 atau pada tarikh(-tarikh) tutup lanjutan atau semakan seperti yang diputuskan oleh KDEB;

(iii) Pelaksanaan Perjanjian Muktamad dan semua perjanjian muktamad yang lain bagi pembelian kepentingan ekuiti Syarikat Air Selangor yang lain dan sebarang dokumen perundangan lain yang dianggap perlu oleh peguam yang dilantik oleh KDEB;

(iv) Penyelesaian siasatan usaha wajar yang memuaskan akan dilaksanakan terhadap PNSB dan SYABAS sebelum Cadangan Pembelian PNSB dan Cadangan Pembelian SYABAS diselesaikan;

(v) Anggaran nilai bagi PNSB dan SYABAS masing-masing adalah RM2,477.0 juta dan RM3,117.0 juta yang akan dikaji semula jika perlu, selaras dengan selesainya siasatan usaha wajar;

(vi) Semua kelulusan korporat yang diperlukan oleh Syarikat termasuk, jika berkenaan, kelulusan daripada pemegang saham minoriti Syarikat dan/atau pemegang saham Syarikat pada mesyuarat agung pemegang saham yang akan diadakan;

(vii) Kelulusan dan persetujuan Kerajaan Persekutuan dan semua agensi berkaitan, contohnya KeTTha, Unit Perancang Ekonomi dan/atau Unit Kerjasama Awam Swasta (“UKAS”) dll;

(viii) Kelulusan dan persetujuan Kerajaan Negeri Selangor dan semua agensi berkaitan seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (“UPEN”) dll;

(ix) Kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (“SPAN”), Suruhanjaya Sekuriti (“SC”), Bursa Malaysia, jika berkenaan;

39. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(1) Tawaran daripada KDEB (sambungan)

(c) Syarat Cadangan Pembelian PNSB dan Cadangan Pembelian SYABAS (sambungan)

(x) Kelulusan daripada ACQUA dan peminjam lain PNSB dan SYABAS, jika berkenaan;

(xi) Kelulusan mana-mana pihak berkuasa atau pihak lain, jika perlu; dan

(xii) Apa-apa terma lain yang akan dipersetujui bersama oleh semua pihak.

Penerimaan pada dasarnya terhadap terma dan syarat indikatif yang dikemukakan dalam surat KDEB bertarikh 20 Februari 2013 tidak membentuk satu kontrak dan tidak bermaksud bahawa terma dan syarat indikatif yang tertera di dalamnya mewakili perjanjian akhir berkenaan Cadangan Pembelian PNSB dan Cadangan Pembelian SYABAS. Terma dan syarat indikatif ini adalah tertakluk kepada perbincangan dan pelaksanaan Perjanjian Muktamad.

Pada 6 Mac 2013, Lembaga Pengarah Syarikat mengumumkan bahawa setelah membincangkan sepenuhnya tawaran KDEB dan juga selepas mempertimbangkan nasihat Hong Leong Investment Bank Bhd, iaitu Penasihat yang dilantik oleh Lembaga untuk membantu dan menasihat Lembaga Pengarah dalam menilai Tawaran daripada KDEB, dan memandangkan bentuk Tawaran yang tidak lengkap dan tidak muktamad serta kedudukan yang diambil oleh PAAB tidak membolehkan keputusan akhir dicapai walaupun untuk mempertimbangkan memberi kelulusan pada dasarnya atau menyatakan penerimaan pada dasarnya kepada KDEB berhubung dengan terma dan syarat indikatif seperti yang tertera dalam surat KDEB bertarikh 20 Februari 2013. Jesteru itu, Lembaga juga tidak bersedia mengadakan mesyuarat agung bagi tujuan membentangkan Tawaran KDEB kepada para pemegang saham Syarikat untuk dipertimbangkan.

Lembaga selanjutnya memutuskan bahawa Syarikat masih bersedia untuk mengadakan perbincangan dengan KDEB mengenai Tawaran, tertakluk kepada kesediaan KDEB untuk memberi jawapan definitif terhadap semua isu yang dibangkitkan oleh Syarikat.

Pada 21 November 2013, Syarikat sekali lagi menerima dua (2) surat serahan tangan pada pukul 5.00 petang daripada KDEB berhubung dengan Cadangan Pembelian PNSB dan Cadangan Pembelian SYABAS.

Terma tawaran adalah serupa dengan tawaran KDEB bertarikh 20 Februari 2013.

Pada 3 Disember 2013, Lembaga Pengarah Syarikat telah mengadakan Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah bagi membincangkan tawaran yang dibuat oleh KDEB untuk membeli 100% ekuiti dalam PNSB dan 70% ekuiti dalam SYABAS, seperti yang dikemukakan oleh pihak Pengurusan Syarikat dan Penasihatnya, Hong Leong Investment Bank Berhad. Pengerusi Eksekutif dan pemegang saham utama Syarikat, YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail tidak hadir pada Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah semasa Lembaga membincangkan mengenai perkara tersebut, dan justeru itu telah mengecualikan diri dari membincangkan dan membuat keputusan di peringkat Lembaga Pengarah berhubung dengan perkara tersebut.

39. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(1) Tawaran daripada KDEB (sambungan)

Setelah membincangkan sepenuhnya, Lembaga Pengarah membuat keputusan untuk menerima pada dasarnya Tawaran daripada KDEB untuk membeli 100% ekuiti PNSB dan 70% ekuiti SYABAS dengan tertakluk kepada persetujuan KDEB terhadap prinsip berikut:

(i) Bahawa jumlah sumbangan ekuiti perlu dibayar kepada Syarikat hendaklah meliputi pulangan terkompaun sebanyak 15% setahun yang dianggap sebagai pampasan kepada Syarikat kerana kehilangan pendapatan masa depan akibat penjualan perniagaan konsesi airnya kepada Kerajaan Negeri Selangor;

(ii) Amaun belum terima yang kena bayar serta amaun belum dilunaskan daripada SYABAS kepada PNSB pada tarikh kuat kuasa penjualan hendaklah dibayar kepada Syarikat memandangkan amaun ini adalah berkaitan bekalan air kepada SYABAS, yang mana perkhidmatan telahpun diberikan;

(iii) Apa-apa dan kesemua baki tunai dalam PNSB (termasuk (ii) di atas) dan SYABAS hendaklah dibayar kepada Syarikat kerana ia menggambarkan keuntungan yang boleh diatribut kepada Syarikat;

(iv) Menyingkirkan keperluan siasatan usaha wajar selepas penerimaan Tawaran agar Tawaran tersebut dapat diselesaikan tepat pada masanya; dan

(v) Penepian keperluan bagi pengambilalihan aset air oleh PAAB serentak dengan pengambilalihan ekuiti oleh KDEB. Memandangkan KDEB mengambil alih ekuiti syarikat konsesi air, pemegang konsesi hendaklah dibayar terlebih dahulu harga yang dipersetujui oleh KDEB, dan KDEB bolehlah kemudiannya menyelesaikan secara berasingan persetujuannya dengan PAAB supaya PAAB mengambil alih aset air dan menanggung peminjaman.

Pada tarikh yang sama, Syarikat telah menghantar surat kepada KDEB bagi memaklumkan tentang keputusan Lembaga Pengarah.

Pada 12 Disember 2013, Syarikat telah menerima surat daripada KDEB untuk meminta tempoh sehingga 31 Disember 2013 bagi membalas surat Syarikat dengan sewajarnya.

Seterusnya Syarikat telah mengeluarkan surat pada 13 Disember 2013 kepada KDEB bagi menyatakan persetujuan terhadap permohonan KDEB bagi melanjutkan tempoh sehingga 31 Disember 2013 untuk membalas surat Syarikat bertarikh 4 Disember 2013.

Pada 31 Disember 2013, Syarikat telah menerima surat daripada KDEB yang memohon pelanjutan tempoh seterusnya sehingga 15 Januari 2014 bagi membolehkan KDEB memberi jawapan yang sewajarnya terhadap surat Syarikat bertarikh 4 Disember 2013. Pada 2 Januari 2014, Syarikat telah mengeluarkan surat persetujuan kepada permohonan KDEB untuk melanjutkan tempoh sehingga 15 Januari 2014 bagi membalas surat Syarikat bertarikh 4 Disember 2013.

39. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(1) Tawaran daripada KDEB (sambungan)

KDEB telah memaklumkan kepada Syarikat pada 9 Januari 2014 bahawa tidak akan ada perbincangan lanjut mengenai cadangan pembelian ekuiti PNSB dan SYABAS sejauh yang boleh dilihat pada masa hadapan.

Namun, pada 26 Februari 2014, Syarikat telah menerima dua (2) surat yang dihantar melalui faksimili daripada KDEB berhubung dengan Cadangan Pembelian PNSB dan SYABAS.

Terma tawaran adalah serupa dengan Tawaran KDEB bertarikh 21 November 2013 kecuali bagi fasal tambahan berikut:-

(a) Jika pemegang saham tidak bersetuju dengan amaun pembayaran yang dibuat di bawah perenggan (b)(i) di atas untuk pegangannya dalam ekuiti PNSB ("Harga Cadangan") ia hendaklah memberi notis bertulis mengenai tentangannya dalam tempoh 21 hari pemberian notis yang dirujuk dalam perenggan (b)(i) dan pertikaian di antara pemegang saham dan KDEB berhubung dengan amaun harga yang sesuai untuk pegangan ekuiti PNSB oleh Pemegang Saham hendaklah ditentukan menerusi timbang tara menurut perenggan (d) di bawah. Dalam membuat penentuan sedemikian, tribunal timbang tara hendaklah:

(i) Tidak menentukan harga yang lebih rendah dari Harga Cadangan; dan

(ii) Berdasarkan jumlah harga (a) yang dianggap oleh tribunal timbang tara sebagai kadar pulangan yang wajar bagi pelaburan pemegang saham yang memegang ekuiti PNSB dan (b) amaun pelaburan Pemegang Saham.

Penentuan tribunal timbang tara adalah muktamad dan mengikat terhadap KDEB dan pemegang saham.

(b) Jika pemegang saham tidak bersetuju dengan amaun pembayaran yang dibuat di bawah perenggan (b)(ii) di atas untuk pegangannya dalam ekuiti SYABAS ("Harga Cadangan") ia hendaklah memberi notis bertulis mengenai tentangannya dalam tempoh 14 hari pemberian notis yang dirujuk dalam perenggan (b)(ii) dan pertikaian di antara Pemegang Saham dan KDEB berhubung dengan amaun harga yang sesuai untuk ekuiti SYABAS hendaklah ditentukan menerusi timbang tara menurut perenggan (d) di bawah. Dalam membuat penentuan sedemikian, tribunal timbang tara hendaklah:

(i) Tidak menentukan harga yang lebih rendah dari Harga Cadangan; dan

(ii) Berdasarkan jumlah harga (a) yang dianggap oleh tribunal timbang tara sebagai kadar pulangan yang wajar bagi pelaburan pemegang saham yang memegang ekuiti SYABAS dan (b) amaun pelaburan Pemegang Saham.

Penentuan tribunal timbang tara adalah muktamad dan mengikat terhadap KDEB dan pemegang saham.

39. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(1) Tawaran daripada KDEB (sambungan)

(c) Keberkesanan dan Jangka Masa Cadangan Pembelian PNSB serta Cadangan Pembelian SYABAS.

Persetujuan yang terbit daripada penerimaan PNSB dan SYABAS terhadap tawaran KDEB ini:-

(i) Hendaklah ditadbir oleh Undang-undang Malaysia; dan

(ii) Adalah mengikat dari segi undang-undang dan kekal berkuat kuasa dan berkesan sehingga digantikan oleh perjanjian rasmi.

(d) Timbang tara bagi Cadangan Pembelian PNSB dan Cadangan Pembelian SYABAS.

(i) Apa-apa pertikaian yang timbul daripada atau berhubung dengan persetujuan yang terbit daripada penerimaan tawaran di dalam ini termasuk apa-apa soalan berkenaan kewujudan, kesahan atau penamatannya, hendaklah dirujuk dan ditetapkan akhirnya oleh timbang tara di bawah Undang-undang Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa London, yang mana Undang-undang dianggap terangkum dengan merujuk kepada perenggan ini.

(ii) Tribunal hendaklah terdiri daripada tiga penimbang tara, yang mana dua darinya hendaklah dinamakan oleh pihak masing-masing.

(iii) Tempat timbang tara ialah di London.

(iv) Bahasa timbang tara ialah Bahasa Inggeris.

Pada 10 Mac 2014, setelah membincangkan sepenuhnya perkara yang dihuraikan di atas dan selepas menimbangkan input pihak pengurusan Syarikat dan Hong Leong Investment Bank Bhd, iaitu Penasihat yang dilantik oleh Lembaga untuk membantu dan menasihati Lembaga dalam menilai Tawaran daripada KDEB, telah membuat keputusan bahawa sungguhpun Syarikat sanggup mempertimbangkan Tawaran KDEB yang terbaru, perkara berikut perlu dijelaskan/disahkan:-

(a) Pengesahan bertulis perlu diperolehi bahawa KDEB bersetuju terhadap prinsip yang mendasari yang dikemukakan seperti berikut:-

(i) Bahawa jumlah sumbangan ekuiti yang perlu dibayar kepada Syarikat hendaklah meliputi pulangan terkompaun sebanyak 15% setahun yang dianggap sebagai pampasan kepada Syarikat kerana kehilangan pendapatan masa depan akibat penjualan perniagaan konsesi airnya kepada Kerajaan Negeri Selangor;

39. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(1) Tawaran daripada KDEB (sambungan)

(ii) Amaun belum terima yang kena bayar serta amaun belum dilunaskan daripada SYABAS kepada PNSB pada tarikh kuat kuasa penjualan hendaklah dibayar kepada Syarikat memandangkan amaun ini adalah berkaitan bekalan air kepada SYABAS, yang mana perkhidmatan telahpun diberikan;

(iii) Apa-apa dan kesemua baki tunai dalam PNSB (termasuk (ii) di atas) dan SYABAS hendaklah dibayar kepada Syarikat kerana ia menggambarkan keuntungan yang boleh diatribut kepada Syarikat;

(iv) Menyingkirkan keperluan siasatan usaha wajar selepas penerimaan Tawaran; dan

(v) Penepian keperluan bagi pengambilalihan aset air oleh PAAB serentak dengan pengambilalihan ekuiti oleh KDEB. Memandangkan KDEB mengambil alih ekuiti syarikat konsesi air, pemegang konsesi hendaklah dibayar terlebih dahulu harga yang dipersetujui oleh KDEB, dan KDEB bolehlah kemudiannya menyelesaikan secara berasingan persetujuannya dengan PAAB supaya PAAB mengambil alih aset air dan menanggung peminjaman.

(b) Persetujuan lanjut juga hendaklah diperolehi daripada KDEB untuk menyingkirkan fasal timbang tara kerana ia mencemari semangat “laissez faire”, lebih-lebih lagi kerana hanya kadar pulangan boleh ditimbang tara manakala kaedah penilaian lain tidak berada di bawah skop timbang tara. Fasal sedemikian mengenai timbang tara adalah tidak adil kepada para pemegang saham Syarikat termasuk pemegang saham minoriti. Di samping itu, SYABAS sebelum ini telah menerima arahan bertulis daripada Kerajaan Persekutuan, yang memegang satu (1) Saham Kencana bahawa rundingan mesti dilakukan atas dasar pembeli yang sanggup-penjual yang rela dan oleh yang demikian, memasukkan fasal timbang tara adalah jelas bertentangan dengan arahan “Pemegang Saham Kencana” SYABAS biarpun sebelum Lembaga Pengarah boleh mengemukakan Tawaran KDEB yang terbaru pada mesyuarat agung luar biasa Syarikat untuk pertimbangan dan keputusan para pemegang saham Syarikat.

Lembaga Pengarah Syarikat menyedari bahawa hanya selepas KDEB memberi jawapan balas mengenai penjelasan/pengesahan yang diminta di atas oleh Syarikat, dan maklumat yang lengkap telah tersedia untuk membolehkan keputusan termaklum dibuat berkenaan perkara berkaitan, maka hanya setelah itu Lembaga Pengarah Syarikat boleh membentangkan Tawaran KDEB pada mesyuarat agung luar biasa Syarikat untuk pertimbangan dan keputusan para pemegang saham Syarikat kerana pada dasarnya Tawaran KDEB adalah untuk diputuskan oleh semua pemegang saham Syarikat.

Berikutan keputusan Lembaga Pengarah, pada tarikh yang sama, pihak Pengurusan Syarikat telah menghantar sepucuk surat kepada KDEB untuk memaklumkan KDEB tentang keputusan Lembaga Pengarah sebelum tempoh akhir jam 5.00 petang 10 Mac 2014, seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran KDEB.

39. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(2) Penerbitan Waran Percuma dan Penerbitan Sukuk Ijarah Boleh Tukar

Pada 21 Januari 2013, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, menerusi suratnya bertarikh 18 Januari 2013, yang diterima pada 21 Januari 2013, telah meluluskan cadangan Sukuk Ijarah Boleh Tukar Syarikat di bawah Seksyen 212(5) Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007.

Pada 22 Mac 2013, Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"), menerusi suratnya bertarikh 22 Mac 2013 memutuskan untuk meluluskan permohonan Syarikat bagi perkara berikut:

(i) kemasukan ke Senarai Rasmi dan penyenaraian serta sebut harga sehingga 40,910,609 Waran untuk diterbitkan selaras dengan Cadangan Penerbitan Waran Percuma;

(ii) penyenaraian sehingga 40,910,609 Saham PNHB baharu untuk diterbitkan selaras dengan pelaksanaan Waran; dan

(iii) penyenaraian sehingga 165,000,000 Saham PNHB baharu untuk diterbitkan selaras dengan penukaran Sukuk Boleh Tukar.

Kelulusan Bursa Securities adalah tertakluk kepada syarat berikut:

(i) Syarikat dan HLIB mematuhi sepenuhnya peruntukan yang relevan di bawah Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama yang berkaitan dengan pelaksanaan Cadangan;

(ii) Syarikat dan HLIB hendaklah memaklumkan Bursa Securities setelah selesainya Cadangan;

(iii) Syarikat memberikan Bursa Securities pengesahan bertulis tentang pematuhannya terhadap terma dan syarat kelulusan Bursa Securities sebaik sahaja Cadangan disempurnakan;

(iv) Syarikat dikehendaki memberikan Bursa Securities ringkasan jumlah bilangan saham yang tersenarai selaras dengan pelaksanaan Waran dan Sukuk Boleh Tukar pada setiap akhir suku tahun berserta dengan pengiraan terperinci yuran penyenaraian yang perlu dibayar; dan

(v) Salinan disahkan benar berkenaan resolusi yang diluluskan oleh para pemegang saham pada mesyuarat agung luar biasa untuk Cadangan.

39. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(2) Penerbitan Waran Percuma dan Penerbitan Sukuk Ijarah Boleh Tukar (sambungan)

Pada 13 Mei 2013, Syarikat telah mengeluarkan Pekeliling kepada para Pemegang Saham serta notis Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") yang diadakan pada 28 Mei 2013 berhubung dengan perkara berikut:

(i) Cadangan penerbitan sehingga 40,910,609 waran percuma Syarikat ("Waran") atas dasar 1 Waran untuk setiap 10 saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat yang dipegang oleh pemegang saham Syarikat yang berhak ("Cadangan Penerbitan Waran Percuma"); dan

(ii) Cadangan penerbitan Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus 5 tahun sehingga RM165.0 juta dalam nilai nominal ("Cadangan Penerbitan Sukuk Ijarah Boleh Tukar").

Pada EGM yang diadakan pada 28 Mei 2013, para pemegang saham Syarikat telah meluluskan resolusi biasa, masing-masing berhubung dengan Cadangan Penerbitan Waran Percuma dan Cadangan Penerbitan Sukuk Ijarah Boleh Tukar.

Pada 26 Julai 2013, cadangan Penerbitan Waran Percuma telah disempurnakan berikutan penyenaraian dan sebut harga bagi 40,910,609 Waran di Pasaran Utama Bursa Securities.

Pada 7 Ogos 2013, Syarikat telah melaksanakan Surat Ikatan Amanah yang mencakupi Sukuk Ijarah Boleh Tukar dengan PB Trustee Services Berhad sebagai pemegang amanah untuk Sukuk Ijarah Boleh Tukar.

Pada 28 Ogos 2013, Perjanjian Langganan untuk Sukuk Ijarah Boleh Tukar telah dilaksanakan oleh Syarikat dan Hong Leong Investment Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai MIMB Investment Bank Berhad).

Pada 17 September 2013, Penerbitan Sukuk Ijarah Boleh Tukar telah disempurnakan dengan penerbitan RM165.0 juta dalam nilai nominal bagi Sukuk Ijarah Boleh Tukar.

(3) Pada 21 Februari 2013, SYABAS dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara ('NIOSH") bersetuju untuk melanjutkan tempoh Memorandum Persefahaman ("MoU") untuk tempoh dua (2) tahun dari 22 Februari 2013 kepada 21 Februari 2015 dengan pindaan kepada MoU di mana SYABAS dan NIOSH akan mengkaji semula kurikulum dan modul latihan sedia ada, panduan pembelajaran dan modul taksiran bagi program latihan dan penilaian OSH-SNSC untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa. Semua terma dan syarat lain MoU tersebut kekal tidak berubah. Buat masa ini MoU masih lagi berjalan.

39. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(4) Pada 3 Januari 2013, PNSB mengumumkan bahawa tempoh penyelesaian kontrak projek bekalan air pedalaman di negeri Sarawak ("Kontrak") bagi tahun 2010 hingga 2012 telah dilanjutkan dari 31 Disember 2012 kepada 28 Februari 2013 di bawah terma dan syarat Kontrak dengan Majikan. Pada 27 Februari 2013, PNSB telah melanjutkan lagi tempoh penyelesaian bagi Kontrak dari 28 Februari 2013 kepada 28 Mac 2013 di bawah terma dan syarat Kontrak dengan Kerajaan Malaysia. Pada 29 Mei 2013, tempoh penyelesaian bagi Kontrak telah dilanjutkan lagi kepada 29 Jun 2013 di bawah terma dan syarat Kontrak dengan Kerajaan Malaysia.

(5) Pada 7 Mac 2013, GOM Resources telah menandatangani Kontrak dengan HESS Exploration And Production Malaysia B.V. (Nombor Pendaftaran Syarikat 993963-V) bagi Menyediakan Kemudahan Pengangkutan dan Pemasangan Bersepadu Luar Pesisir Untuk Projek Skim Pengeluaran Awal ("EPS"), Pembangunan Gas Bersepadu ("IGD") Medan Lembangan Melayu Utara ("NMB").

(6) Pada 15 Mac 2013, Puncak Research Centre Sdn. Bhd. ("PRSC") dan DHI Water Environment Health ("DHI") sama-sama bersetuju untuk melanjutkan Perjanjian Kerjasama untuk tempoh satu (1) tahun lagi, bermula 15 Mac 2013 hingga 14 Mac 2014.

(7) Pada 21 Oktober 2013, SYABAS telah memeterai dua (2) Perjanjian Kemudahan Pinjaman dan perjanjian sampingan, iaitu Surat Ikatan Penyerahhakan dan Debentur dengan Kerajaan Malaysia berhubung dengan pinjaman kerajaan yang mana setiap satu berjumlah RM75.0 juta dan RM76.0 juta daripada Kerajaan Persekutuan ("Pinjaman Kerajaan") di mana Kerajaan Persekutuan diwakili oleh Kementerian Kewangan, Malaysia.

(8) IMOU di antara subsidiari milik penuh Syarikat, PRSC dan K-Water Institute ("KWI") berhubung mewujudkan kepentingan bersama dalam pendidikan, latihan dan kajian berkenaan pengurusan dan teknologi air, air sisa dan alam sekitar menerusi aktiviti dan inisiatif berkaitan bidang ini telah luput pada 26 Oktober 2013.

40. LITIGASI PENTING

(a) KHEC

(i) Prosiding Timbang Tara Pertama

KHEC, sub-kontraktor bagi Projek Augmentasi Bekalan Air Chennai 1 - Pakej III ("Projek Chennai"), pada mulanya telah merujuk pertikaian tuntutan tertentu berjumlah Rs8,44,26,981 (bersamaan dengan lebih kurang RM6.75 juta) terhadap PNHB-LANCO-KHEC JV ("Konsortium"), entiti kawalan bersama Syarikat di India.

Bermula dari prosiding timbang tara yang diambil oleh KHEC, KHEC dan Konsortium masing-masing telah melantik jurutera awam berkelayakan sebagai penimbang tara mereka, dan kedua-dua penimbang tara telah memilih seorang pesara Hakim Mahkamah Tinggi Chennai, India sebagai penimbang tara ketiga yang juga akan bertindak sebagai pengerusi penimbang tara bagi tribunal timbang tara. Tribunal timbang tara telah dibentuk secara rasmi pada 24 September 2005. Pada 28 September 2005 Syarikat telah dimaklumkan bahawa tribunal timbang tara telah menetapkan tarikh berikut untuk memfailkan kertas alasan timbang tara sebagai sebahagian formaliti prosedur permulaan:

(i) tuntutan oleh pihak menuntut, KHEC akan difailkan sebelum 4 Oktober 2005;

(ii) jawapan oleh responden, Konsortium akan difailkan sebelum 18 November 2005; dan

(iii) jawapan balas oleh penuntut, KHEC akan difailkan sebelum 5 Disember 2005.

Pada 2 Januari 2006, Konsortium telah memfailkan tuntutan balasnya berjumlah Rs13,61,61,931 (bersamaan lebih kurang RM10.89 juta) terhadap tuntutan KHEC yang berjumlah Rs8,44,26,981 (bersamaan lebih kurang RM6.75 juta) kepada tribunal timbang tara di India.

Pernyataan Tuntutan yang diserahkan oleh KHEC kemudiannya disemak semula dari Rs8,44,26,981 (bersamaan lebih kurang RM6.75 juta) kepada Rs9,84,58,245 (bersamaan lebih kurang RM7.88 juta) sementara tuntutan balas yang diserahkan oleh Konsortium juga telah disemak semula sepertimana jawapan, dari Rs13,61,61,931 (bersamaan lebih kurang RM10.89 juta) kepada Rs13,63,39,505 (bersamaan lebih kurang RM10.91 juta).

Syarikat telah dimaklumkan pada 4 Mac 2009 oleh peguam yang bertindak bagi pihak Konsortium bahawa pada mesyuarat yang diadakan pada 26 Februari 2009, Panel Timbang Tara telah menerima surat penarikan daripada Panel Timbang Tara bertarikh 18 Februari 2009 daripada penimbang tara yang dicalonkan oleh KHEC. Oleh itu, tarikh untuk mesyuarat selanjutnya bagi Panel Timbang Tara adalah untuk memaklumkan pelantikan penimbang tara gantian yang akan dicalonkan oleh KHEC di bawah Seksyen 15(2) Akta Timbang Tara dan Perdamaian, 1996 India.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(a) KHEC (sambungan)

(i) Prosiding Timbang Tara Pertama (sambungan)

Syarikat telah dimaklumkan pada 25 Jun 2009 bahawa perbicaraan pertama Panel Timbang Tara yang baharu dibentuk bagi Prosiding Timbang Tara Pertama yang terdiri daripada Pengerusi Penimbang Tara, penimbang tara yang dicalonkan oleh Konsortium dan penimbang tara pengganti yang dicalonkan oleh KHEC telah diadakan pada 20 Jun 2009.

Tarikh bagi Prosiding Timbang Tara Pertama yang akan didengar seterusnya telah ditetapkan pada 31 Ogos 2013, 28 September 2013 dan 29 September 2013, 9 November 2013 serta 10 November 2013.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 10 November 2013, Panel Penimbang Tara telah menetapkan buat sementara waktu sambungan perbicaraan Prosiding Timbang Tara Pertama pada 4 Januari 2014 dan 5 Januari 2014.

Sambungan perbicaraan yang telah dijadualkan buat sementara waktu pada 4 Januari 2014 dan 5 Januari 2014 tidak berlangsung seperti yang dijadualkan.

Pada 29 Januari 2014, Panel Timbang Tara telah menetapkan sambungan perbicaraan bagi Prosiding Timbang Tara Pertama diadakan, masing-masing pada 8 Februari 2014 dan 9 Februari 2014.

Sambungan perbicaraan berlangsung pada 8 Februari 2014 tetapi tarikh perbicaraan pada 9 Februari 2014 telah dibatal disebabkan ketiadaan Ketua Penimbang Tara. Panel Timbang Tara telah menetapkan tarikh sambungan perbicaraan bagi Prosiding Timbang Tara Pertama pada 29 Mei 2014 dan 30 Mei 2014.

(ii) Prosiding Timbang Tara Kedua

KHEC telah memulakan prosiding timbang tara kedua terhadap ahli Konsortium PNHB-Lanco (“Timbang Tara Kedua”) masing-masing berdasarkan terma JVA bertarikh 13 Februari 2003 dan Perjanjian Tambahan kepada JVA tersebut bertarikh 26 Mac 2003, yang telah dimeterai di antara Syarikat, Lanco Infratech Limited (“Lanco”) dan KHEC, di mana KHEC menuntut kehilangan keuntungan (termasuk faedah dan kos lain) berjumlah Rs5,44,32,916 (bersamaan lebih kurang RM4.35 juta) yang mana mereka menyatakan, walaupun mereka merupakan 10% pemilik saham, tetapi hanya menerima 4.31% daripada jumlah nilai kerja kontrak Projek Chennai. KHEC kemudian memfailkan satu tuntutan pindaan bagi ganti rugi dan kehilangan keuntungan daripada Rs5,44,32,916 kepada Rs55,44,32,916 (bersamaan kira-kira RM4.35 juta kepada RM44.3 juta). Peguam PNHB-Lanco telah memfailkan permohonan interim untuk menolak tuntutan sebanyak Rs50,00,00,000 (bersamaan kira-kira RM39.9 juta) bagi pampasan untuk kerugian peluang atas dasar ia tidak masuk akal dan tidak munasabah.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(a) KHEC (sambungan)

(ii) Prosiding Timbang Tara Kedua (sambungan)

Prosiding Timbang Tara Kedua yang telah dibicarakan oleh seorang penimbang tara telah selesai di mana pihak yang terlibat telah mengemukakan penghujahan bertulis masing-masing pada 1 Disember 2012.

Pada 1 April 2013, ahli Konsortium PNHB-Lanco telah menerima Keputusan Akhir Penimbang Tara bertarikh 29 Mac 2013 di mana ahli Konsortium PNHB-Lanco dikehendaki membayar faedah untuk kelewatan pembayaran kos pengupayaan sebanyak Rs.58 Lakhs yang berjumlah Rs14,62,503 (kira-kira RM83,627.38) sahaja kepada penuntut, KHEC pada atau sebelum 30 April 2013 dan semua tuntutan lain oleh penuntut telah ditolak.

Pada 27 April 2013 ahli Konsortium PNHB-Lanco telah mematuhi Keputusan Akhir Penimbang Tara bertarikh 29 Mac 2013 dengan membayar faedah untuk kelewatan pembayaran kos pengupayaan sebanyak Rs.58 Lakhs yang berjumlah Rs.14,62,503 kepada KHEC.

KHEC telah memaklumkan Syarikat mengenai hasratnya untuk mencabar Keputusan Akhir Penimbang Tara bertarikh 29 Mac 2013. Walau bagaimanapun, sehingga tarikh terkini, tiada dokumen yang dihantar oleh KHEC terhadap ahli Konsortium PNHB-LANCO.

Pihak menuntut, KHEC, pada 4 November 2013 telah menghantar kepada ahli Konsortium PNHB-Lanco sesalinan Petisyen yang difailkan di Mahkamah Tinggi Madras bagi merayu terhadap keputusan Penimbang Tara bertarikh 29 Mac 2013. Mahkamah Tinggi Madras menetapkan perbicaraan Petisyen pada 2 Disember 2013.

Pada 2 Disember 2013, Mahkamah Tinggi Madras telah menangguhkan perbicaraan Petisyen yang difailkan oleh KHEC kepada 3 Disember 2013.

Pada 3 Disember 2013, Mahkamah Tinggi Madras telah menetapkan sambungan perbicaraan petisyen yang difailkan oleh KHEC pada 10 Disember 2013.

Pada 10 Disember 2013, Mahkamah Tinggi Madras telah menangguhkan perbicaraan Petisyen yang difailkan oleh KHEC, di mana tarikh baharu perbicaraan belum lagi ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi Madras.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(b) JAKS-KDEB

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D4-22-1452-2006

PUAS dan SYABAS telah diberikan:

(i) Satu Writ Saman dan Penyata Tuntutan bertarikh 6 Oktober 2006;

(ii) Saman dalam Kamar Ex-Parte bertarikh 6 Oktober 2006 ("SIC Ex-Parte") dan Afidavit sokongannya yang disahkan pada 6 Oktober 2006;

(iii) Penyata Pindaan Tuntutan difailkan pada 18 Oktober 2006; dan

(iv) Satu Perintah Injunksi Ex-Parte bertarikh 18 Oktober 2006 ("Perintah Ex-Parte");

(selepas ini dirujuk sebagai "Tindakan Guaman") berhubung dengan Tindakan Guaman, oleh peguam cara JAKS-KDEB ("Plaintif") pada 19 Oktober 2006.

JAKS-KDEB telah memulakan tindakan undang-undang terhadap PUAS dan SYABAS berhubung dengan perjanjian bertarikh 25 Oktober 2001 yang dimeterai antara JAKS-KDEB dan Kerajaan Negeri berhubung bekalan paip dan kelengkapan di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Merujuk kepada SIC Ex-Parte, Plaintif memohon perkara berikut:

(i) Satu perintah untuk segera menghalang PUAS dan/atau SYABAS sama ada mereka sendiri, ejen mereka, pekerja, pengarah, kontraktor, nomini dan/atau semua pihak berkaitan dengan PUAS dan/atau SYABAS dan/atau pemegang serah hak dan/atau pengganti hak milik atau walau bagaimanapun dengan cara lain melalui injunksi, dihalang daripada membeli dan/atau memperoleh dan/atau diberi dan/atau berurusan dengan dan/atau menerima semua keperluannya untuk paip (yang meliputi paip lurus sama ada seluruh atau mengikut kepanjangan dipotong daripada apa-apa bahan termasuk tetapi tidak terhad kepada paip keluli lembut) dan kelengkapan (yang termasuk tee, liku, pita, tetirus, relang, penyesuai bebibir, bebibir rata, sambungan mekanik dan aksesori seumpamanya) berhubung dengan semua projek air yang sedang dijalankan atau akan dijalankan di Negeri Selangor termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dari mana-mana entiti kecuali daripada Plaintif sehingga penyelesaian permohonan inter-parte Plaintif untuk satu injunksi;

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(b) JAKS-KDEB (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D4-22-1452-2006 (sambungan)

(ii) Satu perintah untuk segera menghalang PUAS dan/atau SYABAS sama ada mereka sendiri, ejen mereka, pekerja, pengarah, kontraktor, nomini dan/atau semua pihak berkaitan dengan PUAS dan/atau SYABAS dan/atau pemegang serah hak dan/atau pengganti hak milik atau walau bagaimanapun dengan jalan lain melalui injunksi, dihalang daripada mengambil langkah selanjutnya untuk membekal dan/atau berurusan dalam semua paip dan kelengkapan di atas dan/atau termasuk rundingan dan/atau memberi kontrak dengan mana-mana entiti lain yang timbul dan berhubung dengan pembelian dan/atau memperoleh dan/atau diberi dan/atau menerima semua keperluannya untuk paip dan kelengkapan berhubung dengan semua projek air yang sedang dijalankan atau akan dijalankan di Negeri Selangor termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga penyelesaian permohonan inter-parte Plaintif untuk satu injunksi;

(iii) Kos adalah kos mengikut kausa;

(iv) Bahawa satu tarikh ditetapkan bagi perbicaraan inter-parte permohonan Plaintif dalam tempoh 21 hari dari tarikh Perintah Inter-Parte; dan

(v) Relief selanjutnya yang sedemikian dan lain-lain sepertimana yang dianggap sesuai oleh Mahkamah Tinggi.

Permohonan di atas dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi berkenaan permohonan SIC Ex-Parte Plaintif tanpa kehadiran PUAS dan SYABAS atau Peguam mereka di Mahkamah Tinggi pada 18 Oktober 2006. Perintah Ex-Parte Plaintif berkuat kuasa untuk tempoh dua puluh satu (21) hari dari 18 Oktober 2006 sehingga tarikh perbicaraan inter-parte yang ditetapkan pada 7 November 2006.

PUAS dan SYABAS menafikan dan menyangkal semua dakwaan yang ditimbulkan oleh Plaintif dalam Tindakan Guaman tersebut dan telah mengarahkan Peguam Cara mereka untuk memfailkan satu permohonan dengan merujuk kepada Saman dalam Kamar bertarikh 1 November 2006 bagi mengenepikan Perintah Ex-Parte tersebut dan membela diri terhadap tuntutan Plaintif pada hari perbicaraan inter-parte yang ditetapkan pada 7 November 2006.

Berdasarkan permohonan Peguam Cara Plaintif semasa perbicaraan pada 7 November 2006 (“Perbicaraan”), Mahkamah Tinggi telah membenarkan penangguhan Perbicaraan kepada 17 November 2006 bagi membolehkan Plaintif menyediakan jawapan afidavit terhadap afidavit yang difailkan oleh Kerajaan Negeri, Defenden Ke-3 kepada Tindakan Guaman. Sesudah itu, Perbicaraan ditangguhkan kepada 20 November 2006.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(b) JAKS-KDEB (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D4-22-1452-2006 (sambungan)

Semasa perbicaraan pada 20 November 2006, Mahkamah Tinggi menetapkan 22 November 2006 sebagai tarikh untuk memberi keputusannya mengenai permohonan Inter-Parte untuk injunksi. Mahkamah Tinggi juga memerintahkan bahawa tiada perintah ad-interim yang melanjutkan injuksi Ex-Parte akan diberi bagi tempoh dari 20 November hingga 22 November 2006. Ini bermakna bahawa bagi tempoh ini, SYABAS bebas mendapatkan bekalan paipnya daripada mana-mana sumber.

Semasa perbicaraan pada 22 November 2006, Mahkamah Tinggi tidak memberi perintah injunksi yang dipohon oleh JAKS-KDEB dan sebaliknya terus menetapkan tarikh untuk Pengurusan Kes pada 15 Januari 2007. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan Pengurusan Kes tersebut kepada 13 Januari 2007 dan kemudiannya kepada 22 Mac 2007.

Pada 22 Mac 2007, Mahkamah Tinggi menetapkan sebutan Pengurusan Kes pada 4 April 2007. Permohonan oleh JAKS-KDEB untuk Penzahiran terhadap PUAS dan SYABAS serta Pemeriksaan Perjanjian Konsesi SYABAS turut didengar pada 22 Mac 2007 dan keputusan telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 4 April 2007. Semasa perbicaran pada 4 April 2007, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan Penzahiran oleh JAKS-KDEB terhadap PUAS dan SYABAS dan oleh itu, memerintahkan penzahiran dan pemeriksaan Perjanjian Konsesi SYABAS.

Selepas berunding dengan peguam caranya mengenai prospek memfailkan rayuan, SYABAS telah mengarahkan peguam caranya untuk memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan. Rayuan tersebut kemudiannya difailkan di Mahkamah Rayuan pada 3 Mei 2007. Semasa perbicaraan pada 15 Julai 2008, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan SYABAS terhadap Perintah Penzahiran oleh Mahkamah Tinggi bertarikh 4 April 2007 dan memerintahkan pendedahan Perjanjian Konsesi dengan kos. SYABAS telah mengarahkan peguam caranya untuk tidak meneruskan rayuan ke Mahkamah Persekutuan. Keputusan dibuat terutamanya berdasarkan hakikat bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak menentang pendedahan Perjanjian Konsesi di Mahkamah Tinggi.

Semasa perbicaraan pada 3 Oktober 2007, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan untuk meminda Penyata Pembelaan, dengan kos dan kos sampingan ditanggung oleh PUAS dan SYABAS.

Disebabkan oleh pembubaran Jabatan Kawalselia Air Selangor ("JKAS") yang sebelum ini merupakan penerima makluman bertulis dan laporan bertulis seperti yang dinyatakan dalam Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 22 November 2006, SYABAS telah mengarahkan peguam caranya supaya memfailkan permohonan ke Mahkamah Tinggi untuk meminda Perintah tersebut dengan menggantikan JKAS dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ("SPAN") sebagai penerima dan permohonan tersebut yang ditetapkan untuk Perbicaraan pada 20 April 2009 kemudiannya ditangguhkan kepada 19 Mei 2009 dan 25 Jun 2009.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(b) JAKS-KDEB (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D4-22-1452-2006 (sambungan)

Pada 6 Julai 2009, Mahkamah Tinggi telah menetapkan Perbicaraan permohonan Defendan Pertama dan Kedua untuk meminda Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 22 November 2006 hingga 22 Julai 2009. Mahkamah Tinggi telah mengarahkan Plaintif supaya memfailkan Afidavit selanjutnya untuk menyatakan bahawa Plaintif berhasrat untuk menambah Kerajaan Negeri dalam Perintah tersebut memandangkan permohonan tersebut hanya berhubung dengan pindaan entiti kepada SPAN.

Pada 22 Julai 2009, semasa Perbicaraan pemohonan Defendan Pertama dan Kedua untuk meminda Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 22 November 2006, Mahkamah Tinggi telah membenarkan penambahan perkataan “dan/atau Kerajaan Negeri Selangor” ditambah dalam Perintah tersebut berserta dengan perkataan “SPAN”. Penambahan tersebut diminta oleh Plaintif dan dipersetujui oleh Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, yang mewakili Defendan Ke-3.

Mahkamah Tinggi kemudiannya telah menangguhkan perkara tersebut untuk Perbicaraan pada 30 Oktober 2009 kerana Defendan Ke-3 berhasrat untuk menentang permohonan Plaintif bagi meminda Penyata Tuntutan. Perbicaraan tersebut telah ditangguhkan kepada 12 November 2009 bagi membolehkan Defendan Ke-3 memfailkan Afidavit Jawapannya terhadap Afidavit Jawapan Plaintif. Semasa Perbicaraan yang diadakan pada 12 November 2009 bagi permohonan Plaintif untuk meminda Penyata Tuntutan, Mahkamah Tinggi telah menetapkan untuk memutuskan perkara tersebut pada 18 November 2009. Semasa Pengurusan Kes yang diadakan pada 18 November 2009, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan Plaintif untuk meminda Penyata Tuntutan dan menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 12 Januari 2010. Sebagai tindak balas, SYABAS telah memfailkan Pindaan Penyata Pembelaan pada 22 Januari 2010 dan perkara tersebut telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 25 Mac 2010.

Semasa Pengurusan Kes yang diadakan pada 25 Mac 2010, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan sebutan perkara tersebut kepada 5 April 2010 bagi memastikan sama ada perkara tersebut boleh diteruskan melalui cara pengantaraan. Pada 5 April 2010, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara tersebut kepada 10 Mei 2010 untuk Pengurusan Kes bagi membolehkan pihak-pihak terbabit mematuhi arahan Mahkamah Tinggi dan menetapkan perkara untuk perbicaraan kerana pihak-pihak terlibat tidak bersetuju dengan pengantaraan. Pengurusan Kes seterusnya diadakan pada 4 Jun 2010 dan 4 Ogos 2010 dan Pengurusan Kes berikutnya ditetapkan pada 29 September 2010. Mahkamah Tinggi kemudiannya menangguhkan perkara tersebut untuk Perbicaraan pada 12 Oktober 2010 dengan tarikh perbicaraan buat sementara waktu ditetapkan pada 16 Oktober 2010 dan 17 Oktober 2010 tertakluk kepada pengesahan semula pada tarikh Pengurusan Kes berikutnya. Semasa Pengurusan Kes yang diadakan pada 12 Oktober 2010, Mahkamah Tinggi menetapkan tarikh perbicaraan pada 16 Disember 2010, 17 Disember 2010, 20 Januari 2011 dan 21 Januari 2011. Penghujahan lisan akan didengar pada 24 Januari 2011 dan 25 Januari 2011.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(b) JAKS-KDEB (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D4-22-1452-2006 (sambungan)

Semasa perbicaraan pada 17 Disember 2010, Mahkamah Tinggi telah membatalkan tarikh perbicaraan 20 Januari 2011 dan menetapkan tarikh perbicaraan baharu pada 28 Mac 2011 hingga 31 Mac 2011. Tarikh perbicaraan yang telah ditetapkan pada 21 Januari 2011 serta tarikh penghujahan lisan yang ditetapkan pada 24 Januari 2011 dan 25 Januari 2011 kekal tidak berubah.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 21 Januari 2011, Mahkamah Tinggi telah membatalkan tarikh yang ditetapkan sebelumnya untuk penghujahan lisan pada 24 Januari 2011 dan 25 Januari 2011 dan menetapkan tarikh tambahan untuk sambungan perbicaraan pada 24 Januari 2011, 25 Januari 2011 dan 26 Januari 2011. Tarikh perbicaraan yang telah ditetapkan sebelum ini pada 28 Mac 2011 hingga 31 Mac 2011 kekal tidak berubah. Semasa perbicaraan pada 28 Mac 2011, Mahkamah Tinggi telah membatalkan tarikh pada 30 Mac 2011 dan 31 Mac 2011. Tarikh perbicaraan pada 28 Mac 2011 dan 29 Mac 2011 kekal tidak berubah. Perkara tersebut telah ditetapkan untuk perbicaraan penuh selanjutnya pada 5 Mei 2011, 6 Mei 2011, 20 Mei 2011, 8 Jun 2011, 9 Jun 2011 dan 10 Jun 2011. Oleh kerana perbicaraan selesai pada 9 Jun 2011, perbicaraan yang ditetapkan untuk 10 Jun 2011 telah dibatalkan dan keputusan untuk perkara tersebut telah ditetapkan pada 12 September 2011.

Pada 12 September 2011, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan tarikh keputusan untuk perkara tersebut kepada 5 Oktober 2011 kerana penghujahan selepas perbicaraan hanya ditutup pada 9 September 2011. Pada 5 Oktober 2011, Mahkamah Tinggi telah menolak tuntutan plaintif terhadap Defendan yang meliputi PUAS dan SYABAS. Pada 3 November 2011, JAKS-KDEB memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 5 Oktober 2011.

SYABAS telah dimaklumkan oleh peguam caranya pada 3 Disember 2012 bahawa Mahkamah Rayuan telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes pada 10 Januari 2013.

Semasa Pengurusan Kes pada 10 Januari 2013, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 26 Februari 2013 bagi menetapkan tarikh perbicaraan mengenai Rayuan yang telah difailkan oleh JAKS-KDEB Consortium Sdn Bhd.

Semasa Pengurusan Kes pada 26 Februari 2013, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perkara tersebut untuk Perbicaraan pada 22 Mei 2013 berkenaan Rayuan yang telah difailkan oleh JAKS-KDEB Consortium Sdn Bhd.

Pada 22 Mei 2013, Mahkamah Rayuan telah menangguhkan perbicaraan mengenai Rayuan yang difailkan oleh JAKS-KDEB Consortium Sdn Bhd terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 5 Oktober 2011 yang telah menolak tuntutan JAKS-KDEB terhadap SYABAS dan dua Defendan lain, pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian oleh Mahkamah Rayuan.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(b) JAKS-KDEB (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D4-22-1452-2006 (sambungan)

Mahkamah Rayuan telah menetapkan perbicaraan mengenai Rayuan yang difailkan oleh JAKS-KDEB Consortium Sdn Bhd terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 5 Oktober 2011 (yang telah menolak tuntutan JAKS-KDEB terhadap SYABAS dan dua Defendan lain) pada 28 Ogos 2013.

Semasa berlangsungnya perbicaraan pada 28 Ogos 2013, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 5 September 2013 bagi membolehkan mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan.

Semasa pengurusan kes diadakan pada 5 September 2013, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perbicaraan mengenai Rayuan yang difailkan oleh JAKS-KDEB Consortium Sdn Bhd terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 5 Oktober 2011 (yang telah menolak tuntutan JAKS-KDEB terhadap SYABAS dan dua Defendan lain) pada 14 November 2013.

Semasa berlangsungnya perbicaraan pada 14 November 2013 mengenai Rayuan yang difailkan oleh JAKS-KDEB Consortium Sdn Bhd terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 5 Oktober 2011 (yang telah menolak tuntutan JAKS-KDEB terhadap SYABAS dan dua Defendan lain), Mahkamah Rayuan secara sebulat suara telah menolak rayuan JAKS-KDEB Consortium Sdn Bhd dengan kos sebanyak RM40,000 diberikan kepada SYABAS dan PUAS serta RM15,000 diberikan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

JAKS-KDEB Consortium Sdn Bhd telah memfailkan Notis Usul untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan pada 14 November 2013 yang telah menolak tuntutan JAKS-KDEB terhadap SYABAS dan dua Defendan lain.

Pada 4 Februari 2014, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan Notis Usul JAKS-KDEB Consortium Sdn Bhd untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 14 November 2013 bagi pengurusan kes pada 10 Februari 2014.

Pada 10 Februari 2014, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan Notis Usul JAKS-KDEB Consortium Sdn Bhd untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 14 November 2013 bagi pengurusan kes pada 19 Februari 2014.

Pada 19 Februari 2014, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan Notis Usul JAKS-KDEB Consortium Sdn Bhd untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 14 November 2013 bagi perbicaraan pada 6 Mei 2014.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Usaha Sama ADP-PJI ("ADP-PJI JV")

Pada 27 Februari 2009, PNSB telah dimaklumkan oleh peguam caranya mengenai Pernyataan Tuntutan bertarikh 25 Februari 2009 yang diserahkan oleh ADP-PJI JV pada 26 Februari 2009 untuk prosiding timbang tara terhadap PNSB.

Butiran timbang tara tersebut adalah seperti berikut:

(i) Melalui sepucuk Surat Penganugerahan Kerja bertarikh 5 Ogos 2004, PNSB telah menganugerahkan kontrak bagi mereka bentuk, membina, menyiap dan mentauliah sebuah loji pembersihan air ("Kerja") bagi "Projek Pembinaan Loji/Kolam Takungan dan Paip Utama Telibong dan Telipok, Sabah" ("Projek Sabah") kepada sebuah usaha sama tidak diperbadankan yang dikenali sebagai ADP-PJI JV untuk jumlah harga pukal RM65,161,515.01 yang telah ditetapkan.

(ii) Pada 26 Disember 2007, atas nasihat peguam caranya, PNSB telah mengeluarkan notis penamatan perkhidmatan ADP-PJI JV kerana, antara lain, gagal meneruskan Kerja secara tetap dan tekun. ADP-PJI JV mempertikai penamatan tersebut dan merujukkan perkara tersebut kepada Pegawai Penguasa ("S.O.") di bawah kontrak untuk keputusan. Berikutan rujukan kepada S.O. untuk mendapatkan keputusan dan tidak berpuas hati atas perkara tersebut, ADP-PJI JV telah merujuk pertikaian berkaitan penamatan perkhidmatan mereka kepada timbang tara.

(iii) ADP-PJI JV melalui peguam caranya telah menyerahkan Pernyataan Tuntutan bertarikh 25 Februari 2009 dalam timbang tara terhadap PNSB melalui peguam cara PNSB pada 26 Februari 2009.

(iv) Pernyataan Tuntutan tersebut adalah untuk mendapatkan pelbagai relief yang timbul daripada dakwaan dengan salahnya penamatan perkhidmatan ADP-PJI JV. ADP-PJI JV menuntut sejumlah RM10,080,201.31 untuk kerugian, perbelanjaan dan ganti rugi, gangguan terhadap kemajuan kerja perkhidmatan, kegagalan untuk membayar amaun yang disahkan dan bagi kerja yang telah disiapkan yang belum ditauliah dan lain-lain perlanggaran kontrak atau jumlah lain yang sepertimana ADP-PJI JV dapati berhak untuk mendapatkannya daripada PNSB yang timbul daripada dakwaan dengan salahnya menamatkan perkhidmatan ADP-PJI JV.

(v) Pada 27 April 2009, PNSB telah menyerahkan Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas dalam timbang tara, antara lain, menyatakan bahawa PNSB dengan wajarnya telah menamatkan perkhidmatan ADP-PJI JV disebabkan perlanggaran kontrak oleh ADP-PJI JV bagi "Projek Pembinaan Loji/Kolam Takungan dan Paip Utama Telibong dan Telipok, Sabah" serta kegagalan untuk menepati tarikh penyiapan Projek Sabah itu.

Tuntutan Balas PNSB, antara lain, meliputi kos tambahan yang tertanggung bagi menyiapkan kerja untuk Projek Sabah ("Kerja"), kos tambahan berhubung dengan tanggungjawab obligasi penyelenggaraan, pengurusan dan kos kakitangan, ganti rugi, ganti rugi jumlah tertentu atau ganti rugi umum disebabkan oleh kelewatan dalam menyiapkan Kerja dan tuntutan kerja lebih masa oleh jurutera bagi tujuan penyeliaan pembinaan.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Usaha Sama ADP-PJI ("ADP-PJI JV") (sambungan)

(vi) PNSB telah dimaklumkan oleh peguam caranya pada 1 Jun 2009 bahawa ia telah diserahkan dengan Jawapan dan Pembelaan terhadap Tuntutan Balas dari ADP-PJI JV bertarikh 28 Mei 2009 oleh peguam cara yang bertindak bagi pihak ADP-PJI JV, yang pada asasnya menggabungkan isu dengan Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas PNSB bertarikh 27 April 2009 dan ADP-PJI JV mengulangi kedudukannya sebelum ini dengan merujuk Pernyataan Tuntutannya bertarikh 25 Februari 2009.

(vii) Pada 4 November 2010, PNSB telah menutup kesnya dan Penimbang Tara telah mengarahkan penghujahan bertulis difailkan oleh ADP-PJI JV serta PNSB masing-masing menjelang 29 Januari 2011 dan 1 April 2011 dan jawapannya, jika ada, pada 2 Mei 2011.

(viii) Penimbang Tara kemudiannya membenarkan peguam cara PNSB memfailkan penghujahan bertulis mereka menjelang 3 Mei 2011 dan dengan demikian, peguam cara ADP-PJI JV dikehendaki menyerahkan jawapan mereka menjelang 3 Jun 2011.

(ix) Penghujahan bertulis Responden telah difailkan dengan Penimbang Tara pada 3 Mei 2011.

Pada 18 Februari 2013, peguam cara PNSB telah menerima Keputusan Akhir Penimbang Tara yang dikeluarkan bertarikh 31 Januari 2013 berhubung dengan penimbangtaraan tersebut di mana Penimbang Tara, antara lain, telah memutuskan seperti berikut:

(i) Bahawa penamatan perkhidmatan Pihak Menuntut di bawah Kontrak adalah menyalahi undang-undang dan tidak sah.

(ii) Bahawa Responden hendaklah membayar kepada Pihak Menuntut sejumlah Ringgit Malaysia Tujuh Juta Sembilan Ratus Tujuh Puluh Ribu Sembilan Ratus Lima dan Sen Lapan Puluh Tujuh (RM7,970,905.87) sahaja ("Jumlah Keputusan") yang mana Ringgit Malaysia Tiga Juta Lima Ratus Lima Puluh Dua Ribu Satu Ratus Tujuh Dan Sen Lima Puluh Enam (RM3,552,107.56) sahaja dan Ringgit Malaysia Tiga Juta Dua Ratus Lima Puluh Lapan Ribu Tujuh Puluh Lima Dan Sen Tujuh Puluh Lima (RM3,258,075.75) sahaja masing-masing adalah bayaran bagi kerja-kerja yang diperakui dan wang tertahan.

(iii) Bahawa Responden juga hendaklah membayar faedah kepada Pihak Menuntut pada kadar 8% setahun ke atas Jumlah Keputusan dari 26 Disember 2007. Faedah tersebut akan terus dikenakan sehingga pembayaran tersebut benar-benar direalisasikan oleh Responden.

(iv) Bahawa Responden hendaklah menanggung dan membayar kos Pihak Menuntut dalam Prosiding Timbang Tara atas dasar dari satu pihak ke pihak lain.

(v) Bahawa Responden hendaklah membayar dan menanggung kos Keputusan.

(vi) Bahawa semua permintaan dan tuntutan lain daripada Pihak Menuntut dan Responden adalah ditolak.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Usaha Sama ADP-PJI ("ADP-PJI JV") (sambungan)

Pada 19 Mac 2013, pihak-pihak tersebut telah mencapai penyelesaian secara berbaik-baik berhubung dengan Keputusan Akhir bertarikh 31 Januari 2013. Penyelesaian penuh dan akhir berjumlah Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Satu Ratus Satu Ribu Sembilan Puluh Lima (RM10,101,095) sahaja dibuat oleh PNSB telah sama-sama membebas dan melepaskan pihak-pihak terlibat daripada semua obligasi dan liabiliti (termasuk apa-apa tuntutan terhadap faedah dan kos) yang timbul di bawah dan/atau berhubung dengan Keputusan Akhir tersebut.

(d) SPLASH

Tindakan Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D-22ND-398-2009

Pada 19 November 2009, SYABAS telah diserahkan Writ dan Pernyataan Tuntutan ("Pernyataan Tuntutan") bertarikh 30 Oktober 2009 daripada peguam cara yang bertindak bagi pihak SPLASH.

Tuntutan SPLASH adalah atas dakwaan amaun belum jelas kena bayar dan terhutang berhubung dengan Caj Bekalan dan Caj Kapasiti daripada SYABAS di bawah Perjanjian Penswastaan bertarikh 24 Januari 2000, Perjanjian Tambahan bertarikh 3 Februari 2005 dan Perjanjian Novasi bertarikh 3 Februari 2005.

Dalam Pernyataan Tuntutan, antara lain, SPLASH menuntut perkara berikut:

(i) Sejumlah RM196,344,000 yang merupakan bayaran untuk inbois-inbois;

(ii) Faedah atas jumlah tersebut sebanyak RM22,495,000 yang merupakan Caj Kapasiti bagi bulan Oktober 2008 pada kadar satu peratus (1%) setahun campur Kadar Pinjaman Asas Malayan Banking Berhad mengikut asas harian dari 1 Februari 2009 hingga ke tarikh realisasi sepenuhnya;

(iii) Faedah atas jumlah RM23,104,000 yang merupakan Caj Kapasiti bagi bulan November 2008 pada kadar satu peratus (1%) setahun campur Kadar Pinjaman Asas Malayan Banking Berhad mengikut asas harian dari 1 Mac 2009 hingga ke tarikh realisasi sepenuhnya;

(iv) Faedah atas jumlah RM19,387,000 yang merupakan Caj Kapasiti bagi bulan Disember 2008 pada kadar satu peratus (1%) setahun campur Kadar Pinjaman Asas Malayan Banking Berhad mengikut asas harian dari 1 April 2009 hingga ke tarikh realisasi sepenuhnya;

(v) Faedah atas jumlah RM28,284,000 yang merupakan Caj Kapasiti bagi bulan Januari 2009 pada kadar satu peratus (1%) setahun campur Kadar Pinjaman Asas Malayan Banking Berhad mengikut asas harian dari 1 Mei 2009 hingga ke tarikh realisasi sepenuhnya;

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) SPLASH (sambungan)

Tindakan Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D-22ND-398-2009 (sambungan)

(vi) Faedah atas jumlah RM26,654,000 yang merupakan Caj Kapasiti bagi bulan Februari 2009 pada kadar satu peratus (1%) setahun campur Kadar Pinjaman Asas Malayan Banking Berhad mengikut asas harian dari 1 Jun 2009 hingga ke tarikh realisasi sepenuhnya;

(vii) Faedah atas jumlah RM27,269,000 yang merupakan Caj Kapasiti bagi bulan Mac 2009 pada kadar satu peratus (1%) setahun campur Kadar Pinjaman Asas Malayan Banking Berhad mengikut asas harian dari 1 Julai 2009 hingga ke tarikh realisasi sepenuhnya;

(viii) Faedah atas jumlah RM24,798,000 yang merupakan Caj Kapasiti bagi bulan April 2009 pada kadar satu peratus (1%) setahun campur Kadar Pinjaman Asas Malayan Banking Berhad mengikut asas harian dari 1 Ogos 2009 hingga ke tarikh realisasi sepenuhnya;

(ix) Faedah atas jumlah RM24,353,000 yang merupakan Caj Kapasiti bagi bulan Mei 2009 pada kadar satu peratus (1%) setahun campur Kadar Pinjaman Asas Malayan Banking Berhad mengikut asas harian dari 1 September 2009 hingga tarikh realisasi sepenuhnya; dan

(x) Kos

SYABAS telah mengarahkan peguam caranya untuk membela terhadap tuntutan di atas. Pada 6 Januari 2010, peguam cara SYABAS telah memfailkan dan menyerahkan Pembelaan SYABAS terhadap tuntutan yang difailkan oleh SPLASH bertarikh 30 Oktober 2009. Pada 26 Januari 2010 Mahkamah Tinggi telah menetapkan tarikh sebutan kes pada 22 Februari 2010 dan untuk pengurusan kes selanjutnya pada 25 Mac 2010 untuk SPLASH meminda Pernyataan Tuntutan. Pada 30 April 2010 Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan Plaintif untuk meminda Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan dengan persetujuan. Pada 18 Mei 2010 peguam cara SYABAS telah memfailkan dan menyerahkan Pindaan Pembelaan bertarikh 18 Mei 2010.

Pada 20 Ogos 2010, Mahkamah Tinggi menangguhkan perbicaraan kepada 29 September 2010 dan sementara itu membenarkan pihak berkaitan bertukar afidavit. Semasa perbicaraan pada 29 September 2010, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perbicaraan bagi permohonan SPLASH di bawah Perintah 33 Peraturan 2 untuk Mahkamah Tinggi menentukan isu permulaan berkenaan pembentukan fasal pembayaran mengikut kadar dalam Perjanjian Novasi dengan SYABAS, kepada 29 Oktober 2010 sementara permohonan SYABAS untuk meminda semula Pindaan Pembelaan telah dibenarkan dengan kos.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) SPLASH (sambungan)

Tindakan Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D-22ND-398-2009 (sambungan)

Semasa perbicaraan pada 29 Oktober 2010, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan keputusan permohonan SPLASH kepada 12 November 2010.

Permohonan SPLASH di bawah Perintah 33 Peraturan 2 untuk mendengar isu permulaan telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi pada 12 November 2010 dan perkara tersebut telah ditetapkan untuk Perbicaraan pada 10 Januari 2011.

Semasa Perbicaraan diadakan pada 29 November 2010, Mahkamah Tinggi menetapkan 3 Disember 2010 untuk keputusan mengenai permohonan Plaintif bagi meminda semula Pindaan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan. Tarikh perbicaraan Writ Saman dan isu permulaan di bawah permohonan SYABAS di bawah Perintah 33 Peraturan 2 yang pada asalnya ditetapkan pada 10 Januari 2011 telah dibatalkan dan perkara tersebut ditetapkan untuk perbicaraan pada 7 Januari 2011. Peguam SYABAS telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 12 November 2010 yang membenarkan Permohonan SPLASH di bawah Perintah 33 Peraturan 2 untuk isu permulaan didengar. Semasa perbicaraan pada 3 Disember 2010, Mahkamah Tinggi telah membenarkan Permohonan oleh Plaintif untuk meminda semula Pindaan Pernyataan Tuntutan dan perkara tersebut telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 7 Januari 2011.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 7 Januari 2011 mengenai Writ Saman dan isu permulaan (Perintah 33 Peraturan 2 Mahkamah Tinggi), Mahkamah Tinggi telah menetapkan keputusan untuk perkara tersebut pada 16 Februari 2011 yang kemudiannya ditetapkan untuk keputusan pada 21 Februari 2011. Mahkamah Rayuan telah menetapkan rayuan bagi pengurusan kes pada 17 Februari 2011. Pengurusan kes yang asalnya ditetapkan pada 17 Februari 2011 oleh Mahkamah Rayuan untuk rayuan telah ditangguhkan kepada 25 Februari 2011 berikutan permohonan oleh peguam cara SYABAS sementara menunggu keputusan Mahkamah Tinggi mengenai tuntutan Plaintif yang telah ditetapkan pada 21 Februari 2011.

Rayuan SYABAS terhadap Perintah Mahkamah Tinggi berkenaan permohonan Plaintif menurut Perintah 33 Peraturan Mahkamah Tinggi 1980 bagi perbicaraan isu permulaan telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 22 Mac 2011. Mahkamah Tinggi telah mempercepatkan tarikh perbicaraan permohonan lisan untuk mengekalkan perintah sementara menunggu rayuan dari 6 April 2011 hingga 29 Mac 2011. Rayuan SYABAS terhadap Perintah Mahkamah Tinggi berkenaan permohonan Plaintif menurut Perintah 33 Peraturan Mahkamah Tinggi 1980 telah ditangguhkan kepada 5 April 2011.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) SPLASH (sambungan)

Saman Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D-22ND-398-2009 (sambungan)

Pada 30 Jun 2011, Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan berhubung dengan rayuan SYABAS seperti berikut:

(i) Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 11 Disember 2010 yang membenarkan permohonan Plaintif menurut Perintah 33 Peraturan Mahkamah Tinggi 1980 ("Rayuan Pertama") tidak dibenarkan; dan

(ii) Rayuan SYABAS terhadap Perintah Mahkamah Tinggi ke atas SYABAS bertarikh 21 Februari 2011 (Rayuan Sivil W-02 (NCC) 504-2011) ("Rayuan Ke-2") telah dibenarkan untuk sebahagian darinya.

Semasa perbicaraan permohonan SYABAS pada 29 Mac 2011, untuk penggantungan pelaksanaan Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 21 Februari 2011 ("Perintah"), Mahkamah Tinggi telah melanjutkan perintah penggantungan pelaksanaan Perintah (tidak termasuk pengambilan akaun) sehingga penyelesaian rayuan. SPLASH telah diberi kebebasan dengan keizinan untuk memohon mengetepikan penggantungan tersebut sekiranya berlaku sebarang kelewatan dalam pelaksanaan rayuan melebihi 7 Mei 2011. Penggantungan pelaksanaan tidak menghalang SPLASH daripada memohon untuk mengambil kira semua bayaran kena bayar di hadapan Pendaftar kerana tidak ada penggantungan prosiding.

Pada 21 Februari 2011, Mahkamah Tinggi telah mengisytiharkan bahawa SYABAS dikehendaki membayar sepenuhnya dan bukan mengikut kadar dan kemudiannya memerintahkan laporan mengenai semua bayaran yang kena bayar kepada SPLASH berhubung dengan inbois yang dikeluarkan selepas tarikh writ dibawa kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Perdagangan Baharu pada tarikh yang akan ditetapkan. Mahkamah Tinggi mengarahkan SYABAS membayar sejumlah kos RM30,000.00 sekali gus bagi Pindaan Semula Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan sebagai ganti pencukaian kepada Plaintif dan turut memberikan SYABAS penggantungan sementara terhadap pelaksanaan Penghakiman sehingga 6 April 2011 sementara menunggu penghujahan penuh berkenaan penggantungan merit.

Peguam cara SYABAS memfailkan Notis Rayuan pada 22 Februari 2011 di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 21 Februari 2011.

Perkara yang timbul untuk Pengurusan Kes pada 25 Februari 2011 di Mahkamah Rayuan, telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 22 Mac 2011, sementara menunggu Rekod Rayuan bagi rayuan bertarikh 22 Februari 2011 terhadap Keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 21 Februari 2011. Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 21 Februari 2011 telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 29 Mac 2011 dan ditangguhkan kemudiannya kepada 5 April 2011. Mahkamah Rayuan telah menetapkan 30 Mei 2011 untuk perbicaraan rayuan SYABAS terhadap Perintah Peraturan Mahkamah Tinggi dan keputusan Mahkamah Tinggi pada 21 Februari 2011, dan penghujahan bertulis perlu difailkan menjelang 16 Mei 2011. Tarikh penghujahan bertulis telah ditukar dari 16 Mei 2011 kepada 14 Jun 2011.

Tarikh perbicaraan awal yang ditetapkan pada 30 Mei 2011 telah dibatalkan.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) SPLASH (sambungan)

Saman Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D-22ND-398-2009 (sambungan)

Pada 27 Mei 2011, satu salinan termeteri Saman dalam Kamar oleh Plaintif untuk perbicaraan mengambil kira akaun menurut Keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 21 Februari 2011 telah diserahkan kepada peguam cara SYABAS dan perkara tersebut ditetapkan untuk perbicaraan pada 9 Jun 2011. Pada 8 Jun 2011, peguam cara SYABAS telah dimaklumkan oleh peguam cara Plaintif bahawa Mahkamah Tinggi telah meluluskan permohonan Plaintif untuk menangguhkan perbicaraan bagi mengambil kira akaun menurut Keputusan Mahkamah Tinggi pada 21 Februari 2011 kepada 24 Jun 2011. Tarikh perbicaraan asal yang ditetapkan pada 9 Jun 2011 telah dibatalkan. Perbicaraan bagi mengambil kira akaun menurut Keputusan Mahkamah Tinggi pada 21 Februari 2011 telah ditangguh kepada 1 Julai 2011 untuk sambungan perbicaraan. Semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi yang diadakan pada 1 Julai 2011 bagi permohonan Plaintif untuk mengambil kira semua akaun pembayaran yang kena bayar daripada Defendan bagi semua inbois yang dikeluarkan selepas tarikh pindaan Writ Saman, permohonan Plaintif telah ditarik balik dengan tiada perintah berkaitan kos berdasarkan keputusan Mahkamah Rayuan pada 30 Jun 2011.

Semasa perbicaraan pada 15 Julai 2011 di Mahkamah Tinggi, Plaintif menarik balik permohonan untuk membatalkan penggantungan pelaksanaan Perintah bertarikh 21 Februari 2011 dengan tiada perintah berkaitan kos. Berhubung permohonan untuk pembayaran interim, selepas mendengar hujah peguam cara kedua-dua pihak, Hakim menetapkan permohonan tersebut dan apa-apa permohonan lain yang boleh difailkan untuk perbicaraan pada 22 Julai 2011. Pada 20 Julai 2011, peguam cara SYABAS telah diserahkan dengan Saman dalam Kamar bertarikh 19 Julai 2011 (“SIC”) oleh peguam cara Plaintif, iaitu permohonan oleh Plaintif untuk perintah berbangkit bagi mengambil kira akaun menurut Keputusan Mahkamah Tinggi pada 21 Februari 2011. Pada 21 Julai 2011, SYABAS memfailkan Afidavitnya selaras dengan SIC tersebut. Semasa perbicaraan yang diadakan pada 22 Julai 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perbicaraan pada 19 Ogos 2011 untuk pihak-pihak terlibat mendapatkan penjelasan daripada Mahkamah Rayuan berkenaan keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 30 Jun 2011.

Perkara tersebut telah ditetapkan untuk perbicaraan selanjutnya pada 20 September 2011 sementara menunggu penyelesaian usul SPLASH kepada Mahkamah Rayuan (yang difailkan pada 2 Ogos 2011) untuk penjelasan mengenai Perintah Mahkamah bertarikh 30 Jun 2011. Pada 28 Julai 2011, peguam cara SYABAS telah dimaklumkan oleh peguam cara SPLASH bahawa ia berhasrat memfailkan Notis Usul untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap sebahagian keputusan Mahkamah Rayuan yang tidak menyebelahi mereka. Setelah meneliti Notis Usul tersebut, peguam cara telah memfailkan afidavit untuk menentang permohonan SPLASH. Semasa pengurusan kes mengenai Notis Usul SPLASH yang berlangsung pada 11 Ogos 2011, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan perkara tersebut untuk perbicaraan pada 17 Oktober 2011. Perbicaraan permohonan SPLASH untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan pada 30 Jun 2011 yang ditetapkan pada 17 Oktober 2011 telah dibatalkan. Mahkamah telah menetapkan permohonan untuk pengurusan kes pada 3 November 2011. Pada pengurusan kes yang diadakan pada 3 November 2011 dan atas permintaan peguam cara SPLASH, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan pengurusan kes berikutnya pada 6 Disember 2011 sementara menunggu perbicaraan dan penyelesaian dua (2) usul SPLASH di Mahkamah Rayuan (untuk penjelasan dan untuk meminda Perintah bertarikh 30 Jun 2011).

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) SPLASH (sambungan)

Saman Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D-22ND-398-2009 (sambungan)

Semasa pengurusan kes pada 6 Disember 2011, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 30 Januari 2012 sementara menunggu perbicaraan dan penyelesaian dua (2) usul SPLASH di Mahkamah Rayuan (untuk penjelasan dan untuk meminda Perintah bertarikh 30 Jun 2011).

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 30 Januari 2012, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 23 Februari 2012 sementara menunggu perbicaraan dan penyelesaian dua (2) usul SPLASH di Mahkamah Rayuan (untuk penjelasan dan untuk meminda Perintah bertarikh 30 Jun 2011).

Pada 13 Februari 2012, peguam cara Plaintif memaklumkan Mahkamah Rayuan bahawa permohonan Plaintif bagi usul penjelasan dan untuk meminda Perintah Mahkamah Rayuan bertarikh 30 Jun 2011 telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 20 Februari 2012.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 20 Februari 2012 mengenai permohonan Plaintif bagi usul untuk penjelasan dan meminda Perintah Mahkamah Rayuan bertarikh 30 Jun 2011 (“Perintah”), Mahkamah Rayuan telah:

(i) Membenarkan Perintah dipinda supaya bahagian yang berkaitan dalam Perintah tersebut akan dibaca sebagai:

“Rayuan dibenarkan sebahagian. Perintah Mahkamah Tinggi diketepikan kecuali perisytiharan dalam perenggan 1 Perintah adalah disahkan tertakluk kepada pemotongan perkataan “tanpa mengambil kira keupayaan Defendan untuk membayar kepada Plaintiff jumlah secara penuh”, tanpa perintah berkaitan kos”.

(ii) Tidak membuat apa-apa Perintah mengenai Usul oleh SPLASH untuk penjelasan.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 21 Februari 2011 dua (2) Usul Plaintif iaitu permohonan untuk Pembayaran Interim dan Perintah Berbangkit, Plaintif telah menarik balik usul mereka untuk Pembayaran Interim. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perbicaraan untuk Perintah Berbangkit pada 29 Mac 2012.

Semasa perbicaraan yang diadakah pada 29 Mac 2012, Mahkamah Tinggi telah membenarkan Plaintif menarik balik permohonannya dan memerintahkan supaya permohonan tersebut ditolak dengan kos sebanyak RM15,000 diberikan kepada Syarikat.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) SPLASH (sambungan)

Saman Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D-22ND-398-2009 (sambungan)

Pada 29 Ogos 2011, peguam cara SYABAS telah mengemukakan satu salinan terpateri Notis Usul dan Afidavit SPLASH sebagai Sokongan yang telah disahkan pada 3 Ogos 2011. Usul untuk penjelasan keputusan Mahkamah Rayuan pada 30 Jun 2011 yang telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 22 September 2011 telah ditangguhkan kepada 27 Oktober 2011, sementara menunggu penjelasan di Mahkamah Rayuan dan perbicaraan notis usul bagi kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan. Perkara tersebut ditetapkan untuk perbicaraan pada 27 Oktober 2011. Peguam cara telah menerima permohonan oleh SPLASH untuk menangguhkan perbicaraan pada 27 Oktober 2011, sementara menunggu penjelasan di Mahkamah Rayuan dan perbicaraan notis usul bagi kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan. Permohonan oleh SPLASH untuk Perintah Berbangkit dan Pembayaran Interim telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 27 Oktober 2011. Pada 27 Oktober 2011, Mahkamah telah menetapkan kedua-dua permohonan SPLASH untuk Perintah Berbangkit dan Pembayaran Interim untuk Usul pada 31 Oktober 2011 bagi menetapkan tarikh perbicaraan baharu. Permohonan SPLASH untuk Perintah Berbangkit dan Pembayaran Interim tampil untuk Sebutan pada 31 Oktober 2011 dan kini ditetapkan untuk Perbicaraan pada 21 Februari 2012.

Pada 21 November 2011, peguam cara SYABAS dimaklumkan bahawa Mahkamah Rayuan telah menetapkan 22 November 2011 untuk Pengurusan Kes bagi usul untuk penjelasan dan meminda Perintah dan Keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 30 Jun 2011. Semasa Pengurusan Kes yang diadakan pada 22 November 2011 untuk permohonan Plaintif mengenai usul bagi penjelasan dan meminda Perintah dan Keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 30 Jun 2011, Mahkamah Rayuan memaklumkan bahawa Mahkamah akan menulis kepada pihak terlibat sebaik sahaja tarikh perbicaraan ditetapkan.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 21 Februari 2012 berkenaan dua (2) usul Plaintif, iaitu permohonan untuk Pembayaran Interim dan Perintah Berbangkit, Plaintif telah menarik balik usul mereka untuk Pembayaran Interim. Peguam cara telah menetapkan perbicaraan untuk Perintah Berbangkit pada 29 Mac 2012.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 23 Februari 2012 menurut usul oleh SPLASH untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan perbicaraan perkara tersebut pada 10 Mei 2012.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 29 Mac 2012 berkenaan permohonan Plaintif untuk Perintah Berbangkit, Mahkamah Tinggi telah membenarkan Plaintif menarik balik permohonannya dan memerintahkan untuk permohonan dengan kerugian sebanyak RM15,000 diberikan kepada SYABAS.

Pada 10 Mei 2012, Mahkamah Persekutuan telah menangguhkan perbicaraan usul SPLASH untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan kepada 9 Ogos 2012.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) SPLASH (sambungan)

Saman Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D-22ND-398-2009 (sambungan)

Perbicaraan yang dijadual diadakan pada 9 Ogos 2012 bagi usul SPLASH untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan telah ditangguhkan kerana Mahkamah Rayuan tidak menyediakan asas Penghakiman bertulis. Mahkamah Persekutuan akan menulis kepada pihak yang terlibat untuk menetapkan perkara tersebut bagi Pengurusan Kes dan, tertakluk kepada ketersediaan asas Penghakiman bertulis tersebut, satu lagi tarikh akan ditetapkan untuk mendengar usul berkenaan.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 22 Oktober 2012, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan Usul untuk Kebenaran Membuat Rayuan bagi Perbicaraan pada 28 Februari 2013.

Pada 28 Februari 2013, Mahkamah Persekutuan secara sebulat suara telah menolak permohonan yang difailkan oleh SPLASH untuk kebenaran membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan, dengan kos sebanyak RM20,000 diberikan kepada SYABAS. Usul bagi Kebenaran tersebut telah difailkan oleh SPLASH terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang diberi pada 30 Jun 2011 yang pada awalnya telah membenarkan SYABAS membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi. Berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan, keputusan Mahkamah Rayuan yang mengiktiraf hak SYABAS untuk membayar SPLASH atas dasar mengikut kadar telah disahkan oleh Mahkamah Persekutuan.

Kes ini telah diselesaikan.

(e) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri")

Saman Pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D-24NCC-388-2010 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri Selangor

Pada 10 November 2010, SYABAS telah memulakan prosiding undang-undang terhadap Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur dengan merujuk Saman Pemula No. D-24NCC-388-2010 yang disokong oleh afidavit sokongan bertarikh 9 November 2010. Dalam Saman Pemula tersebut, SYABAS menuntut relief berikut:

(i) Perisytiharan bahawa berikutan pembentukan sebenar Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004, terdapat sejumlah RM471,642,916 kena dibayar dan terhutang daripada Kerajaan Negeri kepada SYABAS bagi tempoh dari 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2009;

(ii) Bahawa Kerajaan Negeri perlu membayar sejumlah RM471,642,916 tersebut kepada SYABAS serta-merta apabila Perintah ini dibuat;

(iii) Kos tindakan yang akan dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada SYABAS dalam apa jua keadaan; dan

(iv) Relief sedemikian yang selanjutnya atau relief lain atau remedi sepertimana yang dianggap adil oleh Mahkamah.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Saman Pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D-24NCC-388-2010 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri Selangor (sambungan)

Pada 18 November 2010, Saman Pemula dan Afidavit Sokongan telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Pada 25 November 2010, peguam cara Kerajaan Negeri mencatatkan kehadiran bagi pihak Kerajaan Negeri. Perkara tersebut tampil untuk pengurusan kes pada 2 Disember 2010 di mana Mahkamah Tinggi menerima permintaan peguam cara Kerajaan Negeri untuk lanjutan masa 2 minggu bagi memfailkan afidavit jawapan Kerajaan Negeri dan sesudah itu menangguhkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 16 Disember 2010. Semasa pengurusan kes pada 16 Disember 2010, afidavit jawapan Kerajaan Negeri bertarikh 15 Disember 2010 telah diserahkan kepada peguam cara SYABAS. Mahkamah Tinggi kemudiannya mengarahkan SYABAS memfailkan afidavit jawapannya menjelang 31 Disember 2010 dan seterusnya menetapkan perkara tersebut untuk Perbicaraan pada 11 Februari 2011. Mahkamah Tinggi juga mengarahkan pihak-pihak terlibat supaya memfailkan penghujahan masing-masing menjelang 8 Februari 2011. Mahkamah Tinggi juga dimaklumkan bahawa pihak-pihak terlibat boleh bersetuju sesama sendiri bagi apa-apa lanjutan masa untuk memfailkan afidavit dengan syarat tidak menjejaskan tarikh perbicaraan. Sehubungan itu, peguam cara Kerajaan Negeri bersetuju supaya SYABAS memfailkan afidavit jawapannya pada 10 Januari 2011.

Pada 10 Januari 2011, peguam cara SYABAS telah memfailkan Afidavit Jawapan SYABAS bertarikh 10 Januari 2011 di Mahkamah Tinggi dan menghantar salinannya kepada peguam cara Kerajaan Negeri. Pada 24 Januari 2011, afidavit jawapan Kerajaan Negeri bertarikh 24 Januari 2011 telah diberikan kepada peguam cara SYABAS. Pada 2 Februari 2011, peguam cara SYABAS telah memfailkan afidavit SYABAS (3) bertarikh 28 Januari 2011 di Mahkamah Tinggi dan menyerahkan salinannya kepada peguam cara Kerajaan Negeri. Pada 7 Februari 2011, peguam cara Kerajaan Negeri telah menghantar kepada peguam cara SYABAS saman dalam kamar bertarikh 7 Februari 2011 ("permohonan Kerajaan Negeri"), antara lain, untuk Perintah menukar Saman Permula kepada writ tindakan atau sebagai pilihan lain Kerajaan Negeri diberi kebenaran untuk memeriksa balas saksi sumpah afidavit SYABAS, yang ditetapkan untuk perbicaraan pada 11 Februari 2011. Pada 8 Februari 2011, peguam cara SYABAS memfailkan penghujahan bertulis bagi Saman Permula. Pada 10 Februari 2011, peguam cara SYABAS memfailkan afidavit SYABAS bertarikh 10 Februari 2011 di Mahkamah dan menyerahkan salinan afidavit kepada peguam cara Kerajaan Negeri bagi menentang permohonan Kerajaan Negeri. Pada 23 Februari 2011, Kerajaan Negeri memfailkan Afidavit Jawapan bertarikh 23 Februari 2011 dan menyerahkan salinan afidavit kepada peguam cara SYABAS, sebagai jawapan kepada Afidavit SYABAS bertarikh 10 Februari 2011 berhubung dengan permohonan Kerajaan Negeri.

Pada 11 Februari 2011, Mahkamah Tinggi memutuskan untuk mendengar permohonan Kerajaan Negeri terlebih dahulu dan menetapkannya untuk penjelasan/keputusan pada 28 Februari 2011. Bagi Saman Pemula, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 28 Februari 2011 sebaik sahaja selepas penjelasan dan/atau keputusan berhubung dengan permohonan Kerajaan Negeri.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Saman Pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D-24NCC-388-2010 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri Selangor (sambungan)

Pada 28 Februari 2011, Mahkamah Tinggi telah menerima permohonan Kerajaan Negeri untuk menukar Saman Permula kepada writ tindakan. Perkara tersebut telah ditetapkan untuk pengurusan kes pada 16 Mac 2011. Ia selanjutnya ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 30 Mac 2011 sementara menunggu maklum balas rasmi Kerajaan Negeri mengenai pendiriannya berhubung dengan tuntutan SYABAS untuk pampasan dan pelarasan tarif. Hakim untuk kes pada masa ini telah menarik diri daripada perbicaraan kes selanjutnya. Perkara tersebut telah ditetapkan untuk pengurusan kes di hadapan seorang hakim baharu pada 11 April 2011 yang kemudiannya dijadualkan semula kepada 12 April 2011 atas permintaan bertulis peguam cara SYABAS.

Perkara tersebut tampil bagi Pengurusan Kes untuk pertama kali di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi NCCI pada 12 April 2011. Pihak terlibat memaklumkan Hakim yang bijaksana bahawa mereka sedang membincangkan selok-belok perbicaraan yang dicadangkan. Hakim yang bijaksana kemudian menetapkan 6 Mei 2011 sebagai tarikh pengurusan kes selanjutnya.

Mahkamah telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 10 Mei 2011 bagi membolehkan penasihat undang-undang utama defendan turut hadir. Mahkamah seterusnya menetapkan pengurusan kes pada 27 Mei 2011 sementara menunggu defendan memfailkan permohonan untuk bersama Kerajaan Persekutuan sebagai salah satu pihak kepada prosiding tersebut. Oleh kerana defendan telah memutuskan untuk tidak membawa Kerajaan Persekutuan sebagai salah satu pihak kepada prosiding, pengurusan kes pada 27 Mei 2011 telah ditetapkan untuk pengurusan kes selanjutnya pada 28 Jun 2011 untuk SYABAS menerima arahan mengenai cara tindakan dan rayuan.

Semasa pengurusan kes pada 28 Jun 2011, Mahkamah Tinggi menerima permohonan SYABAS untuk menarik balik dengan kebebasan untuk memfailkan semula melalui writ saman tanpa perintah berkaitan kos. Penarikan balik tindakan guaman oleh SYABAS dengan kebebasan untuk memfailkan semula tanpa perintah berkaitan kos adalah atas sebab-sebab berikut:

(i) Ia merupakan permohonan defendan untuk menukar saman pemula kepada writ;

(ii) Dalam keadaan ini, adalah lebih sesuai untuk mempunyai rayuan yang wajar berbanding bentuk afidavit yang ada kini; dan

(iii) Plaintif masih berhasrat untuk meneruskan tuntutan melalui tindakan writ baharu.

Selaras dengan penarikan balik Saman Pemula, SYABAS telah memfailkan Writ dan Pernyataan Tuntutan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011

Pada 30 Mac 2011 SYABAS telah diserahkan dengan Writ dan Pernyataan Tuntutan ("Pernyataan Tuntutan") bertarikh 28 Mac 2011 daripada peguam cara yang bertindak untuk ABASS.

Dalam Pernyataan Tuntutan tersebut, ABASS menuntut terhadap SYABAS, antara lain, perkara berikut:

(i) Perisytiharan bahawa SYABAS bertanggungjawab untuk membuat pembayaran penuh terhadap semua inbois yang dikeluarkan oleh ABASS menurut Perjanjian Penswastaan Merangkap Konsesi bertarikh 9 Disember 2000, Perjanjian Tambahan bertarikh 10 Februari 2001, 28 Ogos 2001 dan 15 Februari 2005 serta Perjanjian Novasi bertarikh 15 Februari 2005 khususnya menurut Seksyen 4.04 (c) Perjanjian Novasi dan bahawa tanggungjawab SYABAS untuk membuat pembayaran penuh dengan apa cara sekalipun tidak menyusut atau berkurangan di sebabkan oleh haknya untuk membuat pembayaran mengikut kadar kepada pemegang konsesi air;

(ii) Penghakiman untuk sejumlah RM149,479,000;

(iii) Mengambil kira semua pembayaran yang kena bayar kepada ABASS berhubung inbois yang dikeluarkan selepas tarikh Writ di dalam ini, diambil kira oleh Mahkamah Yang Mulia Ini dan perintah supaya SYABAS membayar ABASS semua jumlah sedemikian yang didapati kena bayar apabila mengambil kira akaun tersebut;

(iv) Faedah atas amaun belum lunas bagi inbois untuk bulan dari Januari 2010 hingga Oktober 2010 pada kadar 1% setahun campur kadar pinjaman asas Malayan Banking Berhad yang dikira mengikut asas harian sehingga ke tarikh pembayaran penuh oleh SYABAS;

(v) Faedah atas amaun belum lunas bagi inbois belum lunas yang terdahulu bagi bulan dari Jun 2006 hingga Disember 2009 berjumlah RM6,219,000;

(vi) Alternatif kepada permohonan (iii) dan (iv) di atas, faedah pada kadar 8% setahun atas amaun belum lunas bagi setiap inbois belum lunas akan dikira daripada tarikh kena bayar masing-masing sehingga ke tarikh pembayaran penuh oleh SYABAS;

(vii) Ganti rugi bagi perlanggaran kontrak; dan

(viii) Kos.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

SYABAS dikehendaki mencatatkan kehadiran dalam tempoh 8 hari dari 30 Mac 2011 dan Mahkamah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes pada 12 April 2011.

Peguam cara SYABAS memfailkan Memorandum Kehadiran berhubung dengan Tindakan Guaman pada 4 April 2011 dan perkara yang sama diserahkan kepada peguam cara Plaintif pada 5 April 2011.

Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes pada 12 April 2011. Semasa Pengurusan Kes pada 12 April 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan Pengurusan Kes selanjutnya pada 30 Mei 2011 bagi membolehkan SYABAS memfailkan Pembelaan selewat-lewatnya pada 6 Mei 2011 dan untuk ABASS memfailkan balasannya (jika ada).

Pembelaan dan Tuntutan Balas SYABAS telah difailkan di Mahkamah dan salinannya diserahkan kepada peguam cara Konsortium Abass pada 6 Mei 2011.

Perkara tersebut tampil untuk Pengurusan Kes pada 30 Mei 2011 dan Mahkamah telah menetapkan 7 Julai 2011 untuk sebutan sementara menunggu jawapan SYABAS kepada Jawapan dan Pembelaan terhadap tuntutan balas Plaintif.

Semasa Pengurusan Kes pada 7 Julai 2011, Mahkamah menetapkan Pengurusan Kes berikutnya pada 29 Julai 2011 untuk defendan memfailkan afidavit jawapan kepada permohonan plaintif menurut Perintah 33 Peraturan 2 Mahkamah Tinggi 1980 bagi isu permulaan tertentu yang akan didengari sebelum perbicaraan soalan atau isu-isu lain dalam tindakan, dan juga untuk defendan menyerahkan permohonan bagi kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga terhadap pihak-pihak berkaitan.

Semasa Pengurusan Kes pada 29 Julai 2011 Mahkamah Tinggi menetapkan tarikh Pengurusan Kes seterusnya pada 26 Ogos 2011 untuk menetapkan tarikh perbicaraan bagi permohonan plaintif menurut Perintah 33 Peraturan 2 bagi Peraturan Mahkamah Tinggi 1980 untuk isu permulaan tertentu yang akan didengari sebelum perbicaraan persoalan atau isu-isu lain dalam tindakan, dan telah menyerahkan permohonan untuk kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga terhadap pihak-pihak berkaitan.

Pada 29 Julai 2011, SYABAS telah memfailkan afidavit jawapan kepada permohonan plaintif menurut Perintah 33 Peraturan 2 Peraturan Mahkamah Tinggi 1980 bagi isu permulaan tertentu yang akan didengari sebelum perbicaraan persoalan atau isu-isu lain dalam tindakan, dan turut menyerahkan permohonan untuk kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga terhadap pihak-pihak berkaitan.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Mahkamah Tinggi selanjutnya menetapkan 19 Ogos 2011 untuk plaintif memfailkan afidavit jawapan dan untuk SYABAS menjawab, jika ada, pada 26 Ogos 2011. Mahkamah Tinggi juga menetapkan Pengurusan Kes seterusnya pada 26 Ogos 2011 untuk Mahkamah Tinggi menetapkan tarikh perbicaraan dan pada 11 Ogos 2011, Mahkamah Tinggi juga menetapkan 26 Ogos 2011 untuk plaintif memfailkan afidavit jawapannya berhubung dengan permohonan plaintif menurut Perintah 33 Peraturan 2 dan permohonan defendan untuk kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga. Pada tarikh pengurusan kes yang sama, defendan hendaklah memaklumkan Mahkamah Tinggi sama ada ia berhasrat memfailkan apa-apa afidavit selanjutnya berhubung dengan ketiga-tiga permohonan tersebut.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 26 Ogos 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan pengurusan kes berikutnya pada 26 September 2011 untuk defendan memfailkan afidavit jawapannya dan untuk pihak-pihak terbabit menyempurnakan semua afidavit mereka berhubung dengan permohonan plaintif menurut Perintah 33 Peraturan 2, permohonan defendan untuk kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga dan juga permohonan defendan untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 26 September 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan pengurusan kes berikutnya pada 5 Oktober 2011 untuk menetapkan tarikh perbicaraan berhubung dengan permohonan plaintif menurut Perintah 33 Peraturan 2, permohonan defendan untuk kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga dan juga permohonan defendan untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 5 Oktober 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perbicaraan pada 21 Oktober 2011 berhubung dengan permohonan defendan untuk kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga dan juga permohonan defendan untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas dan seterusnya menetapkan perbicaraan pada 21 November 2011 berhubung dengan permohonan plaintif menurut Perintah 33 Peraturan 2.

Pada 21 Oktober 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan 31 Oktober 2011 untuk Keputusan berhubung permohonan defendan untuk kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga dan permohonan defendan untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas. Pada 31 Oktober 2011, Mahkamah telah menangguhkan Keputusan berhubung dengan permohonan defendan untuk kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga dan permohonan untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas kepada 3 November 2011. Pada 3 November 2011 Mahkamah Tinggi menerima kedua-dua permohonan defendan untuk kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga dan permohonan untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas. Mahkamah Tinggi menetapkan selanjutnya tarikh pengurusan kes pada 17 November 2011 bagi membolehkan defendan menyerahkan notis pihak ketiga kepada Kerajaan Negeri Selangor dan menyerahkan Pindaan Pembelaan dan Tuntutan Balas. Plaintif telah membuat rayuan kepada Hakim di dalam kamar terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menerima permohonan SYABAS untuk kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga dan permohonan untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas. Mahkamah menetapkan kedua-dua rayuan untuk perbicaraan pada 23 November 2011.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Selaras dengan tindakan Pihak Ketiga (Kerajaan Negeri Selangor) memfailkan memorandum kehadiran pada 17 November 2011, perkara tersebut kini ditetapkan untuk pengurusan kes selanjutnya pada 23 November 2011 untuk SYABAS memfailkan Saman bagi Arahan Pihak Ketiga. Pada 21 November 2011, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perbicaraan untuk permohonan Plaintif menurut Perintah 33 Peraturan 2 kepada 13 Januari 2012.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 13 Januari 2012, selaras dengan permohonan Plaintif untuk perbicaraan isu-isu permulaan menurut Perintah 33 Peraturan 2, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara tersebut sementara menunggu penyelesaian perbicaraan mengenai usul penjelasan oleh SPLASH di Mahkamah Rayuan dan kebenaran untuk membuat rayuan di Mahkamah Persekutuan. Kes tersebut telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 13 Februari 2012.

Notis Rayuan Plaintif kepada Hakim dalam kamar terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 3 November 2011 telah dibawa untuk perbicaraan pada 23 November 2011. Selepas mendengar penghujahan daripada peguam cara, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara tersebut untuk keputusan pada 8 Disember 2011. Semasa pengurusan kes pada 23 November 2011, Mahkamah Tinggi telah dimaklumkan bahawa Saman bagi Arahan Pihak Ketiga telah difailkan pada 23 November 2011 dan tarikh perbicaraan bagi perkara tersebut telah ditetapkan pada 30 November 2011.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 30 November 2011, untuk Saman bagi Arahan Pihak Ketiga, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengarahkan supaya:-

i) Defendan mengemukakan Pernyataan Tuntutannya terhadap Pihak Ketiga dalam masa empat belas (14) hari dari 30 November 2011, yang mana Pihak Ketiga hendaklah membuat rayuan dengannya dalam masa empat belas (14) hari;

ii) Pihak Ketiga bebas untuk hadir pada perbicaraan untuk tindakan ini dan mengambil bahagian sepertimana yang diarahkan oleh Hakim, dan terikat dengan keputusan perbicaraan tersebut;

iii) Persoalan liabiliti Pihak Ketiga untuk membayar ganti rugi Defendan akan dibicarakan dalam perbicaraan bagi tindakan ini, tetapi terkemudian padanya; dan

iv) Kos bagi permohonan ini adalah kos yang ditanggung dan dalam prosiding Pihak Ketiga.

Mahkamah Tinggi telah menetapkan pengurusan kes selanjutnya pada 5 Januari 2012.

Pada 8 Disember 2011, Mahkamah Tinggi telah menolak Notis Rayuan Plaintif terhadap keputusan bertarikh 3 November 2011 yang menerima permohonan Defendan untuk mengeluarkan notis Pihak Ketiga dan meminda Pembelaan dan tuntutan balas, dengan kos diberikan kepada Defendan.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Pernyataan Tuntutan SYABAS terhadap Pihak Ketiga telah difailkan di Mahkamah dan diserahkan kepada peguam cara Plaintif dan peguam cara Pihak Ketiga pada 14 Disember 2011.

Semasa pengurusan kes pada 5 Januari 2012, Mahkamah menetapkan pengurusan kes berikutnya pada 20 Januari 2012 untuk Defendan memfailkan jawapan terhadap pembelaan Pihak Ketiga.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 20 Januari 2012, Mahkamah Tinggi menetapkan tarikh perbicaraan pada 19 Mac 2012 hingga 21 Mac 2012. Mahkamah Tinggi juga menetapkan pengurusan kes bagi perkara tersebut pada 13 Februari 2012, 5 Mac 2012 dan 12 Mac 2012, sementara menunggu keputusan permohonan Plaintif bagi perbicaraan isu-isu permulaan menurut Perintah 33 Peraturan 2 yang ditetapkan untuk perbicaraan pada 13 Februari 2012.

Defendan telah diserahkan dengan salinan terpateri permohonan Kerajaan Negeri untuk mengetepikan notis Pihak Ketiga dan Pernyataan tuntutan oleh Defendan pada 2 Februari 2012. Permohonan ditetapkan untuk pengurusan kes pada 13 Februari 2012.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 13 Februari 2012 berhubung dengan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan oleh Defendan, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 5 Mac 2012. Semasa pengurusan kes diadakan pada 5 Mac 2012, oleh kerana Hakim telah menarik diri, Mahkamah Tinggi memindahkan perkara tersebut ke mahkamah lain dan memaklumkan Pihak terlibat sebaik sahaja tarikh baharu ditetapkan untuk perkara tersebut. Pada 15 Mac 2012 peguam cara Syarikat memberitahu bahawa Mahkamah Tinggi melalui surat bertarikh 14 Mac 2012 memaklumkan Pihak berkaitan bahawa kes akan didengari oleh Hakim baharu dan perkara tersebut ditetapkan untuk pengurusan kes pada 16 Mac 2012. Semasa pengurusan kes pada 16 Mac 2012, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 20 April 2012.

Dalam pengumuman berasingan terdahulu Syarikat mengenai kes SPLASH (Tindakan Guaman Sivil di Mahkamah Tinggi KL No. D-22NCC-398-2009), Mahkamah Rayuan telah menetapkan 20 Februari 2012 untuk penjelasan keputusannya bertarikh 30 Jun 2011 dan bahawa permohonan untuk kebenaran oleh SPLASH membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan yang timbul daripada keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 30 Jun 2011 telah ditetapkan untuk pengurusan kes pada 23 Februari 2012 di Mahkamah Persekutuan.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Semasa perbicaraan pada 13 Februari 2012, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara berkaitan dengan permohonan Plaintif untuk perbicaraan isu permulaan menurut Perintah 33 Peraturan 2 kepada 5 Mac 2012, sementara menunggu penjelasan di Mahkamah Rayuan dan pengurusan kes di Mahkamah Persekutuan dalam kes SPLASH. Pada 5 Mac 2012, Tuan Hakim yang bijaksana telah menarik diri daripada mendengar perkara berkaitan dengan permohonan Plaintif bagi perbicaraan isu-isu permulaan menurut Perintah 33 Peraturan 2. Justeru itu, kes tersebut dirujuk untuk dipindahkan ke mahkamah lain dan satu tarikh baharu akan diberi oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi dengan sewajarnya. Tarikh perbicaraan sementara yang ditetapkan dari 19 hingga 21 Mac 2012 telah dibatalkan.

Melalui surat bertarikh 14 Mac 2012, Mahkamah Tinggi telah memaklumkan Pihak terbabit bahawa kes akan didengar oleh Hakim baharu dan perkara tersebut ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 16 Mac 2012, yang selanjutnya ditetapkan kepada 20 April 2012.

Pada 20 April 2012, pihak terlibat memaklumkan Mahkamah bahawa mereka tiada bantahan bahawa Hakim yang bijaksana membicarakan perkara tersebut. Arahan Mahkamah adalah seperti berikut:

(a) Permohonan melalui Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan terhadap Pihak Ketiga ditetapkan untuk Perbicaraan pada 28 Jun 2012 dengan penghujahan jawapan (jika ada) difailkan pada atau sebelum 15 Jun 2012; dan

(b) Pemohonan Plaintif untuk Perbicaraan Isu Permulaan menurut Perintah 33 Peraturan 2 ditetapkan untuk Perbicaraan pada 10 Ogos 2012.

Permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim ditetapkan untuk sebutan pada 10 Ogos 2012.

Pada 28 Jun 2012, Mahkamah Tinggi telah menetapkan permohonan oleh Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan terhadap Pihak Ketiga untuk sebutan seterusnya pada 3 Julai 2012.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 3 Julai 2012 berhubung dengan permohonan oleh Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan terhadap Pihak Ketiga, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara tersebut kepada 31 Julai 2012 untuk keputusan.

Pada 31 Julai 2012, Mahkamah Tinggi telah menerima permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang dikeluarkan terhadap Pihak Ketiga oleh Defendan dengan kos sebanyak RM10,000.00 dan SYABAS kini sedang mendapatkan nasihat perundangan sama ada untuk membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan tersebut.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Pada 2 Ogos 2012, peguam cara SYABAS telah memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 31 Julai 2012 bagi menerima permohonan Pihak Ketiga mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan PernyataanTuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga.

Semasa sebutan yang diadakan pada 10 Ogos 2012 mengenai permohonan Plaintif untuk Perbicaraan Isu Permulaan menurut Perintah 33 Peraturan 2 ("Permohonan"), Mahkamah Tinggi telah menangguhkan Permohonan tersebut untuk sebutan disambung pada 23 Ogos 2012 dan turut menetapkan keputusan bagi Permohonan pada 3 September 2012.

Semasa sebutan kes yang diadakan pada 10 Ogos 2012 mengenai permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim, Mahkamah Tinggi juga telah menetapkan sebutan kes seterusnya pada 3 September 2012.

Pada 3 September 2012, Mahkamah Tinggi telah menerima permohonan Plaintif bagi Perbicaraan Isu Permulaan menurut Perintah 33 Peraturan 2 ('Permohonan") dengan kos mengikut kausa dengan arahan. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seterusnya telah menetapkan perkara tersebut bagi pengurusan kes pada 5 September 2012 untuk menetapkan tarikh perbicaraan.

Semasa perbicaraan kes yang diadakan pada 3 September 2013 berkenaan permohonan Plaintif bagi Pembayaran Interim, Mahkamah Tinggi menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 5 September 2012.

Semasa Pengurusan Kes yang diadakan pada 5 September 2012 mengenai permohonan Plaintif bagi Perbicaraan Isu Permulaan menurut Perintah 33 Peraturan 2, peguam cara SYABAS telah memaklumkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bahawa melalui Notis Penyerahhakan bertarikh 15 Ogos 2012, SYABAS telah dimaklumkan oleh Plaintif bahawa mengikut Surat Ikatan Penyerahhakan bertarikh 10 Ogos 2012, Plaintif telah melantik Maybank Investment Bank Berhad sebagai pemegang hak dan kepentingannya di bawah Perjanjian Novasi bertarikh 15 Februari 2005 dan berikutan perkembangan terbaharu, SYABAS akan membuat permohonan untuk meminda semula pembelaan dan tuntutan balasnya.

Mahkamah Tinggi telah menangguhkan pengurusan kes bagi tindakan tersebut dan permohonan Plaintif bagi Pembayaran Interim kepada 2 Oktober 2012, sementara menunggu SYABAS memfailkan permohonannya untuk meminda semula pembelaan dan tuntutan balasnya.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 13 September 2012, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perkara berkaitan rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difail oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga, untuk dibicarakan pada 27 November 2012. Mahkamah Rayuan juga telah memerintahkan supaya rekod rayuan tersebut difailkan pada atau sebelum 27 September 2012.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Pada 2 Oktober 2012, Mahkamah Tinggi telah menetapkan 8 November 2012 untuk perbicaraan permohonan SYABAS bagi meminda semula pembelaan dan tuntutan balasnya untuk membolehkan pihak-pihak terlibat menyelesaikan pemfailan afidavit dan menetapkan pengurusan kes seterusnya bagi tindakan tersebut dan permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim pada 8 November 2012.

Pada 8 November 2012, Mahkamah Tinggi telah menerima permohonan SYABAS untuk meminda semula pembelaan dan tuntutan balasnya dengan menanggung kos terbabit kausa. Mahkamah Tinggi telah memerintahkan SYABAS untuk meminda semula pembelaan dan tuntutan balasnya dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh tersebut. Mahkamah Tinggi telah memberi kebebasan kepada Plaintif untuk membuat pindaan berbangkit kepada pindaan jawapannya bagi pembelaan dan pembelaan terhadap tuntutan balas dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyampaian pindaan semula pembelaan dan tuntutan balas SYABAS.

Mahkamah Tinggi juga menetapkan tarikh perbicaraan pada 22 April 2013, 23 April 2013 dan 24 April 2013 serta pengurusan kes bagi tindakan tersebut dan permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim pada 30 November 2012.

Pada 26 November 2012, berikutan permohonan yang dibuat oleh penasihat undang-undang Kerajaan Negeri Selangor kepada Mahkamah Rayuan pada 20 November 2012, peguam cara SYABAS telah dimaklumkan oleh penasihat undang-undang Kerajaan Negeri Selangor dengan merujuk surat bertarikh 23 November 2012 bahawa Mahkamah Rayuan telah memberi penangguhan dan membatalkan tarikh perbicaraan yang telah ditetapkan pada 27 November 2012 berhubung dengan rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga, ke satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Mahkamah Rayuan dengan sewajarnya.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 30 November 2012, Mahkamah Tinggi telah menetapkan pengurusan kes seterusnya pada 4 Januari 2013 bagi permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim dan supaya Plaintif memfailkan Pindaan Semula Jawapan dan Pembelaan terhadap tuntutan balas.

Pada 7 Disember 2012, SYABAS telah dimaklumkan oleh peguam caranya pada tarikh yang sama bahawa Mahkamah Rayuan telah menetapkan perbicaraan untuk rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan oleh Mahkamah Tinggi pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga serta Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga pada 7 Januari 2013.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 4 Januari 2013, Mahkamah Tinggi telah menetapkan 12 Mac 2013 bagi perkara berikut:

(i) Pengurusan kes bagi permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim;

(ii) Perbicaraan bagi permohonan SYABAS untuk menolak tuntutan Plaintif; dan

(iii) Pengurusan kes tindakan utama tersebut.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Mahkamah Rayuan telah menangguhkan perbicaraan yang telah ditetapkan pada 7 Januari 2013 bagi rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga kepada 21 Januari 2013.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 21 Januari 2013, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga dengan kos. SYABAS kini sedang mendapatkan nasihat daripada peguam caranya berkenaan tindakan selanjutnya berikutan keputusan tersebut.

Pada 20 Februari 2013, SYABAS telah memfailkan notis usul bagi kebenaran membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan pada 21 Januari 2013 kepada Mahkamah Persekutuan.

Pada 12 Mac 2013, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perbicaraan bagi permohonan SYABAS untuk membatalkan tuntutan Plaintif kepada 20 Mac 2013 bagi membolehkan pihak terlibat menyediakan penghujahan jawapan masing-masing dan turut menetapkan 20 Mac 2013 untuk perkara berikut:-

(i) Pengurusan kes bagi permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim; dan

(ii) Pengurusan kes bagi tindakan utama.

Berhubung dengan permohonan SYABAS untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013, di mana Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga bagi mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga, Mahkamah Persekutuan melalui suratnya bertarikh 14 Mac 2013 telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 27 Mac 2013.

Perkara di Mahkamah Tinggi pada 20 Mac 2013 telah ditetapkan untuk seperti berikut:-

(i) Perbicaraan permohonan SYABAS untuk membatalkan tuntutan Plaintif;

(ii) Permohonan Plaintif untuk menggantung prosiding dan membatalkan permohonan SYABAS untuk membatalkan tuntutan Plaintif dan Pembelaan serta tuntutan balas SYABAS;

(iii) Pengurusan kes bagi tindakan utama; dan

(iv) Pengurusan kes bagi permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Mahkamah Tinggi menangguhkan prosiding kepada 29 Mac 2013 bagi pengurusan kes untuk membolehkan pihak terlibat menyelesaikan afidavit mereka dan berbalik kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur jika pihak terlibat meneruskan permohonan berkenaan. Ini adalah selaras dengan penyerahan permohonan oleh Plaintif untuk menggantung prosiding dan membatalkan permohonan SYABAS untuk membatalkan tuntutan Plaintif dan Pembelaan serta tuntutan balas SYABAS pada 19 Mac 2013 yang mana selepas itu SYABAS telah memfailkan afidavit jawapan mereka pada 20 Mac 2013.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 27 Mac 2013, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 28 Ogos 2013 bagi perbicaraan usul SYABAS untuk kebenaran membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 29 Mac 2013, pihak terlibat memaklumkan peguam cara bahawa mereka akan meneruskan permohonan SYABAS untuk membatalkan tuntutan Plaintif dan permohonan Plaintif untuk menggantung prosiding dan membatalkan permohonan SYABAS untuk membatalkan tuntutan Plaintif dan Pembelaan serta Tuntutan Balas SYABAS.

Mahkamah Tinggi kini telah menetapkan pengurusan kes bagi kedua-dua permohonan tersebut pada 17 April 2013. Oleh kerana Perbicaraan telah ditetapkan pada 22 April 2013, 23 April 2013 dan 24 April 2013, Mahkamah Tinggi telah menetapkan pengurusan kes bagi Perbicaraan tersebut pada 8 April 2013 dan 17 April 2013.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 8 April 2013, Mahkamah Tinggi telah menetapkan permohonan SYABAS untuk membatalkan tuntutan Plaintif dan permohonan Plaintif untuk menggantung prosiding dan membatalkan permohonan SYABAS untuk membatalkan tuntutan Plaintif dan Pembelaan serta Tuntutan Balas SYABAS untuk didengar pada 24 April 2013. Mahkamah Tinggi mengekalkan tarikh pengurusan kes kedua-dua permohonan tersebut pada 17 April 2013, seperti yang diumumkan sebelumnya.

Mahkamah Tinggi telah membatalkan pengurusan kes bagi Perbicaraan pada 17 April 2013 dan tarikh Perbicaraan yang ditetapkan pada 22 April 2013, 23 April 2013 dan 24 April 2013 sementara menunggu penyelesaian permohonan SYABAS untuk kebenaran membuat rayuan di Mahkamah Persekutuan yang telah ditetapkan untuk didengar pada 28 Ogos 2013 dan seterusnya menetapkan pengurusan kes bagi Perbicaraan pada 4 September 2013.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 17 April 2013, peguam cara telah membatalkan tarikh pendengaran yang telah ditetapkan pada 24 April 2013 berhubung perkara berikut:

i) Permohonan SYABAS untuk membatalkan Writ Saman & Pernyataan Tuntutan Plaintif bertarikh 28 Mac 2011 telah difail berdasarkan penyerahan hak oleh Plaintif kepada Ejen Sekuriti dengan merujuk Surat Ikatan Penyerahhakan bertarikh 23 Ogos 2012 di mana Plaintif telah menyerahkan haknya secara mutlak dan tidak boleh batal untuk menerima pembayaran daripada Defendan kepada Ejen Sekuriti tersebut; dan

ii) Permohonan Plaintif untuk menggantung prosiding dan membatalkan permohonan SYABAS bagi membatalkan tuntutan Plaintif dan Pembelaan serta Tuntutan Balas SYABAS menurut dakwaan Plaintif bahawa SYABAS juga secara serupa melaksana dan menyerahkan hak perundangannya, hak milik, manfaat dan kepentingan terhadap hartanah yang diserah hak kepada Ejen Sekuriti SYABAS.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seterusnya telah menetapkan pengurusan kes berkenaan permohonan di atas pada 4 September 2013 sementara menunggu penyelesaian permohonan SYABAS untuk kebenaran membuat rayuan di Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013, di mana Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga.

Semasa perbicaraan yang berlangsung pada 28 Ogos 2013, Mahkamah Persekutuan telah menerima usul SYABAS untuk kebenaran membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 dengan kos berikutan keputusan rayuan tersebut.

Mahkamah Rayuan sebelumnya telah menolak rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Kerajaan Negeri Selangor.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 4 September 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 28 November 2013.

Dengan merujuk surat bertarikh 25 Oktober 2013, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 14 November 2013 untuk Pengurusan Kes bagi rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Ketika berlangsungnya pengurusan kes pada 14 November 2013, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 13 Januari 2014 sebagai tarikh pengurusan kes seterusnya untuk Rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 28 November 2013, peguam cara telah menetapkan pengurusan kes yang selanjutnya pada 27 Januari 2014, sementara menunggu penyelesaian Rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013.

Sebelumnya, Mahkamah Rayuan telah menolak permohonan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sewaktu Perbicaraan yang berlangsung pada 28 Ogos 2013, Mahkamah Persekutuan telah memberi kebenaran kepada SYABAS untuk membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan tersebut.

Mahkamah Persekutuan telah mempercepatkan pengurusan kes berkenaan Rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 dari 13 Januari 2014 kepada 31 Disember 2013.

Ketika pengurusan kes diadakan pada 31 Disember 2013, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan Rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 untuk Perbicaraan pada 7 April 2014.

Semasa berlangsungnya pengurusan kes pada 27 Januari 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes seterusnya pada 9 April 2014 bagi mengemas kini Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berkenaan status Rayuan di Mahkamah Persekutuan dan tindakan guaman terkini.

Pada 7 April 2014, Mahkamah Persekutuan telah menangguhkan perbicaraan usul Kerajaan Negeri Selangor untuk membatalkan rayuan SYABAS (yang telah difailkan pada 3 April 2014 berserta afidavit sokongan yang disahkan oleh Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor, Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim dan telah ditetapkan untuk Perbicaraan pada hari itu) serta Perbicaraan rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 (yang telah menolak rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Kerajaan Negeri Selangor) kepada 9 April 2014 bagi membolehkan Kerajaan Negeri Selangor memfailkan afidavitnya sebagai menjawab afidavit SYABAS yang disahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SYABAS, Dato' Ruslan Hassan, pada 4 April 2014 berhubung dengan usul untuk mengetepikan rayuan SYABAS.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) ABASS (sambungan)

Writ Saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Pada 9 April 2014, penasihat undang-undang SYABAS telah memaklumkan peguam cara bahawa Perbicaraan Rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 dan Perbicaraan usul yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan rayuan SYABAS telah dijadualkan semula kepada 9 April 2014. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seterusnya telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 18 April 2014 sementara menunggu penyelesaian rayuan SYABAS dan usul untuk mengetepikan rayuan SYABAS yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di Mahkamah Persekutuan.

Pada 9 April 2014, Mahkamah Persekutuan telah menangguhkan Perbicaraan usul Kerajaan Negeri Selangor untuk membatalkan rayuan SYABAS serta rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 (yang telah menolak rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Kerajaan Negeri Selangor) kepada 7 Julai 2014 bagi membolehkan SYABAS memfailkan afidavitnya sebagai menjawab afidavit yang disahkan oleh Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor, Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim yang telah diserahkan kepada SYABAS pada 9 April 2014 berhubung dengan usul Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan rayuan SYABAS.

Semasa pengurusan kes yang berlangsung pada 18 April 2014, penasihat undang-undang SYABAS telah memaklumkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bahawa Perbicaraan Rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 dan Perbicaraan usul yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan rayuan SYABAS telah ditangguh oleh Mahkamah Persekutuan kepada 7 Julai 2014. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seterusnya telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 9 Julai 2014 sementara menunggu penyelesaian rayuan SYABAS dan usul untuk mengetepikan rayuan SYABAS yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di Mahkamah Persekutuan.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri")

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri

Pada 8 September 2011, SYABAS telah memulakan prosiding undang-undang terhadap Kerajaan Negeri melalui pemfailan Writ dan Pernyataan Tuntutan di Mahkamah Tinggi untuk sejumlah RM1,054,208,382 yang merupakan pampasan dari 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2011 daripada Kerajaan Negeri di bawah terma Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004 di antara SYABAS, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Dalam Pernyataan Tuntutan SYABAS memohon untuk Perintah berikut:-

i) Perisytiharan bahawa berikutan pembentukan sebenar Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004, sejumlah RM1,054,208,382 kena bayar dan terhutang daripada Kerajaan Negeri kepada SYABAS bagi tempoh dari 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2011;

ii) Bahawa Kerajaan Negeri perlu membayar sejumlah RM1,054,208,382 tersebut kepada SYABAS serta-merta apabila Perintah dibuat;

iii) Kos tindakan akan dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada SYABAS dalam apa jua keadaan; dan

iv) Relief sedemikian yang selanjutnya atau relief lain atau remedi sepertimana yang dianggap adil oleh Mahkamah.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 10 Oktober 2011, peguam cara Kerajaan Negeri memaklumkan Mahkamah Tinggi bahawa Memorandum Kehadiran telah difailkan pada 30 September 2011 dan permohonan untuk kebenaran memfailkan Pembelaan telah difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 10 Oktober 2011. Mahkamah kemudiannya menetapkan pengurusan kes seterusnya pada 4 November 2011 untuk arahan selanjutnya. Pada 14 Oktober 2011, Mahkamah membenarkan Defendan memfailkan Pembelaan selewat-lewatnya menjelang 4 November 2011 dan Plaintif perlu memfailkan Jawapan selewat-lewatnya menjelang 18 November 2011. Mahkamah mengekalkan pengurusan kes yang telah dijadualkan pada 4 November 2011 bagi memantau perkembangan tindakan guaman tersebut. Pada 4 November 2011, peguam cara Kerajaan Negeri memaklumkan Mahkamah bahawa Pembelaan telah difailkan pada 4 November 2011. Mahkamah mengarahkan SYABAS memfailkan notis untuk menghadiri pengurusan kes sebelum perbicaraan selepas memfailkan Jawapan pada 18 November 2011. Mahkamah menetapkan pengurusan kes berikutnya pada 29 November 2011.

Pada 21 November 2011, Jawapan SYABAS telah difailkan di Mahkamah Tinggi dan diserahkan kepada peguam cara Defendan pada 18 November 2011.

Sewaktu berlangsungnya pengurusan kes pada 29 November 2011, Mahkamah Tinggi menetapkan pengurusan kes selanjutnya pada 14 Disember 2011 untuk SYABAS memfailkan notis bagi menghadiri pengurusan kes setelah penutupan rayuan dan bagi Kerajaan Negeri memohon untuk kebenaran mengeluarkan notis Pihak Ketiga terhadap Kerajaan Persekutuan.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Perkara yang dibangkitkan bagi pengurusan kes pada 14 Disember 2011 telah ditetapkan untuk sebutan pada 23 Disember 2011 bagi menetapkan tarikh perbicaraan untuk permohonan Defendan bagi kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga terhadap Kerajaan Persekutuan, yang difailkan di Mahkamah pada 14 Disember 2011.

Semasa perbicaraan diadakan pada 23 Disember 2011, Kerajaan Persekutuan membantah permohonan Defendan untuk kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga terhadap Kerajaan Persekutuan. Mahkamah Tinggi menetapkan perkara tersebut untuk satu lagi pengurusan kes pada 26 Januari 2012 dan perbicaraan pada 16 Februari 2012.

Semasa pengurusan kes yang berlangsung pada 26 Januari 2012 untuk permohonan Defendan bagi mengeluarkan notis pihak ketiga (dalam Lampiran 13), Mahkamah Tinggi menetapkan 8 Februari 2012 untuk Plaintif memfailkan afidavit jawapan kepada afidavit defendan bertarikh 25 Januari 2012 dan menetapkan seterusnya 13 Februari 2012 untuk pihak terbabit memfailkan penghujahan mereka masing-masing secara serentak. Tarikh perbicaran yang ditetapkan sebelumnya pada 16 Februari 2012 dikekalkan.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 16 Februari 2012, permohonan Defendan untuk kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga terhadap Kerajaan Persekutuan ("Permohonan"), Mahkamah Tinggi telah menerima Permohonan Defendan tanpa perintah berkaitan kos dan selanjutnya telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes bagi Arahan Pihak Ketiga pada 5 Mac 2012, dan Perbicaraan Tindakan Guaman utama, masing-masing pada 29 Mei 2012 dan 30 Mei 2012.

Pada 5 Mac 2012, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 28 Mac 2012 bagi membolehkan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan memfailkan dan menyerahkan rayuan masing-masing dalam prosiding Pihak Ketiga.

Pada 28 Mac 2012, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 17 April 2012 bagi membolehkan pihak terbabit memuktamadkan isu yang akan dibicarakan, seberkas dokumen dan senarai saksi. Mahkamah Tinggi juga menetapkan dua (2) tarikh perbicaraan selanjutnya untuk perkara tersebut pada 14 dan 15 Jun 2012 selain 29 dan 30 Mei 2012 yang telah ditetapkan lebih awal. Mahkamah Tinggi telah menjadualkan semula pengurusan panggilan untuk permohonan Defendan kepada 27 April 2012 yang kemudiannya ditangguhkan kepada 30 April 2012.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes seterusnya pada 8 Mei 2012 dan 15 Mei 2012.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 15 Mei 2012 yang telah didengari bersama dengan perbicaraan yang telah ditetapkan bagi permohonan untuk meminda Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS pada 14 Mei 2012, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan tarikh perbicaraan seterusnya pada 22 Mei 2012 bagi membolehkan pihak terlibat memfail dan menyerahkan afidavit masing-masing. Pengurusan kes turut ditetapkan pada tarikh yang sama.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 22 Mei 2012 berkenaan permohonan untuk meminda Pernyataan Tuntutan yang difail oleh SYABAS, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara tersebut kepada 25 Mei 2012 untuk diputuskan.

Pada 25 Mei 2012, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan keputusan mengenai permohonan untuk meminda Pernyataan Tuntutan yang difail oleh SYABAS pada 29 Mei 2012 bagi membolehkan pihak terlibat melanjutkan perbincangan dan penghujahan berhubung perkara tersebut.

Tarikh perbicaraan yang ditetapkan pada 29 Mei 2012 dan 30 Mei 2012 seperti yang diumumkan sebelumnya telah dibatalkan bagi tujuan yang dinyatakan tadi. Tarikh perbicaraan pada 14 Jun 2012 dan 15 Jun 2012 seperti yang diumumkan sebelumnya telah dibatalkan.

Mahkamah Tinggi seterusnya menetapkan tarikh perbicaraan baharu pada 4 September 2012, 6 September 2012 dan 7 September 2012.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 14 Jun 2012, Mahkamah Tinggi telah menetapkan tiga (3) tarikh perbicaraan tambahan pada 30 Oktober 2012, 31 Oktober 2012 dan 1 November 2012. Mahkamah tinggi seterusnya mengarahkan pihak terlibat untuk memfailkan dokumen tambahan (jika ada) dan isu-isu yang akan dibicarakan pada atau sebelum 31 Julai 2012, serta kenyataan saksi masing-masing satu (1) minggu sebelum perbicaraan.

Pada 22 Jun 2012, Defendan telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan Plaintif untuk meminda Pernyataan Tuntutan.

Pada 28 Jun 2012, Mahkamah Rayuan telah menetapkan rayuan Defendan terhadap Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan, bagi Pengurusan Kes pada 12 Julai 2012.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Sewaktu berlangsungnya pengurusan kes pada 12 Julai 2012 bagi rayuan Defendan terhadap Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes seterusnya pada 14 Ogos 2012 untuk arahan seterusnya.

Mahkamah Rayuan juga telah mengarahkan Defendan untuk memfailkan dalam Rekod Rayuan sebelum 9 Ogos 2012.

Pada 14 Ogos 2012, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perbicaraan bagi rayuan Defendan terhadap Perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan pada 8 Oktober 2012. Mahkamah Rayuan turut mengarahkan pihak terlibat memfailkan penghujahan bertulis mereka masing-masing pada atau sebelum 24 September 2012.

Melalui surat bertarikh 13 Ogos 2012, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut bagi pegurusan kes pada 16 Ogos 2012.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 16 Ogos 2012, peguam cara Defendan telah meminta agar tarikh perbicaraan yang ditetapkan pada 4 September 2012, 6 September 2012 dan 7 September 2012 dibatalkan sementara menunggu penyelesaian rayuan Defendan terhadap Perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan ("Rayuan"). Rayuan tersebut ditetapkan untuk didengari di Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober 2012, seperti yang diumumkan sebelumnya oleh Syarikat pada 14 Ogos 2012.

Mahkamah Tinggi bersetuju untuk membatalkan tarikh perbicaraan pada 4 September 2012 dan 7 September 2012. Saksi bagi SYABAS akan memberi keterangan utama pada 6 September 2012. Perbicaraan akan diteruskan pada 30 Oktober 2012, 31 Oktober 2012, dan 1 November 2012. Pihak terlibat perlu memfailkan kenyataan saksi mereka masing-masing satu (1) minggu sebelum bermulanya perbicaraan.

Perbicaraan yang diadakan pada 6 September 2012 telah ditangguhkan kepada 30 Oktober 2012, 31 Oktober 2012 dan 1 November 2012, iaitu tarikh perbicaraan yang ditetapkan dan diumumkan sebelumnya pada 17 Ogos 2012, sementara menunggu Plaintif dan Pihak Ketiga memfailkan kenyataan tambahan/baharu saksi mereka masing-masing.

Sewaktu berlangsungnya perbicaraan pada 8 Oktober 2012 bagi rayuan Kerajaan Negeri terhadap Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan ("Rayuan"), Mahkamah Rayuan telah menerima Rayuan tersebut dengan kos.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Pada 15 Oktober 2012, peguam cara SYABAS telah memfailkan usul di Mahkamah Persekutuan untuk kebenaran membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan bertarikh 8 Oktober 2012. Mahkamah Persekutuan turut menetapkan usul untuk didengari pada 23 Oktober 2012.

Semasa perbicaraan pada 23 Oktober 2012, Mahkamah Persekutuan telah memberi kebenaran kepada SYABAS untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan bertarikh 8 Oktober 2012 ("Rayuan"). Mahkamah Persekutuan juga telah mengarahkan penetapan tarikh awal bagi perbicaraan Rayuan tersebut. Selaras dengan kebenaran yang diberikan oleh Mahkamah Persekutuan, SYABAS akan mengarahkan peguam caranya untuk meneruskan pemfailan notis rayuan dan rekod rayuan yang berkaitan.

Memandangkan pada 23 Oktober 2012 Mahkamah Persekutuan telah memberi kebenaran kepada SYABAS membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 8 Oktober 2012 (yang menerima rayuan defendan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 29 Mei 2012 yang memberi kebenaran kepada SYABAS untuk meminda tuntutannya), Mahkamah Tinggi telah, pada 30 Oktober 2012 menangguhkan perbicaraan yang telah ditetapkan pada 30 Oktober 2012, 31 Oktober 2012 dan 1 November 2012 sementara menuggu keputusan rayuan SYABAS kepada Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan telah menetapkan tarikh baharu perbicaraan pada 11 Januari 2013, 13 Februari 2013, 14 Februari 2013 serta 15 Februari 2013 dan juga telah menetapkan pengurusan kes pada 17 Disember 2012 bagi pihak terlibat memaklumkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung keputusan rayuan SYABAS kepada Mahkamah Persekutuan.

Pada 20 November 2012, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan rayuan SYABAS kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan bertarikh 8 Oktober 2012, bagi pengurusan kes pada 22 November 2012.

Semasa pengurusan kes pada 22 November 2012, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 10 Disember 2012 untuk pengurusan kes seterusnya sementara menunggu mendapatkan nota keterangan dan alasan penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober 2012.

Pengurusan kes pada 10 Disember 2012, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 31 Januari 2013 untuk perbicaraan rayuan terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober 2012.

Semasa pengurusan kes pada 17 Disember 2012, Mahkamah Tinggi telah membatalkan tarikh perbicaraan yang ditetapkan pada 11 Januari 2013 dan mengekalkan tarikh perbicaraan pada 13 Februari 2013, 14 Februari 2013 dan 15 Februari 2013.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Mahkamah Tinggi juga telah menetapkan pengurusan kes pada 4 Februari 2013 bagi pihak terlibat memaklumkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengenai keputusan rayuan SYABAS kepada Mahkamah Persekutuan yang telah ditetapkan untuk didengari pada 31 Januari 2013.

Pada 31 Januari 2013, perbicaraan bagi rayuan terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober 2012 telah dibatalkan oleh Mahkamah Persekutuan untuk suatu tarikh yang akan ditetapkan dengan sewajarnya berikutan pengaturan semula kes oleh Mahkamah Persekutuan.

Pada 4 Februari 2013, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 6 Februari 2013 sebagai tarikh perbicaraan bagi rayuan terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober 2012.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 4 Februari 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membatalkan tarikh Perbicaraan yang telah ditetapkan pada 13 Februari 2013, 14 Februari 2013 dan 15 Februari 2013, seperti yang diumumkan sebelumnya, atas permintaan yang dibuat oleh Peguam Cara Defendan. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan tarikh baharu Perbicaraan pada 1 Julai 2013, 2 Julai 2013, 3 Julai 2013, 4 Julai 2013, 8 Julai 2013, 9 Julai 2013 dan 10 Julai 2013.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga telah menetapkan tarikh pengurusan kes pada 15 Februari 2013 untuk pihak terlibat memaklumkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengenai keputusan rayuan SYABAS kepada Mahkamah Persekutuan yang telah ditetapkan untuk didengar pada 6 Februari 2013.

Semasa perbicaraan pada 6 Februari 2013, Mahkamah Persekutuan telah menerima rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober 2012, yang pada awalnya telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan dan menganugerahkan kos kepada SYABAS.

Mahkamah Tinggi menunda pengurusan kes yang telah ditetapkan pada 15 Februari 2013 kepada 28 Februari 2013.

Semasa pengurusan kes pada 28 Februari 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengekalkan tarikh Perbicaraan pada 1 Julai 2013, 2 Julai 2013, 3 Julai 2013, 4 Julai 2013, 8 Julai 2013, 9 Julai 2013 dan 10 Julai 2013, seperti yang diumumkan sebelumnya.

Melalui surat bertarikh 8 April 2013, Mahkamah Tinggi telah membatalkan tarikh Perbicaraan pada 1 Julai 2013, 2 Julai 2013, 3 Julai 2013, 4 Julai 2013, 8 Julai 2013, 9 Julai 2013 dan 10 Julai 2013, seperti yang diumumkan sebelumnya dan telah menjadualkan semula tarikh Perbicaraan kepada 2 September 2013, 3 September 2013, 4 September 2013, 5 September 2013, 9 September 2013, 10 September 2013 dan 11 September 2013 dengan sewajarnya.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Pada 20 Ogos 2013, Defendan telah memfailkan permohonan untuk meminda Pernyataan Pembelaan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Permohonan tersebut telah ditetapkan untuk Perbicaraan pada 23 Ogos 2013.

Semasa Perbicaraan dijalankan pada 23 Ogos 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menerima permohonan Defendan untuk meminda Pernyataan Pembelaan. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seterusnya telah mengarahkan Defendan untuk memfailkan Pindaan Pernyataan Pembelaan menjelang 26 Ogos 2013 dan Plaintif perlu memfailkan Jawapan Pindaan menjelang 29 Ogos 2013.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengekalkan tarikh Perbicaraan pada 2 September 2013, 3 September 2013, 4 September 2013, 5 September 2013, 9 September 2013, 10 September 2013 dan 11 September 2013, seperti yang diumumkan sebelumnya.

Perbicaraan bagi perkara di atas telah berlangsung pada 2 September 2013, 3 September 2013 dan 4 September 2013. Pada 2 September 2013, peguam cara Kerajaan Negeri Selangor telah menyampaikan sepina kepada Ketua Pegawai Eksekutif SYABAS. Pada 4 September 2013, Plaintif telah menfailkan permohonan untuk mengetepikan sepina. Seterusnya, Defendan turut memfailkan permohonan untuk meminda semula Pernyataan Pembelaannya. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan Perbicaraan kedua-dua permohonan ("Permohonan") pada 11 September 2013.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membatalkan tarikh Perbicaraan pada 5 September 2013, 9 September 2013, 10 September 2013 dan 11 September 2013 seperti yang telah diumumkan terdahulu, sementara menunggu penyelesaian Permohonan.

Pada 11 September 2013, Perbicaraan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk meminda semula Pernyataan Pembelaan mereka serta permohonan SYABAS untuk mengetepikan sepina yang disampaikan kepada Ketua Pegawai Ekseutif SYABAS telah ditangguhkan kepada 19 September 2013 bagi membolehkan pihak yang terlibat memfailkan Afidavit yang perlu.

Perkara berkaitan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk meminda semula Pernyataan Pembelaan mereka dikemukakan untuk Perbicaraan pada 19 September 2013. Setelah penghujahan daripada kedua-dua Penasihat Undang-undang, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menangguhkan perkara tersebut untuk diputuskan dan sebaik sahaja tarikh untuk keputusan ditetapkan, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur akan turut mendengar permohonan SYABAS untuk mengetepikan sepina yang disampaikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif SYABAS pada 2 September 2013. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seterusnya menetapkan 6 November 2013, 7 November 2013 dan 8 November 2013 untuk sambungan Perbicaraan.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Pada 1 Oktober 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk meminda semula Pernyataan Pembelaannya untuk diputuskan pada 3 Oktober 2012. Seperti yang telah diumumkan, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga akan mendengar permohonan SYABAS untuk mengetepikan sepina yang disampaikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif SYABAS pada 2 September 2013 sebaik sahaja tarikh untuk keputusan ditetapkan.

Pada 3 Oktober 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk meminda semula Pernyataan Pembelaan dengan kos kepada SYABAS. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengarahkan Kerajaan Negeri Selangor menyerahkan pindaan semula Pernyataan Pembelaan pada atau sebelum 8 Oktober 2013, dan sesudah itu, SYABAS perlu menyerahkan jawapan pindaan semulanya pada atau sebelum 11 Oktober 2013, dengan cadangan kepada SYABAS untuk memohon bagi meminda Writ serta meminda semula Pernyataan Tuntutannya.

Perbicaraan berkenaan permohonan Plaintif untuk meminda Writ Saman dan meminda semula Pernyataan Tuntutan dengan menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama pada 6 November 2013 telah ditangguhkan kepada 10 Disember 2013 sementara menunggu pemfailan Afidavit yang perlu oleh Pihak yang terlibat. Permohonan Plaintif untuk mengetepikan sepina yang disampaikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Plaintif serta perbicaraan permohonan Defendan supaya Plaintif mengemukakan dokumen turut ditetapkan pada tarikh yang sama. Tarikh perbicaraan pada 6,7 dan 8 November 2013 telah dibatalkan oleh Mahkamah sementara menunggu penyelesaian permohonan di atas.

Pada 10 Disember 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menangguhkan perbicaraan permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman serta meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama kepada 20 Januari 2014. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga telah menetapkan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Writ Saman SYABAS serta meminda Pernyataan Tuntutan untuk sebutan pada 20 Januari 2014. Peguam cara Kerajaan Negeri Selangor seterusnya menarik balik sepina yang disampaikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif SYABAS dengan tiada perintah berkaitan kos. Peguam cara SYABAS kemudiannya telah menarik balik permohonan mereka untuk mengetepikan sepina.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Semasa berlangsungnya perbicaraan pada 20 Januari 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menangguhkan Keputusannya ke suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur selepas penghujahan oleh kedua-dua pihak berkenaan permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman dan meminda semula Pernyataan Tuntutan untuk menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga telah menetapkan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Writ Saman SYABAS dan meminda Pernyataan Tuntutan untuk Sebutan pada tarikh yang sama Keputusan dibuat.

SYABAS telah dimaklumkan oleh peguam caranya bahawa Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan 13 Februari 2014 untuk membuat keputusan mengenai permohonan SYABAS bagi meminda Writ Saman serta meminda semula Pernyataan Tuntutan untuk menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama, yang mana permohonan SYABAS telah diketepikan dengan kos. Peguam cara SYABAS telah memohon secara lisan untuk penggantungan prosiding sementara menunggu rayuan yang mana ia turut ditolak oleh Hakim yang bijaksana.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan 7 Mac 2014 untuk perbicaraan permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan Writ Saman SYABAS dan meminda Pernyataan Tuntutan.

SYABAS telah memfailkan Notis Rayuannya di Mahkamah Rayuan pada 14 Februari 2014 yang merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 13 Februari 2014 yang telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman serta meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama untuk pengurusan kes pada 1 April 2014.

Pada 19 Februari 2014, SYABAS telah memfailkan Notis Usul di Mahkamah Rayuan bagi menggantung prosiding Mahkamah Tinggi sementara menunggu rayuan dan Notis Usul ditetapkan untuk didengari pada 4 Mac 2014.

Dengan izin kedua-dua pihak, pada 4 Mac 2014, Mahkamah Rayuan telah membenarkan penggantungan sementara prosiding Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Notis Usul SYABAS bagi penggantungan prosiding Mahkamah Tinggi sementara menunggu rayuan dan Notis Rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 13 Februari 2014 (yang telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman dan meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama) kini ditetapkan untuk didengari pada 2 April 2014.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Pada 7 Mac 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur setelah dimaklumkan tentang penggantungan sementara prosiding Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang diberi oleh Mahkamah Rayuan pada 4 Mac 2014, telah membatalkan perbicaraan yang ditetapkan pada 7 Mac 2014 bagi mendengar permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Writ Saman SYABAS serta meminda Pernyataan Tuntutan dan seterusnya menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 4 April 2014.

Notis Rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 13 Februari 2014 (yang telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman dan meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama) telah ditetapkan untuk pengurusan kes pada 1 April 2014 telah dibatalkan memandangkan rayuan sedang ditetapkan untuk perbicaraan pada 2 April 2014.

Semasa berlangsungnya perbicaraan pada 2 April 2014, Mahkamah Rayuan telah menerima rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 13 Februari 2014 (yang telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman dan meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama) dengan kos sebanyak RM10,000. Selanjutnya, berkenaan permohonan oleh penasihat undang-undang utama SYABAS, Mahkamah Rayuan telah memerintahkan perbicaraan didengari de novo di hadapan Hakim lain di mahkamah NCC5 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Mahkamah Rayuan juga telah menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi penggantungan prosiding Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sementara menunggu penyelesaian cadangan permohonan untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan tidak mengeluarkan perintah terhadap Notis Usul SYABAS bagi menggantung prosiding Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sementara menunggu rayuan.

Pada 4 April 2014, setelah dimaklumkan tentang keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 2 April 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 8 April 2014.

Semasa berlangsungnya pengurusan kes pada 8 April 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan 5 Mei 2014 untuk Sebutan permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan Writ Saman dan Pindaan Pernyataan Tuntutan SYABAS.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(h) PNSB lwn SYABAS

Tindakan Guaman Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-13336-08/2012

Pada 30 Ogos 2012, PNSB telah memulakan prosiding undang-undang terhadap SYABAS melalui pemfailan Writ dan Pernyataan Tuntutan bertarikh 30 Ogos 2012 di Mahkamah Tinggi untuk amaun kena dibayar bagi pembayaran setakat 30 April 2012 untuk pembekalan dan pembelian air terawat ("Amaun Kena Dibayar setakat 30 April 2012").

Dalam Pernyataan Tuntutan, PNSB menuntut seperti berikut:

i) Amaun Kena Dibayar Untuk Pembayaran RM1,211,156,583.09 yang merupakan amaun kena dibayar yang belum bayar dan terakru setakat 30 April 2012; sebagai alternatif, Amaun Kena Dibayar Untuk Pembayaran RM1,072,725,761.32 yang merupakan amaun kena dibayar yang belum bayar dan terakru setakat 30 April 2012;

ii) Sebagai alternatif, jumlah atau jumlah-jumlah lain sedemikian sebagaimana yang boleh ditaksir oleh Mahkamah Yang Mulia yang kena dibayar kepada Plaintif daripada Defendan setakat 30 April 2012;

iii) Selanjutnya, semua jumlah yang timbul dan kena dibayar kepada Plaintif daripada Defendan di bawah peruntukan Perjanjian Bekalan Air yang terakru selepas 30 April 2012 sehingga tarikh Penghakiman;

iv) Kos;

v) Faedah;

vi) Relief sedemikian selanjutnya atau relief alternatif sepertimana yang dianggap sesuai dan wajar oleh Mahkamah Yang Mulia.

Pada 4 September 2012, peguam cara PNSB telah menyerahkan kepada SYABAS Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan bertarikh 30 Ogos 2012 untuk Amaun Kena Dibayar setakat 30 April 2012.

Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 21 September 2012.

Peguam cara SYABAS telah memfailkan Memorandum Kehadiran bagi pihak SYABAS pada 14 September 2012 dan Memorandum Kehadiran tersebut telah diserahkan kepada peguam cara PNSB pada 18 September 2012. Semasa berlangsungnya Pengurusan Kes berkenaan perkara ini pada 21 September 2012, tarikh Pengurusan Kes selanjutnya pada 8 November 2012 telah ditetapkan sementara menunggu SYABAS memfailkan Pernyataan Pembelaannya. SYABAS telah memfailkan Pernyataan Pembelaannya pada 17 Oktober 2012 dan kemudiannya memfailkan Pindaan Pernyataan Pembelaan pada 25 Oktober 2012.

Pada 30 Oktober 2012, selain daripada Pembelaan yang telah difailkan oleh Defendan pada 17 Oktober 2012 seperti yang diumumkan sebelumnya, Pindaan Pembelaan Defendan bertarikh 25 Oktober 2012 juga telah disampaikan kepada peguam cara Plaintif pada 25 Oktober 2012.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(h) PNSB lwn SYABAS (sambungan)

Tindakan Guaman Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-13336-08/2012 (sambungan)

Pada 8 November 2012, Mahkamah Tinggi telah mengarahkan Plaintif untuk memfailkan Jawapannya kepada Pindaan Pembelaan Defendan bertarikh 25 Oktober 2012 menjelang 22 November 2012. Mahkamah Tinggi juga telah menetapkan tarikh pengurusan kes seterusnya pada 3 Disember 2012.

Sewaktu pengurusan kes yang diadakan pada 3 Disember 2012, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 16 Januari 2013 dan 8 Julai 2013 dan turut menetapkan tarikh perbicaraan pada 15, 16, 17 dan 18 Julai 2013.

PNSB telah memfailkan permohonan untuk penzahiran dokumen terhadap SYABAS dan perkara tersebut ditetapkan untuk pengurusan kes pada 27 Mei 2013. Semasa berlangsungnya pengurusan kes pada 27 Mei 2013, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perbicaraan bagi permohonan PNSB untuk penzahiran dokumen terhadap SYABAS pada 20 Jun 2013.

Sewaktu berlangsungnya perbicaraan pada 20 Jun 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan 25 Jun 2013 bagi membuat keputusan tentang permohonan PNSB untuk penzahiran dokumen terhadap SYABAS.

Semasa keputusan dibuat pada 25 Jun 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menolak permohonan PNSB untuk penzahiran dokumen terhadap SYABAS dengan kos perlu bayar oleh PNSB kepada SYABAS.

Sewaktu pengurusan kes diadakan pada 8 Julai 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengarahkan pihak terlibat memfailkan pernyataan saksi mereka pada 10 Julai 2013.

Pada 15 Julai 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membatalkan tarikh perbicaraan yang telah ditetapkan pada 15 Julai 2013, 16 Julai 2013, 17 Julai 2013 dan 18 Julai 2013, dan menjadualkan semula perbicaraan kepada 11 November 2013, 12 November 2013, 13 November 2013 dan 14 November 2013. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 17 September 2013.

Pada 15 Julai 2013, PNSB telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 25 Jun 2013 yang menolak permohonan PNSB untuk penzahiran dokumen terhadap SYABAS.

Pada 16 Julai 2013, rayuan PNSB kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 25 Jun 2013 yang menolak permohonan PNSB untuk penzahiran dokumen terhadap SYABAS, telah ditetapkan untuk pengurusan kes pada 20 Ogos 2013.

Pada 29 Julai 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membatalkan tarikh perbicaraan yang telah ditetapkan pada 11 November 2013, 12 November 2013, 13 November 2013 dan 14 November 2013, dan menjadualkan semula perbicaraan kepada 25 November 2013, 26 November 2013, 27 November 2013 dan 28 November 2013. Pengurusan kes yang telah ditetapkan untuk perkara tersebut pada 17 September 2013 kekal tidak berubah.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(h) PNSB lwn SYABAS (sambungan)

Tindakan Guaman Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-13336-08/2012 (sambungan)

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 20 Ogos 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan 21 Oktober 2013 sebagai tarikh perbicaraan untuk permohonan PNSB kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 25 Jun 2013 yang menolak permohonan PNSB untuk penzahiran dokumen terhadap SYABAS.

Sewaktu pengurusan kes dijalankan pada 17 September 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 24 Oktober 2013.

Ketika berlangsungnya perbicaraan pada 21 Oktober 2013 berkenaan rayuan PNSB kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 25 Jun 2013 yang menolak permohonan PNSB untuk penzahiran dokumen terhadap SYABAS, Mahkamah Rayuan telah menangguhkan perbicaraan dan menetapkan tarikh perbicaraan yang berikutnya pada 6 November 2013 sementara menunggu perbincangan mengenai penyelesaian oleh pihak terlibat.

Semasa diadakan pengurusan kes pada 24 Oktober 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 13 November 2013.

Sewaktu perbicaraan diadakan pada 6 November 2013, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan PNSB untuk memperoleh Penzahiran Dokumen daripada SYABAS terutamanya Akaun Pengurusan dan Penyata Kewangan Pengurusan bagi tahun 2010-2013. Selanjutnya, atas permintaan penasihat undang-undang PNSB, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengarahkan bahawa tarikh perbicaraan yang telah ditetapkan pada 25 November 2013, 26 November 2013 dan 27 November 2013 dikekalkan tetapi tarikh perbicaran pada 28 November 2013 dibatalkan.

Pada 25 November 2013, Tindakan Guaman tampil untuk perbicaraan. Antara lain, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengarahkan seperti berikut:

(i) Setakat 30 Jun 2013 amaun sebanyak RM1,510,976,059.48 kena dibayar dan terhutang oleh SYABAS kepada PNSB (yang merupakan jumlah wang belum lunas bulanan bagi bekalan pukal Air Terawat setakat 30 Jun 2013) (“Jumlah Belum Lunas”);

(ii) Apa-apa isu dan/atau tuntutan yang timbul daripada Faedah Bayaran Lewat di bawah peruntukan Perjanjian Bekalan Air (“Tuntutan Faedah”) hendaklah, jika tidak diselesaikan, diselesaikan secara muktamad dan sepenuhnya melalui timbang tara;

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(h) PNSB lwn SYABAS (sambungan)

Tindakan Guaman Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-13336-08/2012 (sambungan)

(iii) SYABAS perlu membayar Jumlah Belum Lunas dan Tuntutan Faedah (sekiranya Tribunal Timbang Tara membuat keputusan yang memihak kepada PNSB) kepada PNSB sekiranya kedudukan kewangan SYABAS membolehkannya membuat bayaran kepada PNSB; dan

(iv) Tiada perintah berkaitan kos.

Dengan Perintah tersebut, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membatalkan tarikh perbicaraan pada 26 November 2013 dan 27 November 2013.

(i) PNSB lwn Kerajaan Negeri

Saman Pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. 24NCVC-369-02/2013

Pada 18 Februari 2013, PNSB telah memulakan prosiding undang-undang terhadap Kerajaan Negeri Selangor dengan memfailkan kertas-kertas guaman yang relevan yang semuanya bertarikh 18 Februari 2013 di Mahkamah Tinggi berkaitan Perjanjian Pengendalian dan Penyelenggaraan bertarikh 7 Mac 2008 berhubung dengan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh di antara PNSB dan Kerajaan Negeri Selangor serta Perjanjian Novasi bertarikh 7 Mac 2008 berhubung dengan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh di antara PNSB, SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor ("Perjanjian").

Dalam Saman Pemula dan Notis Permohonan bertarikh 18 Februari 2013, PNSB menuntut perkara berikut:-

(i) Pengisytiharan bahawa Perjanjian di antara PNSB dan Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 7 Mac 2008 berhubung dengan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh di antara PNSB, SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor adalah sah dan berkuat kuasa menurut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006;

(ii) Perintah terhadap Kerajaan Negeri Selangor bagi pelaksanaan khusus Perjanjian tersebut;

(iii) bahawa Kerajaan Negeri Selangor, sama ada oleh kakitangan atau ejennya atau sesiapa sahaja dihalang daripada menamatkan Perjanjian Pengendalian dan Penyelenggaraan bertarikh 7 Mac 2008 berhubung dengan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh di antara PNSB dan Kerajaan Negeri Selangor serta Perjanjian Novasi bertarikh 7 Mac 2008 berhubung dengan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh di antara PNSB, SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor;

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(i) PNSB lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Tindakan Guaman Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-13336-08/2012 (sambungan)

(iv) bahawa Kerajaan Negeri Selangor, sama ada oleh kakitangan atau ejennya atau sesiapa sahaja dihalang daripada menyerahkan dalam apa cara sekalipun pengendalian dan pengurusan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh seperti yang tertakrif dalam Perjanjian dengan Konsortium Air Selangor Bhd atau sesiapapun;

(v) Kos; dan

(vi) Relief sedemikian selanjutnya atau relief lain sepertimana yang dianggap sesuai dan wajar oleh Mahkamah Yang Mulia.

Pada 20 Februari 2013, peguam cara PNSB telah menyerahkan Salinan Saman Pemula Terpateri, Salinan Notis Permohonan Terpateri dan sesalinan Afidavit Plaintif berhubung dengan Tindakan Guaman terhadap Kerajaan Negeri Selangor.

Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk didengar pada 11 Mac 2013.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 11 Mac 2013, Mahkamah Tinggi telah memerintahkan seperti berikut:-

(i) Pihak terlibat perlu menyelesaikan pertukaran afidavit menjelang 4 Jun 2013; dan

(ii) Tarikh perbicaraan Saman Pemula telah ditetapkan pada 4 Jun 2013.

Tarikh perbicaraan yang telah dijadualkan pada 4 Jun 2013 telah dijadualkan semula untuk pengurusan kes oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memandangkan Kerajaan Negeri Selangor telah memfailkan permohonan untuk mengetepikan Tindakan Guaman PNSB.

Semasa pengurusan kes tersebut, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengarahkan pihak terbabit memfailkan Penghujahan Bertulis serta Penghujahan Jawapan mereka berhubung dengan permohonan Kerajaan Negeri Selangor dan menjadualkan keputusan untuk perkara tersebut pada 10 Julai 2013.

Pada 9 Julai 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menunda keputusan berkenaan permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan Tindakan Guaman dari 10 Julai 2013 kepada 17 Julai 2013.

Pada 17 Julai 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menunda keputusan berkenaan permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan Tindakan Guaman dari 17 Julai 2013 kepada 5 Ogos 2013.

Pada 5 Ogos 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Tindakan Guaman dengan kos. PNSB akan mendapatkan nasihat peguam caranya mengenai bentuk tindakan seterusnya bagi perkara di atas.

40. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(i) PNSB lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Tindakan Guaman Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-13336-08/2012 (sambungan)

Pada 30 Ogos 2013, PNSB telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 Ogos 2013 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Tindakan Guaman dengan kos.

Semasa berlangsungnya perbicaraan pada 6 November 2013 berkenaan rayuan PNSB kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 Ogos 2013 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Tindakan Guaman dengan kos, Mahkamah Rayuan telah menerima rayuan PNSB tanpa perintah berkaitan kos.

Pada 10 Februari 2014, Kerajaan Negeri Selangor memfailkan permohonan untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan pada 6 November 2012 yang menerima rayuan PNSB terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 Ogos 2013 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan Tindakan Guaman dengan kos.

Mahkamah Persekutuan telah menjadualkan perbicaraan permohonan kebenaran oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 2 April 2014.

Sewaktu perbicaraan yang dijalankan pada 2 April 2014, Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan kebenaran oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan pada 6 November 2013 dengan kos sebanyak RM10,000.

(j) PNSB lwn LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor

Kajian Semula Kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No : R2-25-67-03/2014

Pada 27 Mac 2014, PNSB telah memperoleh Kebenaran daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mengadakan prosiding Kajian Semula Kehakiman terhadap LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor ("Prosiding Kajian Semula Kehakiman"). Sewaktu diadakan pengurusan kes pada 10 April 2014 berhubung dengan prosiding Kajian Semula Kehakiman, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memberi arahan bagi pihak terlibat memfailkan dan bertukar afidavit jawapan dan menggariskan penghujahan berhubung dengan kedua-dua relief sementara dan permohonan substantif.

Permohonan untuk relief sementara ditetapkan bagi perbicaraan pada 5 Mei 2014 dan pengurusan kes berikutnya untuk permohonan substantif turut ditetapkan pada 5 Mei 2014.

41. PERISTIWA BERIKUTAN

(1) Syarikat telah dimaklumkan pada 6 Januari 2014 bahawa pejabat Pendaftaran Syarikat di Kementerian Perancangan Negara dan Pembangunan Ekonomi di Republik Kesatuan Myanmar telah mengeluarkan Borang Permit (Sementara) serta Sijil Perbadanan (Sementara) yang mana kedua-duanya bertarikh 31 Disember 2013 bagi menubuhkan sebuah pejabat cawangan di Republik Kesatuan Myanmar, iaitu Puncak Niaga Holdings Berhad (Cawangan Myanmar) ("PNHB (Cawangan Myanmar)").

PNHB (Cawangan Myanmar) telah ditubuh bagi memudahkan Kumpulan PNHB meneroka peluang perniagaan berkaitan air dan air sisa yang berpotensi di Myanmar.

Borang Permit Kekal dan Borang Sijil Perbadanan Kekal yang kedua-duanya bertarikh 31 Disember 2013 telah dikeluarkan kepada PNHB (Cawangan Myanmar) pada 17 Mac 2014. Borang Permit Kekal ini sah dari 31 Disember 2013 hingga 31 Disember 2018.

(2) Berkuat kuasa mulai 7 Januari 2014, subsidiari milik penuh Syarikat yang terlibat dalam perniagaan pembinaan, Lambang Sejagat Sdn Bhd telah menukar namanya kepada Puncak Niaga Construction Sdn Bhd dengan keluarnya Sijil Pertukaran Nama oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

(3) Pada 6 September 2013, subsidiari Syarikat, SINO telah memeterai Perjanjian Pemindahan Ekuiti ("ETA") dengan Luancheng Country Water Supply Station ("LCWSS" atau "Pembeli") bagi pelupusan 83.99% kepentingan ekuiti dalam Luancheng dengan pertimbangan tunai sebanyak RMB200,000 ("Cadangan Pelupusan Saham dalam Luancheng").

Pada 10 Januari 2014, SINO telah memeterai Perjanjian Tambahan Pemindahan Ekuiti ("ETA Tambahan") dengan LCWSS berhubung dengan pelupusan 83.99% kepentingan ekuiti SINO dalam Luancheng bagi tujuan meminda terma tertentu dalam ETA untuk melindungi kepentingan Sino Water dan meminimumkan pendedahan risiko SINO berhubung dengan bayaran pertimbangan bersih yang perlu dibayar oleh LCWSS untuk Cadangan Pelupusan Saham dalam Luancheng berikutan perubahan dalam peraturan pertukaran asing baru-baru ini yang dibuat oleh pihak berkuasa kawal selia di Republik Rakyat China ("PRC") berkenaan bayaran pertimbangan pembelian bersih kepada pelabur asing, di mana hasil jualan ekuiti atau harga pembelian saham hanya dibenarkan dibayar kepada pelabur asing setelah selesainya pertukaran pendaftaran saham dan maklumat korporat di Biro Pentabiran Negeri bagi Industri dan Perdagangan ("SAIC"), dengan semua terma dan syarat lain dalam ETA kekal tidak berubah.

Pada 21 Februari 2014, Syarikat telah dimaklumkan oleh Luancheng bahawa pada 20 Februari 2014 pihak berkuasa di Republik Rakyat China telah mengeluarkan Lesen Perniagaan Perwakilan Perundangan Perusahaan yang memberi kelulusan kepada subsidiari Syarikat SINO memindahkan 83.99% kepentingan ekuitinya dalam Luancheng kepada LCWSS.

Justeru itu, berkuat kuasa 20 Februari 2014, Luancheng terhenti menjadi subsidiari SINO.

41. PERISTIWA BERIKUTAN (SAMBUNGAN)

(4) Pada 16 Januari 2014, Syarikat telah menandatangani MOU dengan Metropolitan Waterworks Authority, Kingdom of Thailand ("MWA") (secara kolektifnya dirujuk sebagai "Pihak") bagi tujuan kolaborasi antara satu sama lain dalam Program Pertukaran untuk manfaat bersama bersandarkan aktiviti kerjasama antara Pihak menerusi Program Pertukaran, di samping mengukuhkan kekuatan hubungan antara Pihak, meliputi latihan (dengan pelbagai bentuk interaksi dan perkongsian yang bermatlamat meningkat dan memaksimumkan kemahiran kakitangan, pengalaman, pengetahuan dan ilmu berkaitan teknologi), budaya serta sukan. MOU ini adalah sah selama tiga (3) tahun dari 16 Januari 2014 hingga 15 Januari 2017.

(5) Pada 14 Februari 2014, PNSB telah menandatangani Surat Setuju Terima Tender berhubung dengan tawaran tender yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk projek, Pakej D44 - Pembinaan Rangkaian Paip Pembetung di Bunus, Kuala Lumpur (Reka dan Bina). Tempoh kontrak ialah selama 48 bulan dan tarikh penyiapannya ialah 24 Februari 2018.

(6) Pada 10 Mac 2014, PNSB menerima surat yang difakskan bertarikh 7 Mac 2014 daripada LUAS yang menyatakan bahawa sejajar dengan keputusan Kerajaan Negeri Selangor pada 12 Februari 2014, syarikat konsesi pembersihan air di Selangor akan dibenarkan mengendali aktiviti pengabstrakkan air mentah sehingga tamatnya tempoh lesen pengabstrakkan air mentah sedia ada pada 31 Mei 2014, yang mana berikutan itu tiada pembaharuan lesen kecuali terdapat arahan lanjut yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pada 20 Mac 2014, PNSB telah memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk kebenaran mengadakan prosiding Kajian Semula Penghakiman terhadap keputusan LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor seperti yang dimaklumkan oleh LUAS kepada PNSB melalui surat bertarikh 7 Mac 2014 untuk tidak memperbaharui lesen pengabstrakkan air mentah PNSB melewati 31 Mei 2014. Maklumat berkaitan prosiding undang-undang ini didedahkan dalam Nota 40(j) kepada penyata kewangan.

(7) Pada 14 Mac 2014, Syarikat telah mengambilalih sebuah syarikat tersedia, iaitu Magnum Nature Sdn Bhd (No. Syarikat 1066469-V) ("Magnum Nature") yang terdiri daripada dua (2) saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, yang mewakili 100% jumlah saham diterbitkan dan berbayar Magnum Nature dengan pertimbangan tunai berjumlah Ringgit Malaysia Dua (RM2.00) sahaja ("Pengambilalihan").

Pengambilalihan ini adalah untuk memudahkan rancangan pengembangan perniagaan Kumpulan. Magnum Nature akan kekal tidak aktif buat masa ini.

41. PERISTIWA BERIKUTAN (SAMBUNGAN)

(8) Pada 18 Mac 2014, SINO telah menambah amaun pelaburan sebanyak USD350,000 dalam LUWEI, iaitu sebuah subsidiari liabiliti terhad dengan 91.94% pemilikan dan telah diperbadankan di Daerah Lushan, Wilayah Henan, di Republik Rakyat China di bawah Undang-undang Syarikat China.

